

Fasa Kedua

# FASA KEDUA

AZIZ ZARIZA AHMAD  
Firma Malaysia Publishing.

Karya-Karya lain oleh pengarang:

1. UMNO, Falsafah Dan Perjuangan.
2. Rindu-Rindu di Kampus (Novel).
3. Hussein Onn: Era.
4. Warisan Kepimpinan (Suntingan Ucapan Y.A.B. Dr. Mahathir Mohamad).
5. Sebutir Permata di Menara (Riwayat Profesor Diraja Ungku Aziz).
6. Putera Raja Dihati Rakyat (Politik Tengku Razaleigh Hamzah).
7. Pemikiran Intelektual Islam Di Malaysia.
8. Bila Angin Menderu (Novel).
9. Taib Mahmud: Kearah Impian Bersama Sarawak.
10. Putera Negara: (Perjuangan Politik Tunku Abdul Rahman Putra)

Firma Malaysia Publishing,  
Cetakan Pertama : Oktober 1988  
Hakcipta Aziz Zariza Ahmad

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan dalam apa juga bentuk dan dengan apa juga cara, baik elektronik, fotocopy, mekanik mahupun lain-lain, mana-mana bahagian artikel/ilustrasi, isi kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis daripada pihak penerbit.

M

320 9595  
A21

576910

Untuk,  
Kedua Ibu dan Ayah,  
Isteri dan anak-anakku,  
Seluruh generasi bangsa,  
Rakyat Malaysia yang tercinta.

“Bangsa yang hidup akan tetap  
hidup selama bangsa itu tidak  
melupakan jasa pahlawannya...”

Pujangga Iqbal.

# PENDAHULUAN

Sebagai rakyat Malaysia, kita bertanggungjawab untuk membuat sesuatu dalam membentuk pendapat ke arah yang boleh memberi sumbangan bagi mewujudkan suatu suasana politik yang damai dan indah, yang jauh daripada kekeliruan sepertimana yang terdapat pada hari ini. Meskipun sumbangan daripada kita tidak merupakan satu penyelesaian yang muktamad tetapi merupakan satu jalan yang dapat kita ambil, bagi membolehkan perkembangan-perkembangan lain yang terangkum dalam seluruh kehidupan kita sebagai rakyat Malaysia, berjalan dan bergerak seperti biasa.

Apabila kita mampu memahami dan melihat suasana politik di dalam satu perspektif yang rasional dan objektif, tanpa terlibat atau terbawa-bawa dengan dorongan perasaan dan fikiran yang penuh emosi, maka kita akan dapat mengagih-agihkan masalah-masalah politik yang berkait rapat dengan masalah-masalah pertumbuhan ekonomi dan masalah-masalah politik yang berkait rapat dengan politik yang wujud di dalam masyarakat.

Menyedari akan hakikat inilah kepimpinan Mahathir diambil sebagai satu subjek sepintas lalu dalam usaha kita melihat dan mengenalpasti susur-galur kepada beberapa masalah yang menyelubungi suasana politik dan ekonomi di negara kita pada hari ini.

Mahathir memulakan era kepimpinan beliau dengan memperkenalkan satu demi satu dasar baru yang beliau anggap sebagai satu cara untuk membangunkan bangsa, masyarakat dan negara. Dalam keghairahan beliau mengumumkan dan melaksanakan dasar-dasar itu, kita melihat ada waktunya, pelaksanaan dasar-dasar tersebut telah mewujudkan suasana kontroversial dari segi penerimaan masyarakat.

Di samping itu beliau telah dihadapkan dengan persoalan persaingan yang hebat antara dua tokoh yang mempunyai pengaruh yang cukup besar di dalam UMNO. Tidak dapat dinafikan Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam, turut memberi sumbangan pada kecapaian-kecapaian yang dapat dilihat di zaman Mahathir. Pada waktu yang sama mereka juga turut memberi imbuhan kepada saham-saham yang

## Fasa Kedua

membentuk masalah-masalah dan kekalutan disekitar kepimpinan Mahathir di hari-hari berikutnya. Oleh itu semoga penulisan buku ini, dapat menjelaskan sesuatu kepada para pembaca khususnya dalam melihat suasana di sekitar pergolakan politik di Malaysia pada hari ini.

## KANDUNGAN

1. <i>Destini Politik — Utusan</i>	1
<del>2. <i>Salasilah</i></del>	<del>24</del>
<del>3. <i>Dasar-dasar</i></del>	42
<del>4. <i>Dasar Luar</i></del>	71
5. <i>Musa vs Mahathir — Bendahara, Tuah, Jebat</i>	97
<del>6. <i>DADAH: Derita Airmata</i></del>	131
<del>7. <i>Media: Kebebasan dan Undang-undang</i></del>	144
8. <i>Sudut Pemikiran — Warisan</i>	158
9. <i>Islam — Satu Harapan Kepimpinan</i>	188
<del>10. <i>Ekonomi Luar Bandar</i></del>	199
11. <i>Tuduhan</i>	211
12. <i>Eksekutif vs Kehakiman</i>	232
<del>13. <i>Forum Antarabangsa</i></del>	263
<del>14. <i>Konflik Razaleigh — Mahathir</i></del>	286
15. <i>Fasa Kedua</i>	324

## DESTINI POLITIK

Kepimpinan Mahathir adalah sesuatu yang akan terus menjadi bahan perbincangan dan kajian. Memandangkan bentuk kepimpinan yang dipamerkan oleh beliau bukan sahaja berbeza dari pemimpin-pemimpin yang lalu tetapi juga sukar untuk difahami oleh kebanyakan rakyat.

Jika era kepimpinan Tunku Abdul Rahman merupakan satu era untuk membawa bangsa Melayu mencapai kemerdekaan atau melepaskan diri dari penjajah, maka seluruh semangat perjuangan dipadukan ke satu arah iaitu untuk mencapai kemerdekaan. Tidak banyak soal jawab atau keraguan kepada usaha-usaha dan perjuangan yang dirintis oleh Tunku Abdul Rahman. Dengan matlamat perjuangan yang jelas, rakyat bersatu dan berdiri teguh di belakang kepimpinan beliau hinggalah Malaya dan kini Malaysia mencapai kemerdekaan.

Begitu juga bila Tun Abdul Razak menggantikan Tunku, era kepimpinan beliau yang menekankan pembangunan difahami oleh rakyat jelata, khususnya penekanan beliau terhadap pembangunan luar bandar mendapat sambutan yang baik dari semua lapisan masyarakat. Era Tun Razak dikenal sebagai era pembangunan. Dalam tergesa-gesa mengambilalih kepimpinan atas satu kematian, Tun Hussein Onn hanya sekadar mengekalkan perjalanan pentadbiran negara.

Ianya lebih merupakan penerusan segala usaha-usaha yang dilakukan oleh Tun Razak. Oleh itu zaman Hussein Onn adalah satu zaman pengekalan status kuasa dan pentadbiran. Tidak ada banyak perubahan yang ketara dari segi dasar atau



perlaksanaan. Sebaliknya apabila Mahathir mengambilalih kepimpinan negara, beliau bukan sahaja muncul sebagai seorang pemimpin yang cukup bersedia tetapi juga seorang pemimpin yang memang mempunyai cita-cita untuk berkuasa. Oleh itu, dapat dilihat bagaimana dasar-dasar yang dilaksanakan di bawah kepimpinan beliau bukan sahaja begitu mendesak dan bertubi-tubi tetapi juga tidak dapat diikuti rentaknya oleh sebilangan rakyat.

Di sinilah wujudnya kekeliruan dalam semangat memahami cita rasa dan dasar-dasar kepimpinan Mahathir. Beliau bukan sahaja seorang pemimpin yang menunggu masa untuk mengambilalih kepimpinan, tetapi mempunyai senarai projek-projek dan dasar-dasar yang perlu dilaksanakan.

Tema kepimpinan beliau adalah tiap seorang bukan sahaja perlu mempunyai fikiran tetapi perlu juga mempunyai kemampuan dalam menjadikan idea-idea tersebut sebagai satu realiti. Beliau muncul sebagai pemimpin yang mempunyai vision yang tersendiri jauh dan progresif, menolak lambang birokrasi dan lebih berminat kepada kejayaan sebuah kerajaan yang dipimpinnya, daripada kejayaan berpolitik secara peribadi.

Pada rakan sejawat dan pengikut-pengikutnya, bagi beliau mereka mempunyai peranan yang penting sebagai peserta dan pemimpin dalam pelaksanaan dasar dan rancangan di peringkat masing-masing. Di satu tahap, Mahathir berjaya memahatkan namanya dengan penuh penghormatan tanpa kasih sayang. (Secara peribadi beliau adalah seorang yang jujur, tampan, gagah, berkeyakinan, cekap dan kadangkala kelihatan agak angkuh dan sinis.)

Keperibadian kepimpinan beliau adalah campuran antara lambang ketegasan dan ego yang kadangkala sukar untuk dipisahkan. Adakalanya pendekatan beliau sederhana dalam melalui atau mengatasi sesuatu isu, tetapi kerap kali keyakinan beliau dalam penyampaian terhadap sesuatu hal itu, menggambarkan seolah-olah beliau seorang yang egoistik. Walaupun itu bukanlah cita rasa beliau.

(Kariier politik beliau bermula pada tahun 1964. Sebagai ahli parlimen, beliau mempamerkan ketajaman fikirannya terhadap sesuatu isu tanpa segan-silu. Darah muda dan semangat waja yang terpahat kukuh di dalam dirinya, sentiasa terserlah dalam ucapan-ucapan beliau, yang menyentuh mengenai ketegasan bangsa, penyelewengan dan kepimpinan negara.

Di satu ketika, pendapat beliau bertelagah secara peribadi dengan kepimpinan parti yang mengakibatkan beliau tersingkir dari arus politik UMNO seketika. Antara pengalaman pahit ialah apabila beliau sendiri pernah kalah, di tangan calon pembangkang, dalam mempertahankan kerusi parlimennya. Bagaimanapun jatuh bangun beliau di dalam politik, di peringkat awalnya, banyak membentuk sifat-sifat kepimpinan beliau pada hari ini, di samping pengalaman yang bertambah.

Seperkara yang nyata di dalam melihat kepimpinan Mahathir ialah ketegasan beliau yang sealign dengan masa. Dalam banyak hal beliau bersikap berterus-terang dan tidak berundur dari kenyataan-kenyataan yang berani dan tegas. Pendekatan yang beliau lakukan ketika menjadi pemimpin pada hari ini, adalah sama dengan pendekatan yang beliau lalui sebagai penyokong kerajaan yang masih muda. Perbezaan umur dan pengalaman tidak mengubah corak ketegasan beliau, sehinggakan kadangkala cara tindak beliau seolah-olah boleh menyelesaikan semua masalah secara sendiri, baik apa juga masalah tersebut.

Ada waktunya cara tindak beliau kelihatan kurang diplomasi, seolah-olah menyatakan bahawa perhubungan peribadi yang baik, tidak ada kena mengena dengan suatu pentadbiran yang baik, meskipun kenyataannya, bukan itu caranya, sesuatu pentadbiran berjalan. Mahathir dalam pendekatannya tidak pernah menyemaikan sokongan atau menunjukkan yang beliau memberi sokongan personaliti. Beliau seolah-olah tidak meminta penghormatan dan pada waktu yang sama agak sukar menunjukkan penghargaan.

Akibatnya sering terdapat kehampaan perasaan, di kalangan orang-orang yang rapat dengannya dan mereka seolah-olah merasa gementar terhadap performance masing-masing sama ada direstui oleh beliau atau tidak. Sikap 'lack of enthusiasm' secara terang-terang oleh Mahathir, membuatkan penyokong-penyokong rapatnya terasa, ada perlakuan 'betrayal'. Walaupun itu bukanlah gambaran peribadi kepimpinan beliau.

(Sebagai seorang pemimpin yang berpandangan jauh serta bersikap waja, beliau tahu menghargai setiap sumbangan yang diberikan.) Bezanya ialah sensitiviti, kesedarannya dan kebolehannya adalah sesuatu yang luar biasa, sukar dirasakan sebagai "sebahagian daripada kita." Sebagai seorang pemimpin Melayu, pendekatan beliau adalah patriotik. Nasionalisme

Melayu merupakan satu ciri pendekatan yang dominan, yang terpancar dari seluruh tindakan dan ucapannya.

Nasionalisme yang didasarkan kepada keyakinan dan ketegasan dalam mempertahankan hak-hak bangsa Melayu. Di satu ketika, apabila fenomena chauvanisma menjadi ketara, sebagai seorang pemimpin, beliau dengan lantang tanpa segan-silu, meminta supaya bukan Melayu, jangan menganggap orang Melayu boleh diambil mudah dan akan tunduk kepada segala cabaran mereka, sambil menyatakan bahawa kesabaran orang Melayu ada hadnya.

Beliau menegaskan, "kita tidak berniat untuk merampas hak sesiapa tetapi jangan sesiapa cuba merampas hak kita."

Di suatu ketika beliau menambah, "kita tidak akan memperdagangkan keselamatan kita sehingga anak cucu kita tidak dapat memanggung kepala."

Ucapan perasaan yang emosi diketepikan, apa yang beliau ingin sampaikan, khususnya kepada orang-orang bukan Melayu ialah jangan mempersoalkan hak-hak yang telah dipersetujui ketika perlembagaan digubal.

Keyakinan beliau dalam menegaskan Nasionalisme, bukanlah merupakan satu emosi yang murah, sebaliknya satu gagasan ke arah meninggikan martabat bangsa. Meskipun bangsa Melayu bukan satu bangsa yang besar, namun adalah menjadi cita-cita beliau untuk melihat bangsa Melayu berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa lain di dunia. Melalui kepimpinan beliau, untuk pertama kalinya rakyat Malaysia dapat merasakan, maruah negara telah diangkat seiring dengan negara maju yang lain.

"Sebagai negara kecil, kita tidak mahu menyebelahi mana-mana blok, kita perlu kawan yang setaraf dengan kita, bukan negara-negara besar yang memandang kita sebagai pelanggan mereka sahaja."

Meskipun ketegasan dan kelantangan beliau dalam menyuarakan Dasar Luar Malaysia mewujudkan suasana pro dan kontra, khususnya di kalangan negara Barat, namun apa yang nyata, Mahathir telah mampu membuka mata negara-negara tersebut, bahawa meskipun Malaysia sebuah negara kecil, ia tetap mempunyai peranan dan tanggungjawab yang sama seperti negara lain yang menjadi anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Ketegasan beliau merupakan suatu desakan hati, aspirasi, harapan dan cita-cita beliau untuk bangsa Melayu dan negara

Malaysia. Ia merupakan sebahagian daripada strategi dan kepimpinan beliau, sejak mengambil alih teraju pada tahun 1981.

Dasar Luar beliau yang jauh lebih aktif dan bebas, mengakibatkan, adanya tanggapan yang mentakrifkan, sebagai dasar yang anti Barat. Bagi Mahathir, walaupun Malaysia negara yang kecil, namun ia memperjuangkan sesuatu yang difikirkan perlu dan adil, jauh daripada anti Barat atau anti Amerika. Malaysia mahu bersahabat dengan semua negara di dunia, kecuali Israel dan Afrika Selatan. Harga persahabatan itu ialah atas dasar persahabatan dan hormat menghormati.

Dasar Luar yang bebas ini juga adalah merupakan aspirasi kemerdekaan Mahathir, yang bererti sebagai sebuah negara yang merdeka, Malaysia tidak boleh dikongkong oleh sesiapa. Ketegasan beliau dalam menyatakan pendirian Malaysia di dalam sesuatu isu, adalah seiring dengan hasrat dan cita-cita nasionalisma beliau.

Nasionalisme menghendaki, agar kebolehan dan keupayaan bangsa Melayu setanding dengan kaum-kaum lain di negara ini. Bagi Mahathir, selagi bangsa Melayu terpaksa bergantung kepada orang lain, untuk tugas-tugas biasa mereka, maka selagi itulah tugas dan kecekapan tertentu, tidak akan ada pada orang-orang Melayu dan selagi itu jugalah, cita-cita dan semangat nasionalisma, akan terus cacat, yang mengakibatkan pengimbangan antara kaum tidak akan tercapai.

Dalam menyerlahkan kepimpinan beliau sebagai seorang pemimpin bangsa, cita-cita nasionalisma yang didendangkan oleh beliau, bukanlah untuk mendabik dada atau bermegah-megah dan sombong mahupun untuk memandang hina kepada orang lain. Sebaliknya pembentukan nasionalisme yang dibawa oleh Mahathir, adalah untuk mendorong umat Melayu supaya meningkatkan kebolehan, agar sama, bahkan lebih tinggi daripada orang lain. Hanya dengan cara ini saja beliau melihat bangsa Melayu dapat menjadi bangsa yang bermaruah, dihormati serta disegani.

Bagi beliau, konsep Melayu takkan hilang di dunia, perlu dianalisa. Melayu jenis apakah yang harus kekal, sama ada satu bangsa Melayu yang mulia atau Melayu yang menjadi hamba kepada orang lain yang selalu meminta-minta, yang lemah semangat dan tidak berupaya mempertahankan diri. Untuk mencapai cita-cita ini, perubahan sikap, merupakan satu

petikan semangat dan slogan yang berterusan sejak awal kepimpinan beliau.

Dalam melihat corak kepimpinan yang dibawa oleh Mahathir, penegasan yang paling ketara, yang sering ditekankan oleh beliau, ialah, soal sistem pemerintahan yang menjadi pilihan orang-orang Melayu. Antara lainnya, beliau sering mengingatkan, bagaimana, walaupun sebelum UMNO ditubuhkan orang-orang Melayu telah menyatakan sokongan mereka kepada sistem demokrasi. Persidangan Melayu yang bersidang untuk menentang Malayan Union adalah dengan secara otomatis, membuat keputusan mengikut lunas-lunas demokrasi dan apabila ianya ditubuhkan, UMNO telah menyatakan pegangannya kepada sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan.

Ideologi lain, sosialis atau komunis, liberal atau konservatif tidak mempengaruhi corak perjuangan UMNO, kecuali demokrasi berparlimen dengan raja berpelembagaan.

Meskipun ada pengaruh sistem British dalam pemilihan UMNO, namun ianya bukanlah suatu penerimaan yang total. Sebaliknya sebagai bangsa yang waras, kajian dan penelitian telah dibuat tentang isi dan hampasnya. Dalam sejarah Melayu yang lalu tidak ada demokrasi, yang ada ialah sistem beraja, di mana raja mempunyai kuasa yang tidak terbatas.

Sistem pemerintahan Melayu ialah sistem feodal. Oleh itu, apabila UMNO memulakan perjuangan, sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan adalah menjadi pilihan, sebagai satu sistem kehidupan bangsa Melayu. Penekanan kepada soal sistem ini sering ditekankan oleh Mahathir dalam banyak ucapannya, kerana beliau melihat betapa perlunya orang-orang Melayu, khususnya ahli-ahli UMNO memahami asas-asas pilihan yang telah dibuat.

Tegas beliau, "kita tidak berasa kesal dengan pilihan kepada demokrasi yang menentukan bahawa jika seorang pemimpin sudah tidak layak lagi, maka ianya tidak dapat mengekalkan kedudukannya. Memang baik jika seorang pemimpin atau sebuah kerajaan tidak diganggu atau dipengaruhi oleh kemungkinan ia dikalahkan bila menggubal dasar dan melaksanakan rancangan. Kerajaan yang tidak merasa takut kepada ugutan sesiapa, kadang-kadang boleh bertindak dengan lebih adil."

Dalam banyak hal sepanjang perjuangan politik Mahathir,

perpaduan tentang sistem pemilihan inilah yang banyak mencabar dan menggugat kelicinan pentadbiran beliau sendiri. Dalam lain kata, ketika penekanan yang bersungguh diajukan oleh beliau, agar orang-orang Melayu memahami dengan sebenarnya corak sistem yang telah dipilih oleh mereka, pada waktu yang sama, fahaman yang tersendiri terhadap corak, sistem demokrasi itu juga, telah mewujudkan fenomena runcing dan penuh 'politiking' dalam era kepimpinan beliau, seolah-olah mencabar guru yang mengajar atau pemimpin yang memimpin.

Berkali-kali beliau menekankan, bahawa di antara gejala buruk, yang muncul bersama kefahaman dan amalan demokrasi tadi, ialah kemajuan ekonomi orang Melayu, yang kemudiannya mencetuskan politik wang dan perebutan tempat. Bagi Mahathir kedua-dua amalan ini, jika tidak dibendung akan menghancurkan UMNO, negara dan sekaligus nasib orang Melayu dan agama Islam akan menjadi buruk jika UMNO turut hancur.

Dasar kepimpinannya, sering menekankan betapa pembangunan sebuah negara bergantung kepada kekuatan, kekukuhan dan kemandirian institusi politik yang didokong oleh negara itu. Sebagaimana Malaysia yang telah merdeka selama hampir 30 tahun, yang telah dipimpin oleh sebuah institusi politik utama, iaitu UMNO dan Barisan Nasional.

Sebuah institusi yang telah mengalami berbagai bentuk dan cara kepimpinan yang berbeza-beza tindakannya, tetapi mempunyai matlamat yang terserlah. Sealiran dengan vision Mahathir sendiri, untuk mewujudkan sebuah negara yang bermaruah tinggi di mata dunia, dengan orang Melayu mendominasi corak politiknya, meskipun secara berkongsi kuasa dengan bangsa lain, berdasarkan konteks perlembagaan 1957. Jika institusi yang dipimpin oleh pemimpin sebelum Mahathir begitu tenang, tidak mengalami sebarang pergolakan besar, maka era Mahathir melihat sebaliknya.

Ia telah menggoncangkan asas-asas bering ketahanan institusi itu sendiri. Akibat dari penggunaan ruang demokrasi yang terlalu bebas dan tendensi berebut tempat dan kuasa yang begitu berleluasa. Ianya seolah-olah merupakan satu pernyataan pada gelombang kekuatan dan kecekanan peribadi Mahathir sendiri. Sebagai pemimpin yang mempunyai ketahanan diri yang kuat dan cekal, gelombang dugaan dan cabaran politik yang

mendatang, adalah seolah-olah mahu menduga kemampuan beliau sebagai seorang pemimpin.

Pada hakikatnya, inilah yang menjadi cetusan krisis demi krisis di zamannya, namun bukanlah merupakan satu kegagalan dalam membendung ianya dari meletus. Sebaliknya merupakan satu bukti bahawa beliau seorang pemimpin yang sanggup di lambung ombak. Destini politiknya, tidak pernah lemah dalam melihat gejala-gejala buruk yang terus mencabar watak kepimpinannya.

Mungkin dalam banyak hal, seluruh cetusan krisis yang berlaku, merupakan kesilapan Mahathir dan para menteri. Walau bagaimanapun perkara yang tidak dapat dinafikan ialah kepimpinan Mahathir, bukan sahaja berhadapan dengan riak politik dari dalam partinya sendiri, sebaliknya sebagai satu cetusan pemikiran bangsa dan masyarakat yang kian dinamik. Lantas kematangan masyarakat itu adalah seiring dengan kekuatan dan kemampuan Mahathir sebagai seorang pemimpin.

Ini bererti, ketegasan dan kekuatan kepimpinan Mahathir tidak akan dapat dilihat dalam satu masyarakat yang statik. Oleh itu, pergelutan dan perebutan kuasa yang berlaku, yang mencabar dan menggugat kepimpinannya, meskipun bukanlah satu alternatif yang baik, dalam usaha mengukur ketangkasan kepimpinan Mahathir, namun jelaslah ianya merupakan satu bukti bahawa Mahathir adalah seorang pemimpin yang berkemampuan, merempuh bukan sahaja cabaran semasa, tetapi juga melahirkan satu bentuk ketahanan diri dan kepimpinan untuk generasi yang akan datang.

Bersama dengan harapan, aspirasi, pandangan yang jauh, cabaran dan pergolakan politik yang trajis, Mahathir sentiasa mampu menampilkan ciri-ciri kepimpinan yang baik, sebagai contoh dan bukti kesanggupan beliau, dalam menghadapi seluruh cabaran. Sebagai seorang pemimpin, semangat pengorbanan beliau dan ketahanan diri ini, adalah sesuatu yang mengkagumkan dan sudah pasti juga sesuatu yang perlu ada pada seorang pemimpin.

Banyak pendapat telah mengatakan bahawa beliau antara Perdana Menteri yang paling banyak diperkatakan, sama ada dalam bentuk kritikan yang rasional atau melulu, tuduhan-tuduhan yang tidak berasas atau ujian yang serius.

Segala tohmah dan fitnah yang dilemparkan kepada beliau, diterimanya dengan tabah. Semangat perjuangan beliau tidak

pernah luntur, dan dalam banyak hal, gerakan-gerakan yang mengadakan fitnah-fitnah itu sendiri yang akhirnya kalah. Musuh-musuh politik beliau, malah pengkritik-pengkritik beliau lebih cepat menyerah dan berubah tentang isu-isu yang menjadi matlamat kritikan mereka.

Ketika Proton Saga dikritik dengan hebatnya, dengan analisa-analisa yang menunjukkan Mahathir pasti membuat kesilapan dalam melancarkan projek tersebut, tiba-tiba ia sekadar menjadi seperti arus yang datang mengikut musim tanpa mampu menghanyutkan sesuatu.

Mahathir tetap berdiri tegak, Proton Saga terus berjalan sehingga belum pun tiba akhir pentadbiran Mahathir, pencapaian yang ditunjukkan oleh projek Proton Saga dan harapan ekspotnya di masa akan datang hampir memalukan para pengkritiknya.

Dalam banyak hal, sikap dan ketahanan serta semangat berkorban yang ada pada Mahathir, membentuk kekukuhan peribadi, untuk menjadi kebal dalam cita-cita meneruskan segala, yang menjadi hasrat dan impiannya, untuk negara dan rakyat Malaysia.

Bagi beliau, semangat berkorban adalah penting. "Kita perlu berkorban sedikit untuk kebahagiaan semua, agar akhirnya kita semua juga yang akan mendapat nikmat keuntungannya."

Atas keyakinan bahawa kejayaan tidak pernah datang semudah mata memandang, beliau bukan sahaja terus menggalakkan rakyat untuk sedia berkorban dalam apa juga penglibatan dan tanggungjawab, tetapi penglibatan itu dapat dilihat sendiri melalui cara beliau berkerja sebagai seorang pemimpin. Walaupun sudah berada di tahun ketujuh pentadbirannya, beliau masih lagi mengekalkan tabiatnya untuk pergi ke pejabat sebelum pukul lapan pagi dan pulang sehingga enam petang. Bagi beliau, kita perlu mengetuk beberapa kali untuk memecahkan benteng, jika tidak kita akan gagal.

Inilah antara dasar beliau untuk mencuba sehingga berjaya. Beliau tidak pernah merasa kecewa atau berputus asa, walaupun suasana politik yang wujud di pertengahan masa pentadbiran beliau, seolah-olah menghendaki beliau segera merasa kecewa.

Semua sifat-sifat ini, membentuk keperibadian beliau sebagai seorang pemimpin adalah hasil dari rangkuman penelitian dan sikap intelektual yang dijalinkan dari kerjaya beliau sebagai seorang doktor. Kerjaya ini memerlukan kesabaran dan



kepakaran, dalam melihat susuralur penyakit atau untuk masa kini, masalah-masalah politik dan sosial, yang sering meragut kestabilan daya fikir dan pelaksanaan dasar beliau.

Walaupun adakalanya, keperibadian beliau, melalui tindakan dan ucapan, menggambarkan sikap yang kontroversial, namun di seluruh pertimbangan, antara pro dan kontra itu, Mahathir adalah seorang yang menguasai dirinya, satu watak yang mempunyai destini yang jelas, bukan sahaja dalam penghayatan hidup beliau seharian tetapi juga dalam merencanakan setiap rancangan kejadian dan kemelut politik, seperti apa yang dapat dilihat dan yang terjadi pada hari ini.

Dalam lain kata, disamping projek-projek dan dasar-dasar yang mudah difahami oleh banyak orang, Mahathir juga cukup berkemampuan, sebagai seorang pemimpin politik, untuk mereka insiden politik, melalui perlakuan watak-watak tertentu, yang akhirnya menuju ke matlamat, memenuhi cita rasa beliau sendiri. Beberapa insiden politik sepanjang pentadbiran beliau sehingga kini, meskipun pada pengamatan pemerhati-pemerhati politik, ianya terjadi di atas cetusan sesuatu insiden, namun sebenarnya, hampir setiap yang berlaku itu berada di dalam remote-control Mahathir sendiri.

Dikira daripada apa segi jua, Mahathir akan muncul sebagai seorang pemimpin yang berjaya, meletakkan suatu garis pemisah, di antara bangsa yang ingin mencapai kemerdekaan dengan bangsa yang ingin memenuhi erti kemerdekaan. Beliau akan muncul sebagai perintis kepada generasi Melayu baru, sebagai orang yang bertanggungjawab, bukan sahaja untuk menonjolkan identiti bangsa, setanding dengan bangsa-bangsa lain tetapi lebih daripada itu sebagai pencari diri soul searching. Suatu keperluan mendesak, dalam proses kebangkitan sesuatu bangsa ialah untuk mengenal dan mencari kelemahan serta kekuatan diri sendiri.

Di sinilah letaknya realiti kepada perjuangan Mahathir, dalam memulakan asas-asas utama pembangunan bangsa. Bermula dari mental, sikap, semangat dan fizikal yang kuat sahaja sesuatu kebangkitan itu akan dapat mencapai kejayaan. Sepertimana tidak ada kejayaan pada bangsa yang takut, lemah semangat dan merasa rendah diri.

Penekanan ini sentiasa dibuat oleh Mahathir dalam usaha-usaha menggempur semangat rakyat, untuk bangun bekerja, bersaing bagi mencapai kesejahteraan bersama. Melalui Dasar

Pandang ke Timur dengan segala interpretasinya, fitrah sebenar disebalik dasar ini, yang terpancar dari hati Mahathir, ialah semangat bekerja dan kesungguhan bangsa-bangsa di Timur seperti Korea dan Jepun, yang telah berjaya menunjukkan kemampuan mereka di mata dunia.

Malangnya, fitrah ini, yang merupakan pancaran jelas, kepada vision seorang pemimpin seperti Mahathir, sengaja disamarkan oleh kegagalan ataupun penglibatan kepada projek-projek yang terdapat di dalam Dasar Pandang ke Timur beliau. Dalam banyak hal, tidak dapat dinafikan, dalam keghairahan beliau untuk membawa masyarakat dan rakyat Malaysia ke satu arah dan ke satu era, sikap beliau yang berterus terang, tidak berdolak-dalik dan pada satu tahap agresif atau kurang diplomatik, dianggap sebagai suatu pertembungan dengan nilai-nilai budaya politik yang sedia ada. Lalu wujudlah keadaan di mana slogan beliau lebih berkumandang daripada penglibatan yang diharapkan.

Secara peribadi, Mahathir sendiri mendahului masyarakatnya dalam pendekatan semangat, fikiran dan kesanggupan berkorban dan bekerja. Oleh itu, apabila desakan berlaku pada masyarakat, yang purata hidup mudah dan bersaing dalam konteks yang biasa, akan wujudlah kekeliruan, kekalutan dan konflik. Hasilnya beliau menjadi seorang pemimpin yang sukar difahami.

Pada hakikatnya, Mahathir adalah seorang yang konservatif dihati, yang melihat nilai murni kehidupan, sama seperti orang lain. Kebimbangan beliau pada kehilangan nilai-nilai tersebut adakalanya lebih sensitif dari kebanyakan yang lain. Bezanya ialah beliau tidak mampu untuk melahirkan sekaligus, perasaan beliau dan diseimbangkan dengan semangat beliau pada kemajuan.

Sebagai seorang demokrat, umpamanya, beliau cukup yakin bahawa, apabila seorang pemimpin itu sudah tidak diterima oleh banyak pihak, maka ia mestilah bersedia untuk menerima hukuman terakhir iaitu berhenti atau meletak jawatan.

"Saya sendiri akan mengundurkan diri sekiranya pimpinan saya telah didapati usang dan tidak memberi faedah lagi. Sekiranya kita tidak sanggup berbuat demikian, maka kita telah bersikap tidak demokrat."

Ini merupakan dasar kepercayaan beliau sebagai seorang demokrat, tetapi banyak pihak, terutama musuh-musuh politik

beliau, yang sengaja membuat interpretasi, berdasarkan kegagalan beliau, dalam pengendalian dasar atau projek-projek tertentu, tetapi bukannya dalam konteks penerimaan umum atau undi majoriti.

Walaupun dalam pertandingan yang dimenangi oleh beliau secara majoriti, musuh-musuh politik beliau terus mengugut dan menikam beliau, sebagai seorang yang tidak demokrat dan tidak bersedia untuk meletak jawatan, berdasarkan kelemahan-kelemahan pentadbiran. Ternyata tindakan mereka sengaja mahu mencemarkan sikap demokrat Mahathir.

Dalam banyak hal, golongan yang tidak bersetuju dengan beliau, melalui tindakan merekalah yang banyak menunjukkan tidak adanya sikap-sikap yang demokratik. Mereka bukan sahaja sengaja membuat interpretasi yang tersendiri terhadap pengertian demokrasi, sebaliknya telah menunjukkan sikap yang negatif, dalam pengamalan demokrasi itu sendiri apabila mereka enggan mematuhi keputusan majoriti, khususnya dalam sesuatu pertandingan yang mereka sertai.

Pada hal mereka juga perlu memahami, apabila golongan terbanyak telah tidak bersetuju dengan mereka, walaupun mungkin kelebihan golongan itu hanyalah 43 suara, mereka mestilah menerima ini sebagai satu pengadilan. Disebabkan ianya adalah satu sistem di dalam parti dan sistem ini tidak akan mencapai kejayaan, kalau ianya tidak sanggup dipatuhi.

Sebagai seorang perjuang yang sentiasa ingin membawa perubahan dan kemajuan, Mahathir cukup sedar tentang pentingnya, memperkukuhkan semangat berani menghadapi segala cabaran hidup. Semangat seperti itu akan menentukan kejayaan bagi mengatasi berbagai masalah yang tidak dapat dielakkan, bukan sahaja oleh golongan miskin tetapi juga golongan kaya. Kegigihan dan keberanian inilah juga lambang perjuangan beliau.

"Kalau kita mudah kecewa dan tawar hati dalam menghadapi sebarang masalah atau cabaran hidup, kita akan ketinggalan zaman. Kita haruslah berani bersaing dengan kaum-kaum lain untuk mencapai kemajuan, sejajar dengan peredaran masa. Walaupun tidak menjadi hasrat kita merebut hak orang lain atau menindas sesiapa, yang nyata ialah persaingan tidak dapat dielakkan. Dalam apa juga bidang, persaingan terpaksa berlaku."

Bagi beliau, sekalipun perpaduan wujud di kalangan orang

Melayu dan ahli UMNO, ianya tidak akan berhasil, jika tidak ada kesanggupan dan kemampuan bersaing dalam semua bidang. Kuasa politik yang datang dari perpaduan yang kukuh, boleh menolong persaingan ini. Tetapi kuasa politik bukan kuasa muktamad untuk menentukan kemenangan. Pada Mahathir, kuasa muktamad ialah kecekapan dan kesanggupan dalam menghadapi aneka jenis halangan dan tekanan.

Sebagai seorang pemimpin, Mahathir tidak berdiri untuk melihat arus berjalan atau mengalir mengikut suasana sahaja. Sebaliknya beliau sentiasa mempunyai arah yang jelas. Adakalanya dalam menuju arah ini, beliau menjadi tergesa-gesa kerana merasakan bahawa peluang kepimpinan yang ada, hanya datang sekali sahaja dan beliau sendiri tidak pernah tahu berapa lama beliau akan berada di situ.

Oleh itu, pada beliau adalah tidak wajar untuk menunggu setiap orang bersetuju dengan beliau sebelum beliau memulakan sesuatu, kerana dengan cara yang demikian, tidak ada apa yang boleh dibuat. Meskipun sebagai seorang pemimpin, beliau boleh menunggu dan mempertahankan status quo yang ada, tetapi seperti katanya, "itu bukanlah erti kepimpinan."

Atas keyakinan kepada kemampuan beliau sendiri untuk memimpin, beliau tidak teragak-agak untuk mengajak rakyat menyertai setiap harapan dan pemikiran beliau. Di dalam perjuangan politik UMNO umpamanya, ianya bukanlah sekadar untuk mendapat pangkat dan kekuasaan, sebaliknya untuk melaksanakan tanggungjawab. Keyakinan beliau pada UMNO begitu kukuh sekali, jauh lebih kukuh daripada mereka-mereka yang berusaha untuk memulihkan UMNO setelah diharamkan. Bagi beliau, parti UMNO bukanlah sahaja parti politik Melayu, sebaliknya sebagai institusi yang merangkumi rakyat Malaysia dan negara seluruhnya.

"Kalau UMNO hancur, nasib dan kehidupan orang Melayu akan terancam di negaranya sendiri, malah orang-orang bukan Melayu juga akan merasa tidak selamat dan sentiasa hidup dalam kegelisahan. Berdasarkan ini, UMNO tetap berjuang dan mengekalkan kestabilan politikinya dengan penuh jujur bukan sahaja untuk orang Melayu tetapi meliputi semua kaum. UMNO bukanlah tempat bagi orang-orang yang tidak jujur dan tidak bertanggungjawab dalam perjuangan. UMNO

tidak akan lari dari asas perjuangannya untuk keutuhan bangsa, agama dan tanahair.”

“Untuk ini kerajaan akan bertindak tegas terhadap pemimpin UMNO sendiri, jika didapati bersalah di segi undang-undang, walaupun tindakan ini menjadikan kerajaan tidak popular. Kemantapan UMNO yang terus kekal hingga hari ini, adalah juga hasil sokongan dari kalangan bukan ahli, termasuk bangsa lain yang tahu menilai kejujuran. Oleh itu UMNO dan kepimpinannya perlu dan mustahak mengekalkan keyakinan ini, supaya ianya terus kekal sebagai teras pemerintahan negara.”

Beliau bukan sahaja cukup yakin pada dasar perjuangan UMNO tetapi berani untuk mengambil setiap tindakan yang berlaku. Namun itu tidaklah pula menyebabkan beliau buta untuk bertindak di atas dasar keadilan. Disebabkan perjuangan UMNO bukanlah perjuangan yang berdasarkan emosional, tetapi hakikat dan realiti yang tercetus dari masa ke semasa, walaupun adakalanya beberapa tindakan yang dilakukan, seolah-olah membelakangkan parti yang menyokongnya.

Namun itulah perjuangan dan cabaran yang perlu ditempuh oleh seorang pemimpin. Beliau tidak akan melayani atau tunduk kepada sebarang tuntutan yang tidak adil walaupun dari ahli-ahli UMNO sendiri. Dalam perjuangan politik beliau, matlamatnya bukan untuk seorang tokoh atau satu-satu golongan tetapi adalah untuk kepentingan dan kebajikan umum.

Walaupun kepada pengundi-pengundi di daerah beliau sendiri, sebagai seorang Perdana Menteri, beliau tidak ragu-ragu menyatakan, ada perkara-perkara tertentu yang tidak dapat beliau berikan. Nyatalah dengan kekuasaan yang ada pada beliau di peringkat yang begitu tinggi, beliau masih belum mabuk untuk mempergunakannya dengan sewenang-wenangnya. Beliau sentiasa membuat perhitungan yang teliti dalam membuat sesuatu tindakan.

Kerasionalan dalam pandangan-pandangannya sepatutnya cukup menyakinkan semua pihak, khususnya kelompok-kelompok rakyat Malaysia yang masih ragu-ragu pada beliau. Mahathir tidak mungkin akan bertindak secara emosi. Beliau tetap akan menjalankan segala yang perlu mengikut kewarasan yang dapat diterima, oleh prinsip perjuangan beliau, yang sejajar dengan khayalan dan cita-cita rakyat serta negara.

"We all know what good and bad values are but it is in the application and practise of good values, the leadership and the party survive or dies." He said.

Bagi beliau jika pemimpin dan parti perlu terus kekal, maka corak kepimpinan yang diberikan, mestilah seimbang dengan kepercayaan yang diletakkan kepada mereka oleh rakyat.

Kalau beliau seorang ahli politik yang bersikap menjual ubat di kaki lima dengan sifat beliau sebagai Perdana Menteri dan tokoh UMNO, tentulah beliau akan membuat seribu janji bagi menjamin kedudukan atau kemenangan beliau, tanpa memperhitungkan apakah beliau dapat memenuhinya atau tidak.

Sebaliknya itulah yang menjadi amalan setengah ahli-ahli politik yang hipokrit, khususnya apabila berlaku pemilihan atau ketika menghadapi pilihanraya. Mahathir dapat mengelakkan dari turut mendendangkan lagu murah dan sepi itu. Di satu peringkat yang lain pula, beliau bukan sahaja cuba menyakinkan pengundi-pengundi di tempatnya, tentang isu atau masalah, tetapi juga memberi keyakinan atas tindakan-tindakan yang diambil oleh parti UMNO, yang kadangkalanya tidak memuaskan ahli-ahli UMNO. Contohnya di dalam pemilihan calon pilihanraya di kawasan-kawasan tertentu, yang sepatutnya ataupun yang diminta oleh ahli-ahli UMNO, supaya diletakkan calon UMNO, beliau dengan terus terang menyatakan perkara itu tidak dapat dilakukan.

Beliau mengingatkan ahli-ahli UMNO, tidak semua kawasan ini boleh dimenangi oleh calon-calon dari UMNO. Ada kawasan-kawasan tertentu di mana calon UMNO hanya sekadar menjadi faktor penentu kemenangan sahaja jika terdapat perpecahan undi. Sebagai sebuah parti yang menjadi tunggak pada perpaduan, tidaklah dapat dinafikan keperluan UMNO untuk bertolak-ansur, malah bukan saja UMNO yang terpaksa bertolak-ansur tetapi juga parti-parti lain yang sama-sama berbaris dengan UMNO.

Banyak tempat juga di mana kemenangan calon-calon UMNO, menurut beliau adalah bergantung kepada sokongan dari kaum-kaum lain. Oleh itu ahli-ahli UMNO juga mestilah memastikan kemenangan calon-calon lain, yang menjadi rakan-rakan UMNO.

Adalah lebih baik calon-calon dari bangsa asing yang mahu bekerjasama dengan UMNO diberi kemenangan, daripada

calon-calon lain yang terdiri dari parti-parti pembangkang. Di dalam soal calon-calon bukan Melayu, yang dilantik di tempat-tempat yang majoritinya orang Melayu pula, Mahathir menyatakan bahawa UMNO bukan saja mementingkan kerjasama yang jujur tetapi juga membuktikan UMNO bukanlah tamak kuasa.

Dengan kesediaan yang sedemikian bererti UMNO dan kepimpinannya, tidak mengamalkan dasar perkauman seperti yang didakwa oleh pihak-pihak tertentu. Mahathir sering memberi hujah-hujah yang meyakinkan kepada masalah-masalah yang dihadapi kepada beliau. Cara jawapan yang diberikan tidak sekadar melepas batuk di tangga, walaupun kepintaran beliau berhujah kadangkalanya, boleh menenggelamkan isu sebenar. Mahathir selalu mempunyai daya sensitif yang kuat pada maksud sebenar soalan-soalan yang dikemukakan kepada beliau. Adakalanya cara jawapan beliau diikuti dengan wajah yang cynical.

Sebagai seorang pemimpin, sikap kewaspadaan tetap ada pada diri beliau. Beliau kerap mengingatkan ahli-ahli UMNO, tentang musuh-musuh yang cuba memecah-belahkan UMNO,

"kalau kita perhatikan pada masa akhir-akhir ini, banyak orang yang bukan menjadi ahli UMNO tetapi menganggap diri mereka sebagai cerdik pandai, selalu memberi pandangan tentang peranan UMNO, mereka sentiasa cuba menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan satu golongan ahli-ahli UMNO supaya timbul perasaan salah faham dan tidak puas hati dengan golongan-golongan UMNO yang lain. Apabila ahli-ahli UMNO bercakaran sesama sendiri maka akan lumpuhlah UMNO dan kelumpuhan itu bererti tercapailah tujuan orang-orang tersebut untuk memecah-belahkan perpaduan di dalam UMNO."

Di dalam hal ini beliau menyeru ahli-ahli UMNO, "sayangilah UMNO dan jangan biarkan parti ini dipecah-belahkan oleh dua tiga pemimpin." Bagi Mahathir ahli-ahli UMNO wajib memperkukuhkan dan menyatupadukan UMNO supaya ia terus menjadi parti politik yang dapat membela agama Islam, orang Melayu dan negara. Beliau mengingatkan, "kita perlu mempunyai pandangan yang kuat kerana orang Melayu masih lemah dan perlukan pembelaan." Tegus beliau.

Mahathir juga meminta agar ahli-ahli UMNO membuat perhitungan strategi untuk mencapai cita-cita parti. Bagi beliau

terdapat banyak cara bagi mendapatkan sesuatu.

"Kita dikehendaki undur ke belakang supaya dengan cara itu dapatlah kita menarik musuh ke arah kehancuran dan kejayaan bagi kita."

Dari masa ke semasa Mahathir sentiasa membuat saranan yang memberangsangkan pada ahli-ahli parti dan rakyat seluruhnya. Beliau akan bercakap dengan idea-idea baru membuat adaptasi yang cukup tangkas dengan setiap perubahan yang berlaku. Waktu menghadapi pilihanraya, beliau mengingatkan orang-orang Melayu, kemungkinan mereka menerima nasib buruk jika mereka tidak menggunakan kuasa mengundi di dalam pilihanraya tersebut.

Kuasa mengundi yang ada perlu digunakan jika mereka mahu UMNO terus memperjuangkan nasib mereka, seandainya orang-orang Melayu gagal menggunakan kuasa yang ada pada mereka, nasib buruk yang akan menimpa nanti adalah tanggungjawab mereka sendiri bukan lagi tanggungjawab UMNO.

Dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi hak mengundi adalah tanggungjawab yang paling penting untuk dilaksanakan. Hak ini bagi beliau tidak boleh dipandang ringan kerana ia akan menentukan parti manakah yang akan memerintah bagi lima tahun akan datang.

Sekalipun beliau sering membuat saranan dan menyeru ahli-ahli UMNO supaya berpadu, bekerjasama dan sebagainya, tetapi pada waktu-waktu tertentu juga beliau tidak segan-silu untuk membidas sikap ahli-ahli UMNO yang tidak berfikir panjang dalam membuat sesuatu tindakan atau hanya tahu meminta sahaja.

"Kalau dahulu mereka boleh bersatu sehingga sanggup berkorban mengapa sekarang tidak boleh?"

Ternyata lah penyatuan dalam mencapai matlamat bagi kemerdekaan bangsa itu jauh lebih mudah daripada mengisi erti kemerdekaan itu. Inilah tanggungjawab yang terdampar luas di hadapan Mahathir. Untuk mengisi kemerdekaan adalah seperti kata Sanusi Junid, "ibarat menenun kain yang tidak sudah-sudah." Cita-cita beliau ialah dalam perjuangan di hari-hari yang akan datang, UMNO boleh berdikari, agar dengan ini UMNO dapat membiayai perjuangan sendiri melalui sumbangan ahli-ahlinya dan bukan daripada orang luar. Ada setengah ahli-ahli UMNO yang berpendapat bahawa UMNO



tidak perlu mengutip wang dari ahli-ahlinya kerana ia mudah mendapat derma dari sumber-sumber lain.

"Mereka ini mengatakan dari kerajaan kita boleh mendapat semuanya, begitu juga menggunakan nama itu dan ini termasuk nama parti, kita boleh mendapat berbagai-bagai bantuan," tetapi soalnya ialah kalau dulu kita boleh bertungkus-lumus mengorbankan pendapatan kita yang sedikit pada masa itu, bekerja hingga larut malam mengapakah nilai itu tidak boleh kita teruskan?" "Patutkan kita bergantung kepada orang lain selama-lamanya ataupun kita mengambil kepada nilai orang UMNO dahulu di mana serba kesempitan tetapi masih dapat menggerakkan UMNO dengan titik peluh mereka sendiri."

UMNO sebelum ini membiayai segala keperluannya dari derma-derma penyokongnya yang dibuat melalui tabung khas yang dipegang oleh ketua-ketua parti sahaja. Tidak siapa pernah menyoal dari mana wang didapati dan bagaimana ia dibelanjakan serta banyak mana wang terkumpul.

Nyatalah kini bantuan itu mula sulit untuk diperolehi kerana para penderma bimbang yang mereka mungkin terseret dalam pergeseran parti. Sikap berdikari ini bukan sahaja perlu pada Mahathir dalam usaha memperkukuhkan perjuangan UMNO tetapi juga dalam melihat perkembangan penghidupan yang lebih luas. Beliau mahu masyarakat Malaysia terdiri daripada orang-orang yang mempunyai fikiran, yang mengetahui, berminat mencari dan menjalankan ujian, terhadap persekitaran mereka, supaya kecapaian dan kemajuan tidak menjadi sesuatu yang mengelirukan.

Bagi beliau, jika Malaysia hendak maju maka rakyatnya perlu membuat persiapan untuk mengejar kemajuan ilmu dan melalui asas-asas yang boleh diperolehi. Secara agak mudah, rakyat Malaysia boleh menjalankan kajian dan pembangunan sendiri, berdikari dalam konteks penyelidikan sebagai satu cara survival dalam kepesatan pembangunan di zaman moden.

Seiring dengan cita-cita beliau, agar UMNO sebagai parti yang dipimpinnnya berdikari, dari segi tabung yang membiayai perjuangan parti tersebut, beliau juga mahu rakyat Malaysia berdikari dalam pengetahuan saintifik, sebagai satu jalan untuk bergerak ke hadapan bagi memenuhi matlamat pembangunan negara di bawah kepimpinan beliau, khususnya untuk menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian.

Semua ini adalah selaras dengan kepercayaan beliau bahawa

kehidupan adalah suatu perjuangan, dimana nikmat tidak akan diperolehi tanpa usaha. Kekayaan tidak akan tiba tanpa berbuat sesuatu atau dengan sikap yang suka menunggu sahaja. Dengan semangat yang terdorong, bersama perwatakan yang teguh ini, adalah dijangkakan, Mahathir akan terus mengetuai sebuah kerajaan dengan inspirasi baru, walaupun beliau mungkin menang dengan hanya satu kerusi sahaja di parlimen ataupun satu undi sahaja dalam pemilihan UMNO.

Memandangkan kehadiran beliau sebagai pemimpin bukanlah disebabkan satu pertandingan tetapi ledakkan 'mission' yang terdapat di dalam dirinya, untuk cuba, mengubah perwatakan orang-orang Melayu dan Malaysia amnya, melalui program-program yang nyata, serta juga tindakan-tindakan, yang kadangkala sukar ditafsirkan.

Tujuh tahun memanjang dengan cabaran, berupa sengketa sesama sendiri dan krisis ekonomi, tidak mungkin dapat memudahkan semangatnya untuk mempunyai sebuah negara Malaysia yang lebih gemilang, untuk kepentingan rakyatnya yang berbilang bangsa. Oleh kerana daya kepimpinan beliau yang melangkahi lebih ke hadapan, dari kesediaan penerimaan masyarakat yang dipimpinnya, maka tindak-tanduk beliau dapatlah disifatkan, sebagai satu perlakuan perwatakan pemimpin, yang sering mencetuskan perubahan tetapi gagal difahami tujuan dan maksudnya, oleh kebanyakan pengikutnya sendiri.

Di sinilah letaknya versatility serta daya tahan kepimpinannya, yang terlahir dari diri beliau sebagai seorang pemimpin. Pimpinan dan kepimpinannya adalah sesuatu takrifan yang kadangkala sukar untuk dipaparkan bagi difahami perwatakan dan cita-citanya.

Banyak pengkritik-pengkritik Mahathir menganggap tindakan yang beliau lakukan setelah menjawat jawatan Perdana Menteri adalah jauh berbeza dengan aspirasi dan cita-cita beliau yang terakam di dalam "The Malay Dilemma," satu-satunya buku yang kontroversial dalam pemaparannya terhadap sikap dan masalah yang dihadapi oleh orang Melayu. Tetapi bagi Mahathir, "I am the same person."

Pada fikiran beliau, zaman pemerintahan beliau merupakan suatu masa yang meminta kepada tindakan-tindakan yang didasarkan kepada keputusan-keputusan yang tepat, untuk bergerak maju ke arah kebangkitan corak ekonomi yang baru,

bagi sebuah negara seperti Malaysia yang mempunyai potensi yang cukup baik untuk membangun.

Atas kepercayaan ini, Mahathir menganggap adalah wajar untuk beliau menggerakkan seluruh negara ke satu arah pertahanan bersama, dasar-dasar, nilai-nilai dan pemupukkan yang berterusan setiap unsur-unsur yang mempunyai potensi pembangunan.

Pada keseluruhannya, di sebalik kekeliruan politik yang dicituskan, memanglah terdapat suatu perasaan Gerakan Bersama Rakyat ke arah yang ingin dituju oleh Mahathir. Bagaimanapun cabaran yang perlu dilalui dalam menghapus nilai-nilai negatif masyarakat sendiri bukanlah sesuatu yang mudah. Inilah sebahagian besar tanggungjawab yang perlu dibereskan oleh Mahathir untuk memastikan seluruh harapan beliau itu mendapat dokongan majoriti rakyat jika tidak pun seluruhnya.

Proses permulaan haruslah bermula dari tangga rumah beliau sendiri atau dari kalangan rakan-rakan kabinet sendiri, agar mereka bergerak dan bertindak di atas persediaan untuk menerima cabaran-cabaran bagi menggerakkan masyarakat, lebih daripada itu agar mereka sendiri memahami akan cita-cita kepimpinan beliau. Jika tidak, seluruh harapan akan hanya menjadi suatu harapan yang tidak berpijak pada bumi nyata.

Tidak dapat dinafikan pandangan-pandangan Mahathir merupakan suatu bentuk perintah yang diterima dengan rasa hormat dan tanggungjawab. Jika ianya dihasilkan dari suatu perbincangan yang khusus tentang keperluan perlaksanaannya oleh rakan-rakan kabinet beliau sendiri, sebelum ianya dijadikan asas untuk menggerakkan masyarakat ke arah kebangkitan bersama, untuk menyahut panggilan kepada bentuk negara yang lebih cemerlang.

Malangnya, di kebelakangan ini Mahathir lebih banyak mempunyai musuh dari kawan yang aktif dari berbagai-bagai bidang. Walaupun keseluruhannya beliau tetap muncul sebagai pemenang tetapi musuh-musuh beliau yang ada di bidang politik dan lain-lainnya, merupakan golongan-golongan yang boleh mencetuskan satu suasana kekeliruan, jika tidak pun kacau-bilau dalam perencanaan seluruh harapan dan idealisma pemerintahan dan kepimpinan beliau.

Mahathir mungkin popular di kalangan rakyat bawahan tetapi golongan elitis dalam bidang-bidang tertentu yang mempengaruhi pendapat awam juga menjadi pencetus kepada

halangan-halangan yang wujud, bagi Mahathir melicinkan pentadbiran beliau. Ini merupakan suatu cabaran yang berterusan, yang perlu dihadapi dengan penuh strategis, jika beliau mengharapkan satu kemenangan yang mutlak. Bukan sahaja kepada cita-cita dan idealisma beliau tetapi lebih daripada itu, penerapan keseluruhan cita-cita tersebut, sebagai satu cara penghayatan kejayaan oleh rakyat dan negara.

Tindakan-tindakan Mahathir kebelakangan ini, jelas menunjukkan bahawa beliau tidak berpura-pura, untuk menggambarkan, seolah-olah dirinya, bukan seorang yang mempunyai cita-cita tinggi. Walaupun pada waktu yang sama beliau kadangkala menafikannya.

Bukanlah hasrat Mahathir untuk mendapat pengiktirafan rakan-rakan sezamannya tetapi adalah nyata, kekuatan terakhir dalam hidup beliau ialah kecapaian. Kecapaian dalam mewujudkan suatu masyarakat yang lebih bahagia. Rakyat Malaysia harus menyedari ini dan untuk mencapai itu kita perlu menyedari, bahawa dalam kita mengharapkan sesuatu yang lebih, maka pada waktu yang sama kita juga harus jangan kurang memberi.

Mahathir adalah pemimpin yang percaya bahawa masa bagi beliau adalah terlalu singkat dalam banyak perkara yang ingin dilakukan. Oleh itu, beliau membahagikannya kepada orang-orang yang terdekat. Kadangkala tanggungjawab ini tidak dilaksanakan seperti yang dikehendaki. Hasilnya ialah percanggahan dari apa yang sebenarnya diharapkan oleh beliau.

Lebih daripada itu, tindak-tanduk orang-orang yang terdekat dengan beliau, kadangkala membawa lebih banyak penjaraknya daripada pencapaian hasil-hasil yang diharapkan. Walaupun mereka-mereka ini bertindak di luar dari harapan beliau, namun sebagai pemimpin beliau sentiasa meneliti, akan kemungkinan arahan-arahan beliau tidak dipatuhi dan sengaja tidak dituruti.

Sebagai manusia yang mempunyai rasa tanggungjawab, beliau ingin melihat setiap permainan yang dilakonkan oleh orang-orang di sekeliling beliau. Pada waktu yang sama beliau juga bersedia untuk bertindak bila tiba masanya. Tidak semua cetusan pada kekeliruan dan kekalutan politik yang terjadi, adalah dirangka dan diakibatkan oleh musuh-musuhnya yang jelas. Mungkin ianya juga merupakan sebagai perancangan yang terselindung, dari orang-orang di sekeliling beliau sendiri, yang

sengaja mewujudkan suasana untuk menangguk di air keruh.

Adalah nyata mereka-mereka ini juga seperti musuh-musuh yang jelas, tidaklah lari dari perhatian Mahathir. Bagi beliau, perhubungan peribadi dan persahabatan, serta tanggungjawab bersama, merupakan ruang-ruang yang punya daerah, kawasan tersendiri. Keseluruhan cabaran yang merentang di hadapan, pada krisis yang memanjang sepanjang pemerintahan, pada suasana yang terdiri pada hari ini, untuk menempuh tahun-tahun yang mendatang, nyatalah Mahathir akan lebih berkeyakinan.

Peperangan hampir tamat dan akan dimenangi, musuh-musuh akan memberi jalan dan beliau akan kurang ditentang. Dari sinilah sebenarnya destini politik beliau bermula, di mana cengkaman yang mengandungi harapan dan tindakan, akan segera terasa oleh rakyat dan negara.

## UTUSAN

Walaupun telah tiga puluh tahun kita merdeka  
Masih terlihat sedikit keraguan dalam perkembangan  
Bahasa Melayu dan Institusi-institusi Bahasa dan  
Bangsa Melayu kadang-kadang seakan berada dalam  
keadaan terancam,

Lebih dari segala masa  
Bangsa Melayu sebagai bangsa asas negara ini  
perlu memperteguhkan semua Institusi Politik  
juga Institusi Raja yang  
menjadi payung kepada segalanya

Lebih dari segala masa  
semua pemimpin Melayu perlu menunjukkan  
ketegasan yang ulung dan rasa perpaduan  
dalam mempertahankan bumi dan budaya warisannya  
dan dalam menunaikan tanggungjawabnya  
untuk membela bangsa Melayu  
di atas tapak sejarah Tanahairnya.

Pendita Profesor Ismail Hussein

## SALASILAH

Biar apa pun yang bakal diperkatakan oleh pengkritik-pengkritik beliau, seperkara yang tidak dapat dinafikan Mahathir sedang membentuk sebuah negara Malaysia moden, mengangkatnya ke suatu arah baru dan ke suatu suasana yang baru. Tidak banyak pemimpin yang mempunyai peluang dan kemampuan untuk berbuat sepertimana yang sedang beliau lakukan.

Di awal pengambilalihan kepemimpinan negara, terbukti di mana-mana, satu suasana baru wujud terhadap matlamat kebangkitan kebangsaan di seluruh negara. Rakyat secara langsung menyambut baik kepada satu bentuk kepemimpinan yang mempunyai matlamat keazaman dan perwatakan baru. Mereka yakin sebagai seorang Perdana Menteri, Mahathir berkemampuan untuk membawa satu era baru kepada kecapaian, keharmonian dan kegemilangan pentadbiran beliau.

Mahathir dilahirkan pada hari Jumaat, 20 Disember, 1925, bersamaan 4 Jamadil Akhir 1344, di sebuah rumah di Jalan Seberang Perak, Alor Setar, Kedah. Beliau merupakan anak bongsu sebuah keluarga yang mempunyai 9 adik beradik. Sebagai seorang anak yang dilahirkan di dalam persekitaran masyarakat Melayu, Mahathir memulakan persekolahan di Sekolah Melayu Seberang Perak. Kemudiannya berpindah ke Sekolah English Kerajaan yang telah diberi nama Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar!)

Beliau dibesarkan di bawah asuhan seorang ibu yang penyayang dan seorang bapa yang tegas dalam pendidikan anak-anaknya, khususnya dalam menyemaikan disiplin pada setiap

ahli keluarga beliau. Nama timangan Mahathir ialah Che Det, sebagai lambang kasih sayang dari keluarga. Hubungan kekeluargaan yang akrab di antara satu sama lain berterusan sehingga Mahathir dewasa.

Sebagai seorang anak yang diasuh sejak kecil dengan ketegasan disiplin dan mempunyai nilai-nilai budi bahasa, Mahathir merupakan seorang anak yang sentiasa patuh pada ayah dan ibu sejak dari kecil sehinggalah beliau dewasa. Walaupun di hari-hari dewasa beliau, banyak keputusan-keputusan penting dalam hidup, diputuskan oleh beliau sendiri, namun sebagai seorang anak yang mengenang budi, beliau sering merujuk terlebih dahulu pandangan kedua ibu bapanya.

Ketika berada di Kolej Perubatan Singapura sebagai usaha memenuhi cita-cita beliau untuk menjadi seorang doktor, beliau telah terpikat dengan seorang gadis yang juga mempunyai kecenderungan di bidang yang sama, Siti Hasmah. Dalam membuat pilihan untuk mengambil Siti Hasmah sebagai teman hidup beliau di hari-hari muka, beliau tidak juga lupa untuk meminta restu dari kedua ibu bapanya terlebih dahulu.

Kedua ibu bapanya turut menyambut baik kehadiran Siti Hasmah di dalam keluarga untuk pertama kali apabila diperkenalkan oleh Mahathir. Pada waktu yang sama, mereka menyedari bahawa anak bongsu ini mempunyai cita-cita yang besar dan sentiasa bersedia untuk menuju ke arah tersebut.

Mahathir banyak dipengaruhi oleh perwatakan bapanya dalam mewujudkan semangat dan keazaman untuk mencapai sesuatu cita-cita. Kesedaran sosial yang kuat juga banyak terilham daripada usaha-usaha yang dilakukan oleh bapa beliau sendiri terhadap penduduk-penduduk luar bandar yang sentiasa ketinggalan di bawah sistem penjajahan. Bapa beliau adalah seorang yang amat mengambil berat tentang pendidikan di kalangan pelajar-pelajar khususnya di luar bandar.

Mahathir sendiri di dalam kerjaya politik beliau sejak awal lagi sentiasa menitikberatkan orang-orang Melayu khususnya, berlumba-lumba untuk meninggikan taraf kehidupan mereka melalui modal yang tidak ternilai iaitu pelajaran. Hasilnya, apabila beliau diberi peluang menjawat jawatan Menteri Pelajaran, beberapa corak perubahan telah dilakukan dalam usaha untuk memperbanyakkan anak-anak Melayu mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran ke



pusat-pusat pengajian tinggi di dalam dan di luar negeri.)

Antaranya ialah dengan mengubah goata kemasukan dan membuat beberapa perubahan dasar dalam corak pemilihan pelajar-pelajar ke pusat-pusat pengajian tinggi. Di samping mewujudkan infrastruktur, sama ada dalam bentuk biasiswa dan juga pusat-pusat pendidikan yang lebih agresif seperti Maktab Rendah Sains MARA, khusus untuk membimbing bumiputera di dalam menyahut cabaran pelajaran negara.)

Pelajaran merupakan suatu pendakian pertama dalam kesedaran politik Mahathir sebagai satu catalyst untuk membawa perubahan pada masyarakat dan bangsa. Sebagai seorang pemimpin, cita-cita beliau adalah untuk melihat suatu bentuk keadilan untuk semua orang dan tidak terjebak dengan kemiskinan, serta tiap-tiap individu mempunyai peluang untuk memperbaiki kedudukan diri masing-masing.

(Sepanjang pendidikan beliau sesuai dengan kehendak Islam, kasih sayang beliau dan penghormatan yang tinggi sentiasa beliau tunjukkan pada ibu beliau. Walaupun setelah menjadi seorang doktor, beliau tetap dengan penuh setia berkunjung ke rumah ibunya hampir setiap hari jika beliau dalam perjalanan pulang.)

Waktu membuka kliniknya di Jitra, kira-kira 12 batu daripada rumah ibunya, di situlah tempat beliau mengambil rehat dan makan tengahari.

(Bapa beliau meninggal pada tahun 1950, manakala ibu beliau meninggal pada tahun 1966. Ianya merupakan kehilangan yang besar pada Mahathir, bukan sahaja sebagai seorang anak bongsu tetapi pengaruh pendidikan dan kasih sayang yang diberikan kepada beliau sepanjang ruang masa bersama mereka.) Bagaimanapun perhubungan yang rapat dan harmoni dalam keluarga beliau sendiri berterusan melalui pembentukan keluarga beliau bersama Siti Hasmah. Di mana perhubungan dengan anak-anak beliau merupakan bentuk perhubungan yang terbuka, penuh hormat dan kasih sayang.)

Sebagai seorang pemimpin dan ketua keluarga, beliau memulakan contoh kehidupan dengan kejayaan membimbing keluarga beliau kepada suatu bentuk kehidupan yang harmoni dan bahagia melalui perhubungan yang baik antara setiap ahli keluarga. Atas kepercayaan bahawa keluarga merupakan unit penting dalam masyarakat dan asas kestabilan sesebuah masyarakat, Mahathir berjaya menjadikan pendidikan anak-

anak beliau dan kehidupan berkeluarga sebagai satu contoh dalam menilai susurgalur kepimpinan dan kestabilan serta kemampuan mewujudkan keharmonian fitrah seorang pemimpin.)

Dibandingkan dengan beberapa pencabar beliau yang bukan sahaja tidak mempunyai keluarga tetapi berkeluarga dalam keadaan yang kucar-kacir, maka Mahathir meletakkan satu asas yang baik dalam membuat penilaian terhadap perlunya kepimpinan menjadi contoh bukan sahaja sebagai seorang pemimpin negara tetapi juga sebagai seorang bapa kepada anak-anak, suami kepada isteri dan ketua kepada sebuah keluarga yang berjaya.

(Sepertimana kebanyakan mereka yang segenerasi dengan beliau, persekolahan Mahathir juga terganggu ketika pendudukan Jepun. Ianya merupakan tahun-tahun yang penuh dengan cabaran. Sebagai seorang anak muda yang sentiasa mempunyai keyakinan diri, semangat untuk mengharung setiap cabaran, beliau tidak mengalah kepada desakan alam sekeliling. Sebaliknya turut bersama dengan dunia kanak-kanak yang lain yang sanggup berdikari dalam menempuh cabaran-cabaran hidup di zaman pendudukan tersebut.

Beliau pernah menjual cendol dan membuka kedai kopi serta menjual buah-buahan di Pekan Rabu yang diadakan tiap-tiap minggu di Alor Setar.

(Pada tahun 1945 selepas pendudukan Jepun, beliau kembali ke Maktab Sultan Abdul Hamid untuk menyambung semula pelajaran beliau. Dengan ketekunan dan ketabahan, pada tahun 1947 beliau berjaya diterima masuk ke Kolej Perubatan King Edward ke VII di Singapura dengan bantuan biasiswa yang terhad daripada Kerajaan Persekutuan pada waktu itu.)

Sejak di sekolah lagi, minat politik beliau telah timbul. Terutama sekali apabila melihat gerakan Massa Melayu terhadap rancangan British untuk menubuhkan Malayan Union yang membolehkan pihak penjajah mengambilalih seluruh pentadbiran negeri-negeri Melayu. Mengetuai sekumpulan kecil pelajar-pelajar di kelas beliau, secara aktif beliau telah menganjurkan penyertaan aktiviti-aktiviti anti Malayan Union. Beliau kemudiannya turut mendaftar sebagai ahli Kesatuan Melayu Kedah dan juga Kesatuan Pemuda Melayu Kedah. Beliau juga berpeluang hadir sebagai pemerhati melalui penyertaan beliau di dalam SERBERKAS di Kongres

Pertubuhan-pertubuhan Melayu di Kuala Lumpur yang menganjurkan penubuhan UMNO.

Apabila Kesatuan Melayu Kedah menjadi sebahagian daripada UMNO dalam tahun 1946, Mahathir menjadi salah seorang ahlinya. Bapa beliau sendiri menggalakkan cita-cita dan inspirasi politik beliau, khususnya ketika usaha-usaha menentang penjajahan British berkobar-kobar di kalangan rakyat Malaya pada waktu itu. Ketika mengembelingkan tenaga untuk menentang Malayan Union, bapa beliau turut memberi pertolongan dari segi kewangan untuk beliau menerbitkan artikel anti Malayan Union dan juga beberapa bentuk poster.

Dari kecil lagi Mahathir mempunyai minat kepada perbincangan. Di hari persekolahan beliau menunjukkan kecenderungan yang amat besar di bidang penulisan dan perdebatan. Malahan jika takdir tidak menentukan yang beliau menjadi seorang doktor, salah satu kerjaya yang akan menjadi pilihan beliau ialah kewartawanan ataupun sebagai seorang peguam.

Sehingga hari ini penulisan merupakan suatu bidang yang terus-menerus menarik minat beliau dan merupakan suatu amalan yang ia lakukan hampir setiap hari di waktu pagi apabila terdapat kelapangan. (Di waktu sekolah beliau merupakan penyunting kepada Majalah Darul Aman yang diterbitkan oleh Maktab Sultan Abdul Hamid pada tahun 1945. Malahan sewaktu berada di Singapura, beliau mula menulis untuk penerbitan Sunday Times dengan menggunakan beberapa nama samaran, termasuk nama yang menjadi belaian keluarga beliau, Che Det.)

Sewaktu berada di Kolej Perubatan, beliau juga menjadi penyunting kepada majalah keluaran kolej tersebut, tidak dapat dinafikan kombinasi pada kesedaran politik dan kemampuan beliau untuk menggunakan bidang penulisan bagi memaparkan pandangan-pandangan beliau, merupakan suatu kebaikan yang memberi peluang kepada beliau untuk mengengahkan bakat diri.

(Antara pengarang yang menjadi minat beliau di hari-hari awal ialah Conan Doyle seorang pengarang yang mewujudkan watak Sherlock Holmes.)

(Mahathir meneruskan cita-cita beliau untuk menjadi seorang doktor setelah berpeluang ke universiti.) Walaupun di peringkat awalnya beliau merupakan seorang yang amat takut pada

mayat.) Bagaimanapun kerana keazamannya dan keyakinan serta kemampuan, beliau memaksa diri untuk mengadakan pembedahan di makmal perubatan terhadap mayat, membolehkan beliau mengatasi masalah ketakutan itu.

Selain dari menjadi seorang pelajar yang berjaya dan amat mengambil berat tentang kebajikan para pelajar, (beliau juga melibatkan diri dalam permainan ragbi, satu-satunya sukan yang beliau boleh bermain).

Di zaman beliau khususnya di tahun-tahun pertengahan 1940an, bilangan pelajar-pelajar Melayu di universiti amatlah berkurangan. Malah pada tahun 1947, bilangan tersebut merupakan 7 orang sahaja, di mana salah seorang daripadanya ialah seorang anak gadis dari Selangor bernama Siti Hasmah. Beberapa orang pelajar yang sezaman dengan beliau pada waktu itu antara lain ialah Dr. Ariffin Marzuki yang pernah memegang jawatan Naib Canselor Universiti Kebangsaan, Dr. Abdul Rahman Awang, Dr. Noor Alang Kassim dan Dr. Wong Soon Kai yang kini menjadi Menteri Pembangunan Infrastruktur di Sarawak.

Dalam hubungan beliau dengan Siti Hasmah di hari-hari awalnya merupakan suatu fenomena yang unik bila dilihat dari tradisi masyarakat Melayu pada waktu tersebut yang menganggap hubungan antara teruna dan dara merupakan sesuatu yang asing. Bagaimanapun kerana penyertaan yang sama di dalam bidang perubatan, membolehkan beliau mengenali Siti Hasmah dengan lebih dekat, sebagai seorang gadis yang bakal mempengaruhi perjalanan hidup beliau di hari-hari yang akan datang. Kesetiaan dan keikhlasan perhubungan sejak di kolej telah berakhir di gerbang perkahwinan.

<sup>1</sup>Pada hakikatnya, kesetiaan juga merupakan ciri penting dalam mengenali watak Mahathir sendiri. Beliau bukan sahaja berjaya menjadi seorang kekasih yang setia tetapi juga sering dibuktikan sebagai seorang yang setia kepada kawan-kawan beliau. Sehingga hari ini perhubungan beliau dengan rakan-rakan sekelas beliau masih lagi diteruskan. Hampir setiap tahun beliau mengadakan perjumpaan dengan mereka untuk mengenang kembali waktu-waktu bersekolah dahulu.<sup>1</sup>

Walaupun perhubungan beliau dengan Siti Hasmah amat akrab di waktu mengikuti kursus perubatan, namun perkahwinan tidak segera datang selepas tamat kursus. Sebaliknya beliau terpaksa bekerja untuk beberapa tahun

sebelum meneruskan hasrat berumahtangga. Antaranya beliau menjadi aperintis perubatan di Hospital Besar Pulau Pinang pada tahun 1954 sehingga '57, beliau pernah menjadi Pegawai Perubatan di Hospital Alor Setar, Perlis dan juga Pulau Langkawi.

Selain dari bidang perubatan, Mahathir juga mempunyai minat di bidang pertukangan. Malah beliau sendiri percaya mempunyai kreativiti di bidang tersebut tetapi tidak mempunyai peluang untuk meneruskan kepakarannya. Bagaimanapun sehingga hari ini beliau masih lagi menghidupkan minat beliau di bidang pertukangan dengan mengadakan workshop beliau sendiri di rumah.

Malah sewaktu menjadi Perdana Menteri, dalam lawatan beliau ke Britain, beliau telah sempat mengambil kursus ringkas pertukangan. Mengikut beliau, ianya bukan sahaja kerana minat beliau yang mendalam di bidang kreativiti pertukangan, tetapi merasakan ianya suatu cabaran pada Malaysia, bagi sebuah negara yang kaya dengan kayu-kayan tetapi tidak mampu menghasilkan bentuk pertukangan yang setanding dengan negara-negara lain.

(Mahathir dan Siti Hasmah berkahwin pada 5hb. Ogos, 1956. Pada tahun 1957, selepas beberapa tahun bekerja, beliau mengambil keputusan untuk membuka klinik perubatan beliau sendiri. Dengan kerjasama dan pertolongan dari isteri yang memahami hasrat suami, mereka telah berjaya membuka sebuah klinik, dikenali dengan Maha Klinik. Pada waktu itu terdapat hanya lima buah klinik persendirian di Alor Setar jika dibandingkan jumlah yang berlipat-ganda pada hari ini. Klinik Mahathir merupakan klinik Melayu yang pertama dibuka.)

Selain dari satu penerokaan baru di bidang perniagaan dan perkhidmatan perubatan, Maha Klinik juga merupakan suatu sambungan kepada cita-cita politik Mahathir sendiri, di mana hasil dari kesempatan beliau memberikan khidmat melalui klinik tersebut, nama beliau telah menjadi terkenal sehingga dipanggil Doktor UMNO. Mereka yang pernah mendapatkan perkhidmatan dari klinik beliau tidak akan melupai sikap beliau yang amat bertolak-ansur kepada setiap pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan. Ada waktunya beliau bukan sahaja tidak mengambil bayaran pada pemeriksaan yang dijalankan tetapi turut memberi tambang kepada pesakitnya, kebanyakannya terdiri daripada penduduk

sekitar luar bandar yang tidak mempunyai pendapatan tetap. Ada yang mendapat perkhidmatan melalui berhutang yang tidak pernah dikutip kembali.

Bila keperluan meminta, Mahathir sentiasa bersedia berkunjung ke rumah para pesakit untuk memberikan khidmat beliau, sama ada secara berkereta, berbasikal ataupun hanya menumpang kawan-kawan. Dengan tindakan yang berlandaskan perhubungan kemanusiaan inilah nama Doktor UMNO menjadi begitu popular dari nama beliau sendiri. Ianya juga merupakan suatu pernyataan yang penuh kasih dan hormat terhadap beliau.

Sebagai seorang bapa kepada tiga anak lelaki dan dua perempuan, Mahathir sentiasa menunjukkan bentuk perhubungan yang penuh timbang rasa di samping tidak mengabaikan keperluan untuk menanamkan semangat dan disiplin kepada anak-anak beliau. Seorang yang telah terdidik dengan peraturan yang tegas, beliau juga cukup yakin bahawa kejayaan anak-anak beliau dapat dibentuk melalui satu ketegasan disiplin yang baik.

Perhubungan dan kemesraan antara Mahathir dengan Siti Hasmah merupakan suatu arus perhubungan yang berterusan sejak hari awal perkenalan mereka sehinggalah pada hari ini. Bersama anak-anak yang membesar, kebahagiaan itu terus terjalin dengan hubungan kekeluargaan yang baik. Setiap anak-anak dilayan dan digalakkan untuk bercakap dan meluahkan fikiran mereka secara terbuka. Perbezaan pendapat merupakan suatu keistimewaan dalam penerimaan oleh kedua ibu bapa mereka.

Sebagai seorang bapa, Mahathir bersedia mendengar fikiran anak-anaknya tanpa berusaha untuk menunjukkan kekuasaan beliau. Sejak terlibat di dalam politik, khususnya selepas memegang jawatan Menteri Pelajaran pada tahun 1974, Mahathir sentiasa cuba untuk memisahkan kehidupan politik dan rumahtangga beliau secara berasingan. Beliau tidak mahu keluarganya turut terlibat dengan masalah yang dihadapi oleh beliau sebagai seorang ahli politik. Apatah lagi untuk diheret bersama dalam gelombang politik yang penuh dengan kecaman dan tuduhan yang kadangkala boleh menyulitkan suasana kekeluargaan.

Siti Hasmah sentiasa berdiri teguh di samping beliau dan sebagai seorang yang terpelajar, beliau turut memahami dan

menolong hasrat dan cita-cita Mahathir. Tidak dapat dinafikan, sebahagian dari kekuatan keperibadian Mahathir sendiri adalah merupakan rangsangan yang berterusan dari Siti Hasmah. Kemampuan mereka mengekalkan bentuk perhubungan yang sedemikian sejak di waktu belajar bersama, di dalam rumahtangga dan juga di hadapan khalayak ramai, merupakan suatu contoh pandangan yang baik dalam menilai kemesraan kehidupan perhubungan suami isteri.

Sebagai seorang wanita, ibu dan seorang isteri, Siti Hasmah mengetahui dengan jelas peranan beliau untuk membantu dan bersama suaminya tanpa menunjukkan ego yang tersendiri yang boleh menukar watak perhubungan mereka. Meskipun sebagai individu, beliau mungkin juga mempunyai cita-cita dan perasaan sendiri tetapi sebagai seorang isteri yang setia, beliau merasakan seluruh kemenangan dan penghormatan lebih patut diterima oleh Mahathir.

Sebagai seorang suami dan pemimpin yang mempunyai minat yang tersendiri, Mahathir juga mengambil berat dalam hal perhiasan di rumah kediaman mereka sama ada di Kuala Lumpur ataupun di Pondok Maharizan di rumahnya di Alor Setar. Masa merupakan sesuatu yang cukup berharga pada Mahathir. Sejak awal pagi cara beliau mendisiplinkan diri dengan penggunaan masa berterusan sehingga hari ini. Beliau akan memulakan penghidupan awal dengan bersembahyang, mengadakan senaman dan mandi pagi. Selepas itu beliau akan menulis sehingga tiba waktu makan pagi. Selalunya pada waktu-waktu yang begini, Siti Hasmah akan membiarkan beliau dengan dunianya yang tersendiri. Adalah menjadi kegemaran Mahathir untuk mengambil makan pagi di beranda rumah bagi menyedut suasana damai dan indah di waktu pagi dengan kicauan burung-burung.

Kemudian beliau akan membaca atau menulis sehingga jam 7.30, di mana beliau akan pergi ke pejabat bagi memulakan tugas-tugas rasmi beliau sebagai seorang pemimpin. Secara peribadi, Mahathir merupakan seorang individu yang suka bekerja dan mempunyai tenaga yang seolah-olah tidak pernah luntur. Beliau akan bekerja di waktu malam selepas makan atau setiap petang jika tidak ada acara untuk dihadiri. Di samping banyak membaca yang merupakan amalan beliau yang berterusan dalam usaha beliau untuk sentiasa memahami suasana dan perkembangan semasa.

Sebagai seorang pemimpin, beliau sentiasa percaya bahawa pembelajaran merupakan suatu proses sepanjang hayat. Ianya bukan sahaja suatu keperluan untuk seorang pemimpin sentiasa mengetahui keadaan semasa tetapi juga merupakan suatu cara untuk tidak mengabaikan masa. Ada waktunya di dalam perjalanan berkereta, beliau akan memasang keset untuk mendengar atau mempelajari sesuatu.

Sebagai seorang pejuang politik seperti lain-lain pemimpin, Mahathir juga mempunyai sejarah jatuh bangunnya yang tersendiri. Antara keunikan beliau dalam arena politik pilihanraya di negara ini ialah pengalaman yang pernah kalah di tangan pembangkang. Bagaimanapun beliau bernasib baik kerana kekalahan tersebut tidak menamatkan riwayat politik beliau sepertimana yang sering terjadi pada tokoh-tokoh politik lain.

{ Ciri politik beliau bermula pada tahun 1964, bila beliau terpilih sebagai ahli parlimen Kota Setar Selatan. Bagaimanapun kesempatan itu baru diperolehi setelah beliau menjadi ahli biasa selama 18 tahun. Pada waktu itu bagi diri beliau ianya bukanlah merupakan satu kecapaian, malahan ianya suatu kepedihan dan kepahitan rasa terutamanya bagi seseorang yang mempunyai cita-cita tinggi dan hasrat perjuangan yang jujur. Tambahan pula dalam waktu awal kemerdekaan dicapai dan dipermulaan masyarakat Melayu mula mengenal politik demokrasi. }

Kebolehan seperti beliau sepatutnya mendapat tempat yang lebih awal. Sayangnya Mahathir tidak bernasib baik kerana tidak mendapat pandangan yang wajar dari pucuk pimpinan. Namun sebagai pejuang parti yang tidak hipokrit dan tidak berlandaskan perjuangan semata-mata untuk mendapat jawatan dan yang seumpamanya, Mahathir tidak berputus asa. Rasa kekecewaan yang pasti ada itu cukup untuk menggugat ketabahan dan kepercayaan beliau pada perjuangan UMNO. Beliau memasuki UMNO adalah berdasarkan kepercayaan bahawa UMNO sebuah parti yang dapat memberi sumbangan kepada perjuangan untuk memenuhi erti kemerdekaan dan aspirasi rakyat. }

Lantas itu beliau sanggup bergelut dengan gigihnya pada setiap cabaran yang mendatang, biarpun kadangkalanya lambungan ombak itu begitu kuat menghempas pantai. Untuk mendapat kepercayaan pada pucuk pimpinan, beliau tidak



bersifat melobi dan yang seumpamanya. Apa yang lebih diutamakan ialah keyakinan perjuangan yang beliau bawa, biar pun kadangkalanya menjaga hati pucuk pimpinan itu satu keperluan sebagai strategi untuk diberi kepercayaan memegang jawatan atau peluang-peluang tertentu.

Bagi Mahathir itu bukanlah cara beliau. Keyakinan beliau terhadap sesuatu itu lebih diutamakan biar pun kadangkalanya bukan sekadar berlawan dengan pucuk pimpinan dan para pemimpin tertinggi parti tetapi juga rakyat terbanyak, khasnya yang terdiri dari berbagai bangsa. Beliau tetap menyatakan setiap pendirian beliau itu dengan tegas tanpa terlalu memikirkan implikasi pada politik sendiri.

¶Selama 5 tahun beliau menjadi Wakil Rakyat. Dalam jangka masa itu juga beliau cuba membina imej beliau di dalam UMNO dan di kalangan masyarakat Melayu sebagai seorang pejuang nasionalis yang gigih. Memainkan setiap isu yang berkaitan dengan hak-hak orang Melayu dengan lantang sehingga beliau mula diragukan sebagai seorang nasionalis yang melampau dari segi pandangan dan tindakan meskipun beliau menafikannya.¶

¶Beliau tidak pernah mendapat sebarang jawatan di dalam kabinet di waktu Tunku Abdul Rahman. Alasannya lumrah sekali, kerana beliau tidak sebulu dengan Tunku. Di dalam pilihanraya tahun 1969, beliau telah ditewaskan di tangan seorang tokoh PAS.¶ Kekalahan beliau dengan beberapa orang lagi tokoh UMNO telah menyebabkan beliau menjadi penentang kepada dasar yang dibuat oleh Tunku dengan lebih lantang. Berbagai interpretasi yang diberikan sebagai sebab kekalahan beliau. Ada yang menganggapnya itu sebagai kekuatan PAS. Ada juga yang menganggap itu sebagai tanda penentangan pengundi-pengundi bukan Melayu terhadap sifat beliau di waktu itu yang dianggap terlalu angkuh dan perkauman.

Biar apapun yang menjadi tangkapan umum dengan segala interpretasi yang tersendiri, seperkara yang tidak dapat dinafikan ialah Mahathir yang dianggap tokoh nasionalis oleh penyokong-penyokong beliau dan seorang yang ultra oleh penentang-penentang beliau telah mengalami kekalahan. Kekalahan yang sudah pasti cukup pahit di dalam saat-saat sedemikian.

Tindaklah dapat dinafikan kekalahan itu telah cukup mengecewakan Mahathir, sekalipun tidak menyebabkan beliau berputus asa. Lalu menjadikan Tunku Abdul Rahman dengan

segala yang dianggap oleh Mahathir sebagai kelemahan peribadi dan pentadbiran beliau, sebagai tempat untuk melepaskan puncak rasa kemarahan dan kebencian beliau selama itu. Soalnya, apakah jika beliau ditakdirkan menang di dalam pilihanraya tersebut, adakah beliau akan menulis surat layang terbuka kepada Tunku pada waktu itu?

Menurut Tunku, ini adalah satu soalan yang susah untuk dijawab kerana bagi beliau, Mahathir sejak mula lagi adalah bersama-sama di dalam kumpulan yang sebelah lagi di dalam UMNO yang mengelarkan diri mereka sebagai pelampau atau bijak pandai.

Dari kenyataan Tunku itu, dapatlah kita membuat tangkapan bahawa kemungkinan untuk Mahathir menulis surat tersebut tetap ada sekalipun beliau mungkin menang di dalam pilihanraya tersebut. Untuk menganggap ianya sebagai satu hamburan yang sentimen dari kekalahan beliau semata-mata adalah tidak wajar. Hanya beliaulah yang mengetahuinya secara jujur sama ada disebabkan kekalahan beliau ataupun keyakinan beliau.

Kekalahan di dalam pilihanraya tersebut menjadikan beliau seorang tokoh UMNO yang lebih unik lagi dibandingkan dengan tokoh-tokoh lain. Hanya beliau saja yang menjadi juara UMNO yang pernah kalah dan berjaya meningkat terus di dalam menyertai parti. Pemimpin-pemimpin besar UMNO yang lainnya tidak pernah mengalami kekalahan tersebut.

Sekalipun pengalaman itu cukup pahit, namum tidak dapat tidak ianya menjadikan Mahathir lebih berhati-hati lagi menghadapi setiap kemungkinan yang mungkin wujud di dalam menghadapi pilihanraya di masa-masa yang akan datang. Kekalahan itu pasti sedikit sebanyak dapat memberi pengajaran kepada beliau dan UMNO sendiri bahawa di dalam percaturan politik, banyak perkara yang boleh terjadi.

Kemuncak dari kekalahan beliau dan surat beliau pada Tunku ialah pemecatan daripada UMNO. Seperkara yang bagi beliau merupakan satu insiden yang cukup menyayatkan. Bagaimanapun secara sedar atau tidak, perisitwa itu menjadikan diri beliau lebih popular di kalangan masyarakat Melayu, khasnya UMNO dan juga masyarakat pelajar.

Peristiwa pemecatan beliau itu ada kebaikannya. Dengan tiba-tiba sahaja beliau menjadi hero di kalangan masyarakat pelajar khasnya. Sesuatu yang agak berlainan daripada yang

diterima oleh Hang Jebat semasa menentang Sultan Melaka di zaman silam.

Perdampingan beliau yang rapat dengan kaum belia dan pelajar menyebabkan beliau boleh sahaja mengeksploitasi suasana untuk menyokong pendirian beliau. Beberapa orang tokoh pelajar di waktu itu telah seiring jalan dengan beliau dalam menentang dasar-dasar Tunku Abdul Rahman.

Pemecatan itu telah menjadikan aktiviti politik beliau terhenti seketika. Sekalipun beliau ada membuat ucapan di atas pentas PAS, namun itu hanyalah sekadar untuk menunjukkan penentangan terhadap pucuk pimpinan dan bukan pada perjuangan UMNO, malah hati dan jiwa beliau tetap berada di dalam UMNO.

Sewaktu di dalam pembuangan, nama beliau tetap menjadi bahan perbincangan. Beberapa orang tokoh UMNO turut mengambil inisiatif dalam usaha mengembalikan beliau ke dalam parti tersebut. Sekembalinya beliau ke dalam UMNO, ianya merupakan puncak kepopularan beliau.

Apabila beliau bertanding sebagai salah seorang Naib Presiden UMNO, sekalipun tewas, beliau telah mendapat undi terbanyak bagi kerusi Majlis Kerja Tertinggi. Suatu tanda bahawa beliau mempunyai potensi yang baik untuk meningkat hiarki kepimpinan parti. Sayangnya kedudukan beliau yang sedemikian masih tidak membolehkan beliau untuk mendapat peluang berada di dalam kabinet kerana kekalahan beliau di dalam pilihanraya.

Pada tahun 1973 beliau telah dilantik sebagai seorang senator. Sekalipun kedudukan tersebut membolehkan beliau untuk dilantik ke jawatan di dalam kabinet, namun ianya hanya menjadi kenyataan setelah beliau memenangi pilihanraya 1974 tanpa bertanding, hasil dari percantuman PAS dan UMNO di dalam Barisan Nasional.

Kemenangan beliau di dalam pilihanraya tersebut telah membolehkan beliau dilantik menjadi Menteri Pelajaran. Kepercayaan yang ditunjukkan oleh Allahyarham Tun Razak pada beliau merupakan satu sokongan moral pada ketokohan beliau. Jawatan Menteri Pelajaran bukan sahaja sebagai jalan perintis untuk peningkatan seterusnya tetapi memang digunakan oleh Mahathir dengan sebaiknya sebagai batu loncatan untuk meningkat di dalam hiarki kepimpinan UMNO.

Sekalipun Kementerian Pelajaran merupakan kementerian yang paling sensitif sekali, namun sepanjang ianya berada di bawah Mahathir, soal-soal kontroversial yang menyentuh Dasar Pelajaran Kebangsaan dan yang relevan dengannya tidak banyak kedengaran.

Era beliau lebih banyak berhadapan dengan masalah-masalah yang dicetuskan oleh para mahasiswa. Sementara perjalanan dasar dan perlaksanaannya tidak ada gangguan. Sekalipun ada ugutan tentang Universiti Merdeka dan yang seumpamanya seperti soal-soal penggunaan bahasa di sekolah-sekolah, namun Mahathir telah mampu menunjukkan kebolehannya mengendalikan hal-hal tersebut. Ketegasan beliau menyebabkan Dasar Pelajaran Kebangsaan berjalan kukuh.

Di dalam pemilihan Majlis Kerja Tertinggi berikutnya, Mahathir bertanding sekali lagi untuk merebut jawatan Naib Presiden. Beliau masuk ke gelanggang dengan kaum guru yang merupakan tenaga penting keutuhan UMNO berdiri di belakang beliau. Soal kenaikan gaji pada kumpulan tertentu yang diumumkan menjelang perhimpunan tersebut telah membolehkan beliau menang ke jawatan itu sekalipun hanya mendapat tempat ketiga.

Tanpa pengumuman kenaikan gaji bersama dengan penyebutan nama beliau sebagai salah seorang tokoh yang tiga itu, kelebihan undi yang sedikit, yang diperolehinya, mungkin jatuh kepada Datuk Harun Idris, yang penuh strategi bertanding jawatan tersebut. Itulah sebenarnya yang menjadi faktor kepada kemenangan Mahathir, merebut jawatan Naib Presiden di dalam Perhimpunan Agung UMNO di tahun 1975. Satu kejayaan politik yang cukup cemerlang dan menyakinkan bagi masa depan beliau.

Dalam banyak hal sikap Allahyarham Tun Razak menyebut nama-nama tertentu di dalam perhimpunan tersebut, tidak disenangi oleh banyak pihak, khasnya, mereka yang bertanding dan para penyokong mereka. Namun di sudut lain pula, kita dapat membuat tanggapan bahawa itu adalah satu bentuk keyakinan, yang ditunjukkan oleh pucuk pimpinan terhadap beliau. Membersihkan sebarang anggapan terhadap tindakan-tindakan beliau. Lebih-lebih lagi Perhimpunan Agung di tahun tersebut, imej Mahathir adalah cukup buruk di kalangan para pelajar khasnya, kerana pelaksanaan Akta Universiti yang penuh dramatik.

Kemenangan beliau dan restu pucuk pimpinan itu, memberikan satu manifestasi, bahawa tindakan-tindakan beliau yang tegas, terhadap mahasiswa, bukanlah semata-mata berasaskan kepada keinginan beliau untuk bertindak dengan sewenangnyanya tetapi juga merupakan satu keputusan yang kolektif.

Pemilihan yang bersejarah itu bagi diri beliau memungkin tuah beliau di hari muka. Demikianlah yang terjadi, bila hanya beberapa bulan sahaja beliau menjawat jawatan tersebut, takdir telah menentukan bahawa Allahyarham Tun Razak, kembali ke alam baqa dan kemunculan Hussein Onn ke mercu UMNO dan kerajaan, telah membuka jalan kepada Mahathir untuk meningkat lagi. Kemenangan beliau sebagai Naib Presiden itulah yang memudahkan juga beliau dipilih oleh Hussein Onn sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Beberapa hari sebelum Allahyarham Tun Razak meninggal dunia, hampir setiap hari akhbar-akhbar memaparkan berita sokongan bahagian-bahagian UMNO dan Kesatuan Ibu Bapa terhadap tindakan tegas beliau bersabit dengan kes pelajar-pelajar Institut Teknologi MARA. Kebetulan pula tercetusnya kes tersebut dicampurtangan oleh beberapa orang tokoh Pemuda UMNO. Mereka cuba memainkan isu para pelajar ini untuk dieksploitasi bagi mendapatkan sokongan moral kepada kes Harun Idris yang mula dibawa ke mahkamah pada waktu yang sama.

Kelincahan politik Mahathir menyebabkan usaha-usaha tertentu dari orang tertentu untuk mengaburkan suasana telah gagal. Beliau telah mendapat sokongan yang menyeluruh dari bahagian-bahagian UMNO. Sokongan yang secara tidak langsung telah memberikan satu mata lagi untuk Hussein Onn menimbang beliau, sebagai calon Timbalan Perdana Menteri.

Rakyat Malaysia pada waktu itu menyaksikan beberapa kejadian trajis dan penuh tanda tanya. Mereka kehilangan pemimpin besar yang telah mengabdikan seluruh hidupnya pada UMNO dan negara. Mereka melihat tokoh UMNO Harun Idris diheret ke mahkamah. Mereka melihat telatah para pelajar ITM yang cuba melawan arahan pihak pentadbiran dalam soal disiplin. Melebihi dari itu semua, rakyat Malaysia tertunggu-tunggu perlantikan Timbalan Perdana Menteri yang baru. Masing-masing membuat ramalan.

Hussein Onn mengambillah pucuk pimpinan negara dalam

keadaan politik negara yang begitu cemas. Beliau terpaksa menghadapi masalah perpaduan UMNO, Khasnya pengikut Harun Idris yang besar jumlahnya, terutama di Selangor dengan kolompok-kolompok lain. Nyatalah pemilihan Timbalan Perdana Menteri telah menjadi pokok persoalan yang hangat di kalangan rakyat Malaysia terutama bangsa Melayu sendiri khususnya, ahli-ahli UMNO. Pemilihan haruslah diterima oleh semua pihak.

Demikianlah rentetan suasana yang menyelubungi di saat-saat perlantikan Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri. Pada dasarnya perlantikan itu telah mendapat dokongan sepenuhnya dari ahli-ahli UMNO, malah seluruh lapisan rakyat Malaysia telah menyokong atas sikap percaya kepada pemilihan yang dibuat oleh pucuk pimpinan. Soal jawab yang timbul di kalangan sesama sendiri telah hilang.

Sekalipun umum menyetujui dengan perlantikan beliau, tetapi Mahathir dengan apa yang dikenal sebelumnya sebagai seorang nasionalis yang ekstrim, tidak dapat tidak telah menimbulkan sedikit keraguan di kalangan rakyat Malaysia keturunan Cina. Bagaimanapun beliau mempunyai banyak waktu di dalam hal ini untuk membuktikan bahawa label-label, yang diberikan kepada beliau, oleh musuh-musuh politik beliau sebagai tidak berasas sama sekali, khasnya yang menyentuh keadilan untuk seluruh rakyat Malaysia.

Perlantikan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri secara tidak langsung memberi satu bentuk sokongan, untuk Mahathir berada di jawatan Timbalan Presiden UMNO. Bila Hussein Onn dipilih ke jawatan Timbalan Perdana Menteri, secara automatik beliau diberi mandat oleh perwakilan kemudiannya sebagai Timbalan Presiden yang sah, di dalam Perhimpunan Agung UMNO, situasi yang sama berulang kepada Mahathir. Sejak perlantikan, beliau bukan sahaja dapat mengelakkan diri dari terlibat dengan isu-isu yang melibatkan tokoh-tokoh lain, malahan telah membuktikan kecekapan beliau dalam menghadapi pelbagai masalah yang timbul.

Pengekalan beliau sebagai Menteri Pelajaran di permulaan perlantikan, bertanggungjawab sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kabinet berkenaan perlaburan dan akhir sekali sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian, merupakan satu lagi tanggungjawab yang dianggap oleh banyak pihak sebagai tanda kepercayaan Hussein Onn kepada beliau.

Dalam perjuangan beliau, masalah ekonomi bumiputera yang ketinggalan sering dijadikan manifesto politik beliau. Di mana-mana juga beliau bercakap, beliau akan menyentuh sama masalah ini. Bagi beliau kejayaan bumiputera di bidang tersebut memberi suatu asas yang lebih kukuh kepada pengekalan politik bangsa Melayu seterusnya. Semua bicara dan ucap kata itu, kini benar-benar diuji, untuk beliau laksanakan dengan terletaknya tanggungjawab tersebut di atas bahu beliau.

Di dalam pergolakan politik UMNO yang begitu ribut sejak Hussein Onn mengambil alih khasnya yang bersangkutan dengan isu Harun Idris, ahli-ahli UMNO dapat mengagak pendirian beliau dengan agak jelas. Kebanyakan ahli percaya beliau juga turut memainkan peranan di sekitar kemampuannya untuk cuba menolong menyelesaikan kes tersebut. Dengan itu para penyokong Harun Idris sekalipun mungkin tidak dapat bersetuju dengan Hussein Onn tetapi mereka dapat bersama dengan Mahathir. Malah umum mengetahui bahawa sejak dahulu lagi Harun dan Mahathir mempunyai hubungan yang rapat. Semasa beliau dipecat oleh Tunku Abdul Rahman, dikatakan Harunlah orangnya yang bersusah-payah membawa beliau kembali ke dalam UMNO. Demikian juga di dalam ribut-ribut undi tidak percaya yang berlaku di dalam UMNO, Mahathir juga turut memainkan peranan penting bagi mengembalikan kestabilan politik di waktu itu.

Dalam pilihanraya tahun 1978, beliau telah berjaya mengalahkan calon daripada PAS, sekalipun hampir semua kekuatan parti itu, yang telah keluar dari Barisan Nasional, diarahkan kepada usaha menjatuhkan beliau. Kemenangan beliau itu juga telah mengekalkan kedudukan beliau di dalam kabinet sebagai Timbalan Perdana di dalam pemilihan Majlis Kerja Tertinggi UMNO 1978, di mana beliau telah menang tanpa bertanding.

<sup>1</sup> Sewaktu menjawat jawatan Menteri Perdagangan dan Perindustrian merangkap Timbalan Perdana Menteri, beliau telah membuat pendekatan-pendekatan yang agresif dalam mengemukakan Malaysia di negara-negara luar bagi menarik pelabur-pelabur luar negeri menanam modal ke negara ini. Beliau sendiri telah membuat lawatan-lawatan untuk memperkenalkan Malaysia. Kejayaan yang diperolehi dari misi-misi pelaburan beliau ke luar negeri, dalam usaha memberikan pendedahan terhadap potensi pelaburan di

Malaysia amat menggalakkan.

Di waktu yang sama delegasi-delegasi yang beliau sertai itu turut mempertajamkan kefahaman beliau tentang diplomasi ekonomi di peringkat antarabangsa. Penglibatan beliau secara langsung dalam menggalakkan pihak swasta, peniaga, bank-bank dan pengusaha-pengusaha dapat memikat dan meyakinkan mereka akan kemampuan beliau menguasai bidang perdagangan dan perindustrian.

Beliau cuba memahami dan memberi sambutan pada setiap saranan yang diberikan, dalam usaha meningkatkan lagi pertumbuhan sektor perdagangan di Malaysia. Pengalaman beliau di sini banyak membentuk kemampuan dalam menganalisa rajah ekonomi negara pada hari ini.

Dalam tahun 1965, beliau telah berpeluang menyertai delegasi Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Di tahun 1967, Mahathir telah menyertai satu Seminar Hal Ehwal Antarabangsa di Universiti Humburg. Sewaktu diadakan persidangan Ketua-ketua Negara Islam di Tariq pada Januari 1981, beliau telah mewakili Perdana Menteri ke persidangan tersebut.

(Pada 16 Julai 1981 bersamaan 13 Ramadhan 1401, Mahathir telah diberi mandat untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat dalam usia 55 tahun. Kehadiran beliau sebagai seorang pemimpin negara selepas merdeka, bukan sahaja berpeluang melihat kembali detik perjuangan dan kecapaian pemimpin negara sebelum dan selepas merdeka tetapi juga dapat menilai dengan lebih teliti lagi segala sesuatu yang belum dapat dilaksanakan oleh para pemimpin tersebut.)

Beliau bukan sahaja akan berpeluang meletakkan satu asas ketahanan yang kukuh, bagi menegakkan negara ini, untuk menjadi sebuah negara yang maju dan stabil, tetapi lebih dari itu, beliau sendiri mempunyai vision, untuk dilaksanakan, terhadap corak pembangunan bangsa dan negara Malaysia di masa akan datang. Selain dari soal-soal kontemporari yang akan mengiringi tugas-tugas beliau, satu perancangan jangka panjang yang kukuh juga dapat diatur dan dilaksanakan.

Lantaran pengambilalihan kuasa oleh Mahathir bukanlah dibuat secara mendadak atau tergesa-gesa, sebaliknya penuh sistematik dan strategis. Sejak mula lagi beliau telah mempunyai satu falsafah perjuangan terhadap bangsa yang hendak dimajukan, masyarakat yang hendak dibentuk dan negara yang hendak dibangunkan. (



## DASAR-DASAR

(Sejak awal kepimpinannya hinggalah pada hari ini, Mahathir terus menerus memperkukuhkan dasar-dasar yang telah diasaskan oleh beliau. Sejak mengambilalih negara, beliau telah memperkenalkan beberapa dasar baru di samping mengekalkan dasar-dasar lama dan juga mengukuhkan beberapa dasar yang lalu, serta perubahan dan pertambahan bagi menyesuaikan dengan kehendak masa dan hasrat, serta cita-cita kepimpinan beliau sendiri.)

(Dasar Ekonomi Baru yang menjadi tunggak perjalanan ekonomi negara tetap diteruskan di bawah kepimpinan beliau. Di samping memperkenalkan beberapa dasar lain seperti Dasar Perindustrian Berat, Pelan Induk Perindustrian, Dasar Pertanian Negara, Pengswastaan, Persyarikatan Malaysia, Hala Cara Baru Dalam Pembangunan Kampung dan Luar Bandar serta dasar-dasar tentang penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran, Dasar Pandang ke Timur, cogan yang berdasarkan Bersih, Cekap dan Amanah, Kepimpinan Melalui Teladan dan juga Dasar Kependudukan Malaysia.)

Di samping dasar-dasar yang berkait dengan hubungan luar negeri seperti mengekalkan konsep bebas kawasan serantau melalui ZOPFAN, konsep kawasan aman bebas dan berkecuali. Beliau juga memperkenalkan tentang pendirian Malaysia dalam dasar Antartika dan rancangan kerjasama teknikal Malaysia dengan negara-negara sahabat.

(Pada keseluruhannya, dasar-dasar yang diletakkan oleh Mahathir mempunyai rancangan jangka panjang yang baik tetapi tidak dapat dinafikan wujudnya dasar-dasar yang

kontroversial, yang mendapat kritikan dan rasa was-was penerimaannya pada rakyat. Di samping beberapa dasar yang dianggap gagal memenuhi cita rasa nasional, serta dasar-dasar yang telah wujud menjadi isu-isu politik yang berterusan sepanjang kepimpinan beliau. (Semua ini melambangkan ciri kepimpinan beliau yang terus hidup.) Walaupun dasar-dasar yang diperkenalkan, merupakan program-program pelaksanaan dari falsafah kepimpinan beliau yang menyeluruh, namun dapat dilihat bagaimana kefahaman yang diharapkan oleh beliau, pada pelaksanaan dasar-dasar itu kadangkala amat bercanggah sekali.)

Apatah lagi bila ianya terus dijadikan isu-isu politik bukan sahaja oleh pihak pembangkang tetapi juga oleh pihak-pihak yang bertentangan di awalnya, di dalam parti yang dipimpin oleh beliau sendiri. Sehingga ke tahap terakhir, di mana dasar-dasar beliau digunakan sebagai senjata untuk menikam beliau sendiri, apabila tercetusnya pertentangan yang ketara di antara pemimpin-pemimpin parti yang beliau pimpin, sewaktu pertandingan untuk memilih kepimpinan baru.

Di mana dasar-dasar beliau telah diketengahkan kepada rakyat sebagai suatu isu sebenar untuk mereka mencabar kepimpinan beliau. Walaupun begitu, sebagai seorang pemimpin yang sedia menghadapi setiap cabaran, Mahathir berjaya mengekalkan pelaksanaan polisi-polisi tersebut, walaupun terdapat berbagai kecaman dan gangguan dalam melaksanakannya.

(Malahan ada dasar-dasar beliau yang dipersendakan diawalnya, akhirnya terbukti telah berjaya.) Secara langsung kritikan-kritikan yang dibuat terhadap dasar tersebut turut terkubur. (Kekuatan peribadi beliau cukup mempengaruhi pelaksanaan dasar-dasar yang dijalankan, sama ada ekonomi, sosial atau politik. Tanpa keyakinan yang kukuh, dengan kecaman dan kritikan serta kemampuan untuk menangkisnya, Mahathir tidak akan dapat membawa dasar-dasar beliau secara terus menerus dan mengekalkannya sehingga berjaya.)

(Di peringkat permulaan beliau mengambilalih negara, antara dasar pertama beliau umumkan ialah Dasar Pandang ke Timur.) (Di mana antara lainnya bertujuan untuk menjadikan kejayaan negara-negara di Timur seperti Jepun dan Korea, sebagai satu contoh dan sumber inspirasi kepada rakyat Malaysia dalam meniru etika kerja rakyat di kedua buah

negara tersebut.

Melalui dasar ini, kerajaan akan membuat pengkajian, penelitian dan pemilihan terhadap contoh-contoh dan teladan yang terbaik daripada negara Jepun dan Korea, dengan mengubahsuainya dengan keadaan-keadaan di Malaysia. Sejak awal lagi beliau telah mentakrifkan bahawa adalah tidak tepat jika Dasar Pandang ke Timur, dianggap sebagai mengambil apa sahaja dari Jepun dan Korea untuk dipraktikkan di Malaysia dengan mengeneipkan teladan yang boleh dipelajari dari negara-negara Barat.

Oleh kerana kejayaan Jepun dan Korea merupakan suatu kejayaan yang patut menjadi contoh dan kebanggaan masyarakat Timur maka Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun, boleh mempraktikkan contoh-contoh dan elemen-elemen yang terbaik, dalam usaha untuk mencapai matlamat pembangunan negara, khususnya dalam meninggikan prestasi pengurusan dan pembangunan sektor awam.

Dari niat yang mudah tentang tujuan sebenar Dasar Pandang ke Timur ini, ianya telah menjadi suatu polisi yang cukup kontroversial dalam perjalanan kepimpinan politik Mahathir. Apabila pelaksanaan dasar itu dilihat dari sudut pengagihan kontrak-kontrak besar kepada kontraktor-kontraktor Jepun dan Korea. Projek-projek seperti Dayabumi dan Jambatan Pulau Pinang umpamanya menjadi isu politik, bukan kerana keinginan untuk mengkritik Dasar Pandang ke Timur ataupun kerana kegagalan untuk memahami hasrat utama Mahathir dalam melancarkan dasar tersebut, sebaliknya sengaja diputarbelitkan, hasil daripada ketidakpuasan hati pihak-pihak tempatan yang terlibat, yang merasakan bahawa pemberian kontrak-kontrak besar ini kepada kontraktor-kontraktor Jepun dan Korea, adalah cukup merugikan sumber pendapatan mereka.

Hasilnya, melalui satu polisi yang mempunyai matlamat yang mudah dan jelas ini sahaja, telah diputarbelitkan sehingga menjadi suatu isu rentetan politik yang berterusan, yang cukup mencabar kepimpinan politik Mahathir. Meskipun kerationalan disebalik pemberian kontrak-kontrak tersebut kepada Korea dan Jepun seperti yang sering dijelaskan oleh Mahathir ialah kerana mereka telah membuat tawaran-tawaran yang memuaskan hati pihak-pihak yang mengeluarkan tawaran.

Dalam hal ini pihak kerajaan merasakan tender-tender yang diberikan kepada mereka, adalah sesuai berdasarkan kepada tawaran sebut harga yang dibuat. Bagaimanapun, oleh kerana keinginan untuk menjadikan dasar ini sebagai suatu isu politik maka kepada mereka-mereka yang terlibat pemberian itu dianggap tidak adil, dengan alasan projek-projek tersebut tidak sepatutnya dilaksanakan di waktu ekonomi sedang meleset.

Sebaliknya jika projek-projek tersebut diberikan kepada mereka, mungkin mereka juga akan turut lupa tentang soal kemelesetan ekonomi. Sudah tentu jika soal kemelesetan ekonomi menjadi satu isu yang sebenar apabila tawaran-tawaran dibuat untuk projek-projek tersebut, mereka tidak perlu turut serta untuk cuba mendapatkan tawaran tersebut.

Apabila mereka tidak mendapat tawaran tersebut dan apabila pihak kerajaan bertegas untuk meneruskan projek-projek tersebut di waktu keadaan ekonomi meleset maka mereka menggunakannya sebagai batu loncatan untuk mencapai cita-cita politik, dengan memutarbelitkan suasana ekonomi dan juga matlamat dasar tersebut.

Oleh kerana objektif utama Dasar Pandang ke Timur ialah untuk meninggikan prestasi pengurusan dan pembangunan dan bagi mewujudkan golongan masyarakat Malaysia yang mempunyai nilai-nilai dan etika kerja yang positif maka dasar tersebut tetap diteruskan oleh kepimpinan Mahathir. Melalui dasar ini, antara perkara yang ditumpukan ialah kerajinan, disiplin bekerja, kesetiaan kepada negara dan perusahaan atau perniagaan di mana pekerja-pekerja memberi keutamaan kepada kumpulan-kumpulan tidak kepada diri sendiri.

Tekanan terhadap daya pengeluaran atau produktiviti dan mutu yang tinggi, kualiti, penetapan kecekapan, pengurangan perbezaan dan perpisahan antara eksekutif dan pekerja am, sistem pengurusan yang menitikberatkan kejayaan jangka panjang dan tidak semata-mata peningkatan dividen atau pendapatan kakitangan dalam jangka pendek dan lain-lain lagi yang dipercayai boleh menyumbangkan kemajuan kepada negara seluruhnya.

Bagi Mahathir, sebuah negara yang sedang membangun perlu mempunyai nilai-nilai dan etika kerja di atas untuk diamalkan kerana ia dapat membantu menjayakan usaha-usaha pembangunan yang diidamkan. Walaupun pada sifatnya Dasar

Pandang ke Timur tidak bererti bahawa Malaysia mengurangkan hubungan dagangannya dengan rakan-rakan yang ada sekarang sebaliknya Mahathir seolah-olah membuat sesuatu perkiraan yang tersendiri. Apabila beliau secara serentak mengumumkan agar dasar yang terdahulu yang lebih banyak berhubung dengan pihak Eropah khususnya pihak British dikurangkan. Sehingga beliau telah mengumumkan akan perlunya membeli barang-barang dari British sebagai langkah terakhir.

Hasil daripada pengumuman ini, yang secara spontan seolah-olah menunjukkan Mahathir ingin meninggalkan Barat dan memeluk rakannya di Timur. Walaupun ada keyakinan bahawasanya penolakan sepenuhnya kepada perhubungan dengan negara-negara Barat tidak mungkin dilakukan, tetapi oleh kerana suasana politik yang hebat di waktu awal kepimpinan Mahathir hasil dari pergeseran antara dua tokoh utama parti di bawah pimpinan beliau.

Persoalan tentang membeli dari negara British sebagai tindakan terakhir ini, turut menjadi suatu isu yang berterusan sebagai satu kesinambungan Dasar Pandang ke Timur yang negatif, iaitu setelah memperkenalkan satu dasar yang memberi kontrak kepada orang luar. Pada waktu yang sama juga kerajaan mengamalkan dasar meninggalkan kawan-kawan lama.

Walaupun penegasan dibuat bahawa Malaysia tidak akan mengurangkan hubungan dagangannya dengan rakan-rakan yang ada sekarang, sebaliknya akan terus memperluaskan lagi perdagangannya dengan mengadakan hubungan dengan rakan-rakan baru, di samping terus mengekalkan dan memajukan hubungan perdagangan yang sedia ada selaras dengan kepentingan negara.

Penekanan ini tidak diambilkira, malah sengaja dilupakan oleh pengkritik-pengkritik Mahathir, walaupun pengumuman beliau buy British last telah menggemparkan bukan sahaja politik negara tetapi masyarakat Eropah khususnya. Untuk pertama kalinya British melihat ada suatu corak perubahan pada kepimpinan Malaysia jika dibandingkan dengan pemimpin-pemimpin yang lalu.

Kejutan ini telah membuatkan beberapa usaha yang bercorak positif dan negatif terhadap kepimpinan Mahathir. Antara yang positif ialah adanya delegasi-delegasi perdagangan

dari pihak British yang mahu memahami keadaan sebenar dan memperbetulkan keadaan yang terjadi di antara hubungan dagangan dua hala antara kedua buah negara, serta pandangan pihak kerajaan British sendiri secara lebih serius kepada masalah-masalah yang wujud disebalik pengumuman dasar tersebut.

Sementara negatifnya ialah bila media Barat menjadikannya suatu isu seolah-olah kepimpinan Mahathir cuba membawa suatu era untuk menentang penjajahan ekonomi secara terang-terangan. Mengakibatkan timbulnya kritikan-kritikan yang tajam daripada bekas-bekas pemimpin negara, terhadap cara tindak Mahathir, yang seolah-olah mahu mengeneipkan kawan-kawan lama Malaysia.

Walaupun bila kita lihat dari suatu sudut lain, ternyatalah kemampuan beliau untuk mengumumkan agar dasar perdagangan dengan British disemak semula, merupakan suatu cetusan kebangkitan, yang mahu menonjolkan maruah dan martabat bangsa Melayu, agar tidak dipandang rendah dalam sebarang bentuk perundingan dan pengurusan, sama ada dari segi perdagangan, ekonomi, politik ataupun dasar luar.

Oleh kerana pada Mahathir, penjajahan yang dilakukan oleh pihak British sejak lama, bukan sahaja telah mampu menjajah negara ini, tetapi juga menjajah pemikiran masyarakat yang menganggap segala-gala yang berasal dari Barat itu adalah yang terbaik. Cetusan daripada pengumuman beliau itu, telah mewujudkan suatu reaksi baru dan sikap penilaian semula terhadap cara pemikiran yang sedia ada, yang menganggap segala-galanya dari Barat itu adalah baik.

Dari suatu aspek kejiwaan, pengumuman Mahathir dan cara tindak beliau dengan pihak British, di peringkat awal kepimpinan, telah mewujudkan suatu fenomena nasionalisme yang baru di kalangan rakyat Malaysia. Untuk pertama kali seorang pemimpin utama Malaysia bangun dan berani berkata kepada pihak penjajah akan pentingnya selepas Malaysia merdeka setiap perundingan dan perhubungan yang ada mestilah didasarkan kepada persamaan hak dan duduk sama rendah serta berdiri sama tinggi.

Walaupun implikasi pengumuman itu lebih banyak dijadikan isu politik, namun tidak dapat dinafikan, dalam melihat keberkesanan pengumuman tersebut terhadap

pemikiran dan sikap masyarakat Malaysia, khususnya orang-orang Melayu sendiri, ada satu usaha ke arah menyumbangkan bagi mengukuhkan maruah bangsa dan juga bagi mewujudkan suatu sikap dan semangat keyakinan diri, dalam bersaing bersama bangsa-bangsa lain.

Oleh itu tindakan-tindakan beliau, meskipun merupakan suatu dasar dalam program-program kepimpinan beliau tetapi secara tidak langsung, adalah sejajar dengan kepercayaan Mahathir sendiri, akan perlunya sesuatu bangsa itu menjadi bangsa yang kuat, jika ia mahu dihormati oleh bangsa-bangsa lain di dunia. Bagi menjadi satu bangsa yang kuat, keyakinan diri, sikap merasa rendah diri harus dikikis, sementara keyakinan diri ditambah.

Falsafah ini beliau cetuskan bersama-sama dengan polisi-polisi yang dijalankan oleh beliau secara halus tetapi penuh ketegasan dan keberanian dalam melaksanakannya serta dalam menghadapi risiko-risiko. Untuk mengumumkan buy British last, bukanlah perkara yang tidak difikirkan oleh beliau akan implikasinya, tetapi juga merupakan suatu perhitungan dan perjudian dalam meletakkan asas-asas dan landasan yang kukuh serta jelas, tentang era kepimpinan beliau yang merangkumi aspek-aspek ekonomi dan perhubungan dua hala dan lain-lainnya dengan British.

Untuk pertama kali, Perdana Menteri British, Puan Margaret Thatcher telah membuat lawatan ke Malaysia. Menjadikan beliau sebagai satu-satunya bekas pemimpin negara penjajah yang melawat negara ini. Mungkin lawatan ini juga tidak akan berlaku jika tidak ada kejutan tentang Dasar Pandang ke Timur serta buy British last. Oleh itu, tidaklah dapat dikesampingkan bahawa dalam seluruh usaha Mahathir melaksanakan dasar-dasarnya, beliau juga menyelitkan sama harapan dan falsafah beliau sama ada secara langsung atau tidak.

Soal ianya menjadi isu politik di dalam parti adalah satu soal yang agak berbeza dan terpisah jika sudut penganalisaan dasar-dasar Mahathir ini, hendak kita tumpu dan kaitkan dengan falsafah dan vision kepimpinan beliau. Pada keseluruhannya Dasar Pandang ke Timur beliau telah mendapat sambutan yang baik dari negara-negara yang menjadi matlamat contoh dan kerjasama.

Dalam kenyataan akhbar bersama Mahathir, sewaktu beliau

membuat lawatan ke Jepun pada 23 hingga 29 Januari 1983 dan sewaktu berada di Korea pada 14 Ogos 1983, Perdana Menteri Jepun Nakasone dan Presiden Korea Selatan Chun Do Kwan telah menaruh harapan yang tinggi agar Dasar Pandang ke Timur dapat mewujudkan kerjasama yang lebih rapat di antara Malaysia dengan kedua-dua negara itu. Terutama di dalam bidang ekonomi, perindustrian dan latihan-latihan teknik.

Di peringkat kerajaan juga telah menyusun strategi dan program bagi meningkatkan kecekapan dan penghasilan kerja di kalangan para pegawai. Pegawai-pegawai dan pelajar Malaysia telah dihantar ke Jepun dan Korea untuk mempelajari selok-belok teknikal dan aspek pengurusan di kedua-dua negara tersebut. Antara beberapa program yang telah dibuat ialah: perubahan struktur, perubahan sikap dan latihan serta kursus.

Umpamanya kad perakam waktu kerja dan penggunaan tanda nama telah diperkenalkan, di samping konsep pejabat terbuka dan perkhidmatan pembayaran bil setempat sebagai tambahan-tambahan bagi memperbaiki sistem bekerja yang baru. Sementara perubahan-perubahan sikap bagi mencetuskan semangat untuk berkhidmat cemerlang serta mengamalkan amanah, kecekapan bekerja dan juga sebagai kepimpinan yang dapat memberi teladan telah dijadikan slogan dan amalan dalam pendekatan harian para pekerja di Malaysia. Di samping latihan-latihan dan kursus-kursus yang diadakan dari masa ke semasa.

Tujuan menjalankan dasar-dasar ini, Mahathir sejak dari awalnya sehinggalah kepada tahun 1987, apabila dasar-dasar beliau dibawa ke tengah gelanggang politik untuk dihakimkan oleh rakyat sama ada di dalam pilihanraya dan juga pemilihan parti, secara terbuka dan tanpa simpati namun ia tidak juga melemahkan semangat dan cita-cita Mahathir untuk menonjolkan maksud sebenar kepada pengenalan dan pelaksanaan dasar-dasar tersebut.

Dalam satu ucapan yang diadakan kepada Persatuan Penjual Alat-ganti Kenderaan di Pusat Dagangan Dunia Putra pada bulan Jun 1987, beliau terus menegaskan betapa perlunya rakyat Malaysia mencontohi negara-negara maju. Bagaimana negara-negara tersebut yang tidak mengeluarkan bahan mentah termasuk Taiwan, Hong Kong di samping Korea



Selatan dan Jepun, jauh lebih maju daripada Malaysia.

Bagi beliau kebolehan dan kesungguhan negara-negara itu membolehkan ia terus berjaya, terutamanya di zaman kelembapan ekonomi negara. Sedangkan jika dibandingkan dengan Malaysia, yang mengeluarkan berbagai komoditi menghadapi kemerosotan. Beliau menggesa agar pengeluaran-pengeluar barangan tempatan khususnya untuk eksport, tidak merasa jemu untuk menimba ilmu dari negara maju dan belajar mengenai cara mengeluarkan barangan dengan kos yang rendah dan bermutu tinggi. Kerana beliau percaya dengan cara ini akan membolehkan barangan Malaysia memenuhi permintaan di pasaran tempatan dan luar negeri.

Sebagai seorang pemimpin yang konsisten kepada pegangan dasar-dasar yang dilaksanakan, beliau juga tidak segan untuk menyatakan kesalnya terhadap sikap setengah-setengah peniaga Malaysia yang terbabit dalam kejadian mungkir janji dengan rakan perniagaan asing mereka, yang mana boleh merosakkan imej Malaysia di pasaran antarabangsa. Bagi beliau perbuatan ini juga benar-benar memberi gambaran buruk, menyulitkan pertumbuhan dagangan dan melemahkan pembangunan ekonomi kita. Disebabkan hasrat yang beliau laksanakan bukan sahaja bersifat material tetapi juga mempunyai konsep moral dalam amalan kehidupan harian sepertimana beliau melaksanakan dasar Bersih, Cekap dan Amanah dalam menyempurnakan tanggungjawab harian.

Beliau telah mengumumkan pengenalan kepada dasar Bersih, Cekap dan Amanah pada pertengahan April 1982 yang merupakan pelancaran kempen bagi memenuhi matlamat dasar tersebut. Tujuannya ialah supaya nilai-nilai hidup dan kerja yang positif dapat diwujudkan di kalangan pekerja-pekerja, di samping mempunyai ciri-ciri yang dapat memberi faedah kepada sesama ahli masyarakat.

Oleh itu konsep daripada perkataan Bersih, Cekap dan Amanah adalah menjadi teras kepada pelaksanaan dasar tersebut. Agar ruang-ruang pergerakan para pekerja di negara ini dapat diwujudkan dalam lingkungan moral yang tinggi, serta bertatertib dan berdisiplin, adil dan tidak mempunyai sikap-sikap khianat serta mementingkan diri. Di samping mempunyai kecekapan dalam membuat keputusan serta menghadapi krisis atau bertegas tentang prinsip dan kemampuan meningkatkan hasil kerja di samping mempunyai

pandangan dan keyakinan diri serta pengetahuan dan pengalaman, khususnya di dalam bidang-bidang ini. Dan amanah dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang ditentukan dengan ikhlas bagi mencapai objektif sebenar.

Dalam melaksanakan dasar ini ianya bukan sahaja meliputi kakitangan kerajaan tetapi juga pihak swasta dan seluruh masyarakat, dari pelajar, para petani, nelayan sehingga kepada pegawai, digerakkan melalui kempen-kempen untuk memahami hasrat sebenar dasar tersebut. Melalui konsep Bersih, Cekap dan Amanah, akan mewujudkan suatu masyarakat yang mempunyai nilai diri dan kemampuan untuk membuat pengurusan dan kerja dengan baik serta amanah. Di samping menghasilkan masyarakat yang berdikari dan mempunyai ketahanan dalam menghadapi sebarang cabaran dan ancaman.

Dalam menggesa para pekerja untuk menjadi pekerja yang mahir dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju, Mahathir berharap agar kerja-kerja pengurusan eksport bahan-bahan mentah Malaysia umpamanya, dibuat terus oleh rakyat negara ini dan negara-negara yang mengimport, tanpa melalui negara jiran. Dengan demikian beliau yakin urusan eksport dan import negara dapat diperbetul dan diperlicinkan perjalanannya di samping membawa keuntungan yang bertambah kepada pendapatan negara.

Bagi beliau perdagangan antarabangsa Malaysia masih banyak bergantung kepada negara jiran. Walaupun kesedaran ini telah wujud bertahun-tahun sebelum beliau, namun tidak ada ketegasan dalam perlaksanaan. Penekanan kepada sikap berdikari melalui perhubungan langsung ini juga merupakan salah satu unsur-unsur dasar perlaksanaan polisi-polisi yang dibawa oleh kepimpinan Mahathir. Tidak dapat dinafikan ianya juga mencetuskan elemen-elemen kontroversi dan konfrantasi dari negara-negara yang melihat peluang-peluang untuk mereka mengaut keuntungan telah mula terjejas.

Ini juga merupakan pertambahan, kepada gerakan-gerakan anti kepimpinan Mahathir, apabila beliau cuba untuk membebaskan ekonomi negara dari kongkongan pihak-pihak ketiga yang terlibat dalam setiap urusan eksport dan import negara. Berhadapan dengan golongan ini bukan merupakan satu perkara remeh, sebaliknya mempunyai implikasi yang besar dalam mewujudkan fenomena yang negatif terhadap

kepemimpinan beliau.

Jika rungutan, tindakan dan sikap golongan-golongan yang tidak mendapat kontrak-kontrak kerajaan dan juga golongan-golongan yang gagal bersaing dengan kontraktor-kontraktor dari Jepun dan Korea memberontak lalu menjadi dalang kepada usaha-usaha untuk mencemarkan dasar-dasar ekonomi Mahathir di dalam negara, maka tindakan beliau melalui buy British last dan usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berdikari, mempunyai hubungan terus dengan pihak pembeli bahan-bahan mentah, mewujudkan elemen-elemen permusuhan atau anti kepemimpinan beliau dari luar Malaysia.

Apa yang dapat kita jelaskan ialah keinginan beliau untuk mewujudkan suatu dimensi baru dan beberapa perubahan yang perlu, pada sebuah negara seperti Malaysia untuk terus maju ke hadapan. Biar pun ianya mencetuskan masalah di sekitar kepemimpinan beliau.

Namun sebagai seorang yang merasakan, beliau perlu membuat sesuatu dan tidak memindahkan beban-beban dan cabaran-cabaran itu kepada orang lain, maka beliau terpaksa melakukannya dan menghadapinya. Sebagai seorang pemimpin yang dapat melihat akan kepentingan-kepentingan mengadakan dagangan dua hala secara terus, beliau tidak hiraukan usaha-usaha sabotaj yang dilakukan. Sebaliknya menyakini usaha-usaha beliau itu, akan dapat memberi faedah kepada negara dan pihak-pihak yang terlibat dalam perdagangan tersebut.

Antara alasan yang dikemukakan, langkah mengeksport melalui negara jiran adalah satu jalan mudah, yang bukan sahaja mengurangkan pendapatan negara tetapi mengurangkan pengetahuan para pengeksport, tentang pasaran dan perhubungan yang penting dalam dunia. Sebaliknya jika pengendalian terus eksport dibuat ke negara pengimport, pertumbuhan sektor-sektor perkhidmatan seperti insuran dan pengangkutan akan berkembang lebih pesat. Dengan ini ia akan memberi pertambahan kepada pendapatan negara.

Dalam fokus beliau, ketika menjelaskan rancangan-rancangan dan dasar-dasar ekonomi beliau, Mahathir tidak pernah lepas daripada mempamerkan keyakinan beliau sendiri bahawa setiap usaha yang ingin dibuat itu akan dapat dicapai. Walaupun ianya dibuat di waktu ekonomi meleset tetapi beliau

sentiasa mempunyai keyakinan bahawa ekonomi negara akan pulih dan tetap akan berkembang seperti biasa.

Di satu majlis makan malam, anjuran Persatuan Pengilang-pengilang Textile Malaysia, beliau telah menegaskan keyakinan beliau, "ekonomi negara kita masih menunjukkan tanda-tanda pemulihan selepas beberapa tahun mengalami kelembapan. Pada keseluruhannya ekonomi kita telah mengalami pertumbuhan keluaran dalam negara kasar atau KDNK kira-kira 2% pada tahun ini.

Permulihan ini didorong oleh permintaan dan harga yang menggalakkan ke atas eksport kita dan juga perbelanjaan sektor swasta, di samping itu ekonomi kita dijangkakan akan terus berkembang pada tahun 1988 ini."

Pihak kerajaan menjangkakan permintaan luar negeri terhadap eksport akan meningkat secara sederhana, di samping aktiviti sektor swasta bertambah giat. Dengan itu kerajaan menjangkakan KDNK negara akan mengalami pertumbuhan melebihi daripada yang telah dicapai pada tahun 1987.

Dalam melaksanakan dasar-dasar beliau, Mahathir meletakkan keyakinan diri beliau sendiri, sebagai titik-tolak ransangan kepada kejayaan pelaksanaan dasar-dasar tersebut. Beliau cuba mengajak dan memindahkan keyakinan beliau terhadap sesuatu kepada rakyat, masyarakat dan pihak-pihak yang dihubungkan dengan dasar-dasar beliau.

Pada bila-bila sahaja kesempatan yang ada, beliau mempamerkan dan menjelaskan akan perlunya suatu sikap yang positif, dalam usaha untuk mengembalikan suasana kemelesetan ekonomi kepada suatu keadaan yang lebih baik. Ternyata pada Mahathir tanpa keyakinan dan semangat yang positif, banyak perkara dan persoalan tidak mungkin dapat diselesaikan.

Beliau sendiri memulakan seluruh perangkaan program-program kepimpinan beliau berdasarkan kepada sikap-sikap yang positif. Bagaimanapun pemahaman, penerapan kepercayaan dan falsafah beliau itu bukanlah satu perkara yang mudah untuk diterima oleh masyarakat Malaysia, apatah lagi dalam banyak hal, bentuk-bentuk slogan dan kempen yang dijalankan, serta dasar-dasar yang diperkenalkan itu merupakan suatu kehadiran yang bertubi-tubi kepada

kebanyakan rakyat Malaysia, yang selama ini hidup dalam suatu suasana tenang, tanpa merasa perlunya satu persaingan yang hebat dalam menghadapi cabaran semasa di zaman ini.

Ketika mencetuskan suasana dan fenomena ke arah bekerja dengan lebih gigih dan bersemangat, Mahathir tidak sekali-kali mengeneipkan realiti-realiti dan masalah-masalah yang terpaksa dihadapi, termasuk juga kemampuan menghadapi cabaran-cabaran itu sendiri, tetapi apa yang penting ialah kemahuan atau kehendak untuk berusaha ke arah yang dituju.

— Salah satu dasar yang diumumkan oleh beliau ialah Dasar Perindustrian Negara. Walaupun ianya merupakan suatu tema perjalanan ekonomi masa depan negara dan sesuatu yang agak jauh dari realiti kehidupan masyarakat Malaysia pada hari ini. Namun bagi Mahathir ianya bukanlah suatu perkara yang mustahil untuk Malaysia muncul sebagai sebuah negara industri. Beliau sendiri menyedari hakikat bahawa industrialisasi lebih mudah diperkatakan daripada diamalkan, tetapi bagi beliau, jika minat dan kemahuan ada, maka rakyat Malaysia juga boleh mencapai kejayaan di bidang perindustrian. Semuanya bermula dari sikap yang positif.

Pengalaman di dalam pelaksanaan dasar beliau di peringkat awal sendiri telah melihat, bagaimana kesannya terhadap sikap-sikap yang negatif. Khususnya dalam konteks penerimaan polisi-polisi yang dianjurkan oleh kepimpinan beliau. Meskipun diakhirnya dapat dilihat akan faedah-faedah tertentu tetapi anggapan-anggapan negatif di peringkat awal, turut mencacatkan perjalanan dan pelaksanaan dasar-dasar tersebut.

Adalah tidak wajar dasar-dasar kerajaan dikoyak-koyakkan sebaik sahaja ianya diumumkan, sepertimana yang berlaku terhadap Dasar Pandang ke Timur. Ianya perlulah juga dilihat kepada aspek-aspek positif dan cuba mengambil apa-apa yang baik daripada polisi tersebut. Kerajaan di bawah pimpinan Mahathir tetap cuba untuk memenuhi ruang-ruang pandangan, cadangan serta kritikan yang dibuat sebagai suatu landasan untuk melaksanakan dasar-dasar seterusnya.

“Para ahli akademik mungkin mempunyai pendapat yang baik. Mereka mungkin juga benar tetapi di dalam perniagaan akhirnya orang-orang yang terlibat, yang menjalankan perniagaan itu, yang terpaksa membuat keputusan akhir. Tidak ada cara lain di mana pihak kerajaan boleh sandarkan, selain

daripada pandangan-pandangan mereka yang telah terlibat dan mengalami pergolakan, di dalam dunia perdagangan dan perindustrian. Bagaimanapun saranan-saranan hendaklah merupakan saranan-saranan yang positif yang boleh memberi keyakinan bagi pihak kerajaan membantu dan melaksanakan cadangan-cadangan tersebut. Kritikan-kritikan sahaja tidak dapat menolong untuk kejayaan sesuatu." Tegas Mahathir.

Malaysia hanya mungkin dapat terlepas dari cengkaman kemerosotan ekonomi jika rakyatnya berfikir secara positif. Mahathir mempunyai harapan tertentu, beliau berharap setiap rakyat harus berani untuk mencuba idea-idea baru dan memperbaikinya dalam perjalanan, jika terdapat kegelisahan. Bagi beliau, tidak ada idea atau fikiran yang cukup sempurna dan juga tidak ada jalan penyelesaian yang paling sempurna. Sebaliknya sikap positif sahajalah yang dapat memperbaiki sepanjang perjalanan itu.

Ketegasan pandangan beliau terhadap Dasar Ekonomi Baru adalah sejajar dengan hasrat beliau agar rakyat Malaysia menjadi satu bangsa yang berani mencuba sesuatu yang baru walaupun terdapat gejala-gejala penghalang. Menurut beliau, Dasar Ekonomi Baru tidak perlu persoalkan tentang matlamatnya untuk memperbaiki taraf hidup rakyat dan menyusun semula masyarakat, di samping menghapuskan kemiskinan tanpa mengira bangsa. Kerajaan akan terus melaksanakannya walaupun selepas 1990 dan ianya merupakan satu pandangan terhadap pelaksanaan dan perjalanan dasar ekonomi negara selepas 1990.

Walaupun mungkin mengambil masa untuk mencapainya, namun bagi Mahathir bila matlamat-matlamat tersebut dapat dicapai bukanlah sesuatu yang penting. Apa yang penting ialah ianya tercapai. Dalam lain kata halangan-halangan yang mungkin timbul melalui setiap dasar-dasar yang ingin dilaksanakan, adalah suatu perkara biasa. Apa yang penting ialah kejayaan dasar-dasar tersebut.

Dalam memperkenalkan polisi-polisi baru beliau, Mahathir tidak mengubah haluan Dasar Ekonomi Baru yang telah dilaksanakan sejak awal tahun 1970. Atas keyakinan bahawa dasar, matlamat, objektif-objektifnya perlu dikekalkan, sama ada dalam bentuk yang ada sekarang, ataupun dalam satu polisi yang berlainan di bawah satu nama dan strategi yang lain. Objektifnya tetap sama, walaupun beliau mengemukakan

berbagai-bagai dasar yang menjadi isu dan menimbulkan kontroversi.

Ini tidaklah bererti bahawa Mahathir tidak mempunyai tanggungjawab terhadap golongan-golongan tertentu, khususnya bumiputera, yang memerlukan suatu bentuk pertolongan atau garis panduan, bagi mencapai cita-cita untuk meletakkan golongan bumiputera sebagai golongan yang berjaya di dalam bidang ekonomi. Walaupun beliau mempunyai mission yang jauh lebih besar, yang dapat dilihat melalui Dasar Pandang ke Timur, pengswastaaan dan juga industrilisasi. Namun realitinya, beliau tetap yakin bahawa keadilan ekonomi akan hanya wujud apabila pengagihan harta kekayaan yang saksama, terdapat di antara bumiputera dan bukan bumiputera.

Bagi beliau, bantuan tidak mungkin ditarik balik selagi kontraktor Melayu umpamanya, tidak berkemampuan mendapatkan kontrak selain daripada kontrak kerajaan. Beliau juga menangkis anggapan bahawa Dasar Ekonomi Baru berjaya mewujudkan golongan bumiputera kelas pertengahan. Sebaliknya bagi beliau, Dasar Ekonomi Baru hanya dapat membantu bumiputera untuk bertahan. Kebanyakan usaha bumiputera bergantung kepada kontrak kerajaan, apabila kerajaan kurang mengeluarkan kontrak, usahawan bumiputera mengalami masalah besar yang menyebabkan kadangkala ramai antara mereka yang menjadi muflis.

Beliau yakin bahawa perkongsian tulen di antara golongan bumiputera dan bukan bumiputera boleh menjadikan matlamat Dasar Ekonomi Baru dicapai dengan lebih mudah. Orang Melayu harus tahu bagaimana cara untuk mengurus dan berjimat cermat. Bagi beliau, setiap bantuan yang perlu diberi oleh pihak kerajaan di bawah kepimpinan beliau terhadap golongan bumiputera haruslah dalam bentuk jangkamasa yang panjang.

Sebarang anggapan yang mengatakan bahawa di bawah Dasar Ekonomi Baru terdapat keistimewaan khusus untuk bumiputera, adalah berlawanan dengan kepercayaan beliau. Bagi beliau, golongan bumiputera yang mengambil jalan keluar mudah dan menganggap Dasar Ekonomi Baru sebagai hadiah percuma, adalah orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan gagal dalam menilai pemberian atau tawaran kerajaan yang sebenar.

Kejayaan tidak datang dengan mudah, kita mungkin perlu

menghantuk kepala ke dinding berulang kali sebelum dinding itu retak atau kepala sendiri yang pecah. Dalam hal ini, ketegasan dan keberanian Mahathir ialah beliau tidak akan mengalah walaupun berhadapan dengan berbagai masalah, terutama pengkritik yang menunggu setiap peluang untuk berbuat demikian.

Mahathir melihat seluruh pelaksanaan dasar-dasar yang diteruskan dan dirancang serta diperkenal oleh beliau, merupakan satu tanggungjawab yang perlu dipenuhi. Bukannya sebagai suatu showpiece atau barang pertunjukan untuk dimegahkan.

Liputan-liputan yang luas pada beberapa dasar tertentu yang diperkenalkan oleh Mahathir menyebabkan timbulnya prasangka bahawa beliau tidak mengambil berat untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat desa atau tindakan-tindakan positif yang sejajar dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Beliau melihat bahawa pandangan yang sebegini merupakan satu usaha untuk mengalih pandangan dan kepercayaan rakyat luar bandar terhadap dasar-dasar beliau yang kononnya mengutamakan pembangunan di dalam bandar serta projek-projek besar dan mewah. Sebaliknya usaha-usaha yang dilakukan oleh kepimpinan beliau mewujudkan industri-industri kecil adalah merupakan usaha-usaha yang berterusan ke arah mempertingkatkan kemajuan dan kecapaian rakyat luar bandar sejak Rancangan Pembangunan Luar Bandar diperkenalkan di awal Malaysia mencapai kemerdekaan.

Penekanan kepada industri kecil seperti siramik, penggunaan buluh, rotan, kayu dan lain-lain bahan terus diberi perhatian. Malahan setiap kali beliau membuat lawatan ke luar negeri, jika ada sesuatu yang boleh digunakan atau dibuat oleh rakyat luar bandar, beliau akan membeli dan mengumpul bahan-bahan tersebut. Apabila balik, beliau akan menemui orang-orang yang bertanggungjawab dan mengarahkan mereka supaya berusaha untuk mengeluarkan barang-barang tersebut.

Usaha untuk memajukan industri kecil sentiasa mendapat perhatian dari beliau. Sebaliknya liputan media terhadap perkara ini adalah kurang dan menyebabkan wujudnya pandangan seolah-olah beliau tidak mengambil berat tentang industri-industri kecil dan cara hidup rakyat di luar bandar. Ada waktunya kunjungan-kunjungan beliau ke kampung-kampung



yang diikuti oleh para pemberita, soalan-soalan yang dikemukakan kepada beliau bukan soal-soal di sekitar lawatan beliau, sebaliknya soal-soal politik yang terjadi di peringkat nasional ataupun di luar negeri.

Oleh itu, lawatan-lawatan beliau ke kampung-kampung bukanlah merupakan berita-berita menarik yang suka dipaparkan di dalam akhbar-akhbar. Keadaan yang semacam ini juga menimbulkan implikasi tertentu kepada cara-cara penghakiman terhadap sesuatu dasar yang dilaksanakan oleh Mahathir dari masa ke semasa. Dalam usaha beliau mengambil berat tentang industri-industri kecil, seperkara yang jelas ialah kerajaan di bawah kepimpinan beliau telah membuat beberapa kajian semula berkenaan dengan subsidi-subsidi dan lain-lain pertolongan kewangan yang diberikan kepada kumpulan-kumpulan masyarakat tertentu, dalam usaha untuk mengikis sikap yang bergantung kepada pertolongan kerajaan ataupun mentaliti yang mengharapkan subsidi semata-mata dalam membuat sesuatu usaha.

Walaupun Mahathir merasakan kerajaan wajar mengambil berat tentang kebajikan rakyatnya, tetapi tidaklah sampai kepada suatu tahap di mana sebuah masyarakat wujud berdasarkan kepada pergantungan yang berterusan kepada kerajaan atau organisasi-organisasi lainnya. Matlamat utama ialah untuk mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang berdikari. Sebaliknya masalah yang sering wujud ialah bila terdapat terlalu ramai golongan masyarakat yang bergantung kepada subsidi dan lain jenis pertolongan kewangan.

Walaupun mereka ini kelihatannya kuat tetapi pada akhirnya ketahanan mereka akan menjadi lemah. Mereka tidak akan dapat menjadikan diri mereka inisiatif untuk berdikari atau mewujudkan suatu suasana pekerjaan yang baru pada diri mereka dan keluarga mereka. Malahan mungkin juga tidak berkemampuan untuk mempertahankan maruah mereka tanpa perjuangan orang lain atau pihak kerajaan.

Akhirnya mereka akan terus kehilangan semangat walaupun untuk menolong diri sendiri. Ini semua merupakan perkara-perkara yang menjadi kajian semula dasar-dasar yang dilakukan oleh kepimpinan Mahathir. Sudah tentulah penarikan semula subsidi dan pertolongan-pertolongan tertentu akan mencetuskan suasana gelisah dan marah di kalangan rakyat yang gagal memahami hasrat sebenar pihak kerajaan melaksanakan polisi

tersebut.

Jenis-jenis pertolongan dan subsidi terpaksa dikaji semula untuk memastikan ianya tidak mewujudkan suatu sikap yang bergantung kepada pertolongan orang lain misalnya. Era kepimpinan Mahathir menegaskan bahawa pihak kerajaan bukan hanya memberi subsidi dan pertolongan kepada sesiapa juga di peringkat untuk membolehkan seseorang itu memulakan sesuatu aktiviti yang produktif sepertimana kebajikan dan pertolongan kepada orang-orang cacat tidak semestinya didasarkan kepada kecacatan mereka sahaja.

Ada di antara mereka yang boleh membuat sesuatu walaupun cacat jika mempunyai kesanggupan yang besar. Di sinilah terletaknya permissahan di antara cara pelaksanaan Mahathir dengan dasar-dasar yang telah dibuat oleh para pemimpin yang lalu. Bantuan dan pertolongan diberi berdasarkan hadnya, setiap sesuatu dilihat implikasinya dan kemampuan serta semangat digalakkan setanding dengan hasil yang dikeluarkan.

Walaupun bersama vision dan harapan yang jelas serta penerangan-penerangan yang mudah, namun beberapa dasar-dasar beliau tetap juga menerima kritikan-kritikan yang tajam dan negatif, sama ada kerana salah faham tentang tafsiran ataupun kerana kegagalan dasar-dasar tersebut sendiri. Masalah yang timbul dari projek lebuhraya melalui satu tender yang diberikan kepada United Ested Projek dan masalah pembelian London Tin serta kegagalan dan kerugian oleh Maminco, merupakan beberapa episod yang mengecewakan dalam pelaksanaan dasar-dasar ekonomi Mahathir.

Salah satu tindakan Mahathir yang mendapat kecaman yang hebat dari pihak pembangkang khasnya ialah usaha beliau untuk membeli bijih timah di pasaran timah London. Bagaimanapun isu ini diperkatakan secara terbuka apabila berlaku beberapa kenyataan hasil dari salah faham, antara beliau dengan bekas Perdana Menteri yang lalu, Hussein Onn, dalam memperkatakan tentang siapa yang mempengerusikan mesyuarat kabinet, bagi memutuskan agar kerajaan bertindak membeli bijih-bijih timah melalui Maminco dalam pasaran timah London.

Ternyata kemudian keputusan itu dibuat sewaktu kabinet masih lagi dipengerusikan oleh Tun Hussein Onn. Hasil daripada tindakan tersebut, Malaysia mengalami kerugian lebih kurang \$400 juta. Mahathir dalam mempertahankan tindakan

kerajaan, telah mendedahkan tentang penipuan besar, dalam pasaran timah London oleh sekumpulan ahli Bursa Logam London (LME) London Metal Exchange, yang telah memaksa kerajaan memasuki pasaran untuk menyelamatkan perniagaan timah.

Beliau berkata tindakan kerajaan membeli timah yang banyak dalam pasaran itu, telah mematahkan kegiatan broker-broker itu, tetapi Bursa Logam London pula mengubah peraturan-peraturan urusan niaga, pada saat-saat terakhir untuk mempertahankan kumpulan yang membuat penipuan itu. Akibat dari penipuan oleh LME itu, kerajaan telah mengalami kerugian dalam operasinya pada tahun 1980. Bagi menggantikan kerugian yang dialami itu, pihak kerajaan telah bertindak menjual kembali timah yang dibeli melalui sebuah syarikat kepunyaan kerajaan, Makuwasa.

Mengikut beliau, sekumpulan ahli LME telah sengaja menekan turun harga timah, dengan menjual timah serahan hadapan dengan harga lebih murah daripada harga pasaran ketika itu. Walaupun mereka ini tidak memiliki satu paun pun timah tetapi adalah menjadi harapan mereka, agar tindakan mereka itu akan mengurangkan pembelian semasa, yang akan menurunkan harga timah.

Apabila harga timah turun, mereka akan membeli timah untuk membekal barangan tersebut kepada pelanggan mereka setelah genap tempoh yang dijanjikan untuk serahan. Kerajaan Malaysia telah bertindak untuk menstabilkan harga melalui broker yang berdaftar dengan LME dan telah membeli timah yang dijual secara serahan hadapan oleh ahli-ahli LME, untuk mempertahankan harga tinggi dalam pasaran. Melalui cara itu apabila genap masanya untuk timah dibekalkan kepada pembeli, pilihan yang boleh dibuat oleh ahli-ahli LME yang berjudi dengan pasaran timah tadi, tentang serahan hadapan ialah dengan terpaksa membeli timah dengan harga yang mahal dari Malaysia, bagi membolehkan mereka menghantar bekalan tersebut kepada pelanggan-pelanggan yang telah mereka janjikan.

Di mana mengikut peraturan biasa, jika mereka terpaksa mungkir janji, mereka akan menerima tindakan kerana melanggar perjanjian kontrak. Malangnya, pihak LME telah menipu dengan menukarkan peraturan-peraturan jual beli apabila sampai masanya bagi ahli-ahli mereka menunaikan janji

iaitu untuk menyerahkan bekalan timah pada pelanggan-pelanggan yang memesan barangan tersebut melalui serahan hadapan tadi. Mereka berkata bahawa janji itu tidak perlu ditunaikan, dengan itu terselamatlah ahli-ahli dan harga timah pula turun dengan mendadak.

Bagi menggantikan kerugian yang dialami oleh kerajaan akibat penipuan LME itu, kerajaan telah menjual timah yang dipunyainya serta menubuhkan Makuwasa. Dengan penglibatan melalui kerjasama dengan Kumpulan Simpanan Wang Pekerja. Kegiatan Makuwasa ini telah menimbulkan kontroversi apabila DAP mendakwa bahawa saham-saham dalam beberapa syarikat awam, yang diperuntukan kepada KWSP telah dipindahkan kepada Makuwasa dengan harga di bawah paras pasaran sehingga merugikan KWSP.

Mahathir menjelaskan, sebenarnya saham KWSP yang dipindahkan kepada Makuwasa itu, bukanlah hak KWSP kerana saham itu, saham yang dikhaskan untuk bumiputera yang harganya memang rendah daripada harga pasaran. KWSP tidak pernah diberi saham untuk bumiputera kerana ia bukan badan bumiputera yang diiktiraf. Walau bagaimanapun agihan kepada KWSP ini, dibuat semata-mata untuk dipindahkan kepada Makuwasa yang mana keuntungannya akan didapati oleh kerajaan.

Dalam mempertahankan tindakan kerajaan melalui Maminco dengan Bursa Logam London, Mahathir menjelaskan bahawa tidak ada sesiapa dari kerajaan yang mendapat untung daripada operasi tersebut. Tentulah jelas bahawa tidak sesiapa juga yang mendapat apa-apa faedah untuk diri sendiri. Apa yang dibuat oleh kerajaan hanyalah semata-mata bertujuan untuk menyelamatkan perniagaan timah. Ramai daripada pelombong-pelombong sepatutnya sudah bankrap lebih awal lagi telah terselamat kerana operasi kerajaan itu.

Di samping itu kerajaan pula dapat mengutip hasil yang tinggi kerana buat beberapa waktu, harga timah kekal di paras yang tinggi. Beliau telah mengecam DAP yang ingin menjadikan perkara itu sebagai satu lagi skandal. Jika DAP mempunyai bukti bahawa terdapat pemimpin atau pegawai kerajaan yang terlibat di dalam rasuah, beliau menyeru mereka supaya membuat aduan. Sebaliknya, memberi ingatan jika tuduhan tidak berasas, mereka hendaklah pula sanggup menerima tindakbalas daripada kerajaan.

Walau apa pun penjelasan yang diberikan oleh Mahathir dalam memberi justifikasi tindakan kerajaan, untuk menstabilkan harga timah di pasaran antarabangsa itu. Umumnya reaksi yang terdapat adalah berbelah-bagi khususnya di kalangan golongan yang terlibat dalam perniagaan, begitu juga ahli-ahli akademik, yang menganggap ianya sebagai suatu alasan yang tipis dan tidak boleh dipegang. Tanpa meneliti selok-belok dan putar-belit sebelum mengambil tindakan untuk membelanjakan wang yang begitu banyak. Pendedahan DAP di dalam parlimen tentang penglibatan Maminco di dalam pasaran timah London akan dibuat kemudian.

Selain dari soal Maminco, masalah lain yang dihadapi oleh pentadbiran Mahathir dalam melaksanakan dasar-dasar beliau, antaranya ialah soal pembinaan lebuh raya Utara-Selatan yang merupakan satu projek yang menelan belanja yang sangat besar. Ianya bagi memperbaiki dan menjadi alternatif kepada jalanraya yang sedia ada, yang telah dibina sejak zaman British lagi.

Untuk lebih kurang 50 tahun, jalanraya yang dibuat dengan sistem yang direka oleh British, didapati mencukupi. Tetapi setelah negara mencapai kemerdekaan dengan bertambahnya komunikasi di dalam negara maka ternyatalah jalan-jalan tersebut perlu dilicinkan dan diperbesarkan. Di tempat-tempat tertentu, jalan-jalan baru terpaksa dibina, yang melintasi pekan-pekan tertentu bagi mengatasi kesesakan perjalanan jauh rakyat Malaysia dari Utara ke Selatan

Bandar Tanjung Malim umpamanya, telah tidak dilintasi oleh pengguna-pengguna jalanraya sejak terbinanya lebuh raya baru yang lebih baik, menyebabkan bandar tersebut menjadi hampir setengah mati. Projek lebuh raya ini adalah di antara projek yang termahal yang pernah dibina di Malaysia selama ini. Oleh kerana ianya terlalu besar dan di luar kemampuan kerajaan maka projek ini telah diswastakan. Apa yang menimbulkan kontroversi ialah apabila United Engineer Malaysia (UEM) yang memenangi kontrak setelah bersaing dengan lima lagi syarikat yang memasuki tender untuk memberi kuasa kepada mereka, membina jalanraya dan memungut cukai bagi selama 25 tahun yang akan datang.

Syarikat itu ditugaskan untuk menubuhkan tabung

kewangannya sendiri bagi memenuhi perbelanjaan pembinaan lebuh raya tersebut. Sementara bakinya merupakan pinjaman daripada kerajaan yang akan membayar kepada UEM sebanyak lebih kurang \$120 juta setahun untuk 10 tahun yang akan datang. UEM pula akan membayar balik pinjaman ini dalam masa 15 tahun dan dijangkakan dapat menyelesaikannya pada tahun yang ke 25 bila keseluruhannya dikembalikan kepunyaan kepada pihak kerajaan.

Pihak pengguna akan membayar cukai untuk kedua-dua lorong jalan tersebut dengan agakan lebih kurang 5-7 sen untuk setiap perkilometer. Pihak kerajaan menyatakan projek tersebut dijangkakan akan menambah-pesatkan pembangunan di samping mewujudkan 15,000 kerja baru dan akan memberi nafas baru kepada sektor pembinaan serta penyertaan daripada kontraktor-kontraktor dari syarikat tempatan.

Walaupun bagaimanapun tidak dipastikan sejauh mana ianya boleh memberi keuntungan secara langsung kepada syarikat-syarikat di Malaysia. Kes yang timbul dengan penglibatan UEM dalam mendapatkan kontrak lebuh raya tersebut kerana ianya bukanlah sebuah syarikat yang dijangka berkemampuan untuk menjalankan tanggungjawab pembinaan tersebut. Walaupun ianya mungkin sebuah syarikat kejuruteraan yang tertua di daerah ini, tetapi rekod-rekod kecapaiannya sejak beberapa dekad yang lalu adalah tidak menyakinkan. Ianya merupakan sebuah syarikat yang dibatalkan di dalam senarai saham tetapi telah digantung pasarannya daripada tahun 1983.

Demikian juga apabila Hati Budi sebuah syarikat induk UMNO yang telah diwujudkan pada Mei 1984, mula berunding untuk mengambilalih syarikat UEM yang dipunyai oleh Singapura pada tahun berikutnya. Rundingan tersebut telah menamatkan suatu hasil di mana Hati Budi telah membeli dan menguasai syarikat tersebut dengan harga lebih kurang \$32 juta Malaysia, di dalam tempoh 5 tahun dengan bayaran tambahan \$20 juta sebagai tukaran saham dan Hati Budi akan menguasai sebanyak 50%.

Kontroversial berkenaan projek lebuh raya ini menjadi satu lagi isu politik apabila DAP membawanya ke mahkamah untuk meminta kerajaan menangguhkan pelaksanaan projek tersebut sebagai memberi kesempatan kepada pihak pembangkang, yang kononnya mewakili rakyat Malaysia untuk meneliti segala kos yang dianggap terlalu besar. Dan untuk mendengar

permohonan tersebut pada mulanya, telah diterima oleh pihak mahkamah. Ini mengejutkan pemerhati-pemerhati politik tempatan walaupun di dalam pusingan keduanya pihak mahkamah telah menolak permohonan untuk menghentikan pihak kerajaan daripada meneruskan projek tersebut melalui pemberian kontrak pembinaan kepada UEM.

Hasil daripada tarik tali di mahkamah dalam isu ini juga, telah mewujudkan satu fenomena baru di dalam politik Malaysia, bila beberapa perkara tertentu telah dibawa ke mahkamah, dalam maksud untuk mencari keadilan, di samping menggugat pentadbiran Mahathir. Salah satu daripadanya ialah apabila mahkamah memberikan hak untuk menerbitkan kembali majalah bulanan Aliran pada penerbit tersebut dengan mengeneipkan kuasa Menteri Dalam Negeri. Isu ini merupakan risiko daripada beberapa dasar yang dijalankan oleh Mahathir, yang kita bahaskannya secara lebih jelas di dalam tajuk yang ke 13.

Industri berat merupakan salah satu hasrat utama Mahathir untuk menjadikannya sebagai suatu realiti kepada masyarakat Malaysia. Mission beliau sendiri dalam melihat pembangunan negara merasakan perlunya Malaysia melibatkan diri secara lebih serius ke arah industri berat yang banyak memberi faedah. Meskipun industri berat ini bukanlah satu perkara yang baru kerana sejak lama dahulu, Malaysia telah mempunyai beberapa industri berat. Umpamanya sejak zaman British lagi, sudah terdapat kilang-kilang simen bahkan juga Kilang Besi Malaya Walter, yang dimulakan pada waktu negara baru mencapai kemerdekaan.

Kilang-kilang yang beroperasi sejak tahun '60 an ini, hanya tidak mengambil langkah seterusnya bagi meningkat dan meluaskan aktiviti sektor tersebut, sehingga ianya sampai ke tahap pengeluaran untuk dieksport. Akibatnya pada penghujung dekad 30, selepas 25 tahun mengindustrikan ekonominya, Malaysia masih berada di peringkat industri pemasangan, pembungkusan dan pemerosesan bahan mentah. Disebabkan industri berat pada amnya memerlukan modal yang besar, teknologi yang tinggi dan sofistikated, serta pekerja yang mahir.

Adalah diingatkan sumbangan sektor perindustrian dalam negara kasar telah meningkatkan 13.4% pada tahun 1980 kepada 19.1% dalam tahun 1985. Memandangkan kekurangan-

kekurangan yang wujud, pihak kerajaan telah mengambil keputusan memikul tanggungjawab, merancang dan mendorong perkembangan sektor industri ini, khususnya dalam mempertingkatkan aktiviti-aktiviti industri berat. Sebagai langkah penting menuju ke arah itu, Perbadanan Industri Berat HICOM telah ditubuhkan pada tahun 1980.

HICOM berperanan untuk mengenalpasti, memulakan, melaksana dan mengurus projek-projek industri berat. Ini bermakna penglibatan secara langsung dari pihak kerajaan dalam bidang tersebut. Bagaimanapun penglibatan HICOM hanyalah dalam projek-projek industri berat tertentu atau yang terpilih sahaja. Yang penting ialah peranan HICOM dalam menyusun dan merancang pengeluaran projek-projek industri berat supaya ditujukan untuk pasaran luar negeri, selain daripada pasaran negara.

Oleh itu penekanan khusus yang dilakukan oleh kepimpinan Mahathir, terhadap perindustrian jenis ini, adalah bagi menambah kepada usaha-usaha yang ada, bagi memenuhi keperluan-keperluan yang bertambah. Dengan adanya industri jenis ini, Mahathir berpendapat tukaran asing akan dapat diselamatkan. Kalau negara terlalu bergantung kepada bahan-bahan dari luar negara, maka pengaliran wang ke luar negara akan meningkat dan kita mungkin tidak mampu dan mungkin juga terpaksa membayar harga yang tinggi untuk barang tersebut kerana tidak mempunyai punca-punca dari lain.

Sebaliknya jika Malaysia mempunyai industri sendiri, jikapun pihak-pihak pengeluar akan menurunkan harga tetapi pilihan dari dalam negara boleh dibuat. Meskipun industri ini terpaksa menurun modal yang agak besar, ia sebaliknya mengurangkan perbelanjaan negara membeli barang-barang ini dari luar. Umpamanya jika Malaysia terpaksa membeli barangan bahan plastik, bernilai lebih \$200 atau \$300 juta setahun. Jumlah ini akan dapat dijimatkan jika negara membina sendiri kilang plastik walaupun pada mulanya mungkin kos kilang tersebut akan meningkat sekalipun ke \$1,000 juta.

Tetapi dalam jangka masa 4 tahun, Malaysia akan dapat menyelamatkan tukaran asing yang sama dengan nilai pelaburan tersebut. Selepas itu, ia akan menjadikan satu keuntungan, meskipun bukan kepada syarikat tetapi sebenarnya kepada negara. Ia adalah satu keuntungan dari segi menyelamatkan tukaran asing daripada mengalir ke luar



negara. Ini adalah di antara alasan-alasan yang dikemukakan oleh Mahathir atas perlunya Malaysia terlibat dengan industri berat di samping industri tersebut juga mempunyai potensi untuk dieksport. Walaupun mungkin negara tidak boleh mengeksport kereta tetapi sekurang-kurangnya barang-barang komponennya boleh dieksport.

Dalam projek Proton Saga umpamanya, walaupun pengeluaran sehingga hari ini terhad tetapi permintaan dari banyak negara asing untuk membeli kereta tersebut sentiasa bertambah, walaupun Malaysia tidak boleh menjualnya sekarang kerana tidak sesuai atau mempunyai masalah-masalah lain. Tetapi permulaan mesti dibuat mengikut Mahathir, biarpun dalam tempoh 5 tahun yang akan datang baru Malaysia boleh mengeksport.

Soalnya ialah bagi Mahathir, permulaan itu adalah penting. Kalau tidak dimulakan pada hari ini, 5 tahun lagi pun negara belum boleh mengeksportnya. Oleh itu kalau ditunggu 5 tahun lagi baru hendak memulakannya maka terpaksa pula ditunggu 5 tahun lagi untuk membuat eksport.

Di sinilah **praktikaliti** Mahathir dalam melihat dan merealisasikan mission beliau. Walaupun permulaan dibuat sewaktu kemelesetan ekonomi berlaku, ianya tetap merupakan suatu usaha yang boleh memberi keuntungan pada masa yang akan datang mengikut keyakinannya. Tanpa menafikan, tentang wujudnya masalah-masalah kewangan, teknologi, tenaga mahir dan pemasaran dalam usaha melaksanakan program industri berat. Tetapi berdasarkan pencapaian yang telah diperolehi dalam dasar perindustrian negara selama ini. Dasar Industri Berat ini juga akan mencapai kejayaan yang sama jika pendekatan yang sesuai dipilih.

**Bezanya** ialah selain daripada masalah-masalah di sekitar pelaksanaan dasar tersebut, Mahathir juga menghadapi risiko-risiko lain yang membabitkan kepimpinan politik beliau kerana setiap yang baru itu tidak akan mudah diterima dengan begitu sahaja, tanpa pandangan-pandangan dan kritikan-kritikan serta bantangan oleh pihak-pihak tertentu.

Dasar Industri Berat turut menerima kecaman sebagai satu dasar yang dianggap tidak sesuai dilaksanakan di waktu ekonomi meleset. Pada pendapat mereka-mereka dari golongan ini, mungkin di zaman Mahathir oleh kerana waktu beliau mengambilalih persekitaran ekonomi dunia berada di dalam

keadaan yang muram, maka Mahathir sepatutnya tidak membuat sebarang bentuk perubahan atau tidak membuat sebarang projek dan dasar-dasar yang terpaksa mengeluarkan perbelanjaan. Dalam lain kata mungkinkah jika Mahathir hanya mentadbirkan tanpa memperkenalkan polisi-polisi baru, mereka akan menyambut baik tindakan beliau itu.

Sudah pasti jika tidak ada sesuatu peralaksanaan dibuat oleh Mahathir kerana kemelesetan ekonomi, mereka ini juga akan mengkritik bahawa Perdana Menteri yang keempat ini tidak mengambil inisiatif apa-apa untuk menggalakkan pertumbuhan dan memperkembangkan ekonomi Malaysia hari ini dan di masa yang akan datang. Sebagai seorang pemimpin, Mahathir terpaksa membuat sesuatu dan membuat keputusan yang difikirkan sesuai walaupun beliau terpaksa menghadapi tentangan-tentangan yang lebih banyak didasarkan kepada andaian-andaian negatif.

Perbezaan antara pemimpin dan pengkritik ialah pemimpin terpaksa membuat keputusan dan bersedia untuk berdiri tegas dengan keputusannya serta menanggung risiko-risiko itu darinya. Sementara pengkritik terus mengkritik tanpa merasakan sebarang beban tanggungjawab.

Projek Kereta Malaysia, hasil penglibatan bersama Heavy Industries Corporation Of Malaysian (HICOM) dengan sumbangan modal berbayar sebanyak 180 juta dan Mitsubishi Corporation 15% serta Mitsubishi Motor Corporation sebanyak 15% daripada keseluruhan modal berbayar. Oleh kerana projek tersebut memakan belanja lebih dari setengah billion maka lebih dari \$350 juta telah dipinjamkan oleh bank eksport Jepun serta bank-bank perdagangan yang lain.

Sebagai projek utama, sudah tentulah ianya mendapat berbagai-bagai pandangan daripada berbagai-bagai sektor rakyat Malaysia. Pengumuman yang dibuat oleh Musa Hitam pada penghujung Oktober, 1982 tentang projek kereta Malaysia yang selaras dengan Dasar Pandang ke Timur Mahathir, telah mendapat berbagai-bagai reaksi daripada berbagai pihak dalam masyarakat.

Di peringkat awal pengumuman, 20,000 buah kereta dijangka mula dikeluarkan pada tahun 1985 dan akan meningkat kepada 80,000 buah setahun, sehinggalah kepada 120,000 unit pada tahun 1989. Para pengkritik berpendapat pengeluaran lebih 200,000 unit bagi setiap jenis kereta setahun

sahaja merupakan jumlah minima pengeluaran yang ekonomik. Selain dari mereka berpendapat hanya 36% dari jumlah nilai kereta itu akan terdiri dari alat keluaran tempatan, yang pada amnya adalah lebih mahal dari harga alat serupa yang diimport. Kereta Malaysia masih merupakan kereta syarikat asing dengan bentuk badan istimewa yang dipasangkan di dalam negara.

Dari kos pengeluaran kereta Malaysia yang mahal, perusahaan berkenaan menurut para pengkritik hanya akan mewujudkan 3,000 peluang pekerjaan. Iaitu jumlah yang dikatakan lebih rendah dari bilangan pekerja pemasangan kereta, kini yang barangkali akan diketepikan setelah usaha pengeluaran kereta Malaysia bermula kelak. Sementara kesediaan pihak Mitsubishi mengambil bahagian dalam projek kereta Malaysia hanya membuktikan bahawa mereka meramalkan akan mendapat keuntungan yang menarik dari penglibatan itu.

Pasaran yang terlindung, yang sedang diwujudkan, akan menjamin bahawa projek survival dari segi kepentingan Mitsubishi. Pembeli kereta akan terpaksa membayar harga yang tinggi dan pihak kilang serta kerajaan akan mengalami kerugian. Sekurang-kurangnya dari segi kutipan cukai dan pelaburan HICOM. Mitsubishi pasti akan mendapat keuntungan. Walaupun projek kereta Malaysia keseluruhannya tidak semestinya mendapat untung.

Para pengkritik projek kereta Malaysia juga mengambil industri pemasangan kereta sebagai dasar untuk mereka mengkritik projek kereta Malaysia bukan suatu projek yang boleh memberi keuntungan. Pada pendapat mereka, jika projek industri pemasangan kereta yang telah pun dijalankan sejak lebih 20 tahun dahulu tidak membawa Malaysia ke suatu zaman perindustrian yang baru.

Maka keputusan untuk mengadakan projek kereta Malaysia akan juga membawa kerugian di masa yang akan datang. Tetapi ada pula di antara mereka yang berpendapat bahawa jika projek menggalakkan pengeluaran kereta ini dibuat 20 tahun yang lalu, mungkin ianya merupakan satu keputusan yang rasional kerana kononnya industri kereta itu masih sedang berkembang dan pertandingan di pasaran tidak begitu hebat. Ditambah kemajuan teknologi di dalam industri kereta masa itu masih lembab dan tidak terdapat banyak perubahan, sama

ada dalam proses pengeluaran atau penggunaan komponen atau bahan baru.

Jadi mereka berpendapat dalam keadaan demikian, Malaysia mungkin boleh memulakan sebuah industri kereta yang dapat bertanding, tetapi bukan di zaman Mahathir melancarkan Proton Saga kerana keadaan telah jauh berbeza. Di mana industri tersebut sedang mengalami krisis yang mendalam. Ringkasnya pendapat mereka ialah perkembangan permintaan dunia untuk kereta telah banyak berkurangan, sedangkan kemajuan teknologi juga telah meningkat dengan begitu pesat sekali.

Sehingga persaingan dalam industri kereta telah menjadi runcing sekali dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Begitu mereka berpendapat, keputusan Mahathir menyertai industri pengeluaran kereta adalah tidak sesuai waktu itu. Pendapat yang menyatakan bahawa projek kereta Malaysia adalah survival, hanyalah dari kumpulan orang-orang yang terdiri daripada ahli politik dan peniaga yang mereka anggap masing-masing mempunyai kepentingan tertentu untuk menyokong projek tersebut.

Hal sebenarnya mungkin tidak dapat diketahui kerana dirahsiakan, namun anggaran yang konservatif adalah dijangkakan 1.5 billion. Dalam tempoh 10 tahun projek kereta Malaysia, dijangka menelan perbelanjaan negara sekurang-kurangnya 1.8 billion. Mengikut Business Times 23 Mei 1983, keupayaan pengeluaran kilang kereta di Malaysia hanya akan meningkat 120,000 yunit menjelang 1989. Oleh kerana jumlah pengeluaran yang agak kecil, ia akan dikeluarkan dengan kos sumber tempatan yang tinggi. Disebabkan jumlah 120,000 yunit juga dianggap sebagai sebahagian kecil sahaja dari tingkat pengeluaran optimum semasa iaitu 500,000 yunit setahun seperti yang diperlukan untuk pengeluaran cepak mengikut laporan Unido 1984.

Para pengkritik berpendapat perancangan sepatutnya dibuat oleh pakar dengan lebih penelitian terhadap kemampuan projek tersebut, untuk memberi keuntungan dan pertambahan kepada ekonomi negara. Tetapi bukan mengikut kehendak seseorang pemimpin semata-mata yang ingin melihat sesuatu yang besar dihasilkan tanpa didasarkan kepada realiti kemampuan rakyat dan ekonomi negara sendiri.

Oleh itu sebarang keputusan untuk melaksanakan projek

kereta Malaysia oleh segelintir pemimpin secara tergesa-gesa, dianggap mereka sebagai satu tindakan yang kurang tepat dalam usaha membawa Malaysia ke era perindustrian. Bagaimanapun tiap-tiap sesuatu ada pro dan kontranya, antara pendapat-pendapat yang mengkritik, membangkang dan menyokong dasar-dasar kepimpinan Mahathir.

Begitu juga dalam usaha pelancaran projek kereta ini, tidak dapat dielak sokongan yang jauh lebih besar kepada usaha seorang pemimpin untuk mewujudkan suatu imej yang melambangkan kemajuan bangsa Malaysia.

Berbanding dengan negara-negara membangun yang lain, kita boleh dianggap telah dapat memulihkan konflik yang sering menjangkiti nasib bangsa-bangsa yang pernah dijajah. Namun penyakit tidak yakin pada diri sendiri atau inferiority complex ini masih lagi terpahat kukuh di sanubari rakyat Malaysia kebanyakannya. Penyakit inilah yang sebenarnya melambatkan perjalanan bangsa untuk mengejar kemajuan. Usaha Mahathir ini ditafsirkan pula sebagai satu usaha yang bukan sahaja melambangkan kejayaan menghadapi cabaran-cabaran teknologi tetapi juga sebagai satu kejayaan menghadapi tentangan psikologi. Inilah kesan dinamik yang juga dapat dilihat dalam berbagai-bagai interpretasi projek kereta Malaysia.

## DASAR LUAR

Apabila Mahathir mengambilalih kepimpinan negara, banyak pihak tiba-tiba merasakan Dasar Luar Negara telah beralih, dari cara yang agak diplomasi dan berkecuali, digantikan dengan ketegasan serta kesetiakawanan yang serius. Dalam melihat Dasar Luar Negara di bawah Mahathir, ternyatalah garis pemisah antara Dasar Luar Negara sebelumnya, ialah apabila beliau mengumumkan polisi Pandang ke Timur. Pada waktu yang sama, mengarahkan supaya buy The British last sebagai tema kepada hubungan dua hala antara British dan Malaysia.

Apabila beliau menegaskan tentang pendirian Malaysia, yang kurang berpuas hati terhadap sikap dan tindakan pihak kerajaan British selama ini, ianya telah mencetuskan suatu suasana yang penuh dengan kekalutan dan ketegangan. Sehingga seolah-olah satu pengistiharan telah dibuat tentang Dasar Luar Negara. Pada hal tindakan radikal Mahathir terhadap polisi-polisi British kepada Malaysia sebelum ini, hanyalah merupakan suatu tindakan dari penilaian ekonomi, bukan dari sudut hubungan luar antara kedua negara. Namun ianya telah mewujudkan satu fenomena yang menarik, di mana tiba-tiba sahaja tindakan Mahathir itu telah mendapat reaksi daripada pihak British sendiri.

Pihak kerajaan dan juga pihak swasta serta lain-lain pihak yang terlibat di Britain merasa terkejut. Satu tamparan terhadap usaha-usaha British sendiri pada waktu itu, dalam keadaan untuk memulihkan kedudukan ekonomi mereka. Tiba-tiba sebuah lagi bekas tanah jajahan, telah mengumumkan satu

bentuk dasar yang seolah-olah mensabotaj, barang-barang keluaran atau urusniaga dengan pihak British.

Kemampuan Mahathir untuk menegaskan keadaan tersebut telah mengejutkan banyak pihak di dalam negara ini sendiri. Dalam pro dan kontranya, ternyata ia juga merupakan suatu titik-tolak kepada ketegasan-ketegasan dan kelantangan-kelantangan, dasar-dasar yang dilaungkan oleh Mahathir selepas itu. Sama ada pendirian beliau dalam isu Aparteid, benua Antartika dan masalah Palestine, adalah antara isu-isu yang terus-menerus mencerminkan ketegasan beliau lanjutan daripada pengumuman pertama tentang buy The British last.

Masyarakat Malaysia yang selama ini merasakan arus kehidupan berjalan seperti biasa, tiba-tiba terjaga dengan kejutan yang dibuat oleh pengumuman Mahathir itu. Mereka seolah-olah tidak percaya ada seorang pemimpin yang berani bercakap berterus-terang dengan pihak penjajah, setelah sekian lama Malaysia menjadi seperti sebuah negara yang terus-menerus membayar 'bunga emas' kepada pihak British. Mahathir telah mensyaratkan supaya pihak British membuat urusniaga dan semua bentuk perkiraan dan perundingan dalam keadaan berdiri sama tinggi, duduk sama rendah. Ianya secara tidak langsung mencetuskan suatu penonjolan ego seorang pemimpin dalam menjalankan Dasar Luar Negeranya.

Banyak pihak yang berpendapat, Mahathir mampu melakukan tindakan tegas tersebut kerana beliau tidak mendapat pendidikan di Britain. Hasil daripada itu semangat nasionalisma beliau jauh lebih menguasai diri beliau, jika dibandingkan dengan pemimpin-pemimpin negara yang pernah mendapat pendidikan di Britain sebelum ini. Apa yang nyata ialah Mahathir berjaya menimbulkan satu reaksi yang positif daripada pengumuman dasar tersebut.

Antara lainnya ialah pihak British sendiri yang memberi sambutan yang lebih baik, di samping mewujudkan, satu perasaan tinggi diri di kalangan rakyat, khususnya orang-orang Melayu, tentang kemampuan pemimpin mereka, untuk berhujah dan berdiri sama tinggi dengan pemimpin negara lain.

Ia merupakan suatu sumbangan moral yang tinggi, khususnya, kepada sikap setengah orang-orang Melayu yang amat merasa rendah diri, apabila melihat atau memperkatakan sesuatu tentang British, baik dari segi barang-barang buatan British ataupun institusi pengajian tinggi di Britain dan juga

dasar-dasar pemerintahan, termasuklah demokrasi ala British sendiri, merupakan contoh-contoh yang sering dijadikan kebanggaan oleh setengah-setengah rakyat negara ini, yang masih lagi terpengaruh, seolah-olah apa juga yang dikaitkan dengan British adalah sesuatu yang agung.

Disebalik semua itu Mahathir sentiasa mempunyai pandangan atau falsafahnya sendiri tentang konsep ketegasan. Bagi beliau ketegasan merupakan suatu pendirian yang penting sama ada ketegasan terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Dan ia juga merupakan lambang kekukuhan. Beliau yakin jika rakyat dapat mengutamakan sifat tegas maka mereka akan dapat membina semua negara yang teguh.

Dalam melaksanakan dasar-dasar beliau ataupun dasar kerajaan, beliau tidak mengubahnya semata-mata kerana mendapat kritikan sinis dan tidak membina. Sebaliknya kerana terus berkeyakinan bahawa dasar-dasar yang dipertahankan itu adalah bermanfaat dan perlu diteruskan. Hasilnya ialah ketegasan-ketegasan yang sering ditunjukkan oleh beliau, akhirnya mendapat sokongan majoriti rakyat. Pada beliau, jika kerajaan sentiasa terawang-awang sama ada hendak meneruskan sesuatu dasar atau tidak, rakyat akan keliru dan hilang kepercayaan kepada kerajaan.

Oleh sebab itu, beliau sentiasa memberi jaminan bahawa kerajaan akan meneruskan dasar-dasar yang memberi manfaat dengan secara tegas. Walau bagaimanapun itu tidak bermakna sesuatu dasar itu akan terus selama-lamanya dipertahankan tanpa mengambilkira realiti semasa. Kerajaan sentiasa bersedia membuat penyesuaian, jika ianya dianggap sebagai sesuatu yang perlu. Ketegasan pada pandangan Mahathir ialah kesanggupan untuk mengatasi keadaan yang sudah berubah. Ketegasan sahaja tidak bermakna kerajaan perlu rigid atau berdegil dalam pendiriannya, sehingga tidak memperdulikan keadaan yang telah berubah dari masa ke semasa.

Sikap tegas ini adalah merupakan satu tema kepimpinan beliau, yang beliau harapkan bukan sahaja terpancar melalui Dasar Luar Negara tetapi juga diambil perhatian oleh agensi awam dan swasta.

Pada beliau jika agensi-agensi awam yang diberi kuasa dan tugas di bawah pelbagai akta dan peraturan, dapat menunjukkan ketegasan dalam melaksanakan kuasa-kuasa yang diberikan kepada mereka, maka ianya merupakan satu



sumbangan yang amat bermanfaat kepada pembinaan negara. Bagaimanapun Mahathir sentiasa yakin bahawa dalam mempraktikan ketegasan itu, perlunya ada kebijaksanaan bagi memastikan sesuatu pendirian itu, tidak semata-mata bersikap degil tanpa memberi sebarang faedah.

Dalam menjaga imej negara di luar negeri umpamanya, antara dasar yang diumumkan oleh Mahathir terhadap para pegawai dan juga delegasi-delegasi yang bertolak ke luar negeri sama ada di peringkat kedutaan ataupun pegawai dagang, mereka mestilah mempunyai pengetahuan yang lengkap berkenaan Malaysia dalam usaha untuk mempertahankan dan juga untuk menaikkan imej negara. Mereka sepatutnya sentiasa bersedia, untuk mengambil tahu, keadaan dan perkembangan negara ke saat-saat terakhir dan sentiasa mengambil tahu, perkembangan-perkembangan penting, seperti keputusan-keputusan mesyuarat kabinet dan perubahan-perubahan dasar ataupun pengumuman-pengumuman baru daripada pihak kerajaan.

Bagi beliau keperluan untuk pegawai-pegawai khususnya di peringkat kedutaan, mengetahui setiap selok-belok dan perkembangan yang berlaku di negara ini, adalah suatu kewajipan yang tidak boleh diabaikan. Mereka ini, apabila ditanya berkenaan negara, mestilah sentiasa bersedia untuk bercakap, sama ada dalam soal perdagangan, polisi-polisi kerajaan ataupun yang bersangkutan dengan kewangan dan lain-lain hal. Mereka juga harus tahu maklumat-maklumat seperti suasana pelaburan, suasana politik di dalam negara, bilangan penduduk dan sebagainya. Yang merupakan asas-asas pengetahuan, yang diperlukan oleh seseorang diplomat dan juga sesiapa yang terlibat di dalam menaja imej negara di luar negeri.

Dasar Luar Negara di bawah kepimpinan Mahathir merupakan satu dasar yang jelas terhadap setiap tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan pimpinan beliau. Oleh itu sebarang kekaburan atau kekeliruan yang wujud lebih merupakan suatu kegagalan dalam memahami suasana sebenar yang terjadi. Setakat ini beliau telah berjaya membawa Malaysia ke barisan hadapan, khususnya dalam kelompok dunia ketiga, sebagai pemimpin yang menyuarakan dengan lantang hasrat dan citarasa kumpulan dunia ketiga.

Setiausaha Agung Komanwel Sir Shirdath pernah

mengatakan bagaimana suara lantang Mahathir dalam forum-forum antarabangsa terhadap Aparteid merupakan satu gema yang telah menggegarkan dunia, khususnya keadaan di Afrika Selatan sendiri. Kuala Lumpur kini, dikenali sebagai salah satu ibu negara di dunia, yang menjadi tempat mempertahankan kebebasan dan penindasan kemanusiaan.

Altaf Gauhar, Setiausaha Agung Yayasan dunia ketiga, mengakui status Malaysia sebagai pemimpin dunia ketiga dalam satu kenyataan beliau baru-baru ini. Malaysia umpamanya telah dipilih sebagai tempat untuk kumpulan dunia ketiga menyampaikan hadiah mereka pada tahun 1985. Antara alasan oleh pihak penganjur mengapa Malaysia dipilih sebagai tempat untuk memberi hadiah penghormatan tersebut ialah kerana penglibatan yang bersungguh dan berterus-terang oleh Mahathir, terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara dunia ketiga dan cara-cara mengatasinya, melalui tindakan-tindakan strategi yang praktikal.

Ketika mengadakan persidangan akhbaranya di Kuala Lumpur, Altaf telah mengatakan adalah sukar, kadangkalanya, untuk mencari sebuah negara di dalam kumpulan dunia ketiga yang betul-betul mengamalkan konsep demokrasi. Beliau telah memuji Malaysia kerana begitu committed kepada demokrasi dan merupakan salah sebuah negara contoh di kalangan dunia ketiga, di mana rakyatnya, kebanyakan berada di bawah pemerintahan autokratik. Dalam majlis penganugerahan itu Nelson Mandella, seorang tokoh perjuang kemerdekaan Afrika, yang telah dipenjarakan selama 22 tahun, telah dipilih untuk menerima hadiah dari Yayasan Dunia ketiga, sebagai menghormati suara demokrasi dan kebebasan yang diperjuangkannya.

Demikian juga bagi Malaysia, tempat yang dipilih, di mana perhubungan antara kaum merupakan suatu yang penting dalam kestabilan politik negara. Ia menunjukkan suatu cabaran terhadap kebijaksanaan mengadakan perhubungan antara kaum dengan harmoni dan merupakan contoh kepada negara-negara membangun yang lain.

Kepimpinan Mahathir bukan sahaja melihat beberapa perubahan terhadap hubungan Malaysia-Britain tetapi juga mengubah suai beberapa dasar luar yang bersangkutan dengan Asean dan pergerakan negara-negara berkecuali. Tidak ketinggalan sikap Malaysia terhadap Pertubuhan Persidangan

## Islam Antarabangsa.

Pada Mahathir, Asean memerlukan kesungguhan politik untuk mengubah rantau yang kaya dengan pelbagai sumber asli menjadi pusat perkembangan masa depan. Bagi beliau sebarang sekatan yang boleh menghalang kerjasama ekonomi rantau ini sepatutnya tidak wujud lagi setelah Asean ditubuhkan lebih 25 tahun. Sebaliknya Asean hendaklah bersedia menerima idea baru bagi meningkatkan kerjasama. Atas keyakinan bahawa jika semua pihak mempunyai pandangan yang sama khususnya dalam konteks kerjasama ekonomi, kejayaan ke arah itu akan dapat dicapai, atau setidaknya ia mestilah menjadi satu matlamat yang jelas. Jika tidak ada kesungguhan, maka cita-cita asas penubuhan Asean untuk mewujudkan satu rantau yang bebas dan berdikari, tidak akan mencapai matlamatnya dalam tempoh yang terdekat.

Asean umpamanya mestilah meningkatkan usahanya bagi menjamin kepentingan masa depan komoditinya yang sering menderita kejatuhan harga. Mahathir melihat bagaimana negara-negara Asean sedang berhadapan dengan bahaya subsidi eksport pertanian, jualan murah dan kempen memburukkan keluaran Asean oleh negara-negara maju. Oleh itu adalah perlu bagi Asean memberi penekanan khusus kepada isu komoditi dengan menyemak kembali dan menyusun semula jentera Asean bagi menampung sektor tersebut.

Sehingga kini perdagangan Intra-Asia, meskipun berkembang tetapi masih kecil berbanding keseluruhan perdagangan Asean. Pergantungan Asean kepada pasaran dunia menyebabkan Asean turut mengalami kesan buruk daripada kenaikan nilai mata wang dunia dan kadar pertukaran yang tidak seimbang. Menurut Mahathir kemunculan Jepun sebagai sumber kredit terbesar di dunia tidak mendatangkan sebarang kebaikan kepada Asean, jika Jepun tidak mengubah amalan perdagangannya dan berusaha membaiki perdagangan dan kedudukan kewangan dunia.

Terdapat banyak gesaan supaya ditingkatkan bantuan penyusunan semula, mengurangkan halangan perdagangan, berulang kali dinyatakan oleh setiap pihak yang terlibat. Pelbagai janji, jaminan dan ketetapan dibuat, namun kebanyakan penyelesaian-penyelesaian kepada masalah-

## Fasa Kedua

masalah tersebut belum pun bertukar menjadi kenyataan. Beliau berpendapat Asean sudah hampir kepada keadaan yang agak mencemaskan, iaitu kepada kemusnahan sistem jika keadaan yang ada sekarang berterusan. Bukan sahaja jurang pendapatan dan taraf hidup antara Utara dan Selatan agak luas, tetapi peluang mendekat pandangan dan persepsi kedua-dua belah pihak juga menjadi tipis. Selain itu secara kolektif Asean boleh meneroka berbagai bidang, membantu perkembangan ekonomi dunia dan pada masa yang sama membantu perkembangan ekonomi Asean.

Salah satu daripadanya ialah meningkatkan kerjasama sesama negara-negara Selatan yang boleh menyediakan peluang-peluang baru pada anggota Asean. Mengelakkan manipulasi oleh negara-negara maju. Satu kajian yang menyeluruh perlu dibuat tentang kerjasama ekonomi di kalangan anggota negara Asean yang berjalan selama ini. Salah satu jalan keluar bagi memperbaiki kerjasama ekonomi ialah dengan mengadakan pasaran bersama di antara negara anggota.

Bagaimanapun soal ini mendapat reaksi yang pelbagai daripada anggota-anggota pertubuhan itu sendiri. Profesor Mokhtar Kesumatmaja, Menteri Luar Indonesia sewaktu mengulas cadangan dari Malaysia berkenaan hal tersebut, mengatakan Indonesia tidak membantah idea penubuhan pasaran itu. Bagaimanapun Indonesia berpendapat bukanlah caranya untuk mengukuhkan kerjasama ekonomi antara negara Asean kerana setiap anggota mempunyai sistem ekonomi yang berjalan secara berlainan dan tahap kemajuannya berbeza. Walaupun pasaran bersama itu dapat melahirkan pasaran yang lebih besar di kalangan negara-negara Asean yang mahu penarikan semula sekatan dagangan, tegas beliau.

Dalam sidang kemuncak Asean yang ketiga di Manila pada 15 Disember 1987 yang lalu, satu pembaharuan tekad dan keazaman telah dibuat untuk memperkukuhkan bidang kerjasama yang merangkumi politik dan ekonomi di samping memperhebatkan lagi usaha ke arah mencapai matlamat bersama, untuk menjadikan Asia Tenggara sebagai sebuah rantau aman, bebas dan berkecuali.

Banyak pihak beranggapan ianya merupakan satu detik yang akan membawa harapan masa depan yang lebih terjamin

untuk rakyat Asean. Mahathir sendiri berpendapat ia merupakan suatu penyatuan pandangan, pendapat dan pemikiran, suatu penilaian yang ikhlas terhadap kemajuan dan kelemahan Asean dan satu garis panduan yang realistik ke arah kerjasama Asean.

Tidak dapat dinafikan deklarasi itu bukan sahaja memperbaharui tekad dan komitmen terhadap matlamat Asean dan menghuraikan secara terbuka mengenai apa yang dikehendaki untuk masa depan Asean. Ia juga merupakan satu testimonial yang konkrit dari negara-negara anggota. Menjadi cita-cita utama Mahathir dan juga para pemimpin Asean untuk melihat Asean muncul sebagai suatu daerah yang benar-benar wujud sebagai zon aman, bebas dan berkecuali di rantau Asia Tenggara ini.

Beberapa masalah yang masih lagi mencengkam kestabilan politik Asean antara lainnya ialah masalah Kampuchea yang menjadi penghalang utama kepada kewujudan matlamat zon aman, bebas dan berkecuali itu. Tanpa kerjasama dari pihak Vietnam, Asean akan menghadapi masalah dalam mencari penyelesaian untuk mencapai cita-cita tersebut. Asean juga akan meningkatkan usaha ke arah mewujudkan zon bebas dari senjata nuklear.

Malaysia sendiri menghadapi masalah yang tidak mendapat penyelesaian muktamad dengan Filipina berkenaan soal Sabah. Mahathir menganggap ianya sebagai tulang di kerongkong. Hubungan dengan Filipina tetap macam biasa. Dalam satu sidang akhbar sebelum berakhirnya sidang kemuncak di Manila itu, Mahathir antara lain telah berkata,

"Terpulanglah kepada Filipina untuk mengambil langkah lanjut bagi menyelesaikan soal tuntutan bila saja ia bersedia. Lagi pun oleh kerana ia tidak dapat diselesaikan di sidang kemuncak ini maka tidak ada apa-apa yang perlu disegerakan."

Filipina pada mulanya merancang untuk menggugurkan tuntutan itu sebelum sidang kemuncak Asean yang lalu, tetapi gagal berbuat demikian setelah kongresnya meminda undang-undang mengenai perkara itu dengan menambahkan beberapa syarat baru.

Ini termasuklah peruntukan yang menetapkan ianya akan berkuatkuasa sebagai satu undang-undang, setelah Malaysia menyelesaikan dahulu soal bayaran pampasan kepada waris-waris Sultan Sulu dan kedua negara menandatangani terlebih dahulu

perjanjian dua hala mengenai kerjasama dan persahabatan, soal menyeberangi sempadan dan lain-lain lagi.

Mahathir pula tetap menegaskan pendirian Malaysia bahawa soal tuntutan ke atas Sabah dan pampasan kepada waris-waris Sultan Sulu adalah dua isu berasingan dan tidak boleh dikaitkan. Soal pampasan itu adalah semata-mata urusan antara kerajaan Malaysia dan waris Sultan Sulu itu sendiri. Bagi beliau, Malaysia bersedia menimbangsoal soal pampasan itu bagi mencari penyelesaian yang memuaskan dengan waris-waris Sultan Sulu, setelah tuntutan ke atas Sabah itu digugurkan secara muktamad.

Demikian juga kesediaan Malaysia menandatangani perjanjian-perjanjian tersebut hanya selepas tuntutan itu digugurkan. Di waktu yang sama juga satu rang undang-undang telah dibentangkan di parlimen Filipina yang mengesyorkan supaya Malaysia membayar pampasan bernilai 3.2 ribu juta dolar, lebih kurang \$8 ribu juta, kepada pihak Manila sebagai ganti rugi bagi pengguguran tuntutan ke atas Sabah.

Rang undang-undang itu digubal bersama oleh 14 ahli parlimen, dipimpin oleh wakil kerajaan Josede Venecia yang beranggapan jumlah pampasan itu amat sederhana, tetapi akan membantu menutup kerugian yang akan dialami oleh kerajaan Filipina di masa depan, akibat kehilangan satu aset negara dan segala pendapatan royalti daripada hasil minyak, perlombongan, pembalakan dan perikanan di Sabah.

Bagaimanapun rang undang-undang itu mendapat tentangan daripada Sultan Jamalul Kiram ke 111, yang mendakwa dirinya waris Sultan Sulu dengan menyatakan bahawa rang undang-undang tersebut telah menghina kesultanan dan penduduk Islam Filipina.

Bagi beliau, kerajaan Filipina tidak berkuasa menggugurkan tuntutan ke atas Sabah kerana waris-waris sultan sudah menarik balik serta membatalkan kuasa yang mereka berikan sebelum ini kepada kerajaan Filipina, untuk menuntut hak kedaulatan ke atas Sabah. Menurut beliau, satu dokumen undang-undang yang ditandatangani pada 11hb. September, 1962 oleh kerajaan Filipina dan waris-waris Sultan Sulu sudah mansuh dengan sendirinya.

Pada hakikatnya soal tuntutan Sabah oleh Filipina ini akan terus menjadi satu bahan politik yang timbul dari masa ke semasa. Namun tanpa cadangan-cadangan yang konkrit dan rasional, Malaysia tidak mungkin akan tunduk kepada desakan-

desakan yang tidak wajar.

Kepimpinan Mahathir ternyata tidak akan membiarkan soal tuntutan Sabah oleh Filipina ini menjadi suatu bahan politik yang boleh menggugat hubungan di antara kedua negara, di samping yakin bahawa penyelesaian ke arah tersebut boleh dicapai tanpa membebankan kedua pihak yang terlibat. Pada dasarnya kenyataan Perdana Menteri bahawa soal Sabah adalah sebagai tulang di kerongkong, tidak lebih merupakan suatu kenyataan politik sahaja. Meskipun isu Sabah merupakan sesuatu yang wujud tetapi pada hakikatnya ia tidak begitu berpijak pada bumi nyata.

Kelantangan suara Mahathir di forum-forum antarabangsa sudah diketahui ramai. Beliau bukan sahaja membuat kritikan dan teguran tajam terhadap pihak-pihak dalam negeri mengenai pelbagai perkara, malah lebih lantang mengkritik pihak Barat di forum-forum antarabangsa, sama ada yang menyentuh peranan kuasa-kuasa besar dan sikap kekejaman Israel ataupun soal-soal sejagat yang lain.

Sebagai seorang pemimpin Islam yang kommitted pada perjuangan Islam sejagat. Beliau secara terbuka dan berterusan mengecam Israel dan kuncu-kuncunya kerana melakukan kekejaman yang tidak putus-putus ke atas rakyat Palestine yang mencabul kesucian Masjid Al-Aqsa. Ucapan beliau di Perhimpunan Agung Khas Bangsa-Bangsa Bersatu pada bulan Oktober 1982, menegaskan tindakan Amerika Syarikat membekalkan senjata kepada Israel adalah sama kesannya dengan perbuatan membunuh, kerana senjata-senjata itu tidak dapat tidak akan digunakan oleh Israel untuk membunuh rakyat Palestine.

Beliau bertanya, "setelah tanah tumpah darah mereka dirampas untuk mewujudkan sebuah negara Yahudi, haruskah rakyat Palestine diburu dari sebuah khemah pelarian ke khemah pelarian dan dalam proses itu dibunuh?"

Bagi Mahathir sejarah Israel menunjukkan ia tidak lagi berperang untuk mempertahankan sempadannya, sebaliknya menyerang atas sebab-sebab paling kecil sama ada sebab itu dibenarkan ataupun sesuatu yang hanya dibayangkan.

Walaupun Malaysia bukan negara Arab dan hanya separuh penduduknya beragama Islam, namun di bawah kepimpinan Mahathir, keberkesanan program-program Islam serta kesungguhan beliau melaksanakannya, mencetuskan

keimbangan baru di kalangan negara-negara Barat, ada pihak-pihak yang tidak mahu negara-negara Islam mencapai kedudukan yang dihormati. Sikap sederhana dan pendekatan pragmatik Malaysia dalam pelaksanaan program-program Islam menyebabkan ada pihak yang bimbang bahawa Malaysia akan menjadi satu kuasa di dunia ketiga yang dihormati dan mengancam status quo dan perhubungan antarabangsa.

Dalam hal ini, Malaysia telah mencipta nama sebagai negara yang sederhana tetapi gigih memperjuangkan hak negara-negara dunia ketiga yang tertindas dari segi politik, ekonomi dan kemanusiaan. Bukti nyata ialah bila ketetapan yang dibuat oleh PBB mengistiharkan Antartika sebagai warisan manusia sejagat. Ketetapan itu diterima oleh suara terbanyak walaupun negara-negara maju yang mempunyai kepentingan di benua air batu itu menentang.

Mahathir telah menggesa PBB membuat pengistiharan tersebut dalam ucapannya di Perhimpunan Agung Khas PBB yang dibuat pada Oktober 1982. Pengaruh sebegini tentulah tidak menyenangkan banyak pihak kerana cadangan sebuah negara kecil seperti Malaysia yang tidak mempunyai apa-apa kepentingan Antartika didengar dan dihormati. Tentulah hal ini membimbangkan Zionis dan kuncu-kuncunya, bukanlah disebabkan sokongan Malaysia terhadap perjuangan Arab semata-mata, tetapi kerana kewibawaan Malaysia yang makin meningkat di kalangan negara-negara Islam dan dunia ketiga.

Sukar untuk dibuktikan tetapi krisis yang tercetus satu ketika dulu dalam hubungan antara Malaysia dan Singapura, tidak lari daripada niat untuk merosakkan imej Malaysia kerana penglibatan-penglibatan yang lantang di forum antarabangsa. Singapura telah sengaja atau tidak langsung mencetuskan beberapa isu yang hampir-hampir menjadi polemik politik di antara kedua-dua negara. Kuasa-kuasa besar dan juga negara-negara yang di bawah naungan mereka, tentulah tidak akan gembira untuk melihat kemunculan lebih banyak negara dunia ketiga atau setidak-tidaknya pemimpin-pemimpin tertentu dari dunia ketiga yang boleh mempengaruhi pendapat dunia mengenai isu-isu antarabangsa.

Sejarah pengintipan dan penganiayaan antarabangsa telah membuktikan kemampuan kuasa-kuasa besar melakukan bukan sahaja kekejaman tetapi penganiayaan terhadap tokoh-tokoh pemimpin yang tidak mereka ingini. Malaysia adalah satu-



satunya negara di Asia Tenggara yang membenarkan PLO membuka pejabat dan menjalin perhubungan yang rapat dengan pertubuhan itu. Negara-negara lain keberatan berbuat demikian walaupun mereka bersimpati dengan rakyat Palestine kerana bimbang menyinggung perasaan Amerika.

Secara diam-diam negara-negara ini menerima bantuan ekonomi dan tentera bernilai beribu juta dollar dari Amerika. Jika mereka terlalu terbuka menyokong PLO, harapan terus menikmati bantuan ini mungkin terjejas. Dalam hubungan ini juga, adalah suatu perbuatan jahil sepertimana yang diramalkan oleh Al-Kadir Jasin pengarang Berita Harian, kalau menolak kemungkinan Israel dan kunci-kuncunya, memerhati dengan rapi setiap keputusan dan tindakan yang diambil oleh Malaysia mengenai isu-isu yang membabitkan hubungan Arab-Malaysia.

Walaupun Malaysia tidak dianggap musuh bersenjata yang membahaya, namun pendirian Malaysia dalam soal konflik Asia Barat tidak menguntungkan Israel. Malah Malaysia bukan sahaja tidak mengiktiraf kewujudan Israel malah memberi sokongan padu kepada perjuangan Arab. Yang lebih aneh ialah bila adanya negara-negara Islam yang lebih besar daripada Malaysia, yang masih keberatan membenarkan PLO membuka pejabat di negara masing-masing kerana bimbang, akan menyinggung perasaan sekutu-sekutu mereka, terutama sekali kuasa-kuasa besar yang menjadi tempat naungan mereka.

Mahathir sendiri dalam kelantangannya telah menyifatkan kekejaman yang dilakukan oleh rejim Israel terhadap rakyat Palestine, adalah sama seperti yang dilakukan oleh kerajaan Jerman terhadap kaum Yahudi di satu masa dahulu. Bagi Mahathir, kerana Israel ketika itu telah merayu simpati dari negara dunia kerana kekejaman tersebut, Malaysia juga turut bersimpati di atas penderitaan Yahudi akibat kekejaman kerajaan Nazi itu. Bagaimanapun sekarang Israel telah lupa dengan kekejaman yang telah mereka alami dan rasai, malah kini Yahudi itu pula telah melakukan tindakan seperti yang pernah dilakukan oleh kerajaan Nazi terhadap mereka.

Mereka bukanlah bangsa yang tahu insaf dan merasa penderitaan orang lain tetapi pentingkan diri sendiri walaupun dunia mengancam termasuk rakannya Amerika Syarikat, tegas Mahathir. Menurut Mahathir, sehingga sekarang tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan rejim Yahudi itu merasa insaf

dalam hubungannya dengan negara-negara Arab. Malahan Israel terus mengugut kestabilan dan kedamaian di dunia Arab.

Bagi Mahathir, negara-negara yang bersubahat dengan rejim yang ganas adalah sama dengan rejim Nazi dahulu kerana sokongan serta bantuan rakan-rakan Israel, maka tentera-tentera Israel terus melakukan keganasan tanpa merasa takut terhadap pandangan dunia. Lebih 20 tahun, orang-orang Palestine hidup menderita di khemah-khemah yang tidak selesa dan Israel tidak pernah merasa bimbang dengan penderitaan rakyat Palestine itu. Kekejaman Israel bagi Mahathir, tidak ada batasnya kerana bila rakyat Palestine memberontak atau tunjuk perasaan dengan mengguna batu sahaja, askar-askar Israel membalas dengan tembakan sehingga mati, dipukul atau ditanam hidup-hidup.

Beliau juga sedar, bagaimana adanya negara-negara yang dipengaruhi oleh Israel sedang menggunakan akhbar-akhbar asing untuk cuba menjatuhkan kerajaan Malaysia pada hari ini. Negara-negara ini mahu menghancurkan kerajaan yang ada di bawah kepimpinan beliau kerana pendirian yang tegas dalam beberapa perkara. Akibat daripada itu, akhbar-akhbar luar negeri sentiasa menyiarkan berita-berita yang diputar-belitkan. Antaranya ialah dengan mengatakan pihak kerajaan telah mengenyepikan Dasar Ekonomi Baru dalam usaha untuk mewujudkan perasaan tidak puas hati di kalangan orang-orang Melayu terhadap kerajaan.

Mereka tahu antara cara yang paling berkesan untuk menggagalkan usaha-usaha kerajaan ialah dengan menimbulkan kemarahan di kalangan orang Melayu dan mewujudkan rasa tidak percaya terhadap kerajaan di bawah pimpinan Mahathir. Mereka membuat analisa yang tersendiri dengan harapan untuk menukarkan Malaysia menjadi sebuah negara yang lemah, yang mudah untuk jadi mangsa manipulasi mereka.

Perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru mungkin berjalan agak perlahan, bukan disebabkan kerana tindakan kerajaan untuk mengubah dasar tersebut tetapi kerana keadaan ekonomi dunia yang tidak stabil, yang turut mempengaruhi suasana ekonomi di Malaysia. Akibatnya beberapa matlamat pertumbuhan ekonomi telah tidak dapat dicapai mengikut jangkaan.

Dalam Persidangan Pergerakan Dunia Ketiga di Harare, Mahathir sekali lagi mampu menunjukkan kepimpinan beliau

yang tegas dan pragmatik. Pergerakan Negara-Negara Berkecuali merupakan kumpulan negara-negara yang melepaskan diri mereka daripada kongkongan kuasa-kuasa besar seperti Amerika dan Rusia, telah merayakan ulang tahun penubuhannya yang ke dua puluh lima.

Dalam banyak hal, terdapat lebih banyak perbezaan daripada persamaan di kalangan anggota-anggota pergerakan tersebut, mengenai beberapa isu antarabangsa. Dalam satu ucapannya diperhimpunan tersebut, Mahathir telah mendesak Pertubuhan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali itu, menentukan satu rancangan bertindak yang akan dipertanggungjawabkan dan dibiayai secara bersama, untuk menyediakan negara-negara Afrika ke arah kebebasan penjajahan oleh golongan minoriti kulit putih di Afrika Selatan.

Antara lain beliau menegaskan, "marilah kita tolong membantu untuk melatih pentadbir-pentadbir profesional dalam berbagai bidang dan juga pakar-pakar industri. Dan marilah kita membuktikan kesanggupan untuk menjayakan cita-cita kebebasan orang-orang Afrika di bawah penjajahan kulit putih di Afrika Selatan."

Di persidangan tersebut, Mahathir menganggap isu penekanan terhadap orang-orang Afrika di Afrika Selatan merupakan isu yang terpenting dalam persidangan tersebut.

Oleh itu adalah wajar untuk setiap yang hadir membuat penglibatan yang serius ke arah penyelesaian. Bagi beliau, rejim Afrika Selatan hanya boleh dipatahkan dengan tekanan ekonomi dan politik secara berterusan. Sekatan sama ada menyeluruh dan langsung akan tentunya mewujudkan keadaan yang sukar kepada kerajaan Afrika Selatan. Ia merupakan senjata yang terakhir dalam usaha orang-orang Afrika di sana dapat dibebaskan. Bagaimanapun sekatan hanya akan berjaya jika semua negara-negara yang membuat hubungan perniagaan dengan Afrika Selatan turut menyokongnya.

Tindakan-tindakan yang separuh jalan, tidak bersungguh, penuh dengan pemilihan, tidak akan dapat menolong usaha tersebut. Mahathir menggesa agar pengembelangan tenaga dibuat, seperti merayu negara-negara seperti Amerika Syarikat, Britain, Jerman Barat dan Jepun untuk tidak membuat sebarang hubungan dagang dan politik dengan negara di

## Afrika Selatan.

"Kita menyeru keempat-empat negara ini dan lain-lain atas nama kemanusiaan untuk berserta kita bagi menjatuhkan kuasa pemerintahan kulit putih dan mewujudkan satu bentuk pemerintahan majoriti yang sebenarnya. Bagi Negara-Negara Pergerakan Berkecuali, satu-satunya jalan ialah untuk merapatkan barisan hadapan dalam apa juga cara, bagi membuat tindakan-tindakan yang positif untuk melemahkan kerajaan Afrika Selatan."

Dalam memberi pandangannya terhadap tindak-tanduk negara-negara kaya, Mahathir menganggap mereka ini amat mementingkan negara sendiri. Setiap kali mereka merumuskan sesuatu keputusan tanpa menghiraukan nasib yang menimpa negara-negara yang sedang membangun. Apa yang dapat dilihat adalah keadaan yang hampir-hampir merupakan penafian penuh terhadap negara-negara yang miskin. Menurut Mahathir, setiap kali tujuh negara kaya berjumpa, mereka akan membuat rumusan hanya untuk kepentingan masing-masing tanpa memperdulikan negara-negara lain di dunia.

Sebagai contoh, beliau telah menyebut umpamanya dalam soal menghadapi masalah ketidakseimbangan perdagangan. Negara-negara berkenaan mengeneipkan apa yang akan berlaku terhadap negara-negara lain dengan menilai semula matawang-matawang mereka seperti yen dan dolar Amerika. Akibatnya negara yang sedang membangun seperti Malaysia terpaksa menaikkan nilai pinjaman yen sebanyak 70%, di samping memperolehi keuntungan yang lebih rendah dari hasil eksport petroleum.

Gejala yang menimpa Malaysia turut juga menggugat negara, negara lain yang sedang membangun. Ini semua berlaku tidak lain kerana sikap negara yang kaya, yang mengamalkan kepentingan diri sendiri. Sebagai seorang pemimpin dunia ketiga yang ingin membawa negaranya ke arah yang lebih cemerlang, Mahathir menegaskan bahawa tidak ada negara di dunia yang mahu hidup atas bantuan semata-mata. Semua negara mahu mendapat wang atas hasil diri sendiri, dan ini akan hanya boleh dilakukan jika mereka tidak dibebankan dengan begitu banyak peraturan dan halangan yang sengaja dicetuskan oleh negara-negara kaya.

Demikian juga sikap negara-negara ini terhadap keamanan

dunia, terutama sekali tanggungjawab dan peranan yang dimainkan oleh Amerika Syarikat dan Soviet Union sendiri, yang mewujudkan peperangan demi peperangan di kalangan negara-negara kecil. Mengikut Mahathir, bilamana kuasa-kuasa besar ini telah membuatkan negar-negara mereka terselamat dari kehancuran perang nuklear dan tidak pernah berperang sejak lebih 40 tahun yang lalu, rakyat di dalam negara-negara kecil membunuh antara satu sama lain dengan senjata-senjata yang diberikan oleh kuasa-kuasa besar tadi.

Di Persidangan Komanwel pada Oktober, 1987, Mahathir telah menegaskan dalam persidangan yang beliau anggap sebagai sesi perjumpaan para eksekutif, bahawasanya tanpa mengira apa juga, peperangan sama ada kecil atau besar akan mewujudkan pembunuhan. Ini semua merupakan tanggungjawab kuasa-kuasa besar yang terlupa bahawa rakyat di negara-negara kecil juga mempunyai hak untuk hidup di dalam keamanan.

Beliau juga menolak teori yang mengatakan bahawa dunia kini menjadi lebih aman kerana adanya senjata nuklear. Bagi Mahathir, terdapat perang di mana-mana sahaja di Kampuchea dan Afghanistan, begitu juga di Iran dan di negara Arab. Apa yang nyata ialah walaupun tidak ada peperangan nuklear tetapi terdapat juga peperangan.

Yang lebih mengecewakan ialah peperangan-peperangan tersebut merupakan garis kasar yang diwujudkan hasil daripada polisi-polisi dan tindakan-tindakan kuasa-kuasa besar yang terus-menerus memberi senjata-senjata mereka untuk mewujudkan suasana konflik yang berterusan. Sementara negara-negara kecil ini membelanjakan lebih banyak wang mereka di atas senjata daripada pembangunan ekonomi. Ini mengakibatkan mereka menjadi semakin miskin. Sepatutnya tidak ada campurtangan dalam urusan tiap-tiap sesuatu negara.

Jika prinsip tidak campurtangan ini dilanggar maka negara-negara kecil akan terus berada di dalam bahaya. Beliau bagaimanapun merayu agar kuasa-kuasa besar berhenti dari menjadikan negara-negara kecil mangsa antara satu sama lain. Pada pandangan beliau adalah satu kesilapan besar, jika kuasa besar merasakan atau berkelakuan seolah-olah orang-orang di negara kecil tidak ada hak untuk hidup dalam aman ataupun boleh dibunuh, sedangkan mereka sendiri tidak boleh dibunuh.

Dalam satu utusan yang dihantar sempena dengan 'Hari Penghapusan Diskriminasi Bangsa' peringkat antarabangsa, Mahathir telah menegaskan, "kerajaan dan rakyat Malaysia sekali lagi mengambil peluang ini untuk membaharui tekad dan penglibatan serta sokongan kepada keadilan dan hak-hak perjuangan rakyat Afrika Selatan untuk menghapuskan semua bentuk diskriminasi kaum dan Aparteid." Malaysia telah terus menerus mengutuk polisi dan dasar Aparteid.

Selagi rejim Pretoria meneruskan dan mengekalkan sistem yang tidak bertanggungjawab, tidak akan wujud keamanan di Afrika Selatan, kerana golongan majoriti yang tertindas akan terus berjuang untuk membebaskan negara dan rakyat mereka. Demikian juga di dalam kerjasama Suruhanjaya Selatan-Selatan, Malaysia di bawah Mahathir sekali lagi muncul sebagai suatu tenaga bersama yang berjaya mewujudkan yaysan tersebut ke arah yang lebih praktikal.

Suruhanjaya Kerjasama Selatan-Selatan akan menjadi satu tenaga kerjasama ke arah mencapai penyelesaian kepada masalah ekonomi negara-negara dunia ketiga dan ianya berpusat di Kuala Lumpur. Sepertimana yang telah diputuskan dalam persidangan yang diadakan pada bulan Mei 1986, Mahathir yang dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Penubuhan Suruhanjaya tersebut, berikrar untuk memastikan suruhanjaya itu tidak membuang masa dengan banyak cakap tetapi akan menyempurnakan tugasnya secepat mungkin.

Menurut beliau, walaupun pemimpin-pemimpin tujuh buah negara maju yang bersidang di Tokyo, mempunyai pandangan yang tersendiri terhadap ekonomi negara-negara dunia ketiga, namun suruhanjaya ini merasakan ekonomi dunia ketiga adalah berada dalam tahap yang agak mengecewakan. Dan penubuhan suruhanjaya ini merupakan langkah penting bagi mengatasi masalah tersebut.

Setiausaha Agung Yayasan Dunia ketiga Altaf Gauhar telah menyifatkan Mahathir sebagai penggerak utama dan pelopor Kerjasama Selatan-Selatan sehingga Suruhanjaya Bebas dunia ketiga berjaya ditubuhkan. Menurut beliau, Mahathirlah yang telah memberikan perhatian berat kepada gagasan tersebut sejak ia diilhamkan 10 tahun yang lalu. Walaupun dunia ketiga telah banyak kali bersidang sejak 10 tahun itu, Mahathir telah membuktikan kesungguhannya sehingga Suruhanjaya Bebas

tersebut ditubuhkan di Kuala Lumpur sempena persidangan yang diadakan.

Malaysia akan memainkan peranan penting dalam memberi sumbangan kewangan kepada penubuhan Suruhanjaya itu, yang akan berpusat di Kuala Lumpur. Diharapkan negara-negara dunia ketiga serta badan-badan lain akan turut berbuat demikian. Dalam Kenyataan Kuala Lumpur, ditegaskan bahawa Suruhanjaya tersebut akan menilai keadaan ekonomi negara-negara dunia ketiga, mengenalpasti pilihan-pilihan tindakan, memperaku langkah-langkah konkrit bagi masa depan Kerjasama Selatan-Selatan dan hubungan ekonomi Selatan-Utara.

Suruhanjaya itu juga akan menimbangakan langkah-langkah melalui pertubuhan bagi mengukuhkan kerjasama termasuk penubuhan sebuah Sekretariat Selatan, di samping menggembelingkan kesedaran umum tentang cabaran dan kedudukan negara-negara dunia ketiga di tempat masing-masing. Keanggotaan Suruhanjaya itu akan terdiri daripada dua puluh orang tokoh terkemuka dunia ketiga, yang akan berkhidmat secara peribadi dan bukan selaku jurucakap kerajaan atau institusi masing-masing.

Mengikut Mahathir, ini adalah untuk mengelakkan pihaknya berkonfrantasi dengan negara-negara Utara dan akan bekerjasama dengan negara-negara maju yang sanggup bekerjasama melalui projek-projek yang boleh mendatangkan faedah. Di mana pada perkiraan terakhir, dunia ini masih saling gantung-bergantung.

Kenyataan Kuala Lumpur itu menegaskan bagaimana keperluan Kerjasama Selatan-Selatan ini amatlah besar dan permulaan telah dilakukan. Apa yang diperlukan sekarang ialah kajian kepada proses keseluruhannya dalam mewujudkan asas-asas yang tegas untuk kemajuan seterusnya.

Di dalam hal ini, tidaklah dapat dinafikan Persidangan Kuala Lumpur telah berjaya melahirkan 'anak keamanan' yang telah gagal dicapai dan dilahirkan dalam persidangan-persidangan dunia ketiga yang lalu. Tentu sekalilah usaha dan inisiatif yang dilakukan oleh Mahathir secara peribadi bertanggungjawab mewujudkan Suruhanjaya Selatan-Selatan pada hari itu. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar berkecuali, Malaysia mahukan perhubungan persahabatan dengan semua negara tanpa mengira ideologi politik. Lebih-lebih sebagai

sebuah negara Islam. Tidak dapat dinafikan Malaysia akan terus memainkan peranan yang berkesan khususnya di dalam Pertubuhan Persidangan Islam.

Sebelum ini Tunku Abdul Rahman pernah memegang jawatan Sekretariat Islam Sedunia, maka Mahathir juga memainkan peranan yang penting dalam Pertubuhan Persidangan Islam. Antara yang paling menarik dalam aktiviti Pertubuhan Persidangan Islam ialah kemasukan Malaysia dalam jawatankuasa damai bagi mencari satu penyelesaian kepada Iran dan Iraq. Diperingkat permulaan Mahathir telah dicadangkan agar menjadi ketua perwakilan jawatankuasa damai, Pertubuhan Persidangan Islam bagi merundingkan penyelesaian pertelingkahan antara Iran dan Iraq.

Selain daripada ciri-ciri ketegasan dan penuh berterus-terang dalam pendekatan Dasar Luar Malaysia di bawah kepimpinan Mahathir, kita juga dapat menilai bahawa beliau adalah seorang pemimpin yang peka pada perkembangan semasa, dan mampu untuk membuat adaptasi bagi kebaikan bersama. Jika penyesuaian dan perubahan perlu dibuat bagi memperbaiki keadaan maka Mahathir tidak silu-silu untuk bergerak ke arah itu, tanpa merasakan ianya sebagai satu faktor yang mungkin boleh dianggap sebagai menjejaskan pendirian beliau yang tegas selama ini. Ataupun jika ianya sebagai sesuatu yang perlu dipertahankan hanya semata-mata kerana ego seorang pemimpin.

Apa yang berlaku dalam hubungan di antara Malaysia dengan Britain di zaman Mahathir dapat menjadi bukti sejauh mana flexibility kepimpinan Mahathir, dalam membuat perubahan dan pendekatan yang boleh memberi faedah kepada pembangunan negara. Bila beliau mengumumkan dasar buy British last, jelaslah Britain telah menjadi negara yang menerima segala implikasi dari dasar luar Malaysia sejak awal-awal lagi di bawah kepimpinan Mahathir.

Ketegangan yang berlaku dan sabotaj pelaburan oleh pihak British serta beberapa kesulitan yang timbul hasil dari pengumuman Mahathir di awal pengambilalihan kepimpinan negara, menyebabkan kedua-dua belah pihak merasakan, perlunya diadakan satu rundingan yang lebih khusus, bagi mengenalpasti kelemahan-kelemahan dan perbezaan-perbezaan pendapat yang terdapat dalam perhubungan dua hala kedua-dua negara. Walaupun Margaret Thatcher pernah membuat



lawatan ke Malaysia pada tahun 1985 namun ketegangan hubungan antara kedua negara tidak mencapai had persefahaman yang diharapkan.

Sebaliknya apabila Mahathir membuat lawatan rasmi ke Britain pada tahun 87, suasana yang agak samar dalam konteks perhubungan antara negara telah bertukar menjadi lebih jelas. Kemampuan Mahathir meyakinkan pihak Britain bahawa Malaysia sebagai negara yang berkecuali benar-benar mempunyai dasar luarnya yang tersendiri dan tidak berhasrat untuk mengikut telunjuk sesiapa dalam menentukan perjalanan Dasar Luar Negara ini. Sudah tentulah ini juga dimaksudkan kepada bekas penjajah negara ini sendiri.

Dalam lawatan beliau ke Britain, Mahathir telah berjaya menonjolkan lagi imej kepimpinan beliau yang sebenar melalui pertemuan-pertemuan dengan pihak kerajaan dan swasta British. Di mana dengan itu jelas pada pihak British bahawa Mahathir adalah seorang tokoh yang tidak banyak bercakap dalam konteks berselindung disebalik perhubungan diplomasi, sebaliknya beliau lebih berani berterus-terang untuk menjelaskan pendirian-pendirian dan harapan-harapan beliau. Tanpa rasa ragu-ragu dan takut pada sesiapa, juga.

Hasil daripada lawatan itu kerajaan British di bawah pimpinan Thatcher, telah menegaskan bahawa kerajaannya telah memahami hasrat kerajaan Malaysia yang sebenarnya di bawah pimpinan Mahathir. Di samping terus merakamkan harapan agar hubungan dengan Malaysia tetap kekal seperti masa-masa yang lalu. Pihak kerajaan British mula bertambah sedar bahawa Malaysia, walaupun sebuah negara yang masih membangun tetapi tetap mempunyai rasa sensitif dan komitmen yang serius terhadap sebarang hubungan yang tidak memancarkan kesaksamaan sama ada negara-negara besar dan maju ataupun negara-negara membangun di dunia ketiga yang lain.

Malaysia kini mahu melihat Britain dari satu sudut baru dan berharap perhubungan keduanya di masa yang akan datang, merupakan titik-tolak kepada keinginan untuk sama-sama berkongsi sebarang pemikiran baru khususnya dalam bidang perindustrian, yang mana Britain dapat menjadi contoh paling baik sebagai sebuah negara yang berjaya.

Sudah tentulah dalam lawatan tersebut Perdana Menteri memberitahu secara langsung bahawa dasar buy British last

sudah tidak lagi diamalkan. Namun itu bukanlah pula bererti Malaysia akan memberi keutamaan semula kepada setiap barang British. Sebaliknya seperti juga negara-negara lain yang ingin membuat pelaburan dan menonjolkan hasil usaha mereka, maka Britain terpaksa juga menunjukkan keistimewaan mereka untuk menyakini rakyat Malaysia dan kerajaan dalam usaha untuk memberi sebarang tender atau bentuk kerjasama dalam sesuatu pelaburan.

Ditegaskan juga bahawasanya soal buy British last tidak ada kena-mengena dengan soal Pandang ke Timur. Dasar Pandang ke Timur lebih merupakan pendekatan ke arah mengikuti satu falsafah atau budaya yang boleh membawa kebaikan kepada Malaysia sendiri. Sementara buy British last, didasarkan kepada tindakan untuk menunjukkan kepada pihak British bahawa Malaysia mahukan keadilan dalam setiap perjanjian dan urusan.

Tidak dapat dinafikan hubungan yang terjejas hasil dari dasar buy British last itu telah dapat dipulihkan melalui lawatan balas Mahathir. Jika dilihat pengumuman dasar buy British last itu pun dibuat kerana Malaysia telah merasa tertipu dengan cara pihak berkuasa mengubah peraturan dagangan dalam pasaran saham London, ekoran kejayaan Permodalan Nasional Berhad menguasai syarikat perdagangan negara itu Puteri Corporation. Walaupun ianya lebih merupakan suatu bentuk dasar yang melibatkan kerajaan dan agensi kerajaan, namun kesannya telah membimbangkan pihak-pihak yang ingin melihat kepentingan bersama antara kedua pihak ini dipertahankan.

Sejak 4 tahun pengistiharan tersebut dibuat, import dari Britain telah membeku ketika import keseluruhannya meningkat 5.6%. Apa yang menarik ialah bila Perdana Menteri menegaskan bahawa hubungan dua hala Malaysia - Britain hendaklah lebih realistik dengan mengambil kira kejatuhan harga komoditi, pasaran yang terhad serta pertukaran wang yang tidak menentu.

Pendekatan lama yang banyak mengambil kira soal sentimen, menurut beliau sudah tidak boleh digunakan lagi. Beliau seterusnya menegaskan bahawa hubungan dagangan masih menguntungkan Britain dan usaha merapatkan jurang ini masih belum menampakkan hasil. Adalah perlu masalah-masalah yang dihadapi dalam bidang insuran, pelajaran dan

perkapalan diperbetulkan segera, di mana Britain boleh memainkan peranan berkesan ke arah mencapai hubungan ekonomi yang lebih seimbang.

Dalam hubungan inilah Malaysia ingin melihat Britain pelbagaikan importnya. Tidak hanya membeli komoditi utama Malaysia sahaja di samping berharap pihak British dapat menambah pelaburan di Malaysia, lebih-lebih lagi dalam keadaan di mana Malaysia telah melonggarkan lagi beberapa syarat bagi para pelabur asing. Menurut beliau, Malaysia selalu mengalu-alukan para pelabur asing walaupun beberapa syarat dikenakan dalam usaha untuk memastikan rakyat negara ini dapat bersama menikmati keuntungan. Malaysia tidak pernah membuat dasar yang anti orang asing.

Untuk ini Mahathir telah membuktikan dengan tidak adanya usaha-usaha untuk memilik negarakan sesuatu syarikat di Malaysia. Malahan diketika slogan buy British last sekalipun, Malaysia masih lagi mengalu-alukan pelabur-pelabur British dengan permaidani merah.

Sepanjang yang bersangkutan dengan suasana masyarakat pula, atas kesedaran pentingnya kestabilan politik ke arah pertumbuhan ekonomi terutama sekali yang melibatkan pelaburan asing, rakyat Malaysia sentiasa menunjukkan suatu corak hubungan yang baik dalam menyelesaikan apa juga masalah politik, di luar daripada melakukan penyelesaian di atas jalan-jalan raya. Sebagai contoh toleransi yang nyata, Mahathir telah menerangkan dalam satu ceramah beliau di waktu lawatan tersebut, bagaimana Malaysia diperintah oleh gabungan 13 buah parti. Ini telah mengejutkan kebanyakan pendengar kerana disedari bahawa di Britain, mereka mendapati terlalu sukar walaupun untuk dua parti politik bekerjasama di dalam pilihanraya.

Ini juga merupakan satu bukti tahap kesabaran dan tolak-ansur rakyat Malaysia yang dapat berkongsi kuasa dan kerjasama setelah sekian tahun. Harus juga diingat bahawa orang-orang Melayu bukanlah sebenarnya satu bangsa yang perkauman. Jika benar mereka itu seperti yang dituduh, menurut Mahathir mereka sepatutnya telah memerintah negara ini dengan sendirinya. Sebaliknya walaupun orang Melayu mempunyai majoriti yang cukup, mereka masih lagi memilih untuk menubuhkan kerajaan berdasarkan gabungan dengan lain-lain bangsa.

Hasil daripada perwakilan bangsa-bangsa ini di dalam kerajaan, maka beberapa isu utama telah dipindahkan daripada kedai-kedai kopi dan jalan raya ke ruang mesyuarat kabinet. Kestabilan ketahanan politik Malaysia dapat dibuktikan dengan kejayaan Barisan dan parti-parti sebelumnya, memenangi pilihanraya demi pilihanraya sejak mula kerajaan ditubuhkan 30 tahun yang lalu.

Mahathir telah meminta supaya pihak British melihat kembali laporan-laporan yang telah dibuat oleh mereka tentang Malaysia. Bagaimana mereka akan tersenyum dengan laporan-laporan tersebut yang mengatakan bahawa Malaysia akan berakhir dengan keruntuhan dan kemusnahan akibat daripada api perkauman. Sehingga kini Malaysia sebenarnya tidak terbakar dengan api tersebut.

Mahathir mencadangkan kepada setiap pendekatan yang dilakukan, semua pihak yang terlibat dalam hubungan dua hala ini supaya menahan dari membuat sebarang kritikan dan juga menerima setiap kritikan dengan semangat persefahaman yang sebenar, agar ianya tidak akan menggugat bentuk perhubungan yang kembali seperti biasa dan jika perlu untuk sama-sama menguatkan lagi setiap bidang yang terdapat kepentingan bersama.

Selain memulihkan kembali perhubungan antara Malaysia dengan Britain seperti sedia kala, Perdana Menteri juga telah membuat suatu peraturan yang lain dalam mengekalkan perhubungan antara Malaysia dan China. Melalui lawatan beliau ke negara tersebut, beliau telah membuat pendekatan yang lebih praktikal dalam hubungan dua hala yang telah beku sejak beberapa tahun. Bila Tun Razak membuat lawatan bersejarahnya ke Negeri China pada tahun 74, terdapat harapan yang tinggi agar kerjasama di antara kedua negara akan menjadi lebih aktif lagi. Apatah lagi Malaysia sebagai salah sebuah negara di Asia Tenggara yang pertama menghulurkan tangan persahabatan.

Ini semua dilakukan walaupun terdapat pengalaman yang pahit yang dihadapi oleh rakyat negara ini selama 12 tahun, di bawah pemerintahan darurat akibat dari tindakan Parti Komunis Malaya yang dibantu oleh Negeri China. Walaupun tidak ada apa-apa perubahan besar dalam bentuk pengisian perhubungan antara Malaysia dan China selepas lawatan Tun Razak, namun tidak dapat dinafikan Tun Razak telah berjaya

mengambil kesempatan daripada lawatan beliau itu, dengan menjadikannya sebagai isu politik yang membolehkan Barisan Nasional mencapai kemenangan besar dalam pilihanraya 1974. Langkah berani Tun Razak mengadakan hubungan diplomatik itu telah menyebabkan rakyat Malaysia keturunan Cina menyambut baik dan memberi sokongan yang cukup padu kepada pimpinan beliau selepas peristiwa berdarah 13 Mei, 1969. Bagaimanapun sepanjang pemerintahan Hussein Onn, tidak ada apa-apa perbezaan yang ketara dalam bentuk hubungan antara Malaysia dan China selain dari hubungan diplomatik biasa.

Walaupun beliau sendiri telah melawat China pada tahun 1979 namun tidaklah ada apa-apa tindakan lanjutan bagi keberkesanan hubungan antara kedua buah negara selain dari lawatan untuk melihat Tembok Besar Negeri China. Halangan utama yang mengganggu kelicinan perhubungan antara Malaysia dan China ialah keengganan China untuk menolak secara terbuka penglibatannya dengan Parti Komunis Malaya.

Keadaan ini masih lagi tidak diperbaiki, walaupun terdapat lawatan dari Deng Yian Peng yang mengambilalih kepimpinan dari kematian pengerusi Mao Tze Tong dalam tahun 1976. Bahkan beliau juga tidak dapat menyelesaikan isu perhubungan antara Negeri China dengan Parti Komunis Malaya. Oleh itu perhubungan masih lagi di dalam suasana waspada.

Bagi pihak Malaysia, Mahathir merasakan selagi China tidak membuktikan kejujurannya, selagi itulah perasaan syak wasangka akan terus mengganggu perhubungan kedua negara. Bagi beliau, China perlu bertindak lebih tegas mengotakan prinsip-prinsip perhubungan yang sama rata dan saling menghormati antara satu sama lain.

Pendirian Malaysia dan keinginannya melihat perhubungan yang lebih baik sudah sering disebut, namun ianya terpulang kepada sejauh mana kemampuan pemimpin kedua buah negara menyelesaikan suasana tegang itu, bukan sahaja di meja perundingan tetapi merangkumi aspek perhubungan nyata antara kedua-dua kerajaan, khususnya di bidang ekonomi, di mana hubungan awal antara Malaysia dan China tidak banyak menunjukkan kemajuan. Sementara negara-negara Asean yang lain seperti Thailand, Filipina dan Singapura, yang tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Peking, berjaya mengambil kesempatan dari perubahan Dasar Ekonomi China.

di mana perdagangan China dengan negara-negara ini telah meningkat.

Malaysia pula telah jatuh tingkat perdagangannya sejak tahun 1980. Apabila Mahathir membuat lawatan ke China, banyak pihak yang meragukan, apakah yang dapat dilakukan oleh beliau bagi menghilangkan kebekuan perhubungan. Dalam satu ucapannya bagi menghormati beliau di Peking, Mahathir mengatakan bahawa tujuan lawatan beliau ialah untuk mencari satu formula ke arah meningkatkan hubungan ekonomi dan kerjasama antara kedua kerajaan dengan tidak membenarkan perbezaan ideologi mengganggu jalinan tersebut.

Di China, Mahathir sendiri tidak menyentuh tentang hubungan kerajaan China dengan Parti Komunis Malaya secara langsung dalam ucapan beliau. Ianya merupakan perbezaan pendekatan jika dibandingkan dengan pemimpin-pemimpin Malaysia sebelum ini. Ini telah menarik minat pihak China untuk memberikan lebih perhatian kepada maksud lawatan sebenar Mahathir. Walau bagaimanapun beliau tetap menegaskan, akan perlunya Malaysia berwaspada dalam hubungannya dengan Republik Rakyat China, kerana tidak mahu terperangkap di dalam keadaan yang tidak bersedia. Beliau turut menyatakan rasa optimis Malaysia, tentang sikap pemimpin China sekarang dan perubahan-perubahan dasar yang mengambil tempat di negara tersebut.

Beliau telah menyentuh bagaimana Malaysia lebih dahulu dari Amerika Syarikat sendiri menjangka perubahan akan berlaku di China dan dengan itu menubuhkan hubungan diplomatik dengan negara ini di dalam tahun 1974. Beliau yakin bahawa China di bawah pimpinan yang ada sekarang, tidak akan melakukan sesuatu yang boleh merosakkan hubungan dengan Asean, terutamanya dengan Malaysia.

Masalah hubungan Malaysia dengan China lebih bersifat masalah dalam negeri dari merupakan masalah antarabangsa. Ini kerana terdapat segolongan kecil kesatuan China di Malaysia, yang masih berfikir bahawa mereka boleh bergantung kepada negara China di dalam perjuangan ganas mereka. Golongan ini yang masih berada di dalam hutan masih percaya kepada fahaman yang sudah lapuk. Mereka meneruskan perjuangan yang tidak memberi faedah kepada masyarakat China di Malaysia.

Sikap dan pendekatan Mahathir yang agak berbeza dari

amalan biasa dalam konteks perhubungan luar antara Malaysia dengan China, telah juga dianggap rendah oleh beberapa pihak sebagai tanda Malaysia tunduk kepada kehendak China.

Bagaimanapun ini ternyatalah satu pemahaman yang salah terhadap Mahathir kerana beliau dan kerajaan tidak sekali-kali berpura-pura mengatakan bahawa ancaman Parti Komunis Malaya sudah tidak ada lagi dan kemungkinan Peking mempunyai suatu perancangan terhadap kawasan di sebelah sini. Sebaliknya adalah tidak berfeadah untuk meneruskan perbincangan kepada isu yang sama, sedangkan setiap pihak menyedari kedudukan dan peranan masing-masing.

Soal itu tidaklah ditekankan dalam lawatan Mahathir, berdasarkan fahaman kes tersebut, merupakan aspek-aspek di mana kedua-dua pihak bersetuju untuk tidak bersetuju antara satu sama lain. Apa yang lebih ditekankan ialah beberapa aspek persamaan dan yang dapat menjadi asas persetujuan kedua pihak untuk melicinkan hubungan dari berbagai peringkat.

Dari perbincangan beliau dengan pemimpin-pemimpin China, Mahathir mendapati bahawa memang sering terdapat rasa syak antara sebuah negara dengan sebuah negara, tetapi yang lebih penting ialah kemampuan untuk memastikan bagaimana perbezaan ini tidak menghalang kerjasama di bidang ekonomi, terutamanya yang boleh memberi manfaat kepada rakyat kedua-dua buah negara.

Pada keseluruhannya, Dasar Luar yang dibawa oleh pemimpin Mahathir adalah satu dasar yang pragmatik. Satu bentuk dasar yang ingin memisahkan tradisi kolonial dengan tanah jajahannya, di samping penegasan yang nyata akan pendirian Malaysia setelah lebih 30 tahun merdeka, untuk menjadi sebuah negara yang tidak dinaungi oleh mana-mana kuasa dan tidak juga berhasrat pada bila-bila masa untuk menjadi negara langganan mana-mana pihak. Kebebasan, kemerdekaan, sama rata dan saling hormat-menghormati serta kerjasama merupakan intipati yang akan terus menjadi asas pada pembentukan Dasar Luar Negara di bawah Mahathir.

## MUSA vs MAHATHIR

Musa Hitam adalah tokoh politik Malaysia khususnya tokoh politik Melayu yang boleh dianggap paling unik kalau dilihat dari tindakan-tindakan beliau sewaktu menjadi Timbalan Perdana Menteri. Unik kerana beliau adalah antara satu-satunya orang Melayu dan seorang pemimpin yang sanggup meletakkan jawatan di atas alasan-alasannya sendiri. Yang antara lain ialah kerana perbezaan prinsip.

Tindakan demikian mungkin boleh dipertikaikan. Tetapi apabila melihat keadaan yang berlaku di dalam negara ini di akhir-akhir ini, maka dapat dirasakan ada juga perasaan untuk menghormati tindakan yang berani itu. Disebabkan kebelakangan ini kita melihat betapa kurangnya pemimpin-pemimpin yang mempunyai moral untuk mengambil tanggungjawab, menerima kesalahan mereka, mengaku akan kesilapan yang mereka lakukan. Apatah lagi untuk meletakkan jawatan yang memberikan mereka kemasyhuran dan kekuasaan.

Kemampuan Musa melakukan ini, merupakan suatu pendekatan atau tindakan yang memang mengejutkan masyarakat yang kadangkala sukar ditakrifkan tanggungjawab moralnya. Di Malaysia dalam tempoh yang terdekat ini, baik di kalangan pembangkang ataupun pemerintah, jarang sekali kita dapat melihat seorang pemimpin meletakkan jawatan semata-mata kerana adanya perbezaan prinsip perjuangan dengan pucuk pimpinan.

Malah sejarah politik UMNO sendiri tidak banyak melahirkan insiden-insiden yang demikian. Kebanyakan



pemimpin yang mempunyai prinsip perjuangan, yang menyedari bahawa cara pendekatan mereka dan prinsip mereka adalah bercanggah dengan pucuk pimpinan, tidak rela untuk meletakkan jawatan. Sebaliknya mereka lebih bersedia untuk dipecat atau dibuang oleh pucuk pimpinan/

Apabila Musa melakukan tindakan ini, di waktu beliau hampir-hampir berada di kemuncak kekuasaan, maka ianya merupakan suatu aspek Melayu di dalam membuat penilaian tentang politik moral dalam kepimpinan politik di Malaysia. Bagaimanapun di dalam memperkatakan implikasi daripada tindak-tanduk beliau dalam meletakkan jawatannya itu, adalah merupakan satu persoalan lain. Esei ini hanya akan melihat aspek-aspek tindakan perletakan jawatan Musa Hitam dan implikasinya.

Sebagai ahli politik, sejarah politik Musa telah membuktikan bahawa beliau merupakan seorang ahli politik yang bijak, tajam pemikirannya dan sentiasa bersedia menghadapi cabaran lawan. Pada waktu yang sama kemampuan Musa bermain politik amat menakjubkan. Oleh itu apabila beliau tiba-tiba meletakkan jawatan, sebagai Timbalan Perdana Menteri dan juga Timbalan Presiden UMNO, banyak pihak menganggap ianya merupakan satu lagi permainan politik Musa. Tidak berani yang mahu mengatakan bahawa itulah tanda berakhirnya politik beliau.

Sejarah politik beliau yang lalu menunjukkan beliau mampu mengharungi cabaran-cabaran yang dihadapinya. Sejak di zaman Tunku Abdul Rahman lagi, sewaktu beliau tersingkir seketika dari aliran kuasa, sehinggalah kemudian beliau muncul kembali di zaman Tun Razak. Mengukuhkan kedudukan beliau di zaman Mahathir, setelah mengalahkan Tengku Razaleigh Hamzah dalam satu pertandingan yang amat sengit pada tahun 1981.

Susurgalur keluarga beliau, berasal daripada sebuah keluarga yang ramai adik-beradik sebanyak sepuluh orang dari Johor Baharu. Musa memang telah mengetahui dari sejak awal lagi akan apa yang dikehendakinya. Sejak dari bangku sekolah untuk beberapa alasan yang aneh, beliau selalu bercita-cita untuk menjadi orang politik. Ini pernah dilafazkannya dalam salah satu temuramah yang diadakan. Malah sebuah majalah antarabangsa pernah meramalkan bahawa beliau akan muncul sebagai salah seorang pemimpin negara yang terkemuka beberapa tahun yang lalu.

Karier politik beliau bermula, sebagai seorang Setiausaha Politik, kepada Menteri Pengangkutan Malaysia pada waktu itu Allahyarham Tun Sardon Haji Jubir. Tiga tahun kemudian beliau bertanding sebagai calon UMNO di peringkat parlimen. Di awal hari-hari politik beliau, Musa menunjukkan kekuatan penglibatan beliau di dalam isu-isu yang melibatkan soal bumiputera. Kegampangannya bercakap, membuatkan timbul salah faham di antara beliau dengan Tunku Abdul Rahman yang menganggap beliau mencabar kepimpinannya di waktu itu.

Hasilnya beliau telah disingkirkan dari jawatan sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Timbalan Perdana Menteri. Apabila Tun Razak mengambilalih jawatan Perdana Menteri, beliau telah kembali ke dalam politik dengan slogan kurang bercakap dan bekerja lebih. Pada 20 Julai 1981 Mahathir mengumumkan kabinet pertamanya. Musa Hitam merupakan tokoh utama di dalam kabinet tersebut sebagai timbalan kepada Mahathir sendiri.

Ianya dianggap sebagai satu-satunya kabinet yang pragmatis dan dinamik yang melibatkan kumpulan tenaga penggerak yang agresif. Mahathir telah menunjukkan kepada rakyat Malaysia akan keinginan beliau untuk membawa satu era yang lebih cemerlang dalam corak kehidupan rakyat Malaysia. Musa muncul sebagai orang nombor dua dengan usia pada realitinya masih muda. Di samping bertindak sebagai Timbalan Perdana Menteri, beliau juga menjadi Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sejak dari awal pengumuman kabinet pertama beliau sehinggalah pada bulan Februari 1986, Musa telah memainkan peranan beliau sebagai orang nombor dua terpenting di dalam negara bersama Mahathir. Ada ketikanya hubungan mereka tergambar seolah-olah seperti isi dengan kuku, yang tidak mungkin boleh dipisahkan. Apatah lagi bila ikatan politik mereka di zaman awal juga adalah hampir-hampir sama.

Kehadiran Musa sendiri sebagai orang nombor dua kepada Mahathir, berbeza dengan apa yang pernah terjadi di dalam politik UMNO sebelum ini. Mahathir dengan alasan beliau sendiri, merasakan beliau tidak perlu, untuk menamakan siapakah timbalan beliau. Mungkin kerana petunjuk tentang sikap liberal beliau, maka Musa terpaksa bertanding dengan Razaleigh bagi menampilkan diri beliau sebagai orang nombor dua di dalam UMNO.

Dengan ini, Mahathir telah memisahkan tradisi UMNO.

Apabila Hussein Onn berhenti sebagai Perdana Menteri, beliau tidak menunjukkan siapa yang bakal menerajui kepimpinan kedua negara selepas Mahathir. Mahathir sendiri melihat bahawa soal timbalan beliau perlu diserahkan kepada para perwakilan UMNO. Dengan secara tidak langsung ianya telah memisahkan tradisi UMNO, di mana sebelum ini Tunku Abdul Rahman memilih Tun Razak sebagai timbalannya dan Tun Razak kemudiannya memilih Tun Hussein, dan Tun Hussein pula memilih Mahathir sebagai timbalan beliau.

Oleh itu perwakilan UMNO yang terpaksa memilih, siapakah Timbalan Presiden Parti dan sekaligus yang bakal menjadi Timbalan Perdana Menteri. Ianya merupakan satu pemilihan yang sukar pada waktu itu. Ketokohan Musa dan Razaleigh adalah hampir-hampir sama. Masing-masing mempunyai kebolehan, kepintaran, pengaruh dan masa depan yang meyakinkan.

Sikap liberalisme yang ingin ditunjukkan oleh Mahathir telah mencetuskan pertandingan Timbalan Presiden pada tahun 1981. Dengan segala implikasinya, yang akhirnya kembali pada Mahathir sendiri. Banyak pendapat yang mengatakan jika Mahathir bertegas memilih timbalan beliau ketika mengambil pucuk pimpinan negara, sudah pastilah pertandingan 1981 dan 1984 dapat dielakkan. Sekaligus sudah tentu juga pertandingan 1987 tidak terjadi sepertimana yang telah berlaku, yang mengakibatkan keretakan di dalam UMNO sendiri. Bagaimanapun sebagai seorang pemimpin yang berjiwa besar, Mahathir merasakan, bukan tanggungjawab beliau pada waktu itu, untuk memilih siapa yang sepatutnya menjadi timbalan beliau.

Walaupun tidak dapat dinafikan, hati kecil beliau pada waktu itu menginginkan Musa sebagai timbalan beliau, namun beliau tidak menunjukkannya dan membiarkan ahli-ahli UMNO membuat pilihannya sendiri. Walau apa pun niatnya yang sebenar, disebalik keengganan Mahathir untuk menamakan timbalan beliau, implikasi daripada pertandingan 1981, adalah merupakan rentetan seluruh peristiwa, yang berlaku sepanjang tujuh tahun perjalanan kepimpinan beliau. 1981 merupakan titik-tolak pada seluruh perpecahan yang dihadapi oleh UMNO kemudiannya. Pada Musa, bibit-bibit selepas pertandingan 1981 lah yang mencetuskan satu suasana, sehingga beliau terpaksa meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Di peringkat awal, di bulan-bulan pertama mengambilalih kepimpinan negara, Perdana Menteri dan timbalannya seolah-olah merupakan satu pengembelangan tenaga yang cukup kukuh dan sesuai serta tidak mungkin digoncang lagi. Musa pernah berkata, bahawa hubungan beliau dengan Mahathir adalah cukup rapat, sama ada di dalam ataupun di luar kerajaan. Sehingga umum melihat, seolah-olah di samping kemudaan dan dinamik yang ada pada kedua mereka, ternyata juga yang mereka boleh menandingi, keakraban hubungan antara Tun Razak dan Tunku Abdul Rahman.

Mungkin juga salah satu sebabnya, yang membolehkan mereka bekerjasama dengan baik, di peringkat awal, kerana keduanya mempunyai pengalaman yang hampir sama di hari-hari awal perjuangan politik mereka. Ataupun kerana kemampuan mereka berlakon sebagai ahli politik cukup hebat, sehingga tidak dapat diawasi geraklaku oleh orang yang melihat. Kedua-dua mereka merupakan wakil intelektual Melayu, dari peringkat bawah, yang telah berjaya mendaki tapak kekuasaan di dalam politik UMNO.

Oleh itu kehadiran dan kemunculan mereka, memberi satu tanggapan yang positif dan mewujudkan suasana galakkan, terhadap tokoh-tokoh muda lain di dalam UMNO pada waktu itu. Masing-masing mahu memberikan sumbangan untuk menjayakan cita-cita besar kedua-dua pemimpin yang dinamik, yang baru saja mengambilalih kepimpinan negara ini. Di peringkat awalnya Musa merasakan beliau mempunyai kefahaman yang cukup baik antara beliau dan Mahathir. Mereka merasakan ada banyak persamaan dalam hal-hal asas, yang mereka ingin lakukan tetapi tidak mempunyai peluang sebelum ini.

Oleh itu ketika menjadi orang yang pertama dan kedua berkuasa di dalam negara, mereka merasakan inilah waktunya untuk membuat sesuatu. Dalam soal birokrasi umpamanya, kedua-dua mereka yang tidak mempunyai penglibatan yang lama di dalam kerajaan, khususnya Mahathir sendiri, merasakan birokrasi yang wujud begitu tebal. Ini merupakan titik permulaan, dalam usaha mereka untuk menyelesaikannya melalui gaya pendekatan kepimpinan mereka. Sudah tentulah untuk membuat sesuatu yang besar menerjah masuk ke dalam birokrasi, mereka terpaksa menggoncang dan mengejutkan banyak pihak. Di samping mewujudkan keyakinan tentang

kemampuan mereka untuk melakukan perubahan.

Apabila Mahathir mengumumkan dasar-dasarnya, sebagai orang nombor dua, Musa menyambutnya dan menyebarkannya. Propaganda berjalan dengan baik dan Musa didapati menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab. Dalam keadaan yang demikian, tiba-tiba terdengar desas-desus, mengatakan adanya perbalahan pendapat di antara mereka berdua. Seluruh negara kurang pasti tentang hal tersebut. Rakyat hanya meneka, ahli-ahli politik menganggap ianya sebagai isu politik, yang bertujuan untuk merenggangkan kedua pemimpin, yang mempunyai cita-cita yang cukup ideal terhadap pembangunan bangsa.

Sementara musuh-musuh politik mereka pula, meneruskan jarum, bagi memastikan pertikaian dan perselisihan itu menjadi nyata. Untuk beberapa ketika, teka-teki berjalan tentang hubungan antara Perdana Menteri dan Timbalannya, tetapi kedua-dua tokoh itu muncul di khalayak ramai kemudiannya, menafikan bahawa di antara mereka ada perselisihan dan perbalahan.

Desas-desus pergeseran ini telah bermula sejak tahun 1983 lagi. Bilamana terdapat kempen-kempen di antara kumpulan Razaleigh dan Musa sendiri. Apabila Mahathir dengan tegas menyatakan, bahawa regu beliau adalah Musa, dalam satu pengumuman terbuka di persidangan agung UMNO pada tahun 1983, keyakinan umum menjadi bertambah tinggi terhadap regu kepimpinan mereka. Tidak ada lagi yang percaya akan desas-desus yang tersebar. Sehingga berlaku pertandingan kedua antara Razaleigh dan Musa pada tahun 1984.

Mahathir masih berdiri kukuh di belakang Musa Hitam. Kemenangan Musa untuk kali kedua, meyakinkan banyak pihak, bahawa satu pembersihan akan dilakukan di kalangan orang-orang di dalam kabinet, khususnya di kalangan kumpulan Razaleigh. Apatah lagi Musa sendiri mendesak, agar Razaleigh tidak dimasukkan ke dalam kabinet, bagi mengelakkan pertandingan di antara beliau dengan Razaleigh di masa yang akan datang.

Ini merupakan antara alasan, yang dapat dianggap sebagai titik mula pada pergeseran Mahathir - Musa seterusnya, khususnya selepas 1984. Musa bukan sahaja menghendaki Razaleigh dikeluarkan dari barisan kabinet tetapi pada waktu yang sama, ingin menonjolkan orang-orang beliau, untuk duduk

di dalam barisan kabinet yang bakal dibentuk oleh Mahathir. Pada Musa ini penting, bagi membolehkan beliau bekerja dengan lebih bersungguh dan mudah, apabila orang-orang yang beliau fahami dan yakin, berada di sekeliling beliau di dalam kabinet yang sama.

Permintaan Musa ini mungkin juga dapat diterima sebagai satu kewarasan jika dinilai dari implikasi politik kemudian hari. Perhitungan yang dibuat oleh Mahathir pada waktu itu ialah, untuk menstabilkan suasana, selepas satu lagi pertandingan sengit yang berlaku di dalam UMNO. Pada Mahathir, tindakan yang lojik ialah untuk terus mengekalkan Razaleigh di dalam kabinet, bagi memastikan sokongan yang berterusan dari penyokong-penyokong Razaleigh, terhadap kepimpinan beliau. Sementara Musa Hitam mendesak agar ianya dibuang, bagi menstabilkan politik UMNO di masa yang akan datang, tanpa cabar mencabar yang mengeruhkan kestabilan politik.

Dari sudut demokrasi, dilihat Musa tidak bersikap gentleman kerana mahu mematikan lawannya dengan serta merta, tanpa merasakan perlu untuk memberi ruang bagi lawannya meneruskan karier politik. Mungkin muslihat Musa pada waktu itu, dapat dianggap lojik, dilihat implikasinya pada hari ini. Jika Tengku Razaleigh Hamzah tidak dimasukkan dalam kabinet selepas kekalahannya kali kedua, sudah tentulah beliau akan kehilangan pengaruh atau dalam lain kata pengaruh beliau mungkin akan merosot dan tidak akan mewujudkan kekuatan yang besar, sehingga membolehkan beliau membuat pengumuman, untuk bertanding dengan Mahathir sendiri pada tahun 1987.

Pada perkiraan Musa jika politik Razaleigh dimatikan pada tahun 1984, mungkin beliau sendiri tidak akan meletakkan jawatan dua tahun kemudiannya, tanpa adanya gangguan dalam pentadbiran, dari segi orang yang ingin mengintip dan mencabar kedudukan dan kekuasaan beliau. Malahan jika itu terjadi, politik Musa, selain daripada penumpuan kepada pengukuhan kedudukan dan kekuasaannya, mungkin juga boleh dihalakan, pada usaha untuk melihat dan mengintip kedudukan politik Mahathir sendiri.

Di sinilah terdapatnya nilai-nilai pertembungan pendapat di antara kedua-dua mereka. Mahathir merasakan bahawa beliau perlu memperseimbangkan kedudukan kekuatan di antara Musa dengan Razaleigh. Mungkin niat pertama beliau yang

lebih ikhlas, untuk menunjukkan kepada para perwakilan UMNO, bahawa di dalam UMNO tidak ada yang kalah, tidak ada yang menang.

Selepas sesuatu pertandingan, setiap pihak mestilah merapatkan balik barisan. Ianya merupakan ciri-ciri penting yang telah menjadi tradisi di dalam UMNO. Mahathir ingin menunjukkan bukti, kata-kata yang beliau sering lafazkan kepada ahli-ahli UMNO, apabila menghadapi sesuatu pertandingan. Sikap yang beliau kehendaki dan harapkan, daripada ahli-ahli UMNO, apabila berlaku atau selepas sesuatu pertandingan.

Seruan untuk merapatkan barisan ini, pernah beliau kemukakan kepada ahli-ahli UMNO, secara terus-terang dalam salah satu ucapan dasar beliau, ketika rasmikan perhimpunan Pergerakan Pemuda/Wanita UMNO, sewaktu beliau menjadi Timbalan Presiden. Selepas pertandingan 1984, beliau merasakan adalah wajar walaupun Razaleigh telah dua kali tewas kepada Musa, untuk beliau terus mengekalkan Razaleigh di dalam barisan kabinet.

Tindakan beliau mungkin ikhlas, iaitu untuk menstabilkan suasana politik selepas pertandingan. Untuk membuktikan kepada umum akan keakraban perhubungan di dalam UMNO, betapa gentlemen serta sportingnya tokoh-tokoh UMNO yang bertanding. Oleh itu beliau mengumumkan Razaleigh sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian dalam kabinet beliau yang dirombak. Sementara rakan karib beliau, Daim Zainuddin mengambilalih Kementerian Kewangan yang dipegang oleh Razaleigh sebelum ini.

Sudah tentulah tindakan beliau mengecewakan Musa. Yang melihat musuh utama beliau, masih lagi berkeliaran, bukan sahaja di dalam UMNO tetapi di dalam kabinet Mahathir. Jika tujuan utama Mahathir mengekalkan Razaleigh, adalah semata-mata untuk menstabilkan keadaan selepas satu pertandingan yang hebat. Pada waktu yang sama ia melambangkan ketokohan beliau, sebagai seorang demokrat dan pemimpin yang berjiwa besar. Kemampuan untuk menunjukkan dalam demokrasi, bahawa yang kalah tidak semestinya dicincang dan yang menang tidak mestinya dijulang.

Sekaligus adalah diharapkan, tindakan beliau itu akan mencerminkan suatu sikap liberal dan bertanggungjawab, yang patut diamalkan oleh ahli-ahli UMNO, terhadap pencabar-

pencabar mereka, di peringkat bahagian dan juga cawangan. Supaya dengan itu tenaga-tenaga yang bertentangan, masih dapat disatukan dan terus memberi sumbangan, kepada masyarakat, khususnya dalam pembangunan negara. Di samping melihat ketokohan dan kemampuan Razaleigh, serta performance beliau di kementerian yang lalu, Mahathir merasakan, tenaga dan keintelektualan Razaleigh sebagai orang politik dan juga ekonomis masih diperlukan.

Oleh itu pengkekalannya Razaleigh di dalam kabinet Mahathir selepas 1984 menurut beliau adalah satu keperluan semasa. Jika itu merupakan matlamat beliau dalam rombakan kabinet yang diumumkan, maka susunan kabinet tersebut merupakan, antara yang terbaik, yang beliau umumkan sejak mengambilalih kepimpinan negara. Sebaliknya banyak pemerhati politik merasakan, bahawa tindakan beliau mengekalkan Razaleigh di dalam kabinet, adalah untuk mengimbangi kuasa politik dan pengaruh Musa sendiri.

Dalam lain kata Razaleigh akan menjadi pengesan kepada perkembangan politik Musa seterusnya. Jika ini menjadi perhitungan Mahathir pada waktu rombakan kabinet berertilah beliau telah dapat menghidu kemungkinan berlakunya, sesuatu yang dapat ditafsirkan sebagai kerakusan politik Musa untuk mengambilalih kuasa. Dalam lain kata tindakan Mahathir mengekalkan Razaleigh, adalah juga untuk menyelamatkan politik beliau, pada masa hadapan, dari dicabar oleh orang nombor dua pada beliau.

Jika ini merupakan salah satu sebab mengapa Mahathir bertindak mengekalkan Razaleigh, ianya adalah suatu tindakan yang dapat dianggap wajar, dalam usaha beliau untuk memastikan orang nombor dua, tidak begitu rakus dan bersedia untuk mencabar, dalam tempoh yang terdekat. Oleh itu perhitungan politik Mahathir pada waktu itu, dalam mengekalkan Razaleigh, mempunyai motif yang masing-masing boleh membawa implikasi yang tersendiri.

Dari apa yang dapat dilihat, dan apa yang telah terjadi, ternyatalah bahawa implikasi yang berlaku daripada tindakan Mahathir itu, ialah melalui alasan yang kedua, iaitu kemungkinan orang nombor dua kepada beliau, menunjukkan kerakusan dan mencabar kekuasaan beliau dalam tempoh yang terdekat. Sementara alasan pertama mengekalkan Razaleigh, bagi menstabilkan suasana politik selepas satu pertandingan



dan menunjukkan suatu tindakan yang demokrat, tidak memberi keyakinan yang kukuh, apabila dilihat pada insiden-insiden politik yang berlaku selepas itu.

Implikasi daripada pengekalan Razaleigh di dalam kabinet beliau, adalah cetusan daripada tindakan-tindakan Musa sendiri. Jika pun Mahathir mungkin berhasrat mengekalkan Razaleigh di dalam kabinet, semata-mata untuk mengimbangi perkembangan pengaruh dan kekuatan politik Musa, agar tidak mencabar beliau di masa yang terdekat, tetapi suasana yang terjadi adalah dicetuskan oleh Musa sendiri.

Baik apa pun muslihat yang terdapat pada Mahathir. Kejadian-kejadian seterusnya yang menjadi impetus atau titik-tolak pada pertembungan 1987, adalah dicetuskan oleh Musa sendiri.

Perletakan jawatan beliau di samping sebagai satu perlakuan yang dapat dianggap bersejarah dalam insiden politik Malaysia, ianya juga merupakan satu pengistiharan secara terbuka konfrantasi beliau dengan Mahathir. Dalam usaha beliau untuk mengukuhkan kedudukan dan kuasa beliau sendiri, Mahathir hanya boleh merancang agar beliau tidak dicabar pada suatu hari kelak. Dengan mengekalkan Razaleigh di dalam kabinet, Mahathir yakin jika terjadi cabaran dari Musa, Razaleigh akan berpihak kepada beliau.

Dengan itu Musa tidak mungkin menang, sebaliknya Razaleigh sendiri tidak mungkin mencabar Mahathir selagi Musa berada bersamanya. Jika ikatan perhubungan di antara Musa dan Mahathir kekal, kemampuan Razaleigh hanyalah sekadar untuk mencabar kedudukan Musa sebagai Timbalan Presiden UMNO.

Selepas kemenangan kedua Musa, Mahathir di dalam satu interview telah mengatakan, kemenangan itu sebagai satu tanda bahawa para perwakilan menyetujui dasar-dasar beliau. Yang lebih penting menurut beliau ialah kerana beliau menang tanpa dicabar. Sesiapa juga yang dilantik sebagai orang nombor dua tetap akan bekerja di bawah beliau. Secara tidak langsung bagi Mahathir, kemenangan Musa adalah pengekalan kekuasaan beliau dan merupakan persetujuan kepada kepimpinan beliau.

Di satu tahap, kemenangan Musa sendiri, mungkin juga disebabkan oleh sokongan beliau. Jika dilihat dari sudut ini, terbukti bahawa Mahathir hanya merancang agar kedudukan beliau tidak dicabar dan hubungan di antara beliau

dan timbalan beliau tetap seperti biasa. Sebaliknya tindakan-tindakan Musa sendiri selepas pertandingan 1984, lebih menampakkan ciri-ciri kerakusan dan perancangan beliau untuk mencabar kepimpinan Mahathir.

Selepas pengekalan Razaleigh di dalam kabinet, walaupun sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Musa telah gagal untuk menyembunyikan kekecewaan beliau meskipun mungkin ada persefahaman di antara beliau dengan Mahathir, supaya Razaleigh digugurkan dari jawatan-jawatan Bendahari UMNO dan Menteri Kewangan, jika beliau menang dalam pertandingan kali kedua. Bila Mahathir mengekalkan Razaleigh di dalam kabinet, walaupun tidak melantik Razaleigh sebagai Bendahari UMNO, Musa merasa ada satu permainan politik oleh Mahathir.

Salah satu daripada sebab yang dikemukakan ketika membuat perletakan jawatan, ialah betapa beliau tidak lagi mampu atau bersedia untuk bertanding sekali lagi dengan Razaleigh. Selain daripada sebab-sebab lain yang menjelaskan mengapa beliau meletakkan jawatan, Musa pasti sedar bahawa tindakan beliau itu, akan mewujudkan satu suasana politik yang lebih hebat, khususnya, terhadap tindak-tanduk kepimpinan Mahathir sendiri. Beliau dapat merasakan, bahawa tuduhan-tuduhan akan dilemparkan kepada Mahathir, yang menyebabkan beliau meletakkan jawatan.

Penyokong-penyokong beliau tentulah merasakan, permintaan-permintaan beliau terhadap Mahathir, yang bersangkutan dengan kedudukan Razaleigh adalah sesuatu yang wajar. Oleh itu kehilangan Musa kepada mereka merupakan kesalahan Mahathir. Setidak-tidaknya ini merupakan riak permulaan kepada sikap penyokong-penyokong Musa terhadap Mahathir. Sementara penyokong-penyokong Razaleigh pula melihat perletakan jawatan Musa dengan reaksi yang berbelah-bagi.

Ada yang menganggap ianya sebagai satu tanda yang jelas tentang perbezaan corak kepimpinan antara Mahathir dan Musa. Ada juga yang merasakan, inilah masanya untuk Razaleigh mendekati diri dengan kepimpinan Mahathir. Tidak kurang yang menganggap kemungkinan satu gabungan antara Razaleigh dan Musa berlaku di masa yang akan datang.

Selain dari soal kekal tidaknya Razaleigh di dalam kabinet, Musa juga sentiasa berpeluang menonjolkan orang-orangnya ke

dalam kabinet Mahathir dari masa ke semasa. Sejak pilihanraya 1982, Setiausaha Politik beliau Ajib Ahmad, dilantik menjadi Menteri Besar Johor, walaupun pada waktu itu kemampuan Ajib diragui oleh banyak pihak. Demikian juga dalam rombakan kabinet di bawah Mahathir, Musa berjaya menonjolkan bekas Setiausaha Politiknya Shahrir Samad, sebagai salah seorang anggota kabinet.

Di samping menyusun rapi satu demi satu orang-orang dan penyokong-penyokong kuat beliau sebagai Menteri dan Timbalan Menteri. Dalam rombakan kabinet Mahathir, Musa mempunyai suara yang sebelum ini tidak kedapatan pada mana-mana Timbalan Perdana Menteri. Sama ada kesungguhan Musa menonjolkan orang-orangnya di dalam rombakan-rombakan kabinet Mahathir, sebagai usaha untuk menampilkan tokoh-tokoh muda yang berkebolehan, atau merupakan strategi jangka panjang menguatkan kedudukan beliau sendiri dalam kabinet Mahathir, dan menunggu masa untuk mengambilalih, adalah terpulang kepada berbagai-bagai interpretasi pada waktu itu.

Banyak pihak yang menganggap kesungguhan beliau menonjolkan penyokong-penyokong beliau ke dalam barisan kabinet Mahathir ialah untuk mengukuhkan kedudukan beliau dalam menghadapi tentangan daripada Razaleigh. Lebih daripada keinginan beliau untuk mencabar Mahathir di masa yang akan datang. Cumanya tidak dapat dinafikan, Musa merupakan satu-satunya Timbalan Perdana Menteri yang paling agresif, dalam membuat saranan-saranan pertukaran sesuatu jawatan dan perlantikan ke sesuatu jawatan, di dalam rombakan kabinet yang beliau bukan menjadi Perdana Menteri.

Di dalam surat jawatan beliau kepada Mahathir, salah satu alasan yang paling ditekankan oleh Musa sebagai sebab utama beliau meletakkan jawatan ialah kerana merasakan, kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh beberapa orang menteri termasuk Perdana Menteri sendiri, tentang adanya golongan tertentu di dalam dan di luar UMNO yang sedang berusaha untuk menjatuhkan kepimpinan Perdana Menteri. Pada anggapan Musa, tuduhan tersebut ditujukan kepada beliau.

Oleh itu lebih lama beliau memegang jawatan, lebih kuat lagi tuduhan itu dilemparkan kepada beliau. Jika beliau bekerja kuat ianya akan dianggap sebagai usaha beliau untuk menjatuhkan Perdana Menteri. Sebaliknya jika beliau tidak bekerja juga akan dianggap sebagai usaha untuk melemahkan dan

seterusnya menjatuhkan Perdana Menteri. Dalam keadaan yang demikian, beliau merasakan beliau perlu meletakkan jawatan.

Baik apapun alasan diberikan oleh Musa sewaktu meletakkan jawatan, ianya merupakan titik-tolak kepada cabaran-cabaran yang diterima oleh Mahathir seterusnya. Adakah benar perletakkan jawatan beliau disebabkan tuduhan-tuduhan beliau ingin mencabar kepimpinan Mahathir atau apakah kerana kecewa dengan politik Mahathir yang mengekalkan Razaleigh? Adakah kerana beliau merasakan sudah jemu untuk bertanding dengan Razaleigh sekali lagi ataupun kerana menganggap bahawa perbezaan dasar di antara beliau dengan Mahathir tidak dapat diperbaiki lagi?

Semua soalan-soalan ini sebenarnya tidak mendapat jawapan yang pasti sepertimana kita tidak akan mendapat jawapan yang pasti apabila berdialog dengan Musa. Sebagai seorang individu Musa banyak menyimpan fikirannya dan di dalam temubual seringkali tidak meluahkan perasaan dan fikirannya dengan jelas. Banyak yang berpendapat pemikiran beliau sangat sukar untuk dibaca. Apatah lagi diteka dengan tepat.

Di dalam hal ini jugalah kita melihat alasan-alasan yang diberikan oleh Musa untuk meletakkan jawatan sebagai alasan-alasan yang tidak menjelaskan maksud beliau yang sebenarnya dan selengkapnya. Malahan tindakan-tindakan beliau seterusnya, lebih menunjukkan kepada kita bahawa alasan-alasan beliau, di dalam surat perletakkan jawatan itu sebagai sesuatu yang bercanggah dan tidak selari dengan tindakan beliau.

Seolah-olah beliau tidak langsung memikirkan implikasi secara seius mengenai tindakan-tindakan beliau. Tindakan beliau untuk meletakkan jawatan umpamanya, bukan sahaja mengecewakan penyokong-penyokong beliau, tetapi di suatu tahap, ternyatalah bahawa tindakan beliau yang tergesa-gesa itu mengecewakan beliau sendiri.

Dalam keadaan yang tidak tentu arah, bila Majlis Tertinggi memutuskan perlu menghantar rombongan untuk memujuk beliau agar kembali memegang jawatan, beliau telah memilih untuk menerima kembali jawatan Timbalan Presiden UMNO, dengan alasan bahawa jawatan tersebut bukanlah jawatan yang dilantik oleh Mahathir. Sebaliknya merupakan jawatan yang diberi dan direstui oleh para perwakilan UMNO. Seolah-olah sebelum perletakkan jawatan tersebut beliau tidak terfikir hal

tersebut.

Dilihat dari isi surat perletakkan jawatan beliau dan perlakuan-perlakuan serta tindakan-tindakan seterusnya, dapatlah dinyatakan bahawa Musa merasa kecewa dan tersilap dengan perletakkan jawatan atau tindakan yang diambil oleh beliau. Bagaimanapun yang lebih terasa kekecewaan hasil dari tindakan beliau ialah penyokong-penyokong beliau sendiri, baik yang berada di dalam kabinet, mahupun yang memegang jawatan-jawatan penting di peringkat bahagian.

Mereka merasakan perletakkan jawatan beliau secara mengejut itu sebagai terlucutnya payung yang memayungi tunggak kekuasaan mereka di peringkat masing-masing. Menteri-menteri kabinet yang rapat dengan beliau merasakan satu tamparan yang hebat, dalam waktu-waktu cabaran dan kemelut pergelutan kuasa yang masih belum berakhir, bukan sahaja dengan Tengku Razaleigh Hamzah tetapi dengan munculnya pencabar baru Anwar Ibrahim, yang mula menunjukkan taring beliau di dalam kepimpinan negara. Perasaan kecewa ini menular ke peringkat negeri dan juga bahagian.

Dari sinilah mereka melihat sebagai orang-orang yang setia kepada Musa, Mahathir telah gagal membuat sesuatu untuk menyejuk dan meyakinkan Musa untuk terus berada di dalam kerajaan. Bagi mereka berat melihat kesalahan terletak kepada Mahathir. Sebelum ini kira-kira 6 bulan sebelumnya pada bulan September 1985, Musa dengan Mahathir telah berlakon dengan baik kepada para perwakilan dengan perpelukkan antara satu sama lain, bagi menunjukkan bahawa tidak ada apa-apa pergeseran yang berlaku di antara mereka. Meskipun riak dan desas-desus tentang perselisihan itu telah menular sehingga ke bahagian-bahagian.

Akhbar-akhbar telah menunjukkan gambar mereka yang sedang berpelukkan dengan penuh kegembiraan. Nyatalah kemudiannya, soal hubungan di antara mereka berdua itu tidak lagi dapat dilindungi, yang akhirnya mencetuskan pula perselisihan pandangan di antara penyokong masing-masing. Ketika meletakkan jawatan, Musa telah menulis surat kepada Mahathir dengan menyebarkan salinannya kepada semua anggota Majlis Kerja Tertinggi UMNO. Yang agak memalukan ialah keberangkatan beliau ke London sendiri tidak diketahui oleh Mahathir, malah Mahathir sendiri menafikan, apabila

beliau ditanya benarkan beliau ada menerima surat perletakkan jawatan daripada Musa.

Bukan setakat itu sahaja malah Perdana Menteri mengesahkan pula bahawa Musa tidak menghadiri mesyuarat mingguan kabinet kerana kononnya timbalan beliau itu sakit. Ternyata lah besoknya seluruh negara mengetahui bahawa Mahathir sendiri telah tersilap tidak mengetahui terlebih awal, tentang surat perletakkan jawatan Musa dan salinannya kepada Ahli Majlis Kerja Tertinggi. Cara tindak Musa sendiri menulis surat dengan menghantar salinan kepada semua Majlis Kerja Tertinggi, adalah juga dianggap tidak wajar dan telah membuka pekung pergeseran di antara mereka berdua kepada umum.

Dalam keadaan demikian Mahathir terpaksa memanggil mesyuarat tergepar Majlis Kerja Tertinggi, di mana sudah pasti perletakan jawatan menjadi agenda utama dan juga memilih pengganti kepada beliau. Ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi sendiri, selain dari dalam kebingungan terbahagi dengan jelas antara orang-orang yang menyokong Musa dan Mahathir. Yang tidak hadir di mesyuarat tersebut ialah Ghafar Baba yang berada di Hong Kong pada waktu itu.

Ada pihak yang mengatakan pemergian beliau ke luar negeri telah disengajakan, bagi membolehkan Mahathir membuat perhitungan awal untuk melantik beliau menggantikan tempat Musa. Bagaimanapun perbincangan pada malam itu telah bertukar haluan, Ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi yang menyokong Musa, telah mencadangkan agar satu rombongan dihantar untuk memujuk beliau kembali memegang kedua-dua jawatan tersebut.

Ajib Ahmad selaku orang kuat Musa telah menegaskan tentang rombongan para perwakilan dari Johor yang telah berhimpun beramai-ramai di Kuala Lumpur untuk mengetahui keputusan mesyuarat tersebut. Bagi mengelakkan keadaan tegang, adalah wajar Musa diberi peluang melalui rombongan yang bakal dihantar oleh Majlis Kerja Tertinggi untuk mendapatkan pandangan beliau sekali lagi.

Keputusan itu telah dicapai setelah berlaku perbincangan hangat di antara Ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi. Ianya bukan sahaja menukar kemungkinan suatu tindakan pertama Mahathir bagi melantik pengganti, tetapi sekaligus memperlihatkan kepada Mahathir siapa-siapa di dalam Majlis Kerja Tertinggi. Pada peringkat awalnya banyak pandangan-

pandangan yang bersimpati dan meminta supaya Musa dipujuk dan diterima kembali ke dalam kabinet dan Majlis Kerja Tertinggi.

Mahathir dalam usaha untuk mempertahankan dirinya telah menggunakan surat-surat yang ditulis oleh Musa kepadanya pada tahun 1984 dahulu, yang meminta supaya Razaleigh dikeluarkan daripada kabinet. Surat tersebut adalah antara alasan-alasan yang menyebabkan timbulnya pergeseran di antara mereka berdua. Hasil daripada itu telah mengejutkan banyak Ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi dan serentak dengan itu bersimpati kepada Mahathir, di atas surat kata dua yang diberikan oleh Musa itu.

Mereka berpendapat Mahathir sepatutnya diberi peluang untuk membuat pilihan beliau sendiri, khususnya dalam melantik ahli-ahli kabinet. Tindakan Musa mengugut adalah sesuatu yang tidak wajar. Apatah lagi kesempatan telah pun diberikan kepada beliau untuk menonjol penyokong-penyokong kuat beliau di dalam barisan kabinet yang diumumkan oleh Mahathir.

Dalam rombakan 1984, walaupun Razaleigh dikekalkan tetapi penyokong kuat beliau yang terakhir Manan Osman telah tersingkir jawatan kabinetnya. Manan bukan sahaja gagal memenangi Majlis Kerja Tertinggi pada tahun itu tetapi dianggap sebagai dalang yang menyokong Razaleigh berterusan dan sekaligus, tidak setia kepada arahan Mahathir dalam mengambil sikap, agar tidak wujudnya pertandingan kali kedua di antara Razaleigh dengan Musa.

Selain daripada soal tuduhan kesetiaan beliau kepada Mahathir, Musa sendiri merasakan kurang puas hati dengan layanan Mahathir pada beliau. Sebagai seorang yang ambitious dan radikal, Musa merasakan kemenangan beliau bagi kali kedua dalam mempertahankan kedudukannya itu, membolehkan beliau untuk membuat tawar-menawar yang lebih dengan Mahathir, bagi mengukuhkan kedudukannya di dalam parti dan kerajaan.

Beliau pada mulanya berharap dalam rombakan kabinet pada tahun 1984, ditukarkan ke Kementerian Luar. Tempat-tempat penting lain di dalam kabinet diberikan kepada rakan-rakan beliau yang diketahui cukup setia kepada beliau. Kementerian Dalam Negeri umpamanya, yang sering dipegang oleh Timbalan Perdana Menteri hendaklah diserahkan kepada Abdullah

Badawi, yang juga telah dikaitkan sebagai orang yang bakal menjadi timbalan kepada beliau satu hari nanti.

Walaupun Mahathir bersetuju, tetapi beliau telah mencadangkan agar Tengku Ahmad Rithaudeen mengambilalih Kementerian Dalam Negeri sementara Abdullah Badawi pula ditukarkan ke Kementerian Pelajaran. Melihatkan keadaan ini, Musa memberitahu Mahathir, beliau tidak mahu sebarang pertukaran kerana beliau yakin beliau lebih berkuasa di Kementerian Dalam Negeri. Ataupun setidak-tidaknya seseorang yang patuh kepada beliau berada di kementerian tersebut. Sebaliknya jika beliau menerima jawatan Menteri Luar dan Tengku Ahmad Rithaudeen memegang Kementerian Dalam Negeri, kedudukan beliau akan menjadi lebih lemah lagi.

Keadaan ini, kegagalan dalam menawarkan beberapa tempat penting kepada orang-orang kepercayaan beliau, bertambah buruk apabila Mahathir sendiri melantik rakan rapat beliau Daim Zainuddin, sebagai Menteri Kewangan dan Bendahari UMNO yang baru. Di samping itu Mahathir juga mengumumkan perlantikan Sanusi Junid sebagai Setiausaha Agung Parti.

Sejak dari awal lagi Musa mempunyai rasa syak terhadap Sanusi. Bagi beliau Sanusi adalah satu-satunya orang yang mungkin bekerjasama dengan Razaleigh dalam pertandingan 1984. Di samping kemampuan Sanusi sendiri dalam mengukuhkan kedudukan beliau sebagai Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, yang mempunyai hubungan langsung dengan peringkat bawahan. Sebagai seorang Setiausaha Agung Parti yang setia kepada Mahathir, Sanusi mampu menyusahkan kedudukan Musa. Kehadiran Sanusi di kedua-dua tempat itu sangat-sangat dirasakan oleh Musa.

Selain dari Sanusi, pengaruh jawatan baru Daim Zainuddin di dalam kerajaan dan dunia kewangan juga menjadikan beliau seorang tokoh yang cukup berkuasa dari segi politik dan wang. Daim yang mempunyai hubungan rapat dengan tokoh-tokoh perniagaan terkemuka, mempunyai kedudukan yang cukup kuat untuk menjadikan siapa sahaja mangsa dalam perkiraan politik beliau. Banyak pihak yang beranggapan bahawa itulah yang dilakukan oleh Daim untuk Mahathir, sejak beliau dilantik menjadi Menteri Kewangan.



Semua ini mencemaskan Musa dalam melihat pergolakan politik beliau di masa depan. Rombakan kabinet bukan sahaja tidak memenuhi hasrat beliau walaupun diberi mandat kali yang kedua. Kehadiran orang-orang seperti Sanusi dan Daim, yang merupakan orang-orang yang cukup setia pada Mahathir adalah merupakan cabaran-cabaran baru, yang terpaksa beliau hadapi selain daripada Razaleigh.

Inilah di antara perkiraan yang mendorongkan sentimen beliau untuk meletakkan jawatan. Selain daripada orang-orang yang tidak disenangi oleh Musa di sekeliling Mahathir, umum juga mengetahui beberapa dasar Mahathir sendiri yang memang tidak dipersetujui atau tidak diresntui oleh Musa. Antara isu-isu yang membezakan pandangan dan tindakan Mahathir dan Musa ialah cara insiden Memali dikendalikan, dalam bulan November, yang kebetulan sewaktu Mahathir sedang berada di Negeri China.

Insiden yang berlaku di negeri Kedah, tapak politik Mahathir, telah mengakibatkan empat anggota polis dan empat orang golongan fanatik mati. Beberapa pendapat mengatakan penyokong-penyokong Musa menganggap Mahathir tidak bersetuju dengan tindakan yang dilakukan oleh ketua mereka dalam mengendalikan hal tersebut melalui tindakan polis. Sebaliknya menganggap Musa sebagai Menteri Dalam Negeri, sedikit sebanyak bertanggungjawab pada pertumpahan darah tersebut.

Musa dikatakan begitu kecewa dengan cara tuduhan dan kesalahan kes Memali itu diletakkan kepada beliau. Ia menganggap sebagai satu tuduhan bahawa beliau telah memerintah pihak polis untuk pergi menembak penentang-penentang tersebut sesuka hati. Musa juga dikatakan tidak menunjukkan semangat yang baik dalam projek-projek Mahathir yang lain seperti pembinaan jambatan Pulau Pinang dan juga kereta nasional.

Walaupun beliau sendiri telah tergesa-gesa membuat pengumuman berkenaan projek Proton Saga, yang beliau sifatkan sebagai pembaziran wang orang ramai. Dalam satu ucapan penafian yang secara tidak langsung menggambarkan ruang-ruang perpisahan di antara mereka, Musa telah mengatakan bahawa kedua-dua mereka telah menjalankan tugas dengan baik. Walaupun mereka mempunyai urusan-urusan yang berbeza dan telah menjalankan tugas-tugas secara

berasingan seperti membuat lawatan dalam negeri yang berasingan untuk menyelesaikan masalah-masalah. Ada yang menganggap ini, sebagai seolah-olah Musa tidak mengambil bahagian di dalam polisi-polisi Mahathir.

Apabila Mahathir mengambil tanggungjawab terhadap dasar perindustrian berat umpamanya, sedang mengambil tanggungjawab tentang industri-industri kecil dan juga pembangunan luar bandar. Apabila Perdana Menteri bercakap tentang Dasar Pandang ke Timur. Musa sedang membuat hubungan dengan negara-negara Barat. Oleh itu mereka bukan sahaja membuat tugas-tugas yang berbeza tetapi juga seolah-olah menunjukkan ada perbezaan perasaan dalam menghayati dasar-dasar yang dibuat oleh Mahathir sendiri.

Akhirnya perbezaan-perbezaan tanggungjawab dan tindakan, serta cara mereka melihat dan memahami sesuatu isu itu, turut membawa dan mewujudkan perselisihan yang serius dalam hubungan di antara keduanya. Pada pandangan Musa seorang Timbalan Perdana Menteri mestilah bekerja rapat dengan seorang Perdana Menteri. Dalam proses untuk menolong pemimpin utama itu, seorang Timbalan Perdana Menteri tidak semestinya menjadi yes-man.

Demikian juga seorang Timbalan Perdana Menteri tidak sepatutnya memprojeikkan dirinya sebagai seorang yang seolah-olah tidak mempunyai peranan dan tanggungjawab. Kerana pada pandangan beliau jika beliau tidak menonjolkan diri sebagai seorang Timbalan Presiden yang berwibawa, maka pentadbiran akan mengalami kesukaran. Jika ini wujud maka beliau patut disingkir.

Bagi beliau adalah juga menjadi sebahagian dari tanggungjawab beliau sebagai seorang Timbalan Perdana Menteri untuk memberitahu Perdana Menteri, apa juga yang dirasakannya salah atau sesuatu yang beliau tidak setuju. Jika Perdana Menteri menegaskan bahawa beliau sebenarnya benar maka beliau akan tetap meneruskan tanggungjawab dan arahan tersebut, sepertimana yang dikehendakinya.

Begitu juga sebaliknya, jika perkara tersebut merupakan sesuatu isu atau dasar yang besar dan penting dan jika beliau tidak bersetuju adalah wajar untuk beliau berhenti sebagai Timbalan Perdana Menteri, kerana itu merupakan konsep demokrasi berparlimen. Beliau menegaskan adalah menjadi sesuatu yang penting untuk seseorang itu mempunyai nilai-nilai

perjuangan yang berterusan dan yang mesti dipertahankan dari masa ke semasa.

Salah satu kenyataan yang menarik ketika meletakkan jawatan ialah, "saya hidup mengikut aliran yang terdapat pada diri saya. Sekarang sebagai Timbalan Perdana Menteri saya selalu menegaskan kepada diri saya bahawa besok saya mungkin hilang jawatan ini secara sukarela ataupun dengan paksaan atau dengan cara yang lain. Dengan asas fahaman yang begini saya bersedia pada bila-bila masa untuk kembali ke rumah teres."

Pemikiran yang demikian dapat memberikan ketenangan pada setiap tindakan-tindakan beliau. Sebaliknya bagi Mahathir pula seorang Timbalan Perdana Menteri, tidak patut mengemukakan kepada umum atau menunjukkan riak dan tanda-tanda tidak bersetuju dengan Perdana Menteri. Ini akan mewujudkan keadaan syak wasangka yang lebih besar di kalangan para penyokong keduanya dan juga di kalangan rakyat sendiri. Di samping ianya boleh memburukkan kedudukan Perdana Menteri pada pandangan ramai.

Pada Mahathir seorang Timbalan Perdana Menteri mestilah menunjukkan kesetiiaannya dalam setiap masa. Walaupun mungkin beliau mempunyai pandangan tersendiri dan sesuatu yang menjadi perbalahan di antara mereka. Seorang Timbalan Perdana Menteri mesti selalu berusaha untuk memastikan Perdana Menteri mendapat sokongan 100% daripada parti dan ahli-ahlinya.

Sokongan tidak semestinya untuk Perdana Menteri tetapi yang lebih penting ialah untuk parti, bagi mengekalkan perpaduan dan kekuatan supaya parti sentiasa menjadi kuat. Perpaduan dan sokongan yang padu, akan membolehkan pemimpin-pemimpin menjalankan tanggungjawab dengan lebih berkesan dan membawa sinar harapan yang lebih baik. Mengikut Mahathir apabila Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri tidak semua dasar-dasar beliau yang dipersetujui sepenuhnya oleh Tun Razak.

Sebagai manusia biasa mereka juga mempunyai perkara-perkara yang tidak dipersetujui antara satu sama lain. Sebagai Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman mempunyai kuasa terakhir dan sudah tentulah Tun Razak kadangkalanya merasa kecewa. Ini amat jelas mengikut Mahathir, kerana beliau sendiri adalah antara orang yang mengenali Tun Razak secara dekat. Tun Razak tidak pula mengambil jalan dengan memberitahu

orang ramai apa-apa yang menjadi perbezaan pendapat atau sesuatu yang tidak dipersetujuinya, sepanjang yang bersangkutan hubungan, antara beliau dengan Tunku Abdul Rahman. Ia tahu jika ini berlaku, akan merendahkan kedudukan Tunku. Menghakis keyakinan dan hormat awam terhadap Tunku sebagai seorang Perdana Menteri.

Lebih-lebih lagi tindakan yang demikian adalah bertentangan dengan budaya bangsa. Demikian juga bila Tun Razak menjadi Perdana Menteri terdapat waktu-waktunya bila Allahyarham Tun Dr. Ismail dan kemudiannya Tun Hussein Onn sendiri tidak begitu bersetuju dengan beliau. Keadaan seperti ini sudah pasti wujud dan berlaku kerana mereka adalah manusia biasa yang mempunyai pandangan dan pendirian masing-masing.

Yang penting, mereka terus memberi sokongan kepada Perdana Menteri, dengan itu bukanlah bererti mereka beria-ia mempertahankan Perdana Menteri, tetapi sebagai satu cara untuk menunjukkan 'solidarity' di dalam parti. Apabila beliau sendiri menjadi Timbalan Perdana Menteri kepada Tun Hussein, banyak sekali perkara-perkara yang beliau tidak bersetuju, tetapi kerana menyedari bahawa sebagai Timbalan Perdana Menteri, adalah menjadi tanggungjawab dan tugas beliau, untuk memastikan Tun Hussein mendapat sokongan yang penuh dari setiap golongan.

Ini merupakan pendapat peribadi Mahathir, dalam menilai peranan seorang Timbalan Perdana Menteri. Bukanlah merupakan satu sogokkan, agar orang lain juga mengikut cara beliau. Tetapi setidaknya-tidaknya dapatlah satu suasana kepimpinan dari segi kerjasama yang sama dilihat, dalam konteks hubungan beliau dengan timbalan beliau. Beliau tidak juga mengharapkan cara yang sama diberikan kepada beliau, tetapi yang penting ialah sokongan berterusan kepada beliau sebagai seorang pemimpin utama parti.

Di antara perkara utama selepas pengukuhan kepimpinan beliau, Mahathir mengharapkan tidak berlaku lagi pertandingan pada jawatan-jawatan penting di dalam parti. Walaupun pertandingan dibenarkan dalam konteks demokrasi tetapi ia bukanlah sesuatu yang mesti menjadi pegangan dan amalan. Mungkin banyak pihak yang tidak bersetuju dengan beliau tentang pertandingan yang boleh memberi kesan buruk kepada parti, tetapi itulah pendapat beliau.

Pihak yang menentang mungkin beranggapan, bahawa

demokrasi akan tetap wujud dan terserlah walaupun melalui pertandingan yang diadakan. Sebaliknya kesan-kesan daripada pertandingan, yang boleh memecah-belahkan parti yang menjadi kebimbangan Mahathir. Di satu ketika beliau dengan terang-terang menyeru agar jawatan Timbalan Presiden yang dipegang oleh Musa tidak ditandingi.

Ini menunjukkan bukanlah menjadi suatu perancangan beliau, yang mahukan satu bentuk perimbangan kuasa berlaku di antara Musa dan Razaleigh, yang sekaligus kemudiannya, mengukuhkan kedudukan beliau sendiri. Sebagai seorang pemimpin utama, beliau merasa bertanggungjawab untuk memastikan ada perseimbangan di antara semua pihak. Apabila beliau menyatakan tidak perlunya ada pertandingan untuk jawatan nombor dua, bukanlah bererti beliau menolak ciri-ciri proses pemilihan di dalam demokrasi.

Bagi beliau jika sekalipun wujudnya keperluan kepada pertandingan, ia sepatutnya didasarkan di atas suasana setiakawan. Ia tidak perlu terjadi dalam bentuk kempen-kempen yang seolah-olah kemenangan itu, sesuatu yang terlalu penting dari kestabilan dan keharmonian parti. Di mana mereka-mereka yang terlibat berkempen ke sana-sini, menabur wang ringgit dan janji-janji serta ancaman kepada penyokong-penyokong dan penentang-penentang masing-masing.

Beliau berpendapat ahli-ahli UMNO tidak sepatutnya mengambil bahagian di dalam sesuatu pertandingan hanya semata-mata kerana mahu menunjukkan demokrasi itu wujud. Demokrasi boleh membawa kebahagiaan dan juga kekecewaan. Apa yang penting ialah memahami suasana terlebih dahulu sebelum terus terlibat di dalam sesuatu pertandingan. Jika ianya dapat dielakkan maka adalah wajar pertandingan tersebut tidak berlaku.

Kemenangan harus menjadi soal yang kedua. Apa yang penting ialah mempertahankan dan memperkukuhkan solidariti dan juga kemampuan untuk mempunyai rakan-rakan sepertimana sebelum berlakunya sesuatu pertandingan. Adalah tidak wajar untuk memberitahu penyokong-penyokong supaya tidak menghormati pihak lawan.

Seruan-seruan Mahathir ke arah ini dapat dijadikan sebagai landasan yang beliau turut berusaha untuk mengekalkan kestabilan parti tanpa adanya perebutan kuasa, khususnya di peringkat Timbalan Presiden. Ini menunjukkan Mahathir

mengambil tanggungjawab untuk memastikan kedudukan Musa tidak digugat.

Oleh itu andaian untuk meletakkan sentasis politik bahawa Mahathir lebih berat atau berperanan sebagai seorang tokoh yang mahu mengimbangi kedudukan kuasanya adalah tidak benar. Setidak-tidaknya itu bukanlah ciri utama kepimpinan beliau. Malangnya seruan dan pandangan beliau telah diberi interpretasi yang berbeza oleh kedua-dua pihak, baik dalam kumpulan-kumpulan ahli UMNO yang menyokong Musa atau yang menyokong Razaleigh

Sebagai kepercayaan beliau kepada Musa, beliau bukan sekali memberi peluang untuk Musa memangku jawatan Perdana Menteri semasa ketiadaan beliau di dalam negara. Sebaliknya setiap kali lawatan beliau ke luar negeri, Musa dilantik untuk memangku. Di sini menunjukkan keikhlasan Mahathir dalam memberi kepercayaan dan dalam menghargai kesetiaan dan kerjasama Musa pada beliau. Malah sewaktu Musa ke luar negeri mengunjungi isterinya secara mengejut, Mahathir mengingatkan semua pihak, khususnya ahli-ahli UMNO pada ketika itu, supaya jangan menyalah tafsirkan ketiadaan Musa dalam negara, sebagai terdapat sesuatu masalah antara beliau dengan timbalannya itu.

Walaupun berbagai desas-desus dan khabar angin telah wujud sebelumnya. Namun Mahathir tidak silu-silu untuk menafikan dan menyifatkan berita-berita angin itu sebagai tidak berasas sama sekali dan disebarkan oleh mereka-mereka yang mempunyai niat buruk. Ketika berucap pada perhimpunan menyambut ketibaan beliau di Lapangan Terbang Sultan Ismail pada 18 Jun 1985, dalam rangka lawatan resmi selama dua hari ke Johor, Mahathir menegaskan ketiadaan Musa semasa beliau melawat Johor tidak perlu disalah tafsirkan oleh sesiapa pun. Walaupun Musa adalah Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri dan ianya tidaklah dianggap sebagai satu masalah atau sebagai satu bukti bahawa ada sesuatu yang berlaku. Sebenarnya tidak ada apa-apa pun yang berlaku tegas Mahathir

Kepentingan urusan mesti dijalankan dan kalau pada masa lawatan beliau ke Johor, Musa terpaksa ke luar negeri maka itu adalah satu kebetulan sahaja. Tidak ada makna lain yang boleh dibuat dalam hal ini. Tidak ada tafsiran-tafsiran yang perlu dibuat oleh orang ramai dan kadang-kadang oleh ahli-ahli UMNO sendiri, kata beliau. Beliau yakin kalau ada masalah

yang wujud, akan ada jentera yang boleh digunakan bagi mengatasi masalah-masalah ini.

Mengikut Mahathir dalam sistem kepimpinan yang ada, perhubungan yang rapat memang wujud antara kepimpinan dengan mereka yang menjadi pengikut. Setiap pihak seharusnya menggunakan saluran-saluran tertentu, untuk menentukan kebenaran sesuatu dan tidak hanya mendengar berita dari sana-sini. Ini adalah kerana mereka yang membawa cerita-cerita tersebut mempunyai niat-niat yang tertentu.

Adalah menjadi pegangan beliau sendiri untuk berterusterang, kalau ada yang terbuku di hati, akan beliau luahkan kepada semua pihak. Bagi Mahathir hanya berterusterang dan tidak terpengaruh dengan berita-berita yang tidak berasas sahaja, dapat diwujudkan sebuah kerajaan dan sebuah negara yang terbuka, di mana yang benar akan didedahkan dan apa yang tidak benar, tidak patut menarik perhatian umum. Dengan cara ini sahajalah dapat kepimpinan menentukan perjalanan politik negara dan mewujudkan suasana kestabilan.

Penegasan Mahathir terhadap perlunya rakyat khususnya ahli-ahli UMNO bertindak tegas dan membuat penilaian yang betul, mengenyepikan khabar-khabar angin, merupakan suatu kerelaan beliau untuk menunjukkan kepada rakyat akan kesediaan beliau untuk menjadi seorang pemimpin. Pada waktu yang sama kesediaan beliau untuk terus memimpin bersama-sama Musa sebagai timbalan beliau.

Apa yang malang ialah Musa sendiri kadangkala, mewujudkan bayang-bayang, yang kemudiannya dirasakan seperti mengejar kedudukan dirinya. Dalam satu ucapannya di Tokyo ketika membuat lawatan ke sana, beliau pernah berkata kepada para pemberita bahawa mungkin beliau satu-satunya Timbalan Perdana Menteri yang tidak akan memegang jawatan Perdana Menteri. Andaian ini beliau buat jauh lama sebelum beliau bertindak untuk meletakkan jawatan.

Apakah kenyataan-kenyataan seperti ini menggambarkan bahawa Musa mempunyai strategi jangka panjang dalam usaha beliau untuk mencabar Mahathir? Adakah ianya merupakan suatu perancangan yang telah berjalan bahawa suatu hari nanti beliau akan membuat perletakan jawatan secara mengejut, di tengah perjalanan arus politik UMNO, yang penuh harmoni dan stabil di bawah pimpinan Mahathir? Jika tidak mengapa perlu beliau berucap dan menampakkan cetusan pada ciri-ciri

perpecahan dan seterusnya membayangkan kemungkinan satu tindakan perletakkan jawatan dilakukan.

Mungkin dari awal lagi beliau telah memendamkan perasaan tidak puas hati beliau kepada Mahathir, sebagai sesuatu yang perlu diledakan bila tiba masanya. Ini bererti Musa tidak berusaha untuk memadamkan rasa tidak puas hatinya dan menunjukkan kerjasama yang ikhlas dan positif terhadap Mahathir, sebaliknya sentiasa menunggu masa untuk bertindak dengan meletakkan jawatan.

Alternatif sebenar kepada Musa ialah untuk mengekalkan kedudukan dan kekuasaannya sebagai orang nombor dua kepada Mahathir dengan terus memberi sokongan yang padu tanpa menghiraukan soal-soal titik bengit, tentang pembahagian kuasa dan dasar-dasar tertentu. Ataupun tanpa menghiraukan perbezaan pendapat beliau dengan Mahathir, kerana Mahathir sendiri sentiasa memberi jaminan secara terbuka, dengan menyatakan sokongan dan kesediaan bekerjasama serta tidak adanya apa-apa masalah dalam konteks hubungan mereka berdua.

Ataupun beliau bertindak melepaskan jawatan beliau, dan sekaligus memancarkan hasrat dan rasa tidak puas hati beliau terhadap kepimpinan Mahathir. Ternyata dua alternatif ini mengekalkan kesetiaan dan bekerjasama dan meletakkan jawatan dan menentang, Musa telah memilih jalan yang kedua. Oleh itu alasan yang diberikan oleh beliau di dalam surat perletakkan jawatan beliau, dapatlah disifatkan sebagai satu pengistiharan, kepada keadaan retak yang menunggu belah. Tanpa ingin berusaha untuk memulihkan keretakan tersebut.

Dari seluruh gerak politik beliau, sejak merasai atau mencecah nikmat kuasa sebagai Timbalan Perdana Menteri, nyatalah Musa tidak juga dapat menyembunyikan perasaannya untuk cepat mengambilalih kepimpinan negara. Selain dari soal-soal perbezaan sikap yang wujud. Beliau bukan sahaja tidak bersetuju dengan beberapa dasar Mahathir, tetap juga tidak dapat menyesuaikan diri dengan tokoh-tokoh lain, yang dilantik oleh Mahathir, yang bukan menjadi orang-orang rapat pada beliau sendiri. Malahan beliau juga menunjukkan sedikit kerakusan, dalam mengatur strategi kepimpinannya di masa yang akan datang, dengan tidak silu-silu menjelaskan kepada umum, akan siapa-siapa, yang bakal menjadi orang-orang penting di dalam kabinet beliau, apabila tiba masanya, untuk



beliau mengambilalih kepimpinan daripada Mahathir.

Tindakan-tindakan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri dan akibat dari pertandingan sengit dengan Razaleigh, telah menyebabkan wujudnya dua kumpulan penyokong yang bertentangan di dalam UMNO. Sebagai seorang yang berkuasa, Musa tidak silu-silu untuk menempatkan orang-orangnya, sama ada di dalam UMNO ataupun pentadbiran kerajaan memegang jawatan-jawatan tertentu. Ketua-ketua Perhubungan UMNO Negeri dan barisan jawatankuasa di peringkat bahagian, dipastikan, agar mereka-mereka yang terpilih, terdiri daripada orang-orang beliau.

Sehingga di zaman pengekalan kuasa ini, ahli-ahli UMNO lebih dikenali dengan orang-orang Musa ataupun orang-orang Razaleigh. Sesuatu tender yang dibuat penolakannya, adalah di dasarkan kepada kumpulan manakah yang memasuki tender tersebut. Tidak lagi berdasarkan kepada kebolehan syarikat yang menyertai tender itu, sebaliknya sama ada beliau merupakan kumpulan Musa ataupun kumpulan Razaleigh.

Jika bukan dari kumpulan yang diharapkan, sudah pastilah tender tersebut akan ditolak. Begitu juga jika terdapat jawatan-jawatan penting, yang kosong di dalam parti dan juga kerajaan, ianya dibuat dengan memahami mirip atau kecenderungan orang-orang yang dilantik itu. Keghairahan ini kadangkala bukan sahaja ketara di dalam menekan pihak lawan dan menonjolkan kawan-kawan. Sebaliknya mewujudkan suasana yang tidak tenteram di kalangan masyarakat UMNO dan pada waktu-waktu lain, ia menjadi suatu pukulan balik yang merugikan semua pihak.

Kesilapan Musa yang paling besar bukanlah kerana menonjolkan perbezaan pendapat beliau dengan Mahathir, tetapi kerana keghairahan beliau mahu membariskan barisan pemimpin-pemimpin dari kalangan penyokong-penyokong beliau. Tindakan beliau secara tidak langsung, yang seolah-olah memberitahu ahli-ahli UMNO bahawa jika beliau menjadi Perdana Menteri, orang yang akan menjadi Timbalan beliau ialah Abdullah Badawi, merupakan salah satu sebab mengapa beliau menerima tindakan-tindakan negatif, yang beliau anggap sebagai rakan-rakan politik Mahathir yang mahu menjatuhkan beliau.

Musa sepatutnya lebih sedar, bahawa beberapa orang tokoh muda di dalam kabinet Mahathir juga, mempunyai cita-cita

tinggi dan berharap untuk menjadi timbalan kepada beliau, apabila beliau berkuasa kelak. Dengan menunjukkan sokongan beliau secara terang-terangan kepada Abdullah Badawi, menyebabkan tokoh-tokoh muda yang lain merasakan, peranan mereka untuk menyokong Musa sudah tidak memberi makna lagi.

Oleh kerana imbuhan kepada sokongan itu sudah tidak ada Musa sepatutnya membuat tiap-tiap mereka yang berhajat, untuk menjadi timbalan kepada beliau, merangkak, untuk berada di dalam kedudukan yang sentiasa memerlukan pertolongan dan mengharapkan restu beliau pada tindakan-tindakan mereka. Dengan ini bukan sahaja mewujudkan satu suasana persaingan yang hebat tetapi juga mendesak barisan menteri-menteri muda di dalam kabinet Mahathir, untuk membuat sumbangan kerja yang lebih baik dan sekaligus membuka ruang persaingan di antara mereka itu, dengan keadaan yang lebih adil dan selesa.

Dengan itu Musa akan mendapat sokongan dari lain-lain anggota kabinet Mahathir, jika beliau menunjukkan sikap berkecuali, dalam soal siapa yang akan menjadi orang nombor dua kepada beliau. Malangnya oleh kerana beliau merasakan ini tidak perlu, lalu sokongan dan tindakan beliau kepada Abdullah Badawi telah menutup pintu atau peluang kepada tokoh-tokoh lain untuk menghampiri beliau.

Ini terbukti dengan kemenangan cemerlang Abdullah Badawi, di dalam pertandingan Naib Presiden, dalam pemilihan yang dibuat pada tahun 1984. Musa, setidak-tidaknya general-general telah menunjukkan kesungguhan mereka untuk memastikan kemenangan Abdullah Badawi. Seheinggakan mencetuskan suasana gelisah di kalangan barisan menteri muda yang lainnya.

Apatah lagi dengan kekalahan Sanusi sendiri di dalam pertandingan tersebut, turut mewujudkan suasana gawat dalam politik UMNO. Dipercayai Musa telah membuat arahan kepada perwakilan Johor dan melakukan sabotaj untuk tidak menyokong Sanusi di dalam pertandingan tersebut. Perlu diingat di dalam pertandingan 1981, Sanusi telah memainkan peranan penting keluar berhadapan dengan seluruh penyokong-penyokong UMNO, meminta supaya mereka memberikan sokongan kepada Musa dalam pertandingan pertama beliau dengan Razaleigh.

Banyak pemerhati politik berpendapat, salah satu sebab kemenangan Musa di waktu itu adalah kerana kempen yang hebat yang dilakukan oleh Sanusi, di samping sokongan yang jelas daripada Mahathir sendiri. Bagaimanapun selepas pertandingan 1981, Musa pula menyifatkan kemenangan Sanusi di dalam Majlis Kerja Tertinggi, sebagai tanda terima kasih ahli-ahli UMNO kerana beliau menyokong Musa sebagai Timbalan Presiden. Dalam lain kata jika Sanusi tidak mengikut Musa, tidak mungkin Sanusi menang di dalam pertandingan tersebut.

Oleh itu apabila terjadi sabotaj yang ketara terhadap kedudukan Sanusi, di dalam pertandingan Naib Presiden 1984, sedikit sebanyak ianya turut juga mencemarkan perhubungan antara Musa dengan Mahathir sendiri, kerana Sanusi bukan sahaja seorang yang setia kepada Mahathir, tetapi merupakan arkitek kepada Mahathir, khususnya ketika beliau bertindak sebagai trouble shooter dalam isu-isu kontroversial yang dihadapi oleh Mahathir.

Kesediaan Musa mengistihar secara tidak langsung Abdullah Badawi sebagai bakal orang nombor duanya dan mengeneipkan Sanusi dari peluang yang adil untuk bertanding ke tempat tersebut, merupakan masalah-masalah yang mengiringi perjalanan politik Musa yang menyebabkan beliau meletakkan jawatan. Ketegasan Sanusi dan kemampuan beliau sebagai Setiausaha Agung, cukup untuk mematikan peranan Musa sebagai seorang Timbalan Presiden UMNO. Seinggakan pada waktu, Musa merasakan jawatan beliau sebagai Timbalan Presiden UMNO tidak mempunyai apa-apa fungsi langsung.

Selain daripada soal siapa pengganti beliau atau yang bakal menjadi orang nombor dua kepada beliau, Musa juga tidak mempersoalkan sanjungan-sanjungan yang diberikan oleh pihak akhbar terhadap pemerintahan 2M. Pada beliau mungkin secara kebetulan kepimpinan dan pentadbiran Mahathir, yang dilebelkan sebagai pemerintahan 2M itu hanyalah kerana pangkal nama kedua-dua mereka berasal dari huruf M.

Apa yang tidak dilihat oleh Musa ialah dengan andaian dan nama yang demikian, pentadbiran 2M seolah-olah menunjukkan satu pentadbiran, di mana ianya benar-benar dikuasai oleh Mahathir dan Musa sendiri. Sudah tentulah ini bukan satu perkara yang wajar, kerana sebagai seorang pemimpin yang mempunyai pandangan jauh dan juga sebagai seorang manusia yang sensitif, Mahathir tidak semestinya merelakan era

kepimpinan beliau dikenali dengan era 2M. Sebagai seorang pemimpin utama beliau sendiri mahu mencatatkan sejarah kepimpinan beliau tanpa gangguan atau tumpangan dari orang lain.

Musa juga mungkin menyedari akan perasaan Mahathir ini, tetapi sengaja tidak mahu memisahkan diri dengan jenama 2M. Hasilnya segala pujian dan sanjungan serta harapan yang diberikan kepada pemerintahan 2M oleh orang ramai dan juga pihak media, turut mencetuskan suatu suasana resah dalam hubungan antara Mahathir dengan Musa.

Tentulah tidak wajar bagi Mahathir untuk menyatakan kepada umum bahawa pemerintahan beliau tidak sepatutnya dipanggil pemerintahan 2M. Jika ini terjadi akan kelihatan seolah-olah beliau seorang pemimpin yang mementingkan nama dan diri sendiri. Adalah lebih sopan jika Musa sendiri bertindak untuk memberhentikan cantuman.

Dengan secara tidak langsung apabila beliau mendiamkan diri, seolah-olah beliau mahu mengakui, bahawa zaman pemerintahan Mahathir adalah juga zaman pemerintahan dan kepimpinan beliau. Ini sudah tentulah, akan memberi gambaran seolah-olah Mahathir tidak mempunyai kewibawaannya sendiri. Dengan itu secara tidak langsung menggerhanakan kepimpinan politik Mahathir.

Walaupun soal ini mungkin remeh tetapi ianya mempunyai implikasi yang cukup penting dalam memahatkan sejarah kepimpinan seseorang pemimpin. Oleh itu Musa harus menyedari bahawa masa beliau masih belum tiba. Tentulah jika waktu beliau mengambilalih pemerintahan negara kelak, beliau sendiri, tidak akan mengenalkan zaman pemerintahan beliau kepada orang ramai, sebagai zaman pemerintahan yang dicantumkan dengan nama timbalan beliau.

Jika beliau juga tidak mahu hal yang sama berlaku di waktu beliau mempunyai kuasa kelak, adalah menjadi satu kewajaran jika beliau sendiri bertindak untuk memisahkan jenama pemerintahan 2M dari terus diperkatakan. Malangnya Musa tidak pernah bertindak demikian, malah beliau seolah-olah merestuinnya dan sekaligus memberi gambaran kerakusan beliau bukan sahaja dalam mentadbir politik negara, tetapi jelas untuk turut mengaut setiap hasil kemasyhuran daripada jenama pentadbiran dan kepimpinan Mahathir.

Sebagai seorang Perdana Menteri dan pemimpin utama parti,

adalah tidak mungkin rakyat akan mengatakan tanpa Musa, Mahathir tidak boleh memerintah. Sebaliknya sudah pastilah jika penilaian itu mahu dibuat, maka rakyat boleh berkata tanpa Mahathir, Musa tak akan dapat memerintah. Sejarah dan perkembangan-perkembangan politik yang berlaku, jelas menunjukkan pentadbiran 2M adalah sesuatu yang tidak kekal. Ianya bukanlah merupakan suatu pentadbiran dan kepimpinan bersama. Sebaliknya satu era yang jelas terpisah dan dikuasai sepenuhnya oleh kepimpinan Mahathir sendiri.

Di sinilah letaknya kelalaian Musa dalam merasakan sensitiviti kepimpinan Mahathir sendiri. Tokoh-tokoh yang menjadi asuhan Musa sendiri tidak teragak-agak untuk memberi label kepimpinan yang ada sebagai pentadbiran 2M. Ketika Majlis Kerja Tertinggi memutuskan untuk menghantar delegasi, bagi memujuk Musa supaya kembali memegang jawatan tersebut, Ajib Ahmad, bekas Setiausaha Politik beliau dan seorang menteri kabinet, tidak segan-segan dalam satu temuramah mengatakan, bahawa tugas kumpulan mereka ke London adalah untuk memulihkan konsep kepimpinan 2M.

Di sini jelaslah jenama 2M telah diperkukuh dan dipertahankan, bukan sahaja oleh Musa tetapi juga orang-orang di sekeliling beliau. Walaupun terdapat banyak alasan lain, yang mewujudkan suasana keresahan politik antara Mahathir melalui pakatan dengan Razaleigh, dapat dianggap sebagai bukti bahawa sepanjang hubungan mereka berdua sebelum ini, Musa telah mempunyai hasrat untuk segera menggantikan Mahathir.

Walaupun beliau menafikannya dan menolak sebarang tuduhan bahawa beliau mahu menjauhkan Mahathir. Beliau juga gagal untuk menunjukkan sebarang tanda sabar pada diri beliau, sewaktu memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri, mahupun selepas beliau hanya memegang jawatan Timbalan Presiden UMNO, kerana beberapa bulan sahaja selepas perletakan beliau secara rasmi, usaha-usaha telah dilakukan untuk mengadakan pakatan, bagi membolehkan kedudukan Mahathir dicabar.

Keputusan beliau untuk tidak mencabar Mahathir secara langsung, ialah bagi menyangkal andaian bahawa beliau mempunyai cita-cita untuk menjatuhkan Mahathir. Pada waktu yang sama, Musa juga tidak pernah menafikan, bahawa tanpa kerjasama beliau, tanpa pakatan yang rapi antara penyokong-penyokong beliau dengan penyokong-penyokong Razaleigh,

tidak mungkin satu tentangan yang berani dan berkesan, dapat dibuat oleh Razaleigh sendiri.

Oleh itu usaha dan kesediaan beliau untuk berpakat dengan Razaleigh adalah lanjutan refleksi penentangan beliau terhadap Mahathir sejak awal lagi. Jika beliau tidak bercita-cita untuk menentang Mahathir dari awal, apa yang patut beliau lakukan, ialah dengan mengistiharkan sokongan beliau kepada Mahathir, di samping mempertahankan jawatan sebagai Timbalan Presiden UMNO.

Dengan ini sudah tentulah Razaleigh sendiri tidak berkemampuan menentang Mahathir. Orang-orang yang rapat dengan Musa sendiri, tidak akan menggembelingkan tenaga untuk menyokong Razaleigh. Tindakan ini bukan sahaja akan menjelaskan kedudukan dan kekalutan yang berlaku di hari-hari sebelum beliau meletakkan jawatan. Malah akan dapat menyelamatkan orang-orang beliau sendiri daripada menjadi mangsa akibat daripada sokongan mereka kepada Razaleigh. Umum cukup pasti bahawa ikatan antara beliau dan Razaleigh merupakan suatu ikatan sementara sahaja. Oleh itu mengheret langsung barisan penyokong-penyokong beliau di dalam kabinet, merupakan satu kerugian dari strategi politik beliau di masa akan datang. Bagaimanapun itu adalah bayaran yang perlu, dalam menjelaskan hutang politiknya pada Mahathir.

☆ ☆ ☆ ☆ ☆

## BENDAHARA, TUAH DAN JEBAT, AKU SELALU BERTANYA

(1)

Bendahara,  
bila kau menyembunyikan Tuah  
tidak membunuhnya seperti perintah raja  
kau telah memulakan satu keberanian  
untuk mengengkari kezaliman  
dan memberi peluang kepada kebenaran

Tetapi Bendahara  
bila Jebat menderhaka dan raja di dalam bahaya  
kau sepatutnya tidak membuka rahsia  
yang Tuah masih ada  
mengapa kau tidak berani  
membiarkan seorang raja  
terhukum oleh kekhilafannya?

Bendahara, kau telah memulakan satu keberanian  
untuk memberi peluang kepada kebenaran si Tuah  
dan kau sepatutnya meneruskan keberanian itu  
untuk memberi peluang juga  
kepada kebenaran si Jebat.

(2)

Tuah,  
segalanya bermula dengan keberanian  
mengalahkan musuh demi musuh  
keberanian menjadikan kau seorang hamba  
yang amat setia kepada raja.

Tuah, kau sepatutnya lebih perasa  
untuk tahu merajuk  
tidak mengikut Bendahara  
sewaktu dia datang menjemputmu pulang  
atas titah raja untuk membunuh Jebat  
kau sepatutnya lebih perasa  
untuk tahu berkecil hati dengan raja  
yang tidak menghargaimu  
jika Jebat tidak mengamuk  
raja sudah bersedia untuk melupakan  
segala jerit payah penghambamu.

Namun Tuah, kau terlalu meninggikan nilai setia  
hingga merendahkan nilai diri.

Ketika raja memerintahkan kau dijemput  
dia sebenarnya tidak menghargaimu  
tetapi menghargai nyawanya sendiri  
tetapi kau tidak mahu merasai semua ini  
kerana kesetiaan telah membuatkan kau takut  
untuk hidup  
selain daripada kehidupan yang ditentukan  
oleh kesetiaan itu sendiri.

Tuah, segalanya bermula dengan keberanian  
tetapi berakhir dengan ketakutan.

(3)

Jebat,  
kau telah berani memberontak  
demi menegakkan kebenaran  
dan demi kasih sayang dan sanjunganmu  
terhadap si Tuah.

Tetapi Jebat  
mengapa kau membiarkan  
Tuah merampas taming sari  
apakah kerana kau menyayanginya  
kau lupa untuk berwaspada  
apakah kerana kau menyanjunginya



maka kau tidak pernah curiga  
yang dia bisa memiliki  
tipu helah yang keji.

Jebat, kau sepatutnya bertahan dengan taming sari  
kerana dengan keris itu kau tidak terkalahkan  
mungkin kau telah menang  
dan berpeluang memenangkan kebenaran.

Apa boleh buat segalanya telah terjadi  
Tuah menyanjung raja lebih dari kawan  
Jebat menyanjung kawan lebih dari kebenaran.

(4)

Aku selalu bertanya  
kalau Jebat tidak menderhaka  
apakah yang akan terjadi kepada Tuah  
jika Bendahara tidak membuka rahsia  
apakah yang akan terjadi kepada raja  
jika Hang Tuah tidak mahu pulang ke Melaka  
atau si Jebat terus bertahan dengan taming sari  
apakah yang akan terjadi kepada kita hari ini?

Namun Bendahara, Tuah dan Jebat  
mereka bertiga telah melepaskan peluang  
yang datang hanya sekali sahaja  
di dalam sejarah bangsa.

oleh : Zurinah Hassan.

## DADAH : DERITA AIRMATA

Di Malaysia dadah adalah perkataan yang membawa sama ertinya dengan najis. Ianya merupakan suatu penekanan pengertian dari segi psikologi dalam usaha untuk membentasi merebaknya ketagihan dadah khususnya di kalangan anak-anak muda di negara ini. Berbagai cara propaganda, aturan dan undang-undang dilakukan bagi membendung wabak ini dari terus merebak menjangkiti masyarakat Malaysia. Walaupun sehingga kini banyak usaha telah dibuat namun ianya masih lagi merupakan suatu unsur yang negatif yang wujud dalam masyarakat. Ketegasan undang-undang merupakan antara tindakan yang diambil bagi mengurangkan penagihan dadah di kalangan anak-anak muda.

Oleh kerana Malaysia merupakan negara transit dalam perjalanan dadah ke negara-negara yang menjadi matlamat perdagangannya maka tidak dapat tidak Malaysia juga menanggung beban yang serius dari pengusaha pengedar-pengedar dadah membawa bekalan tersebut dan menjadikan Malaysia sebagai jalan laluan. Perkataan dadah sering dilambangkan dengan tali gantung dan bahaya yang di bawanya.

Masyarakat Malaysia dan pihak kerajaan amat menyedari dan sentiasa memandang serius kepada soal dadah, sehinggakan timbul beberapa tindakan yang kontroversial dalam pelaksanaan undang-undang, termasuk pindaan akta-akta tertentu, yang membolehkan sesiapa yang terlibat di dalam pengedaran dan penagihan dadah diambil tindakan yang sewajarnya. Namun begitu, usaha pembasmian ini merupakan

suatu usaha yang berterusan kerana adalah tidak mungkin ianya dapat dihapuskan dalam satu tempoh masa yang tertentu. Apatah lagi bila penyeludupan dan penagihan merupakan satu perbuatan yang dilakukan secara sembunyi, menyebabkan timbul kesukaran mengenalpasti bukan sahaja penagih-penagih dadah tetapi juga pengedar-pengedar yang bertanggungjawab mewujudkan suasana masyarakat yang sakit.

Di Malaysia cerita derita, airmata, darah malah nyawa sekalipun, hampir menjadi suatu fenomena yang tidak menghairankan, kerana di mana-mana sahaja akan terdengar keluhan ibu bapa yang kecewa dengan terlibatnya anak-anak mereka ke kancah penagihan dadah. Ada ibu bapa yang kecewa kerana mendapati mereka agak terlambat untuk membetulkan penglibatan anak-anak mereka di dalam penagihan dadah. Semuanya akan ketara apabila sudah terlambat. Ketika lambaian penjara atau tali gantung sudah jelas di hadapan mata mereka, baharulah disedari bahawa ada di antara keluarga mereka yang terlibat secara langsung dalam usaha memusnahkan masyarakat melalui dadah.

Iklan di TV dan juga media massa merupakan suatu penekanan dan perbincangan yang berterusan tentang bahayanya dadah. Ia sentiasa dijadikan ingatan kepada seluruh masyarakat Malaysia bahawa undang-undang negara ini tidak akan bertolak-ansur kepada mereka-mereka yang terlibat di dalam pengedaran dadah, malah sebelum masuk ke Malaysia, para pelancong terlebih dahulu diberitahu akan bahaya dadah dan akibatnya jika mereka cuba membawa masuk barang tersebut ke negara ini.

Semua penjelasan-penjelasan dan usaha-usaha yang dilakukan bagi membasmi penyakit penagihan dadah ini, masih lagi menjadi suatu tanggungjawab yang berat dalam mencapai keberkesanan pembasmian. Agensi-agensi kerajaan yang ditubuhkan serta badan-badan sukarela seperti PEMADAM, masih mempunyai banyak peluang dan bidang untuk memainkan peranan yang lebih berkesan disertai dengan langkah-langkah yang lebih praktikal bagi menyelesaikan masalah ini.

Apa yang terjadi kepada negeri China sewaktu Perang Candu dahulu merupakan suatu pengajaran sejarah yang tidak boleh dinafikan. Malaysia menghadapi masalah yang sama dengan jumlah penduduknya yang hanya 15 juta tetapi angka penagih-

penagih dadah hampir mencapai setengah juta orang. Ini bukanlah suatu angka yang kecil dan ia juga boleh membawa akibat yang amat buruk pada jangka panjang pembangunan negara. Apatah lagi bila kebanyakan penagih-penagih dadah ini adalah terdiri daripada anak-anak muda yang bakal mewarisi kepimpinan negara di masa yang akan datang. Sesebuah negara sudah tentu tidak akan dapat berdiri tegak jika mempunyai warganegara yang lemah dan terasuk oleh ketagihan dadah.

Oleh itu, kerajaan sentiasa memandangkan sebarang usaha untuk membasmi dadah. Ianya merupakan suatu usaha serius yang perlu dibuat secara berterusan, bukan sahaja di peringkat dalam negeri tetapi juga melalui ko-ordinasi bersama dengan pertubuhan-pertubuhan dan agensi-agensi antarabangsa khususnya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Penglibatan Malaysia melalui kepimpinan Mahathir telah mewujudkan satu perasaan baru terhadap keupayaan dan kesanggupan bersama untuk membendung dadah di peringkat antarabangsa. Di Malaysia, kesungguhan beliau memperkenalkan undang-undang demi undang-undang, merupakan suatu bukti penglibatan yang kukuh seorang pemimpin terhadap pentingnya masa depan generasi muda Malaysia dibentuk dalam keadaan yang sihat, bahagia dan punya potensi untuk menyumbangkan sesuatu kepada negara di masa yang akan datang.

Bagaimanapun, sehingga kini penekanan yang khusus diberikan dalam usaha untuk membasmi kegiatan ini, lebih banyak ditekankan kepada menjatuhkan hukuman kepada pengedar-pengedar dadah, termasuk meminda undang-undang untuk merampas harta-harta mereka yang terlibat di dalam kes dadah. Dari masa ke semasa apabila satu demi satu undang-undang penguatkuasaan ini diperkenalkan, tidak dapat tidak ia mewujudkan kontroversi kepada kemungkinan beberapa aspek perundangan tersebut digunakan dengan sewenang-wenangnya oleh pihak berkuasa.

Namun setakat ini pelaksanaan undang-undang yang bersangkutan dengan dadah masih lagi dapat mempertahankan ciri-ciri keadilan dan kemanusiaan tanpa mencebak sesiapa yang tidak bersalah dan tidak pernah atau tidak kena-mengena dengan pengedaran dadah. Selain daripada tindakan tegas dari segi perundangan yang mewujudkan kekhuatiran tadi, beberapa

aspek sosial seperti mewujudkan lebih banyak aktiviti-aktiviti selepas sekolah dan pejabat terpaksa diadakan khususnya yang dapat menggalakkan anak-anak muda melibatkan diri di bidang sukan sebagai satu cara untuk mengurangkan kecenderungan mereka terhadap dadah.

Beberapa bentuk pemeriksaan dari masa ke semasa dilakukan kepada individu-individu yang disyaki terlibat dengan penagihan dadah. Malah ada ketetapan untuk pihak kerajaan mengenakan pemeriksaan air kencing bagi memastikan kakitangannya tidak terlibat dalam penagihan dadah. Sekolah-sekolah juga dijangka akan mengenakan undang-undang tersebut untuk mengesan pelajar-pelajar yang terlibat.

Dari beberapa kajian yang dibuat oleh pakar-pakar yang berminat di bidang ini, mendapati bahawa penambahan kepada bilangan penagih-penagih dadah lebih merupakan suatu rangsangan yang diperolehi dari penagih-penagih dadah itu sendiri. Jika dibandingkan dengan pengedar-pengedar dadah, mereka tidak dapat mempengaruhi penagih-penagih baru untuk mencuba barang tersebut kerana takut dikenali dan mungkin tidak akan berupaya meyakinkan penagih-penagih baru untuk mengambil dadah. Sebaliknya penagih-penagih dadah yang mengelilingi kawan-kawan mereka atau mereka-mereka yang sentiasa mempunyai kawan dan sikap terbuka terhadap penagih-penagih dadah, inilah yang akan lebih terdorong untuk menjadi penagih dadah melalui pujukan, pergaulan dan keinginan untuk mencuba.

Sementara bagi penagih-penagih dadah, di samping ianya merupakan satu usaha untuk menambah kawan yang sehaluan maka usaha untuk mengajak orang-orang baru menjadi penagih adalah sebahagian daripada tugas yang digalakkan kepada mereka. Ia merupakan suatu imbuan dalam usaha untuk memajukan perniagaan pengedar-pengedar dadah. Di samping itu, penagih-penagih yang dapat memperkenalkan pelanggan-pelanggan baru atau yang dapat menjerumuskan kawan-kawan mereka untuk menjadi penagih baru, akan dapat menampung pendapatan daripada kejayaan mereka tadi. Mereka akan diberi upah ataupun merupakan pembayaran dadah, jika mereka dapat menjual lebih banyak dadah tersebut ataupun memperkenalkan pelanggan baru kepada pengedar.

Ini adalah realiti yang lebih nyata yang menyebabkan berlaku dengan biaknya penglibatan anak-anak muda ke dalam kancah

dadah. Kawan-kawan yang menjadi penagih adalah lebih bertanggungjawab mendorong mereka untuk turut sama menagih jika dibandingkan dengan peranan pengedar-pengedar itu sendiri. Oleh itu, penekanan pembasmian penagihan dalam masyarakat Malaysia sepatutnya bukan sekadar ditumpukan kepada usaha-usaha untuk memulihkan penagih-penagih dadah tetapi mengasingkan mereka dari masyarakat. Walaupun ini merupakan suatu tugas yang agak mustahil, untuk mengasingkan beratus ribu penagih dadah daripada masyarakat tetapi setidak-tidaknya satu usaha ke arah itu perlu dijalankan seperti mengadakan pemeriksaan-pemeriksaan kesihatan yang berterusan dari masa ke semasa secara yang bersungguh-sungguh bagi membolehkan penagihan itu dikurangkan dan juga dibendung dari merebak.

Dari segi ketegasan undang-undang di Malaysia, selain dari hukuman gantung mandatori, yang dikenakan kepada pengedar-pengedar dadah merbahaya yang melebihi jumlah minima maka Rang Undang-undang Dadah Merbahaya (Rampasan harta-benda 1987), juga merupakan satu lagi cara Malaysia berusaha untuk membentaras penyalahgunaan najis dadah. Rang undang-undang ini telah pun diperkenalkan di Amerika Syarikat, Britain dan juga Perancis. Perdana Menteri ketika mengumumkan hal ini telah menyatakan, kerajaan memperkenalkan rang undang-undang itu supaya keuntungan yang diperolehi oleh pengedar dadah tadi tidak akan dinikmati oleh keluarga mereka.

Malaysia juga menurut Mahathir akan terus memperjuangkan usaha membasmi dadah di dalam negara dan juga forum antarabangsa termasuk Bangsa-Bangsa Bersatu. Ekoran peningkatan sokongan dunia yang ditunjukkan di Persidangan Antarabangsa Penyalahgunaan Dadah dan Pengedaran Dadah yang berakhir di Vienna pada bulan Jun 1987. Dalam persidangan itu, Malaysia telah mencapai kejayaan cemerlang dari segi sokongan 138 negara yang mengambil bahagian dan ianya merupakan langkah penting dalam usaha memerangi penyalahgunaan dan pengedaran dadah.

Dengan beberapa garis panduan yang dipersetujui bersama dalam persidangan itu, beliau yakin dunia akan melihat satu kerjasama erat memerangi dadah dan ianya juga merupakan usaha membantu semua negara termasuk Malaysia bagi menghapuskan jenayah pengedaran dadah. Hingga kini, banyak

negara lain di dunia telah mencontohi Malaysia mengenakan hukuman gantung terhadap pengedar dadah yang didapati bersalah termasuk Thailand, Sri Lanka, Mauritius dan Brunei.

Di persidangan tersebut juga terdapat banyak negara yang menyatakan sokongan terhadap hukuman gantung tetapi mereka tidak dapat melaksanakannya kerana terdapat penentangan umum. Namun demikian, mereka amat menghormati pendirian tegas Malaysia di dalam hal ini. Dalam mempertahankan langkah Malaysia mengenakan hukuman mati ke atas pengedar-pengedar najis dadah, Mahathir menganggap tindakan itu bagi memastikan pengedar-pengedar dadah berfikir dua kali sebelum datang ke negara ini.

Melalui tindakan tersebut juga adalah dijangkakan jumlah dadah yang tiba di Malaysia akan berkurangan kerana hukuman mati yang dilaksanakan di negara ini. Beliau menegaskan bahawa tidak ada hak bagi sesiapa pun untuk berkata dan mempersoalkan hak sesebuah negara bebas, menentukan jenis hukuman yang difikirkan perlu, bagi membentaras jenayah penyalahgunaan dadah dan pengedaran najis dadah.

Ketegasan Malaysia dalam menjalankan hukuman ini, sering menjadi berita dunia walaupun berbagai interpretasi dibuat, namun kepimpinan Mahathir merasakan ianya bukanlah suatu perkara yang membolehkan Malaysia bertolak-ansur kepada penjenayah-penjenayah tersebut. Ketika kontroversi berlaku tentang hukuman mati ke atas dua rakyat Australia, sekali lagi Malaysia mendapat pandangan dari negara-negara Barat. Negara-negara yang tidak menyetujui tindakan tersebut telah mengecam Malaysia, supaya tidak meneruskan hukuman gantung kepada dua rakyat Australia yang telah didapati bersalah oleh mahkamah di Malaysia.

Beberapa rayuan dari Perdana Menteri Britain dan Australia telah dibuat kepada Mahathir, agar hukuman tersebut dipinda kepada penjara seumur hidup, namun sebagai seorang pemimpin yang tegas dan mahu melaksanakan proses undang-undang tanpa tolak-ansur, Mahathir tidak dapat melayan rayuan-rayuan tersebut. Disebalik pandangan-pandangan negatif terhadap bentuk hukuman yang dikenakan kepada pengedar dadah, pada keseluruhannya Malaysia mendapat sokongan yang menyeluruh dari negara luar tentang ketegasan menjalankan undang-undang tersebut.

Dalam satu kes yang melibatkan seorang ibu dan anak

lelakinya yang dikenakan tuduhan mengedar dadah, sekali lagi telah mewujudkan satu corak publisiti yang buruk pada Malaysia khususnya di kalangan mass media di New Zealand. Sejak mengambil satu langkah yang tegas dalam pengurusan dengan soal-soal dadah, kerajaan Malaysia tidak sekali-kali akan tunduk kepada apa juga laporan yang dibuat khususnya oleh media Barat yang hanya semata-mata bertujuan untuk merosakkan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang melaksanakan tindakan undang-undang yang kejam.

Para wartawan Barat dari media yang tidak bertanggungjawab bukan saja gagal memahami hasrat sebenar ketegasan undang-undang tersebut, sebaliknya sengaja tidak mahu memahami akan masalah yang dihadapi oleh Malaysia. Mereka terus-menerus memberikan publisiti yang berat sebelah apabila membentangkan laporan berkenaan hukuman mati di Malaysia khususnya jika ia melibatkan rakyat dari negara mereka. Media Barat sentiasa mahu menggambarkan bahawa undang-undang di Malaysia begitu kejam dalam mengendalikan kes-kes yang melibatkan orang Eropah. Padahal, fakta yang menunjukkan orang-orang Malaysia sendiri turut menerima hukuman yang sama sengaja tidak dibentangkan dalam media mereka. Ianya merupakan satu tabiat buruk yang lumrah, yang sentiasa diamalkan oleh pemberita-pemberita Barat yang mempunyai motif-motif tertentu di dalam setiap laporan yang mereka buat.

Pada keseluruhannya, Malaysia dan rakyatnya tidak mengharapkan apa-apa daripada negara-negara maju tersebut selain daripada meminta supaya mereka memberi sedikit penghormatan kepada kuasa kita untuk melaksanakan kedaulatan undang-undang di negara sendiri. Jika seorang rakyat Malaysia dituduh di New Zealand, Australia ataupun di Eropah, kerajaan tidak akan terburu-buru untuk merayu bagi pihak yang terlibat. Sebagai satu tanda penghormatan kita kepada kedaulatan undang-undang di negara tersebut. Perlakuan dari setengah individu dari negara-negara yang dikatakan bertamadun atau lebih bertamadun ini tidaklah menunjukkan sikap seperti yang diharapkan.

Ketegasan undang-undang di Malaysia bukanlah sesuatu yang membuta-tuli, setiap mereka yang diheret ke mahkamah mempunyai hak untuk mempertahankan diri di segi undang-undang yang melihat keadilan sebagai suatu tanggungjawab yang bukan sahaja perlu ada tetapi perlu dilaksanakan. Selain



ketegasan undang-undang, penglibatan badan-badan sukarela dan agensi ditaja oleh kerajaan, pihak swasta juga merupakan usaha-usaha tambahan kepada kesungguhan kerajaan Malaysia membasmi penyakit penagihan najis dadah.

Pertubuhan bukan kerajaan seperti PEMADAM, bergerak di peringkat bawah dalam memberi sumbangan yang berguna untuk memerangi masalah dadah. Ianya dijalankan secara bersendirian atau bersama agensi kerajaan yang lain, dengan cawangan-cawangan di seluruh negara. Peranan yang dimainkan oleh PEMADAM bersama agensi kerajaan dan badan-badan lain, terbukti berkesan, khususnya dalam menyampaikan penerangan mengenai bahayanya dadah kepada masyarakat dan orang perseorangan.

Hasil dari usaha yang bersungguh-sungguh oleh kerajaan dan rakyat Malaysia dalam membentasi penagihan dadah, di samping ketegasan pelaksanaan undang-undangnya, Malaysia telah diberi penghormatan tinggi apabila Mahathir terpilih menjadi Presiden Persidangan Antarabangsa mengenai Penyalahgunaan dan Pengedaran Haram Dadah (ICDAIT) selama 10 hari yang berlangsung di Vienna Austria.

Perlantikan tersebut merupakan satu penghormatan besar bukan sahaja kepada Mahathir secara peribadi, tetapi juga pengakuan terbuka terhadap restu kepada tindakan-tindakan tegas yang telah diambil oleh Malaysia selama ini dalam usaha memerangi dadah.

Walaupun terdapat kecaman-kecaman seperti "Malaysia negara kejam, tidak berperikemanusiaan dan tidak bertamadun" apabila hukuman mati dikenakan kepada orang asing di negara-negara Barat, namun perlantikan tersebut dengan sekaligus membuktikan bahawa Mahathir adalah pemimpin yang mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Ianya merupakan satu kemenangan peribadi kepada kesungguhan usaha dan komitmen serta minat beliau dalam menghadapi masalah dadah, di samping satu sumbangan yang bererti dalam menjadikan masalah dadah sebagai suatu isu dan kempen antarabangsa, bagi mendapatkan ko-ordinasi yang menyeluruh untuk membendung ianya dari merebak.

Walaupun terdapat beberapa konvensyen dan seminar sebelum ini tetapi tidak ada satu tindakan terusan yang bersungguh bagi melibatkan seluruh dunia mengenal dan mengakui akan bahayanya dadah sebagai satu ancaman, yang

tidak boleh di pandang ringan dalam menggugat kestabilan politik dan ekonomi sesebuah negara.

Harapan Mahathir yang mendesak supaya kesanggupan politik di peringkat kepimpinan tertinggi tiap-tiap negara peserta khususnya dan negara-negara di dunia amnya, adalah merupakan suatu usaha untuk melibatkan satu tenaga yang mempunyai kuasa muktamad dalam menentukan perjalanan undang-undang untuk membendung masalah dadah ini di negara masing-masing, supaya satu dunia baru yang lebih meyakinkan dapat diwujudkan untuk generasi yang akan datang. Sepertimana matlamat persidangan di Vienna yang bertemakan ia pada kehidupan dan tidak pada dadah atau "yes to life no to drugs", merupakan suatu harapan agar satu dunia yang bebas dari dadah dapat menjadi kenyataan.

Pada Mahathir, kesemua harapan ini dapat dicapai jika terdapat kesanggupan politik dan penglibatan di peringkat tertinggi untuk bersama menghadapi cabaran-cabaran yang terdapat dalam usaha membasmi jenayah dadah ini. Pemerintah dan pihak berkuasa yang terlibat dalam usaha ini, haruslah menunjukkan dan mempamerkan penglibatan yang berterusan untuk menghapuskan penjenayah-penjenayah dadah.

Mahathir telah menegaskan betapa masalah yang dihadapi di peringkat antarabangsa dalam soal dadah ini dan beliau juga meminta satu kempen yang berkesan pada setiap yang terlibat, jika tidak, sebarang usaha antarabangsa akan gagal menghadapi masalah ini. Penglibatan antarabangsa bukan sahaja penting sebagai tanda kesediaan bekerjasama tetapi untuk mengingatkan tentang tanggungjawab moral setiap kerajaan, dalam menghadapi isu ini di samping sebagai mesej yang berkesan kepada pengedar-pengedar dadah, bahawa aktiviti mereka tidak akan dapat berjalan tanpa tentangan dan mereka akan membayar harga yang tinggi untuk itu.

Mahathir juga telah menegaskan dakwaan bahawa Bangsa-Bangsa Bersatu kurang mengatur rancangan bagi menghapuskan penyalahgunaan dadah adalah tidak benar. Sebaliknya Bangsa-Bangsa Bersatu telah meneruskan kerja-kerja pengawalan dadah yang sebelum ini dijalankan oleh Liga Bangsa-Bangsa Bersatu. Konvensyen dadah narkotik 1961 malah diluluskan di bawah naungan Bangsa-Bangsa Bersatu. Sebaliknya penglibatan yang tidak bersungguh dan tindakan yang kurang jelas dari segi politik dikebanyakan negara

pengeluar, negara persinggahan dan negara pengguna untuk bertindak terhadap masalah bersama ini, telah menyebabkan pengedaran haram dan penyalahgunaan dadah berleluasa.

Perniagaan dadah haram di seluruh dunia telah dianggarkan secara tidak resmi sebanyak 300 billion dollar. Satu jumlah yang menakutkan. Sedangkan untuk menghadapi gejala ini, sistem Bangsa-Bangsa Bersatu pada keseluruhannya hanya boleh menyediakan perbelanjaan sebanyak beberapa juta dollar sahaja. Ini satu ukuran bagi menunjukkan penglibatan yang belum mencukupi. Penglibatan ini menurut Mahathir mungkin menandakan pengertian dan tafsiran yang berbeza-beza. Bagi setengah-setengah kerajaan di negara-negara pengguna, penagihan dan penyalahgunaan dadah dianggap sebagai satu penyimpangan sosial yang sama seperti masalah merokok dan penagihan arak.

Bagi kebanyakan negara-negara pengeluar, dilema itu adalah lebih ketara. Penyusunan semula sosial menjadi satu masalah besar dan sensitif, memandangkan pengeluaran dadah mempunyai latarbelakang sejarah dan kebudayaan. Oleh itu, usaha mencari satu pilihan terhadap apa yang dianggap oleh kebanyakan penduduk kampung dan puak suku Kaum Bukit sebagai satu sumber pendapatan akan menjadi satu cabaran bagi kerajaan di negara-negara pengeluar.

Sementara bagi negara-negara persinggahan, masalahnya ialah bagaimana menyekat pengaliran dadah yang masuk dengan banyak, yang berpunca daripada keuntungan hasil daripada pengedaran. Masalah yang sama penting iaitu bagaimana menghindarkan penagihan dadah dan untuk menempatkan semula mereka yang menagih, sama ada kerana terdapat baki bekalan dadah yang tidak dijual akibat gerakan pembersihan di negara-negara pengguna atau kerana permintaan di kalangan penagih-penagih tempatan.

Oleh itu, disetengah negara seperti Amerika Latin, Amerika Utara dan Asia Tenggara, masalah dadah telah menjadi satu masalah keselamatan yang mendatangkan kesan ke atas kemampuan negara itu untuk terus hidup berdikari bagi memelihara kedaulatan kebangsaan.

Berdasarkan ini, Mahathir berpendapat persidangan di Vienna tidak perlu membincangkan cadangan-cadangan program atau perlaksanaan, sebaliknya merupakan tugas badan-badan teknikal yang berkelayakan seperti Suruhanjaya

Mengenai Dadah Narkotik, Lembaga Kawalan Narkotik Antarabangsa dan Tabung Bangsa-Bangsa Bersatu untuk pengawalan penyalahgunaan dadah dan lain-lain agensi Bangsa-Bangsa Bersatu seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Pertubuhan Buruh Antarabangsa, Pertubuhan Kebudayaan Saintifik dan Pendidikan Bangsa-Bangsa Bersatu dan lain-lain pertubuhan bukan kerajaan yang berkelayakan.

Persidangan sepatutnya lebih memberi perhatian kepada pengistiharan kekuatan politik bagi bertindak secara berkesan terhadap masalah dadah. Bagi menjelaskan pengistiharan itu, Mahathir juga merasakan perlu diadakan pertemuan-pertemuan selanjutnya, terutama mengadakan persidangan-persidangan pakar-pakar dan pembuat dasar antara rantau dengan bantuan Bangsa-Bangsa Bersatu, di mana perlu untuk mengkaji lebih teliti setiap aspek masalah dadah. Ianya tidak patut terhenti setelah tamat persidangan tersebut saja.

Pertemuan-pertemuan itu hendaklah yang dapat memberi semangat berusaha untuk melaksanakan pelancaran mengenai dadah pada peringkat serantau dan kebangsaan. Setiap yang terlibat mestilah pulang dari persidangan dan jangan menganggap, "kita mestilah memperbetulkan tanggapan bahawa penagihan dadah berlaku hanya kepada anak orang lain dan bukan anak kita dan bahawa punca ini jauh di negara lain dan bukan di tanahair sendiri. Medan memerangi dadah ialah di dalam keluarga setiap individu, setiap masyarakat dan setiap negara."

Pada Mahathir, peperangan menentang dadah di peringkat dunia tidak mungkin akan berjaya jika negara-negara tidak bersungguh menentang dadah selepas persidangan tersebut. Beliau menganggap perjuangan menentang dadah adalah suatu perjuangan di hati dan sanubari setiap individu, di setiap negara di seluruh dunia. Sebab merebaknya masalah dadah antarabangsa begitu cepat ialah kerana kegagalan untuk menyedarkan rakyat mengenai bahaya sebenar penyalahgunaan dadah dan kesan-kesan buruk dadah. "Perjuangan ini tidak boleh mundur barang setapak pun selagi kita belum berjaya menimbulkan kesedaran bahawa dadah pembunuh dan membinasakan manusia."

Adalah menjadi harapan Mahathir bahawa pencapaian cemerlang di bidang sains oleh manusia, mewujudkan perubahan-perubahan besar dalam hubungan antara manusia

dan alam sekitarnya. Ianya juga menjadi ujian kepada norma dan nilai-nilai manusia yang tegas, melaksanakan tanggungjawabnya kepada kemajuan dan boleh menghasilkan faedah yang besar kepada seluruh umat manusia. Kemampuan manusia hari ini berlombong di lautan dan mendarat di bulan serta menghantar isyarat-isyarat eletronik dan sinaran laser yang terus melalui udara dan mengembara di angkasa lepas, adalah gambaran kepintaran manusia yang dikurniakan Tuhan tanpa had. Maka diharapkan janganlah sampai membinasakan masa depan yang lebih baik ini dengan mengaku kalah kepada penyalahgunaan dadah.

Adalah menjadi tugas penting semua pihak menyelesaikan masalah ini. Tidak dapat dinafikan Persidangan Antarabangsa Mengenai Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah telah berjaya menarik perhatian dunia ke arah mewujudkan kerjasama antarabangsa untuk membenters kegiatan tersebut. Ianya merupakan satu sumbangan usaha masyarakat antarabangsa, dalam memerangi masalah dadah yang semakin mengancam masa depan umat manusia.

Persidangan tersebut selain dari berjaya dalam mencapai kata sepakat untuk menentukan tindakan-tindakan seterusnya, telah juga memberi peluang kepada setiap perwakilan untuk mengetahui tahap masalah dadah yang dihadapi oleh negara-negara lain dan mencari saluran-saluran tertentu untuk bekerjasama bagi membantu menyelesaikannya. Walaupun kejayaan masih lagi jauh dan memerlukan komitmen dan azam politik serta tindakan bersama, namun persidangan tersebut telah berjaya meletakkan Malaysia sebagai salah sebuah negara utama, yang bertanggungjawab secara langsung dalam usaha pembasmian bahaya dadah.

Satu forum yang berjaya menampilkan Mahathir sebagai seorang pemimpin yang mempunyai kaliber dan karisma, dalam mencetuskan idea-idea pemikiran beliau, sebagai jambatan bersama untuk dilalui oleh bukan sahaja rakyat Malaysia tetapi seluruh warga antarabangsa, khususnya komitmen beliau di dalam menghapus gejala-gejala buruk bahayanya dadah.

Oleh itu, tindakan-tindakan beliau sepanjang yang melibatkan bidang kuasanya dalam melaksanakan hukuman-hukuman tegas terhadap pengedar-pengedar dadah merupakan suatu gambaran jelas bahawa ianya bukanlah perkara yang dilakukan atas kesedaran dan inisiatif sendiri. Sebaliknya

## Fasa Kedua

mempunyai unsur-unsur ketegasan pendapat yang diterima dan direstui oleh setiap pihak yang tahu menilai kesan-kesan sebenar bahaya najis dadah.

## **MEDIA : KEBEBASAN DAN UNDANG-UNDANG**

Era Kepimpinan Mahathir melihat beberapa dasar liberal yang cukup mengagumkan banyak pihak di peringkat awal. Toleransi yang ditunjukkan oleh kepimpinan beliau terhadap kebebasan media dan juga kebebasan mengemukakan pendapat dari golongan-golongan yang dianggap tidak selari dengan kerajaan di peringkat permulaannya, telah memberikan galakan kepada wujudnya beberapa unsur 'pendapat umum' yang bercorak polemik.

Kebebasan-kebebasan ini diperlihatkan dengan menariknya, oleh pihak media dan pihak-pihak yang menggelarkan diri mereka sebagai juara kepentingan ramai. Kecenderungan untuk melihat era kebebasan itu berlalu dalam konteks yang lebih liberal, tiba-tiba seperti tersekat. Ternyata kemudian liberalisme yang dimaksudkan oleh Mahathir adalah jauh berbeza, dari apa yang difahami oleh mereka-mereka yang terlibat, di dalam memupuk dan mempraktikkan liberalisme kepada masyarakat Malaysia. Pada Mahathir tiap-tiap sesuatu mempunyai had, sepertimana dalam waktu beliau mentakrifkan demokrasi.

Demokrasi tidak bererti segala-galanya harus terlepas daripada tindakan undang-undang, demikianlah juga dengan liberalisme yang dimaksudkan. Di dalam melihat bagaimana pendapat-pendapat umum disebarkan dan dipupuk untuk kepentingan masyarakat, jika terdapat sesuatu yang dianggap bertentangan dan boleh melahirkan unsur-unsur negatif di kalangan masyarakat, khususnya dalam masyarakat Malaysia

yang berbilang kaum, bagi Mahathir, ianya bukanlah sesuatu yang dapat dibanggakan melalui corak dan sikap liberalisme yang demikian.

Era beliau di peringkat permulaan, yang memberangsangkan, terhadap kebebasan media, kebebasan mengeluarkan pendapat, kebebasan untuk pertubuhan-pertubuhan yang merasai mewakili kepentingan awam, tiba-tiba bertembung dengan suatu suasana sengketa, telah bertukar disebabkan oleh perbezaan interpretasi antara liberalisma dan kebebasan media.

Mahathir sering menyebutkan tentang psikologi pihak media, khususnya, yang lebih mengutamakan sikap mempopularkan pandangan Barat tentang 'no news is good news', yang bererti jika tidak ada berita tentang sesuatu maka keadaan adalah baik. Umpamanya buat beberapa lama Malaysia tidak pernah menjadi sasaran pemberita asing kerana semuanya berjalan baik. Maka lawan kepada pepatah ini ialah 'bad news is good news', iaitu baik bagi pemberita.

Apabila sesuatu yang buruk berlaku, maka laporan menjadi sasaran mereka. Menurut Mahathir, di negara-negara ini, orang Islam yang kononnya mengamalkan Islamic Fundamentalism, mudah diperalatkan oleh akhbar dan orang lain yang berkepentingan. Selain maksud untuk politik antarabangsa, didapati sebahagian dari kajian yang buruk berasal dari kebebasan yang begitu dijunjung tinggi oleh pihak akhbar seperti yang di praktikkan, oleh akhbar-akhbar antarabangsa.

Untuk menjelaskan apa yang dimaksudkan, Mahathir telah menyebut 2 peristiwa sebagai contoh. Antaranya ialah apabila sebuah kapalterbang Lufthansa dirampas dan kemudian diselamatkan di Afrika, oleh satu pasukan gerakcepat kerajaan Jerman Barat. Sebuah majalah terkenal telah melaporkan dengan terperinci dan lukisan yang lengkap bagaimana penyelamatan itu dijalankan. Dengan itu semua penganas dan perampas akan tahu cara-cara untuk mengelak dari usaha menyelamatkan kemudian hari.

Apakah perlunya semua dunia tahu bagaimana penyelamatan ini dilakukan? Tidakkah majalah ini tahu tentang bahaya yang lebih, yang akan dihadapi oleh mangsa perampasan kemudian hari. Semua ini tidak dihiraukan. Yang penting ialah menonjol kebolehan investigatif reporting mereka, ataupun penyelidikan mereka. Kisah seorang pemberita dibunuh oleh seorang penganas di Perancis, gambar pembunuhan itu dikirim kepada



akhbar Perancis oleh pembunuh itu sendiri. Akhbar Perancis kemudiannya menyiarkan gambar tersebut dan melaporkan bahawa pembunuh tersebut sukakan publisiti. Dengan tersebarnya gambar itu ke seluruh dunia, maka tercapailah cita-cita pembunuh itu. Tidak salahlah pengganas ini atau yang lain jika mereka mengganas lagi, kerana ia akan memberikan publisiti kepada mereka. Sekali lagi, bagi Mahathir kebebasan suratkhbar disalahgunakan tanpa sedikit pun memikirkan kepentingan orang awam.

Demikian di antara ucapan Mahathir ketika merasmikan satu seminar tentang media dan kebebasan. Jika dilihat pada cara beliau menyampaikan pandangan beliau sepuluh tahun yang lalu, di dalam seminar tersebut, dengan apa yang sedang kita lihat di bawah pentadbiran beliau pada hari ini, ternyata konsistennya di dalam pandangan beliau terhadap masalah media dan kebebasan. Malangnya pihak-pihak yang mentakrifkan soal kebebasan media yang disekat dan bagaimana pendapat umum telah dikawal, serta penerbitan yang kian dikongkong, sebenarnya tidak memahami bahawa pemikiran Mahathir sejak sepuluh tahun yang lalu, sebelum beliau mengambilalih kepimpinan negara adalah sama sahaja.

Dengan itu jika berlaku sebarang bentuk atau corak yang liberal di peringkat awal pemerintahan, ianya lebih merupakan satu eksperimen Mahathir sendiri, terhadap segolongan anggota masyarakat, yang ingin menggunakan setiap usaha-usaha liberal pihak kerajaan, bagi memenuhi hasrat dan cita-cita mereka sendiri. Di dalam hal ini sudah tentulah sebagai seorang pemimpin yang ingin membentuk eranya yang tersendiri, Mahathir merasakan media juga mempunyai tanggungjawab terhadap masyarakat.

Persoalan etika yang ditekankan, tentulah merupakan satu persoalan yang menjadi kepercayaan beliau sendiri sejak beberapa lama. Iaitu tiap-tiap sesuatu mempunyai hak dan batasanya yang tertentu. Walaupun beberapa akta yang menyekat beberapa tahap kebebasan media massa di negara ini, diperkenalkan oleh Mahathir, tetapi tidak dapat dinafikan beliau sentiasa menegaskan dan memberi keyakinan kepada pihak akhbar, bahawa mereka akan dibenarkan berfungsi dengan bebas, selagi mereka mengetahui akan had-had dan hak-hak mereka, di dalam memainkan peranan masing-masing.

Jika pihak akhbar dengan sengaja menggunakan hak-hak

mereka, dengan tujuan untuk menggugat kedudukan kerajaan dan dasar demokratik yang diamalkan, maka sudah tentulah pihak kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk memperbetulkan kedudukan mereka. Pada Mahathir, pihak akhbar dan media lain-lainnya mestilah dibenarkan untuk mengutarakan pendapat mereka secara bebas walaupun dalam mengeluarkan pendapat yang mungkin salah, tetapi kebebasan, mestilah dibenarkan dengan tanggungjawab dan tanpa sebarang pilih kasih.

Bagi beliau, pihak media tidak mempunyai hak untuk memusnahkan masyarakat. Sepertimana seseorang atau sesebuah institusi di dalam masyarakat demokrasi yang lain. Media yang tidak bertanggungjawab merupakan suatu pencabulan ke atas hak masyarakat di dalam sebuah masyarakat yang demokratik. Jika ianya gagal untuk memahami ini, maka ia perlu diperbetulkan melalui wakil yang dilantik oleh masyarakat.

Di Malaysia umpamanya, dalam konteks masyarakat berbilang bangsa yang sensitif ini, seperti sebuah masyarakat yang berada di hujung tanduk. Jika sesuatu perkataan yang diucapkan, boleh mewujudkan kekacauan, maka adalah menjadi satu jenayah untuk membenarkan perkataan tersebut diucapkan. Oleh itu pihak media, di dalam usahanya untuk cuba mewujudkan kebaikan, jangan sampai ianya menunjukkan sikap seolah-olah seluruh usaha kebaikan itu hanya boleh dikuasai dan dimiliki oleh pihak media. Sepertimana ianya berhak menyatakan bahawa pihak kerajaan tidak mempunyai monopoli ke atas usaha-usaha untuk membina masyarakat. Pihak media juga mestilah memahami hakikat tersebut, bahawa ianya tidak mempunyai monopoli yang mutlak terhadap usaha-usaha pembinaan sesebuah masyarakat.

Pihak media juga harus, bersedia untuk menerima kritikan atau sebarang kritik dan memahami bahawa mereka juga tidak berada di atas undang-undang. Oleh itu adalah tidak wajar jika tiba-tiba mereka dibenarkan untuk terelak, daripada undang-undang akta rahsia, hanya dengan berselindung dibalik perkataan kebebasan. Sepertimana pihak kerajaan tidak dibenarkan untuk membuat apa-apa sahaja yang ia mahu terhadap masyarakat begitu juga dengan pihak media. Walaupun media terpaksa bersaing dalam pasaran ekonomi dan juga untuk mencari potensi-potensi pelanggannya. Ia mestilah

melakukan semua itu dalam keadaan yang baik dan bertanggungjawab.

Media harus sentiasa ingat, bahawasanya fungsi utama mereka adalah kepada masyarakat dan untuk masyarakat. Oleh itu, tidak ada sebab mengapa unsur-unsur yang boleh melahirkan, mencetuskan tindakan-tindakan negatif, kepada masyarakat yang dipancarkan oleh media perlu dibendung dan tidak dibenteras. Pada hakikatnya, bagi Mahathir, pihak media boleh berfungsi dengan lebih baik di bawah konsep sebuah masyarakat yang demokratik dan juga bertanggungjawab. Dibandingkan di bawah sebuah masyarakat, yang autokratik, komunis ataupun yang terlalu liberal.

Dalam peranannya, di bawah sebuah masyarakat yang demokratik pihak media pada bila-bila masa dibenarkan untuk memainkan peranan pentingnya termasuk untuk mengkritik pihak berkuasa. Bagi Mahathir, media merupakan alat perhubungan di antara sebuah kerajaan yang demokratik dengan rakyat. Sebuah kerajaan demokratik yang bertanggungjawab mestilah dengan secara yang selaras membenarkan kebebasan akhbar menjadi suatu bentuk kemegahan atau harta yang boleh membantu pihak kerajaan.

Yang penting ialah media mestilah mengajar dan bersedia untuk belajar bersama dengan seluruh masyarakat. Terutama sekali dalam usaha untuk mencapai pengaruh dan kuasa. Bagaimanapun kita selalu mendapati banyaknya perdebatan antara kebebasan media dan pengkritik-pengkritiknya. Sebahagian daripada kritikan itu memang tepat. Kritikan terhadap akhbar telah wujud bersama-sama kemunculan akhbar itu sendiri.

Akhbar yang bebas sewaktu menjalankan tugasnya memang tidak dapat mengelak daripada menyinggung perasaan sekelompok masyarakat. Bahaya yang dihadapi ialah sebahagian daripada pengkritik sama ada ahli-ahli masyarakat ataupun pihak yang berkuasa, akan menunjukkan rasa marah mereka dan dalam bentuk tindakan yang boleh menyekat hak-hak penerbit.

Pada pihak penerbit pula, memandang ancaman ini sebagai satu tohmah yang semakin menular ke seluruh negara, yang membataskan peluang akhbar untuk mendapatkan maklumat kerajaan dan membuat laporan yang kritis. Bagi pihak yang merasa kepentingan akhbar perlu dihormati, malah mengakui

bahawa akhbar juga mempunyai kelemahannya, sepertimana pihak yang berkuasa juga mempunyai kelemahan-kelemahan tertentu.

Oleh itu pihak penerbit sentiasa mencari kesempurnaan, tetapi tidak ada mana-mana situasi yang benar-benar sempurna, kerana pencabulan etika yang dilakukan oleh seseorang ia membabitkan semua pekerja. Setiap pihak harus mengakui kesilapan-kesilapan yang dilakukan. Bijak mencari jalan untuk membetulkannya dan tidak memberi alasan atau berselindung di belakang cogan-cogan lapuk hak masyarakat.

Media sekarang beroperasi dalam situasi etika yang jauh berbeza dan lebih mencabar daripada suasana dahulu. Oleh itu dikala pihak pentadbir yang berkuasa mahu mengariskan lunas-lunas undang-undang, terhadap perjalanan sesebuah akhbar, mereka harus juga melihat suasana sekeliling yang mempengaruhi perjalanan akhbar tersebut. Ada waktunya pihak-pihak yang mengkritik tentang peranan akhbar, lupa bahawa mereka juga belajar mengenai kesalahan yang mereka lakukan itu melalui akhbar.

Mencari keseimbangan di antara tanggungjawab media terhadap masyarakat dan berita-berita atau rencana-rencana yang diterbitkan merupakan suatu proses yang berterusan, kerana keseimbangan di antara objektifnya sesuatu berita, dengan penerimaan masyarakat seluruhnya, adalah merupakan suatu pencarian yang menyempurnakan hubungan di antara media dan masyarakat. Idealisme ini mengambil masa yang panjang. Walau bagaimanapun yang penting bagi pihak media ialah setengah petugas media, masih merasa bersalah, apabila mereka memutarbelitkan fakta yang tidak bertanggungjawab serta laporan yang prejudis.

Walaupun ada waktunya pihak akhbar tidak dapat mengurangkan syak wasangka dan permusuhan daripada kalangan kerajaan, ahli-ahli perniagaan dan mana-mana golongan masyarakat yang mempunyai kepentingan sendiri. Usaha perlu dibuat untuk meredakan kemarahan tersebut.

Malangnya bagi setengah-setengah penerbit, cukup memahami bahawa amalan dan niat yang baik dalam usaha mereka untuk menjadi sebuah akhbar yang bertanggungjawab, tidak selalu menjanjikan kejayaan. Walaupun mereka berterusterang mengenai kelemahan mereka dan mengharapkan pihak lain begitu juga. Terdapat sekelompok masyarakat terus

memandang mereka sebagai institusi yang berpengaruh dan berlingung di bawah perlembagaan, lalu membuat kecaman terhadap peranan akhbar yang boleh mengaburi mata masyarakat sendiri dalam membuat penilaian sebenar.

Dalam melihat saranan-saranan yang dibuat oleh Mahathir, selain dari suatu kewajipan untuk mereka memenuhi seluruh tanggungjawab terhadap masyarakat. Pada waktu yang sama merupakan suatu bidasan terhadap peranan yang dimainkan pihak akhbar itu sendiri. Namun sebagai akhbar yang bertanggungjawab, dan berkhidmat untuk kepentingan masyarakat bukan atas kepentingan peribadi, pihak akhbar dan penerbit sentiasa cuba mengimbangi di antara kehendak-kehendak pemerintah dengan keperluan-keperluan masyarakat di satu pihak, objektif serta etika dunia persuratkhabaran di satu pihak yang lain.

Pihak penerbit selalunya beranggapan ramainya pengguna-pengguna akhbar yang bebas masih memandang mereka sebagai penjamin kebebasan mereka. Sokongan tersebut menunjukkan keyakinan masyarakat terhadap keupayaan dan keazaman mereka untuk melakukan tugas dengan baik.

Kebanyakan pihak yang berasa kurang puas hati terhadap kebebasan akhbar di zaman Mahathir, khususnya dari golongan intelektual dan mereka-mereka yang sering mengemukakan pendapat secara umum pada masyarakat, sama ada melalui media cetak masing-masing ataupun melalui ceramah-ceramah, khusus bagi ahli-ahli mereka, merasa bimbang terhadap bentuk yang dikehendaki oleh pihak berkuasa, dalam melihat perjalanan akhbar-akhbar dan lain-lain media di negara ini.

Di mana-mana negara sekalipun, kita melihat adanya pertembungan antara kebebasan media dengan kehendak pemerintah. Dalam sebuah negara membangun yang mengamalkan corak demokrasi terpimpin, nyatalah pemerintah sering dapat menunjukkan arah perjalanan masyarakat melalui cara yang tersendiri. Meskipun kebebasan media dikatakan tertindas, tetapi tidak cukup kuat untuk dijadikan bukti, bahawa seluruh pembangunan dan pemikiran masyarakat terbantut kerana adanya kuasa yang menyekat beberapa aspek dari ciri-ciri kebebasan media.

Setiap pemerintah merasakan mereka lebih mempunyai tanggungjawab terhadap masyarakat seluruhnya, daripada hanya sekadar untuk memuaskan hati tokoh-tokoh yang ingin

menjadi juara kebebasan akhbar-akhbar. Pemerintah-pemerintah di kebanyakan dunia ketiga, bukan sahaja mengamalkan sikap yang terbuka, terhadap kebebasan media, tetapi juga mengambil kesanggupan untuk menghadapi tohmah-tohmah dari pelbagai pihak tentang cara tadbir mereka di negara masing-masing. Namun apa yang nyata ialah, setiap perubahan yang mungkin dilakukan oleh pihak pemerintah lebih banyak dibuat berdasarkan kepada keinginan untuk memandu suatu kumpulan masyarakat yang baru mengecapi kebebasan setelah dijajah sekian lama.

Untuk mengendalikan corak pemikiran yang terjajah, agar tidak menggunakan kebebasan yang dibenarkan dalam demokrasi dengan sewenang-wenangnya, secara langsung dan tidak langsung, pemerintah terpaksa menggunakan kuasa untuk menyekat agar perkara-perkara yang tidak diingini yang boleh dicetuskan oleh sebuah media yang bebas tidak berlaku.

Pada tahun 1986, ketika rang undang-undang Akta Rahsia Rasmi diluluskan oleh Dewan Rakyat, terdapat berbagai-bagai pendapat yang mengecam kononnya kebebasan akhbar di Malaysia, tidak akan wujud lagi. Namun nyatalah bahawa setelah lebih 2 tahun, rakyat Malaysia masih dapat merasakan adanya denyut-denyut nadi kebebasan. Pindaan itu juga tidak bererti berakhirnya demokrasi di negara ini.

Meskipun kerajaan tidak berganjak daripada ketetapan yang sudah diluluskan kerana ia bertujuan menjaga keharmonian dan kesejahteraan semua pihak. Pindaan itu hanyalah perkara kecil mengikut pihak pemerintah. Ia telah digembar-gemburkan oleh setengah-setengah pihak terutama ahli politik yang mentafsirkan mengikut nafsu demi kepentingan sendiri dan kerjaya mereka. Seolah-olah matahari tidak lagi terbit di hari esoknya, akibat dari pindaan tersebut.

Bagi Mahathir kerajaan juga sudah mengerti dan mengenal sikap mereka-mereka yang sengaja membuat kecoh, yang terdiri dari golongan yang sama, yang tidak mahu melihat rakyat negara ini hidup dalam sejahtera, dan merasakan setiap yang dilakukan oleh pihak kerajaan sebagai sesuatu yang perlu ditentang. Hasilnya menurut Mahathir, "setiap kali kami membuat pindaan atau meluluskan suatu akta, pihak yang sama akan—terus membuat bantahan tanpa mengkaji isi kandungannya. Apakah muslihat mereka selain untuk menjahanamkan rakyat negara ini, yang kini mula

mengamalkan konsep perpaduan." Pihak kerajaan di samping memberi pertimbangan kepada pertimbangan tertentu, kadangkala merasa bosan dengan sikap kebudak-budakan yang ditunjukkan oleh golongan ini. Adalah diharapkan rakyat Malaysia terbanyak dapat berfikir secara rasional sebelum terpengaruh dengan hasutan mereka.

Kajian telah dibuat tentang buruk baik pindaan itu, sebelum mengemukakannya kepada Dewan Rakyat untuk diluluskan. Beliau memberi jaminan kerajaan tidak akan bertindak terburu-buru untuk menghukum penjara orang ramai, tanpa menyiasat sehingga terbukti kesalahan itu dilakukan oleh mereka yang terbabit. Itu membuktikan demokrasi tetap wujud dengan kukuh, kerana rakyat masih berpeluang mendapatkan maklumat daripada kerajaan.

Pihak-pihak yang menentang Akta Rahsia Rasmi, kemudiannya mencadangkan agar kerajaan mewujudkan Akta Kebebasan Maklumat ataupun Freedom of Information Act, bagi membolehkan tiap-tiap rahsia yang tertentu diperolehi dari pihak kerajaan. Bagaimanapun pandangan ini tidak dapat diterima oleh pihak kerajaan, kerana tidak ada logiknya akta tersebut diwujudkan, jika hak menyimpan rahsia masih lagi berada pada kerajaan.

Bagi Mahathir tidak ada ertinya undang-undang yang sedemikian, jika Akta Rahsia Rasmi juga berkuasa pada waktu yang sama. Dalam satu contoh yang menunjukkan bagaimana kerajaan bersikap liberal, Mahathir antara lain telah berkata, "di kebanyakan negara pemberita-pemberita tidak dapat berjumpa dengan Perdana Menteri mereka, sepertimana selalu yang dapat pemberita-pemberita di sini lakukan dan mereka terpaksa memakai pakaian yang kemas."

Beliau sekali lagi menegaskan bahawa akta tersebut tidak akan menyekat demokrasi malah menurut beliau, "demokrasi akan tetap terus hidup, mereka bebas untuk menyatakan apa yang mereka mahu. Bebas untuk menabur fitnah dan bebas untuk mengkritik pihak kerajaan. Walaupun pihak kerajaan sedang mencuba sedaya upaya untuk memastikan pemulihan ekonomi, bagi mereka melalui akhbar, cuba untuk mensabotajkan usaha-usaha tersebut. Mereka masih bebas untuk pergi ke serata tempat dan mewujudkan suasana tidak tentu arah di kalangan rakyat. Hanya dengan mengatakan terdapat krisis keyakinan di dalam kerajaan, walaupun selepas Barisan Nasional memenangi pilihanraya dengan majoriti yang

besar.”

Pada Mahathir adalah lebih penting untuk memberitahu rakyat akan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh orang ini dan alasan-alasan mengapa mereka melakukannya. Rakyat mesti faham ini dan tidak menjadi keliru dengan apa yang mereka katakan. Sekali rakyat memahaminya, maka kumpulan-kumpulan ini tidak akan mendapat sokongan dalam usaha mereka untuk merendah-rendahkan setiap usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan.

Dalam satu ucapan beliau, selepas kemenangan dalam pilihanraya umum 1986, antara lain Mahathir telah menyatakan bagaimana di Malaysia juga terdapat kerusi-kerusi yang dimenangi oleh parti pembangkang dan seperti biasa juga bermacam-macam pendapat daripada berbagai pihak telah dilahirkan melalui ucapan, kenyataan, manifesto dan lain-lain saluran. Terdapat akhbar-akhbar yang tidak dapat menyiarkan semua yang diucap dan diistiharkan. Mengikut beliau suka atau tidak suka akhbar terpaksa memilih bahan-bahan yang hendak disiarkan dan yang hendak diketepikan.

Walaupun di Malaysia terdapat beberapa akhbar yang memilih untuk mengecam kerajaan, ini tidak diambilkira. Bagi mereka yang tidak senang hati dengan negara ini, mereka lebih suka menarik perhatian kepada berita-berita yang menyokong kerajaan sahaja. Seolah-olah akhbar tidak akan menjadi akhbar jika ianya sentiasa menyokong kerajaan.

Golongan ini akan mendakwa bahawa kerajaan menyokong akhbar di Malaysia. Penulis dari Malaysia yang hendak bermuka-muka, turut serta mengecam kerajaan negeri sendiri. Dalam hal ini pada pandangan Mahathir, amatlah memalukan kerana masih ada orang Malaysia yang mempunyai rasa rendah diri dan percaya bahawa semua pandangan yang dilemparkan oleh orang-orang Barat betul. Mereka merasa perlu mendapat pengiktirafan Barat terlebih dahulu, daripada rakyat negara ini.

Semua media dikongkong oleh pihak-pihak tertentu. Kebanyakan di antara media antarabangsa yang terkenal umpamanya, dikuasai oleh orang-orang Yahudi yang sekarang menjadi warganegara di kebanyakan negara Barat. Mereka menjadi pemilik atau memegang jawatan penting termasuk menjadi pengarang dan wartawan. Akibatnya ialah, akhbar-akhbar ini tidak bebas, tetapi terpaksa tunduk kepada kepentingan Zionis.



Jelas bahawa akhbar asing ini lebih tertekan oleh kuasa Zionis daripada Malaysia dikuasai oleh kerajaan. Begitu juga akhbar-akhbar lain, jika tidak dikuasai oleh pemilik saham, dikuasai pula oleh pengarah, atau para pengarang atau oleh para wartawan. Ada juga yang dikuasai oleh syarikat yang menyiarkan iklan. Dengan itu akhbar sedikit sebanyak terpaksa mencerminkan pendapat orang-orang yang berkuasa ini.

Mungkin wartawan atau pengarang berpendapat bahawa kalau mereka menguasai akhbar maka akhbar itu bebas, tetapi pengarang dan wartawan juga mempunyai sifat, sikap untuk pilih kasih. Bagi masyarakat yang terpaksa bergantung kepada akhbar, untuk laporan dan ulasan, kebebasan mereka membuat penilaian sendiri terganggu. Bagi mereka akhbar berkenaan adalah dikongkong oleh orang lain dan mereka tidak berhak dan tidak mempunyai kuasa.

Kalau pun mereka menulis surat kepada akhbar berkenaan, sama ada surat mereka disiarkan, atau tidak bukan hak mereka tetapi hak orang yang menguasai akhbar. Akhbar 'The New York Times', mempunyai slogan semua berita yang layak dicetak, soal yang timbul ialah apakah yang tidak disiarkan dalam akhbar itu adalah tidak layak? Siapakah yang menentukan, apa yang patut dan apa yang tidak patut?

Benarkah orang ini layak membuat keputusan? Jika ia yang menentukan kelayakan berita yang akan disiarkan, tidakkah ini bermakna ia menguasai 'The New York Times?' Apakah haknya orang seperti ini bercakap berkenaan dengan kuasa pihak-pihak lain, terhadap mana-mana media, sedangkan ia atau mereka sendiri mengongkong akhbar berkenaan. Inilah yang dimaksudkan oleh Mahathir bahawa akhbar tidak pernah bebas, walaupun di Amerika Syarikat.

Apa yang membezakan ialah, sejauh mana kekuasaan-kekuasaan itu mengganggu perjalanan dan wibawa akhbar-akhbar tersebut. Dari mana datangnya ramai wartawan yang mengkritik kerajaan Malaysia kerana kononnya mengongkong akhbar? Yang penting bukanlah akhbar bebas atau tidak. Apakah cara begini berkesan diguna untuk kebaikan, jika kebaikan dicapai dengan menjatuhkan kerajaan. Maka akhbar patutlah menyumbang ke arah matlamat ini. Tetapi sebelum menyertai usaha menjatuhkan kerajaan yang ada soal yang perlu dijawab ialah, apakah kerajaan yang akan menggantinya akan menjadi lebih baik?

Berapa kalikah dalam sejarah dunia yang kita dapati kerajaan revolusional yang mengganti adalah lebih buruk dan kejam daripada kerajaan yang dijatuhkan. Justeru itu kita harus berhati-hati. Jika kita belum yakin bahawa kerajaan yang akan menggantikan adalah lebih baik, eloklah kita tidak dengan sengaja memburukkan atau menghalang usaha kerajaan yang ada.

Akhbar dengan pengaruhnya boleh membuat kritik yang membina. Lebih banyak keuntungan yang akan diperolehi dari usaha ini, daripada sengaja bersikap sinis dan membuat kritik kerana suka mengkritik. Di waktu selepas pilihanraya umpamanya, kerajaan perlu menumpukan segala tenaga, fikiran dan wang ringgit yang terhad kepada mengatasi beberapa masalah yang besar. Jika setiap usaha yang dibuat oleh kerajaan diganggu oleh kritik yang tidak membina atau sengaja disalahtafsirkan, maka kita tidak akan mencapai kejayaannya. Akhirnya rakyat dan negara juga akan menerima kesan buruk.

Ini bukanlah merupakan suatu pernyataan yang memihak. Sebaliknya suatu pembentangan kepada senerio yang sebenar yang perlu dipertimbang. Ia merupakan satu pendapat, yang kadangkala kecewa kepada melihat peranan-peranan, yang dimainkan oleh pihak-pihak tertentu, dalam memutar-belitkan tanggungjawab akhbar dalam negara ini khasnya, dalam negara-negara yang membangun amnya. Yang sering terbawa-bawa dengan aliran Barat tentang freedom of the press. Sehingga tidak lagi peduli akan kesan buruk terhadap negara sendiri.

Masyarakat Malaysia semakin lama semakin berminat dengan akhbar dan lain-lain media. Pengedaran hampir semua akhbar telah meningkat. Ini juga adalah hasil daripada kestabilan dan perkembangan ekonomi. Sudah tentu makin besar pengedaran dan semakin ramai pembaca, semakin menyeluruhlah pengaruh media. Pengaruh merupakan alat yang paling penting dalam demokrasi. Apa yang terjadi kepada sesuatu bangsa atau sesuatu negara boleh ditentukan oleh pengaruhnya.

Memandangkan kepada akhbar yang begitu berpengaruh, maka amatlah penting akhbar dikuasai orang yang bertanggungjawab. Di sini bertanggungjawab bermaksud, bertanggungjawab terhadap negara. Akhbar tidak seharusnya begitu mengutamakan kepentingan perniagaannya sehingga memburukkan keadaan negara. Di sinilah duduknya

kebijaksanaan seseorang yang berkuasa ke atas akhbar, mungkin pendedahan perlu dibuat tentang penyelewengan kerajaan demi kepentingan negara, tetapi kebenaran perkara yang hendak didedahkan perlu ditentukan terlebih dahulu terutama jika pendedahan itu boleh memburukkan keadaan dalam negara.

Dalam satu contoh tentang berita yang tidak bertanggungjawab, yang telah disiarkan oleh sebuah akhbar, Mahathir telah memetik, "baru-baru ini sebuah akhbar telah melaporkan tentang kemungkinan seorang yang berpangkat tinggi di dalam negara akan bersara, asas laporan ini adalah berita angin kononnya Perdana Menteri akan bersara pada 28 Ogos ini. Berita seperti ini menimbulkan ketegangan serta kegelisahan dalam masyarakat dan mempunyai kesan buruk kepada suasana perniagaan."

Perbuatan melapor berita angin seperti ini merupakan sabotaj ekonomi kepada negara yang sedang menghadapi kemelesetan ekonomi. Perbuatan ini adalah perbuatan yang tidak bertanggungjawab. Ianya menunjukkan bahawa orang yang berkuasa dalam akhbar itu tidak layak dianugerahkan kuasa yang begitu kuat dan berpengaruh.

Selain dari soal kebebasan akhbar beberapa waktu selepas pilihanraya terdapat juga tema-tema yang sering diperkatakan oleh sebahagian masyarakat Malaysia. Iaitu tentang *deregulation*. Kerajaan digesa supaya tidak mengenakan bermacam-macam peraturan yang mengganggu kebebasan rakyat. Sebenarnya mengikut Mahathir, kerajaan tidak ingin mengatur dan mengongkong lebih banyak peraturan lebih berat beban kerajaan.

Malangnya, ramai daripada mereka yang sepatutnya lurus dan bertanggungjawab didapati tidak lurus dan tidak bertanggungjawab. Mereka telah menyalahgunakan apa juga kuasa yang ada pada mereka, sebab itu duit-duit bank dan koperasi-koperasi, saham syarikat, permit perniagaan dan lain-lain diselewengkan dengan begitu mudah dan kerana mereka ini, orang lain turut menjadi mangsa.

Jika ada sedikit sebanyak peraturan-peraturan, termasuklah dalam bidang suratkhbar, bagi beliau adalah lebih baik jika ianya diterima dan disesuaikan dengan keadaan. Sebagai seorang pemimpin beliau melihat bahawa negara ini mempunyai

hancur. Sama ada potensi untuk maju atau potensi untuk hancur menguasai negara ini adalah pilihan masyarakat sendiri. Sebagai seorang pemimpin beliau yakin tidak ada seorangpun daripada ahli masyarakat, rakyat negara ini yang ingin melihat negara ini hancur.

Malangnya sementara kita tidak ingin kepada kehancuran, kita tidak memperhitungkan kesan-kesan perbuatan kita, di sinilah perlu difikirkan akan peranan yang dimainkan oleh akhbar sebagai alat yang begitu berpengaruh. Apakah akhbar akan memilih untuk membina negara ini atau hanya memikirkan tentang cara yang termudah untuk meningkatkan pendedaran?

## SUDUT PEMIKIRAN

### Politik Negara.

Sepertimana yang diketahui, UMNO telah lahir lebih dari 30 tahun yang lalu dan telah berkembang serta menjadi teguh di bawah pemimpin-pemimpinnya yang silih berganti. Semua ini berkat dari perpaduan dan kerjasama yang ada di kalangan semua anggota-anggota UMNO. Di samping itu, pengekalannya UMNO juga adalah disebabkan oleh kebebasan dalam demokrasi. Kebebasan dalam demokrasi adalah kebebasan yang bertanggungjawab.

Sebagai seorang pemimpin yang bertanggungjawab dan ingin melihat UMNO berkembang dengan maju sebagai sebuah organisasi yang berkualiti, beliau tidak lupa menasihati ahli-ahli UMNO supaya menjaga keutuhan parti dan memahami rukun serta tatasusila parti dalam menjalankan tidak-tanduk mereka. Bagi beliau tindakan di luar daripada cara-cara tertib akan membawa reaksi dan tindakbalas yang sama keras dan sama coraknya.

Sepertimana kata beliau, "oleh itu kita perlu berjaga-jaga sebelum kita melakukan sesuatu supaya dapat kita memisahkan antara kegiatan dan pimpinan yang mengutamakan keutuhan dan kepentingan parti, daripada kegiatan dan dorongan yang boleh merosakkan parti. Peranan dan tanggungjawab kita bukan perjuangan kerana perjuangan, tetapi perjuangan yang berlandaskan kepada tata tertib parti dan keutuhan parti."

Dalam melihat suasana perkembangan UMNO, Mahathir juga terkenal sebagai seorang pemimpin yang begitu sensitif terhadap pergolakan yang berlaku. Bagi beliau sesuatu

bantahan atau perasaan tidak puas hati itu seharusnya diluahkan di dalam saluran-saluran yang telah ditetapkan. Begitu juga jika terdapat kritik mengenai seseorang pemimpin. Penggunaan cara yang merupakan cabaran atau ancaman bukan sahaja tidak akan berhasil tetapi akan membawa kepada perpecahan dan kehancuran.

Beliau tidak mahu pisang berbuah dua kali, sepertimana yang berlaku terhadap badan ulama yang ditubuhkan oleh UMNO yang membuat keputusan untuk keluar dari UMNO dan menubuhkan sebuah parti yang baru. Oleh itu Pergerakan Pemuda dan Wanita diingatkan oleh beliau harus berhati-hati tentang sikap terhadap parti. Teguran hanya perlu dibuat jika penyelewengan berlaku atau difikir berlaku.

UMNO ditubuhkan pada tahun 1946 dengan satu objektif sahaja iaitu menentang Malayan Union. Bukannya untuk menuntut kemerdekaan. Oleh kerana cita-cita Malayan Union untuk memperjuangkan nasib orang-orang Melayu, maka tidak hairanlah ianya mendapat sokongan yang maksima dari orang-orang Melayu sendiri. Malangnya menurut Mahathir kemenangan Malayan Union ini juga telah menimbulkan fenomena yang baru. Pemimpin-pemimpin UMNO pada waktu itu bukan sahaja disogokkan dengan layanan-layanan istimewa dari penjajah, malah ianya juga menjadi persaingan dan perasaan irihati di kalangan mereka.

Walau bagaimanapun situasi ini tidak berpanjangan sehingga dapat mengugat perjuangan menuntut kemerdekaan. Akan tetapi gejala ini timbul kembali setelah negara mencapai kemerdekaan. Fenomena ini bukan sahaja mengugat kestabilan UMNO malah akan menimbulkan bibit-bibit perpecahan di kalangan pemimpin-pemimpinnya.

Apa yang penting setiap pemimpin seharusnya memahami matlamat sebenar perjuangan mereka. Mereka seharusnya diperingatkan dari masa ke masa tentang konsep ini agar mereka tidak terlalu leka atau mudah terpengaruh dengan propaganda-propaganda yang ingin melihat kejatuhan UMNO. Pada merekalah terletaknyanya kepercayaan untuk memimpin UMNO sebaik mungkin agar ianya tidak menimbulkan satu suasana yang kucar-kacir dan kesannya akan turut dirasai oleh generasi muda.

"UMNO tidak wujud untuk pemimpinnya. Semua pemimpin adalah sementara. Mereka akan pergi dan akan diganti oleh

pemimpin yang baru. Tetapi pemimpin dan kepimpinan adalah penting bagi pertubuhan. Sementara pemimpin tidak perlu dipertahankan semata-mata kerana ia pemimpin. Tidak ada kebaikan dari kepimpinan yang lemah sepertimana tidak ada manfaat dari pertubuhan yang lemah." Tegas Mahathir.

Adalah menjadi satu hakikat, iaitu tiap-tiap satu generasi mempunyai tanggungjawab terhadap zamannya. Oleh sebab itu adalah mustahak kepimpinan dalam satu-satu generasi selaras dengan zamannya. Beliau berkata aspek ini adalah perlu kerana pemimpin serta aspirasi satu-satu generasi hanya akan dapat difahami oleh generasi tersebut sahaja. Beliau yakin perkara ini dapat dipertanggungjawabkan kepada generasi muda untuk dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Di samping itu, satu kajian perlulah dijalankan bagi mengkaji sebab-sebab kurangnya penglibatan generasi muda di dalam UMNO. Apakah ini disebabkan oleh UMNO sudah menjadi sombong dan bongkak dan tidak memperjuangkan lagi kepentingan orang di luar UMNO. Atau apakah disebabkan oleh kurangnya fahaman tentang cara dan peranan yang dimainkan oleh UMNO.

Mungkin juga generasi baru ini mempunyai minat di bidang lain dan menganggap politik sebagai tidak penting. Mungkin pula mereka berpendapat bahawa hak dan kedudukan mereka terjamin kerana selama-lamanya mereka akan dipertahankan oleh kerajaan-kerajaan yang bersimpati dengan mereka. Beliau mengingatkan bahawa "tindakan yang dilakukan pada masa ini akan mencorakkan keadaan pada masa yang akan datang."

Mahathir juga memandang berat mengenai kemasukan kebudayaan Barat yang semakin hebat dan membawa kesan-kesan yang negatif terhadap golongan-golongan muda. Ianya telah bertanggungjawab secara tidak langsung kepada wujudnya suatu suasana kurang berminat generasi muda terhadap penglibatan mereka di dalam politik.

Pada waktu yang sama telah wujud satu pertandingan antara pengaruh nafsu dengan pengaruh agama dan kebudayaan. Pengaruh nafsu yang meliputi perasaan benci dan irihati lebih mendapat tempat di hati manusia daripada pengaruh agama dan kebudayaan yang mengutamakan kebaikan. Lebih meruncingkan lagi ialah mereka yang kononnya berjuang untuk kebaikan menggunakan nafsu dan perasaan irihati serta benci sebagai alat.

Jika agama diperjuangkan lagi sekali, bukan kebaikan agama yang disebutkan tetapi keburukan orang lain yang kononnya tidak begitu mengamalkan ajaran-ajaran yang disampaikan. Sikap-sikap sebeginilah yang dikecam oleh Mahathir. Bagi beliau tidak seharusnya seseorang itu menggunakan agama sebagai alat propaganda mereka bagi menjatuhkan seseorang.

Bagi beliau, walaupun kadangkala cara begini membawa kejayaan, akan tetapi ianya tidak akan kekal lama. Lambat-laun mereka akan dijatuhkan kembali dengan cara yang sama. Mereka yang memperalatkan senjata akan dimusnahkan oleh senjata.

Kekukuhan sesebuah parti hanya akan dapat dicapai jika gejala-gejala yang negatif ini dapat dihindarkan. Nafsu dan perasaan yang buruk bukan asas yang sihat bagi perjuangan. Bagi Mahathir asas perjuangan UMNO terletak pada PATRIOTISMA dan kasih sayang kepada bangsa, agama dan tanahair.

Sepertimana yang dikatakan tadi, mengikut andaian Mahathir, seseorang yang benar-benar dianggap pemimpin adalah yang bertanggungjawab dan tahu menilai di antara kebaikan dan keburukan. Bukan pemimpin yang hanya mementingkan kejayaan diri sendiri walaupun mereka melakukan sesuatu yang salah hanya untuk mendapatkan populariti.

Sepertimana kata beliau, "Adalah lebih baik kita hancur kerana menjaga kepentingan penganut UMNO dan orang Melayu serta negara daripada kita menjadi popular dengan memimpin kaum bangsa kita ke arah kecelakaan."

Jika ditinjau dari sudut kepimpinan di antara zaman feudal dan sekarang, nyatalah terdapat perbezaan yang ketara. Hakikatnya, pemimpin sekarang lebih menghadapi cabaran-cabaran yang mencabar kewibawaan mereka sebagai seorang pemimpin yang disegani dan disanjung.

Tuduhan bersubahat atau diperalat oleh komunis, sosialis, mengutamakan kepentingan dari mengguna pengaruh dan lain-lain semuanya dibuat dan dilempar ke sana sini sehingga tidak ada seorang pun pemimpin yang boleh dipercayai. Dalam keadaan ini kepimpinan dan peranannya dalam masyarakat Melayu tidak lagi mudah difahami seperti pada zaman feudal dahulu. Di zaman feudal kepimpinan tidak begitu menjadi masalah.

Raja secara automatik adalah pemimpin dan dianya



mempunyai kuasa yang tidak boleh disoal atau ditentang. Kehilangan seorang raja, sama ada kerana sebab-sebab biasa atau tidak, tidak menjejaskan kepimpinan kerana penggantinya ialah raja juga atau akan digelar raja dan akan mempunyai hak kepimpinan yang sama dan *absolute*. Tetapi apabila negara ini memilih demokrasi berparlimen dan menjadikan raja sebagai undang-undang berperlembagaan, maka kepimpinan orang Melayu mula menjadi masalah. Walau bagaimanapun menurut Mahathir ini tidak bermakna demokrasi tidak baik bagi orang Melayu.

Menurut beliau, sememangnya sistem demokrasi lebih baik dari sistem feodal tetapi kebaikan sesuatu sistem tidak dapat menjamin kesan yang baik dari sistem tersebut. Kesan yang baik cuma terdapat jika sistem itu dapat berjalan seperti dirancang dan dijangkakan. Bagi menjamin kelancaran sistem tersebut, penggunaannya mestilah memahami cara pergerakan sistem tersebut dan batasannya.

Semenjak kerajaan melancarkan sistem demokrasi ini, pemimpin-pemimpin tumbuh bagai cendawan. Ini adalah implikasi daripada syarat penglibatan pemimpin dalam sistem demokrasi itu sendiri yang tidak membataskan pelajaran sebagai faktor utama. Apa yang penting kemampuan atau keupayaan mereka melahirkan idea-idea yang difikirkan berfaedah dan berkesan. Manifestasi dari itu wujudlah berbagai rupa atau corak kepimpinan yang berbeza-beza.

Sebagai seorang pemimpin yang sentiasa memandang berat akan masalah yang berkaitan dengan orang-orang Melayu, Mahathir merasa bimbang jika fenomena ini berterusan dan akan menimbulkan kesan-kesan yang negatif terhadap penerimaan orang-orang Melayu kepada politik negara.

Masyarakat Melayu berada di dalam satu konflik yang sukar ditentukan. Mereka seolah-olah tidak tentu arah, tidak tahu haluan dan matlamat yang hendak dituju. Jika tahun-tahun 1946 - 1957 semangat perpaduan mereka begitu kukuh dan dapat membulatkan tenaga untuk mencapai matlamat yang ditentukan oleh pemimpin mereka. Sekarang mereka terbahagi kepada seribu satu kumpulan yang sering bercakaran di antara satu sama lain.

Mahathir juga kesal dengan sikap segolongan daripada orang

Melayu sendiri yang menggunakan aspek keislaman sebagai dakyah untuk memecahbelahkan perpaduan yang sekian lama tegak. Jika dahulu masyarakat Melayu terkenal sebagai nasionalis yang sayangkan bangsanya, tetapi kini ada yang dengan lantang berkata menjadi nasionalis Melayu adalah tidak Islam. Menurut mereka, sebagai seorang Islam nasionalisme tidak perlu. Apa yang perlu ialah perpaduan dalam Islam sahaja dan dengan itu mereka terus mengecam nasionalis Melayu sebagai tidak begitu Islam. Malangnya, menurut Mahathir serangan mereka tidak menyatupadukan orang Melayu sebagai orang Islam, tetapi memecah dan melemahkan mereka sebagai penganut agama Islam.

Propaganda ini tidak terhad di kalangan masyarakat Melayu di dalam negeri sahaja malah ianya telah merebak ke dunia luar. Hal ini bukan sahaja mengecewakan Mahathir malah akan mengugat keyakinan dan kepercayaan orang-orang Melayu terhadap kepimpinan yang bercorak nasionalisme. Seterusnya ia mewujudkan satu fenomena yang kucar-kacir dan memberi pandangan yang negatif negara-negara luar terhadap kewibawaan orang-orang Melayu khasnya dalam memimpin negara.

Demikian juga dengan kewujudan berbagai jenis pemimpin dan kepimpinan sama ada dari yang tua dan yang muda telah menambahkan lagi kekeliruan yang sedia ada. Berbagai-bagai cara digunakan oleh pemimpin untuk menarik sokongan ramai. Oleh itu timbullah suatu suasana cari-mencari dan persaingan yang hebat-sesama mereka. Bagi orang Melayu pula, memilih mana satu yang benar tidak begitu mudah. Jika didengar pidato dan keterangan tiap-tiap seorang yang berlagak sebagai pemimpin, keyakinan dan penjelasan nampaknya begitu nyata dan bernas sehingga pemimpin itu tetap boleh diterima.

Walau bagaimanapun pidato dan pendapat dari pemimpin-pemimpin yang lain juga ada kebenarannya. Malangnya pemimpin-pemimpin itu tidak sama pendapat, bahkan terus bertentangan. Masing-masing cuba membuktikan kebenaran mereka dan terus memburuk-burukkan yang lain. Jadi bertambah sukarlah bagi orang-orang Melayu membuat pilihan yang tepat. Tetapi masih terdapat sebilangan pemimpin yang berjaya memegang jawatan yang diinginkan memandang ringan segala janji-janji yang perlu ditunaikan. Bagi mereka apa yang penting ialah mengejar kemewahan melalui pengaruh dan kuasa yang ada

pada mereka. Menurut Mahathir, apa juga pemimpin yang dipilih dan berkuasa, sama ada jujur atau tidak, berjaya atau tidak, berusaha atau tidak, mereka akan menarik kecaman sesaat selepas mereka memegang jawatan.

Kepimpinan mereka mula tergugat dengan propaganda-propaganda yang dimainkan oleh pemimpin-pemimpin yang tidak dipilih dahulu. Bagi pemimpin-pemimpin tersebut segala apa yang dilakukan oleh pemimpin yang dipilih ini tidak betul. Kewibawaan pemimpin yang baru ini semakin tercabar dengan adanya kecaman-kecaman yang dilakukan dengan berbagai cara. Sama ada kecaman dibuat secara terbuka atau secara tertutup, secara langsung atau secara sendirian ataupun melalui surat layang, sindiran dan ancaman-ancaman.

Sedikit demi sedikit, walau bagaimana ganjil dan tidak munasabah, akan diterima. Pemimpin yang begitu disanjung tinggi sebelum dianya memegang jawatan mula diragukan, sehingga akhirnya ia mempunyai rupa buruk sebagaimana yang dituduh. Penyokong-penyokongnya mula mengasingkan diri takut mereka juga terlibat dengan kejatuhan pemimpin mereka. Akhirnya jatuhlah pemimpin itu.

Mahathir menganggap sudah menjadi kelaziman, bagi orang-orang Melayu memandang dan kadangkala menyanjung kembali jasa-jasa yang ditinggalkan oleh pemimpin yang telah tiada. Semakin jauh pemimpin itu terpisah dari kuasa, semakin baik bentuk imejnya. Semua kesalahannya dilupakan, ataupun sekurang-kurangnya tidak disebutkan. Tetapi kalaulah pujian itu berkesan dan pemimpin tersebut dipilih semula dan diberi kuasa, maka sekali lagi proses memburukkannya akan bermula. Sekali lagi berbagai tuduhan dibuat. Sekali lagi usahanya akan dihalang. Menurut beliau lagi, melalui insiden-insiden yang berlaku ia jelaslah bahawa kemajuan masyarakat Melayu dalam berbagai bidang masih jauh dari memuaskan. Adalah menjadi harapannya agar setiap cerdik pandai dan pemimpin yang ada bersatu tenaga mengubah dan mengembalikan semula keyakinan dan kepercayaan orang Melayu kepada pemimpin-pemimpin terhadap kekusutan yang kian mencengkam. Langkah-langkah segera perlulah diambil agar ianya tidak menjadi satu laungan dan cadangan yang bergema hanya untuk seketika dan terus malap lalu padam. Pada merekalah terletaklah harapan beliau agar semangat orang-orang Melayu ditiupkan kembali sepertimana semangat orang Melayu di masa

lalu.

Sementara itu, peranan dan sumbangan dalam membantu perkembangan UMNO juga tidak seharusnya dilupakan. Walaupun sumbangan wanita ini tidak mendapat publisiti yang meluas dari media massa, namun bagi Mahathir ianya bukanlah bermakna sumbangan mereka tidak dihargai dan dilupakan. Lain hulu lain parang, lain dahulu lain sekarang. Begitulah yang diumpamakan oleh Mahathir kepada golongan-golongan yang cuba menjatuh atau merosakkan nama baik UMNO.

Jika dahulu begitu mudah untuk membezakan di antara musuh dan kawan, tetapi sekarang ianya begitu sukar untuk ditentukan. Kadangkala rakan yang dianggap sahabat yang setia berkemungkinan ianya seorang yang bertanggungjawab dalam menyebarkan atau mengkritik semua perbuatan UMNO.

Menurut beliau musuh dalam selimut inilah yang ditakuti dan sukar dikesan. Ternyata lagak pihak musuh yang menukar taktik dan menyamar sebagai penyokong secara tidak langsung, telah menyebabkan penentuan sikap ahli UMNO terhadap mereka tidak begitu mudah. Terpengaruh dengan sikap simpati musuh jenis ini, sebahagian dari ahli UMNO tidak lagi menganggap mereka itu sebagai musuh yang ingin menghancurkan UMNO, tetapi sebagai penyokong di luar pagar.

Manifestasi dari itu mula kedapatan ahli UMNO yang sanggup menerima sokongan dari orang di luar pagar itu dan selepas dari itu ahli UMNO pula menjadi penyokong orang tersebut apabila mereka mengecam UMNO. Dengan itu, maka hilanglah keutuhan UMNO dan dianya menjadi satu gelanggang di mana berbagai pendapat dan desakan dipertarungkan. UMNO dalam bentuk itu, tidak lagi parti politik seperti dahulu, tetapi adalah semata-mata forum atau gelanggang perbahasan yang bebas.

Apabila UMNO sudah menjadi forum dan bukan bertindak sebagai parti lagi maka lebih ramai lagi munculnya mereka yang ingin menggunakan gelanggang itu untuk mencari pengaruh sepertimana kata Mahathir, "mereka membuat berbagai analisa yang kononnya berilmiah dan mereka juga menonjolkan masalah dan perkara yang kata mereka perlu diperjuangkan oleh UMNO demi, bukan sahaja kebaikan orang Melayu dan negara, tetapi juga demi kebahagiaan UMNO sendiri. Malangnya kadangkala apa yang diperlakukan oleh mereka jauh

menyimpang dari apa yang diucapkan.”

Fenomena itu tidak mendapat reaksi yang hangat di kalangan pemerhati-pemerhati politik. Ada yang berpendapat bahawa perbuatan seperti itu akan menghancurkan UMNO. Tidak kurang bagi mereka yang sudah terpengaruh membuat gesaan agar UMNO membersihkan diri dahulu, kemudian barulah bersatupadu dan mengukuhkan semula UMNO. Walau bagaimanapun masih ada suara yang meragu-ragukan perbuatan tersebut. Tetapi pada pendapat Mahathir, perubahan sikap sudah jauh berjalan dan mereka yang masih ragu diberitahu, adalah lebih baik UMNO hancur daripada keburukan yang ditonjolkan oleh pihak luar, terus berlaku.

Walaupun pendapat beliau mendapat kritikan dan dianggap keterlaluan, beliau tetap menyuarakannya selagi ianya berpijak kepada realiti. Menurut beliau ahli UMNO sekarang lebih berminat mendengar, membaca dan mempertahankan bukan sahaja pendapat orang yang mengkritik dari luar, malah ada yang mempertahankan pengkritik-pengkritik tersebut seolah-olah mereka yang menjadi pemimpin UMNO. Sementara kegelishan dalam UMNO berlaku dan UMNO mungkin lemah, orang itu atau pengkritik-pengkritik itu terus hidup bahagian.

Semua itu berlaku kerana orang Melayu, termasuk pengkritik-pengkritik tadi dan ahli UMNO sendiri tidak merasa tertindas lagi seperti mereka yang mempelopori UMNO dahulu. Hasilnya kejayaan bukan sahaja mengancam dan meretakkan perpaduan di kalangan orang UMNO dan orang Melayu, tetapi ada banyak lagi kesan yang buruk akan timbul. Bagi beliau, kesan buruk tadi akan mengembalikan orang Melayu kepada keadaan dahulu, keadaan mereka berpuak-puak, berpecah-belah, lemah dan ditindas serta dijajah di tanahair sendiri.

Meskipun perpaduan wujud di kalangan orang Melayu dan ahli UMNO, ianya tidak akan berhasil jika tidak ada kesanggupan dan keupayaan bersaing dalam semua bidang. Kuasa politik yang datang dari perpaduan yang kukuh boleh menolong persaingan tersebut, tetapi kuasa politik bukan kuasa muktamad untuk menentukan kemenangan. Kuasa muktamad ialah kecekapan dan kesanggupan dalam menghadapi aneka jenis halangan dan tekanan.

Kepercayaan bahawa semua masalah boleh diatasi dengan kuasa politik adalah khayalan. Seperti kata beliau, “kuasa politik mungkin membuka peluang bagi kita menyerap ilmu,

atau memasuki sesuatu jurusan perniagaan, atau mendapat jawatan. Tetapi sama ada kita berjaya menyerap ilmu, mendapat keuntungan perniagaan atau menjalankan tugas dengan sempurna cuma boleh ditentukan oleh kita sendiri, oleh usaha dan ketekunan kita, dan kecekapan yang ada pada kita."

Bagaimanapun setiap pemimpin terpaksa menghadapi berbagai masalah dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka. Masalah paling utama yang mencengkam pemimpin tersebut ialah kepopularan. Sebagai pemimpin dalam sebuah negara yang demokratik, mereka mungkin tidak popular jika mereka tidak sanggup mengguna atau lebih tepat lagi menyalahguna kuasa politik untuk bukan sahaja memberi peluang tetapi untuk menentu dengan tepatnya hasil yang mereka idamkan.

Desakan akan datang sepanjang masa supaya kuasa politik digunakan bukan sahaja untuk membuka peluang, tetapi kejayaan peluang itu yang ditentukan oleh kuasa politik. Walau bagaimanapun ianya akan menimbulkan masalah di mana jika kuasa politik digunakan untuk menjayakan peluang, maka kehilangan kuasa politik akan membawa kegagalan walau apa pun peluang diberi. Menurut Mahathir, orang yang menggunakan kuasa politik untuk mengatasi semua masalah dan cabaran, akan lumpuh dan gagal apabila dipisahkan dari kuasa politik. Beliau menyifatkan penyalahgunaan kuasa politik yang berlebihan bukan sahaja memudahkan pihak musuh mencapai kejayaan tetapi juga merugikan, bukan sahaja UMNO malahan orang-orang Melayu dari terus memegang kuasa politiknya.

Bagi mereka yang cekap dan berkebolehan, tidak adanya kuasa politik kepada mereka tidak mengancam diri mereka. Mereka terus berada dan secara tidak langsung berkuasa termasuk dalam bidang politik. Memandang kepada hakikat inilah beliau menyeru agar setiap pemimpin menggunakan kesempatan ini, di waktu mereka mempunyai kuasa politik, untuk melengkapkan diri dalam berbagai bidang. Mereka haruslah berusaha supaya tidak selalu bergantung kepada kuasa politik sahaja. Soalnya, ialah apakah UMNO sebagai parti politik yang bertanggungjawab sanggup mencegah perbuatan mengguna kuasa politik untuk serba-serbi tanpa mengambilkira kesannya? Tanya Mahathir.

Kepimpinan dalam demokrasi memanglah menjadi satu perkara yang rumit dan sebenarnya bertentangan dengan

prinsip dan asas demokrasi. Pemimpin perlu memimpin, iaitu menunjuk jalan kepada pengikut yang sudah tentu lebih ramai. Sebaliknya demokrasi berkehendakkan supaya pendapat ramai diikuti. Ini bermakna jika pengikut yang ramai mahu sesuatu pemimpin terpaksa turut.

Di sinilah letaknya kekeliruan dan masalah bagi pemimpin-pemimpin sekarang. Citarasa dan kehendak pemimpin dengan ahli kuasa tidak lagi sama seperti zaman UMNO dahulu. Zaman dan suasana berubah. Hasil usaha musuh UMNO serta perubahan inilah sudah mencetuskan keadaan yang mana bukan sahaja pendapat ahli, kadangkala berbeza dengan pemimpin, tetapi juga bertentangan terus dengan pemimpin.

Soalnya, ialah apakah pemimpin perlu menurut semata-mata atau memimpin sama. Bagi Mahathir, pemimpin yang semata-mata menurut bukanlah pemimpin sebenarnya. Ia lebih merupakan oportunist yang cuba mengguna pendapat ramai untuk mendapat tempat bagi dirinya. Pemimpin yang berguna dalam demokrasi mestilah memimpin di samping menurut. Menurut beliau lagi, memanglah sukar memimpin di waktu menurut tetapi perbuatan itu tidak mustahil. Pemimpin minat kerana mereka mempunyai kebolehan yang lebih daripada yang lain. Kebolehan itu tentulah juga berasaskan kepada pengetahuan yang lebih. Melalui pengetahuan ini pemimpin dapat menilai sesuatu dengan lebih tepat dan waras. Jika pemimpin tidak oportunist nilai yang dibuat olehnya mestilah disampaikan kepada pengikutnya supaya mereka pula akan dipandu dengan maklumat tambahan ini. Dengan itu pemimpin menjadi penurut sahaja tetapi benar-benar menjadi pemimpin dalam konteks demokrasi.

Bagaimanapun, memimpin cara begini adalah sukar. Jika tidak kena gaya, pemimpin jenis ini akan hilang popularitinya, akan tersingkir atau mungkin tersungkur. Oleh itu keberanian adalah perlu. Pada beliau pemimpin yang tidak berani pegang kepada apa yang diketahuinya adalah baik tetapi jika cuma menyesuaikan dirinya sepanjang masa adalah pengecut. Pemimpin begini yang hanya mementingkan populariti dirinya lebih dari kebaikan akan membawa pengikutnya ke lembah kehinaan dan kehancuran.

Beliau juga mengingatkan supaya pemimpin tidak seharusnya menganggap bahawa perbuatan menentang, sama ada menentang suara ramai atau menentang pemimpin atasan, bermakna keberanian dan kematangan kepimpinan. Pada

beliau, berani menentang sahaja belum menjadikan seseorang itu pemimpin yang benar. Keberaniannya mestilah berasas kepada yang benar dan diiringi dengan kewarasan fikiran serta kejujuran.

Memang tidak dapat dinafikan Mahathir adalah seorang pemimpin yang berani mempertahankan pendapatnya dan seterusnya melaksanakannya walaupun ianya mungkin menimbulkan kontraversi. Pilihanraya UMNO 1978 bagi menentukan pemilihan calon-calon wanita dan pemuda bagi menggantikan tempat calon yang lama, telah membuktikan kebenaran kata-katanya. Pilihanraya tersebut bukan sahaja mencatat sejarah, malahan memberi peluang kepada calon-calon wanita dan pemuda mewujudkan kredibiliti mereka.

Di awal perancangan ini terdapat berbagai kemungkinan yang ditimbulkan oleh golongan-golongan yang tidak bersetuju. Ada yang berpendapat bahawa pemindahan kuasa dari satu generasi kepada satu generasi tidak harus dirancang. Kedapatan juga mereka yang berpendapat bahawa penentuan pemimpin yang akan mewarisi kuasa perlu dibuat selepas yang lama dan usang mengundur diri. Tidak kurang pula yang berpendapat satu rebutan kuasa patut diadakan demokratik dan tidak boleh dipengaruhi oleh kepimpinan yang ada.

Mahathir tidak menafikan bahawa penentuan *second echelon leadership* di waktu pemimpin lama masih ada dan berkuasa, boleh dipengaruhi oleh cara-cara fikiran dan falsafah yang sudah ada dan menyekat fikiran yang berbeza dan radikal daripada berkembang. Tetapi pada hakikatnya setiap parti mestilah ada prinsip perjuangannya yang tetap dan tertentu. Bagi beliau, perubahan secara radikal akan menjadikan parti itu, parti lain sama sekali - iaitu parti yang asal secara tidak langsung sudah dibubarkan dan diganti dengan yang baru.

Keduanya, pemindahan kepimpinan di waktu pemimpin lama masih ada tidak menyekat penyerapan idea dan cara baru yang sesuai dengan prinsip parti. Kepimpinan baru tetap membawa perubahan tetapi kuasa cara pemindahan kepimpinan dilakukan, parti akan kekal dalam bentuk asal dan tubuh badan parti tidak boleh diperalatkan oleh mereka yang tidak menerima prinsip perjuangan parti tetapi ingin mengguna tenaga dan alatan yang ada kepada parti secara *ready-made* untuk tujuan lain.

Jangan gugurkan tradisi semata-mata kerana ianya tradisi



dan jangan percaya kepada yang baru semata-mata kerana ianya baru. Inilah yang diperingatkan oleh Mahathir. Pertubuhan UMNO yang berlandaskan kepada konsep demokrasi dan perpaduan di kalangan ahli adalah aspek utama dalam mengeratkan lagi hubungan di antara mereka dan mengajar mereka supaya dapat menerima sesuatu kekalahan dengan hati yang terbuka. Oleh itu tradisi tersebut perlulah dikekalkan. Bagi beliau, tidak ada mereka bagi kita mengeneipkan atau memusnahkan sesuatu tradisi jika akibatnya ialah tidak ada lagi parti yang kita akan warisi.

Didorong oleh rasa kebimbangan dan kekhuatiran, Mahathir dalam kewujudan semakin ramai, pengkritik dari kalangan pemimpin muda yang tidak memahami proses sejarah kejayaan UMNO yang sebenar telah menyebabkan beliau mencadangkan agar satu rancangan dan usaha untuk menyediakan diri untuk mengambilalih tugas mestilah dibuat. Persediaan diri yang dimaksudkan ialah penyerapan secara sistematik sejarah dan asas perjuangan UMNO selain dari asas-asas kepimpinan yang berkesan.

Jika dilihat kembali tidak dapat dinafikan, di antara strategi UMNO yang telah memberi kemenangan kepadanya sejak tahun 1951 ialah kesederhanaan dan kesanggupan bekerjasama dengan parti-parti lain asalkan tidak menjejaskan hasrat perjuangan UMNO. Bagi beliau, strategi tersebut adalah penting kerana kejatuhan lain-lain parti, lain-lain bangsa, bahkan lain-lain negara adalah disebabkan oleh tamak dan sikap yang melampau. Adalah lebih baik UMNO berjaya sekadar yang boleh (yang praktikal) daripada mencuba merebut segala-galanya tetapi akhirnya semuanya tercicir.

Kesederhanaan UMNO bukan disebabkan oleh kurangnya keberanian tetapi berasas kepada perhitungan yang waras yang tidak dikongkong oleh perasaan dan nafsu. Kesederhanaan UMNO adalah kesederhanaan yang menguatkan kejayaan perjuangan untuk agama, bangsa dan tanahair lebih dari kepuasanhati. Perkara-perkara inilah yang seharusnya diserapkan kepada pemimpin-pemimpin muda agar anasir-anasir jahat yang cuba memecahbelahkan UMNO tidak dapat sewenang-wenangnya menyucuk jarum ke atas pemimpin-pemimpin tadi.

Di samping itu dalam soal ke Melayuan atau ke Bumiputeraan, Mahathir mengingatkan agar pemimpin-pemimpin muda tidak terlalu lantang menyambut cabaran

musuh dengan cuba membuktikan bahawa UMNO lebih kuat semangat perkaumannya dari mereka dan mempamerkan kejayaan yang dicapai dalam memperjuangkan kepentingan orang-orang Melayu.

Dengan latah dan telatah itu, bukan sahaja akan memberi kesan yang negatif terhadap hubungan dengan parti-parti lain malah ianya akan menjadi topik utama bagi pihak-pihak musuh memperhebatkan propaganda mereka bagi menjatuhkan UMNO. Mahathir tidak mahu perisitwa tersebut berulang lagi sepertimana yang berlaku pada tahun 1969 dan 1978, di mana kekalahan beberapa calon UMNO dalam pilihanraya pada tahun itu adalah disebabkan percubaan beberapa orang pemimpin UMNO membuktikan semangat perkauman orang-orang Melayu adalah lebih kuat dari pihak musuh dan membelakangkan kesederhanaan yang menjadi asas perjuangan UMNO.

Sebagai seorang yang berpegang teguh kepada agama Islam, Mahathir tidak lupa menyentuh mengenai peranan agama Islam dalam menentukan kekukuhan parti UMNO. Bagi beliau, seperkara yang harus diberi perhatian ialah perkembangan tafsiran agama Islam yang tersendiri-tafsiran yang dibuat bukan berasas agama dan ajaran-ajarannya tetapi kerana satu perlumbaan yang sudah wujud di kalangan orang Islam di negara ini dan juga di negara Islam dan masyarakat Islam yang lain. Tafsiran moden yang mengikut kehendak hati itu merbahaya kerana akibatnya ialah pecah-belah, sengketa, kekeliruan dan kelemahan bagi orang Islam dan negara-negara mereka.

Sehubungan dengan itu, beliau memberikan contoh negara-negara dan bangsa yang lebih dahulu Islam dan begitu kukuh pegangan mereka kepada agama Islam boleh menolak agama Islam dan menjadi komunis semata-mata perbuatan menyalah tafsirkan agama mengikut kehendak hati dan hasrat diri atau hasrat kumpulan tertentu. Ada yang berkata Islam adalah sosialisme asli dan ada yang berkata Islam adalah ideologi. Setelah kekeliruan wujud maka dengan mudahnya kumpulan anti-Islam merebut kuasa.

Dalam bidang dakwah juga ada perlumbaan. Bukan untuk dakwah sebenarnya tetapi menurut beliau untuk menunjuk-nunjuk kononnya dakwah yang dijalankan oleh diri sendiri adalah lebih berkesan dan lebih Islam dari dakwah pihak lain.

Apa yang penting bagi mereka bukannya dakwah tetapi rupa dakwah. Bagi maksud tersebut sekali lagi perpaduan dan persaudaraan dalam agama Islam di belakangkan, walaupun firman Tuhan mewajibkannya. Apa yang penting ialah kelebihan diri dari orang lain, dalam kegiatan yang mereka anggap sebagai dakwah.

Hasrat menunjuk keistimewaan dan kekuatan dakwah setengah-setengah dari mereka sudah sampai ke peringkat menafikan ajaran Al-Quran yang tidak secukup dengan kehendak hati mereka dan mengutamakan firman, hadis dan sunnah yang ditafsirkan oleh mereka sendiri. Dengan itu timbullah kumpulan-kumpulan yang ingin mencapai jalan yang mudah ke syurga dengan melakukan perbuatan jenayah di tengah malam. Jika ini tidak dihalang dan dihentikan, akan ada kumpulan lain pula yang ingin tunjuk bahawa kononnya untuk Islam mereka sanggup melakukan perbuatan yang lebih dari yang telah dilakukan - mungkin termasuk pembunuhan.

Demikian riak perlumbaan yang sedang berlaku di kalangan setengah-setengah orang Islam di Malaysia sepertimana yang diterangkan oleh Mahathir. Perbuatan mereka memberi gambaran bahawa Islam adalah satu agama yang aneh dan tidak toleran serta kejam kepada orang yang bukan Islam. Malangnya, pada pendapat mereka yang menurut Mahathir, kononnya menjalankan dakwah Islamiah secara ini, beranggapan bahawa adalah lebih penting kita membersihkan Islam di kalangan orang Islam sendiri sebelum kita cuba menarik orang yang bukan Islam supaya memandang tinggi dan menerima ajaran agama Islam.

Apa yang lebih membimbangkan Mahathir, ialah gejala itu akan mempengaruhi sebilangan pemimpin yang kekurangan iman lalu cuba mewujudkan satu keadaan yang kucar-kacir. Aliran tersebut bukan sahaja bahaya kepada pertubuhan UMNO sebagai parti politik tetapi juga kepada agama Islam sendiri dan semua orang Melayu.

Tegasnya, Mahathir mahu orang-orang Melayu menggembeling tenaga dalam mencapai perpaduan, dan cuba menghindar gejala-gejala buruk yang cuba menjatuhkan keutuhan parti UMNO. Begitu juga dengan pemimpin-pemimpin yang seharusnya lebih bertenaga dan beramanah dalam menaikkan nama UMNO.

## Ekonomi

Dari tinjauan Mahathir mengenai keadaan ekonomi negara, didapati semenjak terlancarnya Dasar Ekonomi Baru, bumiputera telah mula mengorak langkah untuk lebih bergiat di dalam berbagai-bagai bidang ekonomi negara. Kerajaan telah menetapkan tahun 1990 sebagai target tercapainya matlamat di mana 30% daripada ekonomi negara ini dikuasai oleh kaum bumiputera. Ramai di kalangan bumiputera yang telah cuba bergiat di dalam bidang ekonomi tetapi tidak semuanya beroleh kejayaan. Ini telah menjadi perkara biasa di dalam peniagaan. Namun begitu, Mahathir berpendapat bumiputera masih tidak mampu mengalami kegagalan yang tinggi disebabkan masa yang singkat untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Di bidang perdagangan dan perindustrian, kerajaan mahu supaya bumiputera menubuhkan projek-projek bercorak perindustrian, memiliki saham-saham di dalam projek perindustrian dan menjadi pengedar barang-barang keluaran dari kilang-kilang yang didirikan di negara ini. Berbagai-bagai peraturan yang memberi peluang dan kesempatan kepada bumiputera untuk menyertai bidang-bidang tersebut diadakan tetapi prestasi dan pencapaian bumiputera di bidang tersebut masih jauh tertinggal dari apa yang dirancangan. Ini dapat dibuktikan melalui projek-projek perindustrian yang telah diluluskan bagi tahun 1969 - 1975. Dari kesemua projek-projek yang telah diluluskan dan yang melibatkan modal aquti sebanyak \$200.92 juta hanya 216 projek sahaja menjadi kepunyaan bumiputera. Kebanyakan dari projek-projek ini adalah projek-projek yang kecil dan tidak pula dipunyai oleh 100% bumiputera.

Dari segi pemilikan saham-saham di dalam syarikat-syarikat perindustrian yang telah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, keadaan yang sama dihadapi bagi tempoh 7 tahun iaitu dari tahun 1969-1975. Pengambilan saham-saham tersebut kurang mendapat sambutan walaupun peruntukan equiti kepada bumiputera telah bertambah. Dari modal sebanyak \$3,559 juta yang dicadangkan (proposed share capital), \$911 juta daripadanya adalah jumlah saham yang dikhaskan kepada bumiputera di dalam syarikat-syarikat yang diluluskan. Dari jumlah equiti ini jumlah modal sebenar yang dipanggil bagi projek yang dilaksanakan (implemened projects) ialah \$1,472 juta yang mana 364 juta adalah dikhaskan kepada

bumiputera. Namun begitu cuma \$22.5 juta sahaja yang telah dibeli dan dimiliki oleh bumiputera. Penglibatan orang perseorangan dan syarikat-syarikat bumiputera kurang aktif sepertimana yang diharapkan oleh kerajaan memandangkan hanya 37.1% dari lebih kurang \$138.6 juta saham dikhaskan untuk bumiputera dalam projek-projek perindustrian yang telah dilaksanakan sahaja, pelaburan dan penanaman modal dibuat. Manakala 62.9% dari saham-saham sebenar yang dikhaskan itu telah dibeli oleh institusi bumiputera.

Menurut beliau, salah satu sebab yang membuatkan pelaburan modal bumiputera tidak mencapai peringkat yang dikehendaki ialah kerana saham yang ditawarkan tidak menjamin keuntungan bagi pelaburan. Kegagalan perniagaan yang disertai oleh pelabur bumiputera yang mempunyai modal yang kecil, akan memusnahkan terus modal yang kecil ini, begitulah juga sekiranya pelaburan yang memberi keuntungan yang besar tetapi tidak sebesar yang dijangkakan. Oleh sebab itulah Mahathir menyarankan supaya pelaburan secara Unit Trust dibuat daripada pelaburan secara langsung dalam perniagaan tertentu.

Dengan cara ini kegagalan sesuatu perniagaan dapat dikurangkan dengan adanya kejayaan perniagaan yang lain dan ianya juga membolehkan pelaburan yang kecil dibuat berkali-kali seperti simpanan wang. Sekiranya pelaburan yang dilakukan secara Unit Trust mengalami kerugian, ianya tidak akan mencapai peringkat yang terlalu tinggi umpamanya dalam pasaran saham ada syarikat yang sahamnya telah jatuh dari \$1 menjadi 20 sen tetapi saham Amanah MARA cuma jatuh beberapa sen sahaja.

Bumiputera yang menjadi pengedar barang-barang hanya mengedar barang-barang seperti bahan-bahan binaan, makanan dan kenderaan sahaja. Keadaan ini terjadi mungkin disebabkan oleh kekurangan modal, kemahiran dan hubungan perniagaan. Mahathir juga melahirkan rasa kesalnya terhadap setengah-setengah kaum bumiputera yang mengambil kesempatan dari amalan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang menghadkan 30% daripada paras kuota untuk bumiputera dengan hanya mengedar barang-barang yang diimpot yang dikenakan sekatan kuota sahaja.

Barang-barang yang dikenakan sekatan kuota ini adalah sebahagian kecil sahaja dari barang-barang yang diimpot dan

sekatan-sekatan quota yang dikenakan adalah sementara sahaja. Oleh itu, beliau mengalakkan supaya bumiputera berdagang dan mengedar barang-barang dari berbagai jenis kerana dengan cara yang sedemikian sahaja tujuan asal kerajaan untuk mewujudkan satu golongan bumiputera dalam bidang perniagaan akan dapat dicapai.

Dalam melengkapkan kaum bumiputera supaya setanding dengan kaum-kaum lain yang mempunyai banyak pengalaman dan kemahiran di dalam bidang perdagangan dan perindustrian, kerajaan akan memberi latihan dan pimpinan yang khas kepada bumiputera. Pusat Daya Pengeluaran Negara umpamanya diadakan untuk mewujudkan golongan penyelia-penyelia dan pengurus-pengurus bumiputera yang terlatih di bidang teknik-teknik pengurusan moden. Menurut Mahathir kelemahan bumiputera ialah dalam bidang pengurusan. Oleh itu, untuk berjaya dalam bidang perniagaan, kecekapan mengurus mestilah ada pada bumiputera. Matlamat Dasar Ekonomi Baru akan tercapai seandainya kerjasama dan sumbangan dari semua pihak iaitu dari pihak kerajaan, swasta, pertubuhan-pertubuhan seperti Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu dan Bumiputera sendiri diperolehi.

Segala rancangan yang membabitkan pembangunan rakyat tidak seharusnya berdasarkan kepada rancangan yang disediakan oleh kerajaan semata-mata, sebaliknya pendapat atau kehendak rakyat mestilah dibincangkan dan ditentukan terlebih dahulu. Rancangan Malaysia Kedua yang berlandaskan Dasar Ekonomi Baru telah habis tempoh perlaksanaannya namun perasaan tidak puas hati masih dirasai kerana pelaksanaan rancangan menyusun semula masyarakat masih belum dapat menjamin kestabilan dan ketahanan negara.

Rancangan Malaysia Kedua telah memberi nafas baru kepada usaha-usaha pembangunan terutama pembangunan di luar bandar. Golongan rakyat luar bandar memerlukan perhatian yang lebih kerana golongan ini tertinggal dalam semua bidang. Oleh sebab itulah Rancangan Malaysia Ketiga diadakan untuk melanjutkan usaha-usaha yang lepas. Menurut Mahathir, kerajaan akan menitikberatkan sebahagian besar daripada masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat, di samping mendidik mereka supaya mengubah sikap mengikut nilai-nilai hidup moden.

Masyarakat perlu mengambil peluang menyertai dan

memainkan peranan masing-masing dalam usaha pembangunan bagi melahirkan warganegara baru dalam konteks satu bangsa Malaysia yang kukuh dan bersatupadu. Beliau juga berkata bahawa masalah yang akan timbul melibatkan manusia dalam zaman pembangunan iaitu sehingga akhir Rancangan Malaysia Keempat pada tahun 1985.

Akibat dari kesuburan yang tidak dikawal masalah kemiskinan pula timbul yang mana ia mendorong kerajaan melaksanakan rancangan-rancangan Pembangunan Negara seperti rancangan-rancangan lima tahun. Walaupun rancangan pembangunan yang lalu dapat menyediakan program ke arah meninggikan taraf hidup rakyat tetapi hingga kini masih belum dapat diatur satu program yang menumpukan perhatian terhadap keperluan Perancangan Kesuburan sebagai salah satu langkah membasmi kemunduran dan kemiskinan. Mahathir amat berminat dalam hal Perancangan Kesuburan yang merupakan batu asas kepada pembentukan sesebuah keluarga yang benar-benar sihat dan cergas dalam masyarakat Malaysia moden.

Masyarakat muda yang dilahirkan dalam keadaan sihat dan mendapat layanan serta didikan yang sempurna akan menjadi warganegara yang cergas dan bertanggungjawab. Soal Perancangan Kesuburan ini bukanlah menjadi tanggungjawab dan beban kerajaan semata-mata malah menjadi kewajipan kepada seluruh rakyat. Masalah kesuburan manusia sememangnya merupakan masalah individu tetapi ianya juga akan menjadi masalah masyarakat dan negara kerana individu tidak hidup berasingan ia hidup di dalam masyarakat dan negara. Oleh itu, masyarakat perlu menasihati individu dalam semua gerak-gerinya termasuk kesuburan.

Pendapatan negara bertambah adalah hasil daripada penurunan kesuburan daripada 3.0% setahun sebelum Rancangan Malaysia Kedua kepada 2.7% setahun sepanjang Rancangan Malaysia Kedua. Beliau berpendapat kelahiran manusia haruslah diperhatikan dari masa ke semasa dan untuk mencapai kejayaan di bidang pengawalan kelahiran, sikap masyarakat terhadap masalah ini haruslah ditukarkan terlebih dahulu supaya masyarakat faham akan dasar kerajaan terhadap Perancangan Kesuburan.

Perkembangan perindustrian dan penanaman modal dari negara asing amat digalakkan oleh kerajaan, bukan kerana

kerajaan memberi peluang kepada orang asing mencari kekayaan dan menguasai ekonomi negara tetapi dengan adanya penanaman modal dan pengwujudan perusahaan di negara ini, ia dapat memberikan peluang pekerjaan kepada orang yang masih menganggur. Perusahaan bukan sahaja mewujudkan peluang kerja tetapi ia juga memberi hasil lain kepada negara.

Rakyat keseluruhannya menuntut supaya diadakan kemudahan infrastruktur, sekolah dan berbagai lagi kemudahan dari kerajaan. Untuk membiayai semua kemudahan ini, cukai yang dikutip dari perusahaan-perusahaan mesti bertambah. Oleh sebab itu, perusahaan-perusahaan perlu diperbanyakkan dan cukai-cukai dapat dikutip dari syarikat dan tuan punya perniagaan yang memperolehi untung untuk diedar kepada rakyat keseluruhannya. Cukai yang dikenakan kepada syarikat yang tidak mempunyai taraf perintis ialah 40% dicampur dengan 5% cukai pembangunan.

Keuntungan bersih yang dibahagikan kepada pemegang saham setelah ditolak cukai masih boleh memberi faedah kepada kerajaan setiap kali pemodal membeli atau membayar untuk apa juga dari keuntungannya, kerajaan mendapat cukai lagi umpamanya pengusaha menggunakan wang keuntungannya untuk menyewa rumah, penerima sewa rumah terpaksa membayar cukai lagi. Dengan adanya perusahaan ini bukan saja dapat menolong kerajaan malah dapat juga menampung perbelanjaan semua pihak sama ada tuan punya perusahaan atau pekerja dan juga dapat menolong lain-lain peniaga dari orang yang menjual kopi hingga kepada kontraktor rumah.

Perusahaan tidak boleh dimiliki oleh kerajaan kerana keuntungan tidak selalu diperolehi. Sekiranya perusahaan yang dimiliki oleh kerajaan mengalami kerugian, kerajaan akan menanggung kerugian itu 100%. Apabila kerajaan mengalami kerugian, peruntukan untuk rakyat terpaksa dikurangkan. Sebaliknya jika perusahaan dimiliki oleh swasta, keuntungan akan diterima oleh kerajaan dan sekiranya rugi, ia hanya menjadi beban pihak swasta. Kerajaan tidak perlu mengeluarkan modal untuk mendapat keuntungan. Wang yang digunakan sebagai modal boleh digunakan untuk pembangunan negara dan menolong rakyat.

Kerajaan terpaksa juga mengawasi/perkembangan perniagaan dan perusahaan supaya tidak menimbulkan masalah kepada masyarakat. Oleh sebab itu, kerajaan membentuk Dasar



Ekonomi Baru. Kerajaan akan melibatkan diri dalam perusahaan tetapi tidak dengan tujuan menghalang kemajuan swasta sebaliknya kerajaan akan berusaha dan akan bekerjasama dengan pihak swasta supaya menghasilkan negara yang makmur dan penduduk yang mewah.

Sejak ekonomi bumiputera menjadi masalah nasional dikenali oleh semua, ramai yang mendakwa mereka tahu sebab-sebabnya dan tahu cara-cara mengatasinya. Berbagai-bagai cara telah diamalkan namun masalah ini tetap berterusan dan pada setiap tahun konvensyen, seminar dan bengkel tetap diadakan untuk membincangkan masalah ini. Ramai di antara mereka yang menyertai perbincangan ini mengamalkan cadangan mereka sendiri tetapi ianya tidak memberi kesan sepertimana yang diperkatakan di dalam thesis mereka.

Berbagai-bagai alasan dikemukakan setelah cadangan mereka gagal umpamanya halangan dari ketua mereka atau pemimpin kerajaan. Keadaan ini sudah tentu menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat yang sememangnya telah mempunyai perasaan irihati dan benci kepada orang atas yang mempunyai kedudukan yang tinggi. Walau bagaimanapun masalah yang dihadapi tetap juga tidak dapat diatasi.

Ekonomi bumiputera yang tidak seimbang dengan ekonomi orang-orang keturunan lain dan tidak mencapai taraf yang sejajar dengan pembangunan negara dan dunia moden telah menjadi masalah kepada negara. Masalah ini tidak dipersoalkan lagi walaupun ia tidak menjadi masalah satu kaum sahaja tetapi setiap kali dasar digubal atau tindakan diambil, kesan dan peranan kaum timbul dan suasana dikeruhkan. Suasana akan menjadi bertambah keruh lagi kerana banyak dari rancangan dan tindakan telah tidak mencapai sepenuhnya matlamat yang dituju.

Dalam perbincangan berkenaan ekonomi, soal miskin dan kaya amat menarik. Slogan seperti "yang kaya bertambah kaya dan yang miskin bertambah miskin" sentiasa mendapat sambutan dan sokongan dari orang ramai. Berbagai-bagai perbalahan ekonomi diluahkan semata-mata sebagai pengabdian kepada slogan golongan materialis atau sosialis ini. Golongan ini percaya bahawa kebahagiaan hidup berasas semata-mata kepada harta kekayaan. Seandainya didapati orang yang miskin sudah bertambah pendapatannya, ini diperkecilkan dengan berkata bahawa nilai matawang sudah

merosot. Kerugian atau kemerosotan yang dialami oleh yang kaya akibat dari susutan pendapatan kerana cukai yang tinggi atau kemerosotan pasaran tidak disebut sama sekali. Kenyataan yang menunjukkan bahawa si miskin sudah kurang miskin tidak diperakui dan dianggap bukan satu kenyataan. Mereka menyedari bahawa apa yang sebenarnya berlaku tetapi tidak berani menyuarakan pendapat mereka kerana takut pendapat mereka tidak suka didengar.

Beliau percaya bahawa setiap kali seminar diadakan pasti ada kertas-kertas kerja dibentangkan yang mendedah berbagai jenis kelemahan dalam dasar dan pelaksanaan dasar yang dilaksanakan. Walau bagaimanapun hujah yang menarik perhatian ramai ialah "walaupun Dasar Ekonomi Baru bertujuan meninggikan ekonomi bumiputera tetapi sebenarnya cuma segelintir sahaja yang merasai nikmat Dasar Ekonomi Baru."

Apabila hujah ini dikemukakan, cerita 100 orang jutawan bumiputera akan diperkatakan, yang mana ia akan menimbulkan perasaan benci terhadap orang-orang ini dan akan dijadikan lambang kegagalan Dasar Ekonomi Baru. Kecaman terhadap kegagalan Dasar Ekonomi Baru adalah menyeluruh kerana mereka berpendapat bahawa Dasar Ekonomi Baru cuma menjadikan segolongan kecil bumiputera kaya sementara yang lainnya tidak merasa nikmat Dasar Ekonomi Baru sama sekali.

Bagi Mahathir semua bumiputera telah mendapat nikmat dari Dasar Ekonomi Baru. Sebelum Dasar Ekonomi Baru dilancarkan, bilangan bumiputera yang mendapat pelajaran tinggi amatlah sedikit dan yang mendapat kelayakan post-graduate yang boleh membuat thesis dan teori berkenaan ekonomi bumiputera hampir tidak ada. Dengan terlancarnya Dasar Ekonomi Baru, telah ramai bumiputera yang mendapat pelajaran tinggi dan memperolehi pendapatan yang tinggi berbeza daripada pendapatan ibu bapa mereka.

Walaupun pendapatan mereka tidak menjadikan mereka jutawan tetapi menjadikan mereka kaya dari segi tafsiran atau pandangan orang yang miskin termasuk ibu bapa mereka sendiri. Oleh sebab itulah slogan yang menyatakan yang miskin bertambah miskin adalah tidak benar. Beliau berkata keadaan ini mungkin terjadi seandainya bumiputera itu berasal dari keluarga yang kaya yang tidak seharusnya menggunakan

peluang dalam Dasar Ekonomi Baru.

Mungkin dengan peluang yang diperolehi melalui Dasar Ekonomi Baru menyebabkan ia menjadi lebih miskin. Seandainya keadaan ini berlaku, dirinyalah yang patut dipersalahkan kerana sebagai anak kepada satu keluarga yang kaya, dia patut menolak peluang yang wujud dalam Dasar Ekonomi Baru kerana dasar tersebut adalah untuk yang miskin menjadi kaya.

Beliau tidak menafikan ada setengah orang kaya yang tamak dan suka menindas pekerja miskin tetapi di dalam Malaysia selain daripada terpaksa membahagikan kekayaan mereka supaya masyarakat dan golongan miskin merasai nikmatnya, berbagai undang-undang dan tindakan-tindakan disediakan untuk mengambil tindakan terhadap majikan yang kejam atau ganas. Peranan yang dimainkan oleh mereka yang berada itu tidak harus dinafikan semata-mata mahu menonjolkan ideologi atau kerana mahu memuaskan nafsu.

Perspektif terhadap fenomena miskin dan kaya adalah penting sekiranya kepincangan dalam ekonomi bumiputera mahu dibetulkan. Adalah mustahil menjadikan semua orang miskin kaya dengan sekaligus, serentak dan menyeluruh kerana orang kaya dan orang miskin saling perlu memerlukan antara satu sama lain. Malaysia memerangi kemiskinan secara absolute tetapi di Malaysia ini tidak mungkin berlaku kerana Malaysia adalah sebuah negara yang subur dan kaya dengan sumber alam.

Pada pandangan Mahathir, kebahagiaan dan kesejahteraan hidup manusia bukan berasas kepada kekayaan material semata-mata kerana ada nilai-nilai yang lebih tinggi yang boleh memberi kebahagiaan dan ketenangan jiwa umpamanya nilai rohaniah. Kesan dan peranan yang dimainkan oleh kekayaan material tidak harus dinafikan sehingga menolak semua kekayaan dengan berkempen menghapuskan kekayaan dan mengancam mereka yang berada. Jika kekayaan dikecam sebagai materialistik dan semua usaha mencari kekayaan sebagai perbuatan jenayah, bukan sahaja masyarakat menjadi keliru dan tidak tentu arah bahkan semua individu bumiputera akan hilang haluan.

Hipokrisi akan menguasai semua lapisan masyarakat sehingga mereka yang telah menjadi kaya hasil daripada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru turut mengecam kekayaan yang kononnya

bertentangan dengan kerohanian. Beliau berkata seandainya pada tahun 1990 masih ada bumiputera yang tidak menjadi jutawan, profesor atau ketua jabatan, ini tidaklah bermakna yang Dasar Ekonomi Baru telah gagal kerana ramai yang mendapat sedikit sebanyak nikmat dari perlaksanaannya.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, kerajaan mencadangkan penubuhan satu Kumpulan Wang Pelaburan Bumiputera dengan modal permulaan sebanyak \$200 juta. Kumpulan Wang Pelaburan Bumiputera ini diadakan bertujuan mendapatkan dan memegang amanah saham-saham yang telah diperuntukan kepada masyarakat bumiputera di bawah Dasar Ekonomi Baru yang tidak dapat atau tidak mungkin dimiliki oleh bumiputera.

Disebabkan Kumpulan Wang Pelaburan Bumiputera di pertanggungjawabkan kepada Mahathir sejak tahun 1976. Beliau telah mengambil perhatian terhadap dua faktor iaitu wang sebanyak \$200 juta yang telah diperuntukan kepada Kumpulan Wang Pelaburan Bumiputera di bawah Belanjawan Pembangunan Kerajaan dapat digunakan sepenuhnya dan dengan berkesan ke arah pencapaian matlamat kumpulan wang itu selaras dengan matlamat dan tujuan dasar kerajaan.

Selain daripada itu, Kumpulan Wang itu akan diberi tanggungjawab dengan jumlah kumpulan wang yang lebih besar dari kerajaan dan lain-lain punca. Beliau juga berkata adalah sangat perlu Kumpulan Wang itu diurus dan diselenggarakan dengan baik serta mendapat kepercayaan penuh orang ramai terhadap keselamatan sumber-sumber yang diletakkan di bawah jagaannya bagi kepentingan Kumpulan Wang dan siapa juga yang melabur di dalam kumpulan wang itu. Kumpulan Wang itu mestilah berupaya mengembelikan simpanan masyarakat bumiputera sebagai tambahan kepada sumber-sumber yang disediakan oleh kerajaan. Bagi mencapai kejayaan kumpulan Pelaburan Bumiputera ini, sokongan dari kumpulan pengurusan yang kukuh, jujur dan berkesan serta mempunyai pandangan dan pemikiran yang luas dalam menggunakan Kumpulan Wang itu sepenuh-penuhnya amat diperlukan.

Sebagai satu perbadanan kewangan yang paling besar yang wujud di negara, ianya dapat membantu meningkatkan dan memperbaiki pengalaman dan kecekapan sistem kewangan terutamanya mengenai pasaran modal. Oleh kerana Kumpulan Wang yang dicadangkan itu amat penting, Mahathir

memutuskan bahawa satu kumpulan pakar-pakar dari masyarakat kewangan dan perniagaan harus diberitahu mengenai penubuhan perbadanan baru ini. Beliau telah meminta Tun Ismail bin Md Ali, Gabenor Bank Negara Malaysia pada ketika itu mengetuai satu Badan Petugas yang terdiri dari orang-orang perseorangan yang telah mendapat kehormatan yang tinggi di atas kecekapan dan kejujuran dalam bidang-bidang kewangan, perniagaan dan pengurusan, supaya mengkaji bentuk, struktur dan pengurusan Kumpulan Wang Pelaburan Bumiputera itu. Jawatankuasa Kerja itu telah mengemukakan cadangan dan perakuannya yang mengandungi enam sifat utama yang difikirkan penting bagi menjayakan pelaksanaan Kumpulan Wang Pelaburan Bumiputera.

- Pertama: Kumpulan wang itu mestilah tidak mempunyai batasan modal bagi membolehkan pembelian saham yang tidak terhad oleh masyarakat bumiputera.
- Kedua: Satu kumpulan pengurusan yang kukuh, jujur dan berkesan harus diwujudkan.
- Ketiga: Kumpulan wang ini haruslah berbentuk badan perniagaan yang sebenarnya dengan kuasa melabur dalam semua jenis surat-surat jaminan dan meminjam.
- Keempat: Kumpulan wang ini harus memainkan peranannya sebagai daya penggerak dalam menggalakkan simpanan oleh masyarakat bumiputera.
- Kelima: Kumpulan wang ini mesti mempunyai keupayaan memegang dan mengeluarkan balik sumber-sumbernya untuk pelaburan seterusnya.
- Keenam: Bagi mewujudkan keyakinan, Kumpulan Wang ini mestilah bertanggungjawab kepada kerajaan supaya terselamat kumpulan wang yang telah disediakan oleh kerajaan dan dari sumber-sumber lain.

Jawatankuasa kerja mencadangkan bahawa satu organisasi tiga peringkat adalah yang paling sesuai bagi memenuhi keperluan matlamat Kumpulan Wang itu. Struktur Kumpulan Wang Pelaburan Bumiputera sekarang ini terdiri daripada bahagian tertingginya, satu yayasan yang dipanggil Yayasan Pelaburan Bumiputera yang telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat sebagai satu Syarikat Berhad dengan jaminan dan tidak

mempunyai sebarang modal saham. Yayasan itu telah menerima \$200 juta dalam bentuk grant dari pemegang-pemegang amanah telah dilantik.

Yayasan Pelaburan Bumiputera akan memiliki sepenuhnya satu syarikat pemegang pelaburan dipanggil permodalan Nasional Berhad di mana Lembaga Pengarahnya dilantik oleh Lembaga Pemegang Amanah yayasan tersebut. Peranan yang dimainkan oleh Lembaga Pengarah ini ialah untuk melaksanakan dasar-dasar yayasan ini mengikut prinsip dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pemegang-pemegang amanah.

Menurut Mahathir, syarikat ini dipanggil Permodalan Nasional Berhad adalah kerana tugasnya ialah menilai, memilih dan membeli satu portfolio yang baik, yang mempunyai keupayaan perkembangan yang cerah. Saham-saham itu akan dipegang oleh Permodalan Nasional Berhad sebagai amanah dan seterusnya dijual kepada amanah-amanah saham dan akhirnya langsung kepada masyarakat bumiputera. Modal yang dibayar bagi Permodalan Nasional Berhad sebanyak \$100 juta akan dibayar sepenuhnya oleh Yayasan Pelaburan Bumiputera. Yayasan Pelaburan Bumiputera akan memberi pinjaman sebanyak \$100 juta kepada syarikat itu sebagai tambahan. Dividen-dividen dan faedah yang akan diterima oleh Yayasan Pelaburan Bumiputera dari syarikat ini akan dilaburkan semula di dalam syarikat tersebut.

Permodalan Nasional Berhad akan menubuhkan satu syarikat pengurusan amanah saham yang dipanggil Amanah Saham Nasional Berhad, yang akan mengurus kumpulan wang amanah saham ini dan saham-saham yang akan dijual kepada masyarakat bumiputera. Memoranda Persatuan yayasan ini memberikan secara khas yang ianya bertanggungjawab kepada kerajaan melalui Lembaga Pemegang-pemegang Amanahnya. Di samping itu, taraf yayasan ini menjamin bahawa sumber-sumbernya akan dipegang dan dikeluarkan kembali terus-menerus ke arah pelaburan selanjutnya.

Permodalan Nasional Berhad akan membentuk satu bahagian urusan yayasan ini, yang mempunyai bentuk perniagaan yang perlu bagi memastikan kejayaannya di dalam bidang pembiayaan. Saham-saham yang akan dibeli oleh syarikat itu, dari masa ke semasa ialah dari syarikat-syarikat yang ingin mengeluarkan saham-saham mereka kepada masyarakat bumiputera, sebagai mematuhi Dasar Ekonomi Baru, dan

kemudiannya akan dijual kepada unit amanah saham.

Unit amanah saham ini akan menggunakan saham-saham ini bagi menyokong unit-unit saham yang akan dikeluarkan untuk jualan kepada masyarakat bumiputera. Oleh kerana unit amanah saham itu tidak mempunyai batasan modal, boleh mengeluarkan saham-saham baru atau menebus saham-sahamnya pada bila-bila masa mengikut budi bicaranya, pengurus-pengurus kumpulan wang amanah saham boleh mengeluarkan berapa banyak saham yang difikirkan perlu untuk memenuhi permintaan bagi simpanan dalam bentuk saham-saham oleh masyarakat bumiputera.

Pada masa yang sama, pemegang-pemegang saham serupa itu akan dibenarkan menebus saham-saham mereka pada bila-bila masa, kerana pengurus-pengurus terpaksa membeli balik saham-saham tersebut apabila dikehendaki. Oleh yang demikian, terdapat satu pasaran yang tersedia bagi saham-saham yang dikeluarkan kepada masyarakat bumiputera. Penubuhan syarikat pegangan pelaburan, Permodalan Nasional Berhad, dan unit amanah saham, akan melengkap dan menyempurnakan seluruh proses pengeluaran saham-saham oleh syarikat kepada masyarakat bumiputera.

Faktor yang penting bagi kejayaan dan berkesannya Yayasan Pelaburan Bumiputera itu ialah keupayaan pengurusan dan kejujuran ahli-ahli yayasan tersebut, pemegang-pemegang amanahnya, lembaga pengarah anak syarikat yayasan itu dan kakitangannya. Bagi menjamin supaya yayasan ini bertanggungjawab sepenuhnya kepada rakyat, kerajaan melalui 'Minister of Finance Incorporated' adalah ahli tunggal yang tetap bagi yayasan ini. Kepentingan kerajaan di dalam yayasan ini adalah dipenuhi oleh satu kumpulan yang kecil dan kemas oleh empat orang ahli biasa yang terdiri daripada Ketua Setiausaha Negara, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Gabenor Bank Negara Malaysia dan beliau sendiri.

Di dalam memilih pemegang-pemegang amanah yayasan itu, kerajaan sedar bahawa lembaga pemegang amanah yang telah diamanahkan dengan tanggungjawab yang berat bagi menjaga sumber-sumber yang banyak bagi yayasan ini di samping melaksanakan dasar-dasar dengan jayanya, seharusnya mencerminkan bukan sahaja satu pengalaman yang luas dalam bidang pembiayaan, perdagangan dan perusahaan di negara ini

tetapi juga perkhidmatan utama di sektor awam.

Mahathir telah dilantik menjadi Pengerusi Lembaga Pemegang-pemegang Amanah dengan Tengku Razaleigh Hamzah Menteri Kewangan pada waktu itu, sebagai Timbalan Pengerusi. Pemegang-pemegang amanah yang lain termasuklah Tun Ismail bin Md. Ali, Raja Tan Sri Azlan Shah dan Encik Geh Ik Cheong. Mahathir yakin dengan pengalaman yang luas, mutu pertimbangan yang bebas dan kejujuran yang ada pada pemegang-pemegang amanah itu, ianya akan menjadi sumber kekuatan dan keaslian dalam pembentukan dasar-dasar yayasan ini termasuklah mengawas pengurusan kumpulan-kumpulan wang dan pelaburannya.

Dalam usaha untuk meningkatkan pembayaran dan kemajuan negara pada tahap yang optima, koordinasi sistem penilaian dan penyelidikan impek pembangunan sosio-ekonomi adalah sangat mustahak. Perancangan pembangunan dan perlaksanaannya tidak akan mencapai tujuan-tujuannya dengan tepat jika penilaian yang betul tidak dibuat. Perancangan dan penilaian pembangunan harus berjalan serentak supaya hasil penilaian itu menjadi asas bagi memperbaiki perancangan dan penyusunan polisi yang lebih jitu bagi mencapai hasrat dan kehendak rakyat.

Mahathir khuatir, sekiranya sistem penilaian secara Bilik Gerakan Negara yang lama diamalkan di mana pengawalan perjalanan projek dan kemajuan-kemajuan fizikal, material dan ekonomi adalah diutamakan lebih dari penilaian kesan-kesan projek itu secara menyeluruh. Pengawalan projek penting untuk memastikan supaya projek-projek pembangunan negara berjalan dengan lancar dan sebarang kelemahan dapat dikesan dan diatasi dengan serta-merta.

Pembangunan negara adalah satu proses yang sangat rumit yang bukan sahaja berhadapan dengan masalah-masalah ekonomi, politik dan pentadbiran tetapi juga dengan masalah-masalah perubahan sosial dan pemikiran manusia dan masyarakat. Pakar-pakar ekonomi melihat pembangunan hanya sebagai satu proses perkembangan dan peningkatan kadar kemajuan ekonomi.

Sekiranya fahaman itu diteruskan dalam perancangan pembangunan negara dan penilaian pembangunan, akan timbul keadaan-keadaan di mana ekonomi negara berkembang dengan pesat tetapi masyarakat terutama mereka dari golongan



miskin akan menderita dan penuh rasa tidak puas hati terhadap kerajaan. Kemajuan ekonomi yang berjalan serentak dengan kemajuan sosial dan kerohanian masyarakat akan membuatkan pembangunan itu membawa penuh erti dan kestabilan negara.

Usaha penilaian memerlukan penyelidikan sosio-ekonomi yang rapi dan mendalam. Penyelidikan itu tidak harus terbatas kepada aspek-aspek pembangunan ekonomi, perkembangan infrastruktur dan manifestasi-manifestasi pembangunan yang boleh diukur dengan wang ringgit dan unit-unit pembinaan yang jelas dan nyata.

Mahathir berpendapat bahawa satu daripada aspek-aspek pembangunan yang sukar dinilai kadar penglibatan, komitmen dan penyertaan masyarakat terhadap projek-projek pembangunan yang telah, sedang dan akan diusahakan oleh kerajaan. Penyelidikan penilaian pembangunan yang tidak menumpukan perhatian kepada masalah-masalah ini, belum dapat dikatakan lengkap dan mendalam kerana walaupun kerajaan telah meluluskan lebih 20,000 projek pembangunan di bawah RMT, masih belum diketahui sama ada projek-projek itu benar-benar membawa manfaat kepada rakyat melalui penglibatan yang penuh.

Perpaduan rakyat juga merupakan aspek yang sukar dinilai kerana perpaduan dan rasa muhibah di kalangan rakyat berbagai keturunan itu adalah bermula dari hati sanubari sendiri. Dalam perlumbaan dan persaingan untuk memburu kemajuan dari pembangunan, mudah sekali bagi rakyat untuk menghadapi konflik dan pergeseran antara diri mereka sendiri. Jika keadaan itu berlaku maka kemajuan pembangunan akan memecah-belahkan rakyat. Perpaduan rakyat adalah asas utama bagi kemakmuran dan kestabilan negara.

Dalam usaha memperbaiki lagi sistem perancangan dan penilaian pembangunan, Mahathir yakin bahawa berbagai-bagai kelemahan yang masih terdapat dalam perancangan, pelaksanaan dan penilaian pembangunan sosio-ekonomi ialah kerana kurangnya penyelidikan yang bersungguh-sungguh. Perkara itu adalah akibat kurangnya pegawai-pegawai kerajaan sendiri dalam penilaian-penilaian projek pembangunan yang besar. Oleh itu amatlah penting untuk mewujudkan pakar-pakar penyelidikan dan perundingan sendiri kerana pakar-pakar itulah yang akan dapat melihat masalah dari segi ekonomi dan teknik pembangunan serta masalah dalaman seperti sikap,

nilai-nilai dan norma-norma hidup masyarakat.

Berhubung dengan masalah kecekapan, sikap dan kemampuan pegawai-pegawai pentadbir, pada beliau ketidakcekan seseorang pegawai adalah berpunca dari kurangnya latihan. Masalah ini dapat diatasi dengan memberikan mereka latihan-latihan tambahan. Apa yang menjadi masalah sekarang ialah sikap setengah-setengah pegawai yang tidak mahu menghadapi cabaran-cabaran baru, tidak dapat memahami masalah-masalah baru dan tidak mahu berikhtiar mencari cara-cara baru bagi mengatasi masalah dan mahu terus mengikuti cara lama.

Mereka yang berpendirian seperti itu tidak dapat ditolong lagi kecuali mereka mengubah sikap dan cara pemikiran mereka. Pengawasan dan penilaian pegawai-pegawai secara yang tegas adalah juga syarat penting bagi memastikan penyelenggaraan dan penilaian usaha pembangunan secara yang berkesan. Jika kelemahan-kelemahan pegawai itu dibiarkan, pelaksanaan dan penilaian projek-projek pembangunan akan terjejas.

Pada Mahathir, kecekapan sistem pentadbiran adalah bergantung kepada kebolehannya untuk menyampaikan segala kemudahan-kemudahan dan khidmat-khidmat yang sudah diperuntukan bagi rakyat mengikut kemampuan ekonomi negara dengan secepat mungkin dan dengan tidak membiarkan red-tape menyebabkan sebarang kelewatan. Rakyat harus mendapat faedah dan pembangunan untuk meninggikan nilai atau kualiti hidup mereka. Pembangunan tidak hanya dapat dilihat melalui pembinaan bangunan-bangunan besar, jalanraya-jalanraya yang cantik, kebun-kebun getah dan kelapa sawit yang luas, projek perairan yang besar dan sebagainya tetapi juga harus dirasai faedah dan nikmat hasilnya oleh rakyat.

## ISLAM : SATU HARAPAN KEPIMPINAN

Di awal kepimpinan beliau, Mahathir telah cuba menunjukkan beberapa perbezaan di antara corak kepimpinan yang lalu khususnya di dalam usaha-usaha untuk menegaskan peranan Islam dalam pentadbiran negara. Pendekatan-pendekatan yang beliau tunjukkan dalam berbagai aktiviti dan penglibatan yang bercorak Islam, berjaya mewujudkan suatu suasana baru terhadap peranan dan kepentingan Islam dalam negara.

Kesungguhan beliau untuk melihat satu kebangkitan Islam sebagai satu kuasa, dapat dilihat melalui beberapa aspek penglibatan, sama ada dalam usaha untuk membangunkan institusi-institusi Islam ataupun dalam penegasan yang beliau ucapkan, sebagai lambang pemikiran pada corak dan konsep keislaman yang diharapkan oleh beliau terjalin, di dalam konsep kehidupan rakyat di negara ini.

Sebagai seorang pemimpin, beliau menyedari bahawa pembentukan peribadi umat adalah salah satu tanggungjawabnya. Oleh kerana itulah, dengan penuh kesedaran dan berani beliau telah mengambil langkah-langkah yang wajar melaksanakan dasar penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran. Matlamat yang hendak dicapai melalui dasar ini dan beberapa dasar lain seumpamanya adalah untuk melahirkan insan yang berakhlak dan mempunyai tanggungjawab terhadap Pencipta dan dirinya. Di samping tanggungjawab terhadap masyarakat, bangsa, agama dan negara.

Untuk mencapai hasrat ini, beberapa projek pembangunan Islam telah dilaksanakan di bawah kepimpinan beliau setelah mengambil masa untuk merancang secara terperinci sebelum ianya dilaksanakan. Projek-projek seperti Universiti Islam Antarabangsa, Bank Islam dan Syarikat Takaful, merupakan projek-projek yang terjelma di bawah kepimpinan beliau dengan hasrat untuk melihat pendekatan dan citarasa Islam itu lebih mudah dicapai.

Bagaimanapun Mahathir sentiasa sedar bahawa tidak ada ertinya melancarkan berbagai-bagai bentuk institusi ekonomi yang bercorak Islam, sekiranya tidak kedapatan pengurus-pengurus untuk mengendalikannya. Pengetahuan yang mendalam tentang sistem Islam atau sistem perdagangan Islam sahaja tidak menjamin kejayaan sesuatu perniagaan yang dilandaskan kepada undang-undang Islam, jika kita tidak mempunyai mereka-mereka yang cekap untuk mengendalikan. Untuk mewujudkan kebolehan mentadbir, Institusi Ekonomi Islam seharusnya membuat pandangan dan tindakan yang patut dalam pemilihan pengurus-pengurus.

Kebolehan seseorang dan keikhlasan untuk melihat perdagangan dalam corak Islam berjaya, bersama-sama dengan syarat-syarat prinsip haruslah diberi keutamaan. Tidak perlu adanya rasa bimbang bahawa mereka yang mempunyai pengetahuan Islam yang sedikit atau yang kurang, akan melencong ataupun menyeleweng kerana setiap Institusi Ekonomi Islam mempunyai undang-undangnya sendiri yang menyelenggara dan memberi nasihat kepada sesuatu berkenaan dengan perkara-perkara agama.

Kejayaan Institusi-institusi Ekonomi Islam ini juga memberi makna yang besar kepada ketumbuhan sebuah negara seperti Malaysia, di mana penduduknya selalunya bukan bergantung kepada sesuatu kaum sahaja, tetapi memerlukan antara satu sama lain. Iaitu kejayaan sesebuah Institusi Islam akan memberi peluang yang lebih kepada masyarakat Islam seluruhnya, untuk mempraktikkan keyakinan mereka dengan lebih bersungguh. Kejayaan sesuatu Sistem Perdagangan Islam juga akan memastikan setiap yang bukan Islam melihat akan kemampuan Islam untuk menjadi agama yang sempurna, yang memberi pertimbangan kepada aspek material dan rohani.

Apabila Mahathir menyebut tentang perlunya pentadbiran yang cekap dalam Sistem Perdagangan Islam itu, bukanlah

bererti ianya di luar pengetahuan umum. Sesiapa juga yang mengetahui selok-belok perdagangan, sentiasa sedar kecekapan mentadbir merupakan kunci kejayaan. Tiada ada sistem ekonomi sama ada yang didasarkan kepada komunis atau kapitalis, akan berjaya jika mereka yang bertanggungjawab tidak mentadbirnya secara penuh kecekapan.

Sistem Islam yang sentiasa menjadi satu topik perbincangan di seluruh dunia Islam dan di banyak negara yang telah mengamalkannya, adalah juga tidak terelak daripada memerlukan satu bentuk pentadbiran yang cekap. Malahan, ianya merupakan satu yang kritikal kerana Sistem Ekonomi Islam walaupun telah wujud sejak adanya Al-Quran tetapi tidak diamalkan dengan sepenuhnya untuk sejak beberapa lama.

Hanya beberapa tahun kebelakangan ini terdapat kesedaran akan pentingnya menghidupkan kembali perdagangan yang berdasarkan undang-undang Islam di kebanyakan negara-negara Islam. Terdapat banyak negara yang telah memilih untuk mengamalkan sistem tersebut keseluruhannya, dalam tempoh masa yang singkat, tetapi banyak negara memilih untuk melaksanakan peringkat demi peringkat.

Sejak mengambilalih pentadbiran negara, penerapan nilai-nilai Islam telah menjadi satu dasar oleh kepimpinan Mahathir. Cara pelaksanaan Sistem Perundangan Islam yang juga termasuk aspek ekonomi, adalah didasarkan kemampuan masyarakat Islam mempraktikkannya sepertimana yang terdapat di negara ini. Kejayaan Bank Islam adalah bukti kukuh bagaimana cara pelaksanaan itu adalah berkesan di dalam konsep ekonomi negara pada hari ini. Bagaimanapun itu tidaklah bererti bahawa semua Institusi Ekonomi Islam yang dilancarkan secara automatik akan mencapai kejayaan sepertimana yang dicapai oleh Bank Islam.

Di sinilah apa yang menjadi harapan Mahathir agar setiap sesuatu yang dilakukan walaupun dalam menyahut seruan dan cabaran yang bercorak Islam, perlu adanya penelitian, bagi memastikan ianya tidak menemui kegagalan dan kemudiannya menjadi bahan cemuhan semata-mata. Walaupun niat kerajaan adalah ikhlas dalam melaksanakan setiap sesuatu yang berdasarkan kehendak Islam, namun pelaksanaan tidaklah semata-mata perlu dibuat berdasarkan desakan-desakan kumpulan-kumpulan tertentu yang tidak akan mengambil tanggungjawab untuk melaksanakannya selepas ianya

diwujudkan.

Sebagai seorang pemikir, beliau mengerti bahawa Islam tidak menyeru umatnya supaya jahil dan takut untuk bertindak dalam apa cara juga, khususnya di dalam mencari ilmu pengetahuan kerana Al-Quran sentiasa menyeru manusia supaya berlumba-lumba dalam mempelajari ilmu. Menurut Mahathir, dalam soal sains dan teknologi kegagalan umat Islam adalah kerana kegagalan menurut perintah agama yang menghasilkan kelemahan sehingga umat Islam hari ini terpaksa bergantung nasib kepada pihak musuh dan orang-orang yang sentiasa berniat untuk memusuhi golongan Islam.

Oleh itu, bagi beliau masanya sudah tiba untuk setiap pihak menggunakan Al-Quran sebagai panduan dan bukan semata-mata untuk amal ibadat. Kelemahan dan kegagalan umat Islam di bidang-bidang tertentu bukanlah kerana lemahnya Islam tetapi ianya berpunca kepada kemunduran dan kelemahan umat Islam sendiri kerana gagal memahami ajaran-ajaran Islam yang sebenar dan seimbang.

Beliau menyelar setengah-setengah umat Islam yang berhujah kononnya tidak harus mendalami ilmu semata-mata kerana ilmu. Mereka mencaci-cerca pendekatan ini kerana didapati pendekatan Barat itu adalah sesuatu yang sekular. Tetapi tidakkah pernah kita melihat ilmu yang diperolehi tanpa sebarang tujuan tertentu, akhirnya terbukti berguna. Selalunya ilmu yang ditemui oleh ahli sains tidak berguna kepada ahli sains sendiri, tetapi kepada orang lain ilmu itu boleh dijadikan sesuatu yang berguna. Jika ilmu digunakan untuk tujuan buruk ia bukan kesalahan ilmu itu tetapi orang yang berniat buruk yang mementingkan diri sendiri.

Oleh itu, adalah salah untuk menyalahkan ilmu atau mengasingkan diri daripadanya. Penemuan-penemuan oleh ahli-ahli sains Barat membantu menjadikan negara mereka kaya dan kuat. Hari ini umat Islam terpaksa membayar dengan harga yang tinggi bagi mendapatkan barang-barang yang dihasilkan daripada penemuan-penemuan itu, terutamanya di dalam bidang pertahanan. Disebabkan umat Islam terpaksa berbuat demikian, terpaksa bergantung sepenuhnya kepada apa yang dipanggil teknologi Barat.

Dalam keadaan begini umat Islam tidak boleh berbuat apa-apa terhadap mereka. Mereka begitu maju sehingga pengetahuan mereka itu mengawal atau setidak-tidaknya

mempengaruhi setiap aspek kehidupan umat Islam. Makanan yang umat Islam makan dikeluarkan dengan penggunaan baja yang dihasilkan oleh mereka dan di kilang serta diangkut serta juga dimasak dengan peralatan yang mereka reka atau keluarkan.

Tenaga dan lampu yang digunakan juga adalah hasil ciptaan mereka. Demikian juga pergerakan dari satu tempat ke satu tempat dengan kenderaan yang menggunakan berbagai sistem enjin yang direka oleh mereka. Yang paling menyedihkan menurut Mahathir ialah umat Islam sendiri tidak mampu memperbaiki dan menyelenggarakan peralatan. Umat Islam memerlukan bahan-bahan itu dan apabila keperluan meningkat lebih kuat lagi pergantungan umat Islam kepada mereka.

Umat Islam boleh mengutuk dan menyalahkan mereka kerana menyalahgunakan kuasa yang mereka perolehi melalui sains dan teknologi, tetapi umat Islam juga terpaksa bergantung kepada mereka. Umat Islam masih asyik berhujah mengenai apa yang sekular dan apa yang tidak sekular. Dalam perbincangan-perbincangan di dewan-dewan persidangan yang reka bentuknya begitu indah serta berhawa dingin dan diterangi dengan kuasa elektrik serta dilengkapi dengan sistem bunyi yang baik.

Atas nama Islam, Mahathir menyeru hentikanlah polemik-polemik yang tidak mendatangkan hasil tetapi penumpuan hendaklah diberi kepada bidang penyelidikan-penyelidikan dengan tujuan mengejar ilmu pengetahuan. Jika umat Islam tidak suka dengan hasilnya, umpamanya teori Darwin mengenai asal-usul manusia, ianya boleh diketepikan dan beralih kepada lain yang tidak bertentangan dengan pegangan agama Islam tetapi janganlah sampai mengutuk semua ilmu pengetahuan semata-mata, kerana ada yang bertentangan dengan kepercayaan kita.

Menurut beliau, kemelesetan dunia yang berpanjangan dan ketidaktentuan dalam arah aliran politik, ditambah pula dengan masalah dadah, pengangguran, harga komoditi yang rendah, kejatuhan harga minyak, peningkatan dalam amalan perlindungan dan masalah hutang-piutang menjejaskan umat Islam. Oleh itu, kerjasama antara negara-negara Islam dalam mengejar kemahiran saintifik dan teknologi nampaknya menjadi semakin penting dan perlu disegerakan.

Umat Islam perlu menggalakkan usaha-usaha untuk

menguatkan kerjasama dalam bidang sains dan teknologi supaya dapat mengurangkan kos dan berkongsi manfaatnya. Dalam rangka kerja Islam, Mahathir berpendapat adalah sesuai untuk umat Islam menilai dan menyemak semula keupayaan dan mengenalpasti kelemahan sendiri. Tentunya ini termasuk kurangnya ilmu pengetahuan dalam penggunaan sains dan teknologi itu sendiri.

Lazimnya sikap umat Islam terhadap sains yang salah. Mereka menganggapnya sesuatu yang asing yang merbahaya. Oleh itu, bimbang untuk menggunakannya. Umat Islam menganggap penyelidikan dalam bidang sains sebagai anti agama. Akibatnya, umat Islam sendiri yang tidak dapat menggunakan sains dalam kehidupan seharian. Salah tafsiran ini perlu dihapuskan jika umat Islam mahu menikmati manfaat daripada sains. Apa yang penting bukanlah kita menggunakan sains tetapi tujuan kita menggunakannya.

Kebanyakan umat Islam sedar mengenai keagungan dunia Islam dalam bidang sains dan teknologi pada zaman lampau, dan mengenai perlunya dipupuk kebudayaan Islam yang menggabungkan nilai-nilai rohaniah dan moral Islam sejagat. Beliau percaya bahawa peningkatan pengukuhan kerjasama dalam bidang sains dan teknologi akan memberi sumbangan besar terhadap usaha menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh ummah dan dunia Islam seluruhnya.

Sebagai seorang pemimpin yang menyedari bahawa pembentukan peribadi umat adalah salah satu tanggungjawabnya. Beliau dengan penuh kesedaran dan berani telah mengambil langkah-langkah yang wajar bagi melaksanakan dasar-dasar penerapan nilai Islam dalam pentadbiran. Bermatlamatkan melalui dasar ini dan beberapa dasar lain seumpamanya, adalah untuk melahirkan insan yang berakhlak. Dalam usaha mencapainya, Mahathir percaya ketegasan adalah salah satu ciri penting dalam melaksanakan dan juga merupakan sifat yang perlu dipunyai oleh seseorang.

Menurut beliau, ketegasan adalah penting bagi umat Islam di negara ini. Oleh itu semua pihak harus berusaha mencari jalan ke arah membentuk ummah yang tegas. Melalui ketegasan ummah, agama Islam akan terus mulia dan dihormati serta diterima oleh seluruh golongan masyarakat. Islam memerlukan pemimpin dan pentadbir yang tegas kerana matlamat sesebuah masyarakat dalam negara ialah menjamin keharmonian,



keadilan dan juga kesejahteraan. Sekiranya pemimpin dan pentadbir negara terdiri daripada kalangan orang-orang yang tidak mempunyai sifat yang tegas dan yakin kepada kebenaran, kepada tanggungjawab dan tugas yang dipikulnya maka akan lemahlah masyarakat keseluruhannya.

Perbuatan rasuah, pilih kasih, ketagih arak dan dadah terutamanya, adalah ciri-ciri yang mencerminkan peribadi yang tidak tegas dan tidak tahan menghadapi cabaran dalam menjalankan tugas dan amanah. Sesebuah masyarakat dan sesebuah negara yang dipimpin dan ditadbirkan oleh peribadi-peribadi yang lemah akan ditimpa bencana dan akan hilanglah maruah bangsa, agama dan negara.

Jadi dalam hal ini, adalah menjadi cita-cita kepimpinan beliau agar setiap pentadbir dan rakyat di negara ini kembali menghayati sifat-sifat tegas yang dibentuk oleh Islam. Sekalipun dalam melaksanakan ketegasan itu terpaksa berhadapan dengan berbagai rintangan, halangan dan cemuhan ianya harus terus diusahakan dengan penuh semangat serta menyerah diri dan bertawakal kepada Allah. Dengan kepercayaan penuh bahawa Allah sentiasa melindungi dan memberi keamanan kepada pihak yang benar.

Sebagai seorang pemimpin yang mempunyai rasa tanggungjawab terhadap perkembangan Islam, Mahathir menyedari hakikat atau cabaran-cabaran yang dihadapi oleh umat Islam sama ada di dalam negara ataupun di peringkat antarabangsa. Cabaran-cabaran yang sangat mendesak, di mana kelemahan yang terdapat pada umat Islam hari ini, dieksploitasi dengan sepenuhnya oleh pihak-pihak yang memang merancang, untuk memecah-belahkan masyarakat Islam dan menggugat ketahanan umat Islam.

Rancangan mereka menjadi bertambah mudah kerana kebanyakan negara-negara Islam seluruhnya, banyak bergantung kepada negara-negara yang mempunyai musuh Islam. Negara-negara Islam yang sedang membangun juga tidak terlepas daripada menjadi sasaran. Dengan cara halus dan tidak langsung mereka menghasut rakyat di negara-negara ini supaya mengancam kestabilan, yang menjamin kemajuan serta ketahanan sebuah negara. Dengan tidak disedari, orang-orang Islam telah diperalatkan, maka berjajalah musuh Islam dalam mencapai hasrat mereka.

Mewujudkan persengketaan sesama umat Islam adalah salah

satu daripada taktik atau cara yang digunakan oleh musuh-musuh Islam, kerana masyarakat Islam hari ini, menurut Mahathir, telah menjadi tumpuan perhatian yang sangat besar. Walaupun mereka tinggal di negara berlainan iklim, mengamalkan adat resam dan sistem politik yang berlainan, sebagai majoriti dan minoriti bercakap berlainan bahasa. Namun umat Islam di seluruh dunia berjaya mengekalkan satu ikatan ummah yang besar maknanya. Kebesaran ikatan ini telah menarik tumpuan banyak pihak dengan berbagai maksud yang tersendiri.

Kebangkitan semula Islam dan sifatnya yang dinamik, serta prinsip-prinsip evolusi, di akhir-akhir ini, menimbulkan minat yang berleluasa khususnya di Barat. Golongan berpelajaran, bijak-pandai yang ingin tahu di dunia moden ini seharusnya maklum dan faham sebab-sebab wujudnya ketahanan dan ketakwaan terhadap agama Islam. Malangnya sebahagian besar penerbitan-penerbitan yang dihasilkan di negara-negara bukan Islam terutama di Barat, nampaknya lebih condong memberikan gambaran putar-belit dan seringkali memberi gambaran palsu terhadap Islam dan ajaran Islam.

Dalam salah satu pandangan beliau terhadap kebangkitan Islam dari cengkaman-cengkaman imperialisme Barat di tahun-tahun 50'an dan 60'an dahulu, Mahathir mendapati terdapat satu bentuk kegilaan di negara-negara Islam yang berebut-rebut berusaha sedaya upaya untuk meniru Barat dalam semua perkara. Mereka kemudiannya menyalahkan Islam atas semua kegagalan dan kesengsaraan yang dialami. Mereka menganggap modenisasi dan pembangunan kebendaan sebagai jawapan di segala masalah yang mereka hadapi.

Dengan mengkagumi langkah memisahkan gereja dari pemerintah, mereka cuba melaksanakan sistem yang sama dalam masyarakat mereka sendiri. Konsep-konsep sekular Barat dan agama serta ideologi-ideologi menentang, diterima dengan tangan yang terbuka dan cubaan-cubaan dibuat, untuk melaksanakan pemisahan yang sama dalam masyarakat Islam.

Dalam politik, ideologi Barat membantu membingungkan lagi orang-orang Islam, agar agama Islam dibandingkan dengan berbagai-bagai ideologi politik Barat. Usaha-usaha dibuat untuk menjelaskan Islam berdasarkan ideologi-ideologi tersebut. Hasilnya sebilangan orang akan mengatakan bahawa

Islam adalah sosialisme, malah sosialisme yang asli, yang lain pula membangkitkan bahawa dalam Islam adalah diterima bahawa sebilangan orang boleh ditempatkan di tahap yang lebih tinggi dari orang lain, dengan itu konsep kapitalisme juga adalah sesuai dengan Islam.

Walaupun terdapat sedikit kebenaran dalam kedua-dua tuduhan tetapi persamaan-persamaan yang kebetulan wujud itu, tidaklah bererti andaian identiti itu benar. Sebenarnya Islam adalah sebuah agama unik yang meliputi semuanya. Satu cara hidup yang menumpukan kepada kebaikan dan kepada penciptanya. Mujurlah kesedaran telah wujud di kalangan sebilangan besar umat Islam bahawa agama ini bukanlah bersifat sosialisme atau kapitalisme atau komunisme. Islam adalah agama Allah dan bukan satu ideologi yang dihasilkan dari fikiran manusia.

Sungguhpun terdapat beberapa persamaan, ia adalah secara kebetulan dan bukan satu karektor asas. Dengan kesedaran ini, Islam telah memperolehi kembali kedudukannya dan umat Islam mempunyai identiti. Masanya sudah sampai menurut Mahathir, bagi kebangkitan umat Islam yang dapat memberi sumbangan bukan sahaja untuk kebaikan umat Islam, tetapi juga untuk dunia yang berpecah-belah, oleh berbagai sistem dan ideologi yang mengelirukan. Disebabkan Islam tidak bersifat menekan, ianya bukan sebuah agama abad ketujuh selepas masihi. Ianya sebuah agama sepanjang masa, mampu mewujudkan hidup yang lebih bererti, sebuah masyarakat yang lebih sama rata dan aman.

Sekiranya Islam menunjuk sifat-sifat tersebut, ini adalah kerana umat Islam sendiri yang sering keliru dan mentafsirkan Islam untuk kepentingan mereka sendiri. Itulah di antaranya puncanya menurut Mahathir, wujudnya pihak konservatif dan puak modenis yang masing-masing sentiasa berbalah sesama mereka. Perbezaan-perbezaan mereka meliputi semua aktiviti manusia, perundangan, politik, agama, sosial dan peribadi. Perbezaan-perbezaan ini perlu dihadapi tetapi hanya boleh dihadapi dalam suasana yang terbuka ke arah penyelesaian.

Perbincangan bebas mengenai isu-isu agama hendaklah dibenarkan tetapi kebebasan ini tidak boleh disalahgunakan. Pelampau fanatik dalam apa jua bentuk hendaklah ditolak sama sekali. Jawapan terhadap perbezaan-perbezaan antara golongan konservatif dan modenis terletak di tengah dan ini perlu dicari-

Mereka yang menghasut dan suka mengapi-api adalah pengacau yang mengancam dan perlu ditentang. Ajaran fanatik yang keterlaluan pada satu haluan, akhirnya akan menggalakkan golongan fanatik di haluan yang lain pula. Bila kedua-dua pihak menjadi golongan fanatik yang melampau berbalah, ini hanya menunggu masa sahaja sebelum perbalahan secara lisan itu bertukar menjadi keganasan fizikal.

Menurut beliau, jika terdapat perbezaan pendapat dalam tafsiran, ini tidak bererti bahawa seseorang itu benar dan yang lain salah. Mungkin kedua-duanya benar atau kedua-duanya salah. Pokok yang penting ialah setiap pihak mesti belajar membuat analisa dan membuat interpretasi dengan ikhlas tanpa prasangka atau kepentingan diri.

Kewujudan dua pendapat yang adil dan ikhlas terhadap satu isu penting, perlu diambil sebagai bukti bahawa kebenaran terhadap perkara ini terletak di tengah-tengah. Islam berpegang pada ajaran menghormati hak orang lain untuk mempunyai perbezaan pendapat. Orang-orang Islam hanya boleh menolak bila ajaran-ajaran fundamental itu benar-benar salah.

Kalau dulu umat Islam mendahului dalam bidang pengetahuan manusia, kini umat Islam adalah golongan paling mundur di semua bidang seni dan sains. Wang yang diperuntukan bagi mencari pengetahuan terlalu kecil berbanding dengan jumlah besar dan dibelanjakan untuk membina bangunan-bangunan tersergam. Lebih banyak masa dan kajian serta perbincangan ditumpukan pada soal untuk menutup kepala kaum wanita berbanding dengan soal pembangunan tentang keupayaan melindungi Islam dan umat Islam dari musuh-musuhnya. Hasilnya ramai orang Islam sendiri sesat dalam Islam. Ramai yang memilih Marxis atau menjadi Atheis dalam kekecewaan mereka. Ramai lagi yang tunduk pada pemerintahan golongan yang bertujuan untuk memecah-belahkan umat Islam dari kepercayaan dan pegangan mereka.

Kemajuan-kemajuan di bidang komunikasi telah merapatkan lagi umat Islam. Mereka kini lebih mampu untuk bekerjasama antara satu sama lain dan untuk bersatu. Sebaliknya mereka menghabiskan masa untuk bertengkar mencari perbezaan bukan persamaan setiap kali mereka bertemu. Tidak cukup dengan memecah-belahkan puak konservatif dengan modenis. Mereka berusaha untuk memisah dan mengasing golongan sekular dari golongan rohaniah yang kononnya adalah umat

Islam sebenar. Tentu sekali perbezaan antara berlainan mazhab sekarang semakin diperbesarkan.

Tepat sebagaimana yang dijangkakan, mereka menjadi bertambah berpecah dan memudahkan kerja mereka yang bertujuan untuk memecah-belahkan dan memusnahkan Islam. Pandangan dan pendekatan Mahathir terhadap Islam, sepertimana yang dapat dilihat melalui ciri-ciri penerapan nilai-nilai Islam, adalah berdasarkan kepada konsep fahaman Islam sejagat, yang lebih mengutamakan persoalan-persoalan besar yang menyentuh maruah umat Islam seluruhnya. Daripada soal-soal remeh yang kadang-kadang menjadi juara kumpulan-kumpulan Islam tertentu.

Sebagai seorang pemimpin, Mahathir sentiasa mengajukan supaya pendekatan yang bijaksana dibuat terhadap melihat soal-soal untuk merealisasikan Islam sebagai satu cara kehidupan tanpa terkongkong kepada sudut-sudut pandangan yang sempit semata-mata. Beliau mahu semua pihak berani menghadapi kenyataan dan berani mengaku kesilapan-kesilapan yang telah dilakukan, di samping berusaha untuk memperbaikinya.

Umat Islam bagi beliau, mesti berusaha dengan ikhlas untuk mendapatkan kembali intipati Islam yang telah memberikan inspirasi umat Islam zaman dahulu. Supaya mereka bukan sahaja berjaya mengembangkan ajaran Islam secara meluas tetapi mereka boleh membawa kegemilangan Islam dalam semua bidang kejayaan manusia. Oleh itu, adalah wajar umat Islam hari ini menjadi satu umat yang bertanggungjawab agar Islam tidak lenyap untuk generasi akan datang. Pendekatan ke arah ini haruslah dibuat dengan cara bijaksana bagi menyedar, menyatupadu dan membangunkan umat Islam di negara ini supaya mampu memelihara agama dan diri mereka sendiri.

## EKONOMI LUAR BANDAR

Dalam usaha beliau menempatkan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian, di samping penekanan beliau sendiri terhadap projek-projek besar dan dianggap mewah, kepimpinan Mahathir telah dianggap tidak begitu menekankan soal-soal pembangunan desa. Meskipun dalam banyak hal, kerajaan di bawah pimpinan Mahathir tetap memberi keutamaan kepada usaha-usaha tersebut bagi faedah masyarakat luar bandar.

Dalam hal ini, Mahathir sendiri berpendapat kekeliruan ini timbul kerana pihak media sendiri tidak berminat untuk membuat laporan yang panjang lebar, apabila beliau membuat lawatan ke kampung-kampung. Sebaliknya jika ada pemberita-pemberita yang mengikuti lawatan beliau itu, mereka akan bertanya tentang soal-soal lain seperti politik atau pergolakan di dalam parti-parti politik atau tentang pilihanraya.

Meskipun ada perkara-perkara kecil di luar bandar yang ingin ditekankan oleh Mahathir, agar ianya menjadi perhatian umum khususnya dalam bentuk pandangan-pandangan dan galakan-galakan yang beliau ingin sarankan, tidak mendapat perhatian dan publisiti yang sewajarnya dari media. Sebagai contoh dalam usaha meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar, kerajaan telah mencadangkan susunan semula kampung-kampung dan menggalakkan pertumbuhan industri-industri kecil yang boleh menambah pendapatan orang-orang kampung.

Beliau sendiri telah mengenalpasti peratus industri kecil di dalam bidang siramik, buluh, rotan, kayu dan bermacam-macam bahan lagi. Setiap kali beliau membuat lawatan ke luar negara, jika didapati ada sesuatu yang boleh digunakan atau

dibuat sendiri oleh rakyat di negara ini, beliau akan membeli dan mengambil bahan-bahan tersebut dan memberikan kepada orang-orang tertentu bagi mengambil tanggungjawab untuk membuat percubaan mengeluarkan bahan-bahan itu di negara ini.

Meskipun terdapat kilang-kilang kecil di kampung-kampung, sepertimana adanya kilang membuat bahan-bahan rotan, buluh dan kayu di Kedah, ianya bukanlah merupakan satu nilai berita. Hasilnya usaha-usaha peningkatan baru terhadap memodenkan kampung-kampung tidak mendapat sebaran, liputan serta sambutan yang menggalakkan. Walaupun apa juga laporan di dalam akhbar tetapi laporan itu tidak begitu menarik dan berkesan seperti laporan berkenaan Proton Saga dan lain-lain laporan. Oleh itu, wujudlah gambaran seolah-olah beliau tidak memberi perhatian dan usaha-usaha ekonomi kecil yang memberi manfaat kepada orang kampung dan mereka-mereka yang berpendapatan rendah.

Kerajaan pada hakikatnya sentiasa memberikan keutamaan dengan membuat peruntukan-peruntukan besar kepada rancangan-rancangan pembangunan luar bandar, bagi memastikan jurang di antara penduduk negara ini dari segi pendapatan akan dapat dikecilkan. Sejak merdeka kerajaan cuba untuk terus-menerus membawa pembangunan ke luar bandar dengan menguntukkan projek-projek dan perbelanjaan-perbelanjaan tertentu dalam setiap Rancangan Lima Tahun Malaysia.

Mengikut Mahathir, salah satu masalah masyarakat, yang menyekat kejayaan sepenuhnya dalam usaha kerajaan membasmi kemiskinan, ialah sikap menerima bantuan, yang mana tidak mahu atau tidak dapat menggunakan bantuan yang diberikan dengan berkesan. Satu analisis yang mendalam perlu dibuat oleh semua pihak yang terbabit bagi mengenalpasti punca sebenar kemiskinan yang masih terus wujud di negara ini.

Kerajaan walaupun telah berjaya untuk mengurangkan tahap kemiskinan kepada 18% pada tahun 1984, berbanding 49.3% pada tahun 1970 tetapi melihat kepada usaha dan peruntukan yang diberikan, hasilnya tidaklah seperti yang diharapkan. Masalah kurang kecekapan atau kepintaran boleh diatasi dengan asuhan atau pengalaman tetapi jika minat tidak ada, segala usaha sistem bantuan dan apa saja pertolongan yang dihulurkan, tidak akan memberi apa-apa manfaat. Menambah

peruntukan dan bantuan sedangkan punca sebenar kemiskinan bukan kerana kurang bantuan, tidak akan mendatangkan apa-apa hasil kerana ia adalah pemulihan sementara sahaja.

Mahathir sering beranggapan bahawa perubahan sikap adalah sesuatu yang penting ke arah meneroka bagi memerangi kemiskinan. Sebagai contoh, beliau menarik perhatian adanya negara yang tidak mempunyai sumber kekayaan tetapi kaya. Ada negara yang mempunyai sumber alam tetapi miskin. Negara dan masyarakat yang bersemangat, rajin dan sanggup mencuba dan menghadapi cabaran sahaja yang akan berjaya dan maju. Masyarakat yang hanya berharap kepada pentolongan dari pihak lain tanpa berusaha memperbaiki diri akan tetap mundur walaupun buminya penuh dengan emas, perak serta subur.

Kadar peruntukan dan tindakan kerajaan mengurangkan kadar kemiskinan di luar dan di dalam bandar di negara ini, jauh lebih tinggi dan tegas berbanding beberapa negara kurang maju yang lain di dunia. Walaupun usaha itu berjaya mengurangkan tahap kemiskinan kepada hanya 18% berbanding dengan 49.3% ketika Dasar Ekonomi Baru dilancarkan, tahap pencapaiannya tidak setimpal dengan usaha dan belanja yang sudah dikeluarkan. Mengenal tahap kemiskinan di negara ini, ianya masih jauh lebih baik jika dibandingkan dengan negara-negara membangun yang lain ketika membentangkan Rancangan Malaysia Kelima di parlimen.

Mahathir telah menjelaskan, walaupun pertumbuhan ekonomi dan perkembangan dalam tahun-tahun yang akan datang agak sukar dicapai, ianya akan terus memberi peluang kepada rakyat Malaysia untuk bersama-sama menikmati faedah pembangunan dan memperbaiki taraf hidup mereka. Negara akan terus mengkaji semula kemajuan yang akan dicapai. Termasuk tercapainya jangka bagi Dasar Ekonomi Baru menjelang akhir tahun 1990.

Sepanjang yang bersangkutan dengan Dasar Ekonomi Baru, tidak ada satu pihak yang harus dipersalahkan atas kegagalan bumiputera mencapai penyertaan 30% dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Menurut beliau, kerajaan bersalah kerana terlalu memanjakan bumiputera. Peniaga bumiputera juga bersalah kerana tidak mengukur keupayaan diri sendiri



sebelum menceburi bidang perniagaan. Keadaan ini menyebabkan wujudnya persekitaran yang terlalu lembut, ia tidak menguji kekuatan bumiputera, mengenenpikan yang lemah dan menolong mereka yang gagah dalam perniagaan. Akibat persekitaran ini yang gagah juga turut menjadi lemah.

Persekitaran yang lembut tidak memerlukan kekuatan untuk mengatasi cabaran hidup terutama dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Kaedahnya seperti orang sakit diberi tongkat sepanjang masa dan tidak pernah membuang tongkat itu sehingga akhirnya dia lumpur kerana ototnya tidak digunakan sama sekali.

Banyak kelemahan wujud di kalangan bumiputera dan ianya termasuklah kelemahan pengurusan, di samping terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan dan tidak berusaha untuk meningkatkan keupayaan mereka. Adalah didapati kebanyakan bumiputera tidak menguruskan perniagaan dengan baik dan teliti. Kebanyakan mereka menjalankan tugas secara sambilan atau tidak memberi perhatian kepada butir-butir penting secara terperinci, sehingga menyebabkan mereka gagal. Tekad yang tidak mengukur keupayaan diri sendiri, sebaliknya hanya mementingkan perniagaan besar dan mudah bagi mendapat keuntungan yang lumayan adalah salah satu sebab yang menghalang pertumbuhan kemajuan di bidang tersebut dengan cara yang sihat.

Seperkara yang pasti, walau apa pun kemajuan yang akan dicapai dalam mengurangkan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat menjelang akhir dekad ini, keadaan yang tidak seimbang di kalangan kumpulan-kumpulan etnik yang utama di negara ini akan terus wujud. Oleh yang demikian, kerajaan mesti meneruskan usaha-usaha bagi mengurangkan kemiskinan dan memperbaiki keadaan ekonomi yang tidak seimbang. Lebih-lebih lagi mengenangkan perpaduan negara masih merupakan matlamat utama negara. Tentu sekali setiap pihak yang terlibat tidak ingin berbalik kepada keadaan ketidakseimbangan antara kumpulan etnik yang telah dialami dahulu selepas berakhirnya tahun 1990.

Selagi keadaan ketidakseimbangan ini wujud maka pihak kerajaan mestilah meneruskan usaha untuk memperbaiki. Apa yang perlu ialah diberi tekanan bukanlah soal terminologi atau nama sesuatu dasar atau pendekatan yang perlu diterima tetapi

yang lebih penting ialah kandungan, pendekatan dan strategi untuk mengurangkan ketidakseimbangan itu. Kandungan dasar dan strategi, pembabitan dan hasil perlaksanaannya adalah lebih penting daripada bentuk dasar. Dengan itu masa dan tenaga tidak seharusnya dibuang secara yang berpanjangan, dalam mempertikaikan nama yang sesuai, untuk dasar dan strategi yang bakal diperkenalkan selepas 1990.

Sejarah membuktikan bahawa untuk terus membangun dan mencapai kemakmuran, sesebuah masyarakat mestilah sanggup menerima perubahan mengikut masa. Pada Mahathir, masyarakat yang sanggup berbuat demikian ialah masyarakat progresif. Masyarakat tersebut bukan saja sanggup mengharungi perubahan tetapi sanggup melaksanakannya dengan segera. Ketabahan menghadapi cabaran-cabaran adalah satu unsur yang sentiasa wujud dalam sejarah tamadun manusia.

Kemunduran dan kejatuhan peradaban manusia terus membuktikan bahawa sesebuah masyarakat yang gagal mengadakan perubahan akan tertinggal, tidak berkembang dan lama kelamaan akan lenyap begitu saja. Ini adalah merupakan penganjuran sejarah yang tidak boleh dilupakan. Rakyat Malaysia sepatutnya telah membuat perubahan sejak beberapa tahun yang lalu.

Perkembangan ekonomi dan suasana antarabangsa adalah jelas yang kesemua tanda-tanda menunjukkan perlunya bagi setiap rakyat mengubahsuaikan dengan segera pendekatan dan tanggapan terhadap pembangunan. Malaysia tidak lagi mampu hidup bersenang-lenang berdasarkan pencapaian di masa lepas. Negara sedang memasuki era baru dalam sejarah pembangunan. Setiap pihak harus sedar, kesukaran-kesukaran yang perlu dihadapi sama ada di peringkat antarabangsa atau dalam negeri.

Bagaimanapun beberapa langkah-langkah yang sewajarnya bagi mengubah arah pembangunan negara sedang dilakukan. Kepimpinan Mahathir telah memperkenalkan berbagai langkah untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi, terutamanya menerusi pertubuhan, perusahaan-perusahaan dan dayausaha keusahawanan yang tinggi di kalangan pihak swasta. Di samping memberi penekanan terhadap perlunya nilai-nilai dan etika baru yang progresif, bagi menyokong arah baru pembangunan. Setiap rakyat mestilah memberi sambutan yang

cukup positif terhadap langkah-langkah baru dan perlu membuat perubahan yang sewajarnya.

Tidak ada sebuah negara pun yang dianugerahkan dengan sumber-sumber yang tidak terhad dan kestabilan yang berkekalan. Dugaan-dugaan, kesukaran-kesukaran dan cabaran-cabaran sememangnya wujud dalam semua masyarakat dan mestilah dihadapi dengan mengatasinya secara penuh yakin, jika rakyat dan negara mahu terus makmur.

Tidak dapat dielakkan bahawa proses pertumbuhan ekonomi dan pembangunan akan menimbulkan ketegangan kerana faktor-faktor ekonomi akan menjadi tekanan bagi perubahan-perubahan dalam masyarakat. Hakikat ini mesti diakui bahawa ekonomi Malaysia dan juga ekonomi negara-negara lain sedang melalui satu tempoh yang tidak menentu. Oleh itu, setiap pihak mesti sanggup menghadapi dan juga mempelajari cara-cara mengatasinya.

Apa yang paling penting ialah rakyat tidak seharusnya hilang keyakinan. Sebaliknya mesti sentiasa yakin bahawa masalah ekonomi dan politik yang sedang dihadapi tidak kekal dan semua ini akan berlalu dan kesudahannya akan dapat diatasi. Setiap pihak mesti berupaya membezakan antara yang benar dengan yang direka oleh orang-orang yang berkenaan. Keupayaan serta kebolehan untuk melihat sesuatu dalam perspektif yang sebenar dan seimbangan adalah penting kerana faktor-faktor ekonomi, politik, sosial dan psikologi, akan memainkan peranan dalam kehidupan seharian.

Dalam konteks membantu bumiputera, Mahathir sentiasa menegaskan kerajaan tidak mungkin menarik balik bantuan yang diberi kepada masyarakat bumiputera. Selagi pengagihan hal-hal yang sama belum dapat diwujudkan, umpamanya bantuan tidak mungkin ditarik balik selagi kontraktor Melayu tidak berkemampuan mendapatkan kontrak selain daripada kerajaan. Bagaimanapun mereka yang terlibat harus tahu bagaimana untuk mengurus dan berjimat cermat. Adalah sukar untuk mengeluarkan wang bantuan, jika wang yang diberi dibelanjakan tanpa mendatangkan faedah. Oleh itu, jika sekadar menggunakan nama Melayu untuk mendapatkan projek kerajaan, ia tidak akan membantu orang Melayu atau sesiapa pun.

Bantuan itu perlu diberi untuk jangka masa yang panjang. Mahathir bagaimanapun tidak menyalahkan golongan

bumiputera, tetapi beliau menyalahkan golongan bumiputera yang mengambil jalan keluar yang mudah yang menganggap Dasar Ekonomi Baru sebagai hadiah percuma. Pada beliau, anggapan Dasar Ekonomi Baru berjaya mewujudkan golongan bumiputera kelas pertengahan adalah salah. Dasar Ekonomi Baru hanya dapat membantu bumiputera bertahan. Kebanyakan usahawan bumiputera hanya bergantung kepada kontrak kerajaan. Apabila kerajaan kurang mengeluarkan kontrak, usaha bumiputera mengalami masalah besar. Menyebabkan ramai antara mereka menjadi muflis.

Pada beliau golongan petani, penternak dan nelayan juga, boleh menjadi golongan yang kaya dan mempunyai kedudukan tinggi dalam masyarakat. Jika mereka sanggup serta rajin berusaha di samping mengubah sikap daripada menggunakan amalan tradisional kepada cara moden. Peladang dan penternak jangan hanya menternak atau mengeluarkan hasil pertanian cukup untuk keperluan keluarga dan dijual di kampung serta bandar berdekatan. Kegiatan menternak satu atau dua ekor lembu atau bercucuk tanam untuk menampung keperluan keluarga seperti dulu perlu diubah dengan mengusahakannya secara besar-besaran.

Mengikut beliau, golongan ini perlu meningkatkan usaha agar mereka dapat membekalkan bahan makanan untuk keperluan penduduk yang semakin meningkat berikutan dengan penambahan penduduk. Bilangan penduduk di negara ini sekarang ialah 16 juta orang dan akan meningkat hampir sekali ganda menjelang tahun 2000. Oleh itu peladang dan penternak perlu meningkatkan usaha mengeluarkan bahan makanan secara besar-besaran untuk menampung keperluan tersebut.

Agensi-agensi kerajaan pula sentiasa membuat penyelidikan untuk meningkatkan pengeluaran hasil usaha-usaha para petani tadi. Pendapat yang merumuskan bahawa pertanian tidak mungkin dapat membangun menjadi satu sektor kehidupan yang menguntungkan haruslah dikikis. Anggapan ini yang diasaskan pada sistem pertanian tradisional meskipun benar tetapi tidak seharusnya mematikan usaha-usaha lain bagi mencapai kejayaan untuk mewujudkan petani dan nelayan moden serta yang mempunyai hasil pendapatan yang lumayan.

Pertanian dan perikanan akan terus menjadi sasaran utama pembangunan dan penyusunan semula sistem ekonomi di bawah Mahathir. Belajar daripada sistem pertanian yang diamalkan di

negara-negara Barat dan juga beberapa negara Timur seperti Jepun dan Korea, pertanian sebenarnya boleh dijadikan kerjaya yang mampu menawarkan pendapatan lumayan. Lantaran itu gerakan membangun sistem pertanian yang moden, setiap aspeknya sentiasa dilakukan secara berterusan di negara ini.

Melalui pelbagai teknologi baru dan latihan langsung atau tidak langsung yang diperkenalkan kepada nelayan dan petani, cita-cita itu bukan sesuatu yang mustahil dicapai. Malah Sanusi Junid selaku Menteri Pertanian mempunyai cadangan untuk memperkenalkan sistem ekonomi dan kewangan khusus untuk nelayan. Keyakinan beliau, sistem pemasaran berbentuk demikian, yang dihasilkan dari usaha pertanian dan dikawal rapi, dapat dilakukan ke atas jual beli barangan keperluan nelayan dan petani, di mana pendapatan mereka akan dapat dipertingkatkan.

Dalam pendekatan beliau untuk menolong bumiputera di berbagai bidang, Mahathir bukan sahaja mengatur strategi-strategi tertentu tetapi juga seolah-olah mengambil tanggungjawab secara peribadi bagi memastikan perjalanan dan penglibatan bumiputera di bidang-bidang tertentu khususnya di bidang perniagaan agar tidak menghadapi masalah yang boleh membebankan mereka sewaktu kemelesetan ekonomi.

Beliau pernah menggesa bank-bank supaya jangan mendesak keterlaluhan, ahli-ahli perniagaan bumiputera khususnya untuk membayar balik hutang mereka dengan segera, sehingga mereka terpaksa diistiharkan muflis. Sebaliknya menurut beliau, sektor di bank perlu bersabar dan bersikap lebih adil terhadap ahli-ahli perniagaan yang berada di dalam kesusahan. Tindakan bank yang mendesak ahli-ahli perniagaan yang berada dalam keadaan sukar membayar segera, mungkin juga akan menyukarkan usaha kerajaan untuk menyusun semula masyarakat mengikut objektif Dasar Ekonomi Baru.

Kerajaan akan mengawal setiap gerak-geri bank untuk memastikan mereka tidak terlalu menekan. Walaupun beliau sedar bahawa bank-bank mempunyai peraturan sendiri tetapi prinsip-prinsip ini adalah perbuatan manusia dan tidak bererti ia tidak boleh dibatal atau diubah. Bagaimanapun ini bukanlah bermakna beliau bersimpati dengan ahli-ahli perniagaan yang mampu membayar balik hutang mereka tetapi enggan berbuat demikian. Ataupun bersimpati terhadap ahli perniagaan yang

menyeleweng. Sebaliknya beliau tidak akan teragak-agak untuk membawa mereka ke mahkamah.

Mahathir sentiasa sedar bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh bumiputera dalam berbagai bidang bukanlah semudah mata memandang. Namun adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk meneliti satu persatu punca masalah dan kegagalan itu serta memberi cadangan atau syor yang terperinci mengenai cara mengatasinya. Jika perlu satu pendekatan baru yang lebih berkesan akan dilaksanakan, manakala pihak bumiputera sama ada peniaga, petani, nelayan dan usahawan pula hendaklah secara terus-terang dan jujur mengemukakan masalah yang mereka hadapi. Hanya melalui ini boleh memberi nafas baru kepada bumiputera untuk kembali bergiat di berbagai bidang secara cergas dan mampu bersaing untuk berkongsi kekayaan ekonomi negara.

Sehubungan dengan usaha-usaha untuk membantu bumiputera, seperkara yang tidak dapat dipisahkan ialah penglibatan pegawai-pegawai kerajaan, di dalam mengendalikan urusan-urusan mereka, khususnya yang melibatkan perhubungan dan kepentingan dengan peniaga-peniaga dan usahawan bumiputera. Untuk melicinkan perhubungan pentadbiran ini, Mahathir sentiasa menggalakkan pegawai-pegawai kerajaan supaya sentiasa mempunyai pemikiran yang positif, kreatif, strategik, membina dan tidak gentar menghadapi apa jua cabaran untuk membawa rakyat dan negara melangkah maju ke depan.

Tempo kepimpinan yang ada sekarang adalah mementingkan sikap terbuka dan aliran pemikiran yang dapat mengimbangi kemajuan-kemajuan semasa dan menolak pemikiran-pemikiran negatif yang boleh menghalang usaha-usaha pembangunan negara. Dalam ucapan beliau di majlis makan malam Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, Mahathir telah menyenaraikan lima jenis pemikiran tersebut. Pertama ialah sikap dan pendirian negatif terhadap idea-idea baru serta lantas menolak apa-apa cadangan dan rancangan-rancangan baru. Keduanya ialah pemikiran sempit yang mempunyai penglihatan jangka pendek dan mementingkan hasil yang cepat.

Ketiga ialah pemikiran yang menitikberatkan kepentingan persendirian atau kumpulan tanpa mengira kesan buruk ke atas organisasi, masyarakat dan negara pada keseluruhannya. Mereka juga menurut beliau harus mengelak dari pemikiran

yang sentiasa mencari peluang dan kesempatan untuk menindas dan menghalang usaha-usaha orang lain serta hanya melihat keburukan dan kelemahan orang lain.

Sebaliknya beliau menggesa setiap pegawai haruslah bersikap seperti seorang pengurus sentiasa memberi perhatian berat terhadap matlamat organisasinya dan tidak membuat sesuatu yang boleh dikatakan menyeleweng, terpesong atau lari daripada asas dan matlamat tersebut. Untuk mencapai ini, para pemimpin dan pengurus dalam kerajaan harus mendalami masalah dan matlamat negara. Memahami latarbelakang masalah, berhati-hati apabila mengkaji dan menghalusi faedah dan risiko yang akan dan mungkin dihadapi sebelum membuat sesuatu keputusan muktamad. Disebabkan kejayaan sebuah organisasi bergantung rapat kepada mutu pemikiran pengurus yang diharapkan bersifat kreatif, membina dan strategik.

Mereka harus sedar akan perkembangan terbaru dalam bidang pengurusan yang menghendaki ketegasan, disiplin dan kekuatan mengurus konflik, cabaran dan persaingan untuk membolehkan organisasi-organisasi maju ke depan. Pemimpin dan pengurus harus mempunyai sifat pemikiran yang agak menyeluruh dan jelas tentang haluan, perjalanan organisasi. Untuk mencapai ini, mereka tidak boleh bersandarkan semata-mata kepada pendekatan logik atau alasan sahaja atau membuat keputusan berdasarkan pengutipan data-data dan penghayatan fenomena-fenomena semasa sahaja. Pendirian dan tindakan harus juga berpandu kepada pembelajaran, pengalaman serta fakta-fakta sejarah, tanpa demikian kesilapan akan terus diulangi dan mengakibatkan tindakan-tindakan secara terburu-buru dilakukan.

Pemimpin dan pengurus yang baik akan dapat meramal dan menjangka cabaran dan keperluan masa depan akan sentiasa menghadapi masalah-masalah yang dijangka timbul. Melalui ini mereka akan dapat menghasilkan idea-idea baru serta dapat bertindak secara produktif dan menerokai peluang-peluang baru yang mungkin dapat dimajukan.

Dalam pendekatan kerajaan beliau terhadap kemiskinan, Mahathir ingin mewujudkan satu fenomena baru dalam memperkatakan soal kemiskinan, agar ianya tidak perlu dikaitkan dengan luar bandar semata-mata, sepertimana yang menjadi lumrah pada hari ini, pengenalan luar bandar dengan istilah-istilah seperti kemunduran dan kemiskinan telah

terpahat begitu lama dipemikiran masyarakat. Oleh itu untuk menjadikan perubahan ini satu realiti, ianya bukan sahaja memerlukan beberapa strategi tertentu dari pihak kerajaan tetapi juga tindakan-tindakan termasuk sikap dan kesediaan untuk menerima perubahan-perubahan dari para petani, atau penduduk di luar bandar sendiri. Dalam hal ini, ianya merangkumi juga para nelayan dan juga pekebun-pekebun kecil.

Kemiskinan masyarakat luar bandar tidak akan dapat dikurangkan walaupun dengan mengeluarkan airmata darah, selagi mereka kekal dengan cara menangkap ikan atau kehidupan yang lama dan menghadkan kegiatan di sesuatu tempat sahaja. Sebagai nelayan tempat kegiatan mereka tidak harus terhad di sungai atau persisiran pantai.

Mahathir juga melihat bagaimana faktor psikologi boleh menghalang kemajuan sesuatu masyarakat. Ramai daripada kita sering menyatakan kesedihan terhadap nasib nelayan. Mereka adalah golongan yang paling miskin dalam negara. Malangnya kita boleh mengeluarkan airmata darah atau menangis seribu tahun tetapi kita tidak akan dapat mengurangkan kemiskinan mereka. Sebenarnya mereka yang mempertahankan kepada hidup tradisional ini menganiaya kaum nelayan. Mereka yang terlalu bersimpati dengan nelayan tradisional ini, sebenarnya menghalang kemajuan nelayan, tegas beliau.

Apa yang sepatutnya ialah lebih awal nelayan menerima perubahan cara moden maka lebih cepatlah nasib mereka dapat dipulihkan. Antaranya ialah penerokaan ke bidang laut dalam yang merupakan sumber kekayaan negara tetapi malangnya, hal ini baru disedari walaupun sudah berpuluh-puluh tahun orang asing meneroka dan meraih kekayaan dari laut dalam. Apabila ini berlaku kita merasa kecewa sedangkan nelayan-nelayan kita sendiri tidak berupaya atau tidak berminat mengambilnya dan apabila diadakan satu kerjasama dalam penangkapan ikan laut dalam, barulah disedari bahawa kita sudah lama mengabaikan bidang yang mempunyai potensi besar.

Beliau berharap dengan wujudnya Angkatan Nelayan Laut Dalam yang meneroka bidang itu secara agresif, nelayan dan negara akan menikmati banyak faedah. Apa yang mendukacitakan ialah bumiputera yang dilatih dan diharapkan untuk menjadi nelayan sepenuh masa melalui Angkatan Nelayan



ini, tidak berjaya memahami hasrat beliau sendiri yang mahu melihat satu bangsa yang kuat, yang memenuhi seluruh lapangan kehidupan termasuklah dalam aktiviti meneroka laut dalam.

Pada beliau adalah satu kesilapan jika bumiputera hanya berkhayal dengan pendapat bahawa menukar cara tradisional kepada cara yang moden akan sendirinya membawa kejayaan. Sebaliknya persiapan yang cukup mestilah dilakukan untuk menjayakannya dan bagaimana perlunya melatih orang-orang tertentu terutama di dalam bidang pengurusan kerana hanya dengan pendekatan yang tersusun dan lengkap sahaja baru kita dapat menikmati kejayaan daripada pendekatan baru itu.

Sebagai seorang pemimpin pada sebuah kerajaan yang bertanggungjawab untuk membangunkan ekonomi bumiputera melalui berbagai dasar ekonomi yang diperkenalkan. Beliau tetap memberi jaminan memastikan bahawa penglibatan ekonomi bumiputera dipertingkatkan melalui berbagai cara penyertaan yang lebih berkesan. Bagaimanapun setiap pihak, khususnya bumiputera sendiri mestilah sanggup memberi sumbangan yang ikhlas dan kesediaan menghadapi risiko dalam melaburkan seluruh minat dan usaha mereka untuk bersama membangun ekonomi bangsa dan negara.

Masyarakat peniaga bumiputera mestilah membebaskan diri mereka dari sikap yang sering diamalkan dan mesti mempunyai pandangan yang lebih agresif serta sanggup menanggung risiko-risiko yang terbabit. Adalah penting bagi mereka mengikis sikap dan kecenderungan mengikut orang lain dalam bidang-bidang perniagaan yang sama sehingga kegiatan itu menjadi penuh sesak dan tidak lagi memberi keuntungan yang munasabah.

Apa yang perlu ialah semangat keusahawanan yang tinggi dan dorongan untuk mencari dan merintis bidang-bidang baru dalam bidang perniagaan. Cara menjalankan perniagaan dengan meniru-niru bukanlah satu amalan yang baik untuk mencapai satu asas yang kukuh bagi pertumbuhan. Oleh itu hendaklah digantikan dengan satu dorongan keusahawanan yang lebih dinamik untuk memasuki bidang-bidang baru.

Kerajaan pimpinan beliau sendiri sentiasa bersedia untuk melaksanakan segala yang mungkin, untuk melaksanakan, bagi mengurangkan peraturan dan kawalan terhadap ekonomi secara berperingkat-peringkat, supaya suasana penyertaan bumiputera dapat diwujudkan dengan lebih meluas lagi.

## TUDUHAN

Sejak mengambilalih kepemimpinan negara, Mahathir sering menjadi sasaran pengkritik-pengkritik beliau dengan melemparkan berbagai-bagai tuduhan, sama ada yang bercorak peribadi ataupun yang didasarkan kepada polisi-polisi kepemimpinan beliau. Seperti kebanyakan pemimpin di mana-mana juga, sama ada pada hari ini atau di zaman yang silam, tuduhan-tuduhan ini adalah sesuatu yang lumrah, yang memang tidak dapat dielakkan.

Apatah lagi dalam sebuah masyarakat yang memilih pemimpin didasarkan kepada corak demokrasi. Sudah tentulah akan ada golongan yang tidak berpuas hati lalu akan cuba mewujudkan suasana yang boleh menyusahkan kepemimpinan yang ditentangnya itu. Setiap perkara yang dibangkitkan sebagai tuduhan-tuduhan terhadap Mahathir merupakan cabaran-cabaran yang terpaksa beliau hadapi dengan tabah. Sikap beliau sendiri tidak mudah tunduk dan kecewa kepada tuduhan-tuduhan yang kadangkala amat nyata tidak berasas itu merupakan satu ketahanan yang mengkagumkan.

Sejak tujuh tahun beliau mengambilalih kepemimpinan negara, berbagai-bagai rentak dan bentuk tuduhan telah dilemparkan kepada beliau sehinggakan menyulitkan bukan sahaja untuk beliau memimpin dengan baik tetapi ada waktunya beliau terpaksa menangkis tuduhan-tuduhan tersebut bagi memastikan suasana sebenar wujud.

Dari apa yang berlaku, ternyatalah bukan salah ibu mengandung. Nasib malang yang dihadapi oleh Mahathir, dalam menerima tuduhan-tuduhan di waktu beliau menjadi

pemimpin utama, adalah satu ujian, yang sentiasa meminta ketabahan agar beliau dapat menyelesaikan seluruh tanggungjawab yang diletakkan kepada beliau sebagai seorang pemimpin negara.

Seandainya beliau merasa terpesona dan sensitif, kepada bentuk-bentuk tuduhan tersebut, yang dicetuskan oleh segolongan pengkritik-pengkritik beliau yang sakit jiwa, sudah pastilah beliau tidak akan dapat menjalankan pentadbiran dengan penuh yakin dan bersedia untuk menghadapi sebarang rintangan yang mendatang.

Tuduhan-tuduhan yang sering dilemparkan kepada pemimpin di mana jua merupakan satu perkara yang tidak dapat dielakkan sebab di dalam kehidupan masyarakat manusia, tiap-tiap individu mempunyai pandangan dan perlakuan yang tersendiri. Oleh itu amatlah sukar untuk seseorang pemimpin dapat memenuhi hasrat dan keinginan seluruh ahli masyarakatnya.

Sejarah sendiri belum dapat memunculkan seorang pemimpin yang diterima oleh seluruh masyarakat di sekelilingnya dalam sesuatu masa ataupun daerah. Oleh itu setiap mereka yang berhasrat menjadi pemimpin, harus bersedia menghadapi risiko-risiko yang boleh menggugat ketenteraman jiwa. Kemampuan harus ada untuk menghadapi tindakan-tindakan emosional, dari pihak lawannya, yang sudah tentu mempunyai kepentingan-kepentingan tersendiri, dalam melemparkan tuduhan-tuduhan tersebut.

Ketahanan kepimpinan amatlah penting, dalam apa juga sikap dan tindakan yang diambil oleh seseorang pemimpin, sama ada ianya dari konteks dasar-dasar yang ingin dilaksanakan atau dari sudut falsafah dan pegangan moral, haruslah didasarkan oleh alasan-alasan yang sentiasa kukuh, untuk mampu menghadapi apa juga tuduhan dan kritikan, yang pasti akan dicetuskan oleh mereka-mereka yang melihat sesuatu dari sudut yang berlainan.

Kemampuan seorang pemimpin ialah melaksanakan seluruh kepercayaan dan cita-citanya menjadi suatu realiti, bukan dengan kejayaan yang diukur semata-mata melalui kemampuannya menangkis tuduhan-tuduhan tersebut. Pencapaian dan kejayaan dari usaha-usaha beliau itulah yang akan membolehkan pengkritik-pengkritik atau tuduhan-tuduhan itu terhakis dengan sendiri.

Seseorang pemimpin yang lemah dan mudah tunduk serta takut untuk menghadapi bentuk-bentuk cabaran dan tuduhan tidak akan dapat bertahan lama. Malahan seseorang pemimpin yang ingin lari dari tuduhan-tuduhan, samalah juga seperti seorang pemimpin yang ingin menjauhkan diri dari melaksanakan tanggungjawab yang sebenarnya.

Dalam hal inilah kita dapat melihat bagaimana Mahathir sebelum menjadi Perdana Menteri merupakan seorang pemimpin yang cukup dikagumi oleh hampir banyak pihak di dalam UMNO sendiri. Sewaktu beliau mula muncul kembali ke dalam arena politik negara selepas tersingkir beberapa waktu, seterusnya menjawat jawatan menteri dan kemudiannya jawatan Timbalan Perdana Menteri, adalah merupakan waktu-waktu kemuncak kelicinan kepimpinan beliau yang tidak mendapat tentangan dan kritikan sepertimana pada hari ini. Sebaliknya pada waktu tersebut, beliau sentiasa mendapat sanjungan yang cukup memberangsangkan bagi seseorang pemimpin, untuk mencetuskan inspirasi-inspirasi yang lebih menyakinkan bagi beliau memimpin masyarakat.

Sebaliknya selepas sahaja beliau mengambilalih sebagai pemimpin utama negara, maka seluruh tindakan-tindakan kepimpinan beliau telah diikuti bukan sahaja oleh kritik-kritik yang tajam, yang tidak berasas tetapi juga tuduhan-tuduhan, yang boleh melemahkan semangat beliau untuk memimpin. Namun sebagai seorang pemimpin yang berwibawa, bertanggungjawab dan punya ketahanan diri yang cukup kuat, Mahathir mampu menghadapi semua itu dengan tabah dan menyerahkan pada Kekuasaan Yang Lebih Besar untuk menentukan keadilan yang sebenarnya terhadap apa yang dikatakan.

Sikap Mahathir sebagai seorang pemimpin adalah terbuka. Beliau pernah menyatakan bahawa tidak perlu sesuatu sokongan dibuat kepada beliau semata-mata kerana beliau menyokong dan juga tidak perlu sesuatu itu ditentang semata-mata untuk menentang. Apa yang penting dan lebih utama ialah bersikap terbuka, rasional dan adil dalam membuat penilaian terhadap sesuatu. Hanya dengan itu sahaja baharulah dapat diwujudkan suatu bentuk masyarakat, sistem dan kepimpinan yang adil. Sebaliknya jika sesuatu kritikan itu dibuat semata-mata berdasarkan emosi atau kerana datangnya daripada orang yang tidak disukai, walaupun kritikan itu benar, maka sikap

yang demikian tidak akan dapat memberi kemajuan kepada seseorang atau sesebuah masyarakat.

Kebenaran harus mengatasi segala sempadan, kebenaran harus berdiri dengan sendirinya. Kebenaran boleh datang daripada mana dan daripada sesiapa juga, sama ada dari pemimpin atau penentang. Yang penting ialah kemampuan untuk membuat penilaian.

Dilihat dari sudut politik, tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepada beliau adalah bertujuan untuk melemahkan struktur kepimpinan beliau, di samping merupakan usaha-usaha terakhir, yang mampu dibuat oleh penentang-penentang beliau, yang kedangkalan fikiran-fikiran secara rasional atau strategi-strategi politik yang lebih baik, dalam usaha mereka untuk merampas kuasa dari Mahathir.

Mereka-mereka dari golongan politik yang menjadi penentang-penentang beliau ini merasakan dengan melemparkan tuduhan-tuduhan yang bercorak peribadi khususnya akan dapat menjejaskan imej kepimpinan Mahathir di kalangan penyokong-penyokongnya.

Tindakan-tindakan yang dilakukan oleh pengkritik-pengkritik beliau khususnya tokoh-tokoh politik yang pernah seiring dengan beliau di dalam parti, merupakan satu tindakan terdesak yang melambangkan sikap mereka sendiri sebagai seorang pemimpin yang bukan sahaja tidak berjiwa besar tetapi juga tidak bertanggungjawab terhadap kenyataan-kenyataan yang mereka lakukan.

Pendekatan yang mereka lakukan ternyata tidak membantu untuk memimpin atau mengajar masyarakat. Sebaliknya menampakkan satu bentuk dan ciri kepimpinan yang rendah seandainya mereka boleh berkuasa. Melalui cara-cara yang dilakukan oleh mereka untuk mendapatkan kuasa adalah dijangkakan keadaan akan menjadi lebih rumit dan penuh emosi lagi, jika mereka berkuasa.

Pada suatu ketika beliau telah dituduh menjadi salah seorang pemimpin yang terkaya di dunia. Anehnya tuduhan itu menjadi begitu popular di kalangan setengah ahli-ahli masyarakat kerana kemampuan mereka-mereka yang membentuk dan mengolah, cara-cara tuduhan-tuduhan itu disebar. Sehingga beliau terpaksa tampil ke hadapan untuk menolak kebenaran tuduhan tersebut. Mungkin tuduhan itu boleh dianggap lebih baik jika Mahathir hanya dikatakan sebagai

salah seorang yang terkaya di Malaysia walaupun beliau tidak pernah termasuk dalam golongan itu walaupun di negaranya sendiri, tetapi dengan meletakkan beliau sebagai salah seorang pemimpin terkaya di dunia menunjukkan mereka-mereka yang menimbulkan tuduhan-tuduhan tersebut sendiri, bukanlah dari kumpulan pengkritik atau musuh-musuh yang mempunyai strategi dan kemampuan berfikir dengan baik.

Tuduhan-tuduhan tersebut, ia hanya mencetuskan polemik-polemik yang didasarkan kepada isu-isu sempit semata-mata dan tidak langsung membawa apa-apa faedah kepada masyarakat. Mengikut Mahathir, tuduhan sedemikian timbul disebabkan ada orang atau pihak tertentu yang tidak puas hati kerana tidak mendapat sesuatu ataupun kerana ingin menjatuhkan kerajaan pimpinan beliau. Tuduhan seperti itu juga ada kaitan dengan politik kerana beliau telah mendapat tempat utama sebagai Perdana Menteri.

Satu daripada cara untuk menjatuhkan seseorang ialah dengan mengenakan label seperti rasuah. Dengan itu walaupun sesuatu yang dilakukan secara kebetulan akan ditafsir sebagai perbuatan rasuah. Pada suatu waktu dahulu beliau pernah dicap sebagai *altra* walaupun beliau bukanlah seorang yang pelampau dan semua orang pada ketika itu yang terpengaruh dengan tuduhan tersebut akan menganggap apa jua tindakannya sebagai keterlaluan. Ini merupakan taktik yang dilakukan oleh musuh-musuh politik beliau pada waktu itu yang takut pada kemungkinan beliau muncul sebagai pemimpin. Malangnya usaha-usaha mereka ternyata gagal dengan kecapaian beliau pada hari ini. Oleh itu, usaha-usaha lain perlu dibuat bagi menjatuh dan mencacatkan kepimpinan beliau yang ada.

Bagi beliau, tujuan utama tindakan pihak-pihak tertentu ialah untuk menggagalkan, kerana kalau beliau gagal, parti juga akan gagal. Terutama sekali apabila ramai yang menganggap Pilihanraya Umum boleh digunakan sebagai tempat untuk melepaskan geram kekecewaan mereka terhadap kepimpinan beliau. Cara mudah yang lumrah dilakukan ialah dengan mengecap beliau terbabit dengan rasuah. Tuduhan-tuduhan ini bukan sahaja berbentuk mudah dan cepat popular jika dihadapkan kepada seseorang pemimpin tetapi selalunya ianya tidak memerlukan bukti-bukti yang kukuh bagi melengkapkan tuduhan tersebut, disebabkan hampir menjadi

andaian majoriti di dalam masyarakat, kekuasaan tidak dapat dipisahkan dengan rasuah.

Sikap Mahathir dalam menghadapi semua ini ialah beliau akan tetap meneruskan tugas-tugas beliau selagi hati kecilnya meyakini bahawa beliau tidak terlibat dengan apa-apa jenayah. "Bagi saya, saya akan jalankan tugas saya sehingga tidak mampu lagi ataupun sehingga benar-benar orang tidak mahukan saya", tegasnya.

Dalam satu temuramah, Mahathir telah menegaskan hasrat beliau untuk mewujudkan satu kerajaan yang berkesan. Oleh kerana itu apabila sesuatu arahan dikeluarkan oleh kerajaan atau oleh beliau sendiri maka biasanya beliau akan membuat 'follow up' iaitu meminta laporan sama ada tugas itu dijalankan atau tidak kepada semua pegawai kerajaan. Mereka-mereka ini perlu tahu bahawa kalau mereka tidak menjalankan tugas, mereka akan disoal oleh beliau. Oleh kerana itu, biasanya jika ada arahan daripada beliau atau kerajaan, mereka cepat-cepat menjalankan tugas. Bahkan jikalau beliau membuat lawatan ke mana-mana tempat, jalan-jalan semuanya diperbaiki.

Ini tidaklah seperti yang beliau harapkan tetapi inilah yang berlaku. Jadi dalam keadaan ini, beliau mendapati ada pihak-pihak, dalam kerajaan juga demi untuk mendapat kesan pada arahan berkata, "ini arahan Perdana Menteri", mungkin benar dan mungkin tidak benar. Sebaliknya bila dikatakan arahan dari Perdana Menteri maka kerja itu akan dijalankan dengan lebih cepat. Ada juga orang ramai yang membuat aduan terhadap kerajaan, "kenapa pegawai-pegawai ini tidak menjalankan tugas" dan biasanya kalau beliau sendiri menerima aduan itu, beliau akan merujuk kepada pegawai itu dan pegawai tersebut terpaksa memberi penerangan kenapa terlewat dan sebagainya.

Sudah diketahui umum iaitu kalau hendak pegawai mengambil tindakan dengan cepat, jika arahan tersebut datang dari Perdana Menteri maka cepatlah kerja itu dibuat. Susulan daripada itu, ada pihak-pihak lain pula bila hendak buat sesuatu akan juga berkata, "ini arahan daripada Perdana Menteri."

Kadang-kadang orang ini berjumpa dengan beliau dan bila keluar dia akan berkata bahawa beliau sudah berjumpa dengan

Perdana Menteri dan apabila dilihat maka ianya seolah-olah merupakan arahan yang datang daripada beliau. Jika orang itu seorang ahli perniagaan yang memang mempunyai motif untuk menjatuhkan imej kepimpinan beliau maka orang yang berjumpa dengan beliau boleh mengatakan bahawa beliau hendakkan komisyen yang kononnya untuk diberikan kepada beliau.

Ini adalah di antara berbagai bentuk dan cara yang boleh dijadikan tuduhan kepada beliau yang tidak dapat dielakkan. Corak kritikan, tuduhan dan khabar-khabar angin disebarikan dalam usaha memburukkan imej kepimpinan Mahathir dan mencetuskan rasa gelisah masyarakat terhadap beliau ini, dibuat dalam pelbagai bentuk dan bidang. Ianya bukan sahaja dirancang rapi di dalam negara tetapi juga turut dilakukan oleh mereka-mereka yang merasa kecewa dengan kecapaian-kecapaian yang telah beliau tunjukkan sama ada di dalam atau luar negeri. Musuh-musuh beliau sentiasa berkeliaran memainkan peranan mereka dengan penuh aksi bagi memastikan cita-cita mereka untuk melihat kejatuhan beliau tercapai.

Sewaktu kempen-kempen hebat berlaku dalam pemilihan parti pada tahun 1987, beberapa pihak telah menyatakan bahawa beliau akan meletakkan jawatan, sekiranya gagal memperolehi undi yang memuaskan, tanpa memperdulikan proses demokrasi dan tanpa memahami bahawa Mahathir seorang pemimpin yang demokratik. Mereka sengaja menimbulkan isu tersebut bagi memberi kemenangan kepada pihak mereka. Bagaimanapun Mahathir sentiasa berjaya mematahkan bentuk serangan dan tuduhan-tuduhan yang sedemikian.

Dalam satu pengakuannya beliau telah menegaskan, "ada orang berkata saya akan meletakkan jawatan sekiranya memenangi jawatan Presiden Parti dengan undi 55—45% ataupun 51—49% tetapi walaupun saya memperolehi kelebihan satu undi, saya akan terus mengekalkan jawatan." Bagi beliau apa yang sepatutnya berlaku ialah kempen-kempen yang berjalan semasa pemilihan hendaklah berlandaskan kepada rekod perkhidmatan seseorang calon dan bukannya unsur-unsur untuk memburuk-burukkan lawan.

Ada juga tuduhan-tuduhan yang dihalakan kepada beliau



menunjukkan kemampuan beliau sebagai seorang yang berpengaruh atau 'superman'. Contohnya bila beberapa harga barang-barang utama Malaysia jatuh di pasaran antarabangsa. Ada kumpulan-kumpulan tertentu yang menyatakan beliau bertanggungjawab kepada kejatuhan harga tersebut. Ini seolah-olah menunjukkan bahawa Mahathir seorang pemimpin yang cukup berkuasa dan berpengaruh sehingga mampu menentukan kejatuhan dan kenaikan harga sesuatu barang di pasaran antarabangsa.

Walaupun tuduhan-tuduhan tersebut tidak dapat diterima oleh satu pemikiran yang rasional, namun ada juga pihak-pihak yang terpesona dan terus-menerus membuat propaganda-propoganda demikian, tanpa merasa silu, menyerlahkan kejahilan mereka sendiri, dalam melihat faktor-faktor jatuh banggunya sistem nilai pasaran antarabangsa.

Terdapat juga setengah-setengah pihak yang mendakwa kononnya kejatuhan harga barang mentah negara disebabkan oleh sikap tegas beliau yang dijelmakan melalui Dasar Luar Negara terhadap pihak Zionis tanpa memikirkan harga komoditi negara ini tidak mungkin boleh meningkat, jika pun Malaysia berbaik-baik dengan pihak Zionis.

Ianya tidak ada kena mengena dengan perbalahan Malaysia dengan Zionis dalam menentukan naik atau jatuhnya harga suatu komoditi di pasaran antarabangsa. Kejatuhan harga barang-barang tersebut bukan sahaja menjejaskan Malaysia malahan semua negara yang mengeluarkan barangan mentah seperti petroleum, kelapa sawit, getah dan bijih timah.

Agaknya suatu hari nanti apabila harga komoditi itu telah pulih semula, apakah mungkin pujian diberikan kepada Mahathir, kerana berjaya menaikkan harga-harga tersebut di pasaran antarabangsa, atau mereka akan mengalihkan pula pandangan mereka kepada bentuk dan corak tuduhan yang lain sebagai satu strategi politik kumpulan mereka. Ini tidak dapat dipastikan.

Tuduhan dan sabotaj di era kepimpinan Mahathir, bukan sahaja tercetis di kalangan ahli politik yang menentang beliau, tetapi juga kepada mereka-mereka dan kumpulan-kumpulan yang mempunyai kepentingan tertentu di luar negeri. Umpamanya yang selalu menjadikan Mahathir sasaran mereka ialah media asing, yang dikuasai oleh media-media besar di Barat sepertimana BBC (British Broadcasting Corporation)

yang turut memperkatakan perkembangan politik Malaysia secara emosional, hanya semata-mata untuk memburukkan kepimpinan Mahathir.

Adalah diduga tindakan sabotaj dan tuduhan yang dibuat oleh pihak media asing ini, khususnya media Barat, bukanlah semata-mata dilakukan oleh mereka berdasarkan penelitian mereka yang sebenar. Sebaliknya kerana disogok dengan maklumat-maklumat palsu, oleh mereka-mereka yang mempunyai kepentingan tertentu, dengan tidak memperdulikan tindakan mereka akan menjejaskan imej negara di luar negeri. Demi untuk mencapai cita-cita politik mereka dan juga kepentingan-kepentingan tertentu, mereka sanggup membawa segala bentuk dakyah dan sabotaj ke peringkat antarabangsa.

Dalam laporan BBC yang disiarkan pada 4hb. Mei, 1988, mengenai penahanan beberapa orang yang menggugat keselamatan negara mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri. Laporan itu umpamanya telah menyiarkan hanya dua minit daripada 45 minit temubual wakil mereka dengan Mahathir. Sebaliknya BBC memberi masa 18 minit kepada penentang-penentang politik Mahathir dalam program tersebut.

Sebuah majalah antarabangsa *Far Eastern Economic Review* (FEER) telah menyiarkan satu artikel dengan tujuan untuk memburukkan Mahathir, kononnya beliau telah membuat perundingan dengan Sultan Brunei bagi menjual Limbang satu daerah di Sarawak kepada kerajaan Brunei. Walaupun berita sedemikian sebenarnya tidak masuk akal tetapi majalah yang mengaku mempunyai penulis-penulis yang berkaliber tetap menyiarkannya sebagai satu asas berita. Berita tersebut di samping bertujuan untuk memburukkan imej Mahathir, di satu tahap telah menimbulkan reaksi yang kurang senang di kalangan rakyat Malaysia yang tidak merestui sebarang bentuk propaganda dan sabotaj yang tidak berasas, apatah lagi bila ianya disiarkan dalam sebuah Majalah Mingguan Antarabangsa.

Ternyata lah kemudiannya laporan tersebut tidak benar dan pihak Majalah FEER telah meminta maaf dan menarik balik laporan mereka. Walaupun mereka menyedari bahawa adalah tidak logik, sesebuah kerajaan mahu memberikan walau seinci tanahnya kepada sebuah negara asing, kecuali negara tersebut

benar-benar lemah untuk mempertahankan dirinya. Namun berita-berita seperti ini merupakan hampir menjadi satu fenomena baru dalam era kepimpinan Mahathir, yang sergaja diwujudkan dan diputar-belitkan oleh pihak media asing yang dipengaruhi oleh Barat

Selain FEER, Asian Wall Street Journal juga sering memberi gambaran yang salah tentang pentadbiran di negara ini. Akhbar ini yang berpusat di Hong Kong sentiasa membuat kecaman-kecaman tanpa mengemukakan bukti-bukti yang tepat. Dalam sebuah rencana yang dikeluarkan, akhbar tersebut telah menuduh Menteri Kewangan, Daim Zainuddin membuat satu urusan yang meragukan dalam pembelian saham United Malayan Banking Corporation (UMBC). Rencana tersebut telah diterbitkan serentak dengan berlangsungnya Mesyuarat Bank-bank Dunia dan ADB, dengan tujuan untuk mencemarkan nama baik pemimpin negara serta tanggapan buruk terhadap Malaysia di kalangan para peserta.

Dalam mengulas penyiaran rencana tersebut, Mahathir hanya menyatakan beliau tidak boleh berbuat apa-apa kerana Asian Wall Street Journal mempunyai hak untuk menerbitkannya walaupun ia tidak benar. Berdasarkan inilah Mahathir pernah meminta para pelabur dan akhbar Jepun mengenyepikan apa yang disifatkannya laporan-laporan jahat agensi dan akhbar Barat sejak kebelakangan ini yang semakin ghairah untuk memburuk-burukkan Malaysia di kacamata dunia luar.

Menurut Mahathir, sudah tiba masanya untuk memberi Jepun membuktikan pergantungan mereka kepada agensi berita Barat. Sebaliknya mendapatkan gambaran tepat mengenai Malaysia secara langsung dengan mewujudkan koresponden mereka di sini. Beliau menegaskan, "kita tidak mengatakan bahawa kita telah bebas sepenuhnya dari masalah dengan masyarakat yang berbilang kaum dan berbilang agama tinggal bersama-sama di sebuah negara. Saya berani mengatakan hanya sesuatu yang ajaib dan luar biasa sahaja yang mampu membebaskan kita dari masalah."

Bagaimanapun menurut beliau, jika dibandingkan dengan negara-negara lain adalah wajar untuk mengatakan Malaysia jauh lebih demokratik dan lebih stabil.

Dalam pertemuan dengan para delegasi Jepun dan Malaysia yang menghadiri persidangan ke 11 Persatuan Kerjasama

Ekonomi Malaysia/Jepun di Pusat Dagangan Dunia Putra, Mahathir telah menjelaskan apa yang sedang dilakukan oleh dunia Barat, adalah propaganda orang-orang tertentu yang mempunyai kepentingan peribadi sahaja. Beliau telah menggesa agar satu laporan secara langsung wartawan Jepun dapat dibuat bagi membetulkan kepincangan tersebut.

Tuduhan ditaktor adalah satu tuduhan yang dihalakan kepada Mahathir. Meskipun mereka-mereka yang membuat tuduhan itu tidak mendasarkannya kepada bukti-bukti nyata, namun tuduhan-tuduhan tersebut tetap disebarkan sebagai satu usaha untuk menarik minat orang ramai menyertai mereka. Apa yang sebenarnya ialah satu interpretasi yang sewenang-wenangnya, dibuat apabila terdesak ketika ada pihak yang mahu mencabar kepimpinan Mahathir melalui proses pemilihan parti. Maka slogan demokrasi digunakan bagi mempertahankan tindakan tersebut.

Oleh itu sebarang keputusan atau tindakan untuk mencabar kepimpinan Mahathir adalah dianggap selaras dengan kehendak-kehendak demokrasi. Demikian juga sebaliknya bila terdapat beberapa percanggahan dari beberapa sudut kepimpinan, maka pada mereka ini, percanggahan dan perbezaan pendapat tersebut juga boleh ditakrifkan sebagai satu tindakan ditaktor.

Yang jelas ialah kebanyakan yang sengaja mahu memutarbelitkan pengertian demokrasi atau ditaktor ini, tidak dapat melindungi kepentingan-kepentingan mereka sendiri. Pengertian sesuatu akan diterjemahkan secara bebas, jika ianya dapat merestui tindakan-tindakan mereka. Sebaliknya pengertian sesuatu istilah akan disempitkan bagi memenuhi pandangan-pandangan mereka, meskipun ianya tidak diasaskan kepada pengertian umum terhadap sesuatu yang mereka terjemahkan.

Reaksi Mahathir sendiri di dalam menafikan tuduhan-tuduhan seperti ini ternyata mudah sahaja. Umpamanya bila dikatakan beliau seorang ditaktor, beliau hanya menafikan dengan bertanya, sudah berapa orangkah yang telah beliau tembak selama ini jika dibandingkan dengan Presiden Ferdinand Marcos, berapa banyakkah kemusnahan harta dan nyawa yang telah beliau lakukan? Jika beliau seorang ditaktor sudah tentulah juga beliau seorang yang banyak bercakap kerana mesyuarat-mesyuarat yang beliau pengerusikan

kadangkala mengambil masa hingga lima dan enam jam.

Di dalam Mesyuarat Kabinet umpamanya, mengambil masa tidak kurang dari tiga jam. Ini bererti sebagai seorang ditaktor, sepanjang masa tersebut beliau hanya memberi arahan-arahan kepada menteri-menterinya.

Begitu juga tentang banyaknya tulisan-tulisan dan buku-buku yang mengkritik dan mencerca kepimpinan beliau. Bagaimanapun semua buku-buku tersebut boleh terus disebar, Mahathir secara sinis menganggap ini menunjukkan bahawa beliau seorang ditaktor yang baik jika dibandingkan dengan tindakan mengharam buku beliau *The Malay Dilemma* pada tahun 1969. Begitu juga dengan tuduhan-tuduhan bahawa beliau mempunyai rumah di sana sini. Mahathir hanya mempersendakan tuduhan tersebut dengan memungkinkan beliau juga dituduh mempunyai sebuah rumah di Kutub Utara.

Pada keseluruhannya, Mahathir bukanlah seorang pemimpin yang sempurna, malah beliau sendiri tidak pernah mengakui hakikat tersebut. Dapat dilihat kebanyakan tuduhan-tuduhan tersebut dibuat hanya semata-mata kerana irihati kerana kecapaian-kecapaian beliau. Apatah lagi jika kritik-kritik tersebut datangnya daripada orang-orang yang pernah berkerjasama dengan beliau. Sebaliknya apabila tiba waktunya mereka berada di pihak yang berlainan maka seluruh usaha bersama, persetujuan-persetujuan yang telah dicapai dahulu, terus dilupakan dan diletakkan kesalahan-kesalahan kepada Mahathir.

Ini adalah sebahagian dari tindakan-tindakan musuh beliau yang tidak sanggup menerima risiko. Sebaliknya sebarang beban dan tanggungjawab dipindahkan kepada Mahathir. Kemampuan mereka untuk mempertahankan Mahathir hanya sewaktu Mahathir berada di pihak mereka atau ketika mereka belum bermusuh dengan beliau.

Sikap dan tuduhan yang dibuat tanpa kerasionalan ini juga melambangkan bentuk kepimpinan yang cetek yang dipunyai oleh musuh-musuh politik beliau. Dalam banyak hal kemenangan Mahathir adalah di atas kemampuan dan ketegasan beliau. Sementara kekalahan musuh-musuh politik beliau adalah di atas kejahilan mereka sendiri.

Kalau kita mahu maju.

Untuk menggambarkan apa yang akan berlaku pada masa hadapan, kita bukan saja mesti melihat keadaan kita sekarang, tetapi juga keadaan-keadaan yang sudah kita tempuhi. Dunia sudah melalui satu siri kejutan ekonomi. Setelah menikmati kemakmuran selepas Perang Dunia Kedua, kejutan pertama yang dialami ialah pada tahun 1970 apabila kemerosotan dialami oleh sektor industri.

Ini disusuli dengan "kejutan minyak" yang pertama pada tahun 1973. Berikutan ini, kadar pertukaran mata wang menjadi tidak stabil. Nilai wang sukar diramalkan dan perdagangan antarabangsa menjadi satu pertaruhan. Ini diikuti oleh kejutan minyak yang kedua apabila harga petroleum memuncak begitu tinggi, sehingga ada yang meramalkan ia akan mencapai AS\$70 satu tong. Nilai mata wang dolar Amerika meningkat, begitu juga kadar faedah Amerika. Namun begitu, ekonomi AS mengalami ketidakseimbangan perdagangan dengan Jepun dan Jerman. Nilai dolar kemudian merosot dengan kesan yang begitu buruk terhadap pinjaman yen.

Harga komoditi merosot dengan begitu teruk pada lewat 1985 dan pada tahun ini, bursa-bursa saham dunia mengalami kejatuhan yang amat tenat. Semuanya datang dengan mengejutkan dan sesungguhnya tidak dapat diramalkan. Jika kita tidak meramalkan apa yang sudah berlaku, adalah juga sukar bagi kita dapat meramalkan masa depan dengan begitu tepat. Namun demikian, kita masih perlu berusaha kerana kita tidak boleh merancang tanpa membuat andaian-andaian tertentu. Ekonomi kita, disebabkan terikat kepada ekonomi dunia, tidak terlepas daripada krisis-krisis itu.

Sama seperti negara lain di dunia ekonomi bebas, kita juga mengalami keadaan yang teruk akibat lautan ekonomi yang ganas. Tekanan terbaru kita alami ialah dalam keganasan bursa saham. Ini sekali lagi mengingatkan kita kepada ikatan kita kepada ekonomi dunia. Kita tidak boleh berusaha bersendirian jika mahu menikmati pertumbuhan pesat menerusi eksport, jalan yang dipilih oleh Jepun, Korea, Taiwan dan negara-negara lain. Sebagai pilihan lain, kita boleh keluar daripada sistem dunia perdagangan bebas, tetapi ini bermakna kita terpaksa mengorbankan pertumbuhan yang pesat dan menerima keadaan yang lembap, hasil semata-mata daripada dorongan ekonomi dalam negeri.

Kita mempunyai banyak contoh mengenai negara-negara

yang memilih jalan ini. Oleh itu, walaupun salah pengurusan dalam ekonomi-ekonomi utama akan terus menjejaskan kita, kita akan terus kekal dalam sistem pasaran bebas. Kita berharap kita mempunyai kemahiran pengurusan yang mencukupi untuk melalui keadaan yang sukar berikutan keruntuhan bursa-bursa saham dunia dan kadar pertukaran mata wang yang tidak stabil. Mesyuarat hari ini perlu mengkaji setiap idea yang timbul mengenai cara mengurus ke arah Pemulihan Ekonomi Nasional.

Sejak dunia meninggalkan Breton Woods dan menafikan hak kerajaan-kerajaan untuk menetapkan nilai mata wang masing-masing, tumpuan perhatian sudah beralih daripada urusan pengeluaran dan penjualan bahan-bahan kepada manipulasi mata wang. Sebagai contoh, sebahagian besar perhatian kini tertumpu kepada urusan saham dan stok. Pengambilalihan, penggabungan dan pertukaran saham menjadi urusan biasa dan segala tenaga dan pemikiran ditumpukan kepada usaha ini. Hanya Jepun dan Jerman nampaknya masih berpegang kepada pengeluaran dan penjualan bahan dan perkhimatan mengikut cara lama.

Perniagaan dalam mata wang boleh menghasilkan keuntungan yang amat besar. Beribu-ribu juta dolar dibeli dan dijual setiap hari. Yang nyata ialah permintaan menentukan nilai mata wang. Kerajaan-kerajaan yang berdaulat langsung tidak mempunyai kuasa untuk menentukan secara sah nilai mata wang masing-masing. Sesebuah bank boleh menurunkan nilai sesuatu mata wang dengan hanya menawarkan untuk jualan sesuatu mata wang yang ia tidak miliki.

Jika sesebuah kerajaan itu kaya, ia boleh menawarkan untuk membelinya atau membelinya terus bagi mempertahankan atau meningkatkan nilainya. Ia juga boleh menjual mata wangnya sendiri bagi menurunkan nilainya. Tetapi ia tidak boleh lagi menetapkan kadar pertukaran mata wangnya sendiri. Dengan kata lain, ia tidak lagi berdaulat selagi ia ada kaitan dengan wang. Hari ini kita menyaksikan kemerosotan nilai dolar Amerika Syarikat dan juga mata wang yang berkait rapat dengannya. Kedudukan nilai mata wang yang tidak tetap menyebabkan kadar hutang meningkat, pendapatan juga tidak tetap dan perdagangan antarabangsa diibaratkan satu

perjudian.

Perdagangan hadapan juga kini menghadapi risiko tinggi dan sukar diramalkan. Dengan kata lain, ekonomi dunia dan negara-negara menjadi amat tidak menentu dengan peniaga di bilik-bilik perdagangan di seluruh dunia menghadapi komputer dan hotline, mereka menjerit-jerit sesama sendiri. Perdagangan yang begitu ganas berlangsung 24 jam sehari dan 365 hari setahun. Setiap saat terlalu berharga untuk disia-siakan bagi kenaikan atau kemerosotan nilai yen atau dolar atau paun, mahupun dinar. Tetapi mata wang sebenarnya tidak ubah hanya kertas biasa. Jika ditimbang, beratnya tidak jauh berbeza daripada kertas tandas. Wang hanya akan berharga jika ia mempunyai sandaran yang bernilai.

Dalam hubungan ini, sandaran itu mungkin berbentuk sandaran emas, kekuatan ekonomi atau kestabilan ekonomi. Sungguhpun begitu, dapatkah kita katakan bahawa separuh daripada sandaran emas di Fort Knox sudah dikurangkan berikutan kemerosotan nilai dolar Amerika sehingga setengah daripada nilai asalnya? Atau bolehkah seseorang itu menganggap bahawa ekonomi AS kini cuma separuh daripada nilainya berbanding pada masa lalu, atau sama ada kestabilan politik AS kini cuma separuh daripada kestabilannya berbanding keadaan sebelum kejatuhan nilai dolar?

Adalah jelas tidak satu pun aset yang menyokong dolar AS sudah berubah. Apa yang berlaku ke atas dolar, bukan tulen. Pedagangan mata wang yang tamak mengejar keuntungan, menggerakkan nilainya sama ada ke atas atau ke bawah, kerana mata wang atau kadar pertukaran yang stabil tidak menguntungkan mereka. Bursa saham juga menerima layanan yang sama. Tujuan asalnya, iaitu meningkatkan modal, sudah dilupakan. Malah pelaburan untuk mendapatkan dividen juga sudah diketepikan. Yang dipentingkan hanyalah keuntungan. Dahulunya nilai saham sentiasa meningkat kerana syarikat-syarikat tertentu diuruskan dengan baik, membayar dividen yang tinggi dan sentiasa meningkatkan asetnya.

Hari ini nilai-nilai ini tidak lagi digunakan dalam menentukan harga. Yang penting ialah sentimen dan keperluan untuk menaikkan atau menurunkan harga supaya penjualan atau pembelian akan menghasilkan keuntungan. Begitulah keadaan harga saham yang terlalu tinggi sehingga seseorang pembeli boleh menunggu sehingga 100 tahun tanpa sebarang harapan



untuk memperolehi dividen untuk membayar hutangnya. Nilai pasaran saham-saham itu keseluruhannya boleh meningkat tiga atau empat kali lebih banyak daripada asetnya. Sekarang zaman untung besar sudah berakhir, kerugian pula menimpa pelabur. Dalam sekelip mata, kerugian ribuan juta ringgit. Pelabur bertindak menembak broker saham mereka, sebelum membunuh diri.

Bank-bank pula mendapati ia kehilangan berjuta-juta dalam pinjaman yang dikeluarkan untuk membeli saham. Nilai harta juga jatuh, menyebabkan cagarang langsung tidak bernilai. Senarai bankrap bertambah panjang setiap hari. Kedai-kedai kehilangan pelanggan dan terpaksa ditutup dan masalah pengangguran menghantui setiap orang. Begitulah keadaan seterusnya.

Namun begitu, dunia masih belum bersedia untuk mengawal spekulasi mata wang dan perbuatan mengaut keuntungan besar-besaran di bursa saham. Di Malaysia, dalam usaha memulihkan ekonomi, kita juga turut perlu mengkaji keadaan dalam kestabilan kewangan. Sama ada kita suka atau tidak, segala yang kita rancang dengan baik akan turut menerima kesan daripada gangguan-gangguan terhadap nilai mata wang antarabangsa, prestasi pasaran saham atau dasar-dasar negara kuasa ekonomi dunia. Apakah yang dapat kerajaan lakukan untuk memulihkan keadaan ekonomi?

Tentunya ramai orang akan bersedia untuk menegur dasar-dasar kerajaan yang kononnya menjadi punca kelembapan ekonomi. Dalam pada itu, ada juga orang-orang sentiasa menyalahkan kerajaan seolah-olah kerajaanlah punca segala keburukan. Dalam keadaan ekonomi yang kukuh pun, golongan itu juga masih menyalahkan kerajaan kerana tidak meningkatkan kemajuan ekonomi. Mereka mungkin ahli ekonomi, tetapi pada asasnya mereka ialah ahli-ahli politik yang menggunakannya untuk mengejar kepentingan politik masing-masing.

Kerajaan mungkin betul dan ia juga tentunya boleh silap. Tetapi kerajaan tidak boleh dituduh sengaja mahu menggugat ekonomi negara. Halangan-halangan yang dikenakan dalam Dasar Ekonomi Baru adalah semata-mata bertujuan menjaga kesejahteraan ekonomi setiap orang. Apa gunanya satu sistem ekonomi yang liberal, jika negara menghadapi masalah iri hati di kalangan pelbagai kaum yang sentiasa menjejaskan kestabilan

negara?

Bagi pemulihan ekonomi negara masyarakat perniagaan perlulah menerima keikhlasan niat kerajaan dalam usahanya meningkatkan kemakmuran ekonomi. Dengan penerimaan ini, kerjasama kerajaan dengan sektor swasta akan menjadi kenyataan. Kerajaan Malaysia adalah antara kerajaan yang mudah didekati di rantau ini, kalau tidak di dunia. Sebelum bercakap mengenai idea dan pendekatan-pendekatan baru, eloklah kita meninjau semula dasar-dasar kerajaan yang wujud. Sudahkah dasar-dasar ini diberi peluang untuk dilaksanakan secara sempurna atau adakah ia terlalu buruk sehingga menjadi punca kelembapan prestasi ekonomi negara. Apakah kita perlu menghentikan dasar itu atau meneruskannya dalam usaha memulihkan ekonomi negara.

Dasar Ekonomi Baru (DEB) tidak dapat dinafikan mengongkong perkembangan pesat ekonomi. Tugas untuk meningkatkan kemajuan Bumiputera setaraf dengan bukan Bumiputera memerlukan masa, wang dan tenaga. Kesannya ialah kita tidak berupaya mencapai perkembangan ekonomi sepenuhnya. Jadi adakah perlu dasar ini dihentikan? Bolehkah kita kata adalah malang Bumiputera tidak mampu mencapai kemajuan atas usaha mereka sendiri? Bolehkah kita kata kita tidak mampu menunggu mereka? Atau sama ada kita hendak kata lupakan saja mereka dan meneruskan usaha untuk melaksanakan program pemulihan tanpa halangan? Tetapi adakah keadaan politik negara akan stabil jika kita tidak berusaha untuk menseimbangkan kemajuan ekonomi antara kaum?

Pengalaman masa lalu menunjukkan kestabilan negara ini agak mudah tercabar. Kita perlu berusaha jika kita mahu terus stabil dan DEB adalah alat utama bagi mencapai kestabilan di semua segi. Tanpa kestabilan politik, ekonomi tidak dapat tumbuh dan berkembang. Pilihannya adalah nyata, iaitu antara perkembangan ekonomi yang agak perlahan dengan halangan DEB atau pertumbuhan tidak menentu dalam keadaan yang tidak stabil. Malaysia tidak mempunyai pilihan, kecuali menerima DEB dan berusaha mengatasi halangan-halangannya.

Baru-baru ini kerajaan melonggarkan aspek ekuiti dalam DEB sebagai langkah menyelesaikan masalah pengangguran. Penyediaan peluang pekerjaan adalah matlamat DEB, iaitu membasmi kemiskinan. Kita tidak dapat mengorbankan

pekerjaan kepada golongan miskin kerana mahu memastikan peruntukan saham kepada golongan yang berada. Apabila keadaan ekonomi pulih kembali, barulah kita dapat menumpukan perhatian kepada pengagihan. DEB tidak sepatutnya lagi dikatakan menghalang usaha pemulihan ekonomi.

Seorang wartawan asing baru-baru ini melaporkan bahawa Malaysia sudah menghapuskan Dasar Pandang ke Timur. Seperti lazimnya, wartawan itu membuat andaian bahawa dasar itu bermakna memberi kontrak dan membeli barangan dari Jepun dan Korea. Wujud salah faham di sini mengenai dasar ini yang juga berlaku di kalangan rakyat Malaysia. Walaupun pelbagai penjelasan sudah diberikan bahawa dasar itu bertujuan mempelajari etika kerja dan pengurusan dari Jepun, Korea atau Taiwan, masih ramai yang menganggap ia bermakna memberi kontrak dan beli barangan dari Jepun dan Korea. Orang Amerika dan Eropah masih memandang ke Timur untuk mempelajari pendekatan pengurusan dan etika kerja. Bagaimanapun masih ada orang Malaysia yang berpendapat bahawa kita hanya boleh belajar dari Mat Salih. Sebenarnya, etika Mat Salih yang mengheret kita ke bawah, sedangkan jiran kita sudah melintas kita dengan pencapaian ekonomi yang lebih memuaskan.

Saya ingin mengulangi bahawa kerajaan masih komited untuk memupuk etika kerja Timur di kalangan tenaga kerja Malaysia, dan pengurusan perlu belajar daripada teknik-teknik pengurusan Timur. Jika kita mahu berjaya, kita mesti bersaing. Jika kita ingin bersaing, kita perlu produktif. Jika kita mahu menjadi produktif, kita perlu jujur dan gigih berusaha. Pekerja yang malas atau pengurus yang tidak amanah tidak akan membantu kita pulih. Sama ada kita mahu mengakuinya atau tidak, etika kerja kitalah yang sebenarnya mengheret kita ke bawah. Kita harus memperbaikinya. Kita perlu mempunyai etika kerja mereka yang berjaya dan yang berjaya itu adalah di Timur.

Satu lagi dasar utama kerajaan ialah pengswastan agensi dan projek kerajaan. Sejak merdeka, kerajaan dibebani oleh pelbagai aktiviti yang tidak ada kaitan dengan ciri-ciri pentadbiran. Sesungguhnya kerajaan terbabit dengan mendalamnya dalam bidang perniagaan. Kebanyakan usaha itu menyebabkan timbulnya ketidakcekapan dalam perkhidmatan yang diberi dan kerugian besar. Ia juga menyebabkan birokrasi

semakin besar.

Mungkin pada masa lalu, kerajaan boleh dimaafkan kerana pembabitannya dalam kegiatan itu kerana sektor swasta masih belum bersedia. Tetapi kini sektor swasta sudah bersedia dan berkebolehan. Andaian yang lazim ialah sektor swasta lebih cekap, tetapi ini tidak semestinya benar kerana kerugian yang dialami oleh agensi dan perbadanan kerajaan menunjukkan bahawa kerajaan kurang cekap. Apabila sesebuah agensi diswastakan, kerajaan tidak semestinya kehilangan semuanya. Sekiranya syarikat itu membuat keuntungan, kerajaan masih boleh menikmati keuntungan itu melalui cukai pendapatan dan sebagainya. Paling kurangnya, kerajaan tidak lagi perlu menanggung beban membayar gaji, penyelenggaraan dan dalam banyak kes, menambahkan modal.

Syarikat-syarikat kerajaan mengharapkan modal dan subsidi untuk kos pengurusannya, sedangkan perniagaan swasta cuba mengukuhkan kedudukannya dengan pendapatannya sendiri. Sekiranya kerajaan tidak lagi dibeban oleh kos pengurusan dan subsidi, wang itu boleh digunakan untuk pembangunan yang boleh membantu menggerakkan ekonomi. Sebagai tambahan, birokrasi kerajaan boleh mendapat gaji yang lebih baik. Syarikat-syarikat dan kemudahan yang sudah diswastakan sudah mencapai pulangan lebih baik di samping memberi perkhidmatan yang meningkat mutunya.

Memang ada beberapa masalah, tetapi ini tidak dapat dielakkan berikutan sesuatu pendekatan yang baru. Saya dapati satu keanehan apabila jabatan kerajaan sering dikritik. Tetapi apabila jabatan itu hendak diswastakan, dengan tiba-tiba ada pihak yang memuji agensi berkenaan. Ini ialah antara dasar kerajaan yang akan diteruskan. Dasar-dasar ini baik. Tetapi untuk pemulihan ekonomi yang benar-benar kukuh, sektor swasta hendaklah sedar akan tanggungjawab serta sumbangannya. Malaysia ialah sebuah negara pertanian. Getah, kelapa sawit, koko dan lada hitam akan kekal menjadi sumber pendapatan eksport kita. Sektor ini akan terus diperluaskan. Tetapi sekarang sudah ada usaha nyata untuk mempelbagaikan sektor itu. Asparagus, manggis, jambu batu dan pisang emas sudah mula dieksport, manakala belimbing besi, mangga, rambutan dan limau abung mempunyai potensi yang sama.

Sektor swasta perlu sentiasa ingat bahawa kejayaan kita di bidang industri getah, kelapa sawit dan koko berpunca daripada

kepakaran kita mengurus ladang. Jika tanaman ini diusahakan oleh petani kecil di tanah yang terhad, kita tidak mungkin boleh bersaing di dunia. Pekebun kecil memang memberi sumbangan yang penting, tetapi sokongan industri pengangkutan, pembungkusan dan pemasaran tidak kurang penting menjayakan industri itu.

Salah satu masalah Malaysia ialah untuk mencari keseimbangan. Jika lesen diperlukan untuk sebarang kegiatan perniagaan, sudah tentu ia akan dikeluarkan kepada orang perseorangan atau syarikat milik individu. Oleh itu, kita dapati ramai orang mempunyai teksi, pengusaha lori atau bas dan syarikat keselamatan atau perniagaan nelayan. Apa yang jadi ialah satu operasi yang tidak ekonomik. Tidak banyak orang memikirkan bahawa perniagaan cara berkongsi boleh memperkukuhkan usaha mereka. Sering kedengaran sungutan antara rakan kongsi yang menipu sesama sendiri dan kemudian berpisah untuk menubuhkan syarikat lain. Saya masih ingat bagaimana satu masa dahulu ada 80 syarikat perfileman, tetapi hanya dua yang mampu mengeluarkan filem.

Kebanyakan bidang perniagaan tidak langsung berusaha memajukan kepakaran pengurusan seperti yang dilihat di ladang pertanian. Ini menyebabkan operasi mereka kurang daya saing dan sering berhadapan dengan kos yang tinggi. Pengurusan secara individu ialah sistem yang lebih popular di sini, manakala pengurusan yang lebih berdasarkan penumpuan sumber lebih sering dilihat di negara maju. Masa sudah sampai bagi kita memikirkan pendekatan baru di bidang ini, jika kita mahu melihat pemulihan yang lebih berkesan. Ahli-ahli perniagaan sudah tentu mempunyai banyak idea pengurusan yang boleh dimajukan. Kerajaan menyambut baik nasihat masyarakat perniagaan, tetapi usahawan-usahawan sendiri perlu memikirkan atau menilai semula pendekatan mereka terhadap dunia perniagaan. Apakah anda semua tidak pernah membuat kesilapan manakala kerajaan sentiasa sahaja tidak betul?

Jangan bersikap negatif dan selalu mengkritik dasar kerajaan sebaik sahaja ia diumumkan seperti apa yang dibuat terhadap Dasar Pandang ke Timur. Cuba lihat aspek positifnya dan kaji kebaikan yang mungkin boleh diperolehi. Kerajaan sering memberi pertimbangan kepada syor sektor swasta. Pandangan secara akademik memang baik, tetapi pandangan serta tinjauan

orang yang akan melaksanakan dasar itu adalah lebih berguna. Merekalah akhirnya yang akan menjayakan dasar-dasar berkenaan.

Sebenarnya, tidak ada satu pihak yang boleh menganggap dirinya sebagai kuasa mutakhir yang perlu dihubungi sebelum kerajaan memutuskan sesuatu dasar. Namun, masih ada pihak, terutama yang anti kerajaan, ingin membuktikan keaslian pemikiran mereka dengan mengkritik dasar kerajaan. Banyak idea bernas dimatikan sebelum ia dapat dikaji untuk pelaksanaan. Orang-orang ini sekarang sibuk mencari kesalahan dasar pengswastaan, sedangkan sedikit masa dahulu mereka juga menghebohkan kelemahan jabatan dan agensi kerajaan.

Jika Malaysia mahu maju, marilah kita bersikap positif. Marilah kita bersedia mencuba idea baru. Mari kita sama-sama ubahsuaikan idea itu jika kita gagal di peringkat permulaan. Tidak ada idea yang lahir penuh kesempurnaan. Tetapi orang yang bersikap positif akan mendalami idea itu sehingga ia menghasilkan jawapan kepada masalahnya.

*Ucapan PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, di Taklimat Peringkat Menteri anjuran yayasan Pengurusan Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra pada 16 November, 1987.*

## **EKSEKUTIF vs KEHAKIMAN**

Pertelingkahan dengan kehakiman adalah antara perkara yang paling unik yang akan tercatat di dalam sejarah kepimpinan Mahathir, Malaysia untuk pertama kalinya, melihat pertelingkahan yang penuh kemelut antara pemerintah dengan pihak kehakiman. Mahathir telah bertelingkah secara habis-habisan dengan pihak kehakiman.

Oleh kerana Mahathir seorang pemimpin utama negara maka konflik yang timbul dikatakan antara pihak eksekutif dengan pihak kehakiman ataupun pihak kerajaan dengan pihak kehakiman. Meskipun apa yang sebenar, hanyalah pertembungan antara seorang individu dengan cara-cara penghakiman. Oleh itu, jika Mahathir bukan pemimpin atau bukan seorang Perdana Menteri, apakah pertelingkahan tersebut akan berlaku? Apakah kerana Mahathir bukan berpendidikan undang-undang seperti tiga Perdana Menteri yang lalu maka terjadi konflik yang sedemikian? Yang lebih aneh bila konflik antara kedua ini terjadi, Mahathir bukan sahaja sebagai pencabar, seorang Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tetapi juga Menteri Kehakiman.

Dengan ini, sekaligus bidang kehakiman dan sudah tentunya perundangan berada di bawah beliau secara langsung sebagai Menteri Kehakiman. Sebagai menteri terlibat, beliau bukan sahaja bertanggungjawab pada perjalanan agensi atau di dalam hal ini institusi di bawah beliau, tetapi juga kebaikan dan keburukan atau keberkesanan tidaknya, perjalanan institusi tersebut, malah kebajikan dan perkembangan institusi tersebut

adalah dalam bidang tanggungjawab beliau.

Pertelingkahan ini adalah merupakan satu tema yang boleh disamakan dengan konflik antara majikan dan pekerjanya. Bukan lagi soal perasingan kuasa dan peranannya antara pihak eksekutif dan pihak kehakiman. Oleh itu, skop perbincangan dan esei ini dapat dilihat dengan lebih jelas dan mudah.

Dalam dakwaan yang dibuat terhadap Ketua Hakim Negara, pihak kerajaan telah memberikan beberapa sebab, mengapa Tun Salleh perlu digantung daripada jawatan beliau. Yang paling mengatasi sebab-sebab tersebut ialah bila Tun Salleh menghantar surat kepada Yang di-Pertuan Agong dan DYMM Raja-raja Melayu, menyatakan kebimbangan beliau kepada kecaman-kecaman terhadap bidang kehakiman yang dibuat oleh Perdana Menteri.

Inilah sebab utama yang memulakan seluruh tindakan-tindakan selanjutnya yang dimainkan oleh kedua-dua pihak yang bertelingkah. Walaupun mungkin ada lain-lain sebab yang turut mencetuskan pertelingkahan ini, sama ada yang nyata kepada orang ramai ataupun yang terselindung daripada orang ramai, ternyatalah penulisan surat Ketua Hakim Negara kepada Yang di-Pertuan Agong merupakan cetusan konflik ini, sehingga terdedah kepada umum.

Apa juga yang berlaku di arena kehidupan ini mempunyai sebab-musabab dan selalunya sebab-musabab itu bertali arus antara satu sama lain. Maka di dalam hal ini, ternyatalah surat Tun Salleh itu merupakan isu pokok daripada pertelingkahan yang terjadi. Walaupun umum dapat mengagak, ia tidak semestinya bermula dari penulisan itu sahaja, tiap-tiap sesuatu tentulah ada susurgalurnya yang tersendiri.

Ternyata di dalam hal ini juga, peristiwa penulisan surat itu merupakan kesinambungan pada pergeseran yang tercetus sejak beberapa lama. Bagaimanapun tiap-tiap sesuatu mestilah ada permulaannya. Kenyataan pihak-pihak yang terlibat tentang peranan masing-masing, boleh menjelaskan kepada kita tentang suasana yang menyelubungi bidang pengadilan negara sebelum ini. Antaranya ialah kenyataan Mahathir sendiri yang beliau buat di Kuantan pada 7 September 1987.

Di dalam kenyataan itu, beliau telah mengkritik pihak-pihak tertentu di bidang kehakiman kerana menyuarakan pendapat mereka mengenai politik secara terbuka, adanya hakim-hakim yang memberikan pendapat mereka di dalam isu-isu politik di



luar mahkamah, terutama supaya diadakan satu kajian semula Perlembagaan Persekutuan.

Pada hakikatnya Mahathir menyedari bahawa beliau tidak boleh menyentuh soal kehakiman kerana bukan hak beliau untuk melakukan, tetapi ia adalah hak mereka yang mengetuai bidang berkenaan. Bagi beliau hakim-hakim sepatutnya tidak menyuarakan sebarang pendapat mengenai politik kerana ia akan menimbulkan masalah, jika sesuatu kes yang membabitkan pendapat itu dibawa ke mahkamah. Menurut beliau, orang ramai sudah tahu pendiriannya mengenai perkara itu dan sukar bagi beliau untuk mengambil sikap berkecuali. Sepatutnya hakim tidak menyuarakan pendapat secara terbuka jika mereka mempunyai pendirian sendiri. Sebaliknya apa yang berlaku sekarang, ada pihak yang sepatutnya berkecuali dan tidak membabitkan diri dalam politik, kini sudah menyertai politik malah cuba mempengaruhi politik negara.

Begitu juga di dalam soal pegawai-pegawai kerajaan, walaupun mereka mempunyai pandangan politik, mereka tidak dibenarkan memberi cadangan apa yang sepatutnya dibuat dalam bidang politik. Menurut Mahathir, cadangan untuk menyemak semula perlembagaan dikemukakan oleh pihak yang menentang kerajaan dan pembabitan hakim dalam soal ini, menimbulkan tanda tanya, sama ada mereka sudah memihak kepada parti lawan. Keadaan itu sepatutnya tidak berlaku kerana ia akan menimbulkan unsur-unsur yang tidak sihat dalam urusan pengadilan di negara ini.

Kita sudah tentukan bahawa hakim tidak sepatutnya campur dalam bidang politik dan tidak ada sebab mereka perlu mencampuri urusan politik yang di luar bidang kuasa mereka. Mahathir menjelaskan, beliau terpaksa mengkritik hakim-hakim ini kerana mereka telah membuat sesuatu di luar sempadan tugas mereka. Beliau menyedari bagaimana banyak pihak yang enggan mengkritik hakim-hakim ini kerana merasakan mereka akan melanggar undang-undang. Bagaimanapun beliau tidak mengkritik mereka sewaktu mereka di dalam proses untuk mentadbir keadilan di mahkamah. Mereka hanya dikritik sewaktu di luar mahkamah dan mula membuat kenyataan-kenyataan tentang politik.

Apa yang dapat dikesan, ternyata terdapat kecenderungan untuk kumpulan-kumpulan tertentu cuba mewujudkan kekeliruan tentang peranan yang sepatutnya dimainkan oleh

penggubal dasar pihak eksekutif dan kehakiman di dalam sebuah negara demokratik. Mengikuti beliau, menteri-menteri kabinet tidak boleh memainkan peranan mereka sebagai hakim dalam mentadbirkan keadilan dan begitu juga seseorang hakim tidak boleh memainkan peranan mereka sebagai seorang menteri di dalam politik. Jika kecenderungan ini berterusan, ia akan mewujudkan satu suasana kekeliruan yang menyebabkan orang ramai tidak mengetahui siapakah sebenarnya yang mentadbir negara dan siapakah yang mentadbirkan pihak keadilan?

Reaksi awal dari Tun Salleh berkenaan kenyataan-kenyataan Mahathir itu ialah, "saya tidak mahu diheret ke gelanggang perdebatan umum mengenai kenyataan Perdana Menteri, bahawa para hakim tidak sepatutnya membuat kenyataan umum tentang pandangan politik mereka dan saya juga tidak mahu membuat sebarang komen, adalah lebih baik untuk membiarkan perkara itu berlalu. Tidak ada pengakhiran jika saya membuat teguran kembali, malah tidak wajar untuk saya membuat sebarang reaksi hanya semata-mata berdasarkan laporan pihak akhbar." Demikian laporan New Straits Time pada 11 September, 1987.

Presiden Majlis Peguam Param Cumaraswamy, dalam kenyataan beliau pada 8 September, 1987 di akhbar New Straits Time telah menyatakan, walaupun Majlis Peguam menyambut baik saranan Perdana Menteri tentang kedaulatan undang-undang melalui pembahagian kuasa, tetapi majlis merasa dukacita tentang kenyataan beliau bersabit dengan peranan kehakiman. Menurut beliau, pihak majlis menganggap Perdana Menteri mempunyai konsep yang salah terhadap peranan kehakiman dan pemerintahan undang-undang.

Dalam kenyataan tersebut, beliau menyatakan rasa keyakinan bahawa pandangan yang dibuat oleh Mahathir itu adalah bersabit dengan satu kenyataan yang dibuat oleh seorang hakim, dalam satu seminar undang-undang bersabit dengan pandangannya tentang perlembagaan negara. Bagi Presiden Majlis Peguam ini, perlembagaan sebagai satu piagam negara adalah hak negara dan seluruh rakyatnya. Oleh yang demikian setiap rakyat mempunyai hak untuk memberikan pandangannya. Ianya bukan satu alat yang dimonopoli oleh ahli-ahli politik saja untuk perbincangan eksklusif mereka.

Bagi beliau, perlembagaan merupakan undang-undang yang tertinggi, maka para hakim lebih mempunyai peranan

terhadapnya. Kuasa untuk memberi interpretasi kepada perlembagaan terletak kepada para hakim yang telah mengangkat sumpah jawatan untuk mempertahankan melindungi undang-undang. Adalah satu perkara biasa bagi para hakim untuk bercakap tentang undang-undang di mana-mana juga perhimpunan akademik kerana ianya merupakan satu peranan tradisi di dalam melakukannya, mereka tidak sepatutnya dianggap sebagai bertindak mencampuri politik. Pada beliau, adalah jauh sekali daripada rakyat akan kehilangan keyakinan kepada kehakiman sepertimana yang dikatakan oleh Perdana Menteri. Sebaliknya keyakinan akan lebih terlihat kepada seluruh sistem kerajaan, jika wujudnya perbezaan kedudukan dan peranan pihak-pihak tertentu dalam melaksanakan tugas dan kuasa masing-masing.

Pada beliau, pandangan para hakim adalah melalui pembelajaran, pemahaman dan pengalaman mereka membentuk dan menghidupkan perlembagaan itu sendiri. Selain dari kenyataan oleh Presiden Majlis Peguam itu, satu kenyataan yang dibuat oleh Sultan Perak selaku bekas Ketua Hakim Negara, pada 20 September, 1987, juga dapat diambilkira sebagai memenuhi tema esei ini, dalam memperkatakan konflik antara pihak berkuasa dan kehakiman.

Menurut baginda konflik di antara pihak berkuasa menggubal undang-undang dan kehakiman, boleh dielakkan jika setiap pihak memahami kuasa dan tugas masing-masing. Umpamanya, kita adalah tidak menjadi fungsi kehakiman untuk menyatakan pendapat mereka tentang apa yang sepatutnya dijadikan undang-undang. Jika ini berlaku maka ia merupakan suatu penyelewengan daripada peranan tradisi dan akan menghala kepada bentuk undang-undang oleh manusia daripada bentuk peraturan oleh perundangan itu sendiri, juga tidak menjadi tugas dan kuasa mahkamah untuk menyekat perjalanan penggubal-penggubal undang-undang (legislation), walaupun undang-undang itu tidak popular. Dengan membuat demikian bererti melemahkan lebih daripada memajukan proses demokrasi itu sendiri.

Dalam ucapan beliau, di Kelantan pada hari berikutnya telah memberikan interpretasi yang berbeza. Menurut beliau, kerajaan akan memastikan tiap-tiap cabang perkhidmatannya menjalankan tugas mengikut tugas-tugas yang telah diberikan bagi mengelakkan kerja-kerja tersebut diulang atau ditindan

dari masa ke semasa.

Ekoran daripada kenyataan Perdana Menteri itu, Presiden Majlis Peguam sekali lagi telah menyatakan rasa terkejutnya dan menganggap serius pandangan Perdana Menteri, yang beliau kira sebagai suatu pandangan yang salah dalam memperkatakan kehakiman sebagai suatu daripada cabang perkhidmatan kerajaan. Menurut beliau bidang kehakiman bukanlah satu cabang daripada perkhidmatan kerajaan sepertimana polis, tentera dan Perkhidmatan Awan.

Kehakiman sebenarnya adalah salah satu daripada tiga kelas sesebuah kerajaan, selain daripada penggubal undang-undang dan pentadbir. Ianya tidak ditentukan oleh arahan-arahan daripada eksekutif sepertimana Perkhidmatan Awam, polis atau tentera. Hanya di dalam sesebuah negara totalitarian sahaja kehakiman membuat sesuatu atas arahan pihak eksekutif.

Hasil daripada pandangan-pandangan yang bertentangan tentang peranan kehakiman oleh Perdana Menteri dan pihak-pihak yang terlibat di bidang tersebut, telah menyebabkan ketua pembangkang Lim Kit Siang meminta supaya Perdana Menteri memberi jaminan bahawa penglibatan kerajaan terhadap sebuah bidang kehakiman yang bebas tidak terjejas. Ini disebabkan oleh kenyataan-kenyataan Perdana Menteri yang cukup kritikal kebelakangan ini yang dibuat oleh beliau dalam lawatan-lawatan beliau ke negeri-negeri di Semenanjung.

Di satu seminar yang bertemakan 'undang-undang dan masyarakat' hakim Harun Hashim telah mencadangkan agar Dewan Negara dirombak dengan keahliannya termasuk Menteri-menteri Besar, Speaker-speaker Dewan Negeri dan 20 ahli yang dilantik yang boleh memainkan peranan yang lebih berkesan. Di samping itu, beliau juga mencadangkan agar tarikh pilihanraya ditetapkan bagi mengurangkan politiking dan menyelamatkan wang pembayar cukai.

Merujuk kepada satu seminar berkenaan perlembagaan Malaysia selepas 30 tahun, di mana cadangan telah dibuat supaya perlembagaan dikaji semula. Hakim Harun Hashim juga menyatakan, ianya bukanlah suatu cita-cita untuk mengoyak dan mencatatkan satu perlembagaan yang baru.

Semua kenyataan-kenyataan ini telah mencetuskan polemik sesama sendiri di kalangan mereka yang terlibat dengan bidang perundangan dan kehakiman dan lebih dari itu seluruh forum itu berkisar kepada kenyataan-kenyataan balas Mahathir sendiri

terhadap pandangan-pandangan yang dicetuskan oleh tokoh-tokoh di bidang perundangan negara pada kebelakangan ini.

Mahathir sendiri tidak silu-silu mengakui bahawa pentadbiran beliau akhir-akhir ini menghadapi masalah dengan pihak kehakiman, apatah lagi bila banyak keputusan-keputusan kerajaan sering dicabar di mahkamah. Menurut beliau, dengan keadaan ini jika ianya berterusan akan mewujudkan satu masalah dalam pentadbiran.

Pada pendapat Mahathir, keputusan-keputusan itu berbau politik dan beliau merasakan ianya merupakan satu percanggahan peranan yang sepatutnya dimainkan oleh mereka-mereka yang terlibat. Dalam lain kata, ianya mencabar urusan-urusan yang sepatutnya dimainkan oleh pihak pentadbir.

Dalam beberapa siri lawatan beliau ke negeri-negeri dan perjumpaan-perjumpaan secara tertutup yang dibuat dengan pemimpin-pemimpin UMNO di seluruh negara, Mahathir secara terang-terang telah menyatakan pandangan berkenaan dengan peristiwa-peristiwa yang beliau anggap sebagai mencabar kewibawaan pentadbir dalam menjalankan tugas khususnya tentang kes-kes di mana kerajaan telah menerima kekalahan di mahkamah.

↳ Berdasarkan peristiwa-peristiwa tersebutlah yang menyebabkan beliau mengambil keputusan, untuk meminda perlembagaan bagi tujuan menjelaskan beberapa peranan secara khusus yang sepatutnya dimainkan oleh pihak pentadbir, penggubal undang-undang dan kehakiman, sebagai bidang-bidang yang berasingan dalam kerajaan. Menurut Mahathir, tidak sesiapa dapat menjangkakan keputusan-keputusan yang dibuat oleh seseorang hakim kerana ianya bergantung semata-mata kepada budi bicara hakim tersebut.

Apabila sesuatu keputusan telah dicapai dan setiap orang boleh membawa pihak kerajaan ke mahkamah, maka secara tidak langsung pihak kerajaan tidak lagi menjadi penentu kepada sesuatu secara khusus, tiap-tiap keputusan boleh dicabar dan mungkin juga boleh ditolak. Dengan itu, pihak kerajaan bukan lagi merupakan kuasa eksekutif, sebaliknya kuasa tersebut diambil oleh pihak lain.

Oleh kerana menghadapi suasana yang begini, Mahathir merasakan ia akan mewujudkan satu suasana di mana pihak kerajaan ingin menjelaskan dan membuat undang-undang secara khusus bagi rujukan pada setiap bidang kuasa dan tugas

ketiga-tiga badan yang menjadi teras sesebuah kerajaan ini, supaya mereka boleh wujud untuk menjadi pengawas dengan lebih saksama dan memuaskan.

Ertinya pertembungan yang terdapat di sini ialah pandangan seorang pemimpin negara, terhadap beberapa keputusan mahkamah yang dianggap sebagai penghalang kepada kerja-kerja kepimpinannya. Sementara pihak perundangan pula melihat sesuatu keputusan mahkamah itu merupakan hak dan budi bicara seseorang hakim untuk menyelesaikannya. Ternyata lah pertembungan pendapat yang kemudiannya mewujudkan apa yang kita lihat pertelingkahan di antara pihak eksekutif dengan kehakiman ialah pelaksanaan tanggungjawab di tiap-tiap bidang itu yang dilihat oleh Mahathir sebagai menjejaskan peranan beliau sebagai seorang pemimpin.

Sementara pihak kehakiman pula melihat bahawa keputusan-keputusan yang dicapai dalam sesuatu perbicaraan itu merupakan hak mereka untuk menentukan, berdasarkan fakta-fakta yang dikemukakan, juga memerlukan keadilan dalam mencapai sebarang keputusan ataupun penyelesaian.

Soalnya ialah bagaimanakah kedua-dua bidang kuasa ini, dapat diwujudkan dalam satu suasana di mana tiap-tiap pihak merasakan mereka tidak terheret oleh keputusan pihak yang lain. Seorang hakim umpamanya tidak merasakan yang beliau perlu membuat sesuatu keputusan berdasarkan kepada kehendak eksekutif. Sebaliknya setiap keputusan mestilah dibuat di dalam ruang lingkup perundangan semata-mata tanpa memikirkan motif-motif lain disebalik itu.

Sementara pihak eksekutif pula mahukan keputusan yang dibuat itu mestilah tidak mengganggu perjalanannya untuk mentadbir atau untuk mengemukakan sesuatu rancangan. Apa yang dapat dilihat, sebenarnya ruang-ruang yang mencetuskan perbezaan pendapat dan seterusnya melibatkan kebebasan antara bidang kehakiman dan kuasa eksekutif ini, hanyalah yang menyentuh keputusan-keputusan mahkamah, yang dapat ditafsirkan sebagai berunsur politik ataupun mempunyai pembabitian dengan tokoh-tokoh atau parti-parti politik.

Di dalam kes jenayah ataupun lain-lain yang tidak melibatkan secara langsung bidang kuasa pentadbir maka dirasakan tidak akan wujud sebarang kesangsian terhadap peranan masing-masing. Soalnya ialah bagaimanakah keadilan mengambil tempat dalam sesuatu keputusan, jika dalam sesuatu keputusan

yang dikemukakan ke mahkamah, pihak kerajaan didapati tidak berlaku adil dalam melaksanakan sesuatu rancangannya.

Sementara harapan tidak campurtangan yang diharapkan oleh pihak kerajaan tadi, terhadap seseorang hakim ialah jika hakim yang terlibat di dalam membuat keputusan itu, memberikan satu keputusan yang diterima atau setidaknya tidaknya direstui oleh pihak pemerintah. Sebaliknya jika berlaku di mana seseorang hakim menjatuhkan keputusan yang tidak merestui kehendak pemerintah, ianya dianggap sebagai satu campurtangan secara tidak langsung.

Dalam soal ini, bukan menjadi harapan yang bertulis tetapi mungkin hanya satu keinginan pihak pemerintah, untuk melihat supaya tiap-tiap keputusan, setidaknya tidaknya berdasarkan seluruh fakta-fakta yang diperlukan dalam konteks perundangan dan juga dalam konteks memenuhi kehendak keadilan itu sendiri, mestilah ianya tidak mengganggu keputusan ataupun rancangan yang hendak dijalankan oleh pihak pemerintah.

Selalunya kes-kes yang melibatkan pemerintah akan dibuat oleh pihak-pihak yang menentang ataupun dari parti-parti pembangkang. Apabila kes-kes yang dicabar ini dikemukakan oleh pihak pembangkang ataupun oleh sesiapa saja dengan maksud untuk membangkang, mencabar, memberhentikan daripada penerusan sesuatu projek itu, maka ianya akan dianggap sebagai suatu usaha untuk campurtangan dalam bidang kuasa eksekutif.

Pada Mahathir, bidang ini merupakan suatu hak yang diperolehi dalam konteks demokrasi melalui undi majoriti. Apakah Mahathir berpendapat, sebarang rancangan yang ingin diputus dan dilaksanakan oleh pihak pentadbir, tidak semestinya dibangkang dan juga diheret ke mahkamah, kerana jika kecederungan itu dibiarkan, bererti kuasa sebenar hak pentadbir yang diberikan melalui undi majoriti itu, telah berpindah kepada pihak kehakiman.

Adalah sesuatu yang masih boleh diperdebatkan. Sebagai contoh, apabila kerajaan mahu mengemukakan Rancangan Malaysia Kelima dan setelah mendapat kelulusan parlimen, mahu melaksanakan beberapa projek yang terdapat di dalam rancangan tersebut. Pihak pembangkang kemudiannya melihat ada beberapa kelemahan dalam pelaksanaan yang dijangkakan. Oleh itu mereka bercadang untuk menghentikan

usaha-usaha kerajaan itu.

Bangkangan yang dibuat di dalam parlimen umpamanya, tidak mungkin mendapat kemenangan, maka mereka mempunyai harapan untuk menentang ataupun menghentikan rancangan pihak pentadbir dengan mengemukakannya kepada mahkamah. Bagaimana pula jika di dalam usaha mereka mengemukakan ke mahkamah, segala alasan dan fakta amat baik dan jelas, lalu hakim memutuskan bahawa mereka berada di pihak yang benar. Dengan itu, rancangan-rancangan yang ingin dijalankan oleh pihak kerajaan, tidak dapat dijalankan kerana keputusan mahkamah tadi. Jika ini terjadi, bagaimanakah kuasa sebenarnya yang sepatutnya dimainkan oleh pihak pentadbir, di dalam negara kita bagi melaksanakan sesuatu rancangannya.

Sebagai contoh ialah saman yang telah dibuat oleh Lim Kit Siang selaku ketua pembangkang terhadap cadangan kerajaan untuk melaksanakan projek lebuh raya yang bernilai lebih dari tiga ribu juta ringgit. Di dalam saman beliau, Lim Kit Siang telah menyatakan bahawa adalah tidak wajar pihak kerajaan menandatangani kontrak dengan sebuah syarikat, United Engineer Malaysia yang mempunyai modal berbayar hanya dua ringgit untuk satu projek yang berharga lebih tiga ribu juta ringgit. Apatah lagi kerana United Engineer Malaysia dikuasai lebih sahamnya oleh UMNO sendiri.

Hasil dari saman yang dikemukakan ke mahkamah itu, Lim Kit Siang telah berjaya mendapatkan perintah sementara yang menahan sebarang perjanjian kontrak tersebut ditandatangani. Apa yang jelas di sini ialah walaupun kesudahannya, Lim Kit Siang gagal, untuk menahan kedua-dua pihak yang terlibat, dari terus menandatangani kontrak perjanjian, tetapi di peringkat awalnya, beliau telah berjaya menahan kedua-dua pihak, melalui perintah Mahkamah Tinggi.

Apa yang dapat dilihat ialah, sebagai seorang individu dan sebagai seorang pembayar cukai, pada waktu yang sama, sebagai seorang ketua pembangkang, beliau telah berjaya menahan pihak kerajaan dari melaksanakan satu projek, yang dianggap memberi faedah kepada seluruh rakyat. Untuk mengatasi halangan tersebut, pihak kerajaan terpaksa merayu kepada Mahkamah Agung.

Di peringkat pertama, pihak Mahkamah Tinggi memberikan perintah sementara supaya perjanjian tersebut ditangguhkan. Di



peringkat kedua, Mahkamah Agung akhirnya memutuskan bahawa pihak yang mencabar kes tersebut, sebenarnya tidak mempunyai hak untuk berbuat demikian, iaitu menahan kerajaan dari menandatangani perjanjian dengan United Engineer Malaysia ataupun dengan sesiapa juga bagi melaksanakan projek lebuh raya tersebut.

Dari kedua-dua keputusan tadi, penahanan sementara dan kemudiannya keputusan membolehkan tandatangan dibuat, dapat dilihat bagaimana peranan mahkamah boleh menjadi penegak keadilan, yang mewakili seseorang individu, untuk mendapatkan haknya, dalam mencabar sesuatu rancangan kerajaan. Sementara satu keputusan telah mengembalikan hak kerajaan, untuk melaksanakan sesuatu projek yang dianggap perlu dilaksanakan.

Masalahnya di sini ialah keputusan di peringkat awal telah mengganggu satu perjalanan pentadbir, yang kemudiannya gangguan tersebut didapati tidak wajar oleh kuasa mahkamah yang lebih tinggi. Adalah nyata di dalam melihat kedua-dua aspek kuasa ini, Mahathir merasakan terdapat satu campurtangan di peringkat permulaan lagi, dalam tugas beliau sebagai pentadbir untuk menjalankan sesuatu rancangan. Nyatalah pula pendapat beliau itu adalah benar, bila kuasa mahkamah yang kedua iaitu Mahkamah Agung memutuskan bahawa keputusan yang dibuat oleh mahkamah pertama tadi adalah tidak wajar.

Dalam beberapa kenyataan yang dibuat oleh Mahathir sendiri, beliau tidak menyatakan bahawa bidang kuasa pentadbir yang dihalangi selalunya dilakukan di peringkat Mahkamah Agung ataupun Mahkamah Tinggi sahaja. Pada umumnya, beliau hanya mengatakan terdapat gangguan dalam pelaksanaan ataupun terdapat campurtangan oleh pihak kehakiman terhadap bidang tugas yang sepatutnya dilaksanakan oleh pentadbir.

Di dalam kes Lim Kit Siang mencabar kerajaan dan United Engineer Malaysia tadi, apa yang sepatutnya kita rasa, yang diharapkan oleh Mahathir, pihak mahkamah di awal-awal lagi telah menolak permohonan tersebut. Dengan itu, periaksanaan perjanjian kontrak dan pembinaan lebuh raya itu, tidak akan terganggu sepertimana yang telah terjadi. Ini disebabkan keputusan akhir Mahkamah Agung sendiri kemudiannya memutuskan untuk membenarkan perjanjian tersebut

ditandatangani dan pembinaan lebuh raya diteruskan.

Kes perbincangan di atas berlaku pada 18 Ogos 1987, bila Lim Kit Siang mengemukakan samannya terhadap kerajaan dan juga United Engineer Malaysia di Mahkamah Tinggi Penang yang kemudiannya menolak permohonan beliau. Selepas penolakan permohonan itu, beliau telah merayu kepada Mahkamah Agung yang memerintahkan supaya perintah sementara dikeluarkan dengan kebebasan hak untuk mendapatkan satu perbicaraan awal tentang saman tersebut.

Untuk mengatasi hal ini, pihak United Engineer Malaysia dan juga pihak kerajaan, telah memohon kepada Mahkamah Tinggi supaya *interim injunction* tadi dihentikan dan saman tersebut diketepikan atas alasan bahawa pihak yang mencabar tidak mempunyai sebarang hak untuk berbuat demikian. Malangnya, permohonan oleh pihak kerajaan dan United Engineer Malaysia ini ditolak oleh Mahkamah Tinggi. Dengan itu, penahanan sementara yang tidak membenarkan United Engineer Malaysia dan kerajaan daripada menandatangani kontrak perjanjian berkuatkuasa. Untuk mengatasi hal ini, pihak kerajaan membuat rayuan kepada Mahkamah Agung yang akhirnya telah membuat keputusan untuk memberi kebenaran projek tersebut ditandatangani.

Walaupun keputusan Mahkamah Agung akhirnya memihak kepada kerajaan, namun Mahathir merasakan ianya suatu pembaziran masa, yang sengaja dilakukan oleh pihak-pihak yang mahu mengambil kesempatan daripada dasar liberal dan kononnya apa yang dikatakan hak sebagai seorang pembayar cukai. Adalah disedari bahawa keputusan akhirnya tidak membawa mereka ke mana-mana tetapi itu telah cukup untuk mereka mencapai motif politik dalam mengheret kerajaan ke mahkamah. Disebabkan soal penyelewengan atau apa juga tuduhan yang dibuat tidak langsung disertakan dengan bukti, maka tindakan-tindakan seperti ini, yang menyebabkan Mahathir merasakan, perlunya perubahan-perubahan tertentu dibuat dalam struktur perlembagaan, khususnya yang berkait rapat dengan peranan di bidang kehakiman.

Keyakinan beliau tentang perlunya suatu pindaan dibuat, bagi menjelaskan peranan pihak kehakiman terasa sekali apabila beliau melihat akhir-akhir ini wujudnya seolah-olah satu macam penentangan terhadap pihak kerajaan, di mana satu demi satu kes-kes yang didakwa oleh pihak yang menentang

telah mendapat keputusan simpati dari pihak-pihak yang mengendalikan sesuatu kes itu.

Apa yang terjadi di dalam kes UEM tidak lain merupakan pemahaman dan interpretasi yang berbeza antara hakim-hakim yang terlibat di dalam mengendalikan kes tersebut. Ini bererti bahawa akan tiba masanya bilamana banyak keputusan-keputusan yang akan dibuat khususnya di dalam kes-kes yang mengheret kerajaan, hanya bergantung semata-mata kepada budi bicara dan cara terjemahan, yang dibuat oleh seseorang hakim dalam melihat kes itu.

Oleh itu peranan dan keberkesanan sesebuah kerajaan tidak lagi ditentukan oleh pemilihan secara majoriti oleh rakyat, sebaliknya ditentukan oleh golongan kehakiman kerana akan ada kumpulan minoriti yang sentiasa tidak berpuas hati dengan apa juga yang kerajaan lakukan, dan akan mengheret kerajaan dari masa ke semasa ke mahkamah, walaupun kerajaan mendapat mandat dari rakyat untuk memimpin dan melaksanakan tanggungjawab.

Kumpulan minoriti ini berhak kemudiannya mengheret kerajaan bagi menentukan pula, apakah kerajaan boleh melaksanakan rancangan atau sesuatu projek itu. Bagaimana jika seseorang hakim berhasrat untuk membuat keputusan yang tidak berpihak kepada kerajaan, ataupun seseorang hakim secara sedar atau tidak terheret dengan keinginan peribadinya sendiri untuk berpihak, dalam menentang rancangan-rancangan atau projek-projek kerajaan. Mungkin disebabkan oleh pengaruh dari sesuatu pihak atau kumpulan yang sentiasa mahu mencari kelemahan kerajaan. Jika ini terjadi, bagaimanakah pentadbiran seterusnya dapat dimainkan oleh kerajaan.

Di sinilah Mahathir melihat terdapatnya ruang-ruang yang perlu diperjelaskan agar tidak banyak perkara-perkara seperti kes UEM berlaku lagi. Beliau amat menyesali sikap pihak-pihak tertentu yang kerap menggunakan hak mendapatkan perintah sementara mahkamah bagi kepentingan masing-masing. Walaupun peruntukan mendapatkan perintah sementara mahkamah adalah sesuatu yang sah dan perlu, tetapi seperti semua undang-undang, ianya juga tidak seharusnya disalahgunakan.

Dalam suatu kenyataan ketika merasmikan undang-undang Malaysia ke 8 di Kuala Lumpur pada bulan November 1985.

Beliau awal-awal lagi telah menjelaskan, bagaimana perbuatan seumpama itu hanya meletakkan undang-undang berkenaan di dalam kancuh penghinaan. Mahathir menegaskan peruntukan itu sebenarnya bertujuan mencegah ketidakadilan dan bukan untuk menggagalkan undang-undang atau menafikan apa yang benar dan sah. Sebaliknya hari ini, apa yang dapat dilihat terlalu banyak tindakan contoh seumpama itu dibuat bagi menggagalkan undang-undang. Kejadian itu berlaku kerana pihak-pihak berkenaan lebih mementingkan aspek perundangan, dari semangat dan tujuan undang-undang itu digubal. Bagi beliau undang-undang digubal bagi memenuhi keperluan, tetapi disebabkan penggubal dan penasihat undang-undang tidak sempurna, maka terjadilah perbalahan dalam tafsiran undang-undang.

Adalah diharapkan menerusi persidangan-persidangan seumpama itu, para peserta akan dapat bertukar-tukar pendapat dan merumuskan undang-undang baru, bagi memenuhi keperluan semasa masyarakat dan negara. Keadilan dan peraturan undang-undang tidak akan bermakna bagi kita kecuali wujud sistem perundangan yang cekap dan berkesan. Sistem perundangan boleh dijalankan secara berkesan dan cekap jika semua pihak yang terbabit melaksanakan fungsi mereka dengan mematuhi peraturan yang disediakan sama ada bertulis atau tidak.

Kerjasama antara semua pihak yang terbabit dengan sistem keadilan negara ini penting dan mereka hendaklah menghormati dan memahami masalah masing-masing. Mahathir menegaskan sikap angkuh tidak wujud dalam undang-undang. Sebaliknya sikap seumpama itu menggambarkan kelemahan sendiri. Hak mendapatkan perintah sementara menjadi lebih tidak bermakna bila ianya dilakukan semata-mata untuk kepentingan politik. Sikap liberal kerajaan beliau telah mewujudkan satu fenomena baru, di mana banyak cadangan-cadangan kerajaan telah dicabar oleh pihak pembangkang dan sudah tentu ianya mewujudkan masalah pada kelicinan pentadbiran.

Walaupun mendapatkan perintah sementara ini merupakan satu ciri yang hampir biasa di kebanyakan negara-negara demokrasi, tetapi apa yang berlaku di Malaysia jelas menunjukkan kemungkinan rasa tidak puas hati terhadap beberapa aspek daripada polisi Mahathir. Walau apa sekalipun

alasan, Mahathir sendiri telah menunjukkan sikap beliau tidak mahu tunduk kepada bentuk tindakan-tindakan yang demikian, meskipun beliau tetap mahu menghormati kebebasan bidang kehakiman itu sendiri.

Beliau pernah menegaskan bahawa tidaklah menjadi harapan beliau, agar mahkamah menunjukkan sikap pro atau anti kerajaan tetapi hanya pro perlembagaan dan pro undang-undang semata-mata. Beliau lebih berharap pihak kehakiman bebas dalam membuat sebarang keputusan, tanpa rasa takut dan simpati. Ianya haruslah semata-mata berdasarkan kehendak perlembagaan, kehendak undang-undang dan kehendak peraturan-peraturan yang adil. Jika ini berlaku kehakiman akan sentiasa dihormati.

Oleh sebab beberapa peristiwa yang berlaku kebelakangan ini, bukan sahaja cabaran-cabaran yang terheret ke mahkamah, tetapi juga kenyataan-kenyataan oleh pihak-pihak tertentu yang sentiasa mencabar kewibawaan Mahathir sendiri sebagai seorang pemimpin. Teguran-teguran dari Majlis Peguam, bekas Ketua Hakim Negara dan bekas pemimpin negara, juga merupakan faktor yang mewujudkan suasana krisis antara pemerintah dan pihak kehakiman.

Cadangan dan desakan supaya perlembagaan negara dikaji dan dipinda, walaupun bukan satu perkara yang baru, tetapi sering diajukan, oleh pihak-pihak yang melihat dari sudut kepentingan mereka sendiri. Bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman dan Raja Azlan Shah sebagai bekas Ketua Hakim Negara, turut membuat cadangan dari masa ke masa, tentang perlunya perlembagaan dikaji supaya ia benar-benar mencerminkan realiti sosial serta aspirasi rakyat berbilang kaum.

Sultan Perak umpamanya pernah bertitah, bahawa masanya sudah tiba perlembagaan dikaji semula setelah lebih 30 tahun merdeka. Tunku Abdul Rahman mengusulkan supaya satu bentuk tribunal diwujudkan bagi membicarakan raja-raja yang melakukan kesalahan. Malah pihak-pihak pembangkang seperti PAS juga, selalu membangkitkan soal pindaan perlembagaan dan mahukan perlembagaan Islam diperkenalkan. 'Aliran' sebagai satu gerakan sosial juga turut membuat cadangan supaya diadakan perubahan pada perlembagaan. Walaupun banyak pihak-pihak yang mengutarakan cadangan-cadangan ini tidak menjelaskan secara khusus, apakah bentuk cadangan yang

mereka harapkan daripada pindaan tersebut, sama ada keseluruhannya ataupun hanya bahagian-bahagian tertentu sahaja yang perlu dipinda.

Namun tidak dapat dinafikan saranan-saranan mereka-mereka yang mempunyai pandangan dan kepentingan tertentu ini meskipun ikhlas, akan dilihat oleh pihak kerajaan sebagai suatu saranan yang seolah-olah memperkecilkan kewibawaan kerajaan. Kepimpinan Mahathir sendiri sentiasa menyedari akan perlunya hal itu, tetapi tidaklah ianya dibuat hanya semata-mata mahu memenuhi kehendak kumpulan tertentu sahaja.

Beliau mengingatkan golongan intelektual ini, supaya jangan berlagak seolah-olah mereka mewakili suara majoriti. Apatah lagi bila Mahathir melihat kebelakangan ini, golongan tersebut membuat berbagai dakwaan dengan tujuan menghakis kepercayaan rakyat terhadap kerajaan. Dakwaan itu termasuklah bahawa mereka kononnya mempunyai kuasa yang sama dengan kerajaan yang dipilih oleh rakyat menerusi pilihanraya, melalui cara memburuk-burukkan nama pemimpin kerajaan serta membuat berbagai tuduhan dan tohmah, tanpa sebarang bukti bagi menghilangkan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan.

Begitu juga dengan apa yang Mahathir sifatkan dengan golongan yang tidak boleh disentuh dan ditegur dalam urusan pentadbiran negara. Apabila mereka ini menjelaskan pendirian mereka, maka ia akan mewujudkan kekeliruan, kerana pandangan mereka secara terbuka itu, secara tidak langsung akan dianggap oleh masyarakat sebagai satu campurtangan dalam urusan politik. Apatah lagi bila ianya bersangkutan dengan soal perlembagaan, kerana tugas mengkaji semula pindaan atau perubahan merupakan tugas dan tanggungjawab ahli-ahli politik yang mendapat mandat daripada rakyat melalui pilihanraya lima tahun sekali.

Mahathir juga merasakan ada satu macam tanggapan terhadap peranan kehakiman yang seolah-olah merupakan golongan yang tidak boleh ditegur. Walaupun bekas Ketua Hakim Negara Tun Muhammad Safian Hashim, pernah menyatakan bahawa peranan membuat undang-undang eksekutif dan kehakiman, hendaklah saling tegur-menegur dan awas-mengawasi antara satu sama lain. Namun apa yang jelas ialah, pembuat undang-undang dan pihak eksekutif sering

ditegur, tetapi pihak kehakiman selalunya tidak boleh ditegur.

Pertembungan pendapat, berkenaan isu-isu pindaan perlembagaan dan peranan masing-masing, sebagai pentadbir dan penggubal serta pihak kehakiman menyebabkan ketegangan ini berterusan. Pada Mahathir, sebarang langkah membenarkan pihak kerajaan terlibat dalam mengkaji semula perlembagaan, akan hanya membawa kepada tuntutan yang bukan-bukan dari berbagai pihak, yang akhirnya akan mencetuskan lebih banyak masalah dan ketegangan.

Golongan yang mahu supaya perlembagaan dikaji semula dan dipinda, terdiri dari mereka yang mempunyai latihan dalam undang-undang. Serta kumpulan minoriti yang tidak berani berdepan dengan rakyat dalam pilihanraya untuk mendapatkan kuasa. Golongan ini sedar yang mereka tidak mempunyai kuasa, untuk membuat apa yang mereka inginkan. Oleh itu mereka mencadangkan supaya suruhanjaya dibentuk untuk mengkaji perlembagaan negara, kerana cara ini akan memberi peluang kepada mereka untuk menganggotainya. Mereka tidak pun menyebut siapa yang patut menganggotai suruhanjaya itu, tetapi sudah pastilah orang-orang seperti hakim-hakim dan pakar undang-undang.

Pada Mahathir, apa yang disarankan oleh golongan-golongan tertentu itu, bukanlah merupakan satu masalah kepada kerajaan, kerana jika kerajaan merasakan perlembagaan benar-benar perlu dipinda, ia boleh berbuat demikian dengan majoriti  $\frac{2}{3}$  yang dipegangnya di Dewan Rakyat. Sebaliknya kerana kerajaan merasakan, walaupun perlembagaan negara sudah menjangkau lebih 30 tahun, ia masih dapat memainkan peranan dan memenuhi aspirasi suara majoriti rakyat negara ini.

Mahathir tidak mungkin tunduk kepada tekanan mana-mana pihak, mahupun perlembagaan negara dipinda mengikut selera mereka. Sanusi Junid, Menteri Pertanian di dalam kabinet Mahathir, turut mengkritik pihak-pihak yang mencadangkan supaya perlembagaan dipinda. Mereka sebaliknya dinasihatkan memberi idea yang boleh memesatkan lagi pembangunan negara. Menurut Sanusi, sekiranya kerajaan melayan desakan golongan itu, tidak ada apa yang boleh kekal dalam perlembagaan negara, kerana masing-masing mempunyai tuntutan mereka sendiri. Sampai bila pun kerajaan tidak dapat memuaskan hati semua golongan rakyat.

Pada bulan September 1986, Mahathir selaku Menteri Hal

Ehwal Dalam Negeri, telah membatalkan permit pengedaran sebuah akhbar luar negeri 'The Asian Wall Street Journal', selama tiga bulan dan telah menghalau keluar dua wartawan akhbar tersebut, yang bertempat di Kuala Lumpur. Bagaimanapun pada bulan November 1986, akhbar yang beribu pejabat di Hong Kong itu, telah menang dalam rayuan mereka kepada Mahkamah Agung, yang menganggap tindakan menghalau dan menarik balik permit kerja salah seorang dari wartawan tersebut adalah salah. Menurut Mahkamah Agung, permit kerja wartawan tersebut telah dibatalkan secara tidak adil. Akhirnya pihak kerajaan, menarik balik perintah penahanan dan pengedaran akhbar tersebut dan juga perintah menghalau kedua-dua wartawan itu.

Satu lagi kejutan undang-undang ialah bila 'Aliran' telah berjaya mengenyahkan perintah Menteri Dalam Negeri, untuk tidak membenarkan gerakan sosial tersebut menerbitkan akhbarnya di dalam Bahasa Malaysia, daripada isu Bahasa Inggeris yang dikeluarkan pada tiap bulan. Pada Mahathir, ianya merupakan suatu perintah, berdasarkan kuasa beliau sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Bagaimanapun, pihak hakim yang membicarakan kes tersebut, beranggapan bahawa jika seseorang mahu berkata sesuatu di dalam dua atau empat bahasa dan ia sanggup membayarnya maka itu adalah haknya. Hakim tersebut menambah, kebenaran untuk mengeluarkan sesuatu akhbar sepatutnya diberi, berdasarkan pedulikan apa yang hendak diterbitkan. Asalkan jika ia berbuat salah maka hukuman pasti menunggu.

Akibat daripada ini, satu pindaan telah dibuat oleh Mahathir di parlimen pada 3hb. Disember, 1987, terhadap Akta Cetak dan Penerbitan, yang antara lainnya telah memberi kuasa mutlak pada Menteri Dalam Negeri untuk menggunakan budi bicaranya secara langsung, sama ada mahu membenarkan sesuatu lesen penerbitan dan cetak diteruskan operasinya.

Pindaan tersebut juga menegaskan bahawa sekiranya menteri berpuas hati bahawa penerbitan tersebut akan menggugat keselamatan negara, maka keputusannya tidak boleh dipersoalkan di mana-mana mahkamah, juga dengan apa alasan sekalipun. Dalam hujah beliau itu, Mahathir telah mengatakan bahawa pihak kerajaan berharap untuk mengubal satu undang-undang, di mana ianya tidak boleh diberi interpretasi sesuka hati oleh sesiapa pun. Dengan pindaan itu pihak penerbit dan juga



pengimport barang-barang percetakan akan tahu apa yang sebenarnya baik untuk negara dan juga kepentingan mereka.

Tahun-tahun pemerintahan Mahathir juga melihat bagaimana parti pembangkang DAP begitu ghairah sekali, membawa kes-kes yang melibatkan pentadbiran Mahathir ke mahkamah. Sebagai satu lagi cara mereka untuk mendapat populariti. Selain dari kes UEM, sebelum ini penasihat perundangan DAP Cheah Kam Chiew, telah mengheret Petronas ke mahkamah, kerana bersetuju dengan cadangan kerajaan untuk membeli Bank Bumiputera dalam usaha menyelamatkan bank tersebut, yang hampir bankrap, kerana penyelewengan pinjaman sebanyak lebih 2.5 ribu juta ringgit kepada sekumpulan lanun-*lanun* perniagaan di Hong Kong.

Dalam samannya itu Cheah menegaskan bahawa tindakan Petronas itu telah melanggar Akta Petroleum. Beliau telah gagal menahan pihak kerajaan daripada meneruskan usaha untuk menyelamatkan Bank Bumiputera, disebabkan satu pindaan telah dibuat oleh Mahathir yang berupa *retrospective* terhadap akta tersebut. Bagaimanapun penolakan saman Cheah itu telah dibuat dengan kosnya ditanggung oleh pihak kerajaan. Seorang pemerhati undang-undang menyatakan, sejak lebih 30 tahun yang lalu, mahkamah telah membuat banyak keputusan yang bersimpati dengan kerajaan. Tiba-tiba sahaja pihak kerajaan merasakan keadaan tersebut telah bertukar. Sekolah-olah terdapatnya satu bentuk liberalisma di dalam penghakiman. Ini sudah tentu mewujudkan satu masalah pada pentadbiran Mahathir.

Satu lagi kes yang menimbulkan kontroversi ialah penangkapan Naib Presiden DAP dan juga Ahli Parlimen Jelutong, Karpal Singh di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Sebagai seorang peguam, Karpal telah mencabar penangkapan beliau di mahkamah dan dalam perbicaraan tersebut, Hakim Mahkamah Tinggi Peh Swee Chin, telah membebaskan Karpal dengan alasan bahawa penangkapan yang dibuat oleh Menteri Dalam Negeri tidak berlandaskan beberapa dokumen yang cukup.

Setelah dibebaskan Karpal Singh kemudiannya ditangkap semula beberapa jam dalam perjalanan pulang ke rumahnya di Pulau Pinang. Banyak pihak yang merasakan cara penangkapan itu adalah tidak wajar kerana Karpal baru saja dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi. Pihak kerajaan sepatutnya menunggu

rayuan yang dibuat ke Mahkamah Agung dan jika didapati oleh Mahkamah Agung pembebasan Karpal merupakan satu kesilapan yang dilakukan oleh Hakim Mahkamah Tinggi, baharulah penangkapan itu dilakukan. Sebaliknya Mahathir merasakan sebagai Menteri Dalam Negeri beliau mempunyai kuasa untuk menangkap semula Karpal Singh.

Tidaklah dapat dinafikan kemuncak pertelingkahan Mahathir dengan pihak kehakiman bermula dari kes Kumpulan II, mengheret masalah pertandingan UMNO ke mahkamah. Peristiwa dan rentetan daripada kes tersebut, merupakan kemuncak pada ledakan dan pertembungan antara dua pihak yang telah menjadi perbualan setiap rakyat di negara ini.

Sikap angkuh kumpulan ini yang tidak mahu bertolak-ansur dalam menyelesaikan masalah yang wujud, dengan mendabik dada seolah-olah mereka sahaja yang benar-benar menjadi juara pada prinsip perjuangan UMNO, bukan sahaja telah menyebabkan UMNO diistiharkan sebagai sebuah parti yang tidak sah, tetapi telah melibatkan banyak pihak yang turut terheret dengan tindakan-tindakan mereka itu. Kedegilan mereka telah berjaya mengheret bekas-bekas pemimpin negara, yang merasa terlibat, secara emosi dengan perjuangan UMNO lama seperti Tunku Abdul Rahman Putra dan Tun Hussein Onn.

Tindakan Kumpulan II juga akhirnya turut mengheret Razaleigh untuk menyebelahi mereka, dan seterusnya mengakibatkan politik Razaleigh sendiri terasing dari arus penubuhan UMNO Baru. Secara tidak langsung dapatlah dianggap bahawa Kumpulan II bukan sahaja bertanggungjawab memusnahkan institusi orang Melayu sebelum ini, tetapi juga bertanggungjawab menolong mempercepatkan mematikan perjalanan politik Razaleigh sendiri dalam arus dan gelombang politik Melayu.

Biar apa pun yang akan dikatakan oleh mana-mana pihak, seperkara yang sukar hendak dinafikan ialah pertelingkahan yang memuncak di antara Mahathir dan Tun Salleh Abas sebagai Ketua Hakim Negara juga berkait rapat dengan kes yang dibawa oleh Kumpulan II ke mahkamah. Nyatalah bahadi yang dibawa oleh Kumpulan II ini mempunyai implikasi yang cukup luas dan menarik mangsanya satu demi satu, ke dalam jurang yang menjahanamkan setiap mereka yang terlibat.

Dalam suratnya kepada Perdana Menteri, yang disiarkan oleh

pihak akhbar pada 29 Mei, 1988, Tun Salleh secara terbuka telah mengatakan, bahawa dalam perjumpaan 27 Mei dengan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Ketua Setiausaha Negara, Mahathir telah menyebut bahawa beliau (Tun Salleh) telah menyatakan pendapat, dalam kes UMNO yang akan dihadapkan ke Mahkamah Agung. Mengikut Tun Salleh, tuduhan yang mengatakan beliau berpihak di dalam kes UMNO adalah sesuatu yang tidak benar dan dinafikannya secara langsung.

Kenyataan daripada Perdana Menteri kemudiannya, yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perdana Menteri, menyatakan tidak ada sebarang pengumuman ataupun sebutan yang dibuat oleh Perdana Menteri berkenaan UMNO, sepertimana yang tersebut di dalam surat Tun Salleh, malahan segala andaian yang disebut oleh Tun Salleh kepada pihak akhbar, bahawasanya dia berpihak terhadap kes UMNO, merupakan andaian beliau semata-mata. Biar apa pun alasan yang diberikan oleh kedua pihak dalam membetulkan pendapat masing-masing, seperkara yang tidak dapat dipadamkan dari fikiran rakyat terbanyak ialah tandatanya tentang muslihat di sebalik tindakan untuk memecat Tun Salleh daripada jawatan Ketua Hakim Negara.

Tun Salleh sendiri pernah dalam kenyataan beliau, mengatakan bahawa beliau telah mencadangkan supaya kes rayuan UMNO itu dihakimi oleh sembilan orang hakim Mahkamah Agung sekembali beliau daripada menunaikan umrah. Soalnya ialah mengapa perlu sembilan orang hakim mengadili kes tersebut. Walaupun ianya bukanlah sesuatu yang bertentangan dengan peraturan mahkamah. Namun ia juga telah menunjukkan, ada sesuatu muslihat, di sebalik keinginan Tun Salleh hendak mengadakan persidangan bagi mendengar kes tersebut, yang terdiri dari kesemua sembilan orang hakim Mahkamah Agung.

Oleh kerana kes rayuan oleh Kumpulan II yang melibatkan UMNO itu merupakan satu isu besar yang menarik perhatian setiap rakyat, di dalam negara ini maka Tun Salleh beranggapan adalah wajar satu kes yang menyentuh soal nasional itu dihakimi oleh kesemua sembilan orang hakim dari Mahkamah Agung. Alasan ini dapat diterima, sebagai satu cara kita membuat pengadilan terhadap kes tersebut. Sebaliknya kalau kita lihat peristiwa-peristiwa yang berlaku di sekitar pertelingkahan

antara Mahathir dan pihak kehakiman akan didapati bahawa kebanyakan hakim-hakim di Mahkamah Agung sendiri, tidak begitu menyenangi kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Mahathir. Malah mereka menganggap ianya merupakan suatu sindiran dan pukulan yang hebat kepada wibawa mereka sebagai pihak yang menjalankan sistem perundangan negara ini.

Bukti nyata kepada ketidakpuasan hati terhadap kenyataan-kenyataan yang dilakukan oleh Mahathir, ialah kesediaan mereka untuk merestui Tun Salleh Abas, dalam mengirim sepucuk surat kepada Yang di-Pertuan Agong. Dengan restu dari kesemua hakim tersebutlah, Tun Salleh telah menulis surat kepada Yang di-Pertuan Agong yang menyebut tentang kecaman-kecaman yang dibuat oleh Perdana Menteri terhadap bidang kehakiman.

Ternyata kemudian, surat tersebut dan salinannya yang dihantar kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu, telah membawa padah kepada Tun Salleh. Mungkin ini satu hal yang menakjubkan, dalam sejarah hubungan antara raja dan rakyat di negara ini. Jika seorang Ketua Hakim Negara tidak boleh menulis surat kepada seorang raja dan menimbulkan kemurkaan raja tersebut, bagaimana agaknya jika rakyat biasa yang menulis surat kepada seorang raja.

Logiknya di sini ialah, jika kebanyakan hakim tadi telah merestui cadangan, supaya Tun Salleh menulis surat kepada Yang di-Pertuan Agong berkenaan kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Mahathir terhadap mereka, berertilah, jika kes rayuan oleh Kumpulan II ini dipersidangkan di hadapan mereka, ada kemungkinan kes tersebut akan dimenangi oleh mereka. Dalam lain kata rayuan Kumpulan II untuk memulihkan UMNO lama mungkin diperkenankan.

Selain dari itu, kebanyakan hakim-hakim yang terlibat, mempunyai pandangan yang tersendiri terhadap kenyataan-kenyataan Mahathir. Mereka juga cukup menyedari dalam pergelutan politik di dalam UMNO khususnya antara Razaleigh dan Mahathir, terdapat kuasa-kuasa lain yang terlibat. Kuasa-kuasa yang mengikut takrifan Mahathir sendiri, sebagai yang tidak boleh disentuh dan ditegur. Tentulah para hakim yang dijangka terlibat dalam menghakimi rayuan Kumpulan II itu juga, menyedari bahawa bekas Ketua-ketua Hakim Negara sebelum Tun Salleh Abas juga banyak membuat kenyataan-kenyataan yang bertentangan dengan Mahathir.

Oleh itu, mereka boleh merasakan, ada satu bentuk naungan

kepada apa juga keputusan yang akan mereka buat dalam memutuskan kes Kumpulan II. Selain daripada itu, mereka juga menyedari akan harapan dari ahli-ahli UMNO yang menentang kepimpinan Mahathir dan penubuhan UMNO baru, terhadap keputusan yang bakal mereka buat.

Walau apa pun andaian dan kemungkinan yang boleh dibuat di sini, terhadap pendirian dan keputusan yang bakal diambil oleh majoriti hakim-hakim yang bersidang bagi mendengar kes UMNO itu. Seperkara yang nyata ialah Mahathir tidak sanggup menghadapi risiko daripada persidangan tersebut.

Oleh kerana dalam kenyataan-kenyataan beliau yang lalu, Mahathir sering membayangkan, bagaimana tidak ada sesiapa yang dapat menjangkakan keputusan yang akan diputuskan oleh seseorang hakim. Disebabkan keputusan akhir selalunya bergantung kepada budi bicara hakim itu sendiri.

Apakah yang akan terjadi jika keputusan yang dicapai oleh majoriti hakim yang bersidang itu, ialah untuk membenarkan UMNO lama dihidupkan semula, dengan mendapati keputusan yang dibuat oleh hakim Mahkamah Tinggi itu satu kesilapan. Apakah yang akan terjadi kepada UMNO baru? Di manakah maruah pemimpin-pemimpin UMNO baru hendak diletakkan jika keputusan tersebut dicapai? Apakah implikasi daripada gerakan-gerakan yang dijalankan di seluruh negara untuk mendaftar ahli-ahli UMNO baru? Apakah pula implikasi dari reaksi kemenangan yang dicapai oleh Kumpulan II jika persidangan agung menyebelahi mereka?

Tidak dapat tidak, sudah tentulah suatu suasana yang gawat akan wujud di seluruh negara jika Mahkamah Agung mendapati UMNO lama tidak haram dan UMNO baru terpaksa dibubarkan. Jika ini berlaku tentulah seluruh implikasi dan risiko terpaksa dihadapi oleh Mahathir dan lain-lain pemimpin UMNO baru. Malah ianya merupakan satu tamparan kepada seluruh rakyat yang telah membuat ikrar untuk menyokong UMNO baru sendiri.

Demikian juga dengan kemasukan semula UMNO baru di dalam Barisan Nasional, tentulah satu rombakan lain terpaksa dibuat dan berbagai-bagai masalah serta implikasi yang di luar dugaan mungkin terjadi jika terdapat satu keputusan yang membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi. Jika ini terjadi, selain daripada UMNO baru sendiri terpaksa dibubarkan, Mahathir dan anggota kabinetnya sudah tentu terpaksa

meletakkan jawatan.

Inilah cabaran yang sebenarnya terpaksa dihadapi, jika berlaku satu keputusan yang berlawanan dengan keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes rayuan Kumpulan II. Inilah risiko yang mahu dielakkan oleh Mahathir, jika benar pemecatan Tun Salleh Abas, dibuat berdasarkan andaian Tun Salleh sendiri, yang kononnya pemecatan beliau adalah kerana beliau dianggap berpihak, di dalam kes UMNO yang bakal didengar oleh Mahkamah Agung.

Sudah tentu pada Mahathir kes UMNO bukan sekadar menjadi kes perundangan biasa tetapi ia melibatkan masa depan dan maruah kepimpinan beliau sendiri di samping masa depan dan maruah perjuangan UMNO baru yang telah ditubuhkan.

Inilah yang mungkin berlaku, jika kenyataan Tun Salleh sendiri dapat dipegang, tentang andaian kemungkinan beliau berpihak di dalam rayuan oleh Kumpulan II. Walaupun beliau menafikan tentang kemungkinan tersebut, tetapi ternyata bagi Mahathir ada tanda-tanda yang kecenderungan untuk berpihak itu mungkin berlaku. Jika ini berlaku, akibatnya bukan sahaja seperti yang telah dinyatakan tadi tetapi juga seolah-olah undang-undang sedang membendung satu tindakan yang dianggap dari awalnya, adalah berlawanan dengan kehendak majoriti, atau setidaknya berlawanan dengan satu sistem pemilihan yang sering diamalkan oleh UMNO dalam konteks demokrasi negara ini.

Dilihat dari apa segi juga pun, keputusan yang diperolehi oleh Mahathir dalam pertandingan beliau dengan Razaleigh adalah satu keputusan yang telah diputuskan oleh ahli-ahli UMNO sendiri, setelah melalui satu bentuk kempen yang begitu hebat selama beberapa bulan. Malangnya Kumpulan II telah enggan menerima suatu keputusan yang mereka turut serta, di peringkat awal kempen-kempen yang berlaku, sehinggalah keputusan itu diumumkan, yang memberi kemenangan kepada Mahathir.

Apabila mereka tidak merasa puas hati kepada keputusan tersebut, yang mereka juga turut terlibat secara aktif, maka mereka telah mencari alasan lain untuk membawa kes tersebut ke mahkamah, tanpa sanggup menunggu tempoh masa selama tiga tahun, sepertimana yang dianjurkan oleh Perlembagaan UMNO lama dalam konteks pemilihan kepimpinan sekali lagi. Mereka kemudiannya mempunyai alasan yang baik dari sudut

perundangan, untuk mengheret UMNO ke mahkamah, kerana adanya beberapa cawangan yang tidak didaftarkan terlebih dahulu, tetapi adalah juga nyata, mereka telah belot pada persefahaman bersama, yang mereka tunjukkan melalui kempen-kempen sebelum pemilihan diadakan.

Untuk memuaskan nafsu mereka, setelah mereka gagal mencapai apa yang dihajati melalui kempen-kempen tersebut, dengan kekalahan calon mereka, maka mereka menghala ke mahkamah dengan mengungkit kembali soal cawangan yang tidak sah, walaupun persetujuan telah dicapai secara tidak langsung, melalui penyertaan dan penglibatan mereka, di dalam kempen-kempen sebelum pemilihan yang lalu.

Ketidakpuasan hati dan keputusan mengheret terus sesuatu yang telah diterima walaupun tanpa hitam putih sebelum pertandingan hanya untuk memenuhi kekecewaan mereka yang tidak berpuas hati dengan kemenangan Mahathir. Jika mereka jujur dan benar-benar ikhlas serta mahu menegakkan kebenaran, sudah tentulah keputusan mengheret UMNO ke mahkamah dibuat sebelum pertandingan. Bukan setelah keputusan memperlihatkan calon mereka kalah baru mereka meneruskan semula hasrat mengheret UMNO ke mahkamah. Dengan harapan satu pemilihan semula diadakan. Bukan sangat soal untuk membetulkan UMNO tetapi bagi mendapat peluang untuk satu pemilihan lain.

Ertinya setelah mereka belot pada persefahaman bersama untuk membenarkan pertandingan 1987 berlangsung, baharulah mereka membawa kes itu ke mahkamah. Mereka juga belot terhadap tradisi UMNO yang selama ini bertolak-ansur dalam keputusan pemilihan kepimpinan. Dari satu segi yang lain, keputusan mengheret kes tersebut ke mahkamah hanyalah untuk memenuhi hasrat dan keinginan Kumpulan 11 semata-mata.

Akibat daripada kedegilan mereka, UMNO telah didapati tidak sah oleh hakim Mahkamah Tinggi. Malahan sesiapa saja yang membuat interpretasi secara langsung akan mencapai suatu keputusan yang sama seperti yang diputuskan oleh hakim Mahkamah Tinggi. Sebelum keputusan tersebut lagi banyak pihak di dalam UMNO telah mengagak yang ianya akan terjadi demikian. Malah Kumpulan 11 telah dirayu dan dinasihati oleh banyak pihak, yang ingin melihat perjuangan UMNO berterusan tanpa sebarang gangguan. Oleh kerana mereka

merasakan pegangan dan prinsip mereka betul, lalu mengenepikan seluruh rayuan dan nasihat itu.

Apabila Mahkamah Tinggi menjatuhkan hukuman kepada sekumpulan ahli, yang membuat sesuatu, berdasarkan emosi dan ego mereka semata-mata, telah menghancurkan seluruh institusi perjuangan bangsa, maka Mahathir mengambil inisiatif untuk memulihkan keadaan dengan menubuhkan UMNO baru. Oleh itu usaha memulihkan UMNO lama adalah satu tindakan yang sia-sia, tetapi kumpulan yang sama, yang bertanggungjawab menghancurkan institusi perjuangan bangsa itu jugalah, kemudiannya mahu berpura-pura menghidupkan kembali, melalui rayuan mereka ke Mahkamah Agung.

Jika Mahkamah Agung berpendapat rayuan mereka itu adil dan bertindak bercanggah dengan keputusan Mahkamah Tinggi, berertilah seluruh keputusan itu telah memberi peluang dan kesempatan kepada sekumpulan ahli-ahli UMNO, yang dari awal-awal lagi telah bertindak secara emosi dalam mengheret UMNO ke mahkamah.

Jika itu terjadi, dapatkah keputusan Mahkamah Agung dianggap sebagai suatu keputusan yang adil bila keputusan itu berlawanan dengan keputusan Mahkamah Tinggi. Jika Mahkamah Agung memutuskan untuk berpihak kepada Kumpulan 11 dalam rayuan mereka, apakah itu satu keadilan dari sudut perundangan, bila seluruh keributan dan masalah yang lalu, sebenarnya dicituskan oleh Kumpulan 11 sendiri, yang tidak sanggup untuk menunggu tiga tahun lagi. Sekumpulan ahli yang telah melanggar susila serta tradisi dan juga sistem perjuangan UMNO selama ini.

Dalam lain kata, hanya semata-mata dari sudut undang-undang kerana beberapa *teknikaliti* yang boleh diterjemahkan mengikut selera seseorang hakim, suatu perbuatan yang mungkar boleh disahkan tanpa memikirkan seluruh hasrat sebenar dan implikasi yang mungkin terjadi.

Inilah dilema Mahathir dalam memutuskan soal pemecatan Tun Salleh sebagai Ketua Hakim Negara. Beliau membuat tindakan tersebut adalah di atas perhitungan seorang pemimpin, bukan atas perhitungan seorang pelaksana undang-undang. Beliau tidak mahu mengambil risiko yang tidak dapat dibayangkan implikasinya jika Mahkamah Agung membuat keputusan yang bercanggah dengan keputusan Mahkamah Tinggi di dalam hal ini.



Disebabkan isu yang hendak diputuskan bukanlah yang bercorak ekonomi, jenayah atau hak kebebasan seseorang individu, sebaliknya ia bakal menentukan masa depan dan wadah perjuangan sebuah parti yang menjadi institusi bangsa Melayu. Jika berlaku keputusan yang bercanggah dari keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi, siapakah yang dapat menjamin bahawa tidak ada sesuatu pergelutan, permusuhan dan mungkin juga apa-apa yang lebih buruk daripada penyokong-penyokong UMNO baru dan UMNO lama yang telah dibelah dua.

Memanglah ini hanya satu andaian negatif sahaja tetapi andaian ini boleh menjadi kenyataan, kerana undang-undang hanya dibuat berdasarkan terjemahan atau interpretasi seseorang hakim atau sekumpulan hakim. Di dalam hal ini keputusan muktamat adalah melalui *simple majoriti*. Sebaliknya jika andaian dibuat bahawa Mahkamah Agung, yang akan bersidang yang diketuai oleh Tun Salleh Abas pada masa itu, adalah sealiran pendapat dengan keputusan Mahkamah Tinggi, sudah tentulah masalah pemecatan tidak akan timbul.

Dalam proses pemecatan juga kemudiannya, kita lihat berlaku pertembungan yang berterusan antara Mahathir dengan pihak kehakiman. Antara tuduhan yang dibuat dalam mencadangkan pembentukan tribunal bagi menyiasat kedudukan Tun Salleh, ialah Mahathir tidak mengikut peraturan seperti yang dikehendaki oleh artikel 125(3) Perlembagaan Persekutuan. Artikel tersebut menyebut, Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik sebuah tribunal dan membuat representasi akan kesalahlakuan Tun Salleh pada tribunal tersebut dan seterusnya, sehingga satu perbicaraan diadakan mengantung Ketua Hakim Negara dari jawatannya.

Di dalam kes penggantungan Tun Salleh ini, keributan berlaku kerana adanya anggapan bahawa penggantungan Tun Salleh di atas nasihat Perdana Menteri dibuat sebelum tribunal ditubuhkan. Oleh itu mengikut peguam-peguam Tun Salleh, pembentukan tribunal dibuat tanpa representasi tersebut adalah tidak sah dari segi perlembagaan. Sebaliknya Peguam Negara pula telah menjelaskan bahawa semua tindakan yang diambil telah dibuat menurut perlembagaan. Masalahnya menurut beliau ialah peguam-peguam Tun Salleh telah tidak hadir dalam persidangan tribunal. Jika mereka hadir, mereka tentu akan mendapat surat tersebut dan mereka akan mengatakan bahawa

semua tindakan yang diambil telah dibuat menurut perlembagaan.

Mengikut Tan Sri Talib, representasi dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong oleh Perdana Menteri melalui sepucuk surat bertarikh 25 Mei, 1988. Surat itu juga mengandungi empat tuduhan terhadap Tun Salleh. Oleh itu perkara 125 (3) Perlembagaan Persekutuan tidak menetapkan cara atau format representasi itu dibuat kepada Yang di-Pertuan Agong. Dengan itu pihak yang berkuasa bebas menggunakan format yang dirasakan baik dan sesuai untuk mengemukakan representasi.

Apa yang penting ialah penyampaian itu jelas, lengkap dan dengan cara yang boleh difahami oleh Yang di-Pertuan Agong. Sebagai penasihat undang-undang kepada kerajaan dan Yang di-Pertuan Agong, beliau telah drafkan tuduhan-tuduhan itu dalam Bahasa Inggeris, memandangkan kemungkinan adanya hakim-hakim luar negeri yang akan dilantik menganggotai tribunal.

Di dalam salah satu hujahnya di hadapan hakim Mahkamah Tinggi, Tan Sri Abu Talib menjelaskan representasi memang ada. Walaupun rungutan itu mulanya datang daripada Yang di-Pertuan Agong tetapi ia bukan satu-satunya asas kepada rujukan ini. Dalam pertemuan di antara Perdana Menteri dengan Seri Paduka di Istana Negara pada 4 Mei yang lalu, baginda telah menyerahkan kepada Perdana Menteri sepucuk surat daripada Tun Salleh yang menyatakan kurang senang baginda dengan isi surat itu, lalu meminta supaya tindakan tertentu diambil.

Mengikut Tan Sri Abu Talib, Perdana Menteri tidak bertindak serta-merta, sebaliknya meminta nasihat beliau dan beliau telah memberitahu Perdana Menteri bahawa sebagai Peguam Negara beliau tidak boleh bertindak seperti yang dikehendaki kecuali tindakan itu diambil menurut perkara 125 (3) Perlembagaan Persekutuan.

Dalam sepucuk surat bertarikh 5hb. Mei, oleh Perdana Menteri kepada Yang di-Pertuan Agong, beliau telah menjelaskan perkara tersebut dan memberitahu bahawa hakim berkenaan hanya boleh ditamatkan jawatannya sekiranya ada bukti-bukti yang menunjukkan salah laku atau sebab-sebab lain yang boleh menyebabkan beliau tidak lagi berupaya melaksanakan tugas-tugasnya.

Dalam hujahnya itu juga Tan Sri Abu Talib kemudian merujuk kepada surat daripada Yang di-Pertuan Agong bertarikh 25hb. Mei yang lalu, di mana baginda menyatakan bahawa baginda telah mempertimbangkan representasi yang dikemukakan oleh Perdana Menteri pada hari yang sama dan bersetuju dibentuk satu tribunal, bertujuan menyiasat dan melaporkan kepada baginda seluruh perkara 125 (3) Perlembagaan Persekutuan.

Oleh itu atas nasihat Perdana Menteri, Yang di-Pertuan Agong kemudian menggantung jawatan Ketua Hakim Negara berkuatkuasa pada 26hb. Mei yang lalu. Setelah representasi disampaikan kepada Seri Paduka, adalah mandatori bagi baginda untuk membentuk tribunal. Pembentukan itu dilaksanakan melalui sepucuk surat baginda kepada Perdana Menteri pada 25hb. Mei. Perdana Menteri juga membuat representasi selanjutnya melalui surat bertarikh 9 Jun kepada Yang di-Pertuan Agong berhubung salah laku Tun Salleh yang kemudiannya dijadikan tuduhan kelima yang disiasat oleh pihak tribunal.

Menurut Peguam Negara, penambahan representasi itu tidak menjadi soal kerana tidak terdapat format atau cara yang tertentu bagi penyampaian representasi itu dan tidak ada salahnya jika ia dilakukan demikian. Perkara 125 (3) tidak melarang penyampaian representasi selanjutnya berhubung seorang hakim yang telah dirujukan kepada tribunal untuk siasatan. Penambahan representasi itu bergantung kepada sama ada hakim tersebut terus melakukan kesalahan.

Setelah Yang di-Pertuan Agong menerimanya, baginda menitahkan supaya ia dirujuk kepada tribunal bagi tujuan yang sama. Oleh itu melalui surat bertarikh 11 Jun yang lalu, Perdana Menteri mengemukakan nasihat kepada Seri Paduka berhubung perlantikan anggota-anggota tribunal dan baginda telah bertindak atas nasihat Perdana Menteri seperti yang dibenarkan oleh perkara 40 (1) Perlembagaan Persekutuan.

Yang nyata ketetapan menurut perkara 125 (3) Perlembagaan Persekutuan telah dipatuhi sepenuhnya, representasi telah disampaikan, tribunal dibentuk, jawatan Ketua Hakim Negara kemudiannya digantung dan akhirnya perlantikan anggota-anggota tribunal menurut perkara 125 (3) Perlembagaan telah dibuat. Bagaimanapun permohonan Tun Salleh untuk mendapat kebenaran memohon perintah melarang tribunal

bersidang, berbincang atau membuat syor serta melaksanakan fungsi-fungsinya telah gagal diberi keputusan serta-merta oleh Hakim Mahkamah Tinggi yang membicarakannya, Datuk Ajaib Singh.

Peguam Tun Salleh yang diketuai oleh Raja Aziz Addruse telah bertindak segera dengan memohon Mahkamah Agung untuk memberi keputusan terhadap permohonan pelanggannya dengan alasan, jika tribunal tidak dihalang terlebih dahulu sementara menunggu keputusan Hakim Mahkamah Tinggi yang telah menangguhkan keputusannya itu. Berkemungkinan dengan permohonannya itu hanya akan menjadi perbincangan akademik sahaja jika tribunal telah selesai menjalankan tugasnya.

Mahkamah Agung yang telah bersidang secara mengejut pada petang itu telah menerima permohonan dari peguam Tun Salleh dan telah membuat keputusan untuk menghalang tribunal daripada mengemukakan sebarang syor, laporan atau nasihat berhubung hasil siasatan mereka kepada Seri Paduka. Permohonan dan keputusan di Mahkamah Agung dibuat setelah Hakim Mahkamah Tinggi enggan membenarkan penangguhan sidang tribunal.

Hakim-hakim Mahkamah Agung yang terlibat dalam mengeluarkan perintah menghalang tribunal itu telah menegaskan bahawa tindakan mereka mengadakan sidang mengejut pada petang Sabtu tersebut adalah sebagai tanggungjawab untuk menegakkan keadilan. Bagaimanapun keputusan yang dibuat oleh mereka pada persidangan 2 Julai yang lalu telah terbatal apabila rayuan yang dibuat oleh Peguam Negara bersetuju mengenyepikan perintah larangan sementara tersebut.

Tribunal bukan sahaja diberi hak menyerahkan segala laporannya kepada Yang di-Pertuan Agung tetapi berkeputusan dengan Tun Salleh Abas dipecat dari jawatannya. Penggantungan Tun Salleh Abas dengan segala teknikaliti penubuhan tribunal, walaupun hanya menjadi suatu perbincangan akademik sahaja pada hari ini, namun ianya merupakan suatu gejala pertembungan kuasa eksekutif dengan kehakiman yang telah sampai ke kemuncaknya.

Apa juga yang akan dihadapi oleh Mahathir dalam bentuk krisis ini, ianya tidak akan dapat melebihi krisis kepimpinan beliau dengan Ketua Hakim Negara. Walaupun terdapat tanda-

tanda penglibatan Yang di-Pertuan Agong dalam soal pemecatan Tun Salleh, namun seperkara yang tidak dapat dinafikan ialah penglibatan Mahathir sendiri dalam pertelingkahan tersebut.

Ianya mungkin merupakan satu perintah yang perlu dijalankan oleh beliau sebagai seorang Perdana Menteri, yang menasihati Yang di-Pertuan Agong, tetapi banyak pihak akan lebih berpendapat bahawa ianya merupakan satu rentetan yang berterusan sejak beberapa lama dalam karier kepimpinan Mahathir menghadapi krisis dengan pihak kehakiman.

Sejarah seterusnya akan menentukan sejauh mana krisis tersebut menghakis hak-hak rakyat dalam menyuarakan sesuatu secara bebas, ataupun sejauh mana krisis tersebut akan menghakis keutuhan demokrasi di negara ini, yang diasaskan oleh tiga cabang yang menjadi tunggak demokrasi yang telah diamalkan oleh rakyat Malaysia sejak lebih 30 tahun.

Dalam banyak hal Mahathir cuba membuat interpretasi undang-undang mengikut apa yang difahami oleh kebanyakan orang biasa atau apa yang telah termaktub dan diluluskan oleh parlimen, namun tidaklah dijangkakan bahawa masalah interpretasi tersebut, boleh mewujudkan satu fenomena baru dalam pertelingkahan antara eksekutif dengan kehakiman di negara ini.

Walaupun seorang hakim ada mengatakan, "kami tidak perlu untuk membuat interpretasi berdasarkan apa yang telah diputuskan oleh parlimen, sebaliknya setiap keputusan adalah berdasarkan interpretasi dan budi bicara seseorang hakim yang membicarakannya."

Namun keseluruhan interpretasi itu haruslah juga didasarkan kepada realiti puncak kekuasaan sebenarnya. Seseorang hakim mempunyai kuasa mutlak untuk membuat sebarang tafsiran dalam menentukan keputusan sesuatu kes, yang ada di hadapannya di dalam mahkamah, tetapi selepas kes itu diputuskan maka kuasa seterusnya tidak lagi terletak kepada hakim tersebut.

Soal apakah keputusan itu akan diterima, dipatuhi atau ditentang, terpulang kepada suasana sesuatu kes itu dikendalikan. Sepertimana yang telah dibentangkan dalam kes-kes ini, antara beberapa kes yang telah diputuskan oleh mahkamah tetapi terus mewujudkan beberapa perbalahan interpretasi kerana kepentingan-kepentingan yang berbeza.

## FORUM ANTARABANGSA

Benih yang baik itu jika dilempar ke mana sekalipun akan tetap membuahkan hasil yang baik. Kalau ianya dilontarkan ke laut maka ia akan menjadi sebuah pulau. Demikianlah bicara orang tua-tua. Pengertian daripada bidalan ini dapatlah disamakan dengan kemunculan Mahathir sebagai seorang pemimpin.

Jika di Malaysia ianya menjadi satu harapan dalam usaha beliau memimpin rakyat dan negara ini, maka kehadiran beliau sebagai pemimpin Malaysia, di forum-forum antarabangsa, turut memberi kesan kepada beberapa isu antarabangsa yang sedang bergolak. Ketegasan beliau dalam menyatakan pendirian Malaysia dalam isu-isu yang terlibat cukup meyakinkan banyak pihak melalui hujah-hujah yang diberikan. Kelantangan suara beliau merupakan kesinambongan kepada suara sebahagian besar dunia ketiga pada keseluruhannya.

Yang lebih penting ialah ketegasan dan kelantangan suara beliau itu, disertai dengan substance yang cukup, bagi mengemukakan pandangan beliau sebagai sesuatu yang dapat diterima, meskipun kadangkala terasa pedas sekali luahan rasa dan pemikiran yang beliau ucapkan. Yang nyata ialah cadangan, hujah-hujah dan perbicaraan beliau terhadap isu-isu yang diperkatakan tetap menyentuh semua pihak dan meliputi semua aspek yang perlu diperkatakan yang kadangkala tidak mampu atau tidak mahu diperkatakan oleh pihak-pihak lain yang berkepentingan.

Melalui Mahathir, Malaysia tiba-tiba menjadi sebuah negara yang kehadapan dalam membentangkan isu-isu yang berhubung dengan masalah-masalah sejagat. Apa yang lebih

membanggakan ialah pandangan-pandangan beliau tetap mendapat perhatian, bukan sahaja di forum-forum yang dihadiri oleh beliau tetapi juga oleh pemimpin-pemimpin dunia yang lain.

Kehadiran Mahathir bukanlah sesuatu yang boleh dibanggakan semata-mata dengan kemunculan beliau mewakili Malaysia, jika ucapan-ucapan beliau tidak didasarkan kepada kenyataan-kenyataan yang sedang berlaku di dunia antarabangsa. Penelitian yang sebenar kepada setiap masalah yang diperkatakan telah menyebabkan setiap pihak yang merasa disentuh atau dibidas oleh ucapan-ucapan beliau akan merasa panas dan menimbulkan kesannya yang tersendiri.

Dalam mengemukakan pandangan-pandangan beliau di forum-forum antarabangsa ini, ternyatalah Mahathir menyatakan pendapatnya, berdasarkan seluruh pandangan beliau pada kenyataan dan kebenaran, tanpa mengira risiko walaupun ada kesan-kesan negatif daripada saranan-saranan itu. Ketika memberi pandangannya yang pertama tentang pertubuhan Komanwel umpamanya, Mahathir merasakan pertubuhan itu tidak perlu wujud jika ia enggan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh dunia.

Apabila menyentuh tentang pergerakan Negara-Negara Berkecuali, beliau cuba membawa seluruh negara-negara anggota untuk bertanya kepada diri sendiri, apakah benar setiap anggota telah menjadi sebuah negara yang bebas, tidak terpengaruh dengan mana-mana kuasa besar atau berganjak seiring dengan diplomasi kapal perang yang beliau anggap masih bermaharajalela.

Beliaulah satu-satunya pemimpin yang dengan lantang menegaskan kepada dunia bahawa PBB (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) bukan Milik Kuasa Besar sahaja. Sudah tentulah saranan yang sedemikian turut memberi inspirasi kepada negara-negara kecil lain yang turut menjadi ahli pertubuhan badan dunia tersebut, yang kadangkalanya, merasa kecewa dengan sikap dan peranan yang dimainkan oleh negara-negara besar, tetapi mereka sendiri tidak mampu untuk memberikan pandangan-pandangan mereka, terhadap tipu-helah dan permainan oleh kuasa-kuasa besar itu.

Kehadiran Mahathir dalam menyuarakan pendapat-pendapat beliau itu, secara tidak langsung mewakili lain-lain anggota pertubuhan tersebut, yang turut merasa kecewa dengan

lagak kuasa-kuasa besar dalam setiap tindakan mereka, yang lebih bertujuan untuk memenuhi kepentingan-kepentingan mereka sendiri, tanpa mengambil kira kepentingan-kepentingan negara-negara kecil yang lainnya.

Selain dari ucapan-ucapan beliau di persidangan-persidangan antarabangsa sebagai melambangkan pendirian Dasar Luar Malaysia di bawah kepimpinan beliau, kemampuan Mahathir untuk muncul sebagai seorang pemimpin yang dapat diterima di peringkat antarabangsa dalam tempoh yang singkat adalah sesuatu yang dapat dibanggakan oleh setiap rakyat Malaysia. Jika dibandingkan pengalaman beliau sendiri sebelum menjadi Perdana Menteri yang tidak banyak terlibat dengan aktiviti-aktiviti atau isu-isu di peringkat antarabangsa. Di sinilah terletak keistimewaan Mahathir dalam menempatkan diri beliau sebagai pemimpin negara dan juga kemampuan beliau memunculkan kepimpinannya di peringkat antarabangsa.

Di awal kepimpinan beliau, Mahathir bukan sahaja mengejutkan rakyat negara ini dengan berbagai-bagai dasar tetapi juga berkemampuan mengocak forum-forum antarabangsa dengan pandangan-pandangan beliau yang kontroversial. Pada satu ketika beliau bukan sahaja enggan menghadiri Persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel tetapi mempersoalkan kewujudan pertubuhan tersebut.

Ketika menyampaikan ucapan beliau di persidangan yang diadakan di Nassau Bahamas, beliau telah menegaskan betapa Komanwel hendaklah mengaku bahawa ia sebenarnya telah gagal memberi sumbangan ke arah penyelesaian masalah yang dihadapi oleh negara-negara anggotanya, kalau tidak pun masalah-masalah dunia. Beliau telah mengejutkan anggota-anggota Komanwel untuk bangun menghadapi realiti-realiti semasa yang semakin mencabar dan seterusnya memperbaharui peranan masing-masing supaya segala matlamat-matlamat yang ingin dicapai dapat diberi perhatian dengan lebih berkesan.

Keadaan Komanwel yang ada tidak lagi sama sepertimana ianya mula ditubuhkan. Ia bukan lagi sebuah kelab untuk negara-negara yang diasaskan oleh para pendatang dari Eropah, sebaliknya telah menjadi kumpulan negara-negara yang pernah dijajah, yang dipujuk untuk menyertai Komanwel dengan janji-janji bahawa mereka akan mendapat faedah daripadanya. Negara-negara itu mendapati Komanwel gagal memenuhi janji-janji tersebut. Oleh itu jika Komanwel mahu terus dikekalkan,



pertubuhan tersebut mestilah memberi hasil yang memuaskan, yang nyata dan yang bererti kepada anggota-anggotanya.

Mahathir mengingatkan, Komanwel mestilah mempraktikkan maksud pertubuhan itu sendiri iaitu "commonwealth" atau kemakmuran bersama, terutamanya untuk negara-negara anggota yang miskin. Pada pendapat beliau, pengalaman Malaysia dalam Komanwel telah menyebabkan negara itu tidak begitu yakin terhadap pertubuhan itu. Semangat muhibah yang ada pada waktu menganggotai dahulu kian pudar dengan peredaran masa dan dengan berbagai peristiwa yang telah berlaku.

Malaysia menurut Mahathir tidak mempunyai sebarang prasangka terhadap lain-lain negara anggota Komanwel, malah sentiasa mempunyai hubungan dua hala yang erat dengan mereka. Hubungan tersebut sama ada erat atau tidak, masih tetap terjalin walaupun tanpa Komanwel.

Satu-satunya perkara yang agak memberangsangkan tentang Komanwel ialah tindakannya menyingkirkan Afrika Selatan. Mahathir sentiasa memandang masalah penyingkiran Afrika Selatan, bukan sahaja sebagai sesuatu yang perlu dari pertubuhan-pertubuhan peringkat antarabangsa tetapi juga memastikan kebebasan yang sebenarnya pada rakyat Afrika Selatan dapat dijadikan suatu kenyataan. Sikap beliau terhadap isu Afrika Selatan dan juga Dasar Luar Malaysia di bawah beliau terhadap soal ini adalah jelas dan serius tanpa sebarang tolok-ansur.

Pada Mahathir, peranan Komanwel bukan sahaja telah berubah dan berbeza tetapi beberapa konsep keadilan dan kejujuran yang sepatutnya mempunyai fahaman persamaan telah juga banyak berubah. Kekuatan merupakan unsur yang paling penting yang menentukan sikap antarabangsa sekarang, iaitu kekuatan ekonomi, kekuatan politik dan kekuatan tentera. Hari ini negara-negara yang kuat bersorak dan mengalu-alukan sikap dan kelakuan buruk yang tidak menyenangkan yang diamalkan oleh setengah negara seperti Israel. Sedangkan keganasan seperti itu sepatutnya tidak langsung mendapat restu daripada mana-mana negara juga di dunia ini.

Konsep penentangan terhadap keganasan antarabangsa ialah tidak mengira sama ada ia dilakukan oleh individu atau pertubuhan atau atas apa juga alasan sekalipun. Tindakan mana-mana kerajaan yang rasional dalam melulus dan

menyokong keganasan yang dilakukan oleh lain-lain kerajaan, samalah seperti mengenyepikan keseluruhan maruah antarabangsa.

Demikian juga dari sudut ekonomi, beliau melihat bagaimana ekonomi di negara-negara miskin musnah akibat Dasar-Dasar Ekonomi yang diamalkan oleh negara-negara yang kaya dan kuat. Bagaimana negara-negara yang berpengaruh mengenakan tekanan ke atas negara-negara pelanggan mereka untuk menolak tuntutan-tuntutan mutlak seperti hak ke atas Antartika yang juga merupakan isu antarabangsa yang turut dilaungkan dengan berkesan sekali oleh Mahathir.

Demikian juga dengan kekuatan ketenteraan sebagai satu helah yang dilakukan oleh negara-negara yang berkuasa bagi menduduki negara-negara jiran, kononnya untuk melindungi diri mereka. Dengan keadaan ini, negara-negara yang lemah terpaksa tunduk dan mengalah kerana mereka tidak mempunyai pilihan. Diplomasi kapal perang mengikut Mahathir, masih lagi terus hidup walaupun dalam zaman yang dianggap manusia lebih bertamadun. Malah lebih menakutkan keadaannya kalau dibandingkan dengan apa yang berlaku di zaman dahulu.

Demikianlah corak dunia hari ini, di mana negara-negara seperti Malaysia terpaksa berjuang untuk terus hidup dan menentukan masa depan mereka. Mereka boleh bersatu untuk mencari jaminan keselamatan bersama rakan-rakan yang lain mengikut pengundian. Tanggapan bahawa cara itu berkesan telah terbukti meleset kerana pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu juga telah diketepikan oleh negara-negara kaya dan berkuasa.

Masalah perdagangan pula, khususnya yang bersangkutan dengan peranan Malaysia sendiri, adalah sama seperti kebanyakan daripada negara-negara membangun. Malaysia hanya mampu mengeluarkan bahan-bahan utama dengan harapan dapat dijual untuk mendapatkan barangan siap yang diperlukan, tetapi sejak beberapa tahun, harga bahan-bahan utama telah jatuh, malah harga itu kadangkalanya lebih rendah dari kos pengeluaran.

Antara sebab-sebabnya yang ditekankan oleh Mahathir, pertama kerana negara-negara maju telah bersaing hebat dalam mengeluarkan bahan-bahan itu dengan memberi subsidi dan mengeluarkannya secara berlebihan. Kemudian mereka

menetapkan harga melalui pasaran barangan di negara masing-masing, yang mana keahliannya hanya terbuka kepada anggota mereka sahaja. Jika terdapat rakan-rakan mereka menunjukkan tanda-tanda akan mengalami kerugian, mereka akan segera meminda peraturan. Malah mereka akan menyebarkan khabar-khabar angin dalam usaha untuk mempengaruhi harga dan akhbar-akhbar Barat akan membantu dan bersubahat dengan mereka.

Bagaimanapun keadaan seperti ini tidak berlaku dalam pemasaran barangan siap mereka di negara-negara membangun yang miskin. Harga barangan-barangan siap itu ditentukan oleh para pengusaha sendiri, sama ada harga bahan-bahan mentah naik atau turun. Harga barangan-barangan siap selalunya akan meningkat. Ini bermakna, semakin banyak bahan-bahan utama terpaksa dijual oleh negara-negara miskin dalam usaha untuk mendapatkan barangan-barangan siap yang semakin sedikit.

Demikian juga yang terjadi apabila setengah daripada negara-negara yang membangun cuba melibatkan diri dalam perindustrian dan mengeksport barangan mereka. Dasar perlindungan di pasaran-pasaran negara-negara kaya telah menyekat itu semua. Malah apabila mereka cuba masuk ke pasaran di lain-lain negara membangun, mereka terpaksa pula menyaingi kemudahan-kemudahan kredit dan kekuatan ekonomi dan politik yang dikenakan oleh negara-negara maju dan kaya.

Menurunnya pertumbuhan ekonomi di kebanyakan negara hari ini, tegas Mahathir, adalah berpunca daripada manusia sendiri. Ia tidak hanya dimulakan oleh negara-negara pengeluar minyak. Sebenarnya penyalahgunaan kewangan di negara-negara maju, perbelanjaan yang besar untuk ketenteraan, dasar-dasar perlindungan mereka, pengeluaran yang berlebihan, pelbagai barangan dan amalan-amalan perdagangan telah menjadi punca kemelesetan ekonomi yang sedang dihadapi oleh dunia sekarang.

Dalam memperkatakan isu Afrika Selatan, Mahathir menyifatkan tidak ada kerajaan di dunia seperti rejim Afrika Selatan yang paling rendah martabatnya. Ia menghalalkan apa yang haram dari segi moral, kaum minoriti menjadi majoriti, perhambaan adalah kebebasan. Seperti Israel mereka tidak menghormati norma-norma antarabangsa. Tidak ada batasan untuk kekejaman perkauman di Afrika Selatan. Rejim kulit

putih ini masih kekal hingga hari ini. Mengapakah hal ini dibiarkan? Ia kekal tidak lain kerana mereka yang gemar mengkritik dasar perkauman di negara-negara membangun, tidak bersedia membuat apa-apa ke atas rejim perkauman yang paling kejam di dunia.

Walaupun sebagai sebuah negara kecil, Malaysia tetap mempunyai pendirian yang tegas dan mengotakan apa yang menjadi pendirian dasar luarnya. Dalam isu Afrika Selatan umpamanya, Malaysia menanggung banyak kerugian kerana tidak berdagang dengannya. Demi mempertahankan maruah bersama dalam mengekalkan pendirian Malaysia yang anti kepada rejim perkauman, Malaysia sanggup meneruskan dasar untuk memulaukan Afrika Selatan.

Sebaliknya Mahathir mengecam negara-negara yang mampu mengenakan sekatan ekonomi ke atas Afrika Selatan tetapi memberi berbagai-bagai alasan tentang mengapa mereka tidak boleh memulaukan negara yang mengamalkan sikap perkauman yang paling ketara. Sebaliknya negara-negara maju tadi sanggup mengenakan sekatan import ke atas barangan negara-negara miskin. Sekatan yang boleh menimbulkan penderitaan di negara-negara miskin itu bukan satu masalah bagi mereka. Mereka tidak sanggup berbuat demikian ke atas Afrika Selatan dengan alasan kononnya kaum kulit hitam akan menderita.

Pada Mahathir, kenyataan sebenar ialah kaum kulit hitam sudah pun menderita. Pemilihan selalunya menyakitkan dan sebagai seorang doktor, beliau amat menyedari hakikat ini. Menahan kesakitan buat sementara waktu, pada pendapat beliau adalah jauh lebih baik daripada membiarkan penderitaan itu berpanjangan. Jika sekatan boleh membantu memusnahkan satu dasar yang keji dan hina seperti Aparteid maka sekatanlah yang mesti dikenakan.

Ia harus dilakukan oleh negara-negara yang terlibat untuk kepentingan antarabangsa tanpa dipengaruhi oleh kepentingan ekonomi masing-masing agar dasar-dasar itu benar-benar dapat dihapuskan. Kegagalan untuk berbuat demikian bermakna negara-negara yang berkenaan bersikap berpura-pura dan ini akan menjejaskan peranan Komanwel.

Atas kepercayaan inilah Mahathir menganggap jika persidangan Komanwel tidak mahu dijadikan hanya sebagai tempat berehat untuk menjauhkan diri daripada masalah-masalah yang dihadapi di negara masing-masing, ia mestilah

membuat sesuatu untuk mengatasinya. Persidangan ini sekurang-kurangnya mestilah mencari kata sepakat tentang apa yang boleh dilakukan ke atas Afrika Selatan. Ia mesti membantu secara positif untuk memulihkan ekonomi dunia dan Komanwel juga mesti cuba mengubah kesemua bentuk disiplin dan sikap.

Jika Komanwel enggan membuat sesuatu dengan tegas, ia mestilah berhenti daripada bersikap berpura-pura. Ia mesti mengaku bahawa ia tidak boleh memberi sumbangan yang membina bagi menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara anggota, apatah lagi masalah dunia.

Pendirian Malaysia terhadap Komanwel masih lagi serupa. Beliau sendiri merasa kecewa dengan sikap dan pendirian beberapa negara anggota khususnya di dalam soal-soal ekonomi dan isu-isu politik. Setakat ini Malaysia masih lagi bertahan dan secara terbuka sentiasa menilai keanggotaannya di dalam pertubuhan tersebut dengan harapan ada sesuatu yang meyakinkan dan berkesan dapat dikongsi bersama. Beliau juga berharap agar pertubuhan Komanwel dapat memastikan negara-negara anggota yang kaya tidak mengambil kesempatan kepada negara-negara yang miskin.

Negara-negara yang telah lama menjadi anggota dan kaya ini mestilah menukar sikap mereka secara radikal, jika Komanwel mahu menjadi sebuah pertubuhan yang benar-benar bermaruah. Tanpa kajian semula yang sedemikian mengikut Mahathir, adalah lebih baik ianya menjadi sebuah Kelab Pertuturan Bahasa Inggeris sahaja.

Selain daripada pertubuhan Komanwel, Mahathir juga mempunyai pandangan yang tersendiri terhadap Pergerakan Negara-Negara Berkecuali. Tugas Pergerakan Negara-Negara Berkecuali sekarang mengikut Mahathir, ialah mengekalkannya sebagai satu faktor bagi mewujudkan keamanan dan keseimbangan ekonomi yang rasional dan teratur. Walaupun ini tidak boleh dipertikaikan lagi tetapi soalnya adakah pergerakan ini menjadi tenaga penggerak bagi mengatasi soal-soal ketidakadilan dalam hubungan ekonomi atau dalam isu-isu politik antarabangsa yang menyakitkan.

Setelah 25 tahun pergerakan ini diwujudkan, inilah masa yang paling sesuai bagi mengkaji kembali kedudukan dan peranannya. Apakah pergerakan ini masih di tahap melaung-laungkan prinsip-prinsip atau pergerakan ini sudah meneroka

lalu yang memisahkan antara kuasa-kuasa politik berblok. 25 tahun yang lalu, kebanyakan negara-negara di Amerika Latin, Afrika dan Asia adalah tanah jajahan berbagai kuasa Eropah. Hubungan ini hanya sehaluan dengan kekayaan negara-negara yang dijajah itu, mengalir ke 'Utara' bagi memperkayakan lagi kuasa penjajah.

Walaupun kesemua negara anggota pada hari ini sememangnya bebas dari segi undang-undang, namun proses melemahkan sistem ekonomi dan politik membuatkan kebebasan yang dinikmati itu tidak bermakna. Oleh itu kebanyakan anggota tidak boleh bertindak secara bebas kerana sering dilemahkan secara perlahan-lahan, yang mengakibatkan keruntuhan jika sokongan dan bantuan ekonomi, ketenteraan dan politik, ditarik balik oleh bekas-bekas penjajah Negara-Negara Berkecuali tersebut.

Ini disebabkan kebanyakan Negara Berkecuali tidak mempunyai kawalan terhadap sumber hasil pendapatan sendiri dan kadangkala terhadap perhubungan dengan negara jiran dan negara lain. Adakalanya negara-negara anggota dijadikan proksi dalam peperangan pihak lain, buah catur dalam permainan antarabangsa dan medan perang bagi menguji kelengkapan senjata.

Apa yang mengecewakan, ialah Perhimpunan Negara-Negara Berkecuali yang bertujuan untuk mengutarakan gagasan bagi mewujudkan Susunan Baru Ekonomi Antarabangsa atau (NIEO). Sebaliknya selepas 14 tahun konsep NIEO dilaungkan, negara-negara anggota masih menghadapi beban hutang luar negeri, dikongkong oleh dasar-dasar perlindungan dan menjadi miskin disebabkan kadar faedah dan tukaran wang asing.

Apakah ini yang dikatakan kebebasan? Kebebasan bukan sahaja perlu dipupuk dan dipelihara tetapi juga perlu diperlihatkan bentuknya. Ia perlu dikendalikan sebagai satu institusi secara sendirian, kecuali beberapa negara besar di kalangan Negara-Negara Berkecuali hari ini, yang lain nampaknya tidak berdaya.

Secara berkumpulan, suara pergerakan ini yang meliputi Amerika Latin, Afrika dan Asia dan sebahagian daripada Eropah akan kedengaran kuat dan kukuh. Ia kemudian akan menjadi kuasa moral yang berpegang teguh kepada prinsip-prinsip yang mengikat sejak 25 tahun lalu. Sebaliknya berapa

kerapkah antara negara-negara anggota yang ada bercakap dengan satu suara?

Mahathir mengingatkan, bagaimana kebanyakan Negara-Negara Berkecuali hari ini sebenarnya telah memihak dan berat sebelah dalam membuat pandangan-pandangan. Sesebuah negara anggota akan mengutuk kelakuan yang bertentangan dengan perlakuan antarabangsa disebabkan prinsip tertentu. Apabila tindakan yang sama dilakukan oleh pihak-pihak yang mereka, merasa cenderung untuk berbaik-baik dengannya, maka nada suara kritikan itu, akan berkurangan ataupun negara tersebut akan terus membisu.

Pendirian Mahathir dalam hal ini adalah jelas. Negara-negara anggota perlu terus bergantung kepada desakan moral ataupun memihak. Ada pihak yang mengutuk perjanjian-perjanjian antarabangsa bagi komoditi-komoditi tertentu dan enggan bekerjasama bagi menstabilkan harga, tetapi bagi komoditi lain yang mereka sendiri hasilkan dan mengeksportnya, mereka membentuk kartel bersama-sama negara maju yang lain.

Dalam keadaan kelam-kabut, kewibawaan moral dan suara Negara-negara Berkecuali menjadi bisu dan tidak berkesan. Sebaliknya Malaysia mahu Pergerakan Berkecuali benar-benar muncul sebagai pergerakan yang tidak tunduk pada desakan mana-mana pihak dan tidak memilih sasaran dalam memberi pandangan dan menyatakan pendirian terhadap sesuatu isu.

Malaysia umpamanya mengutuk sebarang campurtangan ketenteraan oleh negara asing dan akan terus mengecam semua percubaan untuk membentuk rejim boneka sebagai alat bagi mewujudkan hegemoni. Malaysia akan terus mengutuk semua gerakan-gerakan tersebut sama ada di Asia, di Afrika, di Eropah atau di Amerika Tengah. Amnya Malaysia memandang berat jika gejala-gejala ini berlaku berhampiran negaranya.

Pendirian Malaysia ialah mengutuk semua percubaan menggunakan penyelesaian ketenteraan, dalam mengatasi masalah-masalah antarabangsa atau masalah-masalah yang dihadapi dengan negara-negara jiran. Dalam lain kata Malaysia bukan sahaja menentang dasar tersebut kerana mungkin ia berlaku berhampiran dengan sempadannya, tetapi di mana-mana juga di permukaan bumi antarabangsa ini.

Adalah menjadi keyakinan Malaysia, di bawah pimpinan Mahathir, bahawa negara asing tidak boleh mengarah dalam hal hwal dalam negeri sesebuah negara. Malaysia mungkin tidak

suka terhadap rejim dalam sesebuah negara jiran. Malaysia mungkin mengutuk rejim itu kerana melakukan kekejaman atau ketidakadilan atau pencabulan hak-hak asasi manusia, tetapi Malaysia tidak berhak menghantar tentera untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang disukainya. Malaysia mengutuk tindakan seumpaman itu dan berhak menyokong secara politik, kerajaan-kerajaan yang sudah ditumbangkan dalam usahanya kembali berkuasa di negara masing-masing.

Oleh itu Malaysia merasakan Pergerakan Berkecuali perlu mewujudkan pendirian bersama di dalam soal-soal seperti ini. Sama ada pencerobohan itu dilakukan oleh kuasa-kuasa besar atau salah satu daripada anggota pergerakan tersebut. Pergerakan Berkecuali perlu mengutuknya sebagai satu cara prinsip. Barulah pergerakan tersebut memperolehi kewibawaan dan kuasa moral, sebagai kumpulan negara-negara yang benar-benar berkecuali.

Suasana di Asia Barat dapat dijadikan contoh yang nyata bagaimana Pergerakan Berkecuali tidak mempunyai kemampuan untuk bertindak walaupun sedikit, bagi menyelesaikannya. Halangan-halangan yang sukar dihapuskan terhadap pencapaian keamanan di kawasan ini ialah tindakan Israel yang terus menerus menolak usaha-usaha ke arah mencapai penyelesaian politik yang mesti membabitkan penyerahan semula Tanah Arab. Pengiktirafan hak rakyat Palestine menentukan masa depan sendiri dan hak untuk pulang ke tanahair mereka.

Israel berupaya untuk terus berdegil dan menidakkan semua itu kerana mendapat sokongan Amerika Syarikat. Keghairahannya terhadap pencerobohan dan kekejaman tidak mengenal batas. Dunia sudah menyaksikan kemusnahan yang berlaku di Lebanon. Keangkuhan untuk menunjukkan kekuasaan ketenteraannya dilakukannya berulang kali. Israel masih terlepas daripada sebarang hukuman, satu perbuatan yang disifatkan oleh Amerika Syarikat sebagai "hak untuk mempertahankan diri."

Di dalam isu-isu seperti inilah Mahathir berpendapat, bagaimana peranan Negara-Negara Berkecuali dapat dimainkan dengan lebih berkesan supaya pergerakan ini akan terus dihormati. Untuk mencapai itu, negara-negara anggota mestilah mempunyai kata sepakat dalam menentukan pendirian untuk mengutuk segala perlakuan yang bercanggah dengan susila



antarabangsa, sama ada ia dilakukan oleh negara jiran ataupun oleh negara-negara besar.

Kepentingan keseluruhannya ialah bila maruah Pergerakan Berkecuali tidak dicemari dan pendiriannya sentiasa didasarkan kepada prinsip-prinsip kemanusiaan sejagat, bukan didasarkan kepada hubungan kejiranan ataupun kerana kekuatan ekonomi sahaja.

Pergerakan Berkecuali haruslah muncul sebagai suatu pergerakan yang dapat memberi inspirasi dalam bentuk moral, dalam memperjuangkan isu-isu antarabangsa tanpa memilih kawan atau lawan, sama ada sesuatu pelanggaran pada susila antarabangsa yang dipersetujui itu, dilakukan oleh kuasa besar atau negara anggota pergerakan sendiri. Hanya dengan itu sahaja barulah moral dan kredibiliti pergerakan ini akan muncul, sebagai suatu kuasa yang dapat menentukan corak dunia yang lebih baik, seperti mana hasrat penubuhannya 25 tahun dahulu.



### *PBB Bukan milik kuasa besar*

Selama beberapa tahun lalu, dengan penuh kesedaran kita menyaksikan kemerosotan Bangsa-Bangsa Bersatu. Adakah kita mahu terus melihat pertubuhan ini tenggelam dalam keadaan yang tidak menentu bila ia akan pulih, atau haruskan kita bertindak dengan matlamat bersama untuk memulihkan Bangsa-Bangsa Bersatu?

Jika kita memerhatikan apa yang diucap oleh ramai pemimpin penting dan terkenal dunia ketika sesi memperingati ulang tahun ke-40 PBB tahun lalu, kita sebulat suara berpendapat bahawa pertubuhan ini tidak seharusnya dibiarkan menerima nasib yang mungkin sama dengan pertubuhan asalnya, Liga Bangsa-Bangsa. Dengan mengambil faedah daripada sejarah, kita semua tahu kenapa Liga gagal dan kesan-kesannya selepas itu.

Kita masih waras untuk menggambarkan kesan-kesan PBB yang semakin lemah, yang kini menjadi upacara yang tidak bermakna untuk kita bertemu setahun sekali, berucap, pulang dan lupa mengenainya sehingga sesi akan datang. Melainkan langkah yang benar-benar membina diambil untuk memulihkan keadaan, lingkaran menurun ini akan berterusan sehingga kewujudan sebenar PBB akan menjadi tanda tanya. Dalam

analisis terakhir, jika pertubuhan ini tidak menguntungkan sesiapa, kenapa kita menjadi ahlinya?

Bagi sebahagian besar daripada kita, negara kecil dan membangun, sebuah dunia tanpa PBB hampir tidak terfikirkan sama sekali. Malah, banyak negara di sini berhutang budi kepada Jawatankuasa Dekolonisasi Bangsa-Bangsa Bersatu di atas kemerdekaan mereka. Bagi kami, PBB lebih daripada hanya satu simbol. PBB terletaknya harapan untuk hari esok yang lebih baik, keadilan, keamanan dan kestabilan, serta kesejahteraan untuk semua manusia. Oleh itu, adalah wajib bagi PBB mengekalkan hubungan, memperluaskan fungsinya dan tidak menjadi alat untuk kepentingan sesebuah negara atau blok sahaja.

Di sebalik syak wasangka bahawa sebahagian negara boleh memiliki PBB, janganlah kita lupa bahawa pertubuhan ini hanya boleh wujud mengikut apa yang kita semua mahu. Hakikatnya ialah sebilangan kecil negara kaya dan berkuasa selalu mempunyai kuasa dalam membentuk PBB di sebalik ketetapan-ketetapan 'majoriti automatik', 'pelampau' dan 'sia-sia'. Jika pertubuhan mengalami kekurangan pengharapan, tanggungjawabnya terletak di bahu kuasa-kuasa besar itu yang berharap PBB memancarkan bayangan imej mereka, berkhidmat hanya untuk beberapa matlamat bagi kepentingan yang tertentu.

Untuk lebih meyakinkan, tanggungjawab sudah pasti juga terletak di kalangan negara-negara membangun yang kecil. Pertimbangan-pertimbangan berdasarkan kepada ideologi dan politik semata-mata, tidak menyumbangkan sebarang penyelesaian bermakna. Sebagai negara membangun yang kecil, kita mesti peka terhadap tanggungjawab kita, sepertimana yang kita harapkan negara-negara maju dan kuasa besar untuk menjadikan keputusan mereka berlandaskan merit isu-isu tertentu, diarahkan oleh prinsip-prinsip yang mengumpulkan idea PBB.

Adalah perlu bagi kita mengurangkan majoriti yang dinikmati bagi menentang perkara yang sesuai, praktikal dan realistik. Paling penting, kita tidak harus membenarkan diri kita menjadi proxy, membuat keputusan berdasarkan hubungan ideologi atau kepentingan blok, tanpa menghormati prinsip-prinsip yang terbabit. Ada juga antara kita yang menyumbangkan idea kepada prinsip-prinsip ini tetapi kekal membisu seribu bahasa

bila ia sesuai dengan mereka dan bila prinsip ini dipijak-pijakkan. Segelintir daripada kita juga tidak menghormati prinsip, melanggar perjanjian wilayah dan kedaulatan negara-negara kecil yang lemah, mencari perlindungan dengan senjata dan kuasa tentera. Marilah kita, negara-negara kecil, menjalankan tanggungjawab sebagai ahli pertubuhan ini dengan kematangan, ketenangan dan penuh rasa keadilan.

Bukanlah satu kebetulan bila sebahagian negara-negara yang mengasas dan menubuhkan Bangsa-Bangsa Bersatu, semakin tidak berpuas hati terhadap PBB setelah keahliannya meningkat berikutan proses kemerdekaan negara-negara terbabit. Ketika itulah cakap-cakap mengenai 'kekejaman majoriti', mengenai majoriti 'automatik' negara Dunia Ketiga menentang kepentingan negara-negara tertentu mulai timbul. Dalam masa yang sama, ia menjadi ikutan seperti yang sudah berlaku, di kalangan beberapa pihak untuk memfitnah dan merosakkan nama PBB dengan tuduhan 'belanjawan kembang' dan 'melampau' serta 'sia-sia' mengenai ketetapan-ketetapannya.

Malah, Tuan Presiden, adalah mudah dan mungkin merosakkan untuk pertubuhan ini menganggap bahawa PBB tidak perlu dimajukan lagi serta tidak boleh menjadi lebih berkesan. Sudah pasti, selepas beberapa tahun sebahagian 'lemak' yang terkumpul perlu dikikis. Keberkesanannya mesti dikaji semula dari semasa ke semasa bagi memperluaskan fungsinya. Tetapi tujuan memperbaiki PBB mestilah berdasarkan ketetapan yang terkandung dalam piagamnya. Manakala PBB tidak boleh melarikan diri daripada kesan kemelesetan ekonomi dunia, untuk mengaitkan krisis kewangan sekarang dengan kelewatan bayaran negara-negara anggota, adalah satu penafian kasar terhadap keadaan sebenar.

Krisis aliran tunai sekarang adalah kesan daripada seorang pun daripada kita menafikan bahawa di segi moral apa yang berlaku di Afrika Selatan itu sudah pasti tidak boleh dipertahankan. Namun ia tetap wujud kerana segelintir negara kaya dan berkuasa, yang mempunyai penuh kemampuan untuk menghapuskannya, tidak mengambil bahagian dengan cara yang lebih bermakna untuk menamatkan sistem jahat itu.

Negara-negara ini yang di satu segi mengutuk apartheid, dalam masa yang sama terus memberikan bantuan dengan menolak untuk meninggalkan polisi-polisi berasaskan 'perjanjian

dengan diputuskan oleh undang-undang negara terbabit. Macam mana kurang baik pun peraturan yang ada dan kaedah-kaedah yang mungkin digunakan di setiap negara anggota, sebarang usaha untuk meminda peraturan itu mesti dibuat mengikut prosedur yang sudah dipersetujui dan selaras dengan sistem yang ada.

Sebarang cadangan bahawa negara anggota, tidak kira besar atau kecil, boleh mengenakan syarat bagi satu pihak, hanya membawa kesukaran terhadap contoh-contoh yang bercanggah dengan semangat dan piagam penubuhan PBB. Peraturan dan kaedah yang dibuat berdasarkan konsep asas iaitu persamaan negara-negara, tidak boleh diubah lagi kerana ia adalah asas pendukung yang membentuk PBB. Apa juga rasa tidak puas hati kita terhadap PBB, keahlian pertubuhan ini memerlukan kita menerima prinsip-prinsip asas tertentu dan bertindak selaras dengan peraturan-peraturan yang dipersetujui. Isu sebenar tidak dikawal melalui majoriti hak mengundi. Ia lebih berupa penggunaan masa dan proses mendapatkan persefahaman dan persetujuan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh keseluruhan anggota.

Manakala kita mendengar begitu banyak kritikan mengenai ketidakberkesanan PBB daripada pihak-pihak tertentu, mereka tetap membisu seribu bahasa terhadap isu-isu yang gagal diselesaikan — gagal bukan kerana kurang usaha, tetapi hanya disebabkan oleh pelbagai rintangan yang menyebabkan banyak resolusi PBB mengenai isu-isu ini tidak dilaksanakan. Secara ringkasnya, kegagalan itu disebabkan oleh sikap kuasa-kuasa besar.

Kita adalah zalim kerana di sebalik usaha-usaha kita selama beberapa tahun untuk menghentikan sistem aparteid di Afrika Selatan, ia masih kekal, dan dengan bangganya melanggar setiap konsep dan prinsip kesopanan manusia. Tidak ada seorang pun daripada kita menafikan bahawa di segi moral apa yang berlaku di Afrika Selatan itu sudah pasti tidak boleh dipertahankan. Namun, ia tetap wujud kerana segelintir negara kaya dan berkuasa, yang mempunyai penuh kemampuan untuk menghapuskannya, tidak mengambil bahagian dengan cara yang lebih bermakna untuk menamatkan sistem jahat itu.

Negara-negara ini yang di satu segi mengutuk aparteid, dalam masa yang sama terus memberikan bantuan dengan menolak

membina' dan 'pemujukan lemah lembut' yang ternyata gagal. Namun, negara-negara yang sama juga diketahui pernah mengenakan sekatan perdagangan untuk menyelesaikan masalah mereka sendiri.

Apartheid ialah satu sistem yang berasaskan faham perkauman bertujuan mengekalkan penguasaan minoriti kulit putih terhadap majoriti kulit hitam. Perkembangan di Afrika Selatan baru-baru ini terbukti tanpa sebarang keraguan lagi, bahawa rejim Pretoria tidak boleh dipujuk untuk meninggalkan dasar apartheidnya. Malah, rejim itu secara berperingkat-peringkat dan dengan teguh berusaha mengekalkan serta menguatkuasakan apartheid. Oleh itu, untuk meneruskan polisi seperti 'perjanjian membina' bermakna mengirinkan isyarat yang salah ke Pretoria.

Banyak persoalan dikemukakan oleh negara-negara tertentu, kononnya sekatan tidak berkesan dan hanya menimbulkan kesukaran ekonomi ke atas negara-negara barisan depan serta memburukkan lagi kedudukan rakyat kulit hitam di Afrika Selatan. Memang diakui sekatan ekonomi akan menyukarkan negara-negara Afrika dan rakyat kulit hitam di Afrika Selatan. Tetapi sudah tentu penghinaan yang mereka alami sekian lama di bawah apartheid lebih menyakitkan? Selain itu, jika kita benar-benar berazam, banyak perkara boleh dilakukan untuk mengurangkan penderitaan itu dan membawa hasil yang lebih cepat.

Rakyat kulit hitam di Afrika Selatan dan negara-negara barisan depan sedar apa yang mereka akan alami. Kuasa-kuasa penjajah merangka struktur ekonomi negara-negara ini sebegitu rupa supaya mereka bergantung penuh ke atas Afrika Selatan. Pembalasan oleh rejim Pretoria tentu mudah dan berkesan. Ia dibuat dengan lebih berkesan lagi dengan kesediaan Afrika Selatan mengkhianati talian perhubungan, khususnya bagi penangguhan sumbangan biasa kepada pertubuhan ini dari satu segi, manakala kelebihan kakitangan sekretariat di pihak lain. Dalam masa kita memuji usaha Kumpulan 18 untuk mengurangkan peringkat-peringkat kakitangan di sekretariat dan menghuraikan kaedah pentadbiran dan perbelanjaan pertubuhan, kita tidak boleh menerima alasan bahawa sumbangan wajib daripada sesebuah negara anggota boleh ditangguhkan untuk memaksa penerimaan syarat satu pihak

untuk meninggalkan polisi-polisi berasaskan 'perjanjian membina' dan 'pemujukan lemah lembut' yang ternyata gagal. Namun, negara-negara yang sama juga diketahui pernah mengenakan sekatan perdagangan untuk menyelesaikan masalah mereka sendiri.

Apartheid ialah satu sistem yang berasaskan faham perkauman bertujuan mengekalkan penguasaan minoriti kulit putih terhadap majoriti kulit hitam. Perkembangan di Afrika Selatan baru-baru ini terbukti tanpa sebarang keraguan lagi, bahawa rejim Pretoria tidak boleh dipujuk untuk meninggalkan dasar apartheidnya. Malah, rejim itu secara berperingkat-peringkat dan dengan teguh berusaha mengekalkan serta menguatkuasakan apartheid. Oleh itu, untuk meneruskan polisi seperti 'perjanjian membina' bermakna mengirinkan isyarat yang salah ke Pretoria.

Banyak persoalan dikemukakan oleh negara-negara tertentu, kononnya sekatan tidak berkesan dan hanya menimbulkan kesukaran ekonomi ke atas negara-negara barisan depan serta memburukkan lagi kedudukan rakyat kulit hitam di Afrika Selatan. Memang diakui sekatan ekonomi akan menyukarkan negara-negara Afrika dan rakyat kulit hitam di Afrika Selatan. Tetapi sudah tentu penghinaan yang mereka alami sekian lama di bawah apartheid lebih menyakitkan? Selain itu, jika kita benar-benar berazam, banyak perkara boleh dilakukan untuk mengurangkan penderitaan itu dan membawa hasil yang lebih cepat.

Rakyat kulit hitam di Afrika Selatan dan negara-negara barisan depan sedar apa yang mereka akan alami. Kuasa-kuasa penjajah merangka struktur ekonomi negara-negara ini sebegitu rupa supaya mereka bergantung penuh ke atas Afrika Selatan. Pembalasan oleh rejim Pretoria tentu mudah dan berkesan. Ia dibuat dengan lebih berkesan lagi dengan kesediaan Afrika Selatan mengkhianati talian perhubungan, khususnya bagi negara-negara yang tidak bersempadankan pantai. Di Afrika Selatan, ini dibantu oleh penentang yang disokong oleh negara-negara tertentu.

Persidangan Pergerakan Berkecuali di Harare memutuskan penubuhan Tabung Perpaduan untuk Afrika Selatan. Tetapi sokongan dunia Barat dan Jepun diperlukan untuk memastikan keberkesanan bantuan itu, ketika sekatan Berlin, angkatan pengangkutan udara yang besar digunakan untuk menembusi halangan itu. Tindakan dan azam yang sama juga mesti dilakukan oleh negara-negara yang cintakan kedamaian untuk menyelesaikan masalah di Afrika Selatan.

Lambat laun kerajaan yang berpura-pura di Pretoria ini dan dasar Aparteidnya mesti dihapuskan. Marilah kita semua membantu untuk menghapuskannya segera. Marilah kita berazam untuk memberi segala bantuan dengan mengadakan sekatan ke atas Afrika Selatan dan membantu memastikan bekalan dan bantuan tiba di negara-negara barisan depan.

Sudah tiba masanya negara-negara yang menjunjung prinsip-prinsip mulia dan sentiasa bersedia mengutuk dan menyusup negara-negara dunia ketiga kerana dikatakan tertindas, melaksanakan apa yang mereka laung-laungkan. Afrika Selatan mesti dibebaskan. Namibia mesti dikembalikan kepada rakyatnya berasaskan Resolusi Majlis Keselamatan 435 tanpa sebarang 'ikatan'. Adalah tidak dapat diterima rakyat Namibia ditahan sebagai tebusan kerana apa yang didakwa 'perbuatan jahat' oleh bangsa yang berlainan sekali.

Persoalan mengenai Palestin satu lagi isu yang gagal diselesaikan oleh pertubuhan ini, sedangkan perkara ini berulang kali menjadi agenda hampir sejak penubuhan PBB. Kegagalan menyelesaikan isu utama ini menyebabkan seluruh wilayah Timur Tengah berada dalam kekacauan.

Masalah Palestin bermula dengan pembentukan Israel yang merampas hak rakyat Palestin. Memandangkan Israel diwujudkan menerusi satu keputusan yang dibuat di PBB pada 1948, dan keputusan itu disanjung dan dipertahankan oleh kuasa-kuasa besar, ia menjadi kewajipan kuasa-kuasa besar pula, kalau bukan Israel, untuk menyanjung dan mempertahankan resolusi PBB yang berikutnya mengenai isu yang sama.

Masa yang lepas tidak akan kembali dan kita mesti menerima hakikat itu. Begitu juga dengan masalah rakyat Palestin, satu

kenyataan dengan sejarah mereka sendiri, tradisi mereka sendiri, kebudayaan dan identiti bangsa. Ia juga satu kenyataan bahawa rakyat Palestin sudah menjadi bangsa pelarian, yang mana, untuk dua generasi, dilahirkan di kem-kem pelarian: Ketakutan, diseksa, dibom dan dihina.

Kita sebenarnya menyaksikan satu pembasmian ke atas rakyat Palestin. Israel, di satu pihak, melakukan apa yang disukainya, menerusi sokongan dan perlindungan kuasa-kuasa besar, yang sentiasa bersedia menggagalkan sebarang percubaan masyarakat antarabangsa untuk mencari penyelesaian berasaskan keadilan. Adalah jelas, tanpa sokongan kuasa-kuasa besar, PBB tidak akan dapat bertindak. Sempadan Israel akan terus berkembang, mencabuli dunia Arab sekehendak hati mereka, dan sebarang tindakan Israel, walau bagaimana kejam pun, akan dibenarkan atas alasan memelihara keselamatan negara.

Rakyat Palestin, di pihak yang lain, tidak mempunyai hak yang sama seperti Israel, dan sumber-sumber yang diberikan terhad. Pada masa yang sama, mereka terpaksa menghadapi media yang dikuasai oleh Zionis. Oleh itu, rakyat Palestin, tidak seperti Israel, terpaksa berperang habis-habisan untuk memperjuangkan hak dan identiti mereka. Dalam proses itu, pejuang Palestin sentiasa dikutuk oleh dunia dengan mengenyepikan fakta bahawa Israel sendiri adalah punca keganasan, iaitu tidak henti-henti mengugut, mengganggu dan mengorbankan bangsa Arab di wilayah yang diduduki dan di mana-mana, adalah jelas satu dasar yang berasaskan keganasan.

Memandangkan kita berada dalam tajuk keganasan, Tuan Presiden, benarkan saya tegaskan bahawa negara saya menyertai masyarakat antarabangsa mengutuk keganasan. Ia sesungguhnya mempunyai erti besar bila PBB memutuskan satu resolusi, secara konsesus, menentang keganasan. Perhatian kita mesti meliputi keganasan yang dilakukan oleh kerajaan. Sementara kita tidak seharusnya terlalu memilih dalam mengutuk keganasan, malah kita tidak melupakan fakta bahawa dasar-dasar seperti diamalkan oleh Israel adalah berasaskan keganasan dan menggalakkan pembalasan yang juga berasaskan keganasan. Jika kita mengutuk dan bertindak menentang keganasan, maka kita tidak seharusnya bersikap memilih.



Dalam krisis-krisis utama yang dihadapi oleh dunia, kebanyakan negara tidak mengambil hirau terhadap desakan dan rayuan kita. Keupayaan kita untuk bertindak lebih terhad bila sebuah kuasa besar terbabit, dan secara terang mengabaikan semua asas rukun piagam PBB. Tetapi sebagai negara membangun yang kecil, kita mesti terus menyuarakan tentangan terhadap apa jua perkara apabila prinsip-prinsip penting seperti kedaulatan bangsa dan wilayah sesebuah negara dicerobohi dan diabaikan. Kita, negara kecil, semuanya berpotensi menjadi mangsa.

Kes Afghanistan, Tuan Presiden, boleh dijadikan contoh. Sebuah negara yang merdeka, bangsa yang berdaulat dicerobohi dan diduduki oleh sebuah negara yang berkuasa di dunia. Bagi Russia, ahli tetap Majlis Keselamatan, salah sebuah negara yang kita harapkan untuk memelihara keamanan dan keselamatan dunia, sebaliknya membuat kita dalam ketakutan. Kita mesti terus mengutuk Russia dan kerajaan bonekanya.

Masyarakat antarabangsa juga tidak seharusnya menerima ~~perubahan Vietnam ke atas Kampuchea~~. Sesungguhnya, masyarakat antarabangsa sudah berulang kali mengutuk Vietnam, tetapi negara itu tetap menolak semua usaha penyelesaian secara aman. Sikap angkuh ini berpunca daripada sokongan kuat kuasa besar kepada Vietnam. Adalah satu yang dikesalkan bagi Vietnam, yang pernah berjuang menentang kuasa asing untuk sekian lama, kini mencari kekuasaan ke atas jirannya yang lemah dan kecil.

Seperti kita berdiri teguh di belakang pejuang Mujahidin di Afghanistan, kita juga mesti berdiri bersama rakyat Kampuchea dalam mencapai perjuangan berani mereka. Sambil Malaysia dan negara-negara Asean menghormati usaha penentang Kampuchea pimpinan Putera Norodom Sihanouk, kita sentiasa menyokong penyelesaian secara rundingan. Dalam konteks inilah, kita menggesa Vietnam menimbangkan semula cadangan lapan perkara yang dikemukakan oleh Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea.

Malaysia yakin cadangan lapan perkara itu mengandungi unsur-unsur untuk merangka rundingan membina yang dapat membawa kepada penyelesaian secara aman dan menyeluruh dengan menekankan dasar pemulihan negara yang mengambil kira semua pihak. Cadangan itu juga menyediakan pilihanraya bebas dan semua pihak boleh mengambil bahagian.

Bagaimanapun, Vietnam, nampaknya berhasrat menolak semua perkara, kecuali penyelesaiannya sendiri iaitu secara ketenteraan.

Di Amerika Tengah, Tuan Presiden, kuasa-kuasa besar dan wakil-wakil mereka juga aktif, cuba membentuk kerajaan dan negara mengikut imej mereka sendiri menerusi pengulingan, menimbulkan penentangan dan pemberontakan. Adakah kebanyakan negara di pertubuhan ini salah bila ia mengutuk tindakan seumpama itu? Jika ada majoriti 'automatik', adakah juga kecenderungan di pihak kuasa-kuasa besar untuk secara automatik menggunakan tenaga mereka yang ganas bila mereka tidak gemar dengan pendirian majoriti?

Salah satu daripada isu-isu yang sukar diawasi yang dihadapi oleh kita ialah senjata — isu yang sudah lama membelenggui pertubuhan. Jelaslah masalah senjata tidak akan dapat dilaksanakan secara berkesan, kecuali kuasa-kuasa besar utama menyelesaikan rundingan bagi menghentikan perkembangan dan seterusnya menghapuskan senjata nuklear.

Sekarang ini pun, kita sudah mempunyai cukup peralatan nuklear untuk menghancurkan dunia. Kalau pun kita mengambil keputusan menghapuskan peralatan ini, kita tidak akan berjaya. Kita sudah mewujudkan suatu suasana yang sentiasa diancam kesan nuklear dan kehancuran. Sehubungan itu, hari kiamat mungkin lebih hampir daripada yang disangka.

Jika masa depan tamadun manusia terpaksa bergantung kepada 'Imbangan Keganasan' ini, maka keadaan ini sememangnya sesuatu yang menakutkan. Kita di Malaysia disifatkan sebagai tidak bertamadun kerana menggantung pengedar dadah berkulit putih, sama seperti kita menggantung mana-mana pengedar dadah lain. Tetapi bagaimana pula kita hendak menyifatkan orang yang mengancam untuk menghancurkan seluruh tamadun manusia semata-mata untuk menjayakan strategi perang mereka.

Keamanan tidak akan tercapai jika kita membazirkan sumber-sumber yang ada dengan mengeluarkan senjata nuklear. Jika kuasa-kuasa besar menamatkan pengumpulan kuasa nuklear mereka, kita tidak akan meminta mereka membelanjakan wang yang dijiatkan itu untuk membasmi kemiskinan, kelaparan atau penyakit. Mereka boleh

membelanjakan wang itu sesuka hati, asalkan tidak mengancam dunia dengan pengeluaran senjata pemusnah yang tidak berfaedah.

Sejak Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu tahun lalu, keadaan ekonomi dunia mengalami kemelesetan yang hebat. Kita berhimpun di New York hari ini pada masa kelembapan ekonomi yang meruncing, khususnya ekonomi negara membangun. Beban hutang negara-negara membangun sekarang di tahap yang paling tinggi sementara syarat-syarat perdagangan yang ditawarkan kepada kami juga semakin tidak memuaskan.

Kami tidak mahu menuduh negara maju sebagai punca segala masalah ekonomi negara membangun. Bagaimanapun, tidak dapat dinafikan beberapa tindakan mereka memburukkan lagi masalah ekonomi kami. Sebagai contoh, kita lihat hutang negara. Apabila tujuh negara kaya mengalami ketidakseimbangan perdagangan, penyelesaian yang dipilih ialah menaikkan nilai yen dan deutchmark. Banyak negara Asia Tenggara terbabit dengan pinjaman yen secara besar-besaran. Peningkatan nilai yen sahaja telah menambahkan beban pinjaman yen Malaysia sebanyak 60 peratus. Negara lain mengalami kesan yang lebih buruk.

Jika masalah barangan Jepun yang berlambak di pasaran Amerika Utara dan Eropah, diatasi dengan mengenakan cukai import yang tinggi, negara-negara miskin mungkin tidak akan mengalami kesan yang begitu buruk. Sebaliknya penilaian semula yen mengakibatkan ekonomi kita huru-hara sedangkan import barangan Jepun ke pasaran Amerika Utara dan Eropah masih tidak dapat dihadkan.

Negara membangun bergantung penuh kepada eksport barangan utama untuk mendapat tukaran asing. Sekarang, harga semua barangan utama sudah terjejas, sehingga ada yang merosot 60 peratus. Keadaan ini berlaku kerana gabungan beberapa faktor. Pertamanya, kemunculan teknologi baru menyebabkan bahan mentah hilang kepentingannya kerana wujud pula bahan gantian yang baru atau lebih murah. Pada masa yang sama, teknologi baru juga dapat menambah pengeluaran bahan mentah. Selain pengeluaran yang berlebihan, harga barangan mentah merosot kerana pemberian subsidi pengeluaran oleh negara-negara maju. Serentak itu negara maju juga menjualkan barangan utama daripada

simpanan.

Pada masa lalu, kita terpaksa menjual lebih banyak barangan utama untuk mengimport barang-barang pembuatan. Tetapi sekarang, negara-negara membangun tidak dapat menambah penjualan komoditi untuk membayar import barangan pembuatan yang semakin mahal harganya. Kerajaan-kerajaan kami juga menghadapi pelbagai masalah untuk mendapat tukaran asing bagi membayar hutang masing-masing.

Kemerosoton harga barangan utama membawa banyak kesan. Kegiatan ekonomi berjalan lembap atau terpaksa diberhentikan. Seperti biasa pada waktu seperti inilah mereka yang memberi hutang mencari mangsanya. Jadi bagaimanakah dapat kita dengan ikhlas menyatakan bahawa negara-negara kaya yang maju tidak boleh dipersalahkan kerana penderitaan ekonomi yang kita tanggung? Bagaimanakah dapat kita mempunyai perasaan selain kebimbangan setiap kali tujuh negara kaya ini mengadakan mesyuarat?

*Sebahagian ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, di Sidang Ke-41 Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, di New York pada 29 September 1986.*

## KONFLIK RAZALEIGH — MAHATHIR

Jika penglibatan awal Mahathir sebagai seorang ahli politik, bermula dari profesionnya sebagai seorang doktor dan kemudiannya menjadi ahli parlimen mewakili negeri Kedah, maka Razaleigh Hamzah dari Kelantan muncul dalam arena politik negara, sebagai seorang tenokrat yang dilatih dan menjadi pelopor kepada banyak bidang yang melibatkan penglibatan orang-orang Melayu di dalam ekonomi. Beliau merupakan seorang tokoh yang memang diasuh oleh Tun Razak khususnya, sebagai seorang pemimpin yang diharap dapat mengimbangi pengaruh PAS yang berkuasa di Kelantan pada waktu itu.

Dari sudut korporate beliau muncul sebagai seorang Pengerusi Eksekutif PERNAS, seorang Pengerusi Eksekutif Bank Bumiputera dan seterusnya menjadi Pengerusi Dewan Perniagaan Melayu Malaysia sehinggalah diberi kepercayaan untuk mengendalikan keluaran termahal hasil negara melalui Petronas.

Hasil daripada penglibatan-penglibatan yang begitu terdedah kepada hal ehwal ekonomi dan dunia ko-oprate, Razaleigh kemudiannya muncul sebagai seorang arkitek ekonomi negara yang dikagumi. Apabila Hussein Onn mengambilalih kepimpinan negara, beliau telah dilantik terus menjadi Menteri Kewangan di dalam kabinet pertamanya.

Sebelum ini pun Tun Razak pernah mengumumkan bahawa jawatan Pengerusi Eksekutif yang disandang oleh Tengku Razaleigh, adalah bersamaan dengan jawatan di dalam kabinet. Sebagai seorang yang jauh lebih muda daripada Mahathir,

Razaleigh juga mempunyai cita-cita politik. Cita-citalah yang membentuk seseorang menjadi pemimpin.

Sebaliknya cita-cita yang tidak dibendung dengan kerasionalan fikiran dan tindakan, boleh membawa akibat-akibat yang negatif, walaupun mempunyai cita-cita yang tinggi bukanlah satu kesalahan. Tetapi dalam usaha mencapai cita-cita tersebut, banyak yang perlu diperhitungkan. Situasi politik UMNO sebelum pertengahan 70'an, lebih merupakan suatu gerakan politik yang patuh kepada pucuk pimpinan. Sebarang tindak-tanduk yang menonjolkan kepimpinan diri akan segera dikenalpasti oleh ahli-ahli UMNO.

Dalam banyak hal, beliau juga melihat Mahathir sebagai pencabar utama di dalam usaha beliau menuju ke hadapan. Bagi Mahathir yang sentiasa memahami putar-belit politik, beliau hanya melihat, membuat perhitungan dan menunggu waktu untuk membuat cabaran kemenangan. Dalam waktu persaingan yang berlaku di peringkat awal antara Ghazali Shafie dan Mahathir inilah juga, Razaleigh bersama Musa Hitam muncul sebagai golongan muda yang mempunyai potensi dalam menerajui kepimpinan UMNO di masa yang akan datang.

Banyak pihak termasuk pemerhati-pemerhati dari luar negeri, memberikan harapan mereka kepada kedua tokoh muda ini, yang dijangka suatu waktu akan menerajui kepimpinan UMNO. Jika di dalam persaingan di antara Ghazali Shafie dan Mahathir, apa yang dapat dilihat ialah kemenangan Mahathir dalam mengatasi ketokohan dan keintelektualan Ghazali Shafie. Musa pula dapat mengatasi karisma Razaleigh di dalam dua pertandingan yang berlaku di antara mereka.

Pada tahun 1981, ketika Hussein Onn masih menjadi Perdana Menteri dan apabila beliau dijangka membuat pengumuman akan meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri, Razaleigh adalah orang yang pertama membuat kenyataan, bahawa beliau bersedia memberi khidmat di peringkat yang lebih tinggi. Jika ada pertandingan, beliau sedia menawarkan diri demi untuk berkhidmat kepada UMNO dan negara sebagai Timbalan Presiden UMNO.

Mahathir meskipun telah dijangka tidak akan dicabar dan seterusnya akan menduduki takhta pucuk pimpinan UMNO dengan mudah, telah turut memberikan beberapa pendapat mengenai kempen-kempen yang berlaku pada tahun 1981. Sebelum itu Razaleigh sendiri telah pun menyatakan bahawa

beliau tidak akan mencabar Hussein Onn dan Mahathir jika mereka masih mahu kekal di jawatan masing-masing.

Petunjuk-petunjuk awal yang disuarakan oleh Razaleigh, secara tidak langsung telah menggambarkan sikap dan kemampuan beliau untuk memenangi pertandingan di peringkat Timbalan Presiden. Tetapi mengapakah sejak awal lagi, Mahathir telah mengambil sikap untuk tidak memihak kepada Razaleigh. Padahal kalau dilihat dari sudut populariti, Razaleigh pernah menjadi seorang Naib Presiden yang mendapat undi paling tinggi.

Pada tahun 1975, di peringkat Naib Presiden, Razaleigh telah mendapat tempat kedua di bawah Ghafar Baba dan tempat ketiga telah dimenangi oleh Mahathir. Pada tahun 1978 dalam pilihanraya nasional, kerajaan PAS telah dapat ditumbangkan. Dalam pertandingan Naib Presiden pada tahun itu Razaleigh telah mendapat tempat pertama, diikuti dengan Ghafar Baba dan Musa Hitam. Sementara Mahathir yang telah dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan sekaligus menjadi Timbalan Presiden UMNO. Beliau menang tanpa bertanding pada tahun tersebut.

Mungkin akan dianggap cetek, jika sesuatu alasan diberikan, antara sebab mengapa Mahathir tidak dapat memilih Razaleigh, kerana beliau sendiri pernah dikalahkan oleh Razaleigh di peringkat Naib Presiden. Kadangkala sentimen boleh mengatasi kerasionalan berpolitik. Apa yang sebenarnya berlaku, yang menjadi cerita bisikan yang popular, kononnya yang mencetuskan sikap negatif Mahathir terhadap Razaleigh, ialah beberapa usaha dan lobi politik yang telah berlaku di dalam UMNO pada tahun 1973, selepas kematian Allahyarham Tun Dr. Ismail.

Pada waktu itu Tun Ismail merupakan Timbalan Perdana Menteri dan juga Timbalan Presiden UMNO. Tempat beliau telah digantikan oleh Hussein Onn. Maka dengan perlantikan Hussein Onn sebagai Timbalan Perdana Menteri dan juga Pemangku Timbalan Presiden UMNO, beliau terpaksa mengosongkan jawatan yang dimenangnya sebelum ini sebagai Naib Presiden UMNO.

Razaleigh dan Mahathir hanyalah merupakan ahli-ahli di peringkat Majlis Kerja Tertinggi. Mahathir selepas disingkirkan dari UMNO kembali kepangkuan UMNO di waktu Tun Razak. Beliau mendapat undi yang terbanyak di peringkat

Majlis Kerja Tertinggi. Beliau kalah dalam percubaan untuk jawatan Naib Presiden pada tahun tersebut. Sementara Razaleigh yang hanya mengekalkan kerusi beliau di Majlis Kerja Tertinggi telah berjaya dilantik menjadi Naib Presiden untuk mengisi tempat yang dikosongkan oleh Hussein Onn.

Kejayaan beliau dilantik ke tempat tersebut, merupakan antara titik-tolak yang mewujudkan persaingan yang berterusan, dan secara tidak langsung pergeseran di antara Razaleigh dan Mahathir. Banyak pihak menjangkakan, sebagai seorang yang mendapat tempat paling tinggi di Majlis Kerja Tertinggi maka Mahathirlah sepatutnya menggantikan tempat yang dikosongkan oleh Tun Hussein.

Dalam beberapa teori yang dikatakan dan merupakan pengetahuan umum di dalam UMNO antara sebab-sebab yang membolehkan Razaleigh dipilih oleh Tun Razak kerana beliau telah diyakinkan, oleh pihak-pihak yang menyokong Razaleigh dan termasuk Razaleigh sendiri, bahawa salah satu cara untuk membolehkan Razaleigh membawa kemenangan UMNO ke negeri Kelantan dalam menghadapi PAS, ialah dengan meletakkan beliau di tempat yang agak menjamin kedudukan beliau dan masa depan beliau di dalam politik UMNO.

Dengan itu akan memberi keyakinan kepada pengundi-pengundi di Kelantan, bahawa sebagai seorang pemimpin barisan masa depan negara, Razaleigh dan UMNO Kelantan di bawah pimpinan beliau, wajarlah diberikan kepercayaan, untuk menggantikan kepimpinan PAS, yang tidak pun menunjukkan sebarang pencapaian yang dihasratkan khususnya dalam pembangunan di negeri Kelantan.

Razaleigh sendiri cukup yakin bahawa dengan perlantikan beliau ke jawatan Naib Presiden itu akan dapat mengukuhkan perkembangan pengaruhnya bukan sahaja di peringkat negeri tetapi juga di peringkat pusat.

Apabila pendapat diutarakan kepada Tun Razak, agar Razaleigh dilantik untuk mengisi tempat yang dikosongkan oleh Tun Hussein, dengan penekanan masa depan UMNO di Kelantan, Tun Razak telah menyatakan kepada Razaleigh bahawa tempat itu sebenarnya, kalau mengikut hiaraki, wajarlah diberikan kepada Mahathir, kerana beliau memperoleh undi yang terbanyak di dalam pengundian Majlis Kerja Tertinggi UMNO sebelum itu.

Tun Razak dikatakan telah meminta Razaleigh untuk pergi



berunding dengan Mahathir berkenaan perlantikan itu. Mahathir pada waktu itu berada di Kedah. Dalam pertemuan kemudiannya yang berlaku di antara Razaleigh dan Mahathir, Razaleigh dikatakan telah memberitahu Mahathir tentang masalah perlantikan Naib Presiden yang dibincangkan dengan Tun Razak. Beliau telah menambah bahawa Tun Razak telah bersetuju untuk melantik beliau mengisi tempat tersebut. Bagaimanapun Tun Razak meminta supaya beliau bertanya dahulu kepada Mahathir.

Bagi Mahathir pula, beliau melihat kepimpinan UMNO sebagai sesuatu yang penting dalam mengisi cita-cita politik beliau. Namun kepercayaan dan kepatuhan kepada ketua merupakan sesuatu yang juga penting. Oleh itu beliau hanya menyatakan kepada Razaleigh, jika Tun Razak telah bersetuju dalam hal ini untuk melantik Razaleigh sebagai Naib Presiden, maka beliau tidak akan membantah.

Padahal, apa yang diharapkan oleh Tun Razak ialah satu perundingan di antara kedua mereka. Bagi mengelakkan salah faham tentang perlantikan Razaleigh, Mahathir telah mencadangkan nama Razaleigh di dalam mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi, agar beliau dipilih menggantikan tempat yang dikosongkan oleh Hussein Onn.

Dengan ini satu 'embarassment' atau perlakuan politik yang agak mengecewakan dan memalukan terhadap Mahathir dapat dielakkan, bila tempat yang dijangkakan diisi oleh beliau itu, beliau sendiri yang mencadangkan supaya orang lain mengisikannya.

Dari perlantikan untuk memangku jawatan Naib Presiden pada tahun itulah, Razaleigh terus menapak dan mengukuhkan pengaruh politik beliau di dalam UMNO. Sehingga pada tahun 1981 dan pada tahun 1984, beliau telah bertanding jawatan Timbalan Presiden. Pada tahun 1987, beliau bertanding untuk jawatan Presiden.

Dikatakan, ada beberapa peristiwa lagi yang berlaku sewaktu Razaleigh menjadi Menteri Kewangan, di mana beliau telah bertindak seolah-olah melebihi kuasa Timbalan Perdana Menteri, yang waktu itu dipegang oleh Mahathir. Umpamanya banyak soal-soal dasar tentang kewangan negara yang secara tidak langsung, juga di bawah tadbir atau pengawasan Timbalan Perdana Menteri telah tidak dirujukan dahulu kepada Mahathir. Apabila ditanya, Razaleigh hanya berkata bahawa

beliau telah pun berjumpa dan berunding dengan Perdana Menteri.

Di satu ketika bila Kementerian Kewangan di bawah beliau menganjurkan dialog, beliau telah menjemput beberapa kementerian penting untuk hadir diperjumpaan tersebut. Setelah melihat semua yang hadir beliau bertanya di mana Menteri Perdagangan dan Perindustrian? Yang pada waktu itu jawatan tersebut dipegang oleh Mahathir yang juga selaku Timbalan Perdana Menteri.

Seorang pegawai tinggi dari kementerian tersebut telah menyatakan bahawa Menteri beliau tidak dapat hadir, kerana Menteri beliau adalah Timbalan Perdana Menteri. Dari sini kita dapat melihat bagaimana sudah ada sikap-sikap pemahaman yang negatif sejak awal di antara Mahathir dan Razaleigh. Hasil daripada tindakan dan perlakuan sesama mereka sendiri.

Sewaktu Mahathir mengadakan satu rombongan perdagangan ke Amerika Syarikat, bila beliau menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Razaleigh pula ke sana untuk merasmikan cawangan sebuah Bank Bumiputera. Ternyata kemudian terdapat percanggahan dalam ucapan promosi dagangan di antara keduanya.

Mungkin kerana memahami tindakan-tindakan yang demikianlah, maka Mahathir merasakan, betapa perlunya beliau memilih seorang Timbalan, yang dapat bersama dengan beliau, dalam menjalankan tugas untuk memimpin negara. Lalu beliau berkeputusan untuk menyokong Musa dalam pertandingan untuk pertama kali dengan Razaleigh.

Tidaklah dapat dinafikan, hasil dari sokongan beliaulah yang memberi kejayaan mutlak pada Musa untuk mengalahkan Razaleigh pada tahun tersebut. Jika tidak keadaan yang sebenar mungkin sukar diramalkan. Apabila Hussein Onn sendiri dalam ucapan terakhirnya sewaktu merasmikan perhimpunan tersebut, lebih banyak menekankan soal pelajaran, yang merupakan kementerian yang dipegang oleh Musa dan sekaligus memberi kesan petunjuk kepada perwakilan. Siapakah di antara kedua yang bertanding menjadi pilihan beliau?

Kesediaan Razaleigh menentang Musa pada tahun 1981 dan kesediaan Musa menentang Razaleigh pada tahun tersebut telah membuka satu era baru dalam pemilihan kepimpinan UMNO selepas merdeka. Secara tidak langsung 1981 merupakan tahun titik-tolak kepada tercetusnya seluruh sengketa, pergeseran dan

keadaan yang terjadi di dalam UMNO pada hari ini.

Apabila kumpulan-kumpulan yang berpecah pada tahun 1981 tidak dapat mengembalikan perasaan persaudaraan dan kerjasama yang bersungguh dan berterusan. Sebaliknya terus mewujudkan suasana politiking yang hebat untuk tiga tahun yang akan datang sehingga 1984 bila pertandingan untuk kedua kalinya di antara kedua tokoh tersebut berlaku.

Di dalam pertandingan 1984, Mahathir sekali lagi melihat bahawa Razaleigh sebenarnya bukan sahaja menentang Musa tetapi juga menentang arus pemikiran dan cara tindak beliau dalam memberi kepimpinan kepada UMNO. Pendapat-pendapat awal yang beliau berikan terutamanya pada tahun 1983 di Persidangan Agung UMNO, di mana beliau dengan jelas menegaskan bahawa beliau tetap menyokong Musa, sebagai Timbalan Presiden atas dasar untuk bekerjasama sebagai satu team. Penegasan itu juga tidak diambil peduli oleh Razaleigh yang tetap mengambil keputusan untuk menentang Musa buat kali yang kedua.

Dalam 1984, Razaleigh bukan sahaja menentang Musa tetapi seluruh kabinet Mahathir. Walaupun kalah beliau masih mampu memperolehi lebih dari 500 undi. Kemampuan beliau untuk merangkul sedemikian jumlah undi adalah juga merupakan satu rangsangan kepada beliau untuk membuktikan kepada ahli-ahli UMNO bahawa beliau masih mempunyai kekuatan yang masih lagi teguh dan kukuh dalam pertubuhan tersebut, kerana lebih daripada 90% ahli-ahli kabinet, menteri-menteri kabinet termasuk Mahathir sendiri, telah menyokong Musa dengan memberi segala kemudahan dan sokongan termasuk yang melibatkan jentera-jentera parti dan kerajaan secara langsung dan tidak langsung.

Oleh itu kemenangan Razaleigh pada tahun 1984 lebih merupakan kemenangan peribadi. Jika dilihat dari segi perolehan undi dan sekaligus dapat ditakrifkan kemampuan beliau mengekalkan standard populariti yang demikian, adalah sesuatu yang dapat dibanggakan. Dalam rombakan kabinet selepas pertandingan tersebut, Mahathir masih lagi mengekalkan Razaleigh, walaupun kini ditukar ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Seluruh fenomena yang berlaku pada waktu ini di dalam UMNO boleh dikaitkan semula dengan pertandingan pada tahun 1981 sehingga 1984, yang mengakibatkan pengejalan

Razaleigh dan perletakan jawatan oleh Musa. Dari tahun 1981 sehingga keperletakan jawatan dan sehinggalah kepertandingan 1987, dapat melihat seluruh adegan-adegan utama yang terjadi di dalam politik UMNO dilakokan oleh dua tokoh utama, iaitu Razaleigh dan Musa.

Kalau hari ini dikatakan bahawa suasana damai yang wujud, maka ianya adalah hasil dari lakonan mereka. Kalau dilihat ada suasana resah gelisah di dalam UMNO sejak beberapa tahun kebelakangan ini, khususnya dari segi politik, maka ianya adalah disebabkan oleh kedua tokoh ini. Jalan penyelesaian yang muktamad tetap berada di tangan Mahathir, yang dalam waktu mengambilalih kepimpinan negara pada tahun 1981, telah cuba melakukan satu eksperimen antara kerasionalan berpolitik dan pengimbangan kuasa politik serta pelaksanaan ketegasan-ketegasan tindakan politik beliau sendiri. Dalam semua ini kita melihat suatu kekeliruan telah terjadi.

Jikapun di dalam pemilihan kali pertama Mahathir mengambil keputusan untuk menyokong Razaleigh, belumlah pasti yang beliau tidak akan menghadapi suasana seperti yang beliau hadapi pada hari ini. Malahan di waktu tersebut khabar-khabar dan propaganda-propaganda politik yang disebarkan oleh penentang-penentang Razaleigh, ialah jika beliau menang dalam pertandingan dengan Musa, beliau hanya akan mengambil masa sembilan bulan untuk menjatuhkan Mahathir. Ini melalui pakatan dengan beberapa komponen parti di dalam Barisan Nasional yang menjadi penyokong kuat beliau pada waktu itu.

Cerita ini mungkin hanya rekaan mereka-mereka yang mahu menjatuhkan Razaleigh di dalam kempen 1981. Ianya tidak mungkin benar. Sebaliknya jika cerita tersebut benar maka apabila Mahathir membuat keputusan untuk memihak kepada Musa, setidak-tidaknya Musa mengambil masa lebih enam tahun untuk cuba menjatuhkan Mahathir. Bererti lebih lama dari jangka masa sembilan bulan seperti yang dituduh terhadap Razaleigh.

Bagaimanapun di dalam politik, banyak insiden-insiden politik, telahan-telahan politik tidak dapat dipastikan sehingga ianya berlaku. Oleh itu apa yang telah terjadi dan jika diimbangi dengan apa yang telah berlaku, semua itu hanya mampu menjadi renungan untuk setiap pihak lebih berhati-hati di masa yang akan datang.

Di dalam melihat pertandingan di peringkat tertinggi yang berlaku pada tahun 1987, Mahathir sejak awal-awal lagi telah meminta supaya ahli-ahli UMNO memperkuatkan perpaduan parti dan cuba untuk patuh kepada tradisi yang telah menjadi tunggak kekuatan parti agar tidak berlaku perpecahan dan perebutan kuasa sesama ahli yang kemudiannya akan melemahkan orang-orang Melayu dan agama Islam serta mewujudkan suatu suasana yang tidak tenteram di dalam negara.

Pada beliau, perpecahan yang berlaku atau bakal berlaku di dalam parti akibat daripada kempen-kempen yang tidak sihat akan menyebabkan pemilihan seseorang pemimpin itu sendiri tidak akan mendapat sokongan sepenuhnya dari ahli-ahli UMNO. Beliau berkali-kali juga menegaskan bahawa UMNO tidak mempunyai kemampuan untuk berpecah kerana ini akan menyebabkan orang Melayu lemah.

"Kita mestilah terus berjuang untuk mempertahankan kedudukan orang Melayu dan Islam di negara ini. Kita tidak mampu untuk berpecah kerana kita masih lemah. Oleh kerana jawatan Perdana Menteri itu dipegang oleh seorang Melayu, kita mempunyai beberapa orang jutawan tetapi itu tidak bererti kita sudah cukup kuat sehinggakan tidak memerlukan perpaduan. UMNO tidak wujud untuk mana-mana individu, ia tidak wujud untuk Tunku Abdul Rahman ataupun Tun Abdul Razak ataupun untuk Hussein Onn dan untuk Mahathir sendiri, UMNO wujud untuk orang-orang Melayu. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk melangsungkan perjuangan mempertahankan hak Melayu, hak agama Islam dan negara serta rakyat."

Sebagai seorang pemimpin, beliau melihat pentingnya tradisi parti dipertahankan bagi membolehkan kestabilan di dalam UMNO diwujudkan. Bagaimanapun sebagai seorang yang berkuasa dan sedang di dalam proses untuk dicabar, pendapat beliau pada waktu itu dipandang sepi oleh banyak pihak, khususnya mereka yang merasa jaguh demokrasi dan melihat bahawa hak-hak dan kebebasan di dalam demokrasi, untuk mencabar jawatan, sama ada di peringkat bawah atau peringkat yang paling tinggi di dalam parti bukanlah sesuatu yang bertentangan dengan lunas-lunas demokrasi yang diamalkan oleh UMNO.

Pada mereka, yang penting ialah kebebasan untuk bertanding dan juga keyakinan pada waktu itu bahawa

sebarang pertandingan biar pun di peringkat yang paling tinggi tidak akan memecahbelahkan parti. Oleh itu saranan Mahathir agar dipertahankan statusquo kepimpinan yang ada dianggap sebagai usaha mempertahankan kedudukan beliau sendiri. Bagi setengah-setengah ahli parti, apa yang penting ialah untuk meneruskan sokongan kepada calon-calon mereka, bagi memastikan kemenangan, tanpa mengambilkira seruan dari pucuk pimpinan, terhadap masalah perpaduan dan kestabilan parti.

Pada Mahathir, tiap-tiap perlakuan walaupun di dalam konteks demokrasi mestilah dilakukan dengan tanggungjawab. Setiap orang mesti mempunyai tanggungjawab walaupun terdapat kebebasan yang boleh dilakukan. Tiap-tiap pihak mesti tahu seluruh akibat daripada tindakan-tindakan dan setiap pihak harus sedar bahawa kita semua sebenarnya di dalam proses memenuhi satu perjuangan untuk bangsa dan negara.

Oleh itu setiap pihak haruslah berhati-hati dan bertanya kepada diri sendiri apakah tindakan kita sebenarnya menolong mencapai objektif-objektif tersebut. Ini merupakan sesuatu yang penting. Jika tidak proses demokrasi itu dipergunakan semata-mata untuk memenuhi kehendak individu dengan tidak mengambilkira kepentingan perpaduan parti.

Walau bagaimanapun Mahathir sendiri mengakui, bahawa tidak ada apa salahnya, dalam mempertandingkan sesuatu jawatan, walaupun di peringkat yang paling tinggi, jika ianya dibuat dengan secara yang sederhana, tanpa mengambil tindakan-tindakan yang tidak sihat sewaktu berkempen, seperti menyebarkan khabar-khabar angin dan fitnah yang tidak akan memberi keuntungan kepada sesiapa jika terjadi perpecahan.

Dalam satu ucapan beliau ketika merasmikan Persidangan UMNO Bahagian, antara lain Mahathir telah menyatakan betapa seseorang Presiden Parti yang mendapat 55% undi tidak akan kuat dan tidak kira siapa yang menang, maka yang menang tidak akan menjadi teguh kerana tidak mendapat penghormatan dan mungkin kerjasama daripada penyokong-penyokong lawan.

Menurut beliau, sejarah kepimpinan UMNO selama ini berlaku tanpa sebarang perancangan. Ketika Tunku Abdul Rahman merintis jalan ke arah kemerdekaan, beliau tidak

pernah memikirkan untuk menjadi Perdana Menteri. Begitu juga dengan pemimpin-pemimpin utama Malaysia yang lain, tidak mempunyai perancangan yang awal untuk menjadi Perdana Menteri. Semuanya berlaku dengan kehendak Tuhan dan setiap seorang menjadi pemimpin apabila tiba gilirannya.

Sepanjang yang bersangkutan dengan diri beliau, beliau tanpa silu-silu menegaskan kepada ahli-ahli UMNO bahawa selagi mereka memberi sokongan kepadanya, beliau akan terus memberikan khidmat dan jika ahli-ahli parti tidak lagi mahu pimpinan beliau, mereka hendaklah memberitahu tanpa menolaknya jatuh.

Sebaliknya Razaleigh sebagai seorang calon pencabar, telah menegaskan bahawa tujuan beliau menawarkan diri dan berganding bahu dengan Musa Hitam, adalah untuk menolong menyelesaikan berbagai-bagai masalah yang sedang dihadapi oleh negara. Beliau dan Musa sedang bekerja demi kepentingan bangsa dan parti. Menurut beliau, kerjasama antara beliau dengan Musa tidak akan mengakibatkan sesuatu yang buruk pada parti.

"Parti UMNO bukan kepunyaan sesiapa, kita mempunyai hak untuk membuat pembaharuan. Ahli-ahli UMNO janganlah menganggap pemilihan parti sebagai petanda berlaku pertelingkahan peribadi. Soal sanjungan terhadap pemimpin, soal bertolak-ansur dan soal jawatan mana yang dipertandingkan tidak penting, apa yang penting ialah cara-cara untuk mengukuhkan parti dan memperbaiki masa depan bersama. Kita tidak membuat sesuatu yang bercorak pemusuhan ataupun untuk meruntuhkan masyarakat."

Pada beliau, kekuatan UMNO pada hari ini kerana pemimpinnya di semua peringkat telah mengalami berbagai-bagai perubahan dari segi tindakan dan pemikiran. Oleh itu sebarang pertukaran kepimpinan tidak akan mewujudkan perpecahan di dalam parti. Ianya merupakan satu fenomena biasa sahaja dan tidak ada siapa yang boleh menghentikan perubahan tersebut. Beliau menegaskan, UMNO dan Barisan Nasional adalah parti-parti yang mengamalkan konsep kebebasan dan demokrasi. Demokrasi pada beliau melindungi hak tiap seseorang dan ia juga memberi kestabilan serta pembangunan politik.

Ketika merasmikan UMNO Bahagian Tanjung, Razaleigh antara lain telah menyatakan bahawa setiap calon-calon yang

menawarkan diri mereka di berbagai peringkat parti, adalah pemimpin-pemimpin yang berpengalaman, matang dan telah diuji. Mereka telah menjalani perjalanan bersama di dalam parti dan telah terlibat secara aktif sejak bertahun-tahun. Menurut beliau, tidak perlu sama ada calon-calon itu adalah golongan profesional ataupun mempunyai ijazah. Apa yang penting ialah mereka merupakan ahli-ahli parti yang aktif.

Beliau juga menyatakan bahawa puncak pemilihan itu akan menarik perhatian para pelabur dan pihak-pihak lain di dalam dan di luar negara tetapi tidak ada yang perlu dibimbangkan, kerana menurut beliau sesiapa juga yang dipilih oleh UMNO adalah orang yang diterima oleh majoriti ahli-ahli parti sendiri.

Sepanjang yang bersangkutan dengan UMNO, sistem demokratik dan prinsip-prinsip parti dalam pemilihan telah membuktikan hal ini. Setiap ahli boleh bercakap apa yang tersirat dalam fikirannya walaupun pahit sekali. Sebelum pengumuman rasmi dibuat, penyertaan Razaleigh sentiasa menjadi teka-teki dan tajuk soalan di dalam akhbar-akhbar. Apakah beliau akan bertanding jawatan Presiden ataupun tidak?

Sebagai seorang yang cukup matang dan berpengalaman, Razaleigh mempunyai kemampuan untuk tidak menonjolkan minat beliau yang mendalam terhadap jawatan Presiden. Sewaktu merasmikan Persidangan UMNO Bahagian Segamat, hampir seluruh hadirin yang berada di persidangan tersebut berharap beliau akan membuat pengumuman untuk mencabar Mahathir sebagai Presiden. Malah Musa sendiri di dalam ucapan beliau di persidangan tersebut telah menyatakan secara terbuka akan menyokong Razaleigh sekiranya beliau bertanding jawatan Presiden.

Namun sebagai seorang pemimpin yang telah dua kali mencabar jawatan penting di dalam UMNO, Razaleigh berkemampuan menyimpan perasaan dan hasrat beliau yang sebenar. Pengumuman Musa sendiri tidak mampu menjadikan beliau seorang yang ghairah untuk mengumumkan pendirian beliau. Meskipun tokoh-tokoh UMNO yang rapat dan merupakan orang-orang kepercayaan beliau telah lama mengetahui bahawa beliau akan tetap bertanding jawatan Presiden. Namun sebarang pengumuman kepada ahli-ahli UMNO secara terbuka tidak pernah beliau buat sehinggalah ke hari terakhir pencalonan ditutup.



Akhirnya setelah 131 bahagian UMNO mengadakan Persidangan Agung daripada jumlah 133 bahagian, Razaleigh telah mendapat 30 pencalonan untuk jawatan Presiden, sementara Mahathir mendapat pencalonan daripada 88 bahagian. Dari satu sudut, dapat dilihat pencalonan yang diperolehi oleh Razaleigh kebanyakannya datang dari negeri Johor di samping negeri Kelantan yang menjadi tapak politik beliau. Ia juga merupakan satu fenomena baru di dalam politik UMNO kerana wujudnya keberanian untuk meluahkan pandangan tentang siapa-siapa yang dikehendaki di dalam membuat pilihan untuk menjadi pemimpin UMNO di tahun-tahun yang akan datang.

Kalau dilihat kembali pencalonan yang dibuat pada tahun 1984 di peringkat jawatan Timbalan Presiden sahaja, akan didapati perubahan yang ketara dalam tempoh tiga tahun UMNO berpolitik. Di dalam tahun 1984, pencalonan untuk Razaleigh bagi jawatan Timbalan Presiden tidak pun sampai 25 bahagian yang telah mencalonkan beliau, untuk bertanding dengan Musa yang masih menjadi Timbalan Perdana Menteri pada waktu itu. Sebaliknya pada tahun 1987, beliau mendapat jauh lebih banyak pencalonan untuk bertanding jawatan Presiden. Sama ada ianya merupakan satu perubahan dari segi citarasa ahli-ahli UMNO di bahagian-bahagian, terhadap kepimpinan Mahathir ataupun kerana suatu penggabungan yang kukuh antara Razaleigh dan Musa yang membolehkan beliau mendapat pencalonan dari sebanyak 37 bahagian.

Jika pencalonan ini dibuat semata-mata kerana penggabungan antara Razaleigh dan Musa, maka nyatalah ianya bukan suatu gambaran yang menyeluruh terhadap kekuatan Razaleigh pada waktu pencalonan dibuat. Sebaliknya merupakan suatu perkongsian imbalan pengaruh antara beliau dengan Musa. Begitu juga dengan 88 bahagian yang membuat pencalonan kepada Mahathir, juga tidak menunjukkan suatu kekuatan atau populariti Mahathir yang sebenar, khususnya apabila dilihat kepada keputusan yang diperolehi oleh beliau dalam pertandingan 24 April, 1987.

Oleh itu cara pencalonan dibuat masih merupakan suatu fenomena yang mengelirukan di dalam politik UMNO. Ianya mungkin juga kerana perwakilan-perwakilan yang dipilih tidak mengikut kehendak bahagian, sepertimana yang sering dinyatakan oleh pucuk pimpinan UMNO pada hari ini, yang

sekaligus, membolehkan mereka membuat satu peruntukan baru di dalam Pindaan Perlembagaan UMNO setelah diharamkan, di mana setiap pencalonan dari bahagian untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden, akan membolehkan calon-calon tersebut mendapat sepuluh undi bonus. Atau mungkin juga dapat dilihat kebanyakan dari bahagian-bahagian yang termasuk mencalonkan Mahathir sebagai Presiden, tidak mahu dikenali sebagai bahagian-bahagian yang ingin menentang pucuk pimpinan, di dalam pemilihan bulan April tersebut.

Jika ini merupakan satu indikator atau pengukur kepada mengapa pencalonan terhadap Mahathir diperolehi dari 88 bahagian, sementara jumlah undi sebenar yang dimenangi tidak menggambarkan jumlah pencalonan dari bahagian-bahagian, menunjukkan berlaku satu hipokripsi di kalangan ahli-ahli UMNO, dalam membuat pencalonan di peringkat bahagian atau berlaku satu pembelotan di kalangan perwakilan-perwakilan yang telah diberi mandat oleh bahagian, untuk membuat pemilihan.

Walau apa pun signifikan sebenar daripada pencalonan dari bahagian-bahagian ini, yang nyata ialah, kebanyakan bahagian-bahagian UMNO tidak berani melahirkan perasaan, pandangan mereka secara terbuka terhadap kempen-kempen pemilihan pucuk pimpinan yang sedang berjalan. Sementara 37 bahagian yang mencalonkan Razaleigh dapat dianggap sebagai mewakili bahagian-bahagian UMNO yang berani mengemukakan pandangan dan pendapat mereka dengan yakin dan tanpa merasa bimbang pada sebarang tindakbalas. Sebaliknya sebagai satu cara untuk melahirkan perasaan dan pandangan mereka mengikut proses demokrasi.

Tindakan-tindakan begini adalah jauh lebih baik daripada tindakan-tindakan yang seolah-olah melempar batu sambil menyembunyikan tangan seperti yang dilakukan oleh bahagian-bahagian yang tidak memberi undi kepada Mahathir tetapi mencalonkan Mahathir di dalam persidangan bahagian.

Dalam penjelasan Razaleigh tentang keputusannya untuk bertanding jawatan Presiden, beliau telah berkata, ianya didorong oleh permintaan ahli UMNO yang mahukan corak kepimpinan baru. Menurut beliau, beliau tidak sekali-kali mempersoalkan kepimpinan Perdana Menteri dan projek-projek besar yang dijalankan.

Ahli-ahli UMNO berpendapat pucuk pimpinan negara perlu ditukar untuk menyelamatkan negara daripada terus dilanda krisis ekonomi dan hutang yang bertambah. Keadaan ekonomi yang buruk dan keadaan parti yang disifatkannya sebagai kucar-kacir merupakan sebab-sebab utama yang mendorong beliau membuat keputusan untuk bertanding jawatan Presiden. Beliau berikrar akan cuba memperbaiki kedua-dua perkara tersebut sekiranya beliau dan rakan-rakan menang dalam pemilihan pucuk pimpinan parti.

Dalam satu perjumpaan tertutup dengan ahli-ahli UMNO di Terengganu, Razaleigh mendakwa bahawa Mahathir masih mahu dikekalkan sebagai Perdana Menteri sehingga pilihanraya yang akan datang. Menurut beliau, perkara ini diberitahu kepada beliau oleh Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba, di satu majlis makan tengahari di rumahnya di Kuala Lumpur, selepas menghadiri Mesyuarat Kabinet. Ghafar kemudiannya telah menasihatkan beliau supaya jangan menentang Mahathir bagi merebut jawatan Presiden.

Beliau menyanjung tinggi kesediaan Ghafar dan Mahathir untuk menyokong beliau jika beliau hanya bertanding jawatan Naib Presiden. Bagaimanapun ini disifatkan oleh Razaleigh, sebagai satu bukti bahawa Perdana Menteri dan Timbalannya masih meyakini kebolehan beliau. Malangnya ahli-ahli UMNO, khususnya para perwakilan mahukan beliau bertanding untuk merebut jawatan nombor satu. Oleh itu beliau tidak dapat menuruti pendapat Ghafar dan Perdana Menteri supaya tidak bertanding jawatan Presiden.

Mahathir sebelum ini, ketika merasmikan Sidang Perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu telah menegaskan bahawa beliau tidak rela dihalau dari jawatannya sekarang tetapi sebaliknya akan tetap melawan jika dicabar atau dipaksa mengundurkan diri. Menurut beliau, sudah lama beliau memberi pengakuan bahawa bila sampai masanya beliau akan meletakkan jawatan tetapi beliau tidak akan rela dihalau oleh mana-mana kumpulan sekalipun. Bila beliau cuba dicabar dan diturunkan, beliau akan melawan dan tidak akan membiarkannya.

Banyak pemerhati politik sendiri menganggap bahawa salah satu perkara yang menyebabkan Mahathir terus bertahan di jawatan beliau, sama ada sebagai Presiden UMNO atau Perdana Menteri, kerana cabaran-cabaran dan desakan-desakan dibuat

oleh kumpulan Razaleigh dan Musa, yang mahukan beliau segera berhenti atau meletakkan jawatan.

Pemerhati-pemerhati politik berpendapat cara inilah yang sebenarnya menyebabkan Mahathir merasakan beliau perlu kekal di jawatan tersebut. Menurut mereka masalah sebenar, pada Mahathir ialah untuk turun dari jawatan beliau dengan secara hormat. Apabila ruang untuk berbuat demikian ditutup dengan cabaran dan desakan maka beliau tidak ada pilihan lain selain daripada terus menghadapi cabaran-cabaran yang dihadapkan kepada beliau.

Di dalam hal ini Mahathir bukanlah seorang pemimpin yang takut untuk menghadapi cabaran. Sebaliknya beliau boleh bertindak mengikut rentak lawannya jika beliau dicabar. Inilah masalah sebenar yang kurang diperhatikan oleh Razaleigh dan Musa, di mana kesediaan mereka untuk mencabar Mahathir secara tidak langsung telah memperkukuhkan kezaman Mahathir untuk terus memegang jawatan.

Malah di dalam apa budaya sekalipun, apabila seseorang itu terus menerus ditekan dan dicabar, sudah pasti dalam keadaan yang lemah sekalipun ia akan menyahut cabaran tersebut atau setidak-tidaknya bertindak untuk mempertahankan diri. Inilah yang terjadi apabila Mahathir dengan tegas menyatakan bahawa beliau tetap akan memegang jawatan beliau walaupun menang dengan kelebihan satu undi sahaja. Ternyata pengumuman beliau ini mengejutkan banyak pihak, terutama sekali Razaleigh dan Musa sendiri, yang berharap mereka dapat menggertak Mahathir melalui jumlah undi yang meyakinkan dalam pertandingan tersebut, serta boleh membuatkan beliau meletak jawatan.

Ternyata kemudiannya ikatan antara Razaleigh dan Musa meskipun di permukaannya kelihatan kukuh, tetapi tidak cukup kuat untuk berjaya mencabar kedudukan Mahathir. Apabila keputusan diumumkan kedua-dua mereka telah kalah di jawatan yang dipertandingkan oleh masing-masing. Razaleigh telah dikalahkan oleh Mahathir dengan kelebihan 43 undi, sementara Musa dikalahkan oleh Ghafar Baba dengan kelebihan 41 undi.

Nyata ikatan kedua tokoh yang pernah menjadi musuh ketat itu, tidak cukup kuat untuk menukar sejarah kepimpinan UMNO, meskipun kerjasama mereka dalam usaha merebut kuasa itu hampir menjadi satu lagenda politik di dalam UMNO,

bila dilihat dari rentetan permusuhan di antara mereka, sejak pertandingan pertama pada tahun 1981 sehinggalah kepada perletakan jawatan Musa pada tahun 1986.

Sewaktu kempen-kempen dijalankan dengan hebat dan penuh dramatik, penyokong-penyokong kuat kedua-dua mereka telah memberikan berbagai alasan tentang kerjasama di antara mereka selain dari membuktikan bahawa selama ini pertelingkahan mereka hanyalah bersifat politik, sementara di dalam perhubungan biasa kedua mereka tetap sahabat yang karib. Penyokong-penyokong kedua pihak juga mengibaratkan ikatan perpaduan kedua-dua mereka dalam kempen menentang Mahathir merupakan satu rahmat yang didasarkan kepada pengertian Al-Quran, bahawasanya Allah telah membalikkan hati mereka yang telah bermusuhan-musuhan sejak beberapa lama untuk bersatu menjadi rakan seperjuangan bagi menentang kepimpinan Mahathir dalam pemilihan yang telah berlaku itu.

Sayangnya penyokong-penyokong kedua-dua pihak telah lupa, bahawasanya yang dimaksudkan dengan membalikkan hati mereka yang bermusuhan, sehingga menjadikannya cetusan kasih sayang itu, bukanlah dimaksudkan kepada satu kumpulan atau peribadi yang bersatu antara satu sama lain, untuk menjatuhkan seseorang atau memperburukkan keadaan atau suasana sesuatu masyarakat ataupun menggoncang kestabilan sesebuah parti ikatan ummah. Sebaliknya membalikkan hati dari permusuhan kepada kasih sayang atau kesetiakawanan tetapi untuk mencapai kebaikan dan kesejahteraan, bukannya untuk mencetuskan keruntuhan.

Oleh itu tidak dapat disangkalkan ikatan antara Razaleigh dan Musa di dalam pertandingan 1987 merupakan suatu hipokrasi yang boleh menjadi lagenda dalam politik UMNO. Adalah tidak mungkin sesiapa juga yang telah meneliti perkembangan-perkembangan politik yang berlaku, di antara kedua mereka dan penyokong-penyokong mereka, sejak lebih enam tahun, dapat benar-benar menerima kenyataan tanpa berdolak-dalih bahawa penyatuan mereka itu adalah sesuatu yang nyata dan benar-benar kukuh.

Sebaliknya di hati kecil kebanyakan penyokong-penyokong kedua-dua mereka, termasuk rakan-rakan yang menjadi kepercayaan masing-masing, tetap mempunyai perasaan syak wasangka serta muslihat dalam mempersetujui ikatan tersebut, walaupun ianya kelihatan kukuh dan mungkin kekal di

permukaannya, tetapi setiap penyokong rapat kedua-dua musuh yang telah berkawan itu tetap memahami bahawa ianya adalah suatu perkahwinan mudah dan sementara sahaja.

Sebaliknya apabila selesai kes utama untuk menjatuhkan Mahathir, sabung di antara mereka yang terputus akan bermula semula. Hal ini dapat dilihat dalam jangka masa yang singkat sahaja selepas pemilihan tersebut dan apabila UMNO diistiharkan tidak sah oleh mahkamah, pendirian kedua-duanya sudah tidak lagi senada. Ianya tidak lebih dari suatu pakatan yang mahu memenuhi kepentingan masing-masing yang tersembunyi.

Dalam penentangan beliau terhadap Mahathir, Razaleigh mengemukakan tema 'Menentang Kemungkaran Politik dan Ekonomi' sebagai manifesto beliau. Sepanjang kempen tersebut Mahathir telah menerima kritikan yang hebat dengan kepemimpinan beliau disifatkan sebagai autokratik. Menurut pengkritik-pengkritik, beliau kononnya enggan mendengar nasihat rakan-rakan dalam parti dan pakar profesional dalam kerajaan sehingga menyebabkan banyak keputusan dibuat secara tergesa-gesa.

Penentang-penentang beliau turut memberi kritikan yang sama dengan mengatakan penyokong-penyokong rapat Mahathir, mengeneipkan pendapat yang tidak disukai, berhubung soal parti dan beliau sendiri mengasingkan diri daripada beberapa golongan di dalam UMNO. Di samping cara penyelesaian ekonomi dan cara beliau mengendalikan skandal-skandal perniagaan yang terdedah, ketika beliau mentadbir kerajaan juga mencemarkan imejnya di mata pengkritik.

Tunduhan-tunduhan mengenai salah pentadbiran, rasuah dan pilih kasih menjadi bahan utama dalam kempen menentang Mahathir. Pengkritik-pengkritiknya mempertikaikan cara beliau mengendalikan skandal Bumiputera Malaysia Finance yang berakar-umbi sejak akhir tahun tujuh puluhan dan menuduh Mahathir sebagai cuba menyorok sesuatu. Mereka juga mengkritik operasi sulit menyokong harga timah walaupun keputusan dibuat ketika Hussein Onn menjadi Perdana Menteri.

Tuduhan pilih kasih dibuat atas dasar beberapa rakan dan sahabat Mahathir meraih keuntungan besar daripada perolehan-perolehan ekonomi. Penyokong-penyokong Razaleigh dan Musa menjadikan Daim Zainuddin, kawan rapat dan

penasihat Perdana Menteri yang berpengaruh sebagai sasaran. Mereka mendakwa Daim mengambil kesempatan daripada tugasnya sebagai kakitangan kerajaan untuk kepentingan perniagaannya. Mereka berulang kali membangkitkan langkah Daim mengambilalih United Malayan Banking Coperation (UMBC) setelah beliau menjadi Menteri Kewangan. Keputusan membeli dibuat ketika beliau belum menjadi Menteri Kewangan. Apabila kabinet membincangkan perkara itu beliau tidak ikut serta.

Mereka juga mengkritik tindakan Daim menjual bank itu kepada PERNAS dengan harga \$349 juta. Tuduhan-tuduhan terhadap Daim dapat menimbulkan kesan sehinggakan ada pihak yang mendakwa Mahathir cara diam-diam mengakui Menteri Kewangan itu mula dipandang sebagai ancaman dalam pertikaian yang berlaku antara beliau dengan Kumpulan Razaleigh/Musa.

Selain dari itu, projek-projek industri berat dan kerja awam yang pada dakwaan mereka tidak dirancang dengan sempurna dan akhirnya membebankan rakyat. Mereka memberikan projek Kereta Nasional dan pembinaan Komplek Dayabumi sebagai contoh. Bagaimanapun kenyataan-kenyataan mereka itu dinafikan oleh Mahathir tentang adanya sebarang penyelewengan. Beliau menepis tuduhan itu sebagai tuduhan melulu dan dibuat atas kepentingan peribadi yang mungkin menghancurkan perpaduan parti.

"Di manakah kejujuran kita jika dalam pertandingan merebut jawatan dalam parti, kita menuduh seseorang itu jahat atau menerima rasuah sedangkan dalam Pilihanraya Umum kita menidakkannya." Demikian Mahathir mengulas sokongan setiap mereka yang mencabar beliau ketika di dalam Pilihanraya Umum yang lalu. Di mana di dalam pilihanraya tersebut UMNO dan parti-parti komponen Barisan Nasional berdiri teguh di belakang beliau, untuk menentang ancaman terhadap kerajaan terutama daripada parti-parti pembangkang.

Bagi Mahathir, perpaduan UMNO dan Barisan Nasional adalah jauh lebih penting daripada cita-cita peribadi sesetengah pihak. Sebelum itu pada 6hb. April, 1987 ketika melancarkan Jawatankuasa Perlaburan Bersama Malaysia dan EEC yang dilakukan di Kuala Lumpur, Razaleigh antara lain telah menyatakan, "tanda-tanda nyata pemulihan ekonomi kita dan jangkaan pertumbuhan penggunaan sektor awam dan swasta

yang tinggi adalah antara faktor-faktor utama yang akan menjadikan pasaran Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) lebih menarik bagi Malaysia."

Menurut beliau, faktor-faktor lain yang mencerahkan harapan Malaysia di pasaran EEC ialah kenaikan nilai beberapa mata wang Eropah berbanding dengan dolar Amerika. Beliau berharap negara-negara EEC, bukan sahaja menjadi pasaran eksport yang penting bagi Malaysia, tetapi juga sumber modal teknologi dan kemahiran pengurusan yang boleh merangsangkan lagi pertumbuhan sektor pembuatan. Adalah menjadi keyakinan beliau, jawatankuasa yang ditubuhkan bertujuan meningkatkan pelaburan Eropah ke negara ini akan memberi faedah jangka panjang kepada kedua pihak.

Kenyataan tersebut dibuat oleh Razaleigh selaku Menteri Perdagangan dan Perindustrian kira-kira dua minggu sebelum pertandingan beliau dengan Mahathir. Ternyata sebagai Menteri Kerajaan beliau mempunyai keyakinan terhadap masa depan ekonomi negara. Bagaimanapun dalam kempen beliau di hari-hari akhir menjelang pertandingan, beliau antara lain telah menyatakan, "tanpa menyalahkan orang itu dan orang ini, pucuk pimpinan politik yang berkuasa hari ini, harus dengan berani dan bertanggungjawab mengakui kenyataan yang sebenar, bahawa pertumbuhan ekonomi kita yang lembab di tahun-tahun kebelakangan ini, adalah disebabkan bertambah melesetnya pelaburan langsung luar negeri mahu pun dalam negeri, akibat kelembapan iklim pelaburan berpunca daripada segala kemungkar-kemungkar politik dan ekonomi yang sedang berlaku. Jika iklim pelaburan yang lembab ini tidak dipulihkan maka selagi itulah pengaliran keluar wang dari negara kita tidak akan dapat dikawal. Tokoh-tokoh perindustrian di dalam dan luar negeri tidak akan berani melibatkan modal dan wang mereka untuk mendirikan atau memperbesarkan perusahaan mereka di negara kita.

Oleh itulah walaupun galakan-galakan telah ditawarkan untuk menarik para pelabur asing namun sambutannya jauh dari menyenangkan. Tapi sebaliknya para pelabur tempatan kita sendiri lebih berminat dan yakin untuk melabur di luar negeri. Nyatalah kestabilan kerajaan, kejayaan gemilang parti di dalam pilihanraya tahun 1986 skim menggalakkan pelaburan asing yang menarik dan pembangunan infrastruktur negara, semuanya kurang berjaya untuk menarik minat para pelabur ke



negara kita.

Oleh itu dapatlah dirumuskan keraguan para pelabur itu sebenarnya disebabkan tidak adanya keyakinan dan kepercayaan terhadap pucuk pimpinan politik yang menguasai kerajaan pada hari ini. Kalau kita meneliti rekod pembangunan negara ini dalam tahun-tahun lapan puluhan, akan jelaslah kepada kita akan kemerosotan yang kita tanggung akibat kemungkaran ekonomi pimpinan politik yang berkuasa sekarang.

Dalam jangka masa 1981-1985 kita telah menyaksikan pembaziran yang menjadi-jadi dan perancangan ekonomi yang tidak teliti yang dengan sendirinya sekarang telah ternyata gagal membawa pulangan. Bukan sahaja gagal membawa pulangan yang menguntungkan malah lebih buruk lagi terdapat projek-projek mewah dan megah yang telah menjadi beban yang terpaksa ditanggung oleh negara dan rakyat jelata. Sayugia diingatkan bahawa apabila pucuk pimpinan UMNO yang berkuasa sekarang menerajui kerajaan, negara kita sedang menghadapi masalah kewangan yang mendesak. Kurangnya imbalan pembayaran semasa dan pengaliran keluar modal yang melebihi \$15 billion dalam tahun-tahun 1979 hingga 1985. Mengikut anggaran Bank Dunia telah menyebabkan meningkat hutang luar negeri kepada \$51 billion sekarang. Pembayaran balik hutang ini sekarang memerlukan lebih \$7.4 billion juta setahun, satu jumlah yang melebihi pulangan daripada eksport petroleum.

Menurut Razaleigh lagi, hutang luar negeri telah meningkat dengan pesatnya di antara tahun 1981 hingga 1985. Dalam masa yang singkat sahaja, jumlah tersebut mencapai paras melebihi \$34 billion. Keadaan ini berlaku dalam perancangan projek-projek raksasa dan mewah, yang umum mengetahui bahawa adalah projek-projek yang dilaksanakan melalui perancangan pusat berikutan dengan kehendak dan arahan pucuk pimpinan. Sebenarnya semua projek tersebut telah dirancangan di luar dari belanjawan melalui komitmen badan-badan tertentu seperti HICOM dan Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Kesemua pinjaman-pinjaman yang dibuat untuk membiayai projek-projek raksasa itu terpaksa dijamin oleh kerajaan atas kehendak dan arahan pucuk pimpinan. Pucuk pimpinan turut mengarahkan supaya projek-projek tersebut dipercepatkan perlaksanaannya melalui kaedah *turnkey* lalu berlakulah

keadaan di mana projek-projek yang sepatutnya disiapkan dalam masa yang begitu panjang berpandukan kemampuan kewangan telah dilonggokkan untuk disiapkan dalam satu jangka waktu yang begitu singkat.

Malangnya setelah melakukan kempen yang hebat bersama Musa, Razaleigh telah kalah apabila keputusan diumumkan. Walaupun banyak pihak yang merasakan kemenangan Mahathir dalam majoriti yang kecil itu tidak mencerminkan pandangan bahagian-bahagian UMNO yang sebenar. Mahathir telah mendapat pencalonan dari 88 bahagian, tetapi nyatalah Razaleigh berjaya meraih jumlah undi yang hampir 50%. Adalah jelas bahawa ramai para perwakilan telah dipengaruhi oleh cara-cara berkempen yang amat berkesan sehingga mereka membuat keputusan tanpa berdasarkan pencalonan oleh bahagian masing-masing.

Bagaimanapun Razaleigh telah ditakdirkan kalah dengan Mahathir. Sebagai seorang manusia, setiap dari kita hanya boleh berusaha dengan seberapa daya untuk mendapatkan sesuatu, lebih daripada seluruh usaha itu adalah terletak kepada tawakal kita kepada Allah yang lebih mutlak dalam menentukan segala sesuatu.

Razaleigh dan penyokong-penyokongnya juga mengakui bahawa pengundian telah dibuat secara tersusun dan adil, tidak ada penyelewengan yang berlaku. Dengan itu mereka menerima keputusan pemilihan Persidangan Agung UMNO pada 24 April, 1987 setelah berkesempatan menjalankan kempen-kempen yang paling hebat dalam sejarah pemilihan pucuk pimpinan UMNO.

Dua hari selepas keputusan pertandingan, Razaleigh telah menyatakan nasibnya dalam kerajaan kini terletak di tangan Perdana Menteri dan beliau sedia menerima apa juga keputusan. Selaku calon yang tewas dalam perebutan jawatan Presiden, beliau berikrar untuk menyokong pimpinan Mahathir yang telah dipilih semula oleh ahli-ahli UMNO. Bagaimanapun sokongan ini hendaklah ada timbal balas.

Bagi beliau, beliau menerima keputusan para perwakilan walaupun menjangkakan akan menang. Beliau menasihatkan para penyokongnya supaya menerima keputusan yang telah dibuat selaras dengan lunas-lunas demokrasi.

Razaleigh juga menegaskan, adalah menjadi hak Perdana Menteri untuk menentukan sama ada beliau masih diperlukan di dalam kerajaan. Pada waktu yang sama beliau menafikan

kumpulan yang menang tetapi mempunyai perbezaan pandangan di dalam beberapa perkara.

Beliau menimbulkan persoalan itu bukan kerana hendak mempertikai kuasa pucuk pimpinan parti tetapi mahu supaya mereka tidak bertindak terburu-buru mengikut nafsu. Bagi beliau, janganlah pihak mereka disalahkan jika berlaku perpecahan di dalam parti kerana kumpulannya sentiasa ingin dan mahukan perpaduan. Sebagai pemimpin setiap pihak mestilah ingat yang mereka datang dari UMNO. Kuasa yang dimiliki adalah dari parti dan mandat yang diberi melalui perhimpunan seluruh ahli-ahli UMNO.

Apa yang menjadi masalah ialah Razaleigh merasakan tindakan Mahathir membuang beberapa orang menteri kabinet yang menyokong beliau dalam pemilihan yang lalu sebagai sesuatu yang tidak wajar. Meskipun alasan yang beliau berikan sendiri juga tidak cukup meyakinkan kerana setiap pihak harus mengakui hakikat bahawa hak untuk melantik seseorang menteri adalah *prerogative* atau hak istimewa seseorang Perdana Menteri.

Oleh itu tidak timbul soal apakah pengguguran itu merupakan satu tindakan terburu-buru kerana sebagai seorang pemimpin, beliau bukanlah membuat tindakan yang membuta-tuli, sebaliknya setelah beberapa perhitungan perlu dibuat. Di dalam pemilihan 1984 umpamanya walaupun didesak oleh Timbalan beliau sendiri, Mahathir tidak pula membuang serta-merta penentang-penentang politik beliau di waktu itu. Malah kesanggupan beliau untuk mengekalkan musuh-musuh politik beliau telah mencetuskan suatu suasana pergeseran di antara beliau dengan Timbalan beliau sendiri. Hasil daripada itu, apabila keputusan yang beliau buat selepas 1987, sebenarnya turut mengambilkira kedua-dua persoalan iaitu mengekalkan yang kalah sebagai tanda kompromi di dalam parti ataupun membuang pihak yang kalah sebagai melicinkan perjalanan pentadbiran beliau dari gangguan seterusnya.

Di dalam hal ini, penyingkiran itu dibuat bukannya daripada parti sebaliknya dari jawatan kabinet yang dipegang yang merupakan suatu hak yang tidak boleh dipertikaikan untuk beliau melantik sesiapa sahaja yang beliau kira wajar. Perlantikan dan kemenangan jawatan di dalam parti tidak secara automatik memberikan hak yang menang untuk dilantik menjadi anggota kabinet. Oleh itu tindakan Razaleigh untuk

ura-ura kononnya beliau dan rakan-rakannya akan menubuhkan sebuah parti baru untuk menentang UMNO. Beliau menyifatkan ramalan-ramalan demikian sebagai karut semata-mata, "saya akan mati sebagai seorang Islam dan sebagai ahli UMNO," tegasnya.

Ketika diminta mengulas kemenangan tipis Mahathir, Razaleigh telah menegaskan bahawa kuasa dan kehendak majoriti mesti dihormati dan sepanjang yang bersangkutan dengan diri beliau, beliau akan membantu dan memberi kerjasama. Bagaimanapun beliau menegaskan bentuk kerjasama tersebut hendaklah antara kedua-dua belah pihak. Menurut beliau, pihaknya akan berkerjasama dengan syarat pucuk pimpinan sekarang menghulur tangan persahabatan.

Pada 1hb. Mei, 1987, akhbar-akhbar telah mengumumkan perletakan jawatan oleh Razaleigh dan Rais Yatim, dari jawatan Menteri perdagangan dan Perindustrian serta Menteri Luar Negeri. Antara alasan yang beliau berikan ketika meletakkan jawatan tersebut, kerana tidak dapat menerima cara pucuk pimpinan yang ada mentadbir negara. Beliau tidak mungkin akan kembali ke dalam kerajaan walaupun dipinta, kecuali Perdana Menteri menukar caranya.

Menurut beliau, kerajaan dan kepimpinan UMNO mesti menukar dan menerima perubahan. Pemerhati-pemerhati politik pula merasakan perletakan jawatan oleh Razaleigh dan Rais Yatim sebagai sesuatu yang wajar kerana cabaran hebat telah mereka tunjukkan dalam waktu kempen pemilihan pucuk pimpinan parti. Di samping keyakinan mereka sendiri, Mahathir tidak mungkin memberi peluang kedua untuk kedua-dua mereka kekal di dalam kabinet.

Oleh itu tindakan kedua mereka meletakkan jawatan bukan sahaja sesuatu yang wajar dari segi prinsip perjuangan mereka tetapi juga sealiran dengan tindakan yang bakal diambil oleh Mahathir. Bezanya ialah sebelum mereka disingkirkan adalah lebih baik mereka meletakkan jawatan.

Dua minggu kemudian di satu perjumpaan di Muar, Razaleigh menegaskan bahawa pihaknya akan bertindak jika pucuk pimpinan parti tidak menghiraukan teguran mereka dalam berbagai perkara. Menurut beliau, tindakan tersebut bukanlah untuk merosakkan parti tetapi akan dibuat mengikut lunas-lunas yang betul. Beliau juga telah menyatakan bahawa kumpulannya mempunyai matlamat yang sama dengan

terus menerus mempertikaikan perlantikan dan pengguguran yang dibuat oleh Mahathir, sebenarnya merupakan satu alasan yang sengaja diadakan.

Mahathir sendiri di dalam memberikan sebab-sebab beliau menggugurkan menteri-menteri kabinet yang tidak seiring jalan dengan beliau ialah kerana tindakan-tindakan mereka yang membocorkan rahsia kerajaan sewaktu kempen-kempen pemilihan diadakan. Kreteria ini merupakan puncak perhitungan beliau dalam membuat pengguguran menteri-menteri yang terlibat yang kebetulan berada di pihak Razaleigh dalam kempen yang lalu.

Bagi Razaleigh, setidak-tidaknya Abdullah Ahmad Badawi dikekalkan di dalam kabinet kerana menurut beliau Abdullah telah mendapat undi lebih dari 60% perwakilan. Oleh itu adalah tidak wajar untuk pucuk pimpinan mengeneipkan mandat daripada para perwakilan dan ini akan hanya mewujudkan perasaan kecewa di kalangan ahli-ahli dan perpecahan di dalam parti.

Bagaimanapun banyak pemerhati politik berpendapat, ianya bukan alasan yang sebenar apabila Razaleigh mempersoalkan tentang pengguguran beberapa orang ahli dari kumpulannya dari kabinet. Sebaliknya ada sesuatu motif dan tindakan lain di sebalik rombongan-rombongan yang beliau lakukan ke seluruh negara sebaik sahaja selepas pertandingan tersebut.

Walaupun beliau mengaku untuk menerima keputusan daripada ahli-ahli tetapi lawatan-lawatan yang beliau buat selepas pertandingan tersebut, secara tidak langsung telah mewujudkan suatu suasana yang cemas di kalangan ahli-ahli UMNO yang melihat seolah-olah perpecahan yang berlaku sewaktu kempen telah berterusan. Walaupun lawatan-lawatan yang dibuat itu kononnya untuk mengucap terima kasih kepada ahli-ahli yang telah mengundi dan tidak mengundi beliau, namun adakah itu merupakan langkah segera yang wajar dibuat bilamana parut dari luka masih lagi belum sembuh sempurna.

Nyatalah lawatan yang demikian tidak dapat menolong membaiki keadaan perpecahan, sebaliknya mengekalkan bibit-bibit perpecahan yang sedia ada. Walaupun penafian dibuat di peringkat permulaan, akan adanya motif-motif dan muslihat politik pada perjumpaan-perjumpaan selepas pertandingan, tetapi nyatalah kemudiannya ianya tidak dapat disembunyi, bila bentuk perjumpaan-perjumpaan seperti itu, telah diteruskan

lebih dari setahun lepas pertandingan bulan April, 1987.

Adalah tidak mungkin ucapan terima kasih dijalankan begitu lama melalui lawatan-lawatan ke seluruh negara. Hasil daripada tindakan lawatan-lawatan yang dilakukan oleh Razaleigh telah menimbulkan satu riak baru di dalam perkembangan UMNO selepas pemilihan. Ianya bukan sahaja menandakan bibit-bibit perpecahan yang terus kekal, tetapi juga cabaran yang dibuat oleh penyokong-penyokong Razaleigh di dalam mengheret UMNO ke mahkamah, dengan mempersoalkan kesahihan keputusan yang telah dibuat oleh perwakilan dalam Persidangan Agung UMNO pada 24hb. April.

Pemerhati politik berpendapat sepatutnya Razaleigh menunggu sehingga pemilihan diadakan sekali lagi pada tahun 1990 untuk mencuba merebut jawatan Presiden sebelum meneruskan sebarang tindakan yang boleh menggugat suasana kestabilan politik di dalam UMNO. Dengan ini akan memberi masa dan peluang bagi ahli-ahli UMNO merapatkan semula perhubungan antara penyokong masing-masing.

Pihak-pihak yang terlibat di dalam kempen-kempen yang lalu, akan mempunyai masa untuk memulihkan suasana selepas pertandingan yang telah membuahkan dua kelompok atau faksi yang bertentangan kuat di dalam parti. Dengan ini setiap pihak akan terus menghormati UMNO dan tidak akan berani mencabar atau mengeruhkan suasana apabila pemimpin tertinggi di kumpulan masing-masing menunjukkan kesetiaan untuk melupakan seketika pergeseran yang berlaku.

Pihak yang kalah sepatutnya dapat memberi peluang kepada pihak yang menang untuk melaksanakan beberapa sifat perjalanan parti mengikut kuasa dan mandat yang diperolehi dari keputusan pertandingan tersebut. Di pihak kerajaan pula, ketenangan dalam UMNO akan membolehkan kerajaan menumpu kepada beberapa masalah yang penting terutama masalah orang-orang Melayu.

Dasar Ekonomi Baru akan tamat pada tahun 1990 dengan itu sesuatu yang teliti perlu dirancang bagi memastikan matlamat tersebut dapat dicapai. Setidak-tidaknya usaha perlu dibuat untuk mempertingkatkan pencapaian Dasar Ekonomi Baru dalam tahun-tahun terakhir. Malahan satu persediaan juga perlu dibuat supaya Dasar Ekonomi Baru dapat dilanjutkan dalam bentuk yang sesuai supaya matlamatnya tercapai juga walaupun tempoh masa mungkin perlu dipanjangkan.

Dalam tahun 1990, Rancangan Malaysia Keenam perlu dilancarkan dengan mengambilkira tamatnya Dasar Ekonomi Baru dan dengan itu dasar baru bagi menyambung hasrat pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru perlu dibentuk. Pada tahun 1991 selewat-lewatnya Pilihanraya Umum diadakan. Kuasa politik orang Melayu perlu dikekalkan dan ini hanya boleh dijamin jika orang Melayu bersatupadu dan memberi sokongan seperti yang pernah diberikan kepada UMNO dan Barisan Nasional. Menjelang 1990 hingga 1991, ekonomi negara perlu dipulihkan. Untuk ini iklim yang aman dan tenang perlu dipamerkan. Kerajaan mesti kuat dan berkesan untuk meyakinkan peniaga dan pengusaha. Pentadbiran negara mestilah licin dan mampu memberi layanan dan khidmat yang diperlukan dalam usaha memulihkan ekonomi.

Politik dan politiking hendaklah dikurangkan supaya kestabilan politik dapat meyakinkan semua pihak. Malangnya beberapa kelompok di dalam kumpulan Razaleigh merasakan bahawa tiga tahun adalah masa yang terlalu lama, bagi mereka untuk mencapai cita-cita politik, untuk berkuasa atau setidak-tidaknya untuk melihat pemimpin yang mereka sokong mencapai tampuk kekuasaan.

Bagi mereka ini, perhitungan terakhir ialah sejauhmana tindakan-tindakan dapat dibuat bagi memenuhi citarasa mereka sendiri. Walaupun keputusan dan tindakan yang bakal diambil boleh mengerhanakan suasana UMNO ataupun politik orang Melayu dan kestabilan politik negara.

Disebabkan keghairahan untuk berkuasa dengan menolak hakikat persetujuan bersama, melalui satu sistem pemilihan di dalam UMNO yang diadakan tiga kali setahun itu, maka sebaik sahaja selesai Persidangan Agung UMNO, penyokong-penyokong Razaleigh sudah merangka perlunya diambil satu tindakan dengan hasrat untuk menimbulkan beberapa masalah pada pihak yang menang.

Antara tindakan yang termasuk dalam perancangan selain dari mengadakan perhimpunan-perhimpunan dan lawatan-lawatan ke seluruh negara ialah, untuk merujuk ke mahkamah bagi memaksa suatu pemilihan Majlis Tertinggi dibuat semula. Bagi memastikan rancangan ini berjaya, cawangan-cawangan yang dikatakan tidak sah dan telah dikenalpasti awal-awal lagi sebelum Persidangan Agung yang lalu telah dijadikan alasan untuk mereka melancarkan strategi politik baru. Walaupun

masalah beberapa cawangan haram yang timbul sebelum Persidangan Agung telah menimbulkan beberapa polemik politik yang hangat, di mana terdapatnya bahagian-bahagian yang diarahkan untuk mengadakan Persidangan Agung Peringkat Bahagian sekali lagi.

Keseluruhannya terdapat suatu bentuk persetujuan agar perkara itu tidak dibangkitkan lagi dan membolehkan Persidangan Agung UMNO ke 37 berjalan sempurna. Untuk ini, kedua-dua pihak telah mengambil bahagian di dalam kempen-kempen yang dijalankan, dengan melupakan masalah cawangan-cawangan haram yang ditimbulkan oleh sekumpulan ahli-ahli UMNO sebelum ini.

Malah ada di antara mereka yang menyuarakan hasrat berkenaan cawangan-cawangan tidak haram ini merasakan ianya tidak perlu diteruskan sebelum pemilihan yang lalu, setelah mereka melihat ada kemungkinan calon mereka akan menang dalam pertandingan tersebut. Oleh kerana menjangkakan kemenangan calon mereka, maka seluruh ahli-ahli yang terlibat tidak langsung menjadikan isu cawangan-cawangan haram itu sebagai satu isu kempen. Sebaliknya seluruh tenaga mereka ditumpukan kepada usaha untuk menjatuhkan pucuk pimpinan dan sentiasa melemparkan berbagai-bagai bentuk tuduhan dan fitnah bagi memastikan calon yang mereka sokong berjaya.

Pada pendapat mereka, jika calon mereka, Razaleigh telah menang maka seluruh masalah cawangan haram dan sebagainya tidak perlu dibangkitkan dan ianya dianggap selesai. Sepanjang kempen-kempen yang diadakan, ternyatalah pihak yang mengungkit soal cawangan-cawangan haram juga cukup berpuashati dan berkeyakinan bahawa mereka akan menang. Malahan apabila sebuah bahagian yang dikatakan wujud cawangan haram mengadakan Persidangan Agungnya dan telah berjaya mencalonkan Razaleigh sebagai calon Presiden, mereka-mereka yang mengungkit soal cawangan haram itu, terus mendiamkan diri, kerana bagi mereka ini sudah mencukupi untuk dijadikan senjata bagi menjatuhkan pucuk pimpinan UMNO pada waktu itu.

Oleh itu bagi mereka ini mengheret UMNO ke mahkamah merupakan strategi ke dua jika perlu dilakukan. Hanya setelah keputusan diumumkan, barulah mereka merasakan ianya perlu diteruskan. Itulah sebabnya soal mengheret UMNO ke



mahkamah, sebelum pertandingan tidak timbul sama sekali kerana keyakinan mereka bahawa kumpulan mereka akan menang. Walaupun kemudiannya ketika mereka bertindak untuk terus mengheret UMNO ke mahkamah, antara alasan utama yang mereka berikan ialah bagi membentaras sebarang penyelewengan dan dibuat demi kepentingan ahli-ahli UMNO dan bangsa Melayu.

Ianya merupakan helah murah. Apa yang tersirat di sebalik tindakan mereka untuk mengheret masalah cawangan-cawangan haram ke mahkamah, semata-mata kerana calon mereka yang bertanding jawatan Presiden telah kalah. Jika ditakdirkan Razaleigh menang, adalah seperkara yang mustahil bagi kumpulan ini mengheret masalah tersebut ke mahkamah.

Seluruh ikrar dan sumpah kononnya tindakan mereka itu adalah kerana mempertahankan prinsip perjuangan parti, merupakan satu helah politik sahaja. Mereka tiba-tiba sahaja menjadi jaguh perjuangan bangsa mengikut perkiraan setengah-setengah penyokong mereka dan kejayaan mereka mengharamkan UMNO merupakan satu kejayaan yang dianggap sebagai menakjubkan dan penuh keagungan.

Malah Razaleigh sendiri telah mengistihar mereka sebagai pahlawan-pahlawan yang memperjuang untuk memperbetulkan penyelewengan di dalam UMNO. Walaupun tiap-tiap sesuatu boleh dipertikaikan ternyatalah kumpulan yang mengheret UMNO ke mahkamah ini telah melaksanakan hak mereka sebagai ahli UMNO, yang belot kepada sistem persetujuan bersama dan tradisi UMNO, yang didasarkan kepada konsensus dalam setiap keputusan yang diputuskan dalam sesuatu pertandingan.

Apabila Mahkamah Tinggi menolak permohonan mereka untuk diadakan pertandingan semula, sebaliknya mengistiharkan UMNO sebagai sebuah pertubuhan yang tidak sah. Kumpulan ini kemudiannya membuat rayuan kepada mahkamah setelah usaha awal untuk menubuhkan parti baru gagal. Apabila rayuan tersebut diajukan kepada Mahkamah Agung, Mahkamah Agung juga telah sependapat dengan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi, maka kumpulan tersebut tidak lagi mempunyai jalan lain untuk memulihkan keadaan.

Adalah dipercayai sebahagian besar daripada mereka-mereka yang tersingkir dan menyertai kumpulan Razaleigh selepas

pertandingan tidak mungkin akan terus-menerus menyokong Razaleigh sendiri jika Mahathir membuat kompromi dengan melantik semula mereka di dalam kabinet.

Nyatalah penglibatan mereka untuk terus menyokong Razaleigh hanyalah bagi melepaskan rasa tidak puas hati kerana jawatan mereka telah dirampas. Walaupun mereka-mereka ini terdiri daripada pemimpin-pemimpin UMNO yang telah lama aktif di dalam UMNO, dan memahami kuasa-kuasa seorang Presiden dan Perdana Menteri, namun apabila sesuatu keputusan yang berlawanan dengan kepentingan mereka dilakukan, maka mereka sendiri gagal untuk menunjukkan ketabahan untuk terus setia kepada perjuangan UMNO, khususnya untuk terus patuh kepada keputusan yang telah dibuat oleh perwakilan UMNO.

Keindahan pada fenomena yang berlaku ini, merupakan suatu pengajaran yang cukup jelas kepada ahli-ahli UMNO khususnya kepada Mahathir sendiri dalam memberi penilaian yang sebenar, sejauhmana kesetiaan mereka-mereka yang terlibat dan yang pernah berada di sekeliling beliau pada waktu sebelum pemilihan. Ianya juga sepatutnya boleh memberi pengajaran yang nyata kepada semua pihak, bagaimana setengah pemimpin UMNO yang bermatian-matian bercakap kononnya berjuang demi kepentingan bangsa dan negara, sebenarnya tidaklah bersikap demikian sebaik sahaja jawatan mereka terlucut. Mereka bukan sahaja akan bertindak menentang tetapi akan terus mencabar kedudukan kuasa pucuk pimpinan sendiri.

Contoh tindakan yang dilakukan oleh Razaleigh dan Musa, merupakan satu contoh yang menyerlah dalam menilai, bagaimana pemimpin-pemimpin Tinggi UMNO sendiri tidak mampu menerima satu keadaan, di mana mereka kehilangan kedudukan dan pangkat. Ianya juga memberi gambaran seolah-olah UMNO selama 40 tahun telah gagal untuk melatih ahli-ahlinya mempunyai prinsip setia yang sebenar.

Jika para pemimpin UMNO yang setaraf dengan Razaleigh dan Musa juga mempunyai perwatakan yang sedemikian, tidaklah perlu dihairankan pemimpin-pemimpin UMNO lain yang terus mengiringi Razaleigh selepas kekalahan, dapat diukur sejauhmana nilai kesetiaan dan keredhaan mereka untuk menerima, bukan sahaja keputusan. Lalu telah mengemukakan saman kepada pucuk pimpinan UMNO Baru,

untuk mendapatkan ganti rugi kerana hasil usaha dan tindakan mereka, yang dianggap untuk kepentingan UMNO tadi. Mereka telah menuntut bayaran sebanyak 250,000 ringgit. Para pemerhati politik berpendapat tuntutan tersebut tidaklah wajar kerana jumlah yang dituntut, bagi menanggung segala kerugian mereka, dapatlah dianggap agak kecil. Mereka sepatutnya meminta bayaran tidak kurang dari \$250 ribu hanya dengan jumlah yang sedemikian dapatlah dianggap agak setimpal dengan kejayaan mereka menguburkan sebuah institusi perjuangan bangsa, apatah lagi nilai Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, yang diistiharkan tidak sah oleh Mahkamah tentulah melebihi harga \$250 ribu.

Malah para pemerhati politik juga menganggap mereka bukan sahaja wajar menuntut sekurang-kurangnya \$250 ribu bagi memenuhi segala maksud dan segala cabaran penderitaan yang mereka tanggung. Kesemua mereka sepatutnya dikurniakan bintang-bintang gagah berani yang jauh lebih tinggi, daripada yang pernah dianugerahkan kepada pahlawan-pahlawan terbilang negara. Disebabkan kejayaan mereka dan keberanian merupakan suatu pencapaian yang tidak ada tolok bandingnya di dekad ini.

Kewujudan UMNO selama lebih 40 tahun tidak pernah dapat digugat oleh parti pembangkang, atau sesiapa juga yang berhasrat untuk menghancurkan serta melenyapkannya. Sebaliknya kejayaan penyokong-penyokong Razaleigh itu ternyatalah terlalu luar biasa untuk diketepikan sumbangan mereka. Bagaimanapun sejauhmana pendapat sinis pemerhati politik tersebut boleh ditimbang, tidak dapat dipastikan. Dari apa yang berlaku selain dari usaha mengheret UMNO ke mahkamah kegiatan mengumpul penyokong-penyokong Razaleigh diteruskan, di mana perjumpaan demi perjumpaan diadakan dan isu-isu dibangkitkan, untuk memastikan kumpulan mereka terus muncul di dalam arena politik negara, melalui pengejalan perpecahan yang berlaku semasa pertandingan.

Sekali lagi masalah penyingkiran beberapa orang tokoh kumpulan mereka dari kabinet dijadikan isu besar. Razaleigh sendiri terus-menerus menyoal mengapa anggota-anggota kabinet dari kumpulannya yang menang menjadi anggota Majlis Tertinggi disingkirkan. Suatu pertandingan tetapi ia adalah takdir Ilahi sendiri.

Disebabkan tidak semua yang mereka hadapi hanya diakibatkan dari keputusan para perwakilan ataupun dari tindakan-tindakan balas kepimpinan Mahathir, sebaliknya jauh lebih dari itu. Ianya merupakan suatu neraca takdir yang telah ditetapkan. Tindakan-tindakan mereka bukan sahaja sekadar menunjukkan pertentangan yang berterusan terhadap Mahathir tetapi kegagalan untuk menerima takdir yang berlaku.

Penerimaan takdir pada mereka mungkin sekiranya populariti, pangkat, kedudukan mereka tidak terhakis. Daripada itu ianya tidak dianggap sebagai penentuan takdir sebaliknya satu perlakuan tindakan politik oleh musuh-musuh politik mereka. Kebolehan setiap manusia ada hadnya atau sinar bintang seseorang manusia mempunyai waktu-waktu tertentu, untuk menyinar dan menjadi malap, namun mereka tidak dapat menerima hakikat tersebut. Mungkin takdir juga telah menyatakan sinaran bintang Musa Hitam hanya dapat bersinar di peringkat jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO sahaja. Ianya tidak mungkin menyinar lebih daripada itu.

Oleh itu keinginan untuk terus-menerus merebut keadaan tersebut seolah-olah secara tidak langsung membuat sesuatu yang di luar had dan batas kemampuan sendiri. Demikian juga apabila Ghafar Baba terhakis daripada arus kekuasaan UMNO selama lebih 10 tahun, tetapi kerana sinar bintangnya kembali cerah, maka beliau kini muncul sebagai salah seorang pemimpin utama negara.

Semua ini merupakan putaran takdir yang tidak dapat ditentukan oleh sesiapa, oleh itu sebarang usaha yang berterusan untuk mencabar keadilan dan keputusan, hampir sama sebagai satu usaha yang menolak keputusan takdir. Kebanyakan mereka-mereka yang bertindak demikian, cukup memahami turun naiknya politik dan cerah gelapnya bintang, serta pasang surutnya air adalah sesuatu yang lumrah di dalam kehidupan.

Mengapa agaknya, tiba-tiba terjadi perasaan yang enggan menerima seluruh hakikat ini, adalah sesuatu yang malang bagi sejarah perjuangan UMNO. Apabila sekumpulan ahli UMNO dengan dibantu oleh beberapa orang penyokong kuat Razaleigh terutama Marina Yusuff, membawa kes ke mahkamah bagi membatalkan keputusan persidangan perwakilan UMNO pada

24 April 1987 dan menuntut supaya diadakan pemilihan semula, Razaleigh hanya berdiam diri. Walaupun Musa dan beberapa penyokong peribadinya mengkritik dan menolak langkah tersebut di peringkat awal.

Tindakan dan penglibatan Razaleigh sendiri di dalam hal ini menimbulkan tanda tanya, adalah mudah untuk menelah bahawa Razaleigh sendiri merestui secara diam-diam akan tindakan tersebut. Walaupun beliau menafikan sebarang penglibatan di peringkat awal. Sebaliknya sebagai seorang pemimpin yang terlibat, jika benar beliau tidak merestui langkah sekumpulan penyokong-penyokongnya mengheret UMNO ke mahkamah dengan mencabar keputusan 24 April. Tentulah beliau boleh memujuk mereka agar menghentikan sahaja niat tersebut.

Kalau dikatakan mereka degil dan tidak mengendahkan nasihat Razaleigh, ternyatalah bahawa Razaleigh tidak mampu untuk mempengaruhi pengikut-pengikutnya sendiri. Demikian bererti kepimpinan beliau tidak dapat memberi kepastian tentang kemampuan beliau untuk menguasai tindak-tanduk penyokong-penyokongnya. Apatah lagi jika beliau berjaya di dalam pertandingan tersebut.

Sudah tentulah riak laku penyokong-penyokongnya akan lebih berleluasa dan apakah Razaleigh tidak mampu membendungnya kelak? Jika kumpulan kecil yang berusaha untuk meruntuhkan institusi perjuangan bangsa sendiri tidak dapat dikawal oleh Razaleigh, bagaimanakah kiranya Razaleigh mencapai kemenangan dan berlaku perebutan tempat serta kedudukan UMNO dan kabinet di kalangan penyokong-penyokongnya.

Kalau benar Razaleigh tidak merestui tindakan penyokong-penyokongnya itu, siapakah yang lebih berkuasa di belakang kumpulan Razaleigh, yang boleh menguasai atau membatalkan sebarang saranan atau arahan serta keputusan Razaleigh, atau mungkin Razaleigh sendiri melihat ada beberapa kebaikan dan keburukan daripada tindakan penyokong-penyokongnya untuk mengheret UMNO ke mahkamah.

Dengan itu beliau lebih bersedia untuk menjadi pemerhati dari turut terlibat sama ada menegah ataupun menyokong tindakan tersebut. Jika demikian, bererti Razaleigh sendiri mengirakan beberapa kepentingan yang boleh didapati daripada tindakan tersebut. Untuk mengatakan yang beliau

tidak mengetahui dan tidak dapat mengawal ahli-ahli atau penyokong-penyokongnya adalah tidak logik sama sekali. Walaupun tindakan-tindakan yang dilakukan oleh penyokong-penyokong beliau selepas keputusan 24 April memanglah tidak banyak dapat dilandaskan kepada logik. Sebaliknya merupakan sesulan emosi daripada kekecewaan yang dicituskan oleh tindakan Mahathir untuk menyingkirkan mereka daripada kedudukan dan jawatan mereka sebelum ini.

Sepanjang yang bersangkutan kes UMNO, diseret ke Mahkamah sebenarnya di tiap-tiap kali Perhimpunan Agung UMNO diadakan. Ada sahaja wakil yang tidak sah, ini adalah kerana UMNO mempunyai lebih dari satu juta ahli dalam 8 ribu cawangan. Dalam jangkamasa dua bulan, semua 8 ribu cawangan ini mesti mengadakan mesyuarat untuk memilih wakil ke mesyuarat bahagian. Setiausaha Agung tidak dapat mengawasi semua mesyuarat cawangan atau bahagian, sudah tentu Setiausaha Agung tidak dapat memastikan sama ada tiap-tiap seorang yang hadir dalam mesyuarat cawangan terdiri dari ahli UMNO yang sah atau tidak.

Iaitu apakah ahli tersebut, mempunyai keahlian UMNO dan sudahkah ia membayar yuran bagi tahun berkenaan di cawangan berkenaan, sudahkah ia berhenti dari menjadi ahli cawangan lain sebelum ia mendaftar menjadi ahli cawangan yang ia hadir, dan lain-lain sebab lagi. Demikian juga dengan urusan dan perjalanan mesyuarat cawangan dan bahagian. Apakah semua berjalan mengikut peraturan mesyuarat yang ditetapkan oleh UMNO. Siapakah yang akan menjamin semua aturan dipatuhi supaya mesyuarat berkenaan benar-benar sah.

Apa yang boleh dibuat dan dipraktikkan oleh UMNO ialah menerima sahaja apa yang dinyatakan oleh cawangan dan bahagian, jika ada mana-mana pihak mendakwa ada berlakunya penyelewengan, maka perkara itu harus diselesaikan di peringkat yang lebih tinggi. Jika hal itu tidak dapat diselesaikan di satu peringkat, maka rujukan perlu dibuat kepada pihak yang lebih tinggi, sehinggalah ke peringkat Majlis Tertinggi.

Mengikut Perlembagaan UMNO, keputusan Majlis Tertinggi adalah muktamad. Soal 30 cawangan yang tidak sah juga, adalah sesuatu yang telah diputuskan oleh Majlis Tertinggi. Setiap ahli UMNO yang menerima Perlembagaan UMNO sepatutnya menerima keputusan Majlis Tertinggi dalam hal ini

sebagai sesuatu yang muktamad. Kecualilah orang-orang yang tidak dapat menerima keputusan bersama Majlis Tertinggi sebagai sesuatu yang muktamad. Bererti mereka tidak menerima peruntukan-peruntukan yang telah ditetapkan di dalam Perlembagaan UMNO. Jika mereka tidak menerima perlembagaan UMNO dan keputusan Majlis Tertinggi, mereka sepatutnya tidak berada di dalam UMNO. Majlis Tertinggi tidak pernah memutuskan soal cawangan tidak sah, boleh diheret kembali selepas mana-mana calon kalah di dalam pertandingan pada bulan April 1987.

Dari sudut Perlembagaan UMNO sendiri menunjukkan tindakan-tindakan yang dilakukan, sememangnya menolak keputusan-keputusan dan peruntukan-peruntukan yang telah termaktub di dalam perlembagaan itu. Oleh itu apa juga alasan yang dikemukakan kemudiannya terutama sekali selepas keputusan 24 April, termasuklah dengan mengheret kes tersebut ke mahkamah, merupakan alasan yang dilandaskan kepada kepentingan-kepentingan tertentu. Bukan sekali-kali kerana perjuangan prinsip atau sebagainya. Lebih sejuta ahli UMNO memutuskan untuk patuh kepada keputusan Majlis Tertinggi sebelum pertandingan 1987 dan selepas pertandingan tersebut.

Tidak ada mandat dari mana-mana ahli UMNO untuk membenarkan perkara tersebut diheret kemahkamah, kecuailah ada persefahaman yang dilakukan di belakang tabir. Bagaimanapun kemampuan kumpulan yang mengheret UMNO ke mahkamah, dalam memutar-belitkan suasana tidak boleh diperkecilkan. Bila mahkamah mengistiharkan keputusan UMNO sebagai pertubuhan yang tidak sah, mereka segera menuding jari pada pucuk pimpinan parti, mereka menuduh peguam UMNO yang menyebabkannya. Walaupun keputusan sebenar mahkamah hanya terletak kepada hakim yang membicarakan kes.

Sebelum ini mereka cuba memperbodohkan para perwakilan UMNO 1987 dengan mengenyepikan satu keputusan demokratik yang dibuat dalam satu pertandingan melalui satu kempen yang hebat. Mereka menghalakan kesalahan kepada Mahathir, kerana tidak menghidupkan UMNO dengan menggunakan seksyen 70 Akta Pertubuhan membuat retrospective keputusan mahkamah. Soal mereka yang mengheret kes tersebut kemahkamah dan tidak mahu menerima dan berdepan dengan keputusan hakim tidak diambilkira. Mereka mahu kepimpinan

UMNO mengikut cara tari yang didendangkan oleh mereka, di sinilah kejahatan dalam membuat perhitungan.

Raja Aziz Addruse dikatakan terkejut bila seksyen 12 (3) Akta Pertubuhan disebut beliau sendiri tidak menyangka ada peruntukan demikian. Nyatalah mereka masuk gelanggang bukan sahaja tanpa persediaan, tetapi takut dikalahkan. Mereka menolak semua keputusan sama ada yang dibuat oleh pucuk pimpinan atau para perwakilan ataupun mahkamah, kecuali keputusan mereka sendiri.

Razaleigh juga turut menunding jari kepada Mahathir agar menggunakan budi bicara Perdana Menteri dalam Seksyen 70, Akta Pertubuhan. Apa yang dapat dilihat ialah tindak-tanduk politik Razaleigh selepas pemilihan 1987, adalah mengikut rentak tari kumpulan yang mengheret UMNO ke mahkamah. Apa juga hasil dari tindakan tersebut hanya sejarah akan menentukan. Sejarah politik UMNO akan tetap berterusan. UMNO akan terus hidup tanpa Musa, tanpa Razaleigh ataupun Mahathir.

Perjalanan politik Razaleigh kini berada di persimpangan. Biar apa pun yang akan berlaku Razaleigh telah memperjudikan masa depan politik beliau. Sebelum kita menunggu keputusan sejarah menentukan perjalanan politik bangsa Melayu seterusnya, kita akan dapati bahawa politik Razaleigh adalah ditentukan oleh tindakan bersama beliau dengan Kumpulan II. Harga sebenar hasil tindakan kumpulan ini ialah, politik Razaleigh Hamzah, tidak lebih dari itu.



## Pasir Salak

Pasir Salak di pinggir sungai  
Ikan di air kebulur haus  
Menang sorak kampung tergadai  
Hutang sejarah minta ditebus  
Merah darah merah amarah  
Kental di hulu kental di hilir  
Awal bermula dalam sejarah  
Sambungan dipinta di zaman Muthakhir

Awal mula khabar angkara  
Kuda sekandang tendang-menendang  
Satu kapal dua nakhoda  
Sengketa tiba pedoman hilang  
Dagang datang berlagak mahir  
Lurus telunjuk berkait kelingking  
Tebu ditanam di tepi bibir  
Jerat ditahan di tempat genting.

Jerat janji di Pulau Pangkor  
Sengketa bersambung di Negeri Perak  
Disangka dagang berhati jujur  
Rupanya helah hendak merompak  
Bongkak Inggeris bongkak keparat  
Melanggar pantang melanggar adat  
Lancang mencabul punca martabat  
Menggugat maruah menggugat daulat

Dendam kesumat dendam perkasa  
Tindakan bongkak rawana Inggeris  
Tanda tak bacul pahlawan bangsa  
Menebus martabat di hujung keris  
Putih mata putihlah tulang  
Putih tulang menebus malu  
Maharaja Lela nama terbilang  
Melintang patah membujur lalu

Pendatang haram pendatang bongkak  
Kerisku haus pada darahnya  
Marah dan dendam tertahan tidak  
Jimmy Birch, di mana dia, di mana dia?  
Langkah pendekar langkah berani  
Langkah pahlawan tak kenal gentar  
Rawana Inggeris hendak dicari  
Hendak dipenggal hendak dikelar

Pendekar gagah pendekar berani  
Jabur serta Tok Sagor  
Gagah pendekar tak takut mati  
Walau selangkah berpantang mundur  
Kulub Ali dan Pandak Endut  
Bersama seputung serta setua  
Pantang sekali merasa takut  
Pendekar dipimpin Maharaja Lela

Maharaja Lela, Maharaja Lela  
Jika memancung tiada bertanya  
Kobarkan semangat biar menyala  
Tuntutlah malu tuntutan bela  
Pendekar bangsa pendekar perkasa  
Kibarkan panji hুলurkan keris  
Semangat berkobar membela nusa  
Musnahkan segera rawana Inggeris

Ikan di air, ikan di air  
Segeralah berenang ke hulu sungai  
Darah si kafir akan mengalir  
Badannya akan menjadi bangkai  
Pandak Endut bertempik gempita  
Pendekar mara tak kenal mundur  
Melayang gagah lembing pusaka  
Jimmy Birch maut darah tersembur.

## FASA KEDUA

Dari Destini Politik kepada Dasar-Dasar yang telah dibawa oleh Mahathir, yang telah kita bincangkan sebelum ini, meliputi beberapa aspek krisis dalam era kepemimpinan beliau, di samping sudut pemikiran bagi mengenali pola-pola pemerintahan beliau dan beberapa komitmen serta politik yang wujud sepanjang beliau mengambilalih kepemimpinan negara sejak tujuh tahun yang lalu.

Destini Politik akan terus menjadi teras kepada kepemimpinan Mahathir di hari-hari yang akan datang. Bezanya ialah tujuh tahun yang lalu, seluruh perjalanan yang diharapkan kepada satu destini, telah gagal memenuhi beberapa matlamat kerana terdapatnya cabaran-cabaran dan rintangan yang tidak dapat dielakkan oleh beliau.

Oleh itu bagi membolehkan seluruh harapan, cita-cita dan apa juga impian pelaksanaan yang ingin beliau lakukan bagi memenuhi cita-cita kepemimpinan beliau terhadap bangsa, negara dan agama, Mahathir memerlukan Fasa Kedua kepemimpinan beliau. Dari apa yang dapat dilihat, adalah sukar untuk sesiapa pun meramalkan sejauhmana Mahathir ingin terus kekal di tampuk kekuasaan yang ada pada hari ini. Bagaimanapun beliau tidak mungkin melepaskan jawatan dalam satu tempoh masa yang terdekat.

Bagi mereka-mereka yang mempunyai cita-cita politik yang segera sahaja, tidak mahu melihat Mahathir kukuh dan terus mempertahankan kedudukan dan kekuasaannya pada hari ini. Sebaliknya jika kita ingin melihat satu perspektif kepemimpinan beliau dengan lebih jelas lagi, akan didapati bahawa seluruh

tindakan kepimpinan beliau di hari-hari yang akan datang akan dilandaskan kepada insiden-insiden politik, cabaran-cabaran atau apa juga rintangan yang telah beliau lalui selama lebih tujuh tahun memimpin negara.

Dari satu putaran roda kehidupan, kita akan dapat mengerti selama tujuh tahun kepimpinan, beliau telah melihat hampir keseluruhan bentuk tindakan dan cabaran serta tentangan yang perlu dihadapi oleh seorang pemimpin di Malaysia. Mahathir bukan sahaja melihat pertentangan di antara beliau dengan kehakiman ataupun pertentangan di antara beliau dengan Institusi Raja dalam waktu krisis perlembagaan tetapi juga beliau melihat bagaimana terdapatnya tentangan-tentangan dari rakan-rakan yang rapat dengan beliau, menjelma menjadi musuh-musuh politik yang cukup nekad untuk menjatuhkan kedudukan beliau pada hari ini.

Di bidang pentadbiran beliau melihat bagaimana birokrasi merupakan suatu penghalang kepada gerak langkah yang ingin beliau ambil bagi memesatkan perjalanan pentadbiran itu sendiri. Masalah perpaduan sosial menyebabkan beliau mengenakan beberapa tindakan tegas terhadap mereka-mereka yang sengaja mahu mencetuskan api perkauman di dalam masyarakat. Ekonomi telah mengajar beliau untuk menjadi lebih berhati-hati bukan sahaja dengan beberapa projek yang gagal tetapi kemelesetan ekonomi dunia yang di luar kawalan dan perancangan sesiapa juga, khususnya negara-negara membangun seperti Malaysia. Di samping konflik sesama sendiri di dalam parti-parti di dalam Barisan Nasional sehinggalah terjadinya pergeseran yang hebat di dalam parti UMNO yang beliau sendiri pimpin.

Semua ini merupakan suatu putaran kehidupan yang hampir-hampir menjadi suatu putaran yang penuh atau sempurna bagi beliau jadikan sebagai teladan dan sempadan, dalam meneruskan pelaksanaan cita-cita politik beliau di hari-hari yang akan datang. Oleh itu Fasa Kedua kepimpinan Mahathir akan dapat kita lihat beberapa ciri penting yang akan terus menerawang untuk mewujudkan satu fenomena baru dalam pentadbiran masyarakat negara ini.

Bentuk kehadiran yang tidak dapat ditolak berasaskan kepada pengalaman-pengalaman pahit yang telah beliau lalui sepanjang tujuh tahun yang lalu, dalam usaha untuk membangun satu bangsa ke arah yang lebih dinamik, dalam

usaha untuk membawa negara ke era perindustrian dan mewujudkan satu masyarakat yang lebih berpadu serta peningkatan pembangunan di luar bandar dan sebagainya.

Berdasarkan hasrat dan cita-cita yang sama melalui pengalaman-pengalaman yang dapat dilihat dengan jelas, sudah pastilah keazaman beliau dalam mengukuhkan pendekatan-pendekatan beliau di hari-hari yang akan datang sama ada bagi memantapkan kestabilan politik atau memesatkan pembangunan ekonomi ataupun bagi merancang satu destini negara yang lebih baik, ianya merupakan pendekatan-pendekatan yang agak berbeza tindak perlaksanaannya dari masa-masa yang lalu.

Jika di awal pemerintahan beliau dahulu, beliau melihat sikap liberal merupakan suatu cara pendekatan bagi membangun dan mengenal masyarakat Malaysia, ternyata kemudiannya liberalisma yang ingin beliau pancarkan dalam memenuhi cita-cita kepimpinan beliau telah mewujudkan fenomena lain dari yang diharapkan. Hasilnya liberalisme beliau telah diambil mudah dan diberi interpretasi yang sewenang-wenangnya, diikuti dengan tindakan-tindakan yang di luar had yang beliau maksudkan. Dalam lain kata, liberalisma yang ingin beliau praktikkan telah diambil kesempatan oleh musuh-musuh beliau atau oportunis-opportunis masyarakat yang mahu menonjolkan kepentingan-kepentingan mereka, dengan sengaja meragui dan mengaburi hasrat liberalisme yang ingin dibawa oleh Mahathir sendiri.

Hasilnya ialah penggunaan demokrasi yang liberal sehingga mengeneipkan nilai-nilai tradisi. Begitu juga dengan kecaman-kecaman serta bentuk propaganda yang berterusan dalam mengkritik perjalanan pentadbiran beliau di bawah naungan liberalisme yang beliau sendiri tekankan, telah mengganggu hampir seluruh aspek perjalanan pentadbiran yang beliau harapkan.

Oleh itu Fasa Kedua akan melihat lebih banyak ketegasan-ketegasan tindakan di berbagai bidang ataupun setidaknya pembahagian penjelasan-penjelasan yang nyata tanpa ada kesamaran di dalam membuat tindakan dan interpretasi terhadap sesuatu. Peranan kehakiman umpamanya, seperti yang ingin beliau jelaskan, agar adanya bidang-bidang tertentu yang sepatutnya lebih dikuasai oleh eksekutif, maka harus diberi kepada eksekutif.

Bentuk ketegasan dan penekanan yang jelas serta mungkin

akan dianggap sebagai suatu paksaan, akan menjadi suatu fenomena yang ketara di dalam Fasa Kedua kepemimpinan beliau. Liberalisme di peringkat awal kepemimpinan akan diganti dengan ketegasan pelaksanaan. Ini bukan sahaja sesuatu yang penting tetapi juga merupakan suatu daya untuk mengembalikan keadaan kepada satu landasan yang lebih jelas dan kukuh.

Kesilapan Mahathir di dalam era kepemimpinan beliau yang lalu ialah merasakan perlunya beliau menjadi seorang pemimpin popular yang liberal, tanpa melihat bahawa liberalisme hanya membawa kepada sikap negatif jika tidak dibendung. Sedangkan untuk menggerakkan satu masyarakat ke arah daya tahan dan semangat pembangunan, memerlukan bukan sahaja satu seruan, pernyataan dan penghayatan yang berterusan tetapi juga tindakan dan ketegasan yang berterusan. Jika tidak, bangsa dan masyarakat yang lalai dan lemah tidak akan bangun untuk menyahut cabaran-cabaran kepemimpinan yang menyeru ke arah pembangunan dan cabaran kehidupan.

Oleh itu bagi mengatasi masalah kelekaan menyambut seruan dan harapan kepemimpinan beliau itu, Mahathir akan melihat bahawa ketegasan pelaksanaan tanpa banyak dolak-dalih dan politiking merupakan sesuatu yang cukup perlu bagi membangunkan masyarakat Malaysia. Pengajaran dari masa-masa yang lalu boleh diambil sebagai satu landasan untuk kita melihat bagaimana tanpa ketegasan yang bersungguh-sungguh, tidak banyak kejayaan dapat diperolehi.

Kebangkitan bangsa Korea umpamanya, tidak dibuat di atas dasar yang liberal. Sebaliknya dalam corak pemerintahan yang autokratik. Apatah lagi bila pendekatan cara ketenteraan dilakukan yang penuh dengan disiplin. Jika tidak, agak sukar untuk bangsa Korea bangun menebus maruah dan kecapaian sepertimana yang ada pada hari ini.

Demokrasi dan liberalisme tanpa penjelasan yang tepat akan hanya membawa kepada bentuk polemik atau perlakuan yang tidak jelas. Oleh itu pendekatan Mahathir di dalam Fasa Kedua kepemimpinan beliau ke arah membangunkan masyarakat, akan dapat kita lihat ketegasan-ketegasan dalam menyatakan peranan individu dan tanggungjawab mereka yang perlu diselarikan dengan hasrat kepemimpinan beliau.

Musuh-musuh politik beliau yang keluar dari UMNO, tetap berdiri di atas slogan 'Perjuangan Untuk Bangsa dan Negara' di satu tapak perjuangan parti yang berlainan. Walaupun gagak

pekikan mereka begitu lantang dan kuat, namun nyatalah untuk menghadapi mereka di luar, dari musuh dalam selimut atau api di dalam sekam, jauh lebih mudah daripada mereka berada di dalam UMNO di bawah pimpinan beliau sendiri.

Bagaimanapun ketiadaan musuh-musuh politik yang telah mengasingkan diri dan mengistihar prinsip perjuangan yang berbeza dengan beliau tanpa tolak-ansur lagi, bukanlah bererti bahawa kemelut politik di dalam parti yang beliau pimpin akan berakhir. Barisan tokoh muda yang berada di dalam parti akan tetap menunjukkan keghairahan untuk menonjolkan diri bagi mendapat perhatian beliau dan ahli-ahli terbanyak untuk membolehkan mereka suatu hari nanti, menjadi calon utama parti.

Di dalam keghairahan tokoh-tokoh muda ini menonjolkan kepimpinan, Mahathir akan dapati banyak tindakan-tindakan mereka kelak akan bercanggah dari hasrat dan tujuan-tujuan akhir cita-cita kepimpinan beliau, kerana untuk menang, mereka-mereka ini akan lebih banyak berkompromi dengan dasar-dasar ketegasan Mahathir bagi memenuhi hasrat perjuangan politik mereka semata-mata.

Jika perpisahan yang nyata antara musuh-musuh politik beliau yang lalu dapat memberi pengajaran dalam mengukur kesetiaan mereka kepada tradisi parti, maka persoalan yang sama akan tetap menyelubungi tokoh-tokoh muda yang ghairah untuk menonjolkan diri di bawah beliau pada hari ini. Kesetiaan mereka akan dapat dilihat apabila mereka juga terlucut dari jawatan dan kedudukan mereka.

Jika dilihat dari tindakan musuh-musuh politik beliau yang ketara pada hari ini, ternyatalah perjuangan sebenar kerana hilang kedudukan dan jawatan, bukannya soal kepentingan bangsa dan negara. Lebih daripada itu, perjuangan mereka yang sebenar ialah untuk mendapat kuasa mutlak kekuasaan itu sendiri.

Tidak ada perbezaan antara tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh musuh-musuh politik beliau pada hari ini. Jika Mahathir dituduh tidak lagi menjadi pemimpin yang demokratik atau telah membentuk sebuah parti yang jauh berbeza daripada ciri-ciri perjuangan UMNO yang diasaskan lebih 40 tahun dahulu. Maka tindak-tanduk musuh-musuh politik beliau ternyatalah jauh lebih berbeza daripada praktik yang dilakukan oleh ahli-ahli UMNO dalam sejarah penubuhan

parti itu sendiri.

Mereka ini bukan sahaja menunjukkan ketidaksediaan mereka untuk mematuhi keputusan majoriti dan berkompromi dengan pucuk pimpinan parti tetapi secara terang telah membuat pembelotan kepada asas-asas perjuangan parti yang mengutamakan tradisi permaufakatan dan tabah dalam menunggu giliran, setidak-tidaknya mengikut aliran tahun-tahun pemilihan kepimpinan dari masa ke semasa, tanpa menerjah kepentingan peribadi di luar dari yang telah ditetapkan oleh peraturan perlembagaan.

Jika kepimpinan Mahathir dapat dilihat cuba seberapa daya untuk membendung UMNO daripada menghadapi kemusnahan dengan tindak-tanduk beberapa orang penyokong penentang-penentang beliau, maka pemimpin-pemimpin yang mendabik dada, bekas pejuang-pejuang di dalam UMNO yang kini berada di luar, adalah merupakan pencetus kepada seluruh fenomena pembelotan yang berlaku di dalam politik negara pada hari ini, khususnya yang dilandaskan kepada tradisi-tradisi perjuangan UMNO sendiri.

Seluruh riak kebangkitan, gempita keriuhan, kekuatan dan pekikan serta laungan dan penonjolan tuduhan yang dilakukan oleh mereka sehinggalah yang terpancar dengan penglibatan di dalam pilihanraya-pilihanraya kecil, hanyalah merupakan satu tektik dan tipu-helah untuk mereka kembali di bawah payung kepimpinan Mahathir, supaya apabila terlihat seolah-olah kekuatan mereka itu merupakan suatu realiti maka Mahathir akan meminta supaya diadakan satu kompromi. Di sinilah nanti bentuk tawar-menawar yang diharapkan oleh mereka melalui segala protes dan pekikan serta tuduhan yang mereka lakukan sekarang ini, dijadikan modal untuk meminta kembali apa yang hilang daripada mereka.

Jika di awal perjuangan mereka adalah untuk meminta supaya Mahathir meletak jawatan sebagai pemimpin, tetapi akhirnya mereka akan berharap dan bergembira setidak-tidaknya jika seluruh pergeseran dan persengketaan yang mereka cetuskan itu dapat menghasilkan sesuatu bentuk kedudukan dan ganjaran pada diri mereka sendiri.

Inilah niat dan riak perlakuan mereka yang sebenar kerana di hati kecil, mereka menyedari betapa sukar untuk berjuang di luar dari satu kesatuan umat Melayu yang besar kecuali mereka hanya mahu sanggup atau hanya berpuas hati untuk ber-



maustatin bertindak sebagai anakis politik sepanjang perjuangan mereka. Sebaliknya, melihat kepada keindahan yang dibawa oleh kekuasaan yang telah mereka kecapi dahulu, tidak mungkin mereka hanya dalam politik kuasa di Kelantan atau Johor sahaja, sebagai suatu strategi jangka panjang, menunggu kerelaan Mahathir untuk mengundur diri.

Mereka sendiri yakin, proses menunggu akan mengambil masa yang agak lama. Dengan itu tidak mungkin mereka mampu untuk menahan populariti mereka dan lebih daripada itu ialah mereka sebenarnya akan kekeringan isu-isu perjuangan yang sebenar. Di samping kelunturan karisma mereka sendiri sebagai pemimpin yang kini mula terhakis.

Dalam banyak hal, musuh-musuh politik Mahathir baik yang berada di dalam parti atau di luar parti pada hari ini, mengakui hakikat di sudut hati mereka, bahawa adalah sukar untuk mencari seorang peribadi yang kukuh bagi menggantikan kepimpinan Mahathir pada waktu ini. Setidak-tidaknya selain dari diri mereka sendiri, mereka merasakan tidak ada pengganti yang dapat mencengkam suasana politik yang ada pada hari ini bagi mengekalkan kestabilan sosial dan ekonomi negara.

Lebih-lebih lagi jika dilihat kepada ketokohan Razaleigh dan Musa yang menanti masa untuk berdepan antara satu sama lain, bila peluang tersedia di hadapan mereka. Mereka bukan sahaja merupakan musuh politik tradisi tetapi juga tidak mungkin memberi laluan secara mutlak jika peluang yang sama terserempak di hadapan mereka.

Ikatan pertandingan '87 merupakan satu hipokrasi yang ternyata pada pandangan sesiapa sahaja yang dapat menilai hati budi mereka. Sebarang rentak strategi dan tindakan yang sama pada ketika ini hanyalah sekadar untuk menghala kepada musuh politik mereka yang memimpin negara di waktu ini. Sebaliknya apabila tiba waktu, bila mereka melihat riak atau ruang kepimpinan terserlah di hadapan, masalah utama yang perlu mereka lakukan terlebih dahulu sebelum mengambilalih ialah untuk membunuh antara satu sama lain.

Bukanlah terlalu sukar untuk melihat putar-belit politik terakhir yang akan dimainkan oleh kedua tokoh ini, walaupun pada zahirnya mereka memperlihatkan, ada ciri-ciri kecenderungan kerjasama dan kemungkinan kemampuan untuk bekerjasama pada suatu hari kelak. Sebenarnya kenyataan pada kerjasama ikhlas yang diharapkan dari kedua-

dua musuh politik Mahathir ini adalah satu impian belaka.

Jika di hari-hari awal kepimpinan beliau, rakyat Malaysia dapat melihat pelukan mesra antara Mahathir dan Musa, maka sebarang pelukan mesra antara Razaleigh dan Musa pada hari ini adalah juga sebenarnya pelukan maut. Meskipun mereka mengakui bahawa ketegangan, pergeseran yang ada pada hari ini, hanya akan menelurkan perpecahan dan kekecewaan di kalangan bangsa, tetapi ini semua tidak mencemaskan dalam usaha mereka memanjat strategi politik masing-masing.

Kepentingan cita-cita dan impian kekuasaan terlalu mendesak dan menerjah ke dalam diri mereka sehinggakan segala fenomena yang boleh memberi keindahan kepada penyatuan semula atau satu bentuk penyatuan yang lebih besar umat Melayu melalui UMNO hanya menjadi faktor sampingan sahaja.

Oleh itu apabila dua musuh politik Mahathir sendiri tidak dapat bersatu seikhlas hati, maka tiap-tiap seorang di antara mereka tidak mungkin akan dapat mengumpul, riak gelombang yang cukup kuat, untuk menghempas pantai perjalanan politik Mahathir, di hari-hari yang akan datang. Di samping peristiwa yang lalu harus dijadikan pengajaran, dalam memberi keyakinan pada masa hadapan, bahawa ikatan kedua musuh politik Mahathir, tidak mungkin dapat disandarkan dengan sebarang harapan.

Mahathir patut diberi sedikit pujian kerana sejak perpisahan yang tidak dapat dielakkan, beliau telah menerima dan mengamalkan ketabahan dalam terus menyatakan bukan sahaja pendapat-pendapat, malahan tindakan-tindakan beliau yang kadangkala kontroversial. Sudah pastilah beliau sendiri menyakini bahawa sejarah akan memberi keadilan sebenar kepada hasil kepimpinan beliau.

Jika beliau seorang yang gentar dalam menghadapi cabaran, sudah pastilah nada ucapan beliau dan perhubungan beliau dengan rakyat akan dibuat tidak secara terang-terang melalui SEMARAK. Sebaliknya keyakinan beliau sebagai seorang pemimpin terhadap polisi-polisi sederhana yang sedang beliau jalankan, meskipun terus diperdebatkan di segenap peringkat masyarakat, merupakan satu keperluan untuk beliau pastikan seluruh harapan dan matlamat yang menyertai cita-cita beliau itu tercapai.

Lebih tujuh tahun perjalanan politik beliau yang lalu, cukup

untuk memberikan pengalaman dengan keyakinan untuk hari-hari yang akan datang bagi beliau memperbaiki kesilapan dan memperbaiki kerosakan, akibat dari reaksi yang berlebihan pada tindakan beliau, ke arah menstabil dan mengukuhkan, bukan sahaja masa depan politik beliau tetapi untuk bangsa Melayu dan masyarakat Malaysia seterusnya.

Mahathir tidak mungkin akan memberi jalan kepada musuh-musuh politik beliau, malah tidak ada sebab juga untuk beliau menjadi kecewa, selagi perasaan beliau jelas terhadap apa yang ingin dilakukan tanpa merasa terhutang pada sesiapa, khususnya musuh-musuh politik beliau sendiri yang terus mengancam.

Fasa Kedua kepimpinan beliau, harus melihat penegasan dalam bentuk tidak menerima sebarang ugutan dan kritikan melulu yang bertujuan untuk mempersenda kepimpinan beliau dan rakan-rakan, sebaliknya akan sedia menyerang balas sebarang hujah yang tidak berpijak pada realiti politik dan sosial negara ini. Tanpa keazaman dan penegasan yang berterusan di dalam mempertahankan pelaksanaan-peraksanaan beliau di hari-hari yang akan datang, akan hanya menimbulkan kekeliruan sepertimana yang terjadi sepanjang tujuh tahun yang lalu.

Oleh itu, selain dari strategi yang dibendung dan diolah ke arah yang diharapkan, Mahathir bersama rakan-rakan setia di dalam kabinet beliau harus mampu memberi pendedahan yang jelas kepada majoriti rakyat yang memang bersedia menerima dan menyambut saranan dan perintah beliau bagi memudahkan mereka bertindak dan melaksanakannya.

Adalah sukar di hari-hari yang akan datang untuk melihat ada sebahagian rakyat yang tidak merasa dirinya terlibat di dalam polisi-polisi Mahathir, bukan sahaja sebagai individu tetapi sebagai kumpulan ke arah membawa perubahan yang perlu dan senada dengan gelombang perubahan yang ditiup oleh Mahathir di peringkat tertinggi kekuasaan.

Dalam banyak hal, kita juga dapat mengatakan dalam menghadapi rintangan dan cabaran kepimpinan beliau yang kontroversial, yang telah mengheretkan suasana sosial politik dan ekonomi negara kepada satu fenomena yang jauh berubah dari sebelumnya, Mahathir masih lagi bernasib baik kerana terus berjaya dan muncul sebagai seorang pemimpin yang seolah-olah tidak terguris atau luka dari amokan yang dihalakan

pada beliau.

Beberapa bentuk penekanan baru harus diberikan, bagi mewujudkan keyakinan terhadap barisan kepimpinan beliau, yang merangkumi bukan sahaja menteri-menteri kabinet tetapi juga ahli-ahli parlimen dan Dewan Negeri serta setiap mereka yang dilantik untuk dilantik untuk memegang jawatan-jawatan penting. Ketegasan dalam menggariskan soal moral sebagai salah satu nilai pemilihan kepimpinan oleh Mahathir adalah penting untuk memastikan pemimpin-pemimpin yang mahu menolong beliau dan calon-calon rakyat yang ingin memberi khidmat bukan sahaja didasarkan kepada populariti tetapi juga mempunyai budi dan nilai moral yang tinggi.

Berbanding dengan apa yang berlaku sepanjang kepimpinan beliau yang lalu, di mana pencalonan diambil mudah dalam melantik seseorang untuk menjadi calon di peringkat bawah sehinggalah di dalam barisan kabinet sendiri. Tanpa penekanan kepada nilai-nilai moral yang tinggi sehingga mencetuskan suatu momokan bila melihat penglibatan individu-individu yang diberi tanggungjawab dengan berbagai bentuk skandal yang tidak memberi lambang keharmonian pada slogan kepimpinan Bersih, Cekap dan Amanah.

Penerapan nilai-nilai Islam bukan sahaja dalam bentuk mentadbir, harus juga mencakup keperibadian pentadbir-pentadbir di bawah beliau, tetapi Islam mestilah dijadikan sebagai salah satu pengukur atau kriteria dalam memilih mereka menjadi calon-calon yang bakal menolong merealisasikan seluruh cita-cita negara beliau.

Keberkesanan penerapan nilai-nilai Islam dalam melanjutkan polisi-polisi beliau di hari-hari yang akan datang, akan lebih dirasakan, jika Mahathir mampu tampil ke hadapan untuk memberi suatu penglibatan yang lebih jelas tentang ciri-ciri keislaman yang ingin disemaikan di dalam masyarakat pimpinan beliau.

Slogan Bersih, Cekap dan Amanah sahaja, meskipun merupakan satu slogan umum, harus sentiasa dikaitkan dan ditekankan sebagai panduan yang memang diambil dari fitrah dan falsafah kepimpinan Islam, supaya tidak ada kekaburan antara penerapan nilai-nilai Islam dengan kononnya apa yang bercorak univeraslisma. Sebagai seorang pemimpin Islam, beliau tidak harus merasa ragu-ragu di dalam Fasa Kedua untuk menyatakan ada tindakan-tindakan yang beliau ambil,

sebenarnya bersumberkan kepada peraturan-peraturan kekuatan Islam.

Dengan ini sahaja suatu imej baru, di samping penghayatan yang lebih murni dapat dirasai dan dilakukan tanpa merasa adanya dolak-dalih dalam mengemukakan sesuatu nilai Islam, di sebalik hanya menyatakan bahawa sesuatu kebaikan itu memang diredhai oleh Islam. Bagaimanapun bukanlah bererti penekanan kepada label merupakan sesuatu yang mutlak tetapi tanpa memberi gambaran yang jelas, acuan dari manakah datangnya sesuatu bentuk polisi, dasar saranan dan harapan itu, boleh mewujudkan kekeliruan.

Apatah lagi sebagai seorang pemimpin Islam dengan mengakui hakikat keuniversalan agama Islam itu sendiri yang mampu merangkumi seluruh kehidupan, beliau tidak harus merasa ragu-ragu untuk berdiri sebagai seorang patriot bangsa, sebagai seorang pemimpin negara dan juga sebagai seorang pemimpin Islam.

Fasa Kedua harus memberi penekanan kepada bentuk sumbangan yang lebih berkesan oleh rakan-rakan kabinet beliau. Setiap anggota kabinet harus digalakkan untuk memberi sumbangan-sumbangan positif yang sejajar dengan idea-idea yang ingin beliau pancarkan dalam tema kepimpinannya. Mereka harus digalakkan untuk tidak mencari populariti semata-mata berdasarkan isu-isu yang tidak banyak berpijak di bumi nyata dan tidak banyak membenihkan tindakan-tindakan positif.

Ahli-ahli kabinet seharusnya menjadi pemimpin-pemimpin yang mampu mencetuskan perubahan setelah menghayati falsafah kepimpinan beliau. Bukan sahaja sekadar untuk menjadi peniup slogan yang lebih berkumandang pada apa yang dicakapkan oleh beliau. Beberapa kelemahan yang ketara dapat dilihat dalam tindakan-tindakan beberapa tokoh kabinet beliau yang lalu yang ada di antaranya masih kekal pada hari ini. Keghairahan untuk memenuhi cita-cita politik utama mereka daripada bersedia dan berkerjasama untuk memenuhi cita-cita pelaksanaan polisi-polisi beliau.

Ini perlu diperhati dan diamati oleh kepimpinan di dalam Fasa Kedua agar mereka-mereka yang berada di dalam kabinet yang seharusnya menjadi tunjang kekuatan kepimpinan beliau, tidak menjadi penceroboh yang berselindung melalui pekikan-pekikan slogan kepimpinan beliau sahaja tanpa sebarang

sumbangan yang positif.

Demikian juga dengan barisan kepimpinan negeri yang hanya mampu melahirkan SEMARAK yang baik tetapi tidak mempunyai nilai-nilai pembangunan yang positif harus diawasi jikapun tidak disingkir segera. Ada kepimpinan peringkat negeri yang akan terus menyatakan sokongan kepada setiap ucapan beliau walaupun belum sempat memahami maksud sebenar yang dikatakan oleh beliau.

Jenis kepimpinan peringkat negeri yang seperti ini harus ditukar apabila terdapat kesempatan khususnya di dalam pilihanraya yang akan datang. Kecapaian pemimpin-pemimpin di peringkat negeri tidak harus diukur semata-mata kemampuan mereka mengumpul berapa ramai orang di setiap perhimpunan SEMARAK. Sebaliknya kepada penekanan yang lebih dalam mewujudkan pembangunan masyarakat di luar bandar di negeri masing-masing di samping faktor-faktor ekonomi, politik dan lain-lain.

Kemampuan mengurangkan pembaziran dan kegagalan projek-projek di samping kejayaan menarik pelaburan serta mengekalkan jumlah pendapatan pembendaharaan negeri yang baik, harus dijadikan sebagai ukuran pengekaln atau sebarang kenaikan pangkat. Bukan disandarkan kepada kekuatan politik yang jauh lebih mudah daripada kejayaan untuk membawa kemakmuran pada negeri yang mereka perintah.

Oleh itu, jika ada menteri-menteri kabinet dan menteri-menteri besar yang banyak berlagak dari bertindak dan lebih bersifat mengampu daripada bekerja, harus dikenalpasti bagi membolehkan penerapan dasar-dasar kepimpinan beliau dari peringkat atas ke bawah menjadi satu kenyataan. Tanpa sokongan dan dokongan yang bersungguh dari rakan-rakan kabinet dan barisan kepimpinan di peringkat negeri yang bertanggungjawab dan memahami hasrat kepimpinan beliau Fasa Kedua akan menemui kegagalan.

Faktor moral, ketegasan, kemampuan merealisasikan idea-idea beliau, kurang berpolitik, merupakan ciri-ciri kepimpinan yang patut ada pada menteri-menteri kabinet dan menteri-menteri besar di bawah beliau. Jika tidak, penghormatan yang ingin diberikan kepada segala usaha-usaha beliau akan tergugat. Hasil dari cetusan kekeliruan oleh barisan kepimpinan di bawah beliau yang tidak berjaya melahirkan bentuk

keyakinan diri sebagai pemimpin dan penyambung wadah perjuangan beliau.

Penglibatan barisan kabinet dan pimpinan negeri yang berlebihan di dalam mereka satu 'grand design' politik untuk kepentingan politik jangka panjang mereka, harus disekat ke peringkat yang paling minima, bagi membolehkan satu zaman peraksanaan Fasa Kedua berjalan dengan jayanya. Malah lebih penting, jika beliau sendiri tanpa disedari oleh mereka-mereka yang terlibat, dapat berusaha untuk membentuk satu barisan pengganti yang lebih tersusun untuk mengambilalih pucuk pimpinan negara di masa yang akan datang, khususnya parti UMNO sendiri. Disebabkan pengalaman kepimpinan yang lalu sejak zaman Tunku Abdul Rahman sehinggalah beliau mengambilalih kepimpinan negara dapat dijadikan bukti, bagaimana ruang-ruang pengambilalih kepimpinan itu telah disediakan terlebih dahulu bagi mengelakkan sebarang pergeseran dan perebutan yang akhirnya akan merugikan perjalanan politik bangsa dan negara.

Ini bukanlah bererti kita menolak satu pemilihan yang demokratik dan juga mengharapkan suatu bentuk penonjolan pengganti yang di luar dari memenuhi aspirasi rakyat. Sebaliknya harus ada kesediaan untuk mengelakkan daripada berulangnya peristiwa-peristiwa tragis dalam pemilihan kepimpinan UMNO di masa-masa yang akan datang.

Fasa Kedua kepimpinan Mahathir harus juga menampilkan barisan kepimpinan yang akan terus memberi satu bentuk kesinambongan yang diharapkan oleh setiap orang Melayu dan rakyat negara ini. Tidak dapat dinafikan di dalam mana-mana situasi dan masa juga, akan wujud persaingan-persaingan kepada setiap pemimpin-pemimpin barisan kedua, dalam usaha mereka untuk mengambilalih kepimpinan negara dan dalam usaha untuk menonjolkan keperibadian mereka bagi diterima oleh masyarakat dan penyokong-penyokong mereka. Adalah diharapkan keghairahan dan kecenderungan ke arah tersebut, tidak mengaburi matlamat-matlamat yang jelas dan lebih mulia, dalam perjuangan bagi memenuhi tuntutan agama, bangsa dan negara.

Apa yang telah berlaku di dalam kepimpinan Mahathir yang lalu ialah satu pergelutan yang tidak dapat menilai matlamat dan keutamaan sebenar, di dalam usaha mengejar cita-cita mereka. Hasilnya ialah perpecahan dan kerugian pada seluruh

masyarakat bangsa.

Kita tidak mengatakan dalam Fasa Kedua adalah menjadi tugas Mahathir untuk menunjukkan bakal pemimpin yang akan datang, tetapi adalah menjadi tanggungjawab beliau untuk membendung supaya pergeseran dan perpecahan yang hampir-hampir menggugat keutuhan perpaduan bangsa Melayu seperti yang telah berlaku dari berulang. Hanya dengan itu sahaja ketahanan UMNO yang ada akan dapat dipertahankan untuk menjadi satu wadah dan institusi bangsa yang berterusan di atas bumi merdeka ini.

Sabotaj, cabaran dan rintangan bukan sahaja akan didapati di kalangan ahli-ahli parti beliau atau musuh-musuh politik beliau dari luar tetapi juga di antara anggota-anggota Barisan Nasional sendiri. Suatu bentuk pengawasan dan mungkin juga penyusunan semula harus dibuat agar pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, di samping merasa yang mereka adalah yang mempunyai kuasa mutlak terhadap parti-parti di bawah pimpinan mereka, tidak melakukan tindakan-tindakan dan perlakuan-perlakuan, yang bukan sahaja menggugat kestabilan politik Barisan Nasional tetapi mencerminkan imej kepimpinan Barisan Nasional yang tidak bertanggungjawab.

Terdapat juga perlakuan-perlakuan di kalangan pemimpin-pemimpin tertinggi Barisan Nasional yang juga bertujuan untuk mengangkat-angkat atau membuat sesuatu yang menjadi restu pucuk pimpinan Barisan tanpa memperhitungkan hasil atau sumbangan sebenar kepada masyarakat dan negara. Lebih jijik lagi bila kita lihat terdapatnya pemimpin-pemimpin tertinggi Barisan Nasional, yang membuat tindakan-tindakan di dalam parti, bukan sahaja mencerminkan kerakusan keperibadian tetapi juga melambangkan betapa adanya satu bentuk parasit kepimpinan di kalangan komponen-komponen parti Barisan Nasional.

Pemimpin-pemimpin ini mungkin merasakan ada satu kekuatan dalam perhubungan mereka dengan Mahathir, lalu bertindak sewenangnyanya mencetuskan krisis-krisis di dalam parti mereka, yang mewujudkan suasana tidak tenteram, walaupun ianya merupakan rumahtangga mereka sendiri tetapi mereka tidak seharusnya lupa bahawa seluruh masa, tenaga dan perbelanjaan yang sepatutnya mereka curahkan kepada jawatan mereka sebagai Menteri Kabinet atau sebagai pemimpin di peringkat negeri, tidak dibazirkan melalui usaha menyelesaikan



krisis-krisis di dalam parti yang sengaja mereka wujudkan.

Tindakan mereka yang semata-mata mahu menunjukkan mereka sahaja yang berkuasa tidak menolong seluruh pemerintahan Barisan Nasional. Sebaliknya, mencemarkan imej kepimpinan Mahathir sebagai gagal membendung krisis-krisis yang terjadi.

Mahathir perlu menegaskan bahawa politik yang berlarutan dan kegagalan membendung krisis demi krisis di dalam parti-parti komponen adalah sebenarnya suatu kegagalan Barisan Nasional. Meskipun tolak-ansur merupakan antara jalan yang terbaik dalam mengekalkan kestabilan politik, tetapi penyingkiran juga merupakan satu keperluan bagi menunjukkan ketegasan maksud sesuatu perjuangan untuk menghasilkan kejayaan.

Jawatan-jawatan dan kedudukan-kedudukan tinggi lainnya di dalam kerajaan khususnya yang bersifat politik, tidak seharusnya ditawarkan semata-mata kerana kepentingan politik tetapi keutamaan harus diberikan kepada kemampuan untuk mereka-mereka yang diberikan tanggungjawab itu melaksanakan tanggungjawab yang sebenarnya.

Tindakan-tindakan yang dibuat berdasarkan perhitungan politik semata-mata termasuklah dalam pengagihan jawatan dan kedudukan, tidak banyak membuahkan sebarang sumbangan yang positif kepada masyarakat. Sebaliknya akan mewujudkan cemuhan dan rasa gelisah dalam apa juga tindakan Mahathir seterusnya di dalam Fasa Kedua. Seperkara yang sentiasa perlu diperhitungkan ialah pemikiran masyarakat yang beliau pimpin pada hari ini adalah berbeza dari sepuluh atau dua puluh tahun yang lalu.

Perbezaan ini bukan sahaja bererti kematangan dalam membuat penilaian tetapi juga mungkin kesediaan untuk menjadikan setiap insiden politik atau dasar-dasar beliau sebagai suatu eksperimen tidaklah dapat ditolak sama sekali. Walaupun ketahanan dan kesetiaan ahli-ahli UMNO pada keseluruhannya masih tebal tetapi sebarang tindakan yang gagal dalam membendung kelemahan-kelemahan, yang merangkumi setiap aspek dasar-dasar beliau akan menyebabkan berlakunya satu bentuk eksperimen di dalam menghakimi kepimpinan beliau dalam pilihanraya kelak.

Jika berlaku penolakan bukan sangat kerana kesediaan mereka untuk menerima perubahan tetapi liberalisma

pemikiran yang menganggap eksperimen itu merupakan ciri-ciri kematangan sesebuah masyarakat. Di sinilah letaknya kepentingan dan keberkesanan kepimpinan Mahathir dalam membendung pola-pola pemikiran yang demikian daripada berterusan dan seterusnya mencetuskan satu suasana yang hanya disebabkan keinginan untuk bereksperimen semata-mata.

Hal-hal seperti ini tidak akan dapat dielakkan jika tidak ada ketegasan dalam mempamerkan keputusan-keputusan dalam setiap pelaksanaan dasar-dasar beliau. Oleh itu nyatalah penggembelangan semua pihak yang terlibat ke arah merealisasikan cita-cita beliau itu harus dibuat secara menyeluruh dari seluruh peringkat masyarakat, jika tidak ianya tidak akan memenuhi harapan beliau dalam masa yang sentiasa terhad.

Pembangunan dan perubahan masyarakat, baik ke arah mana yang dituju sekalipun, tidak akan berjaya dicetuskan hanya oleh kemahuan seseorang pemimpin semata-mata tetapi ianya mestilah digerak dan digempur penyertaannya oleh seluruh atau sebahagian besar masyarakat itu sendiri. Inilah yang perlu dilakukan oleh Mahathir dalam menggerakkan masyarakat Malaysia ke era dekad-dekad yang akan datang.

Jika kegagalan beliau di dalam tempoh kepimpinan yang lalu kerana adanya sabotaj, politiking, kemelesetan dan unsur-unsur yang seumpamanya, maka Fasa Kedua kepimpinan beliau harus dapat menerjah lalu seluruh cabaran-cabaran tersebut. Berdasarkan kepada program-program yang perlaksanaannya benar-benar terancang.

Apabila dasar-dasar tersebut diumumkan atau sesuatu slogan kepimpinan dikumandangkan, ianya mestilah dihayati dari atas ke bawah atau dari bawah ke atas tanpa ada sebarang kekosongan di mana-mana bahagian juga. Jika tidak sesuatu slogan kepimpinan yang dilaungkan itu tidak akan dapat dijayakan. Belajar dari beberapa kelemahan dalam penerapan nilai-nilai Islam, slogan Bersih, Cekap dan Amanah serta Kepimpinan Melalui Teladan, penekanan yang lebih bersungguh dan rapi perlu dibuat di dalam setiap dasar-dasar dan apa juga bentuk slogan kepimpinan yang ingin beliau lakukan di dalam Fasa Kedua.

Telah dinyatakan di atas tadi, apa yang diperlukan oleh masyarakat Malaysia setelah 30 tahun merdeka bukanlah

liberalisma yang mempunyai interpretasi yang berbeza, sebaliknya ketegasan yang berterusan dalam pelaksanaan. Jika tidak, cita-cita dan harapan Mahathir hanya akan menjadi satu ungkapan dan mimpi indah semata-mata.

Sebagai sebuah masyarakat yang baru menikmati demokrasi dalam tempoh 30 tahun, sudah tentulah terdapat kekurangan-kekurangan di samping pengalaman-pengalaman yang boleh dipelajari. Lebih daripada itu, bentuk masyarakat demikian lebih memerlukan suatu bentuk kepimpinan yang jelas dalam menghalakan matlamat pergerakan dan pembangunan masyarakat itu seterusnya.

Jika di dalam ucapan-ucapan beliau, Mahathir sering menegaskan bagaimana kemewahan demokrasi telah disalahgunakan. Di mana matlamat perjuangan Dasar Ekonomi Baru yang belum tercapai tetapi keghairahan untuk menjadi juara demokrat secara berlebihan telah mengaburkan matlamat-matlamat sebenar pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Begitu juga kerana ingin menjadi juara demokrasi maka pemilihan parti digunakan sebagai tempat untuk mempraktikkan kebebasan tanpa sebarang perhitungan kepada akibat-akibat yang akan terjadi. Maka adalah menjadi tanggungjawab Mahathir di dalam Fasa Kedua kepimpinan beliau untuk memastikan bahawa ruang-ruang demokrasi bukan sahaja akan terus hidup tetapi lebih terdefinisi.

Jika hasil dari kempen-kempen dan pemilihan jawatan yang berlaku dalam tahun 1987, buat pertama kali telah gagal untuk mencantumkan kembali perpaduan parti, maka sebarang bentuk cabaran pemilihan, di masa-masa yang akan datang haruslah mampu menguji ketabahan ahli-ahli. Jika tidak sudah pastilah perpecahan yang akan berlaku bukan sahaja akan berulang tetapi mungkin tidak dapat diselamatkan lagi. Tidak mungkin akan ada kapal Nabi Noh yang kedua kepada UMNO dan bangsa Melayu di hari-hari yang akan datang.

Destini politik Mahathir kini menjangkau Fasa Kedua. Mahathir akan menang bukan kerana beliau menunjukkan kepada Malaysia dan rakyatnya, siapa beliau atau seorang Mahathir yang baru tetapi Mahathir yang sebenar. Jika beliau mengimbas kembali wajahnya di dalam cermin, Mahathir pasti akan merasa kejelasan pada gelora perasaan terhadap dasar-dasar dan cita-cita kepimpinan beliau. Meskipun terdapat parut-parut yang dicemarkan, namun hati dan jiwa beliau

adalah jelas dalam menerima setiap cabaran kerana matlamat beliau yang sebenar adalah sesuatu yang lebih penting dari sekadar tunduk kepada penentangan-penentangan yang dihalakan kepada beliau. Malah, Mahathir telah melintasi destini politik beliau dari 'Malay Dilemma' sehinggalah menuju ke Fasa Kedua.

Malaysia bersama Mahathir hanya akan menjadi sebuah negara yang berjaya jika seluruh rakyatnya menolak statisko yang ada, sebagai tukaran kepada perubahan pembangunan yang cemerlang meskipun apa juga cabarannya. Bagaimanapun sebelum kita semua meniti jalan Fasa Kedua Mahathir, setiap rakyat di negara ini berhak bertanya, berapa jumlah tol perjalanan yang perlu dibayar?

# INDEX

## A

Abdul Rahman Awang - 29  
Abdullah Ahmad Badawi - 310  
Afghanistan - 86  
Afrika Selatan - 80, 82, 84, 85  
agresif - 40, 209  
Ajid Ahmad - 108, 111  
Akta Kebebasan Maklumat - 152  
Akta Keselamatan Dalam  
Negeri - 219, 250  
Akta Cetak - 249  
Akta Petroleum - 250  
Akta Rahsia Resmi - 151  
Aliran - 64, 246, 249  
Al-Kadir Jasin - 82  
Al-Quran - 191  
Alor Setar - 24, 27, 30  
Altaf Gauhar - 85, 82, 87  
Amerika Latin - 140  
Amerika Utara - 140  
Amerika Syarikat - 80, 81,  
82, 86, 135, 150  
analisis - 200  
Angkatan Nelayan Laut  
Dalam - 209  
Antartika - 42, 72  
Apartheid - 72  
Arab - 80, 81, 82  
Ariffin Marzuki - 29  
Asean Wall Street Journal - 220  
Asia Barat - 82  
Asia Tenggara - 77, 82, 93, 140  
Atheis - 197  
Australia - 136, 137  
Austria - 138

## B

Bank Bumiputera - 250  
Bank Dunia - 306

Bank Islam - 189, 190  
Barat - 191  
Barisan Nasional - 40, 152, 254  
bidasan - 150  
Britain - 71, 135  
British - 28, 45, 46, 47, 48  
broker - 60  
Brunei - 136, 219  
Bursa Logam London - 60, 61  
Business Times - 16, 69  
buy British last - 81, 86, 90, 92

## C

cabang - 236  
Cheah Kam Chiew - 250  
Che Det - 25, 28  
China - 94, 95, 132  
Chun Do Kwan - 48  
Conan Doyle - 28  
cukai - 241  
cynical - 16

## D

Dadah Narkotik - 141  
DAP - 61, 93, 250  
Daim Zainuddin - 303  
Darwin - 192  
Dasar Ekonomi Baru - 83, 201,  
205, 206, 226, 227  
Dasar Industri Berat - 66  
Dasar Pandang ke Timur - 10, 11,  
115  
(Datuk) Ajaib Singh - 261  
(Datuk) Harun Idris - 37, 38, 39,  
40  
Deng Tian Peng - 94  
delegasi - 42  
demokrasi - 7, 240

demokratik - 147, 148  
deregulation - 156  
Dewan Rakyat - 248  
dieksploitasi - 39

## E

eksekutif - 238, 239, 262  
eksperimen - 146  
eksploitasi - 194  
era - 1, 24, 144  
Eropah - 46, 47, 137  
esei - 236  
etika - 149  
etnik - 202  
equiti - 228

## F

fanatik - 192, 193  
Far Eastern Economic Review -  
219  
fenomena - 29, 208  
feudal - 6  
Filipina - 79, 81, 95  
fitrah - 11  
fizikal - 10, 193  
Flexibility - 90  
freedom of the press - 155  
fungsi - 236  
Fort Knox - 225

## G

Gerakan Bersama Rakyat - 20  
gejala - 8  
Ghafar Baba - 228  
Ghazali Shafie - 287

## H

Hati Budi - 65  
Harere - 83  
Harun Hashim - 235

HICOM - 65, 67, 69  
Hong Kong - 220, 249, 250,  
253  
Hussein Onn - 1, 95, 286

## I

ICDAIT - 138  
identiti - 196  
ideologi - 85, 96  
Indonesia - 77  
Institut Ekonomi Islam - 189,  
190  
Institut Teknologi MARA - 39  
interpretasi - 134  
interim injunction - 241  
Intra - Asia - 76  
Iraq - 80, 83, 84  
Islamic Fundamentalism - 145  
Israel - 80, 82, 83  
Istana Negara - 259

## J

Jelutong - 250  
Jerman Barat - 86, 149  
Jepun - 43, 44, 49, 67, 220  
Jitra - 26  
Johor - 298  
Jose de Venecia - 79  
justifikasi - 61

## K

Kampuchea - 77, 81, 86  
karisma - 142  
Karpal Singh - 250, 251  
kaum Bukit - 140  
Kedah - 200  
Kelantan - 236, 298  
Kesatuan Ibu Bapa - 33  
Ketua Hakim Negara - 236  
Kolej Perubatan Singapura - 25

Kolonial - 96  
Komanwel - 81  
konfrantasi - 85  
konsisten - 146  
konservatif - 6  
kontemporari - 41  
kontroversial - 126, 133, 136  
ko-ordinasi - 133, 138  
Korea - 206  
Kota Setar Selatan - 33  
Kuala Lumpur - 31  
Kuantan - 233  
Kumpulan 11 - 19, 250, 252,  
254, 255, 256  
Kumpulan Simpanan Wang  
Pekerja - 61  
kritis - 148

## L

legislation - 241  
Lembaga Kawalan Narkotik  
Antarabangsa - 141  
Liberalisme - 144, 250  
Lim Kit Siang - 241, 237  
Limbang - 219  
Lufthansa - 145  
London Tin - 59  
London Mental Exchange - 60

## M

Maha Klinik - 30  
Mahkamah Agung - 240, 241,  
242  
Mahkamah Tinggi - 240, 241,  
242  
Majalah Darul Aman - 28  
Maktab Rendah Sains MARA -  
26  
Maktab Sultan Abdul Hamid -  
27, 28  
Makuwasa - 61

Maminco - 59  
Malayan Union - 159  
mandat - 41  
Mandotari - 135  
manifesto - 149  
Manila - 77  
manipulasi - 83  
Mao Tze Tong - 95  
Marina Yussuf - 317  
Margaret Thatcher - 87  
Masjid Al-Aqsa - 80  
Mauritius - 136  
Menteri Pembangunan  
Infrastruktur - 29  
missi-missi - 40  
mitsubishi - 67, 68

## N

Nazi - 82, 83  
negatif - 203  
nelayan - 209  
Nelson Mandella - 75  
New Straits Time - 209  
Nor Alang Kassim - 29  
New Zealand - 137

## O

objektif - 202  
operasi - 149  
optimis - 95  
organisasi - 207, 208  
otomatis - 6  
otot - 202

## P

Palestine - 72, 80  
Param Cumaraswamy - 235  
Parti Komunis Malaya - 88  
PAS - 41, 246  
Patriotisma - 161  
PBB - 81

Peh Swee Chin - 250  
Peking - 94, 95, 96  
PEMADAM - 132, 138  
Perancis - 135, 145, 146  
Perang Candu - 132  
Permodalan Nasional Berhad -  
91  
Persatuan Perkhidmatan Tadbir  
dan Diplomati - 207  
Pertubuhan Buruh  
Antarabangsa - 141  
Pertubuhan Kesihatan Sedunia -  
141  
Pertubuhan Kebudayaan  
Saintifik - 141  
Perlis - 30  
persepsi - 72  
petronas - 72  
Pondok Maharizan - 32  
pragmatik - 81, 84  
praktikal - 82  
Pretoria - 38  
Profesor Mokhtar Kesumatmaja  
- 77  
Proton Saga - 66, 200  
Putera Coperation - 90  
Puteri Coperation - 90  
Pulau Langkawi - 30  
Pulau Pinang - 250

## Q

qoata - 26

## R

Rais Yatim - 309  
Raja Aziz Addruse - 261, 321  
Raja Azlan Shah - 246, 321  
Rang Undang-undang Dadah  
Merbahaya - 135  
Razaleigh Hamzah - 98, 251, 253,  
255, 286

Rejim Pretoria - 84  
relevan - 199  
representasi - 260  
retrospective - 250  
revolusional - 155  
rotan - 199  
royalti - 79  
Russia - 84

## S

Sabah - 78, 82  
Sanusi Junid - 248  
Sarawak - 29  
Senjata Nuklear - 77, 88  
Sekretariat Islam Sedunia - 89  
Seminar Hal Ehwal  
Antarabangsa - 42  
Sekolah Melayu Seberang Perak  
- 24  
Sekolah English Kerajaan - 24  
senerio - 155  
Showpiece - 57  
Sherlock Holmes - 28  
Sinaran laser - 142  
Singapura - 27, 95  
Siramik - 199  
simple majoriti - 258  
Sistem Perdagangan Islam - 189,  
190  
Siti Hasmah - 25, 26  
Soviet Union - 83  
Sri Lanka - 136  
(Sultan) Sulu - 78, 79  
(Sultan) Jamalul Kiram - 79  
Sunday Time - 28  
susurgalur - 233  
Suruhanjaya Kerjasama  
Selatan-Selatan - 83  
Syarikat Takaful - 189  
SEBERKAS - 27  
strategi - 207



**T**

Tabung Bangsa-Bangsa Bersatu  
- 141

(Tan) Seri Talib - 259

Tanjung Malim - 62

Tariq - 41

Terengganu - 300

teknikaliti - 257

Tokyo - 87

teori Darwin - 192

Thailand - 136

The Malay Dilemma - 222

(Tunku) Abdul Rahman - 34, 36,  
89, 98

(Tun) Muhammad Saffian

Hassim - 247

(Tun) Razak - 38, 39, 84, 88,  
94, 286

(Tun) Salleh - 233, 259

(Tun) Dr. Ismail - 288

**U**

UEM - 242, 248

UMNO - 254, 255

Unido - 69

United Engineer Malaysia - 62,  
63, 241, 243

United Ested Projek - 59

Universiti Islam Antarabangsa -  
189

Universiti Hamburg - 41

Universiti Kebangsaan - 29

Universiti Merdeka - 37

United Malayan Banking  
Corporation - 220

**V**

versatility - 19

Vienna - 135, 138, 139, 140

Vietnam - 78

Vision - 7, 11, 41, 59

**W**

Warganegara - 153

Wibawa - 154

Wong Soon Kai - 29

**X****Y**

Yahudi - 80, 82, 153

Yayasan Dunia Ketiga - 75

**Z**

Zionis - 81, 153, 155

ZOPFAN - 42

**S**ejak mengambilalih kepimpinan negara, Mahathir telah memperkenalkan beberapa pendekatan dan Dasar-Dasar Baru dalam usaha membawa rakyat menghayati tema kepimpinan beliau ke arah Malaysia Cemerlang. Beliau telah menempuh berbagai ranjau dan cabaran, kepimpinan beliau mendapat penerimaan yang pelbagai. Kemelesetan ekonomi, krisis perlembagaan dan politik, tuduhan dan cemuhan, sengketa di dalam parti, pertembungan dengan kehakiman dan cabaran-cabaran semasa. Semua ini merupakan insiden dan gelombang yang hampir menggugat destini politik kepimpinan beliau. Fasa Kedua adalah perjalanan politik beliau seterusnya. Seluruh peristiwa suka-duka, kejayaan dan kegagalan, jatuh bangun dalam tempoh kepimpinan politik beliau yang lalu akan menjadi landasan teladan ke arah Fasa Kedua.



**firma malaysia publishing**